PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 1 RABU 3HB. JANUARI, 1973. 1392 رابو 28 ذوالقعده PERCHUMA

TITAH D.Y.M.M. SEMPENA TAHUN BARU — 1973

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah bertitah kapada seluroh negara pada hari Isnin yang lalu sa-bagai mengalu2kan tahun baru 1973.

Titah Baginda itu telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada jam 7.30 pagi.

Untok mengikuti titah Duli Yang Maha Mulia itu, berikut ini di-siarkan dengan sapenoh-nya:

"Beta menguchapkan shukor ka-hadharat Allah Subhanahu-Wataala kerana dengan izin-Nya Negeri Brunei serta raayat dan pendudok di-dalam-nya telah menekmati keadaan suasana yang aman, tenteram dan makmor di-sepanjang tahun 1972 yang baharu saja tamat.

"Ada-lah menjadi kelazim-an kapada kita sambil menyambut dan mengalu2kan ke-tibaan tiap2 tahun baru itu supaya menoleh ka-belakang dan mengingati serta merenongkan peristiwa2 yang telah berlaku di-sepanjang tahun yang baharu saja tamat itu. Barang sa-tentu-nya peristiwa2 yang baik lagi bermunafaat akan menjadi kenangan manis kapada kita sambil peristiwa2 yang kurang baik akan di-renong dengan sa-dalam2-nya dan menjadi pengajaran kapada kita di-masa2 yang akan datang supaya berusaha lebeh berhati2 lagi pada menjauhkan kejadian2 yang kurang baik itu dari berulang lagi di-masa2 yang akan datang.

"Tahun 1972 telah merupakan tahun yang paling bersejarah bagi Negeri Brunei kursus-nya di-segi persahabatan kita dengan United Kingdom, oleh kerana kita di-Negeri Brunei ini telah berpeluang bersama2 menyambut dan mera'ikan keberangkatan Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II serta suami Baginda Duke Of Edinburgh dan puteri Baginda Princess Anne yang mana keberangkatan Baginda itu telah

(Lihat muka 8)



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2: Lima orang dapat Dato

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei kapada 36 orang raayat Baginda.

Pengurniaan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei itu ia-lah bagi Musim Pertama Tahun 1973.

Sinarai pengurniaan itu telah di-dahului oleh Dato Paduka Metali bin Othman yang telah di-kurniakan **Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Kedua — D.H.P.N.B.**

Pengiran Dato Paduka Haji Buntar bin Pengiran Md. Ja'afar dan Pengiran Momin bin Pengiran Mohd. Salleh masing2 di-kurniakan **Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Kedua — D.S.N.B.**

Dua orang di-kurniakan **Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J.** Mereka ia-lah Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Haji Abdul Momin bin Tarif dan D.S.P. B.M.G. Carvalho.

Inspktor Joseh Yong Yin Cheong dan Sgt. Suhaimi bin Damit masing2 di-kurniakan **Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B.**

Awang Haji Abdul Wahab bin Md. Said di-kurniakan **Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J.**

Lain2 yang telah di-kurniakan Bintang2 dan Pingat2 ada-lah saperti berikut:

Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B.

Awang Abdul Aziz bin Abdullah, Awang Wasul Falah bin Husin; Pengiran Damit bin Pengiran Ahmad Belaman, Pengiran Anak Mashor ibni Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Anak Haji Khamis, Inspektor Kanan Kevin Fung Kiat Fong dan Inspektor Ismail bin Haji Zainal.

(Lihat muka 4)

Ranchangan Kemajuan Negara utk. kepentingan seluroh lapisan raayat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menitahkan Kerajaan Baginda supaya menyusun satu Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu yang bertujuan untok membina satu masharakat yang kukoh serta bersatu-padu dan makmor untok kepentingan seluroh raayat dan pendudok negeri ini tanpa mengira rupa bangsa.

Hasrat Baginda ia-lah supaya Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu itu akan menitek beratkan usaha2 untok mengadakan berjenis2 mata pencharian bagi pemuda-pemudi lepasan sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya dan memperaneka-jeniskan kegiatan2 ekonomi negara terutama sekali di-bidang pertanian dan perindustrian.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bertitah demikian di-upachara pembukaan merasmikan Meshuarat Pertama (Belanjawan) dari Musim Permeshuaratan Kesepuloh Majlis Meshuarat Negeri yang telah di-adakan di-Dewan Majlis pada hari Rabu lepas.


Duli Yang Maha Mulia saterus-nya bertitah, pada menyusun Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu itu, Baginda juga telah menitahkan supaya Kerajaan Baginda mengambil langkah2 dan mengadakan usaha2 berkesan pada mensesuaikan dasar undang2 dan alat pentadbiran untok menchapai matalamat2 yang di-hajati supaya pada masa akan datang Ranchangan Kemajuan Negara akan berakar umbi sa-bagai satu unsor dainamik lagi berkesan di-dalam proses kemajuan negara.

Baginda yakin bahawa ahli2 Majlis Meshuarat Negeri dan semua lapisan raayat dan pendudok di-negeri ini akan menunaikan kewajipan mereka dengan memainkan peranan masing2 pada menjayakan Ranchangan Kemajuan itu kelak.

(Lihat muka 8)

Pindaan Perjanjian 1959 memberikan Brunei taraf bekerjaan sendiri dalam negeri

Dari Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darus Salam di-upachara Pembukaan Persidangan (Belanjawan) Majlis Meshuarat Negeri yang berlangsong di-Dewan Majlis pada 27hb. Disember, 1972.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei

SPEAKER dan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

Sejak Beta beruchap di-ketika yang serupa ini dahulu, kita telah bersama2 menyaksikan berjenis2 kemajuan di-berbagai2 lapangan di-Negeri Brunei Darus Salam yang di-chintai ini. Pada tahun yang lalu satu upachara telah di-adakan dalam mana Beta dan wakil Paduka Seri Baginda Queen telah menanda-tangani Pindaan kapada Perjanjian Tahun 1959 yang telah di-adakan di-antara Paduka Ayahanda Beta dengan Paduka Seri Baginda Queen. Atas permintaan Beta sendiri dan dengan persetujuan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen maka Pindaan yang telah di-tanda-tangani itu memberikan kapada Negeri Brunei taraf Bekerjaan Sendiri dalam negeri dengan sepenoh-nya. Di-segi pertahan dan keselamatan negeri, Kerajaan Beta dan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen bersama2 membeban tanggong-jawab pada mempertahankan Negeri Brunei Darus Salam dari segala apa jua anchaman. Pindaan kapada Perjanjian Tahun 1959 itu atas permintaan Beta juga dan dengan persetujuan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen, tidak mengubah kedudokan Negeri Brunei di-segi perhubongan luar negeri yang mana maseh lagi menjadi tanggong-jawab Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen. Beta dan Kerajaan Beta akan sentiasa berusaha pada memelihara dan memperkokohkan lagi tali persahabatan di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom berasaskan kerjasama yang ikhlas dan jujor dan perasaan saling faham-memfahami bagi kepentingan bersama.

Sa-bagaimana yang Beta nyatakan tadi hal-ehwal dalam Negeri Brunei ada-lah keselurohan-nya tanggong-jawab Kerajaan Beta dan Beta perchaya Ahli2 Majlis Meshuarat ini menyedari akan kewajipan2 yang mustahak kita hadapi bersama supaya kita akan dapat meneruskan lagi perkembangan dan kemajuan Negeri Brunei Darus Salam.

Awal tahun ini kita semua telah bertuah kerana bersama2 dapat mengalu2kan keberangkatan Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth bersama2 suami Baginda, Duke of Edinburgh dan Puteri Baginda, Princess Anne, yang mana keberangkatan Baginda ka-Negeri Brunei yang kechil ini ada-lah merupakan satu detik yang sunggoh bersejarah bagi Negeri Brunei yang mana tidak dapat kita lupakan dan akan menjadi ristaan di-zaman2 yang akan datang.

Sa-bagaimana Ahli2 mengetahui sejak Beta menaiki Takhta Kerajaan Negeri Brunei Darus Salam ini sememang-nya telah menjadi hasrat Beta untok mengikuti jejak langkah Paduka Ayahanda Beta untok memajukan dan memperkembangkan lagi Negeri Brunei dengan sedaya-upaya Kerajaan Beta sesuai dengan pendapatan hasil-mahsol negeri. Sa-bagaimana Ahli2 mengetahui beberapa projek dan ranchangan yang terbesar, sa-bagai mithalan, pembinaan Pelabohan Muara dan Lapangan Terbang Antarabangsa yang ada sekarang telah di-susun dan di-mulakan di-masa Paduka Ayahanda Beta mendudoki Takhta Kerajaan Negeri Brunei ini, dan dengan yang demikian Beta telah menitahkan Kerajaan Beta supaya menyusun satu ranchangan Kemajuan Negara yang baharu dengan bertujuan untok membina satu masharakat yang kokoh serta bersatu-padu dan ma'amor untok kepentingan seluroh ra'ayat dan pendudok Negeri Brunei tanpa mengira rupa bangsa. Hasrat Beta ia-lah supaya Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu itu akan menitik-beratkan usaha2 untok: pertama, mengadakan berjenis2 mata pencharian untok pemuda-pemudi lepasan sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya; dan kedua, memperaneka-jeniskan ya'ani membanyakkan kegiatan2 ekonomi negeri terutama sekali di-bidang pertanian dan perindasterian.

Pada menyusun Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu itu, Beta juga telah menitahkan supaya Kerajaan Beta mengambil langkah2 dan mengadakan usaha2 yang berkesan pada mensesuaikan dasar undang2 dan alat pentadbiran dengan tujuan untok menchapai matalamat2 yang di-hajati supaya di-masa yang akan datang Ranchangan Kemajuan Negara akan berakar-umbi sa-bagai satu unsor yang dainamik lagi berkesan di-dalam proses kemajuan negara. Oleh kerana Ranchangan Kemajuan Negara ada-lah pada asas-nya di-susun dan di-laksanakan untok kebajikan ra'ayat dan pendudok Negeri Brunei, maka Beta yakin bahawa Ahli2 dan semua lapisan ra'ayat dan pendudok di-negeri ini akan menunaikan kewajipan mereka dengan memainkan peranan masing2 pada menjayakan Ranchangan Kemajuan itu kelak. Untok menchapai matalamat kejayaan di-bidang Kemajuan Negara, Ahli2 tentu-nya menyedari betapa mustahak-nya keamanan dan keselamatan negeri di-kokohkan dan di-kawal dengan rapi untok memboleh-kan usaha2 yang bermunafa'at itu dapat di-laksanakan dalam keadaan tenteram dan terselamat. Dalam bidang keselamatan dan keamanan negeri, Insha' Allah, Kerajaan Beta tidak akan kendor2 pada berusaha untok kepentingan semua ra'ayat dan pendudok negeri ini yang chintakan keamanan dan ketenteraman.

Dalam Persidangan ini Ahli2 akan mempertimbangkan beberapa Rang Undang2 yang mana di-kehendaki untok menghadapi dan mengatasi berjenis2 keadaan akibah dari peraliran zaman. Di-dalam Rang Belanjawan bagi tahun hadapan yang akan di-bentangkan dalam Majlis ini, Ahli2 akan dapat memerhatikan bahawa sa-bagaimana keadaan-nya di-tahun2 yang sudah, Kerajaan Beta akan mengikuti dasar yang akan memberikan faedah dan kesenangan kapada semua ra'ayat dan pendudok di-negeri ini.

Pada mempertimbangkan apa jua yang di-bentangkan dalam Majlis ini, Beta perchaya Ahli2 akan menunaikan kewajipan masing2 dengan menyumbangkan fikiran2 dan pandangan2 serta tegoran2 yang membina dengan sa-chara ikhlas dan jujor semata2 untok kebajikan Negeri Brunei Darus Salam.

Pada mengakhiri uchapan Beta ini, Beta bershukor Kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kurnia-Nya jua Negeri Brunei Darus Salam telah meni'mati keadaan yang aman lagi tenteram hasil dari usaha2 pehak keselamatan ya'ani Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Polis Diraja Brunei dan Pasokan Bersenjata Paduka Seri Baginda Queen yang kesemua-nya telah bermufakat dan berganding-bahu pada mengawal keselamattan negeri, dan kapada mereka semua Beta dan Kerajaan Beta menguchapkan sa-tinggi2 penghargaan dan terima kaseh.

Kapada Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Laila Utama Gautrey, Beta juga menguchapkan terima kaseh atas kesudian Sahabat Beta itu hadzir di-Isti'adat Pembukaan Persidangan Majlis ini.

LAPORAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI

Hanya dengan suasana aman dan sentosa sahaja-lah raayat akan dapat menekmati kehidupan yang sempurna — Pmk M. B.



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda bahawa kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan terus menerus menjalankan usaha yang boleh menimbulkan dan menambah perkara2 yang berkebajikan sa-mata2 untok raayat dan pendudok Negeri Brunei yang terchinta ini dengan tidak melinggah2kan unsor2 keselamatan negara.

Berthabit dengan perkara itu-lah beberapa Rang Undang2 akan di-timbangkan dan di-luluskan dalam Majlis Meshuarat Negeri.

Bersabda ketika mengemukakan usol menyambahkan uchapan terima kaseh kapada kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kerana sudi berchemar-duli di-pembukaan rasmi Persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada hari Rabu lepas, Yang Amat Mulia itu bersabda:

"Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam menghidupkan semua undang2 itu ada-lah sa-mata2 bagi memberi beberapa bidang kuasa atau menghalusi lagi kuasa2 dan peratoran2 yang sedia ada demi untok melichinkan tugas jabatan2 kerajaan untok menjaga dan mengasoh serta mempertahankan hak2 kepentingan raayat dan pendudok negeri ini".

Yang Amat Mulia bersabda bahawa kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus menitek-beratkan usaha2 yang bersangkut-paut dengan hal ehwal pertahanan negara dan keselamatan raayat negeri ini.

Yang Amat Mulia menambah: "Hanya dengan suasana dan masharakat yang aman sentosa akan dapat membolehkan raayat dan pendudok negeri ini menekmati kehidupan dengan sa-penoh-nya".

Menyentoh tentang Ranchangan Kemajuan Negara yang baru sa-bagaimana yang telah di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa raayat dan pendudok negeri ini sangat2 beruntong kerana ranchangan kemajuan yang baru itu ada-lah ranchangan kemajuan yang mempunyai tujuan dainamik di-samping usaha2 bagi menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap bagi negeri ini.

"Ranchangan baru itu akan merupakan satu usaha bagi mengiatkan pergerakkan ekonomi perniagaan, perdagangan dan perindusterian yang mana akan di-jalankan oleh kerajaan di-jalin pula dengan aktiviti2 sosial ka-arah pembentokan belia2 yang berdisiplin yang sa-benar dengan mengadakan sistem kerajaan yang berchorak kebangsaan.

"Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang menumpukan tenaga dan fikiran menjunjong titah bagi kebajikan raayat dan pendudok yang ikut berlindong di-negeri ini.

Pemangku Menteri Besar bersabda, dengan titah baginda itu, raayat dan pendudok negeri ini akan menjalani penghidupan ke-emasan yang belum pernah di-alami dahulu.

"Faedah2 besar dan nikmat2 yang tinggi dan berkesan yang akan di-dapati oleh raayat yang tidak kendor2 menjalankan usaha2 mereka dengan lurus dan ikhlas serta penoh inisiatif dan bertanggong-jawab," sabda Yang Amat Mulia itu.

Mata-wang yang kukoh mustahak untok membangun ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Seri Utama Awang John Lee berkata bahawa beliau berpuas hati akan kedudokan kewangan Brunei pada masa ini dan tidak-lah mustahak mengemukan satu chukai pendapatan perseorangan untok menambah pendapatan negara.

Yang Berhormat Pehin Orang Khazanah Negara Laila Diraja berkata demikian ketika membentangkan usol Peruntokan Perbelanjaan Negara bagi tahun 1973 dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada minggu lalu.

Yang Berhormat itu berkata, kerajaan sedar mata wang yang stabil ada-lah mustahak untok membangun ekonomi yang tegoh dan mata wang Brunei yang di-edarkan berjumlah lebeh kurang $53,000,000.00 ada-lah di-sukong sampai 110% oleh simpanan luar.

Kata-nya, ekonomi Brunei bergantong kapada pengeluaran minyak, gas dan sistem chukai pendapatan ada-kah saperti yang terdapat dalam negeri yang mengeluarkan minyak di-Telok Persi.

Pegawai Kewangan Negara juga telah menyentoh berbagai2 projek pembangunan negara yang di-sifatkan beliau berjalan dengan baik.

Majlis Persidangan (Belanjawan) Majlis Meshuarat Negeri itu kemudian-nya meluluskan Peruntokan Perbelanjaan Negara yang berjumlah $227,656,678.00 untok perkhidmatan tahun 1973.

Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri angkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 19 dari 20 orang ahli Majlis Meshuarat Negeri telah mengangkat sumpah dalam satu upachara di-Dewan Majlis pada hari Rabu lepas.

Ahli2 Majlis Meshuarat itu telah mengangkat sumpah di-hadapan Yang Di-Pertua Dewan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah Muda Haji Mohammed Alam sa-jurus sa-belum pembukaan rasmi majlis itu yang telah di-lakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Mereka itu ada-lah terdiri dari lima orang ahli kerana jawatan, lima orang ahli rasmi dan 9 orang ahli yang di-lantek.

Ahli2 kerana jawatan ia-lah Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Matnoor McAfee; Peguam Negara, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Seri Utama Awang Idris Talog Davies, Pegawai Kewangan Negara, Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Seri Utama Awang John Lee, dan Penasehat Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Ahli2 rasmi ia-lah Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Hj. Mohammad Jamil Al-Sufri, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Y.B. Orang Kaya Pekerma Indera Awang Jili bin Ibrahim dan Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Md. Salleh bin Haji Masri.

Ahli2 yang di-lantek ia-lah Y.B. Awang Ariff bin Mujun, Y.B. Orang Kaya Pekerma Dewa Awg. Lukan bin Uking, Y.B. Awang Haji Abu Bakar bin Baha, Y.B. Dato Setia Mohammad Taib bin Haji Awang Besar, Y.B. Awang Haji Sapawi bin Metassim, Y.B. Pehin Bendahari China Kornia Diraja, Awang Hong Kok Tin, Y.B. Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohammad Salleh, Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Awang Haji Ali bin Ismail, dan Y.B. Awang Haji Abu Hanifah bin Mohd. Said.

Sa-orang ahli yang di-lantek telah tidak hadhir. Beliau ia-lah Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Awang Hj. Mohd. Taha bin Pehin Ratna Diraja Awang Hussein.

Kerajaan berchadang akan membina sa-buah rumah sakit baru di-Bandar Seri Begawan — Pmk M. B.

PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bersabda bahawa tidak ada sa-orang pun yang berkelayakan dari kawasan2 berkenaan di-lantek menjadi Imam bagi Mesjid Batu Apoi dan Salangan sunggoh pun iklan telah pun di-keluarkan.

Tugas Imam di-dua buah mesjid itu sekarang di-jalankan oleh Guru Ugama yang mana perkhidmatan mereka ada-lah semporna dan memuaskan.

Mengenai perkhidmatan talipon dari Bangar ka-Ujong Jalan perkara tersebut akan di-pertimbangkan.

Yang Amat Mulia itu bersabda demikian ketika menjawab pertanyaan2 oleh Y.B. Awang Haji Abu Bakar bin Baha, ahli yang di lantek bagi Daerah Temburong, mengenai lantekan Imam mesjid Batu Apoi dan perkhidmatan talipon di-daerah itu.

Sa-orang lagi, Ahli yang di-lantek dari Daerah Brunei/Muara, Y.B. Pehin Orang Kaya Setia, Awg. Haji Ali bin Ismail yang menumpukan uchapan-nya di-bidang Perubatan dan Kesihatan.

Yang Berhormat itu menchadangkan supaya kelinik2 yang ada di-Kampong Ayer di-samping merawat kanak2 dan ibu2 yang mengandong hendak-lah di-tambah perkhidmatan-nya bagi merawat pesakit2 yang tidak berapa kuat untok pergi ka-hospital. Langkah yang sedemikian kata-nya, akan menjimatkan masa mereka, mengurangkan perbelanjaan dan mengurangkan kesebokan2 di-Rumah Sakit Besar Bandar Seri Begawan Bahagian Pesakit2 Luar.

Yang Berhormat itu saterus-nya menchadangkan supaya Doktor2 panggilan kechemasan (on duty) sa-lepas waktu2 bekerja dan hari2 kelepasan awam itu hendak-lah di-tempatkan di-Rumah Sakit itu sendiri dan bukan-nya tinggal di-rumah mereka masing2. Ini akan menchepatkan lagi rawatan2 atau pemereksaan2 jika sekira-nya ada kemalangan yang berlaku yang menghendaki pepereksaan Doktor dengan segera-nya. Pada masa ini tidak beberapa memuaskan kerana mereka itu hanya bersedia di-rumah mereka masing2 dan jika sekira-nya ada apa2 panggilan talipon dari hospital mengenai kemalangan baru-lah mereka itu datang ka-hospital.

Berhubong dengan perkara tersebut, Pmk. Menteri Besar menjelaskan bahawa Kerajaan memikirkan tidak-lah perlu mengadakan perkhidmatan sapenoh masa bagi Kelinik di-Kampong Ayer kerana chara itu tidak berekonomik bagaimana pun Kerajaan berchadang akan membina sa-buah Rumah Sakit di-Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat Awg. Ariff bin Mujun, Ahli yang di-lantek bagi Daerah Belait, dalam uchapan penanggohan-nya telah menchadangkan supaya Kerajaan mengadakan Balai Pulis atau sa-kurang2-nya APO bekerja bergilir2 24 jam di-Kampong Kuala Balai.

Yang Berhormat itu menchadangkan ada-lah mustahak di-adakan sekurang2-nya APO2 berada bergilir2 sa-lama 24 jam di-Kuala Balai untok mengelakkan penyusupan2 yang tidak di-ingini masok dan keluar daripada Kuala Balai kerana sempadan yang tidak berapa jauh di-situ tidak di-kawal.

Y.A.B. Pmk. Menteri Besar dalam jawapan-nya mengenai perkara itu telah memberi jaminan bahawa Kuala Balai ada-lah sa-buah kampong yang aman, tidak ada perkelahian dan orang2 yang datang itu chuma ingin membeli barang dan tidak-lah mempunyai maksud lain.

Sabda Yang Amat Mulia itu lagi, ketika beliau menjadi Pegawai Daerah Belait dalam tahun 1963 pada masa itu pendudok2 Kuala Balai hanya berjumlah 196 orang dan manakala beliau tukar ka-Bandar Seri Begawan pada penghujong tahun 1969 pendudok2 di-Kuala Balai sangat2 merusot hingga menjadi 97 orang termasok kanak2 sekolah.

Pemangku Menteri Besar itu juga tidak berfikir hendak mengadakan Balai Pulis di-Kuala Balai kerana kampong itu tidak berapa jauh dengan Pekan Kuala Belait atau Labi di-mana kedua2 tempat itu ada mempunyai Balai Pulis.

Sabda Y.A.M. itu lagi, Kuala Balai ia-itu kampong yang aman kerana pendudok2 di-situ bersaudara antara satu dengan lain.

Sa-orang lagi, Ahli yang di-lantek dari Daerah Brunei/Muara, Y.B. Pg. Hj. Abu Bakar bin Pg. Mohd. Salleh dalam uchapan penanggohan-nya telah menekankan tentang bekalan letrik di-empat buah kampong di-Kampong Ayer.

Kampong2 yang di-maksudkan itu ia-lah Kampong Bendahara Lama, Kampong Pg. Kerma Indera Lama, Kampong Pengiran Tajuddin Hitam dan Kampong Temoi yang di-sifatkan beliau pendudok2 di-kampong2 tersebut menunggu bekalan letrik umpama gagak menanti hujan.

Yang Berhormat itu merasa bimbang kerana kampong2 yang tidak di-bekalan letrik itu para pemuda dan pemudi berkumpul atau berjalan2 di-jambatan yang tidak berlampu itu dengan tidak ada satu2 maksud atau tujuan yang tertentu, ini kata-nya boleh mendatangkan akibat yang tidak baik. Apabila ada bekalan letrik sakurang2-nya pendudok2 tersebut boleh membuat perusahaan2 ringan.

Yang Berhormat itu juga merasa bimbang ka-atas pagar yang di-bina di-Kampong Sultan Lama kerana kata-nya jika berlaku satu2 kebakaran di-kampong itu ada-lah sukar Perkhidmatan Bomba menjalankan tugas-nya.

Dalam perkara itu Pmk. Menteri Besar telah menerangkan bahawa bekalan letrik di-kampong2 tersebut menurut peruntokan perbelanjaan baru saja di-luluskan beriumlah sajuta ringgit akan di-bekalkan dalam tahun ini dan di-ikuti oleh kampong2 lain dalam ta-1974 dan 1975.

Pagar yang di-bina di-Kampong Sultan Lama tidak-lah menyulitkan pehak Perkhidmatan Bomba menjalankan tugas-nya apabila terjadi kebarkaran tetapi apa yang paling menyulitkan ia-lah keadaan rumah2 penoh sesak saperti chandawan tumboh di-waktu huian yang di-bina di-atas tanah2 Kerajaan di-kampong itu tanpa kebenaran.

Tujuan Kerajaan memagar di-kawasan kampong itu ia-lah sa-mata2 untok mengawal keselamatan kereta2 yang di-letakkan di-situ kerana kereta2 itu telah di-kenakan bayaran oleh Kerajaan.

Sa-orang lagi, Ahli yang di-lantek bagi Daerah Tutong, Y.B. Awg. Haji Abu Hanifah bin Mohd. Said dalam uchapan-nya telah menjunjong satinggi2 terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas lantekan beliau menjadi Ahli Majlis Meshuarat Negeri.

Ketika mengulong uchapan itu Pemangku Menteri Besar juga menguchapkan terima kaseh kapada ahli2 yang di-lantek atas buah2 fikiran mereka yang berfaedah dan berharap mereka akan dapat menyampaikan perkara2 yang benar yang di-laksanakan oleh Kerajaan kapada pendudok2 di-kawasan mereka dan minta kerjasama dari mereka terutama sekali kapada seluroh raayat bagi membantu Kerajaan.

Uchapan terima kaseh itu juga di-tujukan kapada ahli2 kerana jawatan dan ahli2 rasmi terutama sekali kapada Yang Teramat Mulia Pengiran Speaker siapa yang telah memimpin persidangan dengan bijaksana sa-lama tiga hari dengan membuahkan beberapa usol dan undang2 telah pun di-luluskan bagi kepentingan raayat dan negara.

Ketika membalas uchapan itu, Yang Teramat Mulia Pegiran Speaker juga menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada semua Ahli2 Berhormat terutama sekali kapada Peguam Negara.

Persidangan itu telah di-tanggohkan hingga ka-satu masa yang tidak di-tetapkan.

Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ke-empat — P.S.B.

Inspektor Awang Mohd. Agus Bilun, Inspektor Awang Abdullah bin Ishak, Inspektor Awang Muhammad bin Haji Zainal Abidin, Sgt. Major Awang Haji Mahmud bin Othman, Sgt Major Abd. Hamid bin Mat, Sgt. Awang Abd. Gapor bin Haji Rashid, Sgt. Awang Hassan bin Ibrahim, Cpl. Awang Bungsu bin Budin, Awang Abu Talip bin Abd. Majid, Awang Salim bin Ahmad, Sgt. Pengiran Zainal bin Pengiran Ahmad, Cpl. Awang Salim bin Ahmad Sgt. Pengiran Zainal bin Pengiran Ahmad, Cpl. Awang Seruji bin Pengiran Haji Abdullah, Sgt. Pengiran Salim bin Pengiran Wahid dan Cpl. Awang Asan anak Mayang.

Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Darjah Pertama — — P.H.B.S. (I).

Awang Abdul Wahid bin Sulaiman dan Juru Haji Md. Yusof bin Muhammad.

Pingat Jasa Kebaktian — P.J.K.

Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalah Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Sgt. Simon Chen Fui Song, Dayang Kueh Guat Hong, Cpl. Mohin bin Tahir dan Awang Tsan Si Sin.



Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pg. Momin ketika bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Kongress Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei pada hari Isnin lepas.

BELIA2 DI-SERU MENGUBAH SIKAP MEMILEH PEKERJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail menyeru para belia supaya mengubah sikap memileh pekerjaan atau mata pencharian dengan tujuan untok mencharí pekerjaan yang rengan dan menjauhkan diri dari pekerjaan yang di-sifatkan kechil tetapi dari konteks pembangunan negara yang di-sifatkan sa-bagai penting.

Yang Amat Mulia bersabda sikap dan amalan ini hendak-lah di-buang dan di-kikis dan di-ganti dengan unsor2 dinamis dan progresif.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin telah membuat seruan itu ketika bersabda sa-belum merasmikan pembukaan Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei yang berlangsong di-Pusat Belia pada hari Isnin lepas.

Menyentoh dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-upachara pembukaan persidangan Belanjawan Majlis Meshuarat Negeri baru2 ini yang menitahkan kerajaan Baginda supaya menyusun satu ranchangan kemajuan negara yang baru dengan bertujuan untok membina satu masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor untok kepentingan seluroh raayat dan pendudok negeri ini tanpa mengira rupa bangsa, Yang Amat Mulia menegaskan bahawa kerajaan sudah pun membuat persediaan untok memulakan usaha besar2an bagi menyusun ranchangan saperti yang di-titahkan.

"Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu akan menitek-beratkan usaha2 bagi mengadakan berjenis2 mata pencharian untok pemuda-pemudi lepasan sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya dan memperaneka-jeniskan yakni membanyakan kegiatan2 ekonmi negara terutama sekali di-bidang pertanian dan perindustrian".

Yang Amat Mulia bersabda bahawa penyertaan raayat dan pendudok negeri ini dalam perlaksanaan ranchangan kemajuan yang akan di-gubal pada menjunjong titah Duli Yang Maha Mulia itu ada-lah besar erti-nya.

"Tindakan yang berkesan lagi berdisiplin ada-lah sangat penting dalam menentukan kejayaan perlaksanaan satu2 ranchangan kemajuan sa-sebuah negara," tegas Yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia bersabda, niat suchi kebawah Duli Yang Maha Mulia dan usaha kerajaan hendak-lah di-beri pengakuan yang ikhlas dan jujur yang menandakan kesanggupan untok mengikutinya dengan keringat dan pengorbanan.

Yang Amat Mulia menambah: "Untok menchapai matalamat yang telah di-huraikan, para belia hendak-lah menukar sikap dan mengubah anggapan dan sa-tiap raayat mempunyai peranan masing2 sa-laras dengan pengalaman, dan pengetahuan mereka.

Yang Amat Mulia itu berharap semoga para perwakilan kongress itu akan dapat sekurang2-nya membanyakan kalau tidak pun meluapkan semangat betapa besar peranan yang akan di-mainkan oleh perwakilan dan para belia pada tahun ini dan pada tahun2 yang akan datang.

Akhir-nya Yang Amat Mulia itu berharap semoga kongres itu itu akan mendatangkan banyak faedah kapada Majlis Belia2 Negeri Brunei dan sedikit sa-banyak akan memberikan kesan-nya kapada negeri ini sa-chara am-nya.

Turut juga memberikan uchapan di-upachara itu ia-lah Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri dan Yang Di-Pertua M.B.B., Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin.

Majlis itu telah di-hadhiri oleh perwakilan belia dari persatuan belia dan kebajikan di-seluroh negeri.

5 orang J/K Tertinggi MBB di-pileh sa-mula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang ahli jawatankuasa Tadbir Tertinggi Pusat Majlis Belia2 Negeri Brunei yang telah berkhidmat pada tahun lalu telah di-pileh sa-mula untok mentabdir majlis itu bagi perkhidmatan tahun 1973/74.

Kelima2 orang itu telah di-pileh dengan sa-bulat suara dalam Kongress Agong Perwakilan M.B.B. yang telah di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada hari Isnin lepas.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, kekal dengan jawatan beliau sa-bagai Yang Di-Pertua M.B.B.

Awang Jaya bin Abdul Latif telah di-pileh sa-mula untok memegang jawatan-nya lama ia-itu sa-bagai Timbalan Yang Di-Pertua, sementara Setia Usaha Agong M.B.B., Awang Ya'akub bin Ahmad juga telah di-pileh sa-mula memegang jawatan-nya yang lama itu.

Awang Yahya bin Haji Ibruhim telah di-pileh sa-mula sa-bagai Pengerusi Tetap, manakala Awang Haji Tarif bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohammad kekal dengan jawatan lama-nya ia-itu sa-bagai Bendahari Agong Tertinggi.

Kesemua mereka itu kecuali Awang Yahya telah memegang jawatan masing2 sa-lama tiga kali berturut2.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

JUARA BINTANG RADIO 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Hamidon bin Metussin dan Dayangku Rohani binte Pengiran Manai kedua2-nya peserta dari Daerah Brunei-Muara telah munchul sa-bagai juara Bintang Radio tahun 1972.

Mereka telah mengalahkan 18 orang peserta yang lain dalam pertandingan akhir yang telah di-adakan di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada 23hb. Disember yang lalu.

Naib johan bahagian lelaki di-menangi oleh Amedun bin Mohd. Yassin peserta dari Daerah Belait dan pemenang ketiga ia-lah Awg. Hamid Udin peserta dari Daerah Tutong.

Dayang Hamsiah Hussain, peserta dari Daerah Belait menjadi naib-johan dan pemenang ketiga di-menangi oleh Dayang Fatimah Simpul, peserta dari Daerah Tutong.

Pertanding tersebut telah di-rasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri, sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri beliau, Datin Hajjah Siti Hara.



Juara2 Bintang Radio 1972, Dayangku Rohani dan Awang Hamidon memegang piala kemenangan mereka. Di-samping piala dan sekar itu, mereka juga menerima hadiah wang tunai $200.00.

KHUTBAH JUMA'AT

KITA PERLU MENAMBAH AMAL KEBAJIKAN UNTOK MENEMPOH MASA AKAN DATANG

PERGANTIAN masa dari saat ka-minit, dari minit ka-jam, dari jam ka-hari, dari hari ka-bulan dan dari bulan ka-tahun ada-lah mengandong arti yang besar bagi sa-tiap manusia yang di-takdirkan hidup di-dunia ini. Kerana sa-makin jauh masa itu berlari sa-makin lanjut pula umor sa-seorang. Pertumbohan tahun demi tahun itu ia-lah suatu perkara yang biasa, tetapi kalau di-selideki ada-lah suatu perkara yang patut di-insafi. Hitong-lah berapa banyak dosa yang telah kita lakukan dan apakah amal kebajikan yang telah kita kerjakan?. Kira-lah dari sekarang ada-lah kita sudah mempunyai modal amal kebajikan yang banyak atau tidak di-dalam sa-tahun itu. Kalau kita tidak dapat menunjokkan kelebehan amal kebajikan berarti nyata pula kerugian kita.

Sa-benar-nya mungkin kita telah rugi kerana umor telah bertambah sa-banyak 360 hari dengan tidak sedari, sedangkan amal kebajikan kita tidak bertambah, masa yang amat berharga itu telah hilang pada hal ia-nya ada-lah lebeh mahal dari emas dan perak, keadaan kita tidak juga ada tanda2 perubahan yang berguna. Berapa banyak ibu bapa, sanak saudara atau sahabat handai telah sampai ajal-nya pada tahun lalu.

Tahun 1972 menguchapkan selamat tinggal, manakala kita menguchapkan selamat jalan walau pun pemergian-nya membawa tulisan jahat dan baik, ini akan tenggelam di-dalam lautan zaman bersama dengan-nya hasil yang di-dapati-nya.

Dari itu beruntong-lah siapa yang telah menggunakan hari dan saat, dan pandai melayan tiap2 peluang yang terbuka dengan mendahulukan amal kebajikan, rugi-lah siapa yang lalai dan tidak insaf akan kedudokan diri.

Untok mengisi atau menempoh tahun 1973 ini mari-lah kita sama2 mengambil pengajaran dari Al-Quran ayat 133 dari Surah Al-Amram yang bermaksud:

"Dan beserga-lah kamu menuju keampunan dari Tuhan kamu berserta shorga-nya yang leber-nya sa-luas langit dan bumi yang di-sediakan Tuhan untok orang2 yang taqwa, yang membelanjakan harta mereka dalam masa suka dan duka dan mereka suka pula menahan kemarahan lagi suka memaafkan kesalahan manusia dan Allah suka kapada orang yang berbuat kebajikan".

Firman-nya lagi di-dalam surah yang sama ayat 112 yang bermaksud:

"Di-timpakan atas mereka itu kehinaan di-mana sahaja mereka berada kechuali manakala mereka berpegang tegoh dengan tali (Ugama) Allah dan tali perhubongan dengan manusia dan mereka kembali membawa kemarahan Allah dan akan di-timpakan kapada mereka kemiskinan dan penderitaan".

Daripada ayat2 Al-Quran tersebut dapat kita mengambil kesimpulan bahawa untok menempoh masa akan datang kita perlu-lah menambahkan amal kebajikan dan taqwa serta mempergunakan sumber harta masing2 pada jalan2 yang di-redhai Allah tidak menghamborkan-nya pada jalan2 maksiat dan sia2. Kemudian kita hendak-lah senentiasa bersedia memperbaiki perangai dan akhlak masing2 sa-umpama menahan diri dari menyalakan api kemarahan dan bersiafat pemaaf terhadap sa-sama manusia kerana dengan sikap dan tindakan2 demikian-lah kita akan menjadi orang yang baik sedangkan Allah amat suka kapada orang yang berbuat kebaikan.

Di-samping itu kita hendak-lah senentiasa berpegang tegoh dengan ajaran2 Ugama Islam dan memperbaiki hubongan kita dengan sa-sama manusia. Maka dengan demikian-lah kita akan dapat mengatasi masa2 akan kita tempoh itu dengan lebeh berarti dan berfaedah buat kita, mudah2an Allah akan senentiasa memberi taufik dan hidayah kapada kita.

316 orang bakal haji bertolak ka-Jeddah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 189 orang bakal2 Haji Brunei telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada hari Jumaat lepas ka-Jeddah dalam perjalanan mereka ka-Mekah untok menunaikan fardhu haji.

Sa-belum bakal2 haji bertolak, mereka telah berkumpol di-lapangan terbang yang lama untok urusan2 pemeriksaan dan mendengar kata2 nasehat dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama sa-belum mereka di-bawa ka-Lapangan Terbang Antarabangsa.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammed Zain bin Hj. Seruddin ketika beruchap untok memberi selamat jalan kapada bakal2 haji itu telah menerangkan kesulitan2 yang di-hadapi mengenai penerbangan jemaah2 haji dan chara2 mengatasi-nya.

Yang Berhormat itu menerangkan bahawa Jemaah Penasehat Haji Negeri Brunei telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan menyembahkan kesulitan2 tersebut bagi menjunjong nasehat dan kornia.

Baginda telah bermurah hati dan menitahkan supaya wang sa-jumlah lebeh dari $164,000.00 di-keluarkan oleh Kerajaan sa-bagai pendahuluan dan pembayaran bagi menampong kekurangan2 sa-mata2 untok kepentingan rakyat Baginda yang ingin menunaikan fardhu haji.

Yang Berhormat itu juga menerangkan bahawa pada menjunjong titah, maka Kerajaan telah menghubongi pehak Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei untok ma'aluman dan perhatian-nya mengenai urusan penerbangan jemaah2 haji yang di-uruskan oleh salah sa-buah Sharikat Penerbangan British yang berdaftar di-London.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail adalah di-antara lebeh dari 3,000 orang sanak saudara dan sahabat handai bakal2 haji itu yang berada di-Lapangan Terbang untok menguchapkan selamat jalan kapada bakal2 haji itu.

Sementara itu, sa-ramai 127 orang lagi bakal2 haji Brunei juga telah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa pada hari Ahad, 31hb. Disember dengan kapal terbang yang sama.

Jemaah2 Haji itu di-jadualkan pulang ka-tanah ayer pada 7hb. Februari ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3hb. Januari, 1973 hingga ka-hari Selasa 9hb. Januari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
3hb. Jan.	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
4hb. Jan.	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
5hb. Jan.	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
6hb. Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
7hb. Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
8hb. Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31
9hb. Jan.	12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa–bagai Kerani Tingkatan 'A'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang di-dalam Perkhidmatan Kerajaan yang berjawatan tetap dan telah lulus Pepereksaan Kerani2 Rendah bagi Kerani Tingkatan 'A' untok di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan permohonan2 ini mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan, Brunei tidak lewat dari 20hb. Januari, 1973. Ketua2 Jabatan, semasa menghadapkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) hendak-lah menyertakan laporan2 sulit berthabit dengan pegawai2 ini serta menyatakan tugas2 mereka sekarang, kebolehan2 mereka dan kesesuaian masing2 untok di-naikkan pangkat. Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan.

Sa–bagai Imam dan Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok menenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

b) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah saperti berikut:–

Jawatan IMAM — U. 4 — $280x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U. 2 — $220x10-390-410x10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 20hb. Januari, 1973.

Sa–bagai Pegawai Kastam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Kastam di-Jabatan Kastam dan Bea, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjokkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan chekap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-335/EXAM/350 x 15-380-410 x 20-510/EB/540x20-660.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 6hb. Januari, 1973.

Sa–bagai Ahli Bomba

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi jawatan sa-bagai Ahli Bomba di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

a) Umor: Di-antara 18 hingga 28 tahun.

b) Tinggi: Sekurang2-nya 5' 4".

c) Pelajaran: Biasa-nya chalun2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya dan boleh bertutor dalam Bahasa Inggeris.

d) 'Am: Perlu mempunyai Lesen Memandu Kelas III, walau bagaimana pun, keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai Lesen Memandu Kelas V. Chalun2 di-hendaki menjalani pepereksaan perubatan dan perlu mempunyai badan yang tegap dan sehat.

Gaji:

Rekrut — $200.00 sa-bulan. Sa-telah tamat berkhidmat salama 6 bulan dengan memuaskan chalun2 tersebut akan di-lantek sa-bagai Ahli Bomba dengan gaji $230.00 sa-bulan dalam sukatan gaji $230x5-265.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Januari, 1973.

Sa–bagai Jururawat Perchubaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi di-lantek sa-bagai Jururawat Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah menchapai umor 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus Form III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sijil yang menunjokkan salah satu mata pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan chekap.

Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaan: D. 1-2 — $230x10-280x15-380. Gaji permulaan bergantong kapada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlateh: D. 3 — $410x20-510.

Sharat2 Lantekan:

(a) Pemohon2 yang terpileh akan menjalani latehan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan. Lazim-nya latehan ini memakan masa sa-lama 3 tahun 4 bulan. Sa-telah memperolehi Sijil Jururawat Terlateh, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sa-bagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei.

(b) Pakaian seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaan akan menerima alaon dhobi dan alaon makan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 20hb. Januari, 1973.

Sa–bagai Penyelanggara Setor Tingkatan II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok menenohi jawatan sa-bagai Penyelanggara Setor Tingkatan II di-Jabatan Letrik, Brunei:


Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 22 hingga 28 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran. Mereka hendak-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor dan biasa dengan perkakas2 letrik serta boleh menaip.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D2 EB 3 — $290x15-380/EB/410x20-510. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 20hb. Januari, 1973.



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika membalas tabek kehormatan dari atas pentas khas sa-jurus keberangkatan Baginda untok merasmikan pembukaan Persidangan (Belanjawan) Majlis Meshuarat Negeri pada hari Rabu lepas. Di-belah kiri Baginda ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, sementara di-kanan Baginda ia-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Seri Utama Peter Gautrey dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Betapa mustahak-nya keamanan negeri di-kukohkan—titah D.Y.M.M.

(Dari muka 1)

Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri itu juga di-ingatkan supaya menyedari betapa mustahak-nya keamanan dan keselamatan negeri di-kukohkan dan di-kawal dengan rapi untok membolehkan usaha2 yang bermunafaat itu dapat di-laksanakan dalam keadaan tenteram dan terselamat.

Hal Ehwal dalam Negeri Brunei, titah Duli Yang Maha Mulia lagi, ada-lah keselurohan-nya tanggong-jawab Kerajaan Baginda dan Baginda perchaya ahli2 Yang Berhormat itu menyedari akan kewajipan2 yang mustahak kita hadapi bersama supaya kita akan dapat meneruskan lagi perkembangan dan kemajuan Negeri Brunei Darus-salam.

Menyentoh mengenai Pindaan Perjanjian tahun 1959 yang di-tanda-tangani bersama oleh Paduka Ayahanda Baginda dan wakil Paduka Seri Baginda Queen telah memberikan kapada Negeri Brunei taraf Bekerjaan Sendiri dalam negeri sa-penoh-nya, melainkan di-segi pertahanan dan keselamatan kedua buah Kerajaan Brunei dan United Kingdom bersama2 membeban tanggang-jawab pada mempertahankan dari segala apa jua anchaman.

Pindaan Perjanjian itu juga tidak mengubah kedudokan Negeri Brunei di-segi perhubongan luar negeri yang mana masch lagi menjadi tanggong-jawab Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen.

Baginda dan Kerajaan Baginda akan sentiasa berusaha pada memelihara dan memperkukohkan lagi tali persahabatan di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom berasaskan kerjasama yang ikhlas dan jujor dan perasaan saling faham-memahami bagi kepentingan bersama.

Duli Yang Maha Mulia bertitah lagi sejak Baginda menaiki takhta Kerajaan sememang-nya telah menjadi hasrat Baginda untok mengikuti jejak langkah Paduka Ayahanda Baginda untok memajukan dan memperkembangkan lagi Negeri Brunei dengan sedaya upaya sesuai dengan pendapatan hasil-mashol negeri.

Projek yang terbesar saperti Pelabohan Muara dan Lapangan Terbang Antara Bangsa yang ada sekarang telah di-susun dan di-mulakan di-masa Paduka Ayahanda Baginda mendudoki Takhta Kerajaan Negeri Brunei Darus-salam.

Baginda bershukor yang negeri ini telah menekmati keadaan aman lagi tenteram hasil dari usaha2 pehak keselamatan terdiri dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Pulis Diraja Brunei dan Pasokan Bersenjata Paduka Seri Baginda Queen yang kesemua-nya bermufakat berganding bahu pada mengawal keselamatan negeri dan kapada mereka Baginda dan Kerajaan Baginda menguchapkan sa-tinggi2 penghargaan dan terima kaseh.

Titah kebawah Duli Yang Maha Mulia itu sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 2.

TITAH KEBAWAH D.Y.M.M.

(Dari muka 1)

memperkukohkan lagi tali persahabatan Negeri Brunei dengan United Kingdom yang telah mula ujud lebeh 100 tahun dahulu.

"Di-bidang kemajuan negara kita juga telah dapat memulakan penggunaan lapangan terbang antara bangsa yang baharu sunggoh pun projek itu maseh belum siap pada keselurohan-nya. Penggunaan lapangan terbang antara bangsa yang baru itu Insha Allah akan dapat menghubongkan Negeri Brunei dengan negeri2 yang baik berdasarkan prinsip2 hormat-menghormati di-antara satu dengan lain.

"Projek pelabohan Muara juga telah selesai di-selenggarakan dan ada-lah hasrat kerajaan beta supaya pelabohan itu akan dapat di-gunakan tidak berapa lama lagi supaya membolehkan kapal2 dari negeri2 yang baik datang ka-Brunei bagi faedah perkembangan Negeri Brunei.

"Sa-lain dari itu sa-bagaimana beta telah nyatakan dalam uchapan beta ketika merasmikan pembukaan Persidangan (Belanjawan) Majlis Meshuarat Negeri beberapa hari dahulu bahawa beta telah menitahkan kerajaan beta supaya menyusun satu Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu dengan bertujuan untok menitek-beratkan usaha2 pada mengadakan berjenis2 mata pencharian untok pemuda-pemudi lepasan sekolah yang sa-makin meningkat jumlah-nya dan memperaneka-jeniskan yakni membanyakan kegiatan2 ekonomi terutama sekali di-bidang pertanian dan perindustrian.

"Mudah2an langkah2 yang akan di-ambil dalam Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu akan dapat membina satu masharakat yang lebeh kukoh lagi dan berdisiplin supaya apa juga kemakmoran yang telah di-kurniakan kapada kita oleh Allah Subhanahu-Wataala itu akan dapat kita nekmati dan saloran ka-arah yang di-redhai-Nya.

"Di-bidang keselamatan beta dan kerajaan berbanyak menerima kaseh kapada pasokan2 keselamatan yakni pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, pasokan Pulis Diraja Brunei dan pasokan bersenjata Paduka Seri Baginda Queen atas usaha2 mereka pada mengawal dan mempertahankan keselamatan dan keamanan Negeri Brunei, Insha Allah beta dan kerajaan beta berazam akan terus menumpukan usaha2 bagi kepentingan keselamatan dan keamanan di-seluroh pelusok Negeri Brunei Darus-salam ini bagi faedah semua raayat dan pendudok Negeri Brunei yang chintakan keamanan.

Beta sukachita mengambil kesempatan ini untok menguchapkan terima kaseh beta juga kapada semua pegawai dan kaki-tangan kerajaan beta di-semua peringkat atas segala usaha2 mereka yang jujur pada melichinkan pentadbiran di-semua daerah dalam negeri dan beta suka mengingatkan supaya usaha2 yang jujur itu akan di-teruskan bagi faedah kita bersama dan beta suka mengingatkan kapada semua pegawai dan kaki-tangan kerajaan beta bahawa dalam menja'ankan tugas dan kewajipan hendak-lah mereka mengutamakan kepentingan keselamatan, keamanan, ketenteraman dan kemakmoran negeri.

"Akhir-nya beta sukachita menguchapkan selamat tahun baru kapada semua anggota keselamatan yakni pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, pasokan Pulis Diraja Brunei dan pasokan bersenjata Paduka Seri Baginda Queen dan kapada semua pegawai dan kaki-tangan kerajaan beta serta kapada seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei Darus-salam. Mudah2an Allah Subhanahu-Wataala akan melindongi kita dan menchurahkan rahmat-Nya kaatas Negeri Brunei Darus-salam serta seluroh raayat dan pendudok-nya di-sepanjang tahun baru 1973 ini dan di-tahun2 yang akan datang dengan izin Allah selama2-nya."

Perhubongan Brunei—Britain tambah erat—Dato Gautrey

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Seri Utama Peter Gautrey telah mensifatkan tahun 1972 sa-bagai tahun yang bersejarah.

Beruchap melalui Radio Brunei sempena menyambut tahun baru 1973 pada hari Isnin lepas, beliau berkata:

"Lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen, suami Baginda Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh dan Puteri Baginda Princess Anne ka-Brunei pada 29hb. Februari yang lalu ada-lah peristiwa istimewa yang melebehi dari peristiwa2 yang lain".

Beliau berkata pada tahun itu juga perhubongan antara Brunei dengan Britain juga kian bertambah erat.

Ini, tegas beliau, ada-lah berikutan dengan perjanjian yang telah di-tanda-tangani di-London di-antara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dengan Tuan Royle mengenai perkara2 Perkhidmatan Penerbangan Awam dan taraf kedudokan tentera2 British di-Brunei.

Beliau yakin bahawa perhubongan kedua buah negara itu akan bertambah erat lagi pada masa yang akan datang.

Beliau juga melahirkan harapan bahawa kemakmoran negeri ini akan bertambah dalam tahun 1973 ini berikutan dengan pembukaan kilang gas asli chachair di-Lumut yang akan memulakan perkhidmatan-nya tidak beberapa lama lagi.

Akhir-nya beliau menguchapkan selamat tahun baru kapada seluroh raayat di-negeri ini dan berharap mereka itu semua berada dalam kesentosaan dan kemakmoran.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 2 RABU 10HB. JANUARI, 1973. 1392 رابو 6 ذوالحجه PERCHUMA

777 ORANG LULUS PEREKSA LCE / SRP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 777 orang penuntut dari sekolah2 Inggeris dan Menengah Melayu di-seluroh negeri telah lulus pepereksaan L.C.E./S.R.P. yang telah di-adakan pada tahun lalu.

Dari jumlah itu, sa-ramai 524 orang telah lulus pepereksaan dalam aliran Inggeris (L.C.E.) dan 253 orang lulus dalam aliran Melayu (S.R.P.).

Jumlah chalun yang mengambil pepereksaan itu ia-lah sa-ramai 3,315 orang.

Dalam pepereksaan aliran Inggeris, Sekolah St. John, Kuala Belait telah mendapat markah yang paling tinggi ia-itu 75.5%. Dari 53 orang chalun yang mengambil pepereksaan itu. 35 orang chalun mendapat pangkat A, 3 mendapat pangkat B dan dua orang chalun mendapat pangkat C.

Ini di-ikuti oleh Sekolah St. Angela's Convent, Seria. Dari 77 orang chalun yang mengambil pepereksaan, 47 orang lulus dengan mendapat pangkat A, dua mendapat pangkat B dan 3 mendapat pangkat C. Jumlah yang lulus itu ada-lah bersamaan dengan 68.8%.

Sekolah St. Michael, Seria, mendapat markah 51.2% dengan 38 orang chalun mendapat pangkat A, 2 orang mendapat pangkat B dan dua mendapat pangkat C.

Sekolah Inggeris Perdana Wazir, 38.3%, dengan 43 mendapat pangkat A, dua mendapat pangkat B dan 4 mendapat pangkat C.

Sekolah St. George mendapat 32.5% dengan 10 mendapat pangkat A, dua mendapat pangkat B dan sa-orang mendapat pangkat C.

Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong, 30.7%, dengan 23 orang mendapat pangkat A, sa-orang mendapat pangkat B dan 7 orang mendapat pangkat C.

Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, yang paling banyak mengemukakan chalun mendapat 30.6%, dengan 93 mendapat pangkat A, tiga mendapat pangkat B dan 7 mendapat pangkat C.

(Lihat muka 8)



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir, Penasehat Umum D.Y.M.M. Al-Sultan dan Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir bergambar ramai bersama2 Speaker dan ahli2 Majlis Meshuarat Negeri sa-telah upachara pembukaan rasmi Persidangan (Belanjawan) Majlis Meshuarat Negeri pada 27hb. Disember yang lalu.

Kadar baharu bayaran ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan telah menetapkan kadar baharu bayaran ayer yang sudah di-bersehkan dan ayer yang belum di-bersehkan bagi seluroh negeri.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Matnoor McAfee dalam satu kenyataan berkata, bayaran bagi tiap2 1,000 gilin ayer yang sudah di-bersehkan ia-lah 50 sen bagi rumah2; $1.00 bagi ayer yang di-bekalkan ka-hotel2 dan kedai2 kopi; $1.75 bagi perusahaan rengan dan bayaran ka-kapal2 ia-lah $4.00. Ayer di-paip2 di-tepi2 jalan tidak di-kenakan bayaran.

Ayer yang belum di-bersehkan untok rumah2 yang mempunyai sa-hingga dan termasok 2 kepala paip akan di-kenakan bayaran $1.00 sa-bulan; rumah2 yang mempunyai sa-hingga dan termasok 4 kepala paip, $2.00 sa-bulan; rumah yang mempunyai sa-hingga dan termasok 8 kepala paip, $4.00 sa-bulan; rumah yang mempunyai sa-hingga dan termasok 12 kepala paip, $6.00 sa-bulan dan rumah2 yang mempunyai lebeh dari 12 kepala paip akan di-kenakan bayaran sa-banyak $8.00 sa-bulan.

Kadar bayaran ayer yang baharu itu mulai di-kuat-kuasakan pada 1hb. Januari, 1973.

$127,575.00 di-bayar bagi penchen2 dalam bulan Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menurut penyata kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Brunei, sa-jumlah $127,575.00 telah di-keluarkan bagi pembayaran bagi perkhidmatan kebajikan penchen2 Negara Brunei dalam bulan Disember tahun lalu.

Dari jumlah itu sa-banyak $122,375.00 telah di-bayar kapada penerima2 penchen umor tua; $4,575.00 di-bayar bagi penchen orang2 buta serta tanggongan mereka dan $625.00 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Daerah Brunei-Muara ada-lah terbanyak sekali menerima penchen umor tua dengan jumlah pembayaran sa-banyak $67,287.50 berbanding dengan Daerah Belait sa-banyak $23,175.00; Daerah Tutong sa-banyak $25,337.50 dan Daerah Temburong sa-banyak $6,575.00.

Bagi pembayaran penchen orang2 buta serta tanggongan mereka, Daerah Brunei-Muara juga ada-lah merupakan yang paling banyak dengan jumlah pembayaran $3,112.50. Bagi pembayaran bahagian ini, Daerah Belait sa-banyak $687.50; Daerah Tutong sa-banyak $550.00 dan Daerah Temburong sa-banyak $225.00.

Pembayaran bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila ada-lah menunjokkan sa-jumlah $375.00 di-Daerah Brunei-Muara; $187.50 di-Daerah Belait dan di-Daerah Tutong sa-banyak $62.50. Tidak ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong.

Hari Raya Haji jatoh pada 15hb. Jan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hari Raya Haji akan jatoh pada hari Isnin, 15hb. Januari, 1973.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumumkan bahawa sembahyang Hari Raya Haji di-seluroh mesjid di-negeri ini akan di-mulakan pada jam 7.30 pagi.

KEPUTUSAN PENOH PEPEREKSAAN L.C.E.

MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

Abang Zamhor b. Abang Abu Hanifah, A; Abd. Hakip b. Ag. Burut, A; Abd. Razak bin Abd. Latif, A; Abd. Wahab bin Yusof, A; Abu Bakar bin Hj. Mohd. Don, A; Ag. Tengah bin Brahim, A; Ak. Kamaludin bin Pg. Wahab, A; Ak. Mahmud bin Pg. Ibrahim, C; Ak. Mahrup bin Pg. Hashim, A; Ak. Md. Tahir bin bin Pg. Hj. Md. Yusof, A.

Ak. Metussin bin Pg. Tuah, B; Ak. Mohd. Airuddin bin Pg. Hj. Mohamad, A; Ak. Mohd. Yussof bin Pg. Bakar, A; Ak. Omarali bin Pg. Mohamad, A; Ak. Rasidi bin Pg. Omar, C; Ak. Sabtu bin Pg. Kuntat, A; Ak. Sahar bin Pg. Mohammad, B; Ak. Zainal bin Pg. Hj. Daud, A; Ali bin Hj. Mohd. Yusof, A; Amanuddin bin Mohd. Sum, A.

Ang Eng Kee, A; Ang Kian Guan, A; Antin bin Haji Saban, B; Awang Bakar bin Naim, A; Awang bin Hj Mohiddin, A; Awang Halbi bin Haji Md. Yusof, A; Awang Mohd. Hanafi bin Abd. Rahman, A; Awangku Morni b. Pg. Hj. Metussin, C; Awg. Damit bin Awg. Asmat, A; Awg. Sabli bin Awg. Abdul Halim, A;

Chong Fu Li, A; Degat Anak Langkah, A; Don Gerard Martin Dissanayake, A; Haji Mohd. Saneh bin Haji Jaafar, A; Hamdani bin Mohd. Jamil, A; Han Son Show, B; Harun bin Abd. Majid, A; Hou Kim Seng, A; Ismail bin Hitam, A; Ismail bin Mohiddin, C.

Ismawi bin Kifli, A; Jais bin Salleh, A; Jamaluddin Ghani, A; Jamaluddin Ghani, A; James Shif, A; Julaihi bin Kula, A; Kamaludin bin Ibrahim, C; Kassim bin Omar, A; Kassim bin Talip, B; Koo Kun Hock @ Kua Kun Hock, A; Lim Eng Bin, B; Lim Siew Ooi, A.

Mat Daud bin Matrais, A; Matusin bin Bali, A; Matzin bin Senudin, B; Md. Said bin Damit, A; Md. Yakub bin Tuah, A; Md. Zabidi bin Md. Daud, A; Md. Zin bin Japar, C; Miamat bin Haji Untong, A; Mohamad bin Taha, A; Mohammad bin Ali, A.

Mohammad Din bin Ahmad, A; Mohd. Said bin Ahmad, A; Mohd. Yakob bin Abd. Hamid, C; Moksin bin Duraim, A; Momin bin Tujoh; A; Nasir bin Momin, A; Pang Ching Hock, A; Phang Kian Khoo, A; Radin bin Tahir, B; Ramli bin Mokti, A; Ranapriya Kanthilal Alex Fernando, A.

Sajali bin Zakaria, A; Salleh bin Apong, A; Sastra Zanuri bin Yaakub, A; Sheikh Khalid Sheikh Nikman, A; Tassim bin Hj. Metali, A; Umar Ali bin Abdullah, A; Yaakub bin Haji Chuchu, A; Yakob bin Metali, A; Yap Chong Hee, A; Yap Pau Chin, B; Yunos bin Momin, A; Zainal bin Tassim, A; Zulkifli bin Basiuni, B.

SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI

Adinah Mohd. Yussof, A; Aiani bte Talip, A; Alipah bte Hj. Nudin, A; Ang Chu Tee, A; Ang Sock Kem, A; Anidah bte Idris, A; Asiah bte Ali Akbar, A; Bidah bte Lamat, A; Chew Moi Pan, Chung Toh Chu, A.

Dinah bte Abdullah, B; Dissanayake Shirley Ann, A; Dk. Aminah bte Pg. Omar, A; Dk. Basmillah bte Pg. Hj. Abas, A; Dk. Lauyah bte Pg. Hj. Yussof, A; Dk. Masni bte Pg. Damit, A; Dk. Radiah bte Pg. Ja'afar @ Latifah, A; Dk. Rakiah bte Pg. Abu Bakar, A; Dk. Rohani bte Pg. Metussin, A; Dk. Rokiah bte. Pg. Hj. Jadid, A; Dk. Rosidah bte. Pg. Metussin, A.

Dk. Rukam bte Pg. Othman @ Jamilah, A; Dunai bte O.K.P.D. Lukan, A; Dy. Aminah bte Abd. Hamid, A; Dy. Bungsu bte Kamis, A; Dy. Husni bte A. Matusin, A; Dy. Jamilah bte Md. Salleh, C; Dy. Jauyah bte Jeludin, B; Dk. Kamariah bte Maidin, A; Dy. Mahani bte Abu Bakar, A; Dy. Masnah bte Omar, A.

Dy. Norsinah bte Matussin, A; Dayang Piah binte Mail, C; Dy. Rosni bte Mudin Hj. Bakar, A; Dy. Zainab bte Md. Yussof, A; Fatimah bte O.K. Basah, A; Firoza bte Buranudeen, A; George Susan, A; Habibah bte Ibrahim, A; Hajjah Latifah bte Hj. Tudin, A; Hajjah Mariam Hj. Abd. Aziz, A; Hajjah Zabaidah bte Hj. Md. Daud, A; Hamiah bte Md. Jamil @ Haniah, A; Haminah bte Tulmurit, A; Hasnah bte Kula, A.

Hiew Wai Yee Grace, A; Intan Baiduri bte Ya'akub, A; Jaimah bte Mahadi, A; Jalan bte Tunjol (Elan), C; Jamilah bte Hj. Mohamad Ja'afar, A; Jamilah bte Md. Daud, A; Janis bte Hussin @ Tusin, A; Junaidah bte Abu Bakar, A; Khajijah bte Mohd. Yussof, A; Kolam bte Gafar, A.

Kong Jok Lim, A; Liew Vui Nyuk Margaret, A; Lim Biaw New, A; Lim Geok Khing, A; Lim Moi Moi, A; Lim Siew Hoon, A; Lim Siew Shua, A; Low Hui Lin Shirley, A; Mahani bte Abu Zar, A; Maimon bte Abdul Hamid, A;

Mariah bte Mahmud, A; Mariam bte Ibrahim, A; Masgol bte Zinal @ Rosni Zainal, A; Nayur bte Kading, A; Netty Sonade bte A. Mohd. Yassin, A; Newn Rita, A; Noraini Ebert, A; Normamidah bte Rahman, A; Normah bte Md. Ali, A; Radziah bte Awang Bakar, A; Ramlah A. Alim @ Sawiyah, C;

Rokinah bte Mohamed (Ruzini), A; Rosenah bte Jandah, A; Roslijah bte Mat Safar, A; Saimiah bte Sidis, C; Sainah bte Salam, A; Sakdiah bte Ladi, A; Salbiah bte Jafar @ Fatmah Ghafar, A; Saramah bte Mail, A; Saritah bte Suhaili, B; Sharifah Azizah bte Syed Hadad, A; Sh. Zubaidah B.S. Ibrahim Al-Tahir, A; Sherbanun bte Hj. Ali Ahmad, A; Shim Shirley, A.

Sing Damit bte Abd. Hamid, A; Siti Norgayah bte Abas, C; Siti Raudzah bte Hj. Noordin, A; Taisah bte Tengah, A; Tan Bee Chu, A; Tan Siew Tian, A; Tan Vee Chau, A; Yap Goi Ching, A; Yap Yuck Lan, A; Zainun bte Abu Bakar, A; Zaiton Haji Hussin, A; Zaitonah bte Othman, A; Zaliha bte Ahmad, A; Zainon bte Suhaili, C.

MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA.

Ak. Sahari bin Pg. Salleh, A; Ali bin Ngasio, A; Arsad bin Allias, C; Chan Tze Fui, A; Chong Min Khee, A; Haji Omar bin Haji Pozan, A; Hamzah bin Othman, A; Hon Kuik Liong, A; Ismail bin Seruddin, A; Johor bin Kamis, A; Jugah bin Jundi, A; Kong Chun Ming, A; Latip bin Haji Kassim, A; Law Swee Choi, A; Lee Lin Faut, A.

Liew Nam Shin, A; Liew Tze Yuen, A; Mat Noor bin Salleh, C; Md. Aus bin Hashim, A; Md. Zeni bin Latip /Latif, A; Ramli bin Ahmad, A; Ramli bin Janai, A; Razalie bin Junaidi, A; Sahari bin Ali, A; Wong Ah Koi, A; Wong Ying Wing, A; Yusuf bin Mohamad, C; Chan Swee Lan A; Chang Pui Lan, A; Dk. Tengah bte Pg. Mteussin, A, Halimah bte Ismail, A; Sharifah Mariani bte Malai Othman, A; Samuil bin Mohidin, A.

SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR KUALA BELAIT.

Abdul Rahim bin Talip, A; Abdul Rahman Mat, C; Abu bin Abd. Kadir, A; Aishah bte Azri, A; Andrew Thevarajan Ponnampalam, A; Azibah bte Seruji, A; Chai Fung Nyuk, A; Chan Poh Tshoon, A; Chia Siew Peng, A; Chong Kui Fong, A; Chung Fung Lan, B; Dana Anak Majang, A; Dk. Mareyati bte Pg. Matair, A.

Dk. Masrainah bte Pg. Ahmad, A; Gerard Franklyn Fernando, A; Halimahdiah bte Md. Yusof, C; Hee Siew Juan/Yee Siew Juan, A; Hiew Shau Kait, A; Ho Mun Wai, A; Hong Eng Hock, A; Jafar bin Metali, A; Lam Oi Yin, A; Lau Wui Ngoh/Low Wui Mgoh, B; Lee Teck Lian, A; Leong Lein Cheng, A; Leong Wen Yount, A; Liew Soon Yee/Lau Soon Yee, A.

Loo Hock Thien, A; Masanayati Md. Said, A; Mohidin bin Abdullah, A; Ng Fook Khen, A; Ng Yaw Chong, A; Radiah Hamdan, A; Rahim bin Tarif, A; Salmiyah bte Lamat, A; Soo Yun Fatt, A; Szek Yeok Fwang, A; Tan Kia Meng, A; Tan Swee Lin, A; Tee Chiew Mui, A; Teo Chee Siong, A; Teo Geuk Moi, A; Teo Geuk Moin/Teo Geuk Moi, A; Wahdaly bin Ahmad, C; Wong Kim Yee, A; Yee Boon Wai, A; Yeo See Hock, A; Yong Shew Yung, A; Zabaidi bin Mohamad Shara, C.

SEKOLAH INGGERIS BERAKAS, BRUNEI.

Abd. Hamit bin Musa, A; Abidin bin Hj. Serudin, C; Ainon bte Abdullah, A; Ak. Mohamad bin Pg. Mohidi, C; Ak. Osman bin Pg. Hashim, A; Awang Jasmin bin Awang Abu Bakar, A; Awang Abd. Kadir bin Tengah, A; Dayang bte Haji Mohiddin, A; Dayang Jaliha bte Aw. Mohd. Yusof, A; Dk. Fatimah bte Pg. Hj. Jadid, A.

Dk. Rosnani bte Pg. Sabtu, A; Ibrahim bin Hassan, A; Mahmud bin Bakar, C; Manah bte Hj. Mohd. Noor, A; Marjoki bin Mohamad, A; Matamit bin Kanak, A; Md. Kamal bin Abd. Raffar, A; Mechael Angelo Ezhango S/O Nayagam, A; Mohd. Zaini bin Hj. Ali, A; Muhamad bin Awang Burut, A; Nawi bin Ismail, A; Hong Derek Tet Leong, A; Zaharah bte Kamis, A.

SEKOLAH INGGERIS SUFRI BOLKIAH, TUTONG.

Abu Bakar bin Md. Tahir, A; Ahmadbi bin Othman, C; Aliasim bin Ismail, C; Aminah bte Keria, C; Bahari bin Sulaiman, A; Barhanudin bin Mohamad, C; Hj. Mohd. Hani bin Hj. Awang Tengah, C; Jeriah bte Gana, A; Johar bin Sahari, A; Juliah bte Mahmood, A; Koo Chin Keong, A.

Lee Pai Wah, A; Lusinda Lee Gallop, A; Luyong bin Lungkau, B; M. Ramli bin Zulkifli, A; Mohd. Ali bin Yahya, A; Mohd. Jeri bin Md. Salleh, C; Mohd. Kassim bin Awang Damit, C; Mohd. Yussof bin Marsal, A; Mohd. Yusop bin Md. Yassin, A; Omar Ali bin Hj. Abdul Wahab, A; On Siew Swan, A; Onn Kim Hong, A; Salehen bin Marsal, A; Saharum bin Kadir, A; Song Bee Moi, A; Taib bin Idris, A; Tan Eh Soo, A; Teo Lai, A; Wong Ngi Ming, A; Yeo Boon Seng, A.

SEKOLAH ST. ANDREW'S, BANDAR SERI BEGAWAN.

Chai Sing Chuan Peter, A; Chan Yong Kang, B; Haji Mat Salleh bin Hj. Laidin, A; Jimat bin Bolhassan * Ang Jin Man, A; Kim Hung Jun, A; Lau How Teck, A; Lim Eng Howa * Lim Eng Hwa, A; Lin Chu Jen, A; See Ling Hai, C; Vyner Dennis Ward, C; Wong Karnel, A; Wong Kok Phin Dominic, A; Yee Sui Wing Philip, A; Foo Geok Heng Cristena, A; Hadijah Hj. Hussaini, A; Tan Geok Moi Mary, A; Wong Esther, A; Yong Sui Pah, A.

SEKOLAH ST. GEORGE'S, BANDAR SERI BEGAWAN.

Ang Lee Kiang, C; Chian Ah Hong, B; Chung Fui Lin/Pauline Chung, A; Fang Hui Hun/Vivien Fang, A; Lai Shiak Keow/Christy G. Lai, A; Lee Nyuk Tsong, A; Min Jae Woo, A; See Ngin Sin, B; Sia On Hea, A; Tan Chin Lee, A; Tan Hock Heng/Ronnie Tan, A; Tieng Boon Ming, A; Wong Chi Keung, A.

SEKOLAH ST. MARGARET'S, SERIA

Chen Yun Chong, C; Chiew Eng Chuan, A; Chin Teck Phing, A; Lee Ser Khee, A; Lim Teck Guan, A; Tieh Seng Khiong, A; Chan Lian Hong, A; Janet Loo, A; Kong Lee Lee, A; Lee Sau Moi, A; Lee Sau Foon, A; Liew Yun Fong, A; Liew Siew Len, A; Mary Susilia Thanaraj, A; Rose Chung Lee Fah, A; Tan Ngui Eng, B; Yeo Hong Cheng, C.

SEKOLAH ST. MICHAEL'S, SERIA

Barney Ong Ban Seng, A; Baxter Sibidol A.S. A; Boniface Fabian, A; Chan Chee Ching, A; Chan Tuck Yin, B; Chang Teck Fock, A; Chiew Wee Khiong, A; Chin Khin Fatt, A, Goh Tin Fatt, C; Henry William Gidion, A; Ho Meng Liang, A; Hui Kok Pheng, A; Johari bin Masri, A;

Jun Chin bin Lingang, A; Kong Chiong Chung, A; Lau Wing Fook, C; Lee Hong Beng, B; Lee Moon Seng/Lee Ming Hing, A; Lee Yun Kwong, A; Leslie John Pereira, A; Liang Khin Juan, A; Lim Jit Ngee, A; Loong Kong Wah, A; Morhanan, A; Pang Kim Yung, A; Pang Teck Chiang, A; Peter Wong, A; Phang Yuke Fatt, A.

Ramesh, A; Robert George, Sapawi bin Rosli, A; Soong Yew Mong, A; Sung Si Wah, A; Tang Sadu Fook, A; Tang Yuen Hoon, A; William Kong Pak Leong, A; Wong Cheng Swee, A; Wong Liang Neng, A; Yee Wai Onn, A; Yong Foh Swee, A; Yong Meng Can, A; Yong Meng Sen, A.

SEKOLAH ST. ANGELA'S CONVENT, SERIA.

Bahulayan Beena, B; Boy Sui Sim * Low Mee Kim, A; Chaw Lai Fong, A; Chiew Peek Yin * Chew Peek Yin, A; Chin Sok Ching, C; Chong Chui Yin, A; Chong Helen, B; Chong Moi Yin, C; Chong Siew Yin, A; Fernando Hyacinth Marie Vyjanthi, A; Fong Siew Kiok, A; Hasnah binte Bohari, A; Jayasuriya Jennifer Constance, A.

Khan Freda, A; Kua Poh Hiong, A; Lau Shok Chein, A; Lau Shok Ching, A; Lau Win Jan * Liew Phui Yun, A; Lee Nyet Hiong, A; Lee Siew Khieun * Lee Siew Khyun, A; Leong Ban

(Lihat Muka 6)

RAAYAT DI-SERU SUPAYA MENDUKONG HASRAT D.Y.M.M. BAGI MENJAYAKAN RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA

KHUTBAH JUMA'AT

DULI Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darus-salam antara lain telah bertitah di-upachara pembukaan Persidangan Belanjawan Majlis Meshuarat Negeri 1972 yang baru lalu sa-bagai berikut:

"Beta berpendapat ada-lah mustahak sekarang supaya di-teruskan dan di-perluaskan lagi perkembangan Negeri Brunei ini, dan dengan yang demikian beta telah men'itahkan kerajaan beta supaya menyusun satu ranchangan Kemajuan Negara yang baru dengan bertujuan untok membina satu masharakat yang kukoh serta bersatu-padu dan makmor untok kepentingan seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei tanpa mengira rupa bangsa. Hasrat beta ia-lah supaya ranchangan Kemajuan Negara yang baharu itu akan menitek-beratkan usaha2 untok: pertama, mengadakan berjenis2 mata pencharian untok pemuda-pemudi lepasan sekolah yang sa-makin meningkat jumlah-nya, dan kedua, memperaneka-ieniskan yakni membanyakan kegiatan2 ekonomi negara terutama sekali di-bidang pertanian dan perindustrian".

Pada menjunjong titah tersebut, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail sawaktu melakukan pembukaan rasmi Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei pada 1hb. Januari 1973, antara lain telah menegaskan bahawa kerajaan sudah pun membuat persediaan untok memulakan usaha besar2an bagi menyusun sabagaimana yang di-titahkan "satu ranchangan Kemajuan Negara yang baru dengan bertujuan untok membina satu masharakat yang kukoh serta bersatu-padu dan makmor untok kepentingan seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei tanpa mengira rupa bangsa".

Sa-terus-nya Yang Amat Berhormat itu menekankan bahawa tindakan yang berkesan lagi berdisiplin ada-lah sangat penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan satu2 ranchangan kemajuan sa-sebuah negara. Dari pelabagai tindakan yang sa-imbang dan terator yang di-maksudkan tadi, tindakan2 yang terjelma dari penyertaan dan dukongan raayat ada-lah perlu di-kesankan.

Apa yang ingin kita sentoh di-sini ia-lah penyertaan dan dukongan raayat dan pendudok negeri ini pada melaksanakan hasrat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan ranchangan yang akan di-susun oleh kerajaan baginda itu. Sabagaimana yang telah di-sabdakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu bahawa "tindakan yang berkesan lagi berdisiplin ada-lah sangat penting dalam menentukan kejayaan perlaksanan satu2 ranchangan kemajuan sa-sebuah negara".

Bila kita hubongkan perkara ini dengan ajaran Ugama Islah neschaya kita dapati bahawa ugama kita ada-lah amat tegas memerentahkan supaya umat Islam khas-nya dan seluroh umat manusia am-nya memainkan peranan yang penting dalam usaha untok memakmorkan bumi Allah ini berdasarkan lunas2 ajaran Ugama Islam. Dan di-antara chara bagi menuju ka-arah kemakmoran itu ia-lah sa-tiap orang mesti-lah berikhtiar dan berusaha terus-menerus untok mendapatkan rezeki yang halal mengikut keupayaan dan kesanggupan diri masing2.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kapada dua orang sahabat Baginda yang bermaksud:


"Jangan-lah kamu berdua berputus asa daripada mendapat rezeki sa-lama maseh bergerak kepala kamu yakni sa-lama hidup di-kandong badan, kerana manusia di-lahirkan oleh ibu-nya dengan keadaan telanjang tanpa pakaian kemudian Allah mengurniakan rezeki kapada-nya".

Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman yang bermaksud:

"Tidak ada dari antara yang merayap di-bumi, melainkan atas Allah-lah memberi rezeki kapada-nya, dan Allah mengetahui tempat kediaman-nya dan tempat di-simpan-nya, tiap2 sa-suatu ada tersebut di-kitab yang nyata yakni kitab chatatan amal mahlok".

Tetapi kita hendak-lah ingat bahawa rezeki Allah itu tidak-lah datang dengan sendiri-nya melainkan memakai sebab yang di-namakan ikhtiar dan usaha, bukan turun dari langit bulat2.

Oleh yang demikian raayat dan pendudok negeri ini hendak-lah memahami hasrat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan ranchangan Kemajuan Negara yang akan di-susun itu kelak dan mengambil daya usaha serta memainkan peranan masing2 untok menchapai tujuan bagi membina suatu masharakat yang kukoh bersatu-padu makmor di-negeri kita Brunei Darus-salam ini.



PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain ada-lah di-antara beribu2 orang yang telah menguchapkan selamat belayar kapada bakal2 haji yang berlepas dalam bulan lepas. Gambar JHEU/BP di-atas kelihatan beliau sedang bersalaman dengan Awang Haji Wahid bin Awang Besar, salah sa-orang pegawai perubatan yang turut mengiringi bakal2 haji pada tahun ini. Di-sebelah kiri beliau ia-lah Setia Usaha JHEU, Awang Haji Abdullah bin Metassan.



Gambar atas menunjokkan sabahagian daripada bakal2 haji dalam rombongan kedua ketika menaiki kapal terbang Boeing 707 sa-jurus sa-belum berlepas meninggalkan lapangan terbang antara bangsa Brunei pada 31hb. Disember.

Pendaftaran di-tutup 15hb. Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelas2 Dewasa Pelajaran Ugama yang baru di-seluroh negeri akan di-tutop pendaftaran-nya pada hari Isnin 15hb. Januari ini.

Pembukaan kelas2 baru itu hendak-lah mempunyai tidak kurang dari 20 orang penuntut dan pendaftaran hendak-lah di-buat lebeh dahulu melalui Bahagian Pelajaran Dewasa Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan.

Darjah2 yang berjalan pada masa ini ia-lah tingkatan permulaan, menengah dan tertinggi dan mata pelajaran-nya termasok-lah tauhid, ibadah, Quran, tafsir, hadith dan sejarah Islam.

Penuntut2 yang lulus dalam pepereksaan baru2 ini akan di-naikkan ka-tingkatan2 tertentu.

PELITA BRUNEI

10hb. Januari, 1973.

UNTOK KEPENTINGAN SELUROH RAAYAT

DI-UPACHARA pembukaan rasmi Meshuarat Pertama (Belanjawan) dari Musim Permeshuaratan Kesepuloh Majlis Meshuarat Negeri pada 27hb. Disember, 1972, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menitahkan Kerajaan Baginda supaya menyusun satu ranchangan Kemajuan Negara yang baharu yang bertujuan untok membina satu masharakat yang kukoh serta bersatupadu dan makmor untok kepentingan seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei tanpa mengira rupa bangsa.

Hasrat Baginda ia-lah supaya Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu itu akan menitek-beratkan usaha untok mengadakan berjenis2 mata pencharian untok pemuda-pemudi lepasan sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya dan memperaneka-jeniskan yakni membanyakkan kegiatan2 ekonomi negeri terutama sekali di-bidang pertanian dan perindastrian.

Duli Yang Maha Mulia saterus-nya bertitah, pada menyusun Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu itu, Baginda juga telah menitahkan supaya Kerajaan Baginda mengambil langkah2 dan mengadakan usaha2 berkesan pada mensesuaikan dasar undang2 dan alat pentadbiran untok mencha pai matalamat2 yang di-hajati supaya pada masa akan datang Ranchangan Kemajuan Negara akan berakar umbi sabagai satu unsor dainamik lagi berkesan di-dalam proses kemajuan negara.

Baginda yakin bahawa ahli2 Majlis Meshuarat Negeri dan semua lapisan raayat dan pendudok di-negeri ini akan menunaikan kewajipan mereka dengan memainkan peranan masing2 pada menjayakan Ranchangan Kemajuan itu kelak.

Titah Baginda itu patut di-sambut baik oleh raayat dan pendudok negeri ini. Dengan terlaksana-nya nanti Ranchangan itu akan dapat mengurangkan kadar penganggoran di-kalangan belia yang meninggalkan bangku sekolah pada tiap2 tahun, Ranchangan Kemajuan Negara ini juga akan membawa satu pertanda baik untok negara kita ka-arah kemajuan dan kemakmoran kapada Negeri Brunei.

Untok membawa ranchangan ini ka-arah matalamat-nya, ada-lah mustahak kerjasama diwujudkan di-kalangan raayat, bagitu juga di-antara jabatan2 kerajaan di-negeri ini. Dan untok menjayakan ternyata betapa perlu-nya satu alat penyebaran yang baik supaya tujuan Ranchangan Kemajuan Negara saperti yang di-titahkan itu akan dapat di-fahami dan di-jayakan perlaksanaan-nya.



Dalam usaha bagi mengalakkan orang ramai membacha, kerajaan telah menyediakan bilek2 bachaan di-seluroh negeri. Bilek2 bachaan itu di-kelolakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, sesuai dengan peranan-nya sa-bagai alat perantaraan kerajaan dengan orang ramai. Bilek2 bachaan di-adakan di-Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong. Gambar atas menunjokkan orang ramai ketika membacha surat2 khabar yang di-sediakan di-bilek bachaan Kuala Belait.

MEMBAC

SA-TIAP hari kita akan m orang membacha, dewa kanak2. Dan sa-masa me akan melibatkan berbagai bahan2 bachaan dan tujuan bacha yang berbedza2. Sa-s membacha dengan berba juan. Antara-nya untok me berita2 atau peristiwa2 ya laku di-seluroh dunia, mer rujokan atau untok hiboran sa-bagai-nya

Soal kebaikan atau membacha memang sudah di-persoalkan umum. Meman dak kita nafikan membacha nyak mendatangkan faedah, mada kita membacha buku2 jalah2, risalah2 mahu pun s khabar kerana membacha a satu chara utama bagi sa-s itu memperolehi pene

RENCHAN boleh P Othman. R siri. Dalam juan dan fae siarkan dala membicharak yang kedua2 memperolehi

PENUNTUT2 YANG LULUS PEPEREK

BANDAR SERI BEGAWAN —. Sa-ramai 183 orang dari 292 orang penuntut sekolah2 ugama di-seluroh negeri ini telah lulus dalam pepereksaan Sijil Sekolah2 Ugama Rendah yang di-adakan dalam bulan Nobember tahun lalu.

Sa-ramai 3 orang dari penuntut2 itu mendapat pangkat pertama, 17 pangkat kedua, 74 pangkat ketiga dan 89 orang lulus pepereksaan itu.

Berikut ia-lah keputusan penoh:

DAERAH BRUNEI/MUARA.

Sekolah Ugama Madrasah Pagi.

Aminah bte Haji Mohd. Jaafar, I; Siti Aisah bte Haji Mohd. Jaafar, II; Ahmad bin Mohammad Yassin, II; Dg. Rosmawati bte Abd. Mumin, III; Aminuddin bin Mohammad, III; Dg. Latipah bte Ag. Hj. Mohd. Noor, III; Lily bte. Kula, III; Rosni bte Jaafar, III; Norsiah bte Ahmad, Lulus; Sabdiah bte Ag. Murni, Lulus; Jauyah bte Jaafar, Lulus; Sa'adiah bte Mohd. Husin, Lulus; Dk. Kamariah bte Pg. Mumin, Lulus; Hassan bin Hj. Buang, Lulus; Dk. Rosnani bte Pg. Hashim, Lulus dan Nordiah bte Ag. Murni, Lulus.

Sekolah Ugama Madrasah Petang.

Ismail bin Hitam, I; Abu Bakar bin Hj. Mohd. Don, I; Dg. Salha bte. Mohd. Salleh, II;; Mai Kalsum bte Haji Hanafi, II; Dg. Siti Aminah bte Hj. Md. Tahir, II; Hasimah bte Haji Hanafi, II; Yahya bin Ahmad, II; Dg. Norsinah bte Matussin, III; Zulkipli bin Mohd. Yussop, III; Hanafiah bin Md. Zaini, III; Yakob bin Matali, III; Zahrah bte Hussin, III; Dk. Rosinah bte. Pg. Mohamad, III; Dg. Aisah bte Mohamad, III.

Mardiana bte Mohd. Hasshim, III; Salleh bin Apong, III; Maidin bin Pehin Siraja Khatib Haji Abd. Hamid, III; Rokiah bte Rahaman, III; Tiawa bte Hamid, III; Hajijah bte Abas, III; Sarifah @ Mariam bte Kula, III; Ahmad bin Minudin, III; Rokiah bte Ag. Salleh, III; Gusni bte Wahab, III; Dg. Hadijah bte Ag. Hussin, III; Dk. Fatimah bte Pg. Mohd. Salleh, III; Dg. Masnah bte Ag. Haji Adam, III; Dg. Marhani bte Mohd. Hassim, III; Mauludiah bte Yussup, III; Sahaidah bte Taib, III; Masri bin Besar, Lulus; Rasidah bte Ag. Mat. Nor, Lulus.

Sarifah bte Haji Kula, Lulus; Hajjah Zaliha bte Haji Matali, Lulus; Abd. Rahman bin Haji Latif, Lulus; Dk. Rosni bte Pg. Ismail, Lulus; Ainool bte Mangarsahah, Lulus; Maimunah bte Rashid, Lulus; Dk. Fatimah bte Rashid, Lulus; Dk. Fatimah bte Pg. Momin, Lulus; Maimunah bte Md. Daud, Lulus; Suria @ Jariah bte Hashim, Lulus dan Dk. Shabariah bte Pg. Omar, Lulus.

Sekolah Ugama Gadong.

Bani bte Timbol, III; Pungut bte Apong, III; Sawasa bte Kassim, Lulus; dan Sarbani bte Besar, Lulus.

Sekolah Ugama Haji Mohd. Salleh, Sg. Hanching.

Dg. Rukiah bte Ag. Ering, Lulus; Dinah bte Abdullah, Lulus; dan Ak. Zahari bin Pg. Damit, Lulus.

Sekolah Ugama Tanah Jambu.

Asnah bte Matjin, II; Minih bte Nudin, III; Bakar bin Baha, Lulus; Haisah bte Rabaha, Lulus; Dg. Maimunah bte Md. Salleh, Lulus; Nualam bte Musa, Lulus; dan Salamah bte Salleh, Lulus.

Sekolah Ugama Kiulap.

Dg. Rosni bte Mudim Hj. Bakar, II; dan Dg. Norhani bte Mudim Hj. Bakar, Lulus.

Sekolah Ugama Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas.

Ag. Halbi bin Haji Md. Yussof, III; Ag. Alidin bin Haji Zainin, III; Dk. Juita bte Pg. Damit, III; Noorlia bte Noordin, Lulus; Mun Taha bin Pehin Khatib Haji Md. Said, Lulus; Noralam bte Haji Bagol, Lulus; dan Dg. Mariam bte Jais.

Sekolah Ugama Amar Pahlawan

Ak. Sallh bine Pg. Besar, III; Ak. Zaini bin Pg. Hadi, III; Haisah bte Hj. Tengah, Lulus; Ak. Abdullah bin Pg. Jaludin, Lulus; dan Dahalan bin Ag. Murat, Lulus.

Sekolah Ugama Madrasah Setia Ali.

Abd. Hamit bin Musa, III; Dg. Jaliha bte Ag. Md. Yusof, III; Dg. Rukiah bte Burut, III; Laiman bin Hamba, Lulus; dan Talip bin Haji Mina, Lulus.

Sekolah Ugama Delima Satu.

Dg. Nilam bte Ismail, III; Rokinah @ Rozini bte Mohamed, III; Dg. Emas bte Jaafar, Lulus. Dg. Kuntum bte Lamat, Lulus; Ak. Rosli bin Pg. Chuchu, Lulus; dan Hapizah bte Husein, Lulus.

Sekolah Ugama Lorang Dalam

Rosni bte Zainal, II; Sa'adiah bte Ladi, III; Aminah bte Hj. Jair, III; Rosni bte Hamid Lulus; Norminah bte Osman, Lulus; dan Rosnah @ Rosinah bte Ismail, Lulus.

DAERAH TUTONG.

Sekolah Ugama Muda Hashim.

Siti Minah bte Taha, III; dan Morney bin Ahmad, III.

HA DAN PERTUMBOHAN PERPUSTAKAAN

melihat
sa atau
bacha
jenis
mem-
saorang
ai tu-
igikuti
ng ber-
mbuat
an dan

faedah
biasa
ang ti-
ha ba-
lah, sa-
2, ma-
surat2
ada-lah
saorang
rangan,

pengetahuan, kechekapan dan hiboran. Dengan membacha juga sa-saorang boleh mengisikan masa lapang-nya dengan berguna.

Satu perkara yang jelas bagi orang2 yang suka membacha ia-lah mereka dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman sa-saorang. Perkara2 yang tidak di-ketahui akan dapat di-ketahui sa-telah membacha dan dengan sendiri-nya kita boleh memberikan penerangan atau penjelasan kapada orang2 yang bertanya atau mengemukakan sa-suatu yang tidak di-ketahui-nya. Umpama-nya, saperti sejarah kehidupan dan perjuangan tokoh2 yang terkenal di-dunia, peristiwa2 yang berlaku di-sana sini dan lain2 lagi.

Sa-lain dari perkara2 yang kita sebutkan tadi, melalui pembacha-an juga kita boleh mengetahui tentang ada-nya kerja2 kosong di-jabatan2 kerajaan atau di-firma2. Bagi ahli2 perniagaan pula tentu-nya ingin mengikuti kenyataan2 mengenai tawaran atau tender, keadaan pasar dan lain2 hal penting yang bersangkutan dengan dunia perniagaan. Di-samping itu pengumuman2 penting untok pengetahuan orang ramai boleh di-ikuti dengan membacha. Pendek kata, segala yang berlaku dalam sa-suatu masharakat atau negeri itu boleh kita ikuti melalui pembacha-an. Dengan chara ini kita tidak akan ketinggalan oleh arus perubahan dan pergolakan yang berlaku sa-tiap hari. Bagi peminat2 feshen dan kaum ibu pula boleh mengikuti-nya di-ruangan tertentu. Kita mungkin pernah bertemu dengan kebanyakan orang yang berjaya dalam pepereksaan tanpa menghadhiri kelas2 sa-chara formal. Kejayaan mereka ini ada-lah di-sebabkan oleh sikap dan minat mereka yang rajin membacha.

Satu persoalan mungkin timbul. Bagaimana-kah menanamkan semangat ingin atau berminat membacha di-kalangan raayat. Pertumbohan dalam keinginan membacha bergantong kapada beberapa faktor. Antara-nya ia-lah umor dan jantina, keadaan sekitar dalam dan luar rumah, perengkat kebolehan sa-saorang membacha, bilangan dan jenis bahan2 bacha-an yang di-dapati, ada-nya radio, television, wayang gambar dan lain2 pengaroh yang boleh menggangu minat membacha.

Untok mengalakkan orang ramai supaya rajin dan berminat membacha ada-lah satu perkara yang sukar. Satu chara yang mungkin boleh di-lakukan ia-lah menanamkan tabiat ingin membacha sejak kechil lagi. Kanak2 patut-lah di-galakkan berjinak2 dengan buku, majalah, risalah dan lain2 yang sesuai untok membentok peribadi yang baik, menjadi manusia yang berguna kapada negara dan bangsa.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri pula ketika di-minta memberikan pendapat-nya bagaimana-kah menggalakkan orang ramai supaya rajin atau berminat membacha, telah mengemukakan beberapa chara yang boleh di-jadikan panduan. Pertama, dengan memberikan sharahan2 di-radio tentang faedah membacha. Kedua, mengadakan poster2 dan ketiga keadaan bilek bachaan mesti-lah di-buat sedemikian rupa supaya dapat menarek minat sa-siapa saja yang pernah berkunjong ka-sana. Umpama-nya saperti mengadakan bilek hawa dingin, kerusi meja yang baik, bahan2 bachaan yang chukup dan lain2 kemudahan yang patut. Jadi bila si-pengunjong merasa mudah, senang dan keadaan di-sana elok dan menarek, mereka akan tertarek untok membacha.

Satu perkara yang penting yang harus kita berikan perhatian ia-lah soal memileh bahan2 pembachaan yang sesuai bagi pembentukan fikiran yang sehat di-kalangan raayat. Kalau membacha harus-lah memileh bahan2 yang baik dan boleh mendatangkan faedah. Bahan2 yang luchah yang boleh merosakkan akhlak dan fikiran tidak harus di-galakkan membacha-nya terutama sekali di-kalangan kanak2. Ada banyak terdapat bahan2 bachaan yang tidak sesuai berselerak di-jual di-kedai2 dan biasa-nya mendapat sambutan hangat dari orang ramai. Kalau pemilehan bahan2 bachaan tidak di-lakukan dengan teliti, ia tidak akan berarti dalam usaha membangun masharakat.

— Bersambong.

NA yang bertajok 'Membacha dan Pertum- Perpustakaan' ini di-tulis oleh Awang Alidin Renchana ini akan di-bahagikan kapada dua m keluaran ini, penulis telah mengutarakan tu- faedah membacha. Siri kedua yang akan di- alam keluaran minggu hadapan, beliau akan akan soal bilek bachaan dan perpustakaan a2 tempat ini memainkan peranan penting bagi hi kemudahan2 membacha.



Tiap2 bilek bachaan yang di-kelolakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-lengkapkan dengan bahan2 bachaan saperti majalah2, risalah2 dan surat2 khabar harian. Gambar atas menunjokkan sa-bahagian dari orang ramai yang mengunjongi bilek bachaan Temburang, manakala gambar bawah menunjokkan suasana di-dalam bilek perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di-Bandar Seri Begawan.



KSAAN UGAMA

olah Ugama Sengkurong.

sni bte Haji Tungkat, III; nah bte Salleh, III; Noor- bte Haji Hitam, III; Mahl umat, III; Karim bin Haji Lulus; Ismail bin Lamat, ; Abdullah bin O.K.M.D. Saman, Lulus; Rusinah bte s, Lulus.

lah Ugama Abdul Rashid, Tanjong Maya.

sidah bte Mohd. Noor, III; h bte Abd. Rashid, III; bte Aspal, III; Latipah bte l, Lulus; dan Muhaimin bin Akbar, Lulus.

Sekolah Ugama Kariam.

Marsad bin Ismail, III; Dg. rt bte Libut, III; Dg. Siti h bte Marshidi, Lulus; Ag. h bin Pisi, Lulus; Ag. Tuah Libut, Lulus; dan Dg. Siti h bte Nordin, Lulus.

Sekolah Ugama Kiudang.

iah bte Jali, Lulus.

Sekolah Ugama Pg. Muda Mahkota

Hidup bin Pg. Omar, Lulus.

Sekolah Ugama Danau.

inah bte Akup, Lulus; Ali n bin Morni, Lulus; Ga- te Akup, Lulus; Jainah arani, Lulus; Rosdi bte Lulus; dan Zainab bte Lulus.

DAERAH BELAIT.

lah Ugama Pekan Belait.

ah bte Morshidi, II; Zai- e Hj. Drahman, II; Masni Ahmad, II; Omar Ali bin n, III; Haji Omar bin Hj. an, III; Ak. Maidi bin Pg. k, III; Mohd. Yusof bin k, III; Ag. Tengah bin Ibrahim, III; Mohd. Puad bin Zarkashi, Lulus; Abdul Rahim bin Ahmad, Lulus; Raduan bin Jamil, Lulus; Ramlie bin Ali, Lulus; Md. Husin bin Nordin, Lulus; Normah bte Md. Sa'at, Lulus; dan Sa'adiah bte Mahmud, Lulus.

Sekolah Ugama Mohd. 'Alam.

Yakob bin Haji Yusof, II; Rosli bin Yahya, II; Ak. Sahari bin Pg. Salleh, II; Safiah bte Asnawi, II; Dk. Halimah bte Pg. Hj. Besar, III; Rohaya bte Hassan, III; Kamlah bte Ibrahim, III; Yahkup bin Menudin, III; Fatimah bte Ya'akub, III; Dk. Aminah bte Pg. Salleh, III; Iaseh binte Abdullah, III; dan Yaakub bin Ahmad, III.

Hajjah Siti Fatimah bte Hj. Omar, III; Sapar bin Serudin, III; Maimunah bte Suhaili, III; Kamariah bte Shari, Lulus; Rosni bte Tamin, Lulus; Hajijah bte Daud, Lulus; Halimah bte Ismail, Lulus; Maikalsum bte Tinggal, Lulus; Aidah bte Mohd. Yusof, Lulus; Aminah bte Sabtu, Lulus; Dg. Fadil bte Haji Md. Amjah, Lulus; Siti Rukiah bte Shukor, Lulus; Rosni bte Md. Nawi, Lulus; dan Barsiah bte Kundi, Lulus.

DAERAH TEMBURONG.

Sekolah Ugama Sultan Hassan

Zainab bte Ismail, III; Norhani bte Ahmad, III; Pasang bte Bahar, III; Nuwati bte Hj. Taha, Lulus; Siah bte Lahir, Lulus; Jamilah bte Mamit, Lulus; Mariam bte Taha, Lulus; dan Ali Hassan bin Suliman, Lulus.

Sekolah Ugama Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar.

Bunga bte Haji Abd. Samad, Lulus.

KEPUTUSAN PENOH PEPEREKSAAN S.R.P.

SEKOLAH MENENGAH S.M.J.A.

Alli Rahman bin Ahmad, B; Abd. Rahman bin Hj. Omar, B; Awg. Damit bin Haji Ladis, C; Awang bin Laini, B; Ahmad Sherjawi bin Md. Yusof, B; Abdul Bahari bin Hj. Maamor, C; Ak. Abd. Rahman b. Pengiran Sabuddin, C; Ak. Tajuddin bin Pg. Burut, A; Ibrahim bin Awang Damit, A; Jait b. Haji Aji/Haji Samat, C;

Kurus b. Haji Bakir, C; Kachi b. Umong, C; Mohd. Daud b. Awang Omar, B; Md. Ait bin Yahya, A; Nasir bin Gapor, C; Puugut b. Omar, B; Sanari bin Mohammad, A; Sarkawi bin Salleh Monamad, A; Tunjang bin Yahya, A; Wahab bin Muhamad Rais, C; Dayang/Dayang Fatimah bte. Hj. Damit, A; Awang b. Metali, B; Azmi bin Ahmad, A; Ahmad bin Hj. Besar, C.

Awang bin Jair, C; Awang Hidop bin Mohamad Zain, C; Awang Ahmad bin Awang Mahali, A; Awang Serbini bin Sabtu, A; Awg. Metassim/Kassim b. Ahmad, A; Awg. Suhut bin Hj. Sahat, C; Anuarpuasa bin Misir, A; Awang Kamis bin Mat Yasin, C; Ak. Tajuddin bin Pg. Salleh, Ak. Mohamad bin Pg. Damit, A; Ak. Sabtu bin Pg. Mahmud, C; Ak. Matarsad bin Pg. Jaafar, C; Bini/Morsidi bin Hj. Bayau, A; Daud bin Haji Damit, C; Dua/Lamat bin Kamis, A; Daud bin Aman, C; Haji Alim bin Haji Aris, A; Hong Kok Seng, A; Ismail bin Hj. Tengah, A; Ismail bin Chuchu, B.

Jalil bin Hj. Mail, A; Jumat bin Rajid, A; Mohammad bin Ag. Kamit, C; Mat Salleh bin Omar, A; Mohammad bin Ibrahim, C; Mai Yusof bin Adi, A; Minudin bin Chuchu, B; Mohammad b. Abd. Rahman, B; Dy. Armah bte Ahmad, A; Janis bte Bakar, C; Lee Ching Tee, A; Mahl/Mahal bte. Jumat, A; Mahali bin Besar, B.

Said bin Ludin, B; Misli bin Hj. Muhamad, B; Pasah bte. Mohammad, C; Rapiah bte. Haji Masri, B; Rosenah bte. Bakar, A; Rosnani bte. Mail, C; Rosni bte. Abd. Aziz, A; Rokiah bte. Md. Salleh, A; Rasidah bte. Abd. Rahman, C; Rabiah bte. Narudin, B; Rohani bte Hj. Jeludin, A; Rokiah/Dy. Laki bte. A. Damit, C; Salmah bte. Abd. Hamid, B; Saidah bte. Sulaiman, B; Sapiah bte. Angin, B; Suriyati bte. Ahmad, C; Seri Rambunei bte. A. Burut, C; Upsah/Asfah bte. Nayan, C; Kefli bin A. Tuah, C.

SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOLKIAH.

Jariah bte. Ibrahim, C; Mariah bte. Ismail, C; Masni bte. Abd. Rahman, A; Masni bte. Hj. Manaf, A; Norzainah bte. Jaya, C; Rohana bte. Ibrahim, A, Rosni bte. Ahmad Jalani, A; Rosnie bte. Kadir, A; Rusnah bte. Kasmorjo, B; Samsiah bte. Asmat, A; Zaharah bte. Jais, C; Abd. Manaf bin Tabit, C; Ak. Damit bin P. Hj. Sepaiudin, A.

Awang bin Mohd. Jaafar, C; Hamza/Idris bin Ismail, A; Moktar bin Abd. Rahman, A; Nordin bin Musa, A; Sufri bin Brahim, C; Dk. Hajijah bte. P. Matarsat, A; Dk. Jaliha bte. P. Shahbudin, A; Dk. Sara bte. P. Kemaludin, A; Dariah bte, Sumari, C; Fatimah bte. Labuk, C; Zaliha bte. Murat, A; Zubaidah bte. Chuchu, A.

MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA.

Awang Mataim b. Bakar, A; Abu Bakar b. Abd. Rahman, B; Abdul Rahman b. Kamis, A; Ali b. Hj. Abd. Rahman, A; Bujang B. Talib, B; Bujang b. Jumat, A; Hajap b. Hj. Rais, A; Johari b. Husain, A; Kuma b. b. Ledu, A; Mohammed b. Jambul, A; Mohamad Ali b. Majid, A; Mohamad b. Ahad, A; Mohamad b. Yusup, A.

Mohamad b. Salam, A; Md. Idris b. Hj. Sikun, A; Patera b. Madil, A; Rambli b. Trokie, A; Rambli b. Mohammad, C; Rosli b. Marusin, B; Rosli b. Abdullah, B; Salim b. Aman/Rahman, A; Saidi b. Ibrahim, A; Selamat b. Wagiman, A; Siri b. Sijok, A; Tarjo b. Seryati, C.

Tahir b. Samsu, A; Armah bte. Abdullah, A; Alimah bte. Hj. Aji, B; Dy. Hajjah Isah bte. Hj. Jair, A; Jainun bte. Musa, A; Kamaniah bte. Nayan, C; Manis bte. Ahmad, A; Rusni bte. Jundi, C; Wee Son How, A; Zaniah bte. Jikeria, A.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUHD. ALAM SERIA.

Bayoh bin Bato, A; Ibang bin Ampajan, C; Razali bin Ahmad, A; Shakespear b. Shahziar, A; V. Sukumaran B.P. Vasavan, A; Robiah bte. Sahari, A.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT.

Abd. Hamid bin Mohd. Zain, A; Ayak bin Drahman, B; Dk. Zubaidah bte. Pg. Puteh, A; Etuala bin Setia, B; Hazari bin Abu Hanafiah, A; Hassan bin Mohd. Yusuf, A; Jaraye bin Liasan, C; Lanting Anak Lamat, A; Moktar bin Judin, B; Md. Yakup bin Saban, B; Mohamed bin Awang Damit, C; Mawan Anak Ujan, A; A; Pong Anak Sap, A; Pawi bin Kasim, A; Radin Anak Silang, A; Ramli bin Mohamad, A; Rosli bin Madi, A; Raduan bin Jamil, A; Razami bin Tengah, B.

Safiah bte. Matussin, B; Sating Anak Baring, A; Tinggal bin Mohd. Ali, A; Tima Anak Majang, B; Yukup bin Ladi, B; Haminah bte. Yaman, A; Kifli bin Taib, C; Masni bte. Ahmad, A; Puasa bin Haji Abd. Rahman, C.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUDA HASHIM, TUTONG.

Adnan bin Sabli, C; Ak. Ibrahim bin P. Hassan, B; Garuan bin Musim, A; Hook Chai, A; Idris bin Edin, A; Kah You Chu, C; Jasni bin Nassir, C; Kuyuk bin Luar/Zailani A; Masok bin Musim, A; Md. Jin bin Hj. Md. Noor, B; Mohd. Noh bin Md. Taib, A; Morni bin Ismail, A; Naibi bin Nurasin, A.

Nain bin Utar, A; Patae bin Onggang, A; Razalli bin Siput, A; Rimong bin Jambu, C; Sariba bin Md. Noor, C; Yugit bin Daun, A; Zainin bin Lian, A; Malai bin Binting, A; Normah bte. Md. Yahya, A.

Kimi binte Junaidi, B; Lim Yee Wah, B; Seng Saw Sa, C; Tan Nor Ah Ya, A; Upie bte. Arbaie, B.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR TEMBURONG

Abd. Jalil bin Tamin, A; Abu Bakar bin Taha, A; Bustamam bin Anap, A; Isa bin Haji Nordin, C; Jang Anak Tangai, B; Jarudin Anak Ganai, A; Jumat bin Akim, A; Matjin bin Jamahat, A; Mohamad b. Basar, A; Mohidin bin Mustapa, A; Otik Anak Juti, B; Dayang Zauyah bte Karim, A; Dg. Hajijah bte. Mohd. Said, C; Kinah bte. Ahad, A; Mariam bte. Taha, B; Pek Siok Hwa, A.

KELAS DEWASA SEKOLAH MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR, TEMBURONG.

Ibrahim bin Haji Ahmad, C; Ibrahim bin Hj. Misir, B; Jilil bin Ali, B; Metali bin Tapa, A; Nayan bin Ahmad, C; Rabaha/Ismail bin Ampuan Salleh, C; Yusof bin Judah, A; Asmah bin bte. Hj. Bakar, B; Dayang Noriah bte. Bolhassan, A; Dk. Salcha/Saliah bte. Pg. Hj. A. Rahman, A; Zainab bte. Kalong, A.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU S.M.J.A. (DARJAH DEWASA PETANG) BANDAR SERI BEGAWAN.

Abas b. Jaluddin, C; Awang Damit b. Judin, A; Abd. Latif b. Othman, A; Ak. Othman b. Pg. Hj. Damit, C; Ak. Adanan b. Pg. Abas, C; Ak. Mohd. Yusof b. Pg. Salimin, C; Diri b. Ajang, B; Jahri b. Bakar/Abu Bakar, B; Johor/Johar b. Hamba, C; Muhammad b. Damit, C; Talip b. Samsu, A; Azizah bte. Jaafar, C; Aminah bte Hj. Md. Yassin, A.

Dayang Apiah bte. Awang Besar, B; Dy. Amnah/Aminah bte. Awg. Ismail, C; Dayang Normah bte. Mohamad, A; Maimunah bte. Kassim, A; Nasarah bte Ahmad, A; Normalah bte, Morni, B; Rahmah bte. Pungut, A; Rukiah bte. Haji Sabtu, C; Siti Rollah bte. Abdullah, B; Zaliha bte. Hj. Abd. Majid, A; Zerinah bte. Mohd. Shariff, B; Ak. Muhammad b. Pg. Jaafar, A; Ak. Tuah bin Pg. Apong, C; Mat Jair bin Mohd. Yusof, C.

CHALUN PERSENDIRIAN BANDAR SERI BEGAWAN,

A. Bakir bin A. Untak, C; Abdul Rahman bin Abdul Karim, C; Abd. Ghafar bin Jumat, C; Abd. Rahman bin Hj. Othman, C; Abd. Rashid bin Bolaji, B; Ak. Abd. Hamid bin Pg. Hashim, A; Ak. Bakar b. Pg. Hj. Md. Salleh, A; A. Kamis bin Haji Mansor, A; Awg. Abu Hasan bin Ismail, C; Ismail bin Mohammad Salleh, C.

Jumaat bin Haji Tudin, A; Limah bin Md. Said, C; Md. Jaafar bin Md. Tahir, A; Md. Salleh bin Abd. Rahman, C; Pg. Tajuddin b. Pg. Rabaha, A; Sulaiman b. Aw. Chuchu, A; Sulaiman bin Laki, B; Talib bin Ibrahim, A; Tamin b. Perak/Tamin b. Tarip, C; Tengah bin Md. Tahir, C; Bungsu bin Haji Sabtu, B; Dayang Rasinah bte. Md. Salleh, B.

Dk. Normah bte. Pg. Tuah, B; Dk. Rosni bte Pg. Ismail, C; Hajjah Tiamah bte. Haji Md. Yusof, C; Masni bte. A. Bakar, A; Noriah bte. Haji Mohamad, A; Rasiah bte. Haji Abdullah, A; Aissah bte. Abd. Rahim, A; Aisah bte. Ghani, A; Asmah bte. Lampoh, C; Dulima bte. Daud, A; Edah bte. Naim, A; Hajjah Amenah/Aminah bte. Hj. Omar, A; Mahani bte Aris, A; Sairah binte Lahit, C; Siumit bte Jenudin, A.

PUSAT 9027

Abdul Wahab b Abang Razali, A; Muhammad bin Che'ku, A; Siadi bin Osman, C.

(Lihat muka 7)

Keputusan pepereksaan L.C.E.

(*Dari Muka 2*)

Hong * Wong Poh Chee, A; Lim Siew Yin, A; Lim Suan Kheng, A; Lim Suan Poh, A; Lo Nyet Liong, A; Loo Khuan Fong, A.

Mar Vivien, A; Mathews Mary, A; Ngui Fook Lan Florence, A; Ong Cheh Sin, A; Ow Mee Lin, A; Pereira Lucina * Luciena, A; Rabaiah binte Rasid, A; Rabia binte Rasat, A; Radiah binte Zainudin, A; Reynolds Belinda Irene, A; Sarkiah binte Zenadin Hipney, A; Sim Fung Ken, A; Sua Boon Hwa, A; Tam Pui Suen, A.

Tan Poh Choo, A; Teo Koi Keng, C; Then Nyuk Fah Monica, A; Ting Aye Hwa, A; Ting Rose, A; Voon Ngee Moi, A; Voon Oi Fong, A; Voon Siew Lan, A; Wong Mann Foon, A; Wong Mary Josephine, A; Wong Swee Yen, A; Wong Wai Kwan, A; Yong Poh Kiaw, C.

SEKOLAH ST. JOHN'S, KUALA BELAIT.

Barathan Veerappan, A; Bernadine Terese De Silve, A; Chan Bee Yik, A; Cheong Huat Peng, A; Chew Shim Kiat, A; Chiam Soo Mei, A; Chiam Soo Yuan, C; Chong Kwong Hua, A; Choo Swee Tak, A; Foo Lee Ken, A; Huong Pek Hie, A; Lai Foo Juat, A; Lau Mui Lian, A

Law Kim Ngei, A; Lee Swee Kiat, A; Lee Kui Khiong, A; Liew Pui Fah, A; Lim Swee Eng, A; Lo Moi Lan, A; Monica Jiew, A; Ng Nyuk Kwei, B; Ngoh Woon Siew, A; Nicholas Tai Kim, A; Patsy Choong Siew Kee, B.

Robert James, C; Roland Choong How Par, A; Shelly Chiew Yun Loi, A; Shim Chai Guan, A; Song Lin Wah, A; Teng Chai Sen, A; Then Ng Moi, A; Teo Liang Kuang, A; Tiong Eng Chiong, A; Wong Choon Hoon, B; Wong Fui Lee, A; Wong Swee Eng, A; Woo Siew Choo, A; Yang Chen Lin, A; Yep Ka Lin, A; Yusop bin Amin A.

SEKOLAH ST. JAMES, KUALA BELAIT.

Asmara bin Hj. Mohd. Bilin, A; Cheong Poh Ai Linda, A; Chia Yuk Ying, A; Chin Hon Yin, A; Pui Ai Ling Joyce, A; Sahari bin Dahlan, A; Sainie bin Ali, C; Tan Guek Choo, A.

PUSAT 9027.

Ak. Maidin bin bin Pg. Bakar, A; Dk. Rokiah bte Pg. A. Maida, A; Emran bin Ismail, C; Ibrahim bin Ahmad, C; Pg. Rosli bin Pg. Hashim, A; Ukit bin Mokti, A; Umar bin Idris, B.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa–bagai Kerani Tingkatan 'A'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang di-dalam Perkhidmatan Kerajaan yang berjawatan tetap dan telah lulus Pepereksaan Kerani2 Rendah bagi Kerani Tingkatan 'A' untok di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan permohonan2 ini mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan, Brunei tidak lewat dari 20hb. Januari, 1973. Ketua2 Jabatan, semasa menghadapkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) hendak-lah menyertakan laporan2 sulit berthabit dengan pegawai2 ini serta menyatakan tugas2 mereka sekarang, kebolehan2 mereka dan kesesuaian masing2 untok di-naikkan pangkat. Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan.

Keputusan pepereksaan S.R.P.

(Dari Muka 6)

KELAS DEWASA

ANTHONY ABELL, SERIA

Bujang bin Mohamad, C dan Khamis bin Saman, C.

CHALUN PERSENDIRIAN TUTONG PUSAT: 9021 (PERANTARAAN BAHASA MALAYSIA)

Mohsin bin Mohd. Taha, C; Jainah bte Omar, A; Saniah bin Jaya, C.

CHALUN PERSENDIRIAN SERIA PUSAT: 9023 (PERANTARAAN BAHASA MALAYSIA)

Ahmad bin Suhaili, C; Ibrahim bin Abd. Rahman, C; Lee Koi Chin, A; Mat Salleh bin Haji Yusof, C; Taha bin Ahmad, B; Yahya bin Haji Wahab, B.

CHALUN PERSENDIRIAN KUALA BELAIT PUSAT 9024 (PERANTARAAN BAHASA MALAYSIA)

Kulus bin Raga, C; Merali bin Merusin, C; Puan bin Sambang, A; Rashidah bte Abd. Rashid, A; Shamsiah bte OKSM Shamir, C.

CHALUN PERSENDIRIAN BANGAR TEMBURONG PUSAT: 9025 (PERANTARAAN BAHASA MALAYSIA)

Ali bin Omar, A.

SA–BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK (RADIO)

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang berkelayakan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah sabaik2-nya mempunyai kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbukti akan di-anggap lebeh mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-sebuah badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebehan tambahan.

Umor:

Sekurang2-nya 35 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 3 EB 4 — $1000x30-1120/EB/1160x 30-1280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan salama 6 bulan dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Mereka yang telah dahulu memohon jawatan ini tidak perlu memohon lagi.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 29hb. Januari, 1973.

Tukang Chachar

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Tukang Chachar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-nya Tingkatan I Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya.

(b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan2 yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai tukang chungkil boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2–3 EB 4 — $200x5-240/EB/245x 5-260.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 29hb. Januari, 1973.

Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fisik. Pemohon2 hendak-lah berumor di-antara 18 dan 25 tahun pada 1hb. Januari, 1973.

Chalun2 yang berjaya akan di-lantek sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara perchubaan dan ada-lah di-kehendaki lulus dalam pepereksaan2 yang mana mereka akan di-beri latehan. Pembantu2 Pengawal Lalu-Lintas Udara yang tamat serta lulus dalam latehan, mereka mempunyai peluang yang baik untok di-naikkan pangkat ka-perengkat Pegawai Lalu-Lintas Udara.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 — $410x20-510. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 22hb. Januari, 1973.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

Sa–bagai Penyelanggara Setor Tingkatan II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Penyelanggara Setor Tingkatan II di-Jabatan Letrik, Brunei:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 22 hingga 28 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran. Mereka hendak-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor dan biasa dengan perkakas2 letrik serta boleh menaip.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D2 EB 3 — $290x15-380/EB/410x 20-510. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 20hb. Januari, 1973.



PEMENANG2 Bintang Radio 1972 bergambar dengan hadiah2 kemenangan mereka. Johan lelaki — Awang Hamidon bin Metussin, peserta dari Daerah Brunei-Muara dan johan wanita — Dayangku Rohani bte Pengiran Manai, peserta dari Daerah Brunei-Muara (di-tengah2).

Naib-johan lelaki — Awang Amedun bin Mohd. Yassin, peserta dari Daerah Belait (no. 2 dari kanan) dan pemenang ketiga Awang Hamid Udin, peserta dari Daerah Tutong (di-kanan sekali).

Naib-johan wanita — Dayang Hamsiah Hussain, peserta dari Daerah Belait (no. 2 dari kiri) dan pemenang ketiga Dayang Fatiman bte Simpol, peserta dari Daerah Tutong (di-kiri sekali).

Di-penjara kerana masok chara haram

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Bandar Seri Begawan telah menghukom penjara sa-orang Iban, Sain anak Juyo sa-lama 6 bulan kerana masok ka-negeri ini tanpa mempunyai surat kebenaran masok atau surat perjalanan yang sah.

Mahkamah di-beritahu bahawa yang di-tudoh di-dapati melakukan kesalahan tersebut pada 2hb. Januari tahun ini.

Mahkamah itu juga telah menghukom penjara dua orang lagi suku Iban sa-telah mereka tidak dapat membayar denda atas tudohan tinggal di-negeri ini sa-telah tempoh pas lawatan mereka mansoh.

Kedua2 yang di-tudoh itu ia-lah Galleh anak Jawit yang di-penjara sa-lama dua bulan, sa-telah dia tidak dapat membayar denda sabanyak $300.00 dan Ode anak Bunso yang di-penjara sa-lama 3 minggu, sa-telah dia tidak dapat membayar denda sa-banyak $100.00.

Pas melawat Galleh mansoh pada 16hb. Mach tahun lalu manakala pas melawat Ode mansoh pada 30hb. Nobember tahun lalu.

Dalam satu kes lagi, mahkamah tersebut telah mendenda Ngu Woo Ching sa-banyak $70.00, atau penjara sa-lama sa-minggu kerana tinggal di-negeri ini sa-telah pas lawatan-nya mansoh pada 26hb. Disember tahun lalu.

"Suara Brunei" boleh di-beli di-kedai2 buku

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Brunei telah menerima pengaduan2 bahawa "Suara Brunei", majalah susunan ranchangan2 yang di-keluarkan tiap2 dua minggu sekali, selalu-nya tidak boleh didapati di-kedai2 buku dan sharikat2 di-negeri ini.

Keluaran yang ada sekarang yang mengandongi butir2 ranchangan perkhidmatan Radio Brunei dalam semua bahasa sedang di-jual di-Sharikat Akhbar Current, 23 Jalan Sultan; Toko Buku Capital, Bangunan Puspa; Chop Chuan Huat, 18 Jalan Roberts; Chop Hou Woon Hui, 8 Jalan McArthur; Chop Sin Hin, 52 Jalan Sultan dan Toko Buku Bintang, 35 Jalan Sultan, semua-nya di-Bandar Seri Begawan.

Di-Tutong ia-nya di-jual di-kedai Hasbollah Yusof sementara di-Seria ia-nya di-jual di-Kedai Buku Buku Umom; Leong Brothers, Jalan Sultan dan Toko Buku See Hwa.

Di-Kuala Belait pula ia-nya di-jual di-kedai Chop Sei Kai, 1-B Jalan Pretty dan di-Toko Buku Rainbow, 18 Jalan Pretty.

Mereka yang membuat pesanan tetap dengan sebarang pekedai yang di-sebutkan tadi dengan harga 30 sen sa-naskhah akan menerima-nya pada tiap2 dua minggu sekali.

Radio Brunei akan menambahkan penchetakan-nya bagi keluaran akan datang, yang akan di-keluarkan pada 14hb. Januari.

Pendengar2 luar negeri yang ingin mendapatkan "Suara Brunei" boleh-lah menghantarkan pesanan mereka kapada Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan. Harga langganan ia-lah 55 sen sa-naskhah termasok belanja pos kapada sebarang kawasan di-Sabah dan Sarawak, Singpura atau Malaysia Barat. Langganan2 dengan harga ini mesti-lah tidak kurang dari 12 kali keluaran.

Keputusan pereksa L.C.E. / S.R.P.

(Dari muka 1)

Maktab S.O.A.S., 28.3%.
Sekolah St. James, 27.6%.
Sekolah St. Andrews, 22.8%.
Sekolah St. Margaret, 22.4%.
Maktab Anthony Abell, 20%.

Dalam pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran (S.R.P.), Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah mendapat markah yang paling tinggi ia-itu 61.4%. Dari 57 orang chalun yang mengambil pepereksaan, 26 lulus dengan mendapat pangkat A, 5 mendapat pangkat B dan 4 mendapat pangkat C.

Darjah Dewasa Sekolah Sultan Hassan, Bangar mendapat 36.7% — 5 mendapat pangkat A, 3 mendapat pangkat B dan 3 mendapat pangkat C.

Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah mendapat 28.4% — 15 mendapat pangkat A, 1 mendapat pangkat B dan 9 mendapat pangkat C.

Kelas Dewasa S.M.J.A., mendapat 28.7%.

Sekolah Menengah Sultan Hassan mendapat 23.9%.

Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin mendapat 22.4%.

Sekolah Menengah S.M.J.A. yang paling ramai mengemukakan chalun, mendapat 10.5%.

Sekolah Menengah Muda Hashim mendapat 8.9%.

Sekolah Menengah Muhammad Alam mendapat 4.7%.

Dari 220 orang chalun persendirian yang mengambil pepereksaan itu, hanya 55 orang sahaja yang telah lulus. Sa-ramai 25 orang chalun mendapat pangkat A, 7 mendapat pangkat B dan 23 mendapat pangkat C.

Alat2 menangkap ikan perlu punyai lesen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Perikanan, Dr. E. Birkenmieir telah mengingatkan nelayan2 bahawa semua alat2 menangkap ikan mesti-lah mempunyai lesen mulai awal sa-tiap2 tahun.

Lesen2 itu mesti-lah di-ambil dengan saberapa segera kerana nelayan2 yang menggunakan alat2 menangkap ikan yang tidak berlesen boleh di-dakwa di-bawah Undang2 Baru Perikanan tahun 1972 dan alat2 mereka boleh di-rampas.

Pegawai Perikanan juga mengingatkan nelayan2 bahawa sa-tiap pemegang lesen hanya di-benarkan mengambil lesen bagi sa-buah andang saja dan penggunaan lebeh dari sabuah andang bagi sa-tiap lesen ada-lah tidak di-benarkan.

Lesen2 tersebut di-keluarkan oleh Jabatan Perikanan di-tempat2 dan tarikh2 berikut:

Di-Pejabat Daerah Kuala Belait pada tiap2 hari Khamis dan Sabtu.

Di-Jabatan Laut, Tutong pada hari Selasa yang pertama pada tiap2 bulan mulai dari jam 9.00 pagi hingga jam 11.00 pagi, dan di-Jabatan Perikanan, Bandar Seri Begawan pada tiap2 hari kechuali pada hari Selasa dan Rabu yang pertama pada tiap2 bulan.

Pegawai AMDB berkursus di-UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untok mengikuti kursus ketenteraan.

Awang Mahmud bin Haji Idris menjalani kursus sa-lama enam bulan di-Sekolah Pegawai2 Kadet Royal Military Academy Sandhurst.

Manakala Awang Abdul Jalil bin Ahmad menjalani kursus ketenteraan laut di-Britannia Royal Naval College.

Awang Abdul Jalil akan berada di-maktab itu sa-lama 12 bulan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10hb. Januari, 1973 hingga ka-hari Selasa 16hb. Januari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
10hb. Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
11hb. Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5.01	5-16	6-33
12hb. Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5.01	5-16	6-33
13hb. Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5.01	5-16	6-33
14hb. Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5.01	5-16	6-33
15hb. Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5.01	5-16	6-33
16hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-44	5.04	5-18	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 3 RABU 17HB. JANUARI, 1973. 1392 ذوالحجه 13 رابو PERCHUMA



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei beserta Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berangkat ka-Singapura untok lawatan private sa-lama empat hari ka-repablik itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat ka-Singapura pada hari Khamis, 11hb. Januari dan berangkat pulang pada hari Ahad 14hb. Januari.

Turut serta dalam lawatan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Pengiran Anak Zariah.

Gambar atas kelihatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan di-ikuti oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan ketika menaiki kapal terbang Sharikat Penerbangan Singapura sa-jurus sa-belum bertolak ka-Singapura pada hari Khamis jepas.

Penuntut2 di-seru bergiat dalam lapangan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abdul Razak bin Mohamed telah menyeru kapada semua penuntut2 di-sekolah2 Menengah di-negeri ini supaya bergiat di-lapangan pelajaran sama ada di-sekolah mahupun di-luar sekolah agar mereka boleh mengambil peranan penting dalam penyertaan ekonomi dan sosial negara.

Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu itu telah membuat seruan demikian dalam kata2 aluan majalah tahunan 'WISATA' 1972 yang di-terbitkan oleh penuntut2 dengan kerjasama guru2 Sekolah Menengah Melayu SMJA di-Bandar Seri Begawan.

Awang Abdul Razak berkata, negara kita ada-lah dalam zaman pembangunan di-bidang ekonomi, sosial dan pelajaran. Pembinaan infrastruktur fisikal saperti pelabohan ayer dalam Muara, dan lapangan terbang antara Bangsa akan meluaskan lagi asas bagi perkembangan2 itu yang menghendaki penyertaan berdikari, berdisiplin, berinisiatif dan berkebolehan serta bertanggong-jawab.

Beliau menjelaskan, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menyedari akan kepentingan2 tersebut dan berjuta2 ringgit telah di-leburkan dalam bidang pelajaran am dan teknikal bagi membentok pendudok yang mempunyai daya pengeluaran tinggi sesuai bagi perkembangan itu.

Pengetua Sekolah Menengah Melayu SMJA, Awang Mohamed Yassin bin Haji Ahmad dalam kata2 aluan-nya dalam majalah tersebut telah menyentoh mengenai perkembangan pelajaran di-negeri ini.

Beliau berkata, Kerajaan telah memberikan kemudahan2 pelajaran dengan perchuma dari peringkat sekolah rendah hingga ka-peringkat tinggi.

Dengan demikian kata-nya, akan banyak-lah raayat negeri ini mempunyai pelajaran yang boleh menghasilkan banyak tenaga ahli yang berkemahiran supaya pembangunan negeri ini sa-jajar dengan negara2 yang telah maju di-dunia.

Beliau juga mengharapkan semua gulongan ibu bapa dan cherdek pandai di-negeri ini akan dapat membantu penuntut2 memberikan sukongan moral supaya penuntut2 itu dapat menanamkan chita2 dan semangat rajin belajar dan berusaha bagi menuju ka-matalamat yang di-chita2kan itu.

1646 di-daftar dalam tempoh 9 bulan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kenderaan Darat Brunei telah mendaftarkan sa-banyak 1646 buah kenderaan dalam tempoh 9 bulan dari bulan Januari hingga bulan September tahun 1972. Jumlah ini termasok 241 buah jenis lama yang di-bawa masok dari luar negeri.

Sa-banyak 1030 buah kenderaan itu di-daftarkan di-Pejabat Kenderaan Darat Bandar Seri Begawan dan sa-banyak 616 buah lagi di-daftarkan di-Pejabat Kenderaan Darat Kuala Belait.

Kebanyakan kenderaan2 itu di-bawa masok dari Negeri Jepon, United Kingdom, Amerika Sharikat, Australia dan yang lain-nya dari Jerman dan Italy.

Angka pendaftarkan rasmi seluroh negeri dari bulan Oktober hingga bulan Disember tahun 1972 akan di-keluarkan oleh Jabatan Kenderaan Darat tidak berapa lama lagi.

PERATORAN2 BARU UTK DAPATKAN TAMBANG TUNAIKAN FARDHU HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kaki-tangan2 kerajaan serta pegawai2 dan saldadu2 Askar Melayu Diraja Brunei yang berugama Islam yang memegang jawatan tetap apabila di-benarkan berchuti untok menunaikan fardhu haji ka-Mekah akan di-korniakan tambang pergi dan balek ka-Madinah melalui Jeddah tidak lebeh dari $2,100.00 bagi tiap2 sa-orang.

Pengorniaan tambang untok menunaikan fardhu haji ini di-berikan hanya sekali sahaja sepanjang perkhidmatan mereka.

Peratoran2 baru ini ada-lah terkandong dalam surat keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang di-terbitkan baru2 ini dan berjalan kuat-kuasa-nya mulai 1hb. Januari, 1973.

Menurut surat keliling itu pengorniaan tambang tersebut akan di-beri keutamaan kapada pemohon2 yang mengetahui ajaran2 Ugama, yang benar2 di-fikirkan suka belajar Ugama, yang gemar di-masa lapang-nya untok masok sekolah dewasa dan pegawai2 kerajaan kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang berkhidmat dengan rajin dan kerana Allah.

Pemohon2 hendak-lah telah berkhidmat dengan kerajaan terus menerus sa-lama tidak kurang dari 15 tahun. Pengorniaan ini ia-lah untok diri-nya sendiri dan juga untok isteri, jika suami-nya yang bekerja; atau suami, jika isteri-nya yang bekerja.

Tiap2 pemohon mesti-lah belum pernah menunaikan fardhu haji dengan perbelanjaan kerajaan. Tetapi mereka yang berkesempatan menunaikan fardhu haji semasa menjalankan tugas ada-lah berhak mendapat pengorniaan ini dengan sharat mereka itu berkhidmat terus menerus dengan ta'at setia dengan kerajaan sa-lama tidak kurang dari 15 tahun.

Jumlah pengorniaan tambang tersebut pada tiap2 tahun tidak akan lebeh dari 60 pengorniaan, melainkan dengan khas-nya di-benarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Meshuarat.

Permohonan2 dari pegawai2 yang telah bersara hendak-lah membuat permohonan mereka dalam tempoh tiga tahun dari tarikh persaraan-nya.

Tiap2 pegawai kerajaan menerima pengorniaan tambang haji ini hendak-lah menguruskan pemergian mereka menurut peratoran2 yang di-tetapkan oleh Jemaah Penasehat Haji Negeri Brunei.

Surat keliling itu juga menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei boleh mengorniakan 20 pengorniaan atau sa-berapa banyak pengorniaan yang di-titahkaa oleh Baginda kapada sesiapa yang Baginda sukai.

Jadual pemereksaan alat2 sukatan dan timbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemereksaan ka-atas alat2 sukatan dan timbangan akan di-jalankan di-seluroh negeri.

Sa-bagai memulakan kerja2 pemereksaan itu, Merinyu Sukatan dan Timbang akan memereksa alat2 tersebut di-Bandar Seri Begawan mulai 2hb. Januari hingga 28hb. Februari.

Pada 1hb. Mach, rombongan pemereksa itu akan berada di-Pekan Muara untok memereksa alat2 sukatan dan timbangan di-kawasan sekitar-nya.

Rombongan tersebut akan kembali ka-Bandar Seri Begawan pada 3hb. Mach untok meneruskan kerja mereka hingga 10hb. Mach.

Pemereksaan alat2 sukatan dan timbangan di-Pulau Baru dan Berbunut akan di-jalankan pada 12hb. Mach.

Jadual penoh lawatan Merinyu Sukatan dan Timbangan ada-lah saperti berikut:

Bandar Seri Begawan — 2hb. Januari – 28hb. Februari.
Muara, Serasa dan Batu Marang 1hb. Mach.
Bandar Seri Begawan — 3hb. Mach – 10hb. Mach.
Baru-Baru dan Berbunut — 12hb. Mach.
Bandar Seri Begawan — 13hb. Mach – 17hb. Mach.
*Bukit Puan dan Kawasan Labi —19hb. Mach –-24hb. Mach.
*Kuala Belait (Di-Pejabat Bandaran di-Bangunan Dewan Kemasharakatan) — 26hb. Mach – 7hb. April.
*Seria (di-Bilek Bachaan, Seria) — 9hb. April – 26hb. April.
Bandar Seri Begawan — 28hb. April – 5hb. Mei.
*Sengkurong — 7hb. Mei.
*Tutong, Penanjong, Telisai dan Danau — 8hb. Mei – 13hb. Mei.
*Tunggulian dan Sungai Liang — 14hb. Mei.
Bandar Seri Begawan — 15hb. Mei – 19hb. Mei.
*Bangar, Temburong Lama, Biang Estate, Pendaruan, Batu Apoi dan Labu Estate — 21hb. Mei – 26hb. Mei.
Bandar Seri Begawan — 28hb. Mei dan sa-terus-nya.

*** Terta'alok kapada perubahan.**

Ada-lah di-ingatkan bahawa pendudok2 yang mempunyai perkakas sukatan dan timbangan dari Kampong Serasa dan Batu Marang hendak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Pekan Muara saperti yang di-tetapkan.

Pendudok2 yang mempunyai perkakas2 sukatan dan timbangan dari Kampong Bukit Puan, dalam kawasan Labi, Kampong2 Tanajor, Ratan, Rampayoh, Tanipol, Kampul, Gatas, Tarawan, Simpang dan Telepok Labi hendak-lah membawa perkakas mereka ka-Balai Raya Labi.

Pendudok2 yang mempunyai perkakas sukatan dan timbangan di-Kampong Bukit Sawat, Pengkalan Siong, Sukang dan Kuala Balai hendak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Dewan Masharakatan, Kuala Belait.

Pendudok2 yang mempunyai perkakas2 sukatan dan timbangan di-seluroh Daerah Tutong termasok Kampong2 Teliasi dan Danau hendak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Tutong.

Pendudok2 yang mempunyai perkakas2 sukatan dan timbangan di-Daerah Temburong dari Kampong2 Temburong Lama, Biang Estate, Pendaruan, Puni, Belaban, Batu Apoi, Labu Estate dan lain2-nya hendak-lah membawa perkakas2 mereka ka-Bilek Bachaan, Temburong.

Tuan2 punya sukatan dan timbangan juga di-beri amaran bahawa ada-lah menjadi satu kesalahan menggunakan atau menyimpan bagi pergunaan perdagangan sabarang perkakas sukatan atau alat perkakas menimbang yang tidak di-chap sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam bab 12(2) Undang2 Sukatan dan Timbangan (Penggal 69).

Mereka yang melanggar undang2 itu boleh di-kenakan denda sa-banyak $25.00 bagi kesalahan pertama dan $50.00 bagi kesalahan kedua dan alat2 mereka akan di-rampas.

Chalun2 yang gagal boleh memasoki kelas2 petang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes telah mengingatkan chalun2 yang gagal bagi kedua kali-nya dalam pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran aliran Melayu atau Inggeris bahawa mereka boleh memasoki kelas2 petang bagi orang2 dewasa yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa dan mengambil pepereksaan tersebut pada penghujong tahun ini sabagai chalun2 persendirian.

Dato MacInnes berharap supaya pelajar2 itu akan belajar lebeh kuat lagi untok lulus dadalam pepereksaan itu.

Dato MacInnes menyatakan bahawa sa-ramai 524 orang chalun telah lulus pepereksaan tersebut dalam aliran Inggeris dan 253 orang telah lulus dalam aliran Melayu dalam pepereksaan yang di-adakan pada tahun lalu.

Sa-ramai 55 orang chalun persendirian juga telah lulus dalam pepereksaan tersebut.

Semua chalun2 sekolah yang mendapat pangkat A, pangkat B dan pangkat C aliran Melayu atau Inggeris, jika mereka ingin meneruskan persekolahan, akan di-naikkan ka-Tingkatan Empat.

Semua chalun2 sekolah yang mengambil pepereksaan tersebut bagi pertama kali-nya dalam tahun 1972 dan gagal akan belajar sekali lagi di-Tingkatan Tiga bagi tahun ini.

Semua chalun2 sekolah yang mengambil pepereksaan itu bagi kedua kali-nya dan gagal akan di-naikkan ka-Tingkatan Empat jika mereka lulus dalam sekurang2-nya lima mata pelajaran dan mendapat kepujian dalam salah satu daripada-nya. Salah satu dari 5 mata pelajaran itu mesti-lah bahasa aliran pepereksaan yang di-ambil.

Penyemboran ubat DDT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dari Projek Penghapus Malaria akan menjalankan kerja2 menyembor ubat DDT di-tiga buah kampong di-Daerah2 Brunei-Muara dan Belait dalam bulan ini.

Tempat pertama yang telah di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Kampong Bunut di-Daerah Brunei-Muara pada 13hb. Januari.

Dari 17hb. hingga 23hb. Januari rombongan itu akan menyembor ubat DDT di-Kampong Lumut.

Rombongan itu akan melawat ka-Kampong Sungai Teraban dari 24hb. hingga 30hb. Januari.

Ada-lah di-anggarkan bahawa kira2 881 litre DDT akan di-gunakan untok menyembor 283 buah rumah, pondok dan lain2 pembinaan di-ketiga2 buah kampong tersebut.

Penghulu2 dan ketua2 kampong di-minta supaya memberi kerjasama kapada rombongan penyembor DDT itu apabila rombongan tersebut melawat kampong2 mereka.



AWANG Samsuddin bin Idris (kiri) dan Awang Saidin bin Haji Ibrahim masing2 telah di-pileh sa-bagai juara lumba motosikal dan kereta Kelab Automobil Brunei bagi tahun 1972.

Awang Samsuddin berjaya memegang piala pusingan yang di-hadiahkan oleh Hock Thai Motor Co manakala Awg. Saidin berjaya memegang piala pusingan kelab tersebut.

Awang Suresh Janardanan mendapat tempat kedua dalam perlumbaan motosikal dan ketiga Awang Aba bin Matali.

Tempat kedua dalam lumba kereta ia-lah Awang Ali bin Nordi dan pemenang ketiga ia-lah Awang Johnnie Lim.

Majlis penyampaian hadiah2 kapada juara2 bagi tahun 1972 itu telah di-adakan di-temasha Malam Pesta Kelab Automobile yang telah di-adakan dalam bulan lepas. Temasha tersebut ada-lah bagi mengutip derma untok tabong pembinaan stadium.

Harga baru wang Pos British

Berikut ini ia-lah harga2 wang Pos British yang di-jual di-Ibu Pejabat Pos mulai 11hb. Januari, 1973.

a)

Jenis	*Harga Pokok*	*Harga di-jual*	*Komisen2-nya*
£ p	$ ¢	$ ¢	$ ¢
.05	.50	.60	.10
.10	.83	.90	.07
.15	1.15	1.25	.10
.20	1.49	1.60	.11
.25	1.82	1.90	.08
.50	3.47	3.55	.08
1.00	6.77	6.95	.18
2.00	13.53	13.75	.22
5.00	33.33	33.80	.47

b)

Jenis	*Harga Pertukaran*	*Jenis*	*Harga Pertukaran*
£ p	$ ¢	£ p	$ ¢
.05	.31	.85	5.39
.07½	.47	.90	5.71
.10	.63	.95	6.03
.12½	.79	1.00	6.35
.15	.95	2.00	12.70
.17½	1.11	3.00	19.05
.20	1.27	4.00	25.40
.22½	1.42	5.00	31.75
.25	1.58		
.30	1.90		
.35	2.22	Wang Pos Republik Irish	
.40	2.54	*Jenis*	*Harga Pertukaran*
.45	2.85	£ p	$ ¢
.50	3.17	1.25	7.93
.55	3.49	1.50	9.52
.60	3.81	6.00	38.10
.65	4.12	7.00	44.45
.70	4.44	8.00	50.80
.75	4.76	9.00	57.15
.80	5.08	10.00	63.50

c) Nilai setem Pos British yang di-lekatkan pada Wang Pos boleh-lah di-tukar saperti berikut:–

½p	— 3 sen	3p	— 19 sen
1p	— 6 sen	3½p	— 22 sen
1½p	— 9 sen	4p	— 25 sen
2p	— 12 sen	4½p	— 28 sen
2½p	— 15 sen		

UNTOK MENCHAPAI DARJAT KEMULIAAN DAN KETINGGIAN KITA PERLU BERUSAHA BERSUNGGOH2

KHUTBAH JUMA'AT

UMAT yang berhak menchapai darjat kemuliaan dan ketinggian, kukoh, bersatu dan makmor ia-itu umat yang tahu bagaimana mengawal dan memelihara negeri-nya, menyusun dan meranchang asas2 tamadun kemajuan nya, mengorek dan menyelongkar tanah bagi mengeluarkan perbendaharaan bumi dan kekayaan-nya, bekerja dan berusaha dengan tekun dan bersunggoh2, berchuchok tanam, bertukang, berniaga, menebang hutan, menjadi buroh, menjadi nelayan, memegang jawatan2, belajar segala ilmu pengetahuan dan mengerjakan-nya, bersatu dan bekerjasama mengadakan sharikat2 perniagaan, kilang2, membangunkan sekolah2, rumah miskin, menjaga negeri, bangsa dan ugama.

Umat yang tekun dan bersunggoh2 menggunakan fikiran, ilmu pengetahuan dan tenaga-nya, berusaha dan bekerja, perchaya kapada bangsa-nya, berpegang kapada hasil mahsul negeri-nya, mencheborkan diri, mengerjakan-nya tiap2 bidang mata pencharian tanpa membedzakan antara satu pekerjaan dengan pekerjaan yang lain maka sudah tentu akan kukohlah umat itu, akan kuat dan tinggi-lah martabat-nya, akan berpengaroh-lah dia di-sisi umat2 lain.

Tetapi umat2 yang malas, yang lengah dan lalai, tiada mempunyai kesedaran tentang nyawa kehidupan-nya di-dalam bidang ekonomi, bahkan ashek berpoya2 dan menunjok lagak, bergantong kapada belas ehsan orang tua dan saudara mara, tiada hiraukan perusahaan, tiada bekerja dengan sunggoh2 dan tiada memikirkan masa akan datang, maka sudah tentu umat itu hina, lemah hidup-nya, dan bergantong kapada ehsan umat2 lain. Dari sebab itu keperluan2-nya terikat dan bergantong kapada umat2 lain hingga umat lain memandang rendah kapada-nya. Gambaran2 ini ada kita dapati menerusi lambaran2 sejarah dunia dan umat2 yang dahulu.

Orang2 Arab dan sahabat2 Rassulullah kebanyakan mereka itu menjadi saudagar, berniaga ka-negeri Yaman pada musim sejok dan ka-negeri Sham pada musim panas. Di-dalam Quran ada tersebut Nabi Noh Allai-wassalam menjadi tukang kayu, Nabi Daud Allai-wasalam menjadi tukang besi, kemudian Rassulullah s.a.w. berniaga ka-negeri Sham, Rassulullah s.a.w. menampal kain baju dan kasut Baginda sendiri, Baginda telah bersabda yang bermaksud:

"Sa-baik2 pencharian, pencharian sa-orang tukang apabila ia menyempurnakan kerja-nya dengan betul".

Pada hari ini ada-lah zaman kemajuan sains dan teknologi, kemajuan dalam perkakas jentera dan engin, radio dan elektronik dan berbagai2 kemudahan lain-nya yang di-gunakan untok kemudahan dan kesenangan di-dalam rumah2, perhubongan, pertukangan, perniagaan, pertanian, perusahaan dan lain2 yang di-gunakan oleh umat2 yang maju untok memperchepat dan memperluaskan gerakan ekonomi mereka di-dalam dan di-luar negeri, semua-nya ini mengehendaki kita memperchayai kesedaran yang penoh tentang perlu-nya kita menurut kehendak masa dan peredaran dunia berpandukan shari'at Islam. Kelalaian dan kelengahan bangsa kita dalam soal ini sudah tentu tidak akan membawa kita ka-mana2 bahkan sudah tentu tidak akan dapat menchapai dengan sempurna-nya tujuan untok membina suatu masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor sa-bagaimana yang di-hasratkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sa-bagaimana yang di-titahkan.

Sa-bagaimana yang pernah di-sentoh oleh Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei di-dalam uchapan-nya di-Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 baru2 ini bahawa pada menjunjong titah tersebut banyak pokok2 masa-alah yang perlu di-fikirkan, perlu di-binchangkan, perlu di-bahaskan, bukan saja oleh belia2 bahkan oleh raayat dan pendudok negeri ini.

Oleh yang demikian pada menuju ka-arah membina suatu masharakat yang kukoh, serta bersatu-padu makmor mari-lah kita memikirkan dan mengorak langkah bersama2 berganding bahu dengan kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam memberi sumbangan yang berfaedah, dan berkesan untok menchapai tujuan2 tersebut. Mudah2an Tuhan akan sentiasa membarkati usaha2 kita.

124 gulong kawat berduri di-bahagi kapada peladang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian pada tahun lalu telah membahagikan 124 gulong kawat berduri bagi penggunaan peladang2 di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian berkata, 94 gulong dari-pada-nya di-berikan di-Daerah Brunei-Muara, 20 di-Daerah Tutong dan 10 gulong di-Daerah Temburong.

Peladang2 itu di-kenakan bayaran sa-paroh dari harga asal ia-itu $14.00 sa-gulong bagi kawat berduri yang panjang-nya 500 ela.

Tafsir Darus-salam siri ke-15

BANDAR SERI BEGAAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-13 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (144) bingga (159) dari Surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Penjaja derma $200.00 untok Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatan Kuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al Sufri telah menerima sa-keping chek bernilai $200.00 dari Dayang Hajjah Norniah binte Miron, sa-orang penjaja di-Bandar Seri Begawan, untok tabong Pembinaan Stadium.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja menguchapkan terima kaseh kapada Dayang Hajjah Norniah kerana sumbangan-nya yang berharga itu.

Beliau berharap supaya banyak lagi orang2 yang akan mengikut langkah yang di-tunjokkan oleh Dayang Hajjah Norniah dan mereka yang telah menderma kapada Tabong Pembinaan Stadium itu.

Chalun2 untok Ketua Kg. Serasa

MUARA — Pendudok2 di-Kampong Serasa, Muara telah memileh tiga orang chalun bagi jawatan sa-bagai Ketua Kampong baru di-kawasan itu.

Mereka yang di-pileh ia-lah Awang Batang bin Orang Kaya Bandar Mohammad Dayang, Awang Haji Tinggal bin Tersad dan Awang Zakaria bin Orang Kaya Bandar Mohammad Dayang.

Pemilehan itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan di-saksikan oleh penolong Pegawai Daerah, Awang Yunus bin Haji Hussain dan pegawai pentadbir Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17hb. Januari, 1973 hingga ka-hari Selasa 23hb. Januari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
17hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
18hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
19hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
20hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18	6-35
21hb. Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
22hb. Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
23hb. Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

MEMBACHA PERTUMB

(SAMBONGAN MINGGU LALU)

DI-SUSUN OLEH: AWANG ALIDIN OTHMAN

BILA kita membicharakan soal membacha, bilek bachaan dan perpustakaan juga turut memainkan peranan penting, kerana dari kedua2 tempat ini-lah kita memperolehi kemudahan membacha. Kalau di-lihat sekali imbas, kita dapat membuat kesimpulan bahawa mengadakan bilek bachaan dan perpustakaan ada-lah membazir dan tidak menguntongkan. Projek mendirikan bilek bachaan dan perpustakaan menghendaki perbelanjaan yang besar dan tidak dapat menulong menambahkan pendapatan raayat. Bagaimana pun, kalau di-tinjau dari segi lain, perkembangan perpustakaan dan bilek bachaan juga memenohi maksud pembangunan kerana dengan ada-nya perpustakaan dan bilek bachaan akan dapat menolong pembentokan fikiran yang sehat dengan menyediakan bahan2 bachaan.

Sa-lain dari itu, perpustakaan dan bilek bachaan juga memberikan kemudahan tempat belajar yang tenteram. Ini amat berguna bagi pelajar2 yang tidak dapat belajar dengan tenteram di-rumah oleh sebab2 ada-nya gangguan seperti radio, television, kanak2 dan lain lagi atau kalau tidak ada meja tulis pelajar2 boleh berkunjong ka-perpustakaan dan bilek2 bachaan dan masaalah ini boleh di-atasi dengan menggunakan kemud yang terdapat di-sana.

Di-negeri kita Brunei, k atau minat membacha sudah menular terutama sekali di-k an belia. Ini mungkin di-se oleh bertambah-nya orang2 yang sudah boleh bacha dan menulis melalui dewasa. Di-samping itu pe perengkat menengah juga se bertambah pada tiap2 tahun langan buku2, majalah2, dan surat2 khabar dalam ber bahasa sa-makin banyak di-ju kedai2 atau boleh di-bacha bilek2 bachaan dan perpustak


Di-negeri kita ini juga, kem an2 tempat membacha ada sediakan oleh Kerajaan Duli Maha Mulia. Dalam usaha m galakkan dan memudahkan ramai membacha Kerajaan Yang Maha Mulia telah pun m adakan bilek2 bachaan oran mai di-tiap2 daerah di-negeri melalui Jabatan Penyiaran Penerangan, Perpustakaan di wan Bahasa dan Pustaka, B dan Pusat Belia, Bandar Seri gawan. Tempat2 ini biasa-ny kunjongi oleh pembacha2 dari bagai bangsa terutama sekali s pas waktu bekerja. Bilek bac Jabatan Penyiaran dan Penera sesuai dengan peranan-nya sa-l alat perantaraan Kerajaan u




Pengunjong2 bilek bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Bandar Seri Begawan sedang membacha majalah2 yang di-sediakan.



Dua orang pengunjong ka-bilek bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Seria sedang membacha surat khabar yang di-sediakan.



▲ Usaha kerajaan untok memberikan kemudahan membacha tidak hanya terhad kapada pendudok2 di-dalam bandar, bahkan juga di-luar bandar. Dengan sebab itu-lah DBP telah mengadakan perkhidmatan perpustakaan bergerak ka-kampong2. Gambar atas menunjokkan perpustakaan bergerak DBP ketika di-kunjongi oleh pendudok2 kampong. — Gambar ehsan DBP.



◀ Sa-bahagian dari buku2 yang terdapat dalam perpustakaan bagi orang dewasa yang di-kelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka — Gambar ehsan DBP.



▶ Keadaan saperti ini selalu-nya terdapat dalam perpustakaan kanak2 Dewan Bahasa dan Pustaka. — Gambar ehsan DBP.

BOHAN DAN PERPUSTAKAAN

memberikan penerangan kapada orang ramai, menyediakan majalah2 dan surat2 khabar dalam bahasa Melayu, Inggeris dan China. Bilek2 bachaan ini di-buka pada tiap2 hari kechuali hari2 Ahad dan Jumaat dan di-hari2 kelepasan awam. Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-buka dari jam 7.30 pagi sa-hingga 12.15 tengahari dan dari 1.15 petang sa-hingga 5.00 petang.

Bagi pelajar2 yang menchari bahan2 untok rujokan akan mengunjongi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana perpustakaan ini tidak hanya menyediakan majalah2 dan surat2 khabar tetapi juga menyediakan buku2 rujokan yang amat berguna kapada pelajar2 khusus-nya dan orang ramai amnya. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di-bahagikan kapada dua bahagian — untok orang2 dewasa dan kanak2. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di-buka pada tiap2 hari kechuali hari Jumaat dan hari2 kelepasan awam. Dari hari Isnin hingga Sabtu perpustakaan di-buka untok orang ramai dari jam 8.00 pagi sa-hingga 8.00 malam manakala pada hari Ahad pula di-buka dari jam 9.00 pagi sa-hingga 8.00 malam. D.B.P. juga telah membuka bilek bachaan rujokan di-bangunan Peringatan Churchill, Bandar Seri Begawan. Tempat ini menjalankan perkhidmatan hanya pada waktu2 pejabat di-buka dari jam 8.30 pagi sahigga 12.00 tengah hari dan dari 1.30 petang sa-hingga 4.00 petang. Dalam tahun 1972 sahaja saramai 83,137 orang dewasa dan kanak2 telah mengunjongi Perpustakaan D.B.P. ini.

Perkhidmatan Perpustakaan tidak hanya terhad di-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi perpustakaan bergerak juga di-adakan untok melawat kampong2 dan daerah2 lain di-negeri ini bagi memudahkan pendudok2 luar bandar membacha. Dengan chara ini kemudahan membacha tidak hanya di-nikmati oleh sa-bilangan kechil raayat di-negeri ini. Tempat2 yang biasa di-lawati oleh perpustakaan bergerak ini ia-lah Muara, Kampong Perpindahan, Sengkurong, Tutong, Seria dan Belait. Pengarah D.B.P. mengatakan sa-tengah2 tempat yang di-lawati telah memberikan sambutan yang baik dan ada juga yang kurang memberikan sambutan.

Bila di-tanya ada-kah D.B.P. berchadang menambah perkhidmatan perpustakaan bergerak ini, beliau mengatakan perkara ini sedang dalam kajian. Ini bukan saja mengkaji keadaan dan sambutan pendudok tempat2 yang di-lawati tetapi juga soal melatch pegawai2 dan kaki-tangan untok menjalankan perkhidmatan itu. Latehan2 ini termasok-lah chara2 mengendalikan perpustakaan dan lain kerana satu2 perkhidmatan itu terletak kapada kechekapan pegawai2 yang telah di-turasskan untok menjayakan perpustakaan bergerak itu. Dan tempat2 yang di-lawati pada masa ini di-anggap sa-bagai perchubaan atau tempat meneroka. Jika hasil perchubaan ini berjaya maka ada kemungkinan perpustakaan bergerak akan di-perkembangkan ka-seluroh negeri dengan harapan moga2 pengetahuan dan minat membacha akan tersebar luas ka-seluroh negeri.

Di-samping Bilek Bachaan J.P.P. dan Perpustakaan D.B.P., Kerajaan Duli Yang Maha Mulia juga mengadakan kemudahan tempat membacha di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Bilek Bachaan ini di-buka dari jam 2.00 petang sa-hingga 9.00 malam dan di-tutop pada hari2 Jumaat, Ahad dan hari2 kelepasan awam. Tempat ini di-adakan untok memberi segala kemudahan membacha kapada semua persatuan2 belia dan kebajikan di-negeri ini.

Bahan2 bachaan yang di-sediakan di-Pusat Belia ini termasok-lah akhbar2 harian dan mingguan dan buku2 yang berunsurkan belia dan kanak2 termasok pelajar2.

Penyelia Pusat Belia, Pg. Hj. Mohamad menyatakan bahawa dalam tahun 1973 ini langkah2 akan di-usahakan untok menambah banyak lagi buku2 bachaan terutama sekali untok menolong murid2 sekolah dengan menyediakan buku2 yang berchorak soalan2 pepereksaan di-tahun2 sudah berserta dengan jawapan2 sekali.

Sa-lain dari bilek2 bachaan dan perpustakaan awam ini, sekolah2 di-Negeri Brunei juga mengadakan perpustakaan untok memberi kemudahan belajar dan menambah ilmu pengetahuan kapada penuntut2.

Di-samping usaha Kerajaan Duli Yang Maha Mulia mengadakan bilek2 bachaan dan perpustakaan, persatuan2 belia di-seluroh negeri juga boleh memainkan peranan penting untok menggalak dan memberikan kemudahan membacha kapada orang2 kampong kerana kebanyakan bilek2 bachaan dan perpustakan terletak di-kawasan bandar. Perkhidmatan perpustakaan bergerak yang ada pada masa belum lagi meliputi ka-seluroh kampong di-negeri ini.


Kapada pengunjong2 bilek2 bachaan dan perpustakaan hendak-nya tempat2 ini tidak di-gunakan untok berbual, bergurau atau membuat bising. Perbuatan memotong halaman2 tertentu dari buku2 atau surat2 khabar yang terdapat di-bilek2 bachaan dan perpustakaan harus-lah di-elakkan. Bagitu juga kapada pelajar2 kita berharap tempat2 ini tidak di-jadikan sa-bagai "sarang" untok lari dari sekolah.

Sa-moga dengan usaha2 yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ini akan memberikan manafaat kapada raayat dan pendudok Negeri Brunei. Kemudahan2 yang terdapat di-tempat2 membacha ini hendak-nya di-gunakan dengan sa-baik2-nya untok menimba ilmu pengetahuan guna membentok fikiran yang sehat untok membangun bangsa dan negara kita. Selamat membacha!

"Reading is to the mind what exercise is to the body".
— Richard Steele (1672–1729).



Pemandangan di-dalam perpustakaan rujokan Dewan Bahasa dan Pustaka. — Gambar ehsan DBP.



Satu lagi pemandangan dalam perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka. — Gambar ehsan DBP.

Sa-lain dari bilek2 bachaan dan perpustakaan yang di-kelolakan oleh JPP dan DBP, beberapa buah sekolah di-negeri ini juga mengadakan perpustakaan-nya sendiri untok memudahkan belajar dan menambah ilmu pengetahuan penuntut2. Gambar bawah menunjokkan penuntut2 Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan mengisi masa lapang mereka dengan membacha majalah2 yang di-sediakan dalam perpustakaan maktab tersebut.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Mengurus rumah persinggahan Temburong

KERAJAAN sedang menawarkan kapada pemborong2 bagi mengurus rumah persinggahan di-Pekan Bangar, Temburong untok sa-lama dua tahun.

Tawaran akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada hari Khamis 1hb. Februari, 1973.

Rumah persinggahan itu mempunyaai alat2 memasak, pinggan2, peti sejok, meja2 dan kerusi2 makan dan lain2-nya.

Pemborong yang berjaya tidak di-benarkan menyewakan kebenaran berniaga yang telah di-perolehi itu, kapada orang lain. Walau bagaimana pun dia ada-lah di-kehendaki mengaji sa-kurang2-nya sa-orang pembantu. Dia dan pembantu-nya ada-lah di-kehendaki tinggal di-rumah persinggahan itu.

Pemborong yang berjaya ada-lah di-kehendaki menyediakan minuman2 rengan dan barang2 masakan kapada pegawai2 kerajaan, yang terdiri dari berbagai bangsa. Minuman2 keras boleh-lah di-adakan terta'alok kapada kebenaran yang di-perolehi daripada Lembaga Melesen Minuman2 Keras, Brunei.

Harga barang2 makanan dan minuman2 ada-lah mengikut persetujuan antara pemborong dengan Pejabat Daerah, Temburong.

Pemborong yang berjaya akan di-kehendaki menanda-tangani satu perjanjian untok tidak boleh daripada dua tahun dengan Pejabat Daerah, Temburong.

Pemborong yang berjaya dan pembantu-nya di-kehendaki lulus pepereksaan kesihatan, sa-belum di-benarkan memulakan perniagaan.

Tawaran2 di-masokkan dalam sampol surat yang tertutop. Di-luar sampol surat itu hendak-lah di-tulis 'Catering of the Government Rest House in Bangar' dengan tidak menyatakan nama pengirim-nya. Tawaran2 itu mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei, Bandar Seri Begawan.

Tawaran yang salah alamat tidak akan di-layan.

Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang tertinggi atau pun sebarang tawaran.

Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB 4-5 — $180x5-240/EB/245x5-260x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

SA–BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK (RADIO)

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang berkelayakan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah sabaik2-nya mempunyai kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbukti akan di-anggap lebeh mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-sebuah badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebehan tambahan.

Umor:

Sekurang2-nya 35 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 3 EB 4 — $1000x30-1120/EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan salama 6 bulan dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Mereka yang telah dahulu memohon jawatan ini tidak perlu memohon lagi.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 29hb. Januari, 1973.

Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fisik. Pemohon2 hendak-lah berumor di-antara 18 dan 25 tahun pada 1hb. Januari, 1973.

Chalun2 yang berjaya akan di-lantek sa-bagai Pembantu Pengawal Lalu-Lintas Udara perchubaan dan ada-lah di-kehendaki lulus dalam peperek-saan2 yang mana mereka akan di-beri latehan. Pembantu2 Pengawal Lalu-Lintas Udara yang tamat serta lulus dalam latehan, mereka mempunyai peluang yang baik untok di-naikkan pangkat ka-perengkat Pegawai Lalu-Lintas Udara.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 — $410x20-510. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 22hb. Januari, 1973.

Tukang Chachar

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Tukang Chachar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-nya Tingkatan I Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya.

(b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan2 yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai tukang chungkil boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2–3 EB 4 — $200x5-240/EB/245x5-260.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 29hb. Januari, 1973.

Sa–bagai Pembantu Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 16 hingga 21 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan IV atau yang sebanding dengan-nya termasok lulus dalam matapelajaran2 Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Fiziks atau Sains 'Am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 — $230x10-290x15-380.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 1hb. Februari, 1973.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/10/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Salat bin Jamudin, Kampong Salangan, Temburong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jamudin bin Akop yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/3/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Low Jon San, Kampong Batu Apoi, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Law Ah Lock yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/11/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lumat bte. Kalali, Kampong Belais, Temburong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Amat bin Kusni yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/126/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nuhor binte Haji Tuah, Kampong Tungku Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Tuah bte. Kula yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/127/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Nuhor bin Haji Tuah, Kampong Tungku Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Aman bin Tuah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/128/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ibrahim bin Abdullah, Kg. Burong Pingai Ayer, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Yahya bin Abdulah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/129/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Ismail (Asrol), No. 93, Kampong Delima Satu, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Maimunah bte. Hussain yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/130/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tuah bte. Mawang, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kamis bin Ahad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/2/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Aishah bte. Tanjong, No. 1, Kg. Pengkalan Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sawal bin Puasa yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Januari, 1973.

MD. ALI BIN DAUD,
Tim. Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Jawatan kosong sa-bagai Imam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Imam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Batu Apoi, Temburong.
b) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Selangan, Temburong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:-

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.
d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 4 — $280 x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.



PEGAWAI Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara kelihatan sedang menguchapkan tahniah kapada salah sa-orang pegawai kadet Pulis Diraja Brunei yang telah tamat latehan.

BARISAN TAMAT LATEHAN LIMA ORANG PEGAWAI KADET

JALAN MUARA. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah memereksa dan membalas tabek kehormatan dalam satu upachara perbarisan tamat latehan bagi lima orang pegawai kadet dari pasokan Pulis Diraja Brunei yang telah di-adakan di-Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara pada hari Sabtu lepas.

Dalam uchapan-nya di-upachara itu, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara telah mengingatkan betapa penting-nya peranan dan tanggong-jawab pasokan pulis dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian di-dalam negeri ini.

Yang Amat Mulia itu juga telah menyeru pegawai2 kadet yang tamat latehan itu supaya memberikan perkhidmatan mereka kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan orang ramai dan berharap supaya mereka akan menjalankan tanggong-jawab mereka dengan ikhlas dan jujur.

Beliau juga menguchapkan tahniah kapada pegawai2 kadet itu atas kejayaan yang mereka chapai dan berharap supaya mereka akan berjaya dalam tugas2 baru mereka.

Lima orang pegawai kadet yang telah tamat latehan itu ialah Awang Zaidin bin Awang, Pengiran Salim bin Pengiran Wahid, Mohammad Ali bin Omar, Jaffar bin Abdul Majid dan Ahmad bin Sha'ari.

Mereka itu ada-lah pegawai pulis yang pertama tamat latehan sa-telah menjalani latehan sa-penoh-nya di-Brunei.

Mereka telah mengikuti satu kursus lengkap dalam undang2 dan semua aspek tugas2 pulis salama 32 minggu.

Menyiru2 Perchubaan itu akan di-tugaskan di-beberapa buah balai pulis untok mendapatkan pengalaman praktikal.

BARISAN TAMAT LATEHAN BAGI REKRUT2 AMDB

BERAKAS. — Satu upachara perbarisan tamat latehan bagi 71 orang rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei akan di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada hari Sabtu 20hb. Januari mulai jam 7.30 pagi.

Rekrut2 itu terdiri dari dua Platoon dari pengambilan ke-27 Askar Melayu Diraja Brunei dalam bulan September tahun lalu.

Perbarisan Tamat Latehan itu akan di-perentahkan oleh Lt. Hashim bin Haji Zainal Abidin dan Pencharagam Askar Melayu Diraja Brunei di-bawah arahan Capt. F. Morgan juga akan menyumbangkan permainan-nya di-upachara itu.

Turut juga menyertai rekrut itu nanti ia-lah Pasokan Panji2 Kolonel-in-Chief Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Di-upachara itu empat orang rekrut akan menerima hadiah2 mereka, dua orang akan menerima hadiah sa-bagai rekrut terbaik dalam menembak, sa-orang akan akan menerima hadiah rekrut terbaik bahagian latehan jasmani dan sa-orang lagi akan menerima hadiah sa-bagai rekrut terbaik dalam pasokan itu.

Upachara itu terbuka kapada orang ramai terutama sekali kapada keluarga rekrut2 itu.

Dua buah bas Askar Melayu Diraja Brunei akan berada di-Dewan Kemasharakatan Bandar Seri Begawan antara jam 6.30 hingga 7.00 pagi pada hari tersebut bagi membawa orang ramai yang ingin menyaksikan perbarisan itu.

Semua keluarga rekrut2 itu akan di-beri jamuan rengan di-Perkhemahan Bolkiah sa-lepas upachara perbarisan itu.

Pertukaran guru2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran telah mengatorkan pertukaran sa-ramai 41 orang guru2 ka-sekolah2 Rendah, Menengah dan Maktab2 di-seluroh negeri ini mulai awal bulan ini.

Mereka di-tugaskan mengajar Bahasa Melayu, Sastera dan Lukisan.

Sementara itu, sa-ramai 61 orang guru2 besar, penolong guru2 besar dan guru2 biasa akan bertukar mulai awal bulan Februari depan.

M.M.P.S.B.S menderma $1,000 untok Tabong Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman dan timbalan-nya Pengiran Besar bin Pengiran Haji Ahmad telah menyampaikan sa-keping chek bernilai $1,000.00 kapada Setia Usaha Agong Jawatan Kuasa Kerja Tabong Pembinaan Stadium Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri di-Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lepas.

Awang Abdul Jalil menyatakan bahawa wang tersebut ada-lah hasil dari usaha guru2, kaki-tangan2 dan penuntut2 Maktab itu semasa menjalankan kempen kebersehan yang di-adakan baru2 ini di-kawasan maktab tersebut.

Awang Abdul Jalil juga menerangkan bahawa derma tersebut ada-lah sa-bagai langkah yang pertama di-usahakan oleh maktab itu.

Beliau berkata bahawa usaha2 juga yang akan di-jalankan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja ketika menerima derma tersebut telah menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh atas usaha2 yang di-buat oleh guru2, kakitangan2 dan penuntut2 Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan itu.

Beliau berkata bahawa usaha yang di-buat oleh guru2, kakitangan2 dan penuntut2 itu ada-lah menunjokkan satu bokti yang mereka memberikan kerjasama bagi menjayakan ranchangan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi membina sa-buah stadium di-negeri ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menerangkan semangat itu ada-lah menunjokkan bahawa mereka mempunyai perasaan bertanggong-jawab, lebeh2 lagi sumbangan mereka untok membiayai projek yang berkebajikan ini dengan usaha yang menggunakan tenaga ada-lah lebeh tinggi nilai-nya.

Beliau juga menerangkan bahawa semangat chintakan Sultan dan menjunjong titah itu memang di-warithi oleh orang2 Brunei sejak zaman datok nenek yang turun temurun.

Akhir-nya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja telah menyeru kapada sekolah2 yang lain di-negeri ini akan mengikut langkah yang di-tunjokkan oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan itu, terutama sekali kapada penuntut2 yang remaja yang akan menjadi pemimpin kapada di-generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja juga telah menerima sa-keping chek bernilai $1,000.00 dari Persatuan Peniaga2 Gula pada hari Sabtu lepas.

Chek tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua persatuan itu, Awang Ong Keh Beng dan di-saksikan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Temenggong Awang Lim Ching Choo.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri sedang menerima chek tersebut dari Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman. Sedang memerhati di-tengah2 ia-lah Timbalan Pengetua maktab tersebut, Pengiran Besar bin Pengiran Haji Ahmad.



Cheramah di-Maktab Perguruan esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri akan menyampaikan cheramah kapada penuntut2 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong di-dewan maktab itu pada 18hb. Januari ini jam 10.00 pagi.

Yang Berhormat itu akan memberikan cheramah bertajok peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam perkembangan Pelajaran di-Brunei.

Dalam chermah itu beliau akan menyentoh beberapa perkara mengenai tugas2 Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada hubongan-nya dengan orang ramai terutama sekali penuntut2 di-negeri ini.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 4 RABU 24HB. JANUARI, 1973. 1392 ذوالحجه 20 رابو PERCHUMA

KERAJAAN TIDAK AKAN RAGU2 MENYINGKIRKAN ANASIR2 JAHAT

BERAKAS. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail menegaskan bahawa Negeri Brunei dan anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei tidak mempunyai tempat bagi mereka yang berpura-pura taat dan yang tidak dapat mencheborkan diri mereka pada memperjuangkan dan mempertahankan hak2 serta keselamatan raayat.

Dengan sebab itu-lah kerajaan Duli Yang Maha Mulia, tegas Yang Amat Mulia, tidak mempunyai sebarang keraguan atau "kelingahan" bagi menyingkirkan sebarang anasir yang chuba memechah-belahkan ketaatan raayat dan anggota2 AMDB kapada kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bersabda demikian di-upachara perbarisan tamat latehan bagi 71 orang rekrut Askar Melayu Diraja di-Perkhemahan Berakas pada hari Sabtu lepas.


Yang Amat Mulia perchaya anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah terdiri daripada raayat yang berdisiplin dan mempunyai latehan2 penoh ketenteraan termasok semangat dan amalan ketaatan kapada semua perengkat.

Yang Amat Mulia faham bahawa Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah merupakan satu badan raksaksa pertahanan yang chekap, gagah dan berani serta mempunyai kelengkapan2 yang chukop bagi mempertahankan bangsa dan negara.

Pemangku Menteri Besar itu perchaya seluroh raayat di-negeri ini tidak mempunyai sebarang kewahaman terhadap kegagahan dan ketabahan anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei dan keperwiraan mereka itu akan tetap di-kenang zaman.

Yang Amat Mulia bersabda bahawa Negeri Brunei akan mempunyai satu ranchangan kemajuan yang baru

(Lihat muka 8)



PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail ketika memereksa barisan yang terdiri dari rekrut2 yang baru sahaja tamat latehan di-upachara perbarisan tamat latehan yang telah di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada hari Sabtu lepas.

Pesakit2 di-beri pelajaran khas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran dengan kerjasama Jabatan Perubatan telah melaksanakan satu ranchangan bagi mengadakan pelajaran khas untok murid2 yang di-rawat dalam masa yang lama di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan.

Pada masa ini terdapat beberapa orang murid menjalani rawatan di-rumah sakit tersebut dan ada-lah perlu bagi mereka di-beri bimbingan supaya mereka tidak ketinggalan dalam mata2 pelajaran.

Menurut Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abdul Razak bin Mohamed, pehak berkuasa Rumah Sakit telah meminta sa-orang guru untok mengajar murid2 yang di-rawat di-rumah sakit supaya hubongan pelajaran murid2 itu tidak akan terputus.

Awang Abdul Razak menerangkan, Jabatan Pelajaran telah mengatorkan sa-orang guru wanita, Dayang Hajjah Zainon binte Abdul Latif bagi memulakan perkhidmatannya awal bulan ini di-Rumah Sakit Besar.

Guru2 di-seru mengajar dengan jujor

GADONG. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri telah mengingatkan guru2 supaya mengajar penuntut2 mereka dengan jujor dan berkesan dan penuntut2 pula di-tekankan supaya mengambil perhatian berat atas ajaran2 guru.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah berkata demikian dalam cheramah-nya kapada penuntut2 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-Gadong pada minggu lalu yang juga telah di-hadhiri oleh guru2 dan pensharah2 di-Maktab itu.

Yang Berhormat itu berkata, manusia di-didek dari satu keturunan kapada satu keturunan supaya mereka dapat mengenali hidup dan alam keliling dengan menggunakan asas2 ilmu pengetahuan yang sempurna.

Mereka hidup bukan saja dalam alam kebendaan tetapi juga mengandongi unsor2 rohani dan jasmani yang perchaya akan ajaran2 Tuhan yang tergulong kapada orang2 yang saleh.

Berchakap mengenai bahasa, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, mengesa penuntut2 di-negeri ini supaya mereka mempelajari bahasa2 lain yang boleh di-buat untok penyelidekan yang boleh di-pakai ka-dalam bahasa Melayu agar bahasa Melayu terus hidup dan berkembang maju menurut peralehan zaman.

Dalam cheramah yang memakan masa hampir satu jam itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu juga telah menyentoh peranan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ada hubongan-nya dengan penuntut2 dan orang ramai di-negeri ini.

(Lihat muka 8)



Pemain2 G.P.P.S. bergambar bersama2 dengan piala kemenangan mereka. Berdiri No. 2 dari kiri ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

SURAT KUASA PESAKA
No. 58/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Azizah binte Bujang, d/a Awang Ahmad bin Yunus, Jabatan Pelajaran, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Md. Noor bin Nasir @ Kuchang bin Desi yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 30 haribulan Januari, 1973 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 61/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Mayang binte Hj. Duraman, Lot No. 4042, Kampong Pandan, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Sarbun bin Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 30 haribulan Januari, 1973 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan Januari, 1973.

ADMINISTRATION SUIT
No. 57 OF 1972.

Application to this Court having been made by Wong Mee Lin care of Mr. E.M. Reynold of Police HQ., Bandar Seri Begawan, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Wah Boon Tat late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 30th day of January, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 17th day of January, 1973.

ADMINISTRATION SUIT
No. 59 OF 1972.

Application to this Court having been made by Chen Yin Kong of Lot No. 3716, Jalan Lubon Palam, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Voon Nyuk Lian late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that Ap is lawful husband of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 30th day of January, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 17th day of January, 1973.

ADMINISTRATION SUIT
No. 60 OF 1972.

Application to this Court having been made by Chee Teck Suan of Lot No. 1009, Jalan Kampong China, Kuala Belait and Chee Sung Kiaw of Lot No. 2169, Jalan Perakong, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Tan Si Kim late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicants are lawful son and daughter of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 30th day of January, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 17th day of January, 1973.

ADMINISTRATION SUIT
No. 62 OF 1972.

Application to this Court having been made by Chung Ng Fah of G 17, 16B, Lorong 5, Seria in the State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Chung Lee Chian late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that Applicant is lawful father of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 30th day of January, 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 17th day of January, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

G.P.P.S. munchol sa-bagai johan

TUTONG. — Gerakan Pemuda Pemudi Sukarela Tutong telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan hoki enam sa-pasokan sa-telah mengalahkan Persatuan Melayu Keriam dengan satu gol kosong dalam perlawanan akhir yang di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada minggu lalu.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Luagan Dudok bagi memperingati penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Sa-banyak 16 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia, sekolah2 dan jabatan2 di-Daerah Tutong mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar merasmikan perlawanan itu.

Yang Berhormat Awang Haji Hanifah bin Mohammad Said telah menyampaikan hadiah di-akhir perlawanan tersebut.

Sementara itu, Persatuan PERKA mengalahkan Ikatan Belia Berakas dengan 4 gol berbalas 1 dalam perlawanan bola sepak perengkat akhir yang di-adakan di-padang Jaya Setia, Berakas pada hari Sabtu lepas.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Angkatan Persatuan Pemuda Pemudi Perpindahan Kampong Ayer, Berakas sa-bagai projek tahunannya.

Sa-banyak 13 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengawas Persatuan2 Belia, Pengiran Tuah bin Pengiran Mohammad Daud.

Brunei akan sertai perlawanan bola sepak belia2 Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan bola sepak belia2 Asia kali ke-15 di-bawah umor 20 tahun akan di-adakan di-Iran dalam tahun ini.

Persatuan bola sepak Iran telah mengundang Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei untok menyertai perlawanan itu.

Setia Usaha Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain menyatakan bahawa sa-pasokan pemain2 bola sepak yang akan mewakili negeri ini akan di-hantar bagi menyertai perlawanan itu.

Pehin Orang Kaya Udana Laila Awang Hussain menyeru kapada semua belia2 negeri ini, penuntut2 sekolah menengah dan maktab2 yang di-lahirkan

(Lihat Muka 3)

Kepentingan Ugama harus kita beri keutamaan

KHUTBAH JUMA'AT

DALAM salah satu do'a Nabi Mohammad s.a.w., Baginda telah bermohon kapada Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud saperti berikut:

"Wahai Tuhan ku, perbaiki-lah bagi ku ugama ku yang mana ia-nya menjadi pelindong urusan ku. Dan perbaiki-lah bagi ku dunia ku yang di-dalam-nya ada penghidupan ku. Dan perbaiki-lah bagi ku akhirat ku yang kapada-nya tempat kembali ku. Dan jadikan-lah hidup itu sa-bagai tambahan bagi ku dalam tiap2 kebaikan. Dan jadikan-lah mati itu sa-bagai kelepasan bagi ku dari tiap2 kejahatan".

Ugama ada-lah satu alat bagi pelindong dan panduan segala urusan

Dalam do'a tersebut ada tiga perkara yang di-pohonkan Nabi minta di-perbaiki kapada Allah Subhanahu-Wataala ia-itu Ugama dunia dan akhirat. Perbaikkan dalam perkara ugama, mengehendaki kita kembali menjalankan ugama mengikut perentah Allah dan mengikuti chontoh yang di-bawa oleh Rasulullah s.a.w. Perentah Allah dan Rasul-Nya mesti-lah kita utamakan lebeh dari segala perentah, dan larangan kedua-nya mesti kita jauhi lebeh dari segala larangan dunia.

Harta benda, tenaga dan fikiran bahkan jiwa sekali pun kalau di-perlukan untok kepentingan ugama Allah dan untok jihad di-jalan Allah hendak-lah kita berikan, bahkan kepentingan ugama itu harus kita utamakan lebeh dari segala kepentingan.

Bagitu-lah Nabi Mohammad s.a w. yang di-ikuti oleh sahabat2 Baginda dalam memperbaiki perkara ugama ia-itu ugama Allah di-taroh di-hadapan sekali, tidak di-lepaskan dan di-lupakan walau di-mana mereka berada. Kerana mereka berkeyakinan bahawa ugamat itu-lah satu2-nya alat yang dapat di-jadikan pelindong dan panduan dalam segala urusan kapada kita. Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman yang bermaksud:

"Barang siapa yang berpegang tegoh dengan ugama Allah, maka sesunggoh-nya ia telah di-pimpin kapada jalan yang lurus".

Oleh yang demikian hendak-lah tuan2 senentiasa berpegang tegoh dengan ajaran2 ugama dalam segala urusan, baik urusan persendirian, urusan pentadbiran, urusan perniagaan, urusan perusahaan, urusan ibadat dan sa-bagai-nya. Sebab semua-nya itu berarti juga memperbaiki ugama kerana ugama mengehendaki segala urusan itu di-jalankan menurut dasar2 ugama.

Sambutan Hari Raya Haji di-Daerah Temburong

PEKAN BANGAR. — Pegawai Daerah Temburong, Awg. Sidek bin Yahya telah merasmikan sambutan hari raya haji di-Dewan Pekan Bangar pada malam Jumaat lalu.

Sambutan hari raya haji itu di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Temburong.

Sa-belum merasmikan sambutan tersebut, Awang Sidek telah memberikan uchapan yang antara lain mengharapkan supaya sambutan yang baik ini akan di-usahakan lagi terus menerus.

Beliau juga menyeru pendudok2 di-daerah itu yang berkemampuan akan berusaha dalam lapangan pertanian, memanang kapada tanah yang di-dapati di-daerah itu.

Kapada belia2, Awg. Sidek menyeru mereka supaya jangan terlalu memileh pekerjaan.

Mengenai dengan pengangkutan darat di-daerah itu, beliau menyeru kapada pengangkutan awam di-daerah itu supaya akan mengadakan sistem perjalanan yang terator yang akan memberikan kemudahan kapada pendudok2 di-daerah itu.

Di-antara achara yang di-persembahkan dalam sambutan itu ia-lah nashid, bacha-an kitab suchi Al-Koran, dan pertandingan takbir yang di-menangi oleh Pasokan Bokok/ Belais.

Hadiah2 kapada pemenang dalam pertandingan takbir telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Temburong.



DALAM temasha malam penutup yang telah di-adakan dalam bulan Disember yang lalu, S.M. Labu Estate telah berjaya mengutip wang sa-jumlah hampir $100.00.

Che'gu Ibrahim bin Abdullah menyatakan bahawa wang tersebut akan di-dermakan untok tabong Pembinaan Stadium.

Gambar atas kelihatan sa-orang ibu, Dayang Bungsu sedang menghuborkan derma di-temasha itu. —Gambar kiriman Guru Besar S.M. Labu Estate.

Pendaftaran nama

(*Dari Muka 2*)

sa-sudah 1hb. Januari, 1953 supaya tampil ka-hadapan untok mendaftarkan nama mereka bagi menyertai perlawanan itu.

Pemain2 di-Daerah Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong hendak-lah mendaftarkan nama2 mereka mulai 22hb. Januari ini sa-hingga 8hb. Februari pada tiap2 hari Isnin dan Khamis jam 4.15 petang di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan.

Mereka boleh-lah mendaftar kapada Awang Abdul Wahab bin Mohamed Said, Awang Mohamed bin Ismail, Awang Abdul Rahman bin Sanif atau Awang Stephen Hendrick.

Pemain2 di-Daerah Belait hendak-lah mendaftarkan nama2 mereka mulai 22hb. Januari sa-hingga 8hb. Februari pada tiap2 hari Isnin dan Khamis jam 4.15 petang di-Padang KBRC, Kuala Belait kapada Awang Suhaili bin Lani.

Laporan belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 18 buah Persatuan2 Belia dan Kebajikan sa-takat ini telah menghantar laporan mereka untok di-terbitkan dalam Majalah Belia bilangan 5 tahun 1972.

Sa-orang juruchakap Pejabat Kebajikan meminta kapada semua Setiausaha Agong Persatuan2 Belia dan Kebajikan di-negeri ini yang belum lagi menghantar laporan itu supaya mengirimkan dengan segara dan hendak-lah sampai di-Pejabat Kebajikan tidak lewat dari 31hb. Januari ini.

Semua laporan2 itu hendak-lah bersangkut paut dengan kegiatan2 Persatuan Belia dan Kebajikan sapanjang tahun 1972.

Gambar Yang Di-Pertua atau Setiausaha Agong dan lain2 gambar yang menunjokan kegiatan2 Persatuan mereka hendak-lah juga di-sertakan.


Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24hb. Januari, 1973 hingga ka-hari Selasa 30hb. Januari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Subuh	Matahari Terbit
24hb. Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
25hb. Jan.	12-37	3-58	6-34	7-46	5-06	5-20	6-35
26hb. Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
27hb. Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
28hb. Jan	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
29hb. Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
30hb. Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.



Salah sa-orang 'penambang' menurunkan penumpang2-nya di-pengkalan penumpang di-tebing dekat steshen menjual minyak, sementara penambang2 yang lain menunggu penumpang2 untok di-seberangkan.



Haji Abd. Hamid bin Mohd. Daud, telah mengusahakan moto tambang sejak tujoh tahun yang lalu.



Untok mempastikan mereka datang ka-sekolah, penuntut2 seperti gambar di-atas membayarkan bulanan kapada tuan2 punya moto tambang itu.



Awang Bujang bin Sabtu ....."Kerja menam sangat mengembirakan".

KAMPONG Ayer, merupakan kawasan yang menarek perhatian bukan sahaja kapada ra ayat dan pendudok Negeri Brunei Darus-salam tetapi juga kapada pelanchong2. Keindal an kampong ayer memang sudah menjadi kebanggaan sejak zaman berzaman. Kalau nge Italy berbangga dengan Venice-nya, kita juga boleh berbangga dengan kampong ayer ki yang indah permai.

Apa yang menarek perhatian di-kampong ayer ini tidak hanya terletak kapada susun rumah2 yang berderet2 tetapi juga kapada perkara lain saperti kebudayaan dan yang tidak ku rang penting-nya ia-lah ada-nya sumber atau puncha untok menchari nafkah bagi pendudok nya.

DI-SUSUN OLEH: AWANG ALIDIN OTHMAN

Tentu-nya terlintas di-dalam fikiran kita yang pendudok2 di-kampong ayer juga menyeberangi sungai Brunei untok pergi ka-tanah daratan guna menjalankan tugas sahari2 di-pejabat2, di-sekolah2, membeli-belah dan sa-bagai-nya. Dan dalam hal ini-lah soal2 perhubongan timbul. Biasa-nya orang2 di-kampong ayer menggunakan perahu dan "berkayoh" untok pergi ka-tanah daratan. Tetapi sekarang mereka lebeh suka menggunakan perahu moto tambang kerana lebeh mudah dan menjimatkan masa. Mereka hanya di-perlukan mengeluarkan beberapa sen sahaja untok mendapatkan kemudahan itu.

Pusat perhentian moto tambang ini terletak di-dua kawasan yang penting. ia-itu di-tebing sungai berdekatan dengan steshen menjual minyak dan di-tepi Sungai Kianggeh berhadapan dengan Panggong Hassanal Bolkiah.

Bilangan orang2 yang bergiat dalam perusahaan moto tambang ini sudah semakin bertambah. Ini mungkin disebabkan oleh sambutan yang baik dari pendudok2 di-kampong ayer dan tambahan pula mengusahakan moto tambang ini tidak memerlukan sebarang lesen. Di-sabalek pertambahan moto tambang ini kadang2 juga menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan timbul-nya kemalangan berlaku. Dan di-kala ayer pasang kalau perjalanan moto bot itu tidak di-kawal mungkin ayer naik ka-rumah2 di-kampong ayer. Pekerjaan ini juga merupakan satu langkah yang baik untok mengurangkan penganggoran di-kalangan pendudok kita. Mereka yang bergiat dalam pekerjaan ini tidak hanya terdiri daripada pekerja2 tetap tetapi termasok juga yang menjalankan kerja sa-chara sambilan untok menambah nafkah hidup mereka yang berpendapatan rendah. Ada juga di-antara mereka yang mengangkut penumpang2 berlanggan sa-chara bulanan tetapi kebanyakkan-nya memberikan khidmat bila2 saja di-kehendaki.

Pekerjaan "menambang" ini di-lakukan pada tiap2 hari bermula dari sa-belah pagi sahingga petang. Kerja ini di-lakukan tanpa mengira hujan dan panas terek dan kerja hanya tidak di-jalankan di-hari2 kebesaran Islam saperti Hari Raya dan juga di-masa suka duka sanak saudara di-kampong dan lain2. Bagaimana pun, tidak semua pengusaha2 moto tambang bekerja sampai malam kechuali pada hari2 perayaan2 saperti Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei atau di-kala penayangan filem2 Melayu dan Hindustan. Ada juga di-antara mereka yang tidak menjalankan kerja di-waktu malam kerana mengusahakan perusahaan kechil di-rumah atau belajar ugama di-kampong saperti yang di-lakukan oleh Awang Haji Abdul Hamid bin Daud dari Kampong Pengiran Bakut Siraja Muda 'B' yang telah pun mengusahakan moto tambang sejak tujoh tahun yang lalu. Beliau yang telah pernah bekerja dengan sa-buah sharikat sa-belum mencheborkan diri dalam perusahaan moto tambang.

Apakah yang mendorong mereka mencheborkan diri dalam lapangan moto tambang ini, dengan mudah Jais bin Husin menjawab, mata2 kerana kegemaran ya sendiri". Awang Jais baru sahaja dua tahun berkechimpong dalam an ini pernah bersekolah Sekolah St. Andrews, Seri Begawan sa-taka katan Tiga sa-belum dengan Hup Soon Company. Beliau berh ri Sharikat ini kerana patan kurang memas

Kerja "menambang" sangat menggembirakan Awang Bujang bin Sabtu Kampong Setia, sa-orang pengusaha moto yang "berpengkalan" di-te Sungai Kianggeh, tetapi dang2 menyusahkan hati berlaku kerosakan pada atau moto bot kerana ini mengurangkan pendapata

Moto tambang tidak h memberi kemudahan peng kutan kapada penump tetapi juga bersedia meng kut barang2, terang A Mohamad Zain bin M Noor, sa-orang "veteran" lam lapangan pekerjaan Kegiatan mereka tidak h sa-kadar menghantar pen pang2 dari tebing sungai kampong2 tertentu di-k pong ayer tetapi juga ke-k san2 jauh saperti Temburong, Labu, Manis, Junjongan, Ma Pangkalan Batu. Awang Abdul Hamid takan perkhidm ka-tempat2 ini lebeh2 kehendaki di-musim huja rana jalan raya mena tempat2 itu kurang b terpaksa menggunakan bot untok sampai ke Dalam menjalankan per matan2 ka-tempat2 yang ini satu perkara yang me

PERKHIDMATAN MOTO TAMBANG

DI-KAMPONG AYER

Pekerjaan "menambang" memerlukan rajin dan tabah hati



Awang Jais bin Husin ..... "kerja menambang sa-mata2 kegemaran saya sendiri".

masaalah ia-lah kemungkinan berlaku-nya kerosakan enjin dan kalau ini berlaku mereka sendiri terpaksa membaiki-nya kerana sudah di-"charter", jelas Awang Haji Abdul Hamid selanjut-nya. Awang Jais pula menerangkan jika berlaku kerosakan di-dalam perjalanan terpaksa menggunakan pengayoh untok membawa moto bot ka-tebing sungai untok di-baiki. Awang Bujang pula menerangkan kalau kerosakan itu "kechil" boleh di-baiki sendiri tetapi kalau kerosakan itu melibatkan bahagian2 yang sukar terpaksa di-serahkan kapada mekanik untok membaiki-nya. Jika perahu buchor atau rosak "bingkai" boleh-lah di-perbaiki sendiri.

Masaalah2 yang di-hadapi oleh pengusaha2 moto tambang ini tidak hanya sa-kadar kerosakan enjin atau "bochor" tetapi perahu2 itu juga perlu di-"usai" dari masa ka-sa-masa. Awang Jais menerangkan untok menchat perahu itu, mesti-lah di-sadai sa-lama tiga hari supaya kering sa-chukop2-nya, sa-belum di-chat baru. Awang Bujang pula menjelaskan perahu itu di-"usai" mengikut keadaan. Kalau sudah "bergelugut" mesti-lah di-keringkan dan di-chat. Satu lagi masaalah yang biasa di-hadapi oleh pengusaha2 moto tambang ia-lah di-waktu ayer "tohor", mereka terpaksa mengeluarkan perahu/moto bot lebeh dari waktu biasa.

Bila di-tanya bagaimana-kah menarek minat orang ramai, mereka mengatakan ini bergantong kapada keinginan penumpang2 itu sendiri untok memileh moto bot/perahu yang kehendaki. Saseorang penumpang itu tidak turun ka-sa-sebuah moto bot/perahu itu kerana warna yang chantek atau kerana kelajuan-nya. Dan saterus-nya mereka mengatakan orang akan turun ka-sa-sebuah perahu/moto bot itu kerana tuan punya perahu/moto bot itu kawan-nya atau saudara-nya dan yang lebeh penting lagi ia-lah budi bahasa yang baik, peramah dan hormat kapada penumpang2. Dengan kata2 lain layanan baik harus-lah di-berikan kapada penumpang2 supaya mereka tertarek untok turun ka-perahu moto bot.

Bagaimana pula dengan soal pendapatan? Bagi Awang Mohd. Zain b. Md. Noor pendapatan-dalam sa-hari ia-lah lebeh kurang $20.00 tetapi bagi Awang Haji Abdul Hamid pendapatan beliau tidak tetap, bergantong kapada jumlah penumpang2 atau pelanchong2. Kalau jumlah penumpang banyak, pendapatan dalam sa-hari ia-lah dalam lingkongan $10.00 dan $20.00. Pada hari2 biasa selalu-nya $6.00 malah pernah juga $3.00. Pendapatan Awang Jais pula biasa-nya 10.00 sa-hari. Jumlah ini juga bergantong kapada keadaan manakala Awang Bujang pula dalam lingkongan belasan ringgit jika beliau "menambang" dari jam 6.30 pagi sa-hingga 4.00 petang. Kalau beliau menyambong lagi perkhidmatan ini sa-hingga pukul 9.00 malam, beliau boleh mendapat $4.00 atau $5.00 lebeh lagi. Di-masa hari2 keramaian pendapatan mereka akan bertambah lagi. Bagi Awang Bujang pendapatan dari kerja "menambang" di-anggap-nya sa-bagai "sorong-tarek", maksud-nya pendapatan yang di-perolehi daripada usaha itu juga terpaksa di-gunakan untok membayar kerosakan2 yang di-timpa. Ke-empat2 orang yang kami temu-duga ini memileki enjin dan perahu yang mereka gunakan untok menambang.

Kejayaan2 pengusaha2 moto tambang ini lebeh banyak bergantong kapada kemahuan dan usaha yang gigih, mesti rajin dan tabah hati serta layanan yang baik kapada penumpang2. Sifat2 ini perlu ada pada diri mereka yang ingin mengusahakan moto tambang kerana kerja ini terpaksa berpanas dan berhujan serta persaingan antara satu sama lain.

Pada masa ini pengusaha2 moto tambang ini belum lagi mempunyai sa-barang persatuan. Saperti yang terdapat pada pengusaha2 teksi di-negeri ini. Ada-lah di-harapkan di-masa2 yang akan datang persatuan pengusaha2 moto tambang akan di-wujudkan supaya dapat menyatu-padukan mereka yang bergiat dalam lapangan ini.

Usaha2 yang di-jalankan oleh pengusaha2 moto tambang ini memang-lah satu langkah yang baik, menjalankan pekerjaan atau perusahaan sendiri dan tidak-lah nya bergantong kapada Kerajaan untok mendapatkan pekerjaan.



Awang Mohd. Zain bin Md. Noor, sa-orang 'veteran' dalam pekerjaan menambang ini.



Salah sa-buah moto tambang yang berulang alek dari Bandar Seri Begawan dan Temburong ketika menunggu penumpang2.



Moto2 tambang menunggu penumpang2-nya di-pengkalan penumpang di-Sungai Kianggeh.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA–BAGAI PENOLONG PEMEREKSA BUROH

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Penolong Pemereksa Buroh, di-Jabatan Buroh, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah sebaik2nya berumor tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebeh dari 30 tahun dan mestilah sama ada:–

(a) mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran Inggeris, atau pun telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding; atau

(b) mempunyai Sijil Rendah Pelajaran dengan mendapat kelulusan dalam matapelajaran bahasa Inggeris atau pun telah menchapai taraf pelajaran yang sabanding dan telah menamatkan sama ada:–

i) Empat tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division IV dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau

ii) Enam tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam Division V dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau

iii) Sembilan tahun perkhidmatan dalam sesuatu jabatan perusahaan yang berkaitan dengan perhubongan indastri atau pengurusan personnel.

Semua chalun2 hendak-lah faseh dalam bahasa Melayu dan, jika bahasa China, boleh bertutor sekurang2-nya dua logat bahasa China.

Tugas2:

Memereksa tempat2 pekerjaan, menguatkuasakan undang2 mengenai keselamatan pekerja, perhubongan2 indastri, pendaftaran kesatuan2 sekerja dan lain2 perkara yang menjadi tanggong-jawab Jabatan Buroh; menerima aduan2 dan menjalankan penyiasatan, menyiasat dan, jika perlu, menda'awa kesalahan2; menyelenggara pejabat pertukaran buroh dan perkhidmatan menyediakan pekerja2; mendamaikan pertikaian2 perusahaan; mengumpul statistik pekerjaan, gaji pendapatan dan masa kerja; dan pada keseluroh-an-nya melaksanakan tugas2 executive dalam semua bahagian Jabatan Buroh.

Gaji:

Dalam sukatan jagi D. 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar pemohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 yang baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

Sa–bagai Imam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Imam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Batu Apoi, Temburong.

b) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Selangan, Temburong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 4 — $280 x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.

Ketua Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Ketua Tukang Masak di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumor tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran;

ii) Mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tukang2 masak, menjaga dan memereksa barang2 yang di-bekalkan dan menyediakan jadual2 makanan serta makan minum.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300 x10-350.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 yang baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

Sa–bagai Pembantu Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 16 hingga 21 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan IV atau yang sebanding dengan-nya termasok lulus dalam matapelajaran2 Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Fiziks atau Sains 'Am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 — $230x10-290x15-380.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 1hb. Februari, 1973.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA
No. 1/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Saimah bte. Latif, d/a Kampong Lugu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Latif bin Husin yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 2/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jambul bin Ahmad, d/a Kampong Pengkalan Mau, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahmad bin Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 41/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Aminah bte. Kaling, d/a Kampong Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Taiawan bte. Taha yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 42/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Rafiah bte. Hj. Abd. Wahab, d/a Kg. Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Md. Yassin bin Ahmad dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 43/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jamudin bin Untong, d/a Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Untong bin Badar yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 44/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Zubidah bte. Idris, d/a Kampong Tanjong Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Idris bin Jalil @ Edris yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 45/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Ali Hassan bin Soud, d/a Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Ismail bin Ali Hassan yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 46/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohd. Noor bin Karim, d/a Kampong Penapar, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Karim bin Bakar @ Tudoi yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 47/1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang bin Okot, d/a Kampong Batang Mitus, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Akot bin O.K. Pemancha Bangis yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 25 haribulan Januari, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 11 haribulan Januari, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Tukang Chachar

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Tukang Chachar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-nya Tingkatan I Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya.

(b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan2 yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai tukang chungkil boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3 EB 4 — $200x5-240/EB/245x 5-260.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Perjabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 29hb. Januari, 1973.

Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Keraiaan, Brunei.


Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB 4-5 — $180x5-240/EB/ 245x5-260x10-290.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Perjabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.



PEMANGKU Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara sedang menyampaikan piala kapada rekrut yang terbaik B. 4646 Awang Zakaria bin Jaya.

Peranan AMDB dlm menjaga keamanan

(Dari muka 1)

sa-bagaimana yang telah di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

"Ke-arah ini-lah Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sedang menumpukan tenaga untok menyusun langkah yang akan di-ambil demi untok menjunjong titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan", tegas yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia menekankan bahawa keselamatan negara adalah penting sa-bagai satu sharat utama untok membolehkan perkembangan2 ekonomi, perindastrian dan sosial itu di-laksanakan.

"Dalam kontek ini, anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei mempunyai peranan yang tertentu dan penting dalam menjaga keselamatan, ketenteraman serta pertahanan negara", tegas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia juga menyeru anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei supaya menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Kerajaan Baginda.

"Taat setia yang di-sembahkan itu, sabda Yang Amat Mulia, ia-lah taat setia yang akan dapat di-chontohi bukan sahaja oleh rayat negeri ini bahkan juga oleh negara2 lain."

Di-upachara tersebut, Yang Amat Mulia juga telah menerima tabek dan memereksaan barisan kehormatan yang terdiri dari rekrut2 tersebut.

Di-akhir upachara itu Yang Amat Mulia telah menyampaikan hadiah2 kapada empat orang rekrut2 yang terbaik dan penembak terbaik semasa menjalani latehan.

Mereka ia-lah Awang Zakaria bin Jaya, Awang Idris bin Laki, Ak. Ali bin Pengiran Momin dan Awang bin Zainal.

Majlis cheramah

(Dari muka 1)

Terdahulu sa-belum itu, Pengetua Maktab itu, Awang P.D. Parshad telah menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat itu atas kesudian beliau hadhir dan memberikan cheramah kapada penuntut2 di-maktab itu.

Selaku Setiausaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu juga telah menerima sa-keping chek bernilai $1,177.10 hasil kutipan dari penuntut2 di-maktab itu untok Tabong Pembinaan Stadium.

Chek tersebut telah di-sampaikan oleh Pengetua Maktab itu Awang P.D. Parshad di-akhir majlis cheramah itu.

Bangunan ibu sawat talipon siap tahun ini

TUTONG. — Kerja2 pembinaan bangunaan ibu sawat talipon baru di-Pekan Tutong sedang berjalan saperti di-ranchangkan.

Sa-orang juruchakap bagi akitek2 Jabatan Kerja Raya yang mereka bentok bangunan tersebut berkata, bahagian asas bangunan itu telah di-bina.

Kerja2 ka-atas bangunan yang menelan kira2 $270,000.00 itu telah di-mulakan dalam bulan Oktober lepas dan di-jangka siap dalam pertengahan tahun ini.

Bangunan itu akan di-lengkapkan dengan sa-buah alat sawat talipon kechil yang telah pun tiba di-Brunei.

Kenyataan jualan lelong

DENGAN ini di-ma'alomkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Kemasharatan, Bandar Seri Begawan, Brunei pada 27hb. Januari, 1973 mulai jam 9.00 pagi.

Penulis2 di-seru bersama2 memikul tanggong-jawab untok pembangunan negara

KUALA BELAIT. — Penulis2 tempatan telah di-gesa supaya bertanggong-jawab dalam peranan-nya membentok masharakat menerusi renchana2 menurut keperibadian bangsa.

Seruan itu telah di-sabdakan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar dalam kata2 aluan majalah tahunan Sekolah Rendah dan Menengah Melayu Muhamad Alam, Seria tahun 1972.

Majalah Tahunan Sekolah itu di-terbitkan oleh guru2 dari Badan Bahasa dan Persuratan mengandongi 140 muka yang di-isi dengan kegiatan2 penuntut di-sekolah itu sepanjang tahun 1972.

Yang Amat Mulia berharap Majalah itu akan terus memainkan peranan-nya untok melihat penulis muda menghasilkan karya sajak dan cherpen yang bernilai sa-laras dengan keadaan Negeri Brunei sa-bagai sa-buah negara Islam yang bersultan, berperlembagaan, berbahasa Melayu dan berkebudayaan sendiri.

Pegawai Daerah itu menekankan bahawa pembangunan negara bukan saja tanggong-jawab pemimpin2-nya bahkan juga harus di-pikul bersama oleh seluroh raayat dan pendudok negeri ini dalam mana penulis2 harus tampil kehadapan memainkan peranan-nya.

Beliau juga berharap penerbitan Majalah itu tidak akan tergelinchir dari tujuan asal-nya kerana beliau perchaya mereka tidak akan tergamak menchabul saloran2 yang baik bagi melepaskan pemikiran yang kurang sehat.

Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Awang Haji Sabtu bin Mohamad dalam kata2 aluan-nya telah menegaskan bahawa kesedaran ibu bapa terhadap persekolahan anak2 kian memunchak dari satahun ka-setahun.

Beliau berkata dalam tahun 1914 murid hanya berjumlah 1,764 orang dan angka itu telah naik dengan chepat-nya sa-lepas Perang Dunia Kedua dan sa-hingga tahun 1972 murid2 di-bangku sekolah sudah melebehi 40,000 orang.

Pengetua Sekolah itu, Che'gu Tuah bin Haji Hitam yang juga memberi kata2 aluan-nya dalam majalah itu telah menekankan betapa mustahak-nya kerjasama yang erat yang boleh melahirkan chita2 untok kemajuan.

Derma untok tabong Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah $2,542.30 telah di-terima oleh Setia Usaha Agong Tertinggi Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri untok tabong pembinaan stadium dalam minggu ini.

Sa-banyak $1,177.10 telah di-terima dari penuntut2 dan kakitangan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong. Wang tersebut telah di-serahkan oleh Pengetua maktab itu dalam majlis cheramah yang telah di-adakan pada hari Khamis lepas.

Persatuan Angkatan Kampong Burong Pingai Berakas, PERANGKAB telah menderma sa-banyak $614.50 ia-itu hasil dari kutipan pertunjokkan pentas yang telah di-adakan baru2 ini.

Penyelia Pusat Belia, Pengiran Haji Mohammad telah menyampaikan derma sa-banyak $600.70 ia-itu hasil dari kutipan dalam perlawanan ping pong di-antara pasokan Negeri Kedah dengan pasokan pilehan Kuala Belait/Bandar Seri Begawan, manakala Awang James Koh, pegawai perhubongan Sharikat Bintang dan Perchetakan menyampaikan derma sa-banyak $150.00 ia-itu hasil kutipan dari perlawanan ping pong antara pasokan Nanyang Siang Pao dengan pasokan pilehan Bandar Seri Begawan yang di-kelolakan oleh sharikat itu.



Gambar atas menunjokkan Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menerima chek bernilai $1,000.00 dari Yang Di-Pertua Persatuan Peniaga2 Gula, Awang Ong Keh Beng pada minggu lalu. Sedang memerhati ia-lah Y.B. Pehin Dato Temenggong Awang Lim Ching Choo.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 5 RABU 31HB. JANUARI, 1973. 392 ذوالحجه 27 رابو PERCHUMA

BELIA2 TIDAK SA-HARUS-NYA MENUNGGU ARAHAN UNTOK MENJALANKAN KERJA2 SUKARELA

LUMUT. — Kaum belia di-negeri ini telah di-seru supaya jangan memenchilkan diri dari masharakat keliling kerana sifat yang sa-demikian bukan sahaja boleh melemahkan masharakat mereka sendiri tetapi juga mengechewakan harapan negara dan kerajaan.

Seruan ini telah di-buat oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif ketika beliau merasmikan pembukaan meshuarat agong Persatuan Gabongan Belia Liang-Lumut kali yang ke-empat yang telah berlangsong di-Balai Raya Lumut pada hari Jumaat lepas.

Awang Jaya merasa kesal kerana maseh ada sa-bilangan kechil belia2 di-negeri ini maseh mempunyai pandangan sempit dan tidak ingin berusaha mensesuaikan diri-nya dengan kehendak masharakat dan memenchilkan diri dari persatuan2 belia.

Beliau menambah kata, perbuatan sa-rupa ini sedikit sa-banyak telah mendatangkan kesan yang tidak baik, kerana sikap yang sa-demikian bukan sahaja melemahkan masharakat mereka sendiri tetapi juga mengechewakan harapan negara dan kerajaan yang sangat2 memerlukan tenaga sukarela belia untok tugas membangun.

"Jatoh dan bangun-nya negara kita pada masa yang akan datang ada-lah bergantong pada kebolehkan dan kepintaran fikiran kaum belia pada masa ini", tegas Awang Jaya.

Beliau berkata, gulongan belia hendak-lah menganggap diri mereka sa-bagai sa-bahagian dari jentera kerajaan untok mengendalikan ranchangan2 kemajuan dan mereka itu tidak sa-harus-nya menunggu arahan dari kerajaan untok menjalankan kerja2 sukarela bagi membantu kerajaan dalam usaha-nya mengekalkan kemakmoran dan keamanan negeri ini.

Awang Jaya yang juga menjadi Naib — Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei menegaskan bahawa belia2 di-negeri ini haruslah bershukor atas kemudahan2 yang di-berikan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kebajikan Masharakat dalam usaha-nya membimbing kaum belia di-negeri ini.

Beliau berharap dengan ada-nya kemudahan2 saperti itu belia2 di-Liang dan Lumut akan terus berusaha dalam melancharkan projek2-nya sa-laras dengan kehendak masharakat di-sekitar kampong2 tersebut.

Beliau yakin bahawa sa-lagi pemimpin2 persatuan itu berniat untok berbimbing bahu memikul tujuan2 perlembagaan-nya, maka sa-lagi itu-lah persatuan itu tidak akan tergelinchir daripada menjalankan usaha2 yang membina dan berfaedah.



Awang Jaya bin Abd. Latif.

Beliau mengingatkan di-samping menyedari akan tanggong-jawab, mereka juga harus memahami bahawa perkembangan persatuan itu mesti-lah sa-laras dengan perkembangan dan kemajuan belia

(Lihat muka 8)



SA-JUMLAH $1,500.00 telah di-terima oleh Jawatankuasa Pebinaan Stadium Daerah Brunei-Muara pada minggu lalu.

Awang Wee Beng Chong dari Bandar Seri Begawan telah menderma sa-banyak $1,000 atas nama beliau sendiri manakala $500.00 derma dari Pertubohan Perkumpulan Perempuan Brunei.

Derma2 tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Wee Beng Chong sendiri kapada Setia Usaha Jawatankuasa Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri manakala derma dari Pertubohan Perkumpulan Perempuan di-serahkan oleh Yang Di-Pertua perkumpulan itu, Dayang Masni binte Haji Ali **(gambar atas).**

Dayang Masni menyatakan bahawa wang tersebut di-perolehi dari projek2 yang di-jalankan pada tahun lalu itu ada-lah sa-bagai derma permulaan dari perkumpulan itu.

Beliau berkata, pertubohan itu akan menganjorkan beberapa projek bagi memungut derma untok tabong tersebut. Salah satu daripada projek2 itu ia-lah mengadakan jualan murah dalam bulan depan.

Beliau berharap orang ramai, pekedai2 dan sharikat2 perniagaan akan dapat menyumbangkan derma bagi menjayakan projek yang berkebajikan itu.

Lagi sa-orang penuntut lulus pengajian tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang penuntut Brunei, Awang Chin Vui Kiong telah pulang ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah menamatkan pengajian-nya di-Unibersiti Western Australia sa-lama lima tahun.

Awang Chin Vui Kiong berusia 27 tahun telah berjaya mendapat ijazah Sarjana Sains bahagian Pergigian dari Unibersiti tersebut.

Beliau melanjutkan pelajaran-nya di-unibersiti itu atas biasiswa Kerajaan Brunei melalui Jabatan Pelajaran.

Tembakan meriam alu2kan awal Muharam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tembakan meriam sa-banyak 12 das akan di-tembakkan dari kawasan Balai Polis Diraja Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 3hb. Februari sa-bagai menyambut Tahun Baru Islam ia-itu tahun Hijrah 1393.

Tembakan meriam itu akan di-lepaskan sa-lepas sembahyang Magrib pada hari tersebut.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

Ahli2 J/K baru persatuan PERANGKAB

BERAKAS. — Awang Abdul Latif bin Abd. Wahab dan Awg. Abdul Rahman bin Md. Yusof, masing2 telah di-pileh semula sa-bagai Yang Di-Pertua dan Setia Usaha Agong Persatuan Angkatan Kampong Burong Pinggai Berakas — PERANGKAB.

Mereka itu telah di-pileh dengan sa-bulat suara dalam meshuarat agong persatuan itu yang telah di-adakan baru2 ini.

Lain2 yang telah di-pileh untok mentadbir persatuan itu bagi tahun 1973/74 ada-lah saperti berikut:

Naib Yang Di-Pertuan — Awg. Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti; Pengerusi Tetap — Awang Mokti bin Mohd. Daud; Naib Setia Usaha Agong — Awang Alidin bin Othman dan Bendahari Agong — Awang Sharbini bin Mohd. Yassin.

Sa-lain dari itu sa-ramai lima orang juga telah di-pileh sa-bagai ahli2 jawatankuasa. Mereka ia-lah: Awang Junid bin Haji Ramlee — Seksi Kesenian dan Kebudayaan; Awang Abd. Wahab bin Awg. Tengah — Seksi Sosial dan Kebajikan; Awang Abdul Rahman bin Salim — Seksi Sokan; Awang Johari bin Pehin Bendahari Haji Omar — Seksi Ugama dan Pelajaran dan Pengiran Metassan bin Pengiran Mohiddin — Seksi Persuratan.

Awang Abu Bakar bin Awang Tengah, Awang Md. Yusof bin Haji Mohammad, Awang Hasip bin Mayassin dan Awang Junaidi bin Kaling di-lantek sa-bagai ahli biasa.

Awang Hilmi bin Abdul Ghafar dan Awang Mashor bin Haji Metahir di-lantek sa-bagai Pemereksa Kira2.



Setia Usaha Agong J/K Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awg. Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menerima derma sa-banyak $614.50 dari Setia Usaha Agong persatuan PERANGKAB, Awg. Abdul Rahman bin Mohd. Yusof.

Chalun2 yang lulus pereksa trengkas dan menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 16 orang chalun telah lulus pepereksaan menaip perengkat menengah aliran Melayu yang di-jalankan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak Bandar Seri Begawan dalam pertengahan tahun lalu.

Pepereksaan itu di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Chalun2 yang lulus ia-lah Awangku Ahmad bin Pengiran Metassan, Dayang Zaiton binte Mangarshah, Awang Hussein bin Haji Timbang, Dayang Mahbooba binte Mohamed Ali, Dayang Noorjanah binte Awang Besar, Dayang Rokiah binte Jaludin, Awang Sulaiman bin Timbang, Dayang Halimah binte Johan, Dayangku Roseniah binte Pengiran Matusin, Awg. Esai bin Taris, Dayang Fatimah Haji Ludin, Dayang Hajjah Hasnah binte Haji Ismail, Dayang Rosmah binte Ibrahim, Dayang Rokiah binte Taha, Dayang Rubiah binte Gunong dan Dayang Zaimah binte Daud.

Awang Ismail bin Jamuddin telah lulus pepereksaan trengkas dan menaip perengkat tertinggi. Dayang Hapiah binte Awg. Besar dan Awang Ismail bin Jarudin masing2 lulus trengkas perengkat tertinggi.

Empat orang penuntut dari Maktab SOAS lulus ilmu menyimpan buku kira2, trengkas dan menaip aliran Inggeris:

Chua Lian Siew telah lulus ilmu menyimpan buku kira2 perengkat menengah, Mary Ann Bong Lian Hiok lulus trengkas perengkat menengah, Norlida Abdullah dan Poh Hak Lian masing2 lulus menaip perengkat menengah dan tertinggi.

Sa-orang lagi penuntut dari Maktab Anthony Abell Seria, Dayangku Jamilah binte Pengiran Matarsat lulus menaip perengkat menengah.

Chalun2 yang gagal dalam pepereksaan2 itu bolehlah menyambong pelajaran mereka di-sekolah2 berkenaan untok mengambil pepereksaan yang sama dalam bulan Jun tahun ini.

GAMBAR bawah menunjokkan pemain2 pasokan PERKA dan Ikatan Belia Berakas bergambar ramai sa-belum perlawanan bola sepak perengkat akhir di-antara kedua2 pasokan itu di-jalankan.

Dalam perlawanan itu pasokan PERKA telah mengalahkan Ikatan Belia Berakas dengan 4 gol berbalas satu.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Angkatan Persatuan Pemuda — Pemudi Kampong Perpindahan Berakas sa-bagai projek tahunan-nya.



Kursus Perguruan — 1973

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada mereka2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam Negeri Brunei serta juga mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil 'Am Pelajaran dengan mendapat kelulusan "Biasa" dalam empat mata pelajaran atau mereka2 yang sedang menunggu keputusan Pepereksaan SPM/MCE bagi mengikuti kursus perguruan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, Bandar Seri Begawan.

Jabatan Pelajaran Brunei memerlukan orang2 muda yang sesuai kelayakan-nya untok di-lateh sa-bagai guru Sekolah2 Menengah Rendah Melayu dan Inggeris. Sa-lain dari menerima latehan2 'am dalam chara2 mengajar, chalun2 yang berjaya akan dapat mengikuti kursus2 khas dalam mengajar perkara2 pilehan saperti Sains, Hisab, Sejarah, Ilmu Alam, Lukisan dan Pertukangan Tangan dan Sains Rumah Tangga. Pekerjaan mengajar di-negeri Brunei merupakan suatu lapangan yang besar ganjaran-nya dan juga memberi peluang kapada orang2 muda untok memberikan sumbangan terhadap kemajuan negara.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon yang di-terima masok akan di-bayar elaun sa-banyak $210.00 hingga $225.00 sa-bulan dan akan di-beri makan serta tempat tinggal di-asrama2 Maktab.

Sa-belum di-terima masok, pemohon2 yang terpileh akan terlebeh dahulu di-temuduga serta di-pereksa oleh doktor Kerajaan.

(Lihat muka 7)

AMAL YANG SALIH DI-BUAT SA-MASA HIDUP AKAN MENJADI TEMAN DI-DALAM KUBOR

KHUTBAH JUMA'AT

"Kita hendak-lah memperbaiki urusan akhirat dengan tidak meninggalkan kewajipan terhadap Allah, mengerjakan amal ibadat dan menghindarkan diri dari melakukan kejahatan".

SA-BAGAIMANA yang kita ketahui bahawa kehidupan di-dunia ini akan bersambong pula dengan kehidupan di-akhirat ia-itu hari yang terakhir, hari kemudian, hari pembalasan, hari di-kumpulkan manusia sa-sudah mati-nya untok di-berikan balasan dan ganjaran yang amat sempurna.

Sa-tiap manusia yang hidup di-dunia ini ada mempunyai ajal yang tertentu dan umor yang terbatas. Apabila tiba ajal-nya dan sampai sa'at-nya maka putus-lah segala kesempatan bagi-nya untok bekerja dan beramal, berpisah-lah ia dengan alam dunia berpindah ka-negeri yang kekal abadi, ia-itu negeri akhirat, tempat kesudahan segala mahlok, berpisah ia dengan isteri dan anak-nya, dengan ibu-bapa-nya, dengan saudara2 dan kaum keluarga-nya, dengan kawan-nya dan sahabat handai-nya, dengan harta dan segala yang di-kasehi-nya. Dia kembali ka-tempat asal-nya di-kubor di-perut bumi, tiada kawan yang akan menemani, tiada sahabat yang memberi hiboran, bahkan memang senghaja dia di-tinggalkan sendirian.

Siapakah yang dapat menulong kita ketika itu?. Siapakah yang dapat memberi kelapangan dan kesukaan di-tempat itu? Tidak lain dan tidak bukan melainkan amal kita sendiri, amal salih yang telah kita perbuat ketika kita hidup di-dunia. Itu-lah sahaja satu2-nya kawan kita di-dalam kubor sampai ka-akhirat.

Ketika di-dunia kita telah di-kurniakan akal yang sihat, kita telah di-bekalkan dengan kitab Quran dan ajaran2 ugama Islam, kapada kita telah di-utuskan Rasul untok memberi panduan dan bimbingan, semua-nya untok faedah dan keselamatan kita hidup di-dunia. Hidup di-kubor dan hidup di-akhirat, tetapi berapa ramaikah dari saudara2 kita umat Islam yang menyedari akan hakikat ini, berapa ramaikah di-antara kita yang maseh mengabaikan soal2 yang bersangkut dengan kehidupan-nya di-akhirat?.

Dunia ini ada-lah tempat bertanam dan akhirat tempat mengambil buah-nya. Kalau kita hidup di-dunia kita menanam kejahatan, dosa, maksiat, maka di-akhirat kita akan mengambil buah neraka, dan minum ayer neraka dan tinggal dalam neraka. Ingat-lah firman Allah yang bermaksud:

"Sa-sunggoh-nya pohon Zakum (buah neraka) ini makanan orang yang berdosa, keadaan-nya seperti kotoran minyak mendideh di-dalam perut saperti mendideh-nya ayer panas".

Firman-nya lagi yang bermaksud:

"Jika mereka haus meminta minum, di-berikan-lah kapada mereka ayer yang saperti kotoran minyak yang menghanguskan muka2 mereka, alangkah burok-nya minuman itu dan sa-jahat2 tempat".

Tetapi kalau kita di-dunia ini menaman perkataan yang baik, amal yang salih, iman yang tetap, perbuatan yang suchi, neschaya kita akan mengambil buah shorga, kesenangan yang kekal abadi di-negeri akhirat buat sa-lama2-nya. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Dan ganjaran yang di-kurniakan Allah kerana kesabaran mereka ia-lah shorga dan pakaian sutera, mereka berbaring di-dalam-nya di-atas pelamin, tidak mereka melihat matahari (yang membuat kepanasan kapada mereka) dan tidak pula sangat sejok".

Oleh yang demikian kita hendak-lah memperbaiki urusan akhirat kita, tidak sekali2 meninggalkan kewajipan2 kita terhadap Allah dan hendak-lah senantiasa mengerjakan amal ibadat dan pekerjaan2 yang baik dan senantiasa menghindarkan diri dari melakukan kejahatan dan tegahan2 Allah dan Rasul-nya. Mudah2an kita tetap menjadi orang yang baik di-dunia dan di-akhirat. Amin ya rabal alamin.

Sambutan Awal Muharam tahun hijrah 1393

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan dan Tabligh dengan kerjasama Persatuan Belia Sengkurong Brunei, akan menganjorkan sambutan Awal Muharam Tahun Hijrah 1393, bertempat di-dewan Sekolah Melayu Sengkurong, pada 3hb. Februari, 1973 mulai jam 8.00 malam.

Satu achara yang di-jangka menarek dalam sambutan kali ini ia-lah sa-buah puisidra yang bertajok "Chita Rasa Darussalam", ia-itu persembahan pentas sa-chara sajak dan nyanyian yang menggambarkan chita2 pembangunan Brunei moden menerusi pelajaran, ekonomi, dan perpaduan serta keamanan dalam suasana dan semangat "adil laila bahagia". Sekerip-nya di-tulis oleh Badaruddin H.O., di-arahkan oleh Zairis M.S. Dua buah nyanyian dalam persembahan tersebut ia-lah "Semoga Bahagia" senikata dan lagu oleh Zubir Said, dan "Adil Laila Bahagia" gubahan Ustaz Mustajab bin Shai'en dari senikata sajak Badaruddin H.O.

Achara lain ia-lah uchapan Penguasa Penerangan dan Tabligh, bacha'an Al-Qur'an nashid dan tayangan wayang gambar.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ag. Hj. Mohd. Zain bin Haji Serudin akan menyampaikan uchapan dan saterus-nya merasmikan sambutan tersebut.

Orang ramai ada-lah dipersilakan hadhir menyaksikan achara2 pada malam itu.

Sementara itu, sambutan di-daerah2 Tutong, Belait dan Temburong akan juga di-adakan, dan tarikh sambutan di-tentukan oleh daerah2 tersebut masing2.

Sambutan Hari Raya Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Badan Hadhrah Tunas Raja Muda ringkas-nya Bahtramu akan mengadakan sambutan Hari Raya Haji pada malam 15hb. Februari depan, bagaimana pun menurut sa-orang juruchakap persatuan itu, tempat bagi di-adakan sambutan itu akan di-umumkan kemudian.

Antara achara2-nya termasok-lah peraduan pukulan hadhrah, membacha sajak perseorangan dan berpasangan, dan pakaian beragam.

Peraduan2 tersebut hanya terbuka kapada persatuan2 belia dan kebajikan di-Daerah Brunei-Muara.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 31hb. Januari, 1973 hingga ka-hari Selasa 6hb. Februari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
31hb. Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
1hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
2hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
3hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
4hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
5hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
6hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

Keputusan pepereksaan kelas2 dewasa pelajaran rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — — Sa-ramai 499 orang chalun telah lulus pepereksaan bagi kelas2 dewasa pelajaran rendah yang telah di-adakan dalam pertengahan bulan Disember yang lalu.

Dari jumlah itu sa-ramai 141 orang lulus dalam perengkat permulaan; 213 orang dalam perengkat menengah dan 145 orang lulus dalam perengkat tertinggi.

Pepereksaan tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa dan telah di-adakan di-beberapa buah pusat pepereksaan.

Berikut ia-lah chalun2 yang lulus dalam pepereksaan tersebut.

PERENGKAT PERMULAAN:

S. M. RAJA ISTERI FATIMAH

Dandan bte. Metassan; Amah bte. Tengah; Nauyah bte. Unjang; Norbik bte. Talha; Amas bte. Edin dan Rosni bte. Tengah.

BANGUNAN PERSATUAN KG. PANDAI BESI

Hasnah bte. Mahmud; Aisah bte. Hj. Besar dan Siti Ajar bte. Abd. Rahman.

S. M. LELA MENCHANAI

Dk. Hjh. Husnah bte. Pg. Hj. Taha; Dy. Sainah bte. Hj. Mohammad; Norpah bte. Hj. Mohamad; Fatimah bte. Hj. Mohamad; Sahdan bte. Ismail; Hjh. Chuchu Abdullah dan Maikasom bte. Samsudin.

S. M. KG. SETIA

Hjh. Kinchana Hj. Ahmad; Dy. Tinggal bte.. Kadir; Pitah bte. Othman; Dy. Emas bte.. Abd. Rahman; Dy. Limah bte. Ghafar; Dy. Hitam bte. A. Anak; Milah Hj.Md .Yasin; Isnah bte. Hj. Kula; Jijah bte. Sikin; Dollah bte. Metali; Rashid bte. Hj. Muslim; Duraman bte. Momin; Jumat bin Kamis; Niman bte. Ahmad; Mega bin Duraman dan Hj. Sahab bin Hj. Ahmad.

A. Bakar bin Tuba; Tusim bin Tuba; Daud bin Omar; Moktal bin Hj. Latif; Hamzah bin Omar; Pudin bin Duraman; Jumaat bin Ajak; Hj. Sulaiman bin Tuah dan Hj. Ibrahim bin Hassan.

S. M. ANGGEREK DESA

Dy. Piut P.A. Hj. Abdullah dan Maimunah bte. Yaakub.

S. M. MENTIRI

Bimura bte. Suboh; Gapar bin Budin dan Dayan bin Raya.

S. M. GADONG

Latifah bte. Matniah; Dy. Junit bte. Karim; Dy. Inun bte. A. Bakar; Dy. Suboh bte. Hj. Nawang; Dy. Hapipah bte. Garif; Jamilah bte. Hamid; Mayang bte. Burut; Norasah bte. Ahmad dan Dy. Jurong bte. A. Bakar.

S. M. PUTAT

Kalthum bte. Duraman; Kalthum bte. Hj. Ampal; Rohani bte. Danan dan Jaimah bte. Gimbam.

Aw. Jais bin Sakin; Aw. Mail bin Duraman dan Aw. Duah bin Osman.

S. M. LIMAU MANIS

Fatimah bte. Jaafar dan Radiah bte. Pilok.

S. M. PUTAT

Dy. Bungsu bte. Randah; Dy. Piah bte. Mokhtar; Pungut bte. Md. Yassin; Sarah bte. Hitam; Martuah bte. Salleh; Hasnah bte. Manan; Jaunah bte. Zahari; Sidah bte. Abdul dan Noralam bte. Mokhtar.

S. M. DATO GANDI

Dy. Damit bte. Md. Nor; Jauyah bte. Kanak; Hidup bte. Maidin; Mahani bte. Hj. Yusof dan Aisah bte. Jambul.

S. M. BUKIT PANGGAL

Musa bin Ibrahim; Hj. Momin bin Asmat; Tujoh bte. Basman; Lumat bte. Duraman dan Sisah bte. Yahya.

S. M SENGKARAI

Fatimah bte. Rais; Norsiah bte. Sulaiman; Dy. Damit bte. Dollah; Gaiah bte. Larai; Dk. Sara bte. P. Mentali; Maie bte. Medan; Maksalamah bte. Tahir; Halimah bte. Talib; Aminah bte. Mentali dan Mariam bte. Rais.

S. M. MUHAMMAD ALAM

Simah bte. Muhamad; Jariah bte. Hj. Wahab; Salbiah bte. Hj. Jaafar; Normah bte. Hj. Metusin; Nor bte. Metusen; Liah bte. Kadir; Dayang bte. Hj. Jaafar; Dy. Talima bte. Hj. Metusin; Dayang bte. Tengah dan Rahanah bte. Sastro.

Siti Jauyah bte. Mat Rais; Sabjan bte. Bustan; Dy. Masni bte. Udek; Masnah bte. Abdullah; Saadiah bte. Mohamad; Fatimah bte. Sunggoh; Miri bte. Hj. Tawan dan Dy. Nara anak Janda.

S. M. AHMAD TAJUDDIN

Chung Chai Koi; Bintang anak Ningkan; Norroyah bte. Ali/Toyah; Siti Rokiah bte. Putera; Selamah bte. Maneng; Siti bte. Kadir; Dk. Rasiah bte. P.A. Rahman; Ajijah/Rapiah bte. Taha dan Halifah bte. Wahab.

S. M. NEGALANG

Dy. Kalas bte. Kunchang.

S. M. KENUA

Bujang bin Purah; Bajie Ngundang; Danggat Belayong; Garai Enjup; Riman bte. Hussin dan Tutong Intili.

KAMPONG LEPONG BARU

Lium bin Empi; Mandon bte. Eri; Seh bin Elin; Ajong bin Singa dan Blangkat bte. Esek.

KAMPONG TEMADA

Bat anak Jubing.

S. M. AMO

Bujang anak Alik dan Ayu anak Gayam.

BALAI SEMENTARA KG. PARIT

Sigau bte. Hussin; Ulat bin Mulong; Nagih bte. Baru; Si-Ulong bte. Puasa; Isah bte. Hussin dan Timbang bte. Sibal.

PERENGKAT MENENGAH:

S. M. RAJA ISTERI FATIMAH

Koh Guat Hong; Lim Kim Lee dan Chong Moi Ngo.

BALAI PERSATUAN KG. PANDAI BESI

Dk. Rouyah Pg. H. Ahmad; Dk. Aminah P. Mohammad; Dk. Saini P. Sulaiman; Dy. Chabi Md. Said; Norsinah Metussin dan Armah Hj. Tahir.

S. M. KG. SETIA

Tahir bin Hussin; Laisah bte. Othman; Rasih bte. Hj. Kula; Pgh. Hj. Jair bin Jaafar; Kapal bin Lakup; Mat Yassin bin Hj. Aji; Hj. Duraman Ahmad; Kasum bte. Ahmad; Laisah bte. Othman; Budi Pgh. Hj. Jair dan Sirat Mega.

S. M. LELA MENCHANAI

Dy. Ganti Aw. Damit; Dy. Halimah Hj. Mohd.; Dy. Hasnah bte. Idris; Admah bte. Hj. Ibrahim; Dy. Damit bte. Ahmad; Aisah bte. Piut dan Dy. Kachang bte. A. Saidin.

KG. BARU UJONG KELINIK

Idris bin Lingga; Besar bin Serudin; Dollah bin Serudin; Aji bin Serudin; Baki bin Serudin dan Kasah bin Moin.

S. M. KG. SULTAN LAMA

Isah bte. Abdullah; Jijiah bte. Ibrahim; Jijah bte. Tamin; Masni bte. P. Kh. H. Momin; Norsiah bte. Badar; Salbiah bte. Mahmud; Sidah bte. Sidin; Sawaiah Hj. Mohamad dan Zainah bte. Ibrahim.

S. M. KG SETIA

Puspa bte. Kidi; Kisbah bte. Tuba; Kapas bte. Tengah; Tikah bte. Kula; Buntar bte. Md. Zain; Ranik bte. Kampar dan Rosnah bte. Pungut.

DARJAH DEWASA KG. PEKAN LAMA

Pg. Fatimah P.A. Rahman; Pg. Norsalam P. Othman; Dk. Halimah P. Ismail; Dk. Kayah P. Kahar; Dk. Sarbanun P. Said; Pg. Zaliha P. Abas dan Pg. Jijah bte. P. Damit.

BALAI IBADAH KG PEKAN LAMA

Pg. Ismail P. Md. Saleh; Pg. Halus P. Hj. Kadar; P. Seliman P. Tengah; P. Duraman P. Buntar; P. Md. Said P. Bakir; P. Md. Said P. Sabtu; P. Moksin P. Sabtu; P. Sulaiman P. Sabtu; P. Metamin P. Buntar; Hassan bin Damit dan P. Mansor P. Acheh.

BALAI KG. PG. KERMA INDERA LAMA

Fatimah Salim; Miam bte. Sidek; Napsiah bte. Yusof; Iring bte. Sidek; Tisah bte. Md. Yusof; Damit bte. Sidek; Zainab bte. Tengah; Damit bte. Mail; Dy. Binting Md. Yusof; Hidup bte. Ajak dan Antin bte. Damit.

PERSATUAN KG. SABA (PERKASA)

Hj. Md. Zain bin Takong; Metusin bin Judin; Hassan bin Hashim; Hj. Md. Zain bin Hj. Damit; Ismail bin Jeripin; Chu Teh; Ambuyong bin Jaludin dan Hj. Md. Noor bin Talip.

S. DEWASA KG. SG. KEBUN

Hasnah Hj. Sulaiman; Jijah bte. Tengah; Norhani bte. Ahmad; Dk. Azizah P. Hashim; Pasah bte. Metali dan Dk. Aisah Pg. Apong.

KELAS DEWASA PENJARA JERUDONG

Wee Chee Kwang dan Tan Kee Woon.

KHEMAH TAHANAN BERAKAS

Tako anak Mangol.

S. M. ANGGEREK DESA

Haji Abu Bakar; Salmah bte. Muhamad; Fatimah bte. Samad; Armah bte. Adam; Sabariah bte. Adam; Dy. Bidah A. Rahman; Maimon bte. A. Rahman; Fatimah bte Tudin Rohani bte Maidin dan Norsiah Yahya.

S. M. JERUDONG

Alamah bte. Muamad; Ambai bte. Abas; Aisah bte. Md. Said; Maimunah bte. Tinggal; Normah bte. Mohamad; Salmah bte. Bakar; Zaleha bte. Kupap dan Rambai bte. Lamat.

B. RAYA SEMENTARA KG. PELIMBING, SUBOK

Jaya bin Akub; Sapar bin Ahmad; Tarif bin H. Munaf; Tengah bin Jabat; Apong bin Merasan; A. Rahman Matasan; Talif bin Tujoh; Hj. Sidup bin Pakar dan Tujoh bin Othman.

S. M. MENTIRI

Asmah bte. Rabaha dan Saban bin Suboh.

S. M. GADONG

Saadiah bte. Udin; Juriah bte. Md. Yasin; Dy. Amas bte. Mahmud; Aisah bte. Sapudin; Dk. Maimunah P. Damit; Dk. Aminah P. Metasan; Dy. Intan bte. Tajudin dan Sarakiah Hj. Hamid.

S. M. GADONG

Siti bte. Jarudin; Aisah bte. Jarudin; Nilam bte. A. Bakar; Tuah bte. Hj. Tengah dan Pungut bte. Untong.

S. M. S.A.B. SG. BESAR

Dy. Tiawa bte. Timbang; Dy. Fatmah Hj. Untong dan Dy. Aminah bte. Hj. Nuddin.

S. M. LIMAU MANIS

Jamilah bte. Gafarr; Jukiah bte. Hakim; Tiawa bte. Jaafar dan Radiah bte. Pilok.

S. M. PUTAT

Hj. Ahmad bin Mail; Aw. Jafar bin Bakar; Aw. Tuah bin Osman dan Aw. Pungut bin Ajak.

S. M. LUMAPAS

Aisah bte. Mohidin; Azizah bte. Mohidin; Jamilah bte. Saman; Rohana bte. Abd. Rahman; Siti Ajar bte. Kasim dan Zubaidah bte. Hamid. .

S. M. PANCHONG

Nirai bte. Pilai; Nitam bte. Egong; Marai bte. Dua; Entip bte. Kayong; Moktar bin Egong; Gaul bin Abeh; Bagi bin Kilat dan Yusof bin Amoi.

S. M. PG MUDA MAHKOTA

Fatimah bte. Dollah; Rosni bte. Hasbullah; Dy. Intan bte. Badar; Dy. Enyei bte. Eding dan Dy. Piut bte. Salleh.

S. M. SENGKARAI

Mariam bte. Jumat; Fatimahaton Ag. Taib; H. Zauyah P.H.A. Bakar; Chong Mee Ying; Hasnah bte. Abd. Mohamad; Zaliah bte. D.H. Yusof; Aisah bte. Sulaiman dan Hasnah bte. Hashim.

S. M. AHMAD TAJUDDIN

Aw. Bu Luan; Halimah bte. Md. Zain; Manah bte. Lajar; Simidiah bte. Kurus; Yang Sue Moi dan Low Yen Hua.

S. M. MUHAMMAD ALAM

Dy. Pit bte. Idup; Hjh. Aminah bte. Hj. Omar dan Dy. Tijah bte. Damit.

S. M. NEGALANG

Tahir bin Jaafar; Singgar bin Binta; Janudin bin Raya dan Gapar bin Abdullah.

Dy. Junah bte. Puasa; Dy. Jikah bte. Beruak; Dy. Maimunah bte. Puasa; Dy. Norini bte. Muslim dan Dy. Timbang bte. Balan.

KG. LEPONG BARU

Lenti bte. Mang; Timah bte. Obak; Malaya bte. Rangga; Sesambu bte. Mang; Ganing bin Galau; Rangga bin Empi; Numpang bin Langgar; Andar bin Tuba dan Jangau bin Ajong.

S. M. SALANGAN

Ahad bin Munap; Ahmad bin Bagol; Ibrahim bin Bahar; Salmah bte. Aji dan Timah bte. Jumat.

KAMPONG PARIT

Agong bin Lasong; Munchak bte. Nilau; Layoun bte. Buri; Asang bte. Buda; Timbang bte. Balan dan Umang bte. Riong.

PERENGKAT TERTINGGI:

S. M. RAJA ISTERI FATIMAH

Zainam Mulkiaman.

BALAI KG. TAMOI UJONG

Abdullah bin Othman; Chuchu bin Metali; Ismail bin H.A. Bakar; Ladi bin H. Othman; Mokti bin Md. Salleh; Mat Yasin bin Abd. Razak; Md. Zainal bin Metassan. Serudin bin Md. Tahir dan Sani bin Apong. .

BALAI KG. TAMOI UJONG

Rosnah Abd. Latif; Chuchu bte. Hj. Bakar; Salbiah Hj. Bakar; Anom bte. Abdullah; Aminah Mohd. Tahir; Rafiah Aw. Moktal; Kayah bte. Hj. Othman; Jamiah bte. Ismail; Norzainah Hj. Moksin; Aminah Hj. Moksin; Armah bte. Timbang dan Siti Rahmat A. Metassan.

KELAS DEWASA PERSATUAN A. TUNAS HARAPAN (PATUH)

Dk. Fatimah P.H.O. Ali; Dk. Saialam P. Sulaiman; Dk. Afsag P. Besar; Gusti/Hariah bte. Md. Yusof; P. Tuah bin P. Md. Daud dan Nafisah Md. Salleh.

S. M. KG. SULTAN LAMA

Aminah bte. A. Bakar; Aini bte. Ibrahim; Halimah bte. Amat; Haminah bte. Badar; Hjh. Ramlah Hj. Rejab; Jamilah Hj. Salleh; Masnah bte. Hassan; Noremah bte. Badar; Nosinah Yusof; Siti Ajar Hj. Adam; Zainun bte. Mangarshah dan Radiah bte. Hj. Hasan.

(Lihat muka 8)

BOLA SEPAK:

Brunei akan sertai dua perlawanan antara-bangsa pada tahun ini

BRUNEI akan mengirimkan dua pasokan pemain2 Bola Sepak ka-luar negeri dalam tahun ini. Satu pasokan akan pergi ka-Iran manakala satu pasokan lagi akan pergi ka-Republik China.

Pemain2 Boleh Sepak yang akan mewakili negeri ini ka-Perlawanan Bola Sepak Belia Asia yang ke-15 di-Iran ada-lah terdiri dari Belia2 yang berumor 20 tahun kebawah sementara yang akan pergi ka-Republik China berumor 18 tahun kebawah.

Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei yang pada masa ini sedang menjalankan pendaftaran untok perlawanan ka-Iran telah mendaftarkan lebeh 30 orang pemain apabila pendaftaran itu di-umumkan sa-minggu lalu.

Setia Usaha Agong Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain telah membuat seruan kapada semua Belia2, Sekolah2 dan Maktab2 di-negeri ini supaya mereka tampil kehadapan mendaftarkan nama mereka.

Pendaftaran itu akan terus di-jalankan pada tiap2 hari Isnin hingga Khamis mulai jam 4.15 petang di-Padang Besar di-Bandar Seri Begawan dan di-Padang KBRC, Kuala Belait sa-hingga 8hb. Februari depan.

Bagaimana pun mereka hendak-lah berumor 20 tahun kebawah yang di-lahirkan sesudah 1hb. Januari, 1953.

Pemilehan sa-chara berperingkat akan di-jalankan satelah pendaftaran di-tutop pada 8hb. Februari dan dalam masa itu berbagai2 ujian akan di-jalankan termasok-lah mengadakan siri2 perlawanan dengan pasokan2 tempatan.

Matalamat terakhir ia-lah memileh pemain2 yang chekap, handal, bersemangat, tahan lasak dan berdisiplin. Itu-lah di-antara sharat2 utama yang di-kehendaki oleh Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei supaya perlawanan yang bakal di-adakan di-peringkat antara bangsa itu, Brunei dapat menunjokan pemainan yang baik dan bermutu tinggi.

Pendaftaran juga sedang di-jalankan sekarang untok menghantar satu pasokan bola sepak ka-Kejohanan Sekolah2 Antara Bangsa Asia kali ke-empat di-Republik China tahun ini.


Pendaftaran itu di-selenggarakan oleh Bahagian Pendidekan Jasmani di-Jabatan Pelajaran yang mempelawa penuntut2 Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-seluroh negeri yang di-lahirkan dalam dalam tahun 1955, 1956 dan 1957.

Saperti hal-nya dengan pasokan yang akan pergi ka-Iran, pasokan yang akan pergi ka-Republik China itu juga menyusun beberapa siri rancangan perlawanan dan latehan2 asas menchari bakat2 pemain yang baik dan bersemangat.

Sa-bagaimana kita sama2 maalum, perlawanan Kejohanan Sekolah2 Antara Bangsa Asia kali ketiga telah di-adakan di-Bangkok, Negeri Thai bulan Disember yang baru lalu yang mana negeri kita tidak ketinggalan menyertai perlawanan tersebut.

Untok pengetahuan peminat2 bola sepak di-negeri ini, ada baik-nya di-laporkan sedikit perlawanan di-Bangkok itu.

Dalam perlawanan tersebut sa-banyak tujoh buah negara di-Asia telah mengambil bahagian. Negeri2 itu ia-lah Thailand, Singapura, Republik China, Republik Khemer, Hongkong, Malaysia dan Brunei.



Pemain2 bola sepak yang mewaki.i negeri ini dalam perlawanan di-Bangkok pada bulan lepas. Di-kiri sekali ia-lah Awang Mohamad bin Ismail, penolong pengurus pasokan.

Brunei telah menghantar saramai 21 orang perwakilan termasok tiga orang pegawai dan 18 orang pemain yang di-ketuai oleh Awang Haji Abdi Manaf bin P.H.A. Bakar.

Menurut juruchakap pasokan itu, Awang Mohamad bin Ismail yang juga sa-laku Penolong Pengurus, pasokan Brunei yang pergi bersama2 kaperlawan itu telah menerangkan bahawa chara perlawanan dalam kejohanan itu telah di-jalankan sa-chara liga satu pusingan dalam kumpulan masing2 dan sa-chara kalah mati di-bahagian sa-paroh akhir.

Dari 7 pasokan mengambil bahagian telah di-bahagikan kapada dua kumpulan 'A' dan 'B'.

Kumpulan 'A' mengandongi Negeri Thai, Republik Singapura, Republik China dan Brunei. Kumpulan 'B' terdiri dari Hongkong, Malaysia dan Republik Khemer.

Negeri Thai yang menjadi Pemenang Ketiga tahun lalu telah di-temukan dengan Brunei di-perlawanan pembukaan pertama. Keputusan perlawanan itu Brunei tewas 10 kosong.

Awang Mohamad menerangkan gol2 yang di-jaringkan oleh pasokan Negeri Thai chantek2 belaka, dari tendangan terus, dari tepi dan dari sudut gawang.

Boleh di-katakan tiap2 tujoh minit Negeri Thai menjaringkan gol2 kemenangan mereka kechuali gol pertama dalam minit ke-15 dalam sa-paroh masa pertama.

Meskipun Brunei mengalami kekalahan terok dalam perlawanan tersebut, semangat pemain2-nya tetap saja tenang dan chuba beberapa kali menyerang balas sa-hingga seluroh kekuatan pasokan Thai bertumpu di-barisan bawah untok mengelakkan kemasokan gol dari pasokan Brunei.

Kira2 10,000 orang penuntun yang menyaksikan perlawanan itu dari awal hingga akhir ada di-antara-nya memberikan tepok sorak kapada pasokan Brunei apabila mereka membawa bola ka-kawasan Negeri Thai sorak itu kian nyaring dan bergemuroh apabila beberapa kali pengelutan berlaku di-hadapan pintu gol Thai.

Kekalahan terok di-pehak pemain Brunei merupakan satu chabaran dan pengalaman baru bagaimana pun dapat-lah di-simpulkan kerana mereka kurang menjalani latehan2 asas dengan sa-chukop-nya jika di-bandingkan dengan Negeri Thai sa-belum itu telah melateh pasokan-nya sa-lama 10 bulan di-bawah lima orang jurulateh kebangsaan-nya.


Dalam perlawanan kedua antara Brunei dengan Republik China, Brunei telah mengalahkan Republik China satu gol tidak berbalas di-minit ke-31 apabila pasokan Brunei itu mendapat tendangan sudut dan bola dapat di-tandok oleh Johar Khamis ka-kubu pertahanan Republick China.

Dalam perlawanan ketiga, pasokan Brunei telah di-kalahkan oleh Republik Singapura tiga gol kosong. Gol pertama telah di-chipta di-minit yang ke-32 dalam sa-paroh masa pertama dan gol kedua dan ketiga di-jaringkan di-minit ke-15 dan ke-30 sa-paroh masa kedua.

Di-akhir perlawanan itu, Johan Bersama di-menangi oleh Negeri Thai dan Republik Singapura, tempat ketiga jatoh kapada Malaysia, Hongkong mendapat tempat ke-empat Brunei di-tempat ke-5, Republik Khemer di-tempat ke-6 dan Republik China di-tempat ke-7.

Dalam hubongan ini dapat-lah di-tekankan betapa mustahak-nya latehan2 yang chukop dapat di-berikan supaya lebeh banyak taktik2 pemainan, pasokan2 penyerang di-perkuatkan dan demikian juga kubu pertahanan bawah dapat di-kebalkan.

Persafahaman antara pemain sentiasa terjaga dan di-situ-lah letak-nya kechekapan puncha kejayaan.



Pemain2 bola sepak Brunei ketika berkumpul di-stadium di-Bangkok sa-bagai persediaan untok pembukaan rasmi.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

a) **PENOLONG PENGAJAR, FABRICATION & WELDING:**

Kelulusan2 yang paling rendah:

i) Mesti-lah mempunyai C.G.L.I. pepereksaan No. 360 Bahagian I & II (Fabrication Engineering Craft Practice).

ATAU

No. 323 (Welding Craft Practice)

ATAU

mempunyai kelulusan dalam bidang yang sama yang di-iktiraf.

ii) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal semenjak lulus.

iii) Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar sa-chara theory dan practice kapada penuntut2 yang mempelajari Siri 820 untok peperek-saan City & Guilds.

b) **PENOLONG PENGAJAR, REFRIGERATION & AIRCONDITIONING:**

Kelulusan2 yang paling rendah:

i) Mesti-lah lulus peperek-saan C.G.L.I. No. 72 (Refrigeration Practice) atau pun mempunyai kelulusan sebanding yang di-iktiraf.

ii) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal semenjak lulus.

iii) Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar sa-chara theory dan practice kapada penuntut2 yang mempelajari Siri 820 untok peperek-saan Sity & Guilds.

Am:

Chalun2 untok jawatan2 ini hendak-lah tamat latehan serta mempunyai beberapa tahun pengalaman praktikal keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T.7 — $470x20 - 510x30-540x20-600x 30-690x20-710x30-890. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau dibuang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan kehendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 19hb. Februari, 1973.

PENOLONG PEMEREKSA BUROH

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Penolong Pemereksa Buroh, di-Jabatan Buroh, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah sebaik2nya berumor tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebeh dari 30 tahun dan mesti-lah sama ada:-

(a) mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Inggeris, atau pun telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding; atau

(b) mempunyai Sijil Rendah Pelajaran dengan mendapat kelulusan dalam mata-pelajaran bahasa Inggeris atau pun telah menchapai taraf pelajaran yang sa-banding dan telah menamatkan sama ada:-

i) Empat tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division IV dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau

ii) Enam tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam Division V dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau

iii) Sembilan tahun perkhidmatan dalam sesuatu jabatan perusahaan yang berkaitan dengan perhubongan indastri atau pengurusan personnel.

Semua chalun2 hendak-lah faseh dalam bahasa Melayu dan, jika bahasa China, boleh bertutor sekurang2-nya dua logat bahasa China.

Tugas2:

Memereksa tempat2 pekerjaan, menguatkuasakan undang2 mengenai keselamatan pekerja, perhubongan2 indastri, pendaftaran kesatuan2 sekerja dan lain2 perkara yang menjadi tanggong-jawab Jabatan Buroh; menerima aduan2 dan menjalankan penyiasatan, menyiasat dan, jika perlu, menda'awa kesalahan2; menyelenggara pejabat pertukaran buroh dan perkhidmatan menyediakan pekerja2; mendamaikan pertikaian2 perusahaan; mengumpul statistik pekerjaan, gaji pendapatan dan masa kerja; dan pada keseluroh-an-nya melaksanakan tugas2 executive dalam semua bahagian Jabatan Buroh.

Gaji:

Dalam sukatan jagi D. 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar pemohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

Sa-bagai Imam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Imam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Batu Apoi, Temburong.

b) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Selangan, Temburong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 4 — $280 x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

Sa-bagai Ketua Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Ketua Tukang Masak di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumor tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran;

ii) Mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tukang2 masak, menjaga dan memereksa barang2 yang di-bekalkan dan menyediakan jadual2 makanan serta makan minum.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300 x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA
No. 5/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Damit bin Haji Lakim, Kampong Wasan, Limau Manis, kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Lakim bin Japar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 haribulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 8/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Orang Kaya Harimau Alam Awang Besar bin Munap, Kampong Subok, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Munap bin Lamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 haribulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 10/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohd. Tanjong bin Haji Ismail, Kampong Tanjong Nangka, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Misah binte Duraman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 haribulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 1/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Karim bin Mohammad, Kampong Piasau2 Labu, Temburong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Muamat bin Kipar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 haribulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 7/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Puteh bin Padil, Lurong 4½, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Faadil bin Haji Mat Nasir yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 haribulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 9/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Alam bte. Md. Yassin, Kampong Saba Darat, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Metali bin Haji Tengah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 haribulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 3/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mr. Chua Thien Watt, Medical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Chua Koi Gick yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 haribulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Kursus Perguruan — 1973

(Dari muka 2)

Pemohon2 yang di-terima masok akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei memenohi sharat2 berikut:-

a. mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan;
b. mereka atau penjamin2 mereka akan di-kehendaki membayar balek dengan sapenoh-nya kapada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan;
c. mereka sanggop berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei sa-lama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Pelateh2 yang berjaya di-akhir kursus ini akan di-letakkan dalam tangga gaji yang sama saperti guru2 lain yang sa-jajar kelayakannya.

Penuntut2 yang sedang menunggu keputusan pereksaan SPM/MCE dan berchadang mengikuti kursus ini boleh-lah menghantarkan permohonan2 mereka menerusi Pengetua sekolah masing2. Borang2 baru boleh di-dapati dari Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Peti Surat 391, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Borang2 yang sudah di-isi hendak-lah di-alamatkan kapada Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, menerusi Pengetua sekolah2 yang berkenaan. Borang2 tersebut mesti-lah sampai tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

Pengarah Pelajaran,
Brunei.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim





Bilangan guru2 B-Inggeris meningkat

SENGKURONG. — Nazir Negara Sekolah2, Awg. Suni bin Hj. Idris berharap sekurang2-nya 120 orang guru2 Melayu akan dapat di-lateh mengajar Bahasa Inggeris di-Sekolah2 Rendah Melayu dalam tahun ini dan bilangan itu akan meningkat menjadi 175 orang menjelang tahun 1974.

Awang Suni beruchap demikian sa-masa beliau menutop kursus pengajaran Bahasa Inggeris bagi 12 orang guru2 Melayu di-Sekolah Melayu Sengkurong pada minggu lalu.

Beliau menerangkan, tidak kurang dari 11 kursus lagi akan di-adakan tahun ini dan beliau juga perchaya semua sekolah2 rendah Melayu akan dapat menerima pengajaran bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua di-darjah empat dan lima dalam tahun ini.

Nazir Negara Sekolah2 itu berkata, kursus pengajaran bahasa Inggeris di-kawal dengan rapi dari segi isi dan kaedah2 mengajar dan persediaan2 telah di-buat bagi mentadbir projek itu, bagaimana pun mutu pengajaran dan kejayaannya tergantong atas inisiatif guru2 itu sendiri.

Pengelola Kursus itu, Awang M. Williamson menerangkan, 62 orang guru telah di-lateh dalam kursus itu yang mengajar di-32 buah sekolah2 Melayu di-negeri ini.

Kursus yang sama sekarang di-adakan di-Sekolah Melayu Sinaut.


Perubahan masa bekerja Sharikat Minyak Shell

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan bekerja lima hari dalam sa-minggu mulai esok, 1hb. Februari, 1973.

Ini bermakna pejabat2 sharikat itu akan di-tutup sa-penoh masa pada hari Sabtu dan Ahad.

Sa-orang juruchakap Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad berkata, waktu bekerja di-Ibu Pejabat sharikat itu di-Seria pada tiap2 hari dari hari Isnin hingga Jumaat ia-lah dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.00 petang hingga 4.00 petang, manakala pejabat-nya di-Bandar Seri Begawan akan bekerja mulai jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.30 petang hingga 5.00 petang.

Juruchakap itu juga mengingatkan orang ramai bahawa oleh kerana perubahan masa bekerja itu, perkhidmatan ferry di-Kuala Belait yang di-kelolakan oleh sharikat itu akan menjalankan perkhidmatan-nya saperti biasa mulai jam 6.00 pagi, tetapi akan di-tutup dua jam lebeh awal ia-itu pada 8.00 malam.



PEGAWAI Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar selaku Pengerusi Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium ketika menerima chek yang bernilai $2,000.00 dari Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China, Awang Wong Poh Chang.

Derma meningkat

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait sa-takat ini telah menerima lebeh dari $7,000.00 bagi derma pembinaan stadium.

Ini telah di-nyatakan oleh Setia Usaha Jawatankuasa itu, Awang Jaya bin Abdul Latif pada minggu lalu.

Beliau berkata derma2 tersebut ada-lah dari sharikat2 perniagaan, pertubohan2 kebajikan dan orang perseorangan.

Awang Jaya menyatakan bahawa jawatankuasa kechil bahagian sosial berchadang akan mengadakan satu jamuan 'Makan Jutaan Ringgit' sa-bagai usaha lanjut untok mengutip derma Tabong Pembinaan Stadium itu.

Beliau berkata undangan akan di-beri kapada sa-siapa yang sanggup membayar sa-chara sukarela sa-kurang2-nya $100.00 untok hadhir dalam majlis tersebut.

Pada minggu lalu Jawatankuasa Pembinaan Stadium Daerah Belait telah menerima derma sa-banyak $3,550.00.

Derma2 tersebut telah di-sampaikan kapada Pengerusi Jawatankuasa tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Dari jumlah itu, sa-banyak $2,000.00 di-terima dari Dewan Perniagaan China, Daerah Belait; $1,000.00 dari Persatuan Foochow Kuala Belait; $500.00 dari Kelab Rotary dan $50.00 dari Dayang Hasnah binte Yusof.

Derma Dayang Hasnah ada-lah merupakan derma yang pertama di-terima dari orang perseorangan di-daerah itu.

Keputusan pepereksaan

(dari muka 4)

RUMAH 187, KG. SABA, BANDAR SERI BEGAWAN

Sanah bte. Ahmad; Aisah bte. Tuah; Dy. Amas bte. Serudin; Dy. Terahmat Serudin; Jariah bte. Ibrahim; Shahadan bte. Ibrahim dan Jamilah bte. Abdulah.

DEWAN PERKASA, KG. SABA

Zainah bte. Hj. Metali; Zauyah bte.. Hj. Metali; Maimunah bte. Hj. Metali; Armah bte. Donglah; Munah bte. Dullah; Normah bte. Terudin; Ganti bte. Hj. Tengah; Hjh. Faridah Hj. Tengah; Fatimah bte. Jamaludin; Bungsu Jamaludin; Dy. Puan Nordin dan Mamunah Hj. Salleh.

BALAI TUAN HJ. AMIT BIN HJ. LAYAR, KG. SABA

Lunak bte. Sadong; Husnah bte. Hj. Tengah; Dy. Tengah Daim; Dy. Fatimah Hj. Hasim; Sinah bte. Duraman dan Zanah bte. Duraman.

KELAS DEWASA PENJARA JERUDONG

Azamain Hj. Metamit.

KHEMAH TAHANAN BERAKAS, BRUNEI

Riang anak Lawi dan Punan anak Tadam.

S. M. AMAR PAHLAWAN, BRUNEI

Armah bte. Taha; Fatimah bte. Moksin; Maimunah bte Umar; Normah bte. Jambol dan Masnah bte. Apong.

S. M. O.K.B. IMAS, SUBOK

Lily bte. Edwin; Md. Salleh Iban; Momin bin Daud; Fatimah bte. Tuioh; Tamin bin Tangkim; Samat bin Tuioh; Yusof bin Taim; Salleh bin Munap; Adris bin Munap; Jaafar bin Ibrahim dan Junid bin Mahmud.

S. M. MENTIRI

Maat bin Sabtu; Timbang bin Suboh dan Ahad bin Daud.

S. M. PUTAT

Fatimah bte. Besar; Tijah bte. Hj. Ampal; Halimah bte. Karim; Siti bte. A. Latif dan Aminah bte. A. Latif.

S. M. DATO GANDI

Siti Ajar bte. Mohammad; Sarimah bte. Hj. Ahmad; Zainah bte. Akok; Rokiah bte. Akop dan Mariam bte. Md. Noh.

S. M. PUTAT

Awg. Latif bin Besar; Metussin bin Serudin dan Awg. Zaini bin Metassan.

S. M. JUNJONGAN

Aminah bte. Hj. Kamis; Jamiah bte. Ibrahim; Armah bte. Abd. Hamid; Sarbini bin Ahmad; Tinggal bin Buntar; Sulaiman bin Md. Salleh; Momin bin Kassim dan Hj. Timbang bin Samsu.

DI-RUMAH AWG. MAHMUD BIN LAMAT (KG. LUMAPAS)

Mohd. Salleh bin Mahal; Sirat bin Tahir; Bagol bin Ahmad dan Jariah bte. Othman.

S. M. LUMAPAS

Dy. Sita bte. Hj. Sabtu; Azizah bte. Tahir; Habibah bte. Idris; Rokiah bte. Jemudin; Jamiah bte. Kasim dan Salmah bte. Yusof.

S. M. PG MUDA MAHKOTA

Dy. Hamid bte. Ahim; Siti Armah bte. Salleh; Dk. Adi Pg. Chuchu dan Siti Asbah bte. Duraman.

S. M. SENGKARAI

Amnah bte. Taha; Noralam bte. Taib; Oy. Masnuiah Abd. Ghani; Kamariah bte. Ibrahim dan Salmah bte. Afandi.

S. M. PANCHONG

Anduan bte. Atau; Bintang bte. Bulat; Yugot bte. Awang; Jalan bin Hidup; Ludang bte. Hidup dan Kilat bin Ampang.

S. M. AHMAD TAJUDDIN

Hauyah bte. Razali; Masni bte. Abd. Rahman dan Sainan bte. Raee.

S. M. NEGALANG

Tagal bin Lasong; Akim bin Lasong dan Kurus bin Damit.

Dy. Bidah bte. Lisa; Dy. Lumat bte. Muslim; Dy. Minah bte. Jarudin; Dy. Mariam bte. Timbang dan Dy. Mariam bte. Sitau.

Balai Pulis mula perkhidmatan

MUARA. — Balai Pulis baru Muara memulakan perkhidmatannya pada hari Selasa minggu lalu.

Perkhidmatan itu di-mulakan dengan lawatan ka-balai pulis itu oleh Timbalan Penguasa Pulis Dato B.M.G. Cavarlho.

Dato Cavarlho menasehatkan pendudok2 di-Pekan Muara dan di-kampong2 yang berhampiran supaya menggunakan balai pulis baru itu untok melaporkan sebarang kes jenayah.

Balai pulis itu akan di-jalankan oleh 33 orang anggota pulis termasok Pegawai Pemerentah Balai, Sarjan Mohammad Yusof bin Hj. Lamat.

Dato Cavarlho menyatakan bilangan anggota di-balai itu akan bertambah sa-telah pelabohan Muara di-buka.

Kerja2 pembinaan komplek yang menelan sa-banyak $500,000.00 itu di-mulakan sa-tahun yang lalu.

Komplek itu mengandongi tempat tinggal bagi Pegawai Pemerentah Balai dan dua blok flat bagi 32 orang anggota pulis yang sudah kahwin di-samping bangunan balai tersebut.

Hubongan masharakat dengan belia

(Dari muka 1)

dalam masharakat Liang-Lumut itu sendiri.

"Segala2-nya biar-lah sa-tanding dengan bentok pemikiran masharakat di-sekililing, kerana sejak tertuboh-nya persatuan2 belia di-negeri ini, belia dan masharakat telah merupakan satu hakikat yang telah di-hubongkan rapat dan tidak mudah di-pisah2kan", tegas Awang Jaya.

Beliau akhir-nya mengharankan agar pelancharan projek2 persatuan itu tidak akan di-sulami dengan sikap2 yang bertentangan dengan kehendak masharakat, peratoran dan undang2 negara.

Turut juga memberikan uchapan dalam majlis itu ia-lah Penguasa Persatuan2 Belia Pengiran Tuah bin Pengiran Mohd. Daud; Yang Di-Pertua Persatuan Gabongan Liang-Lumut, Awang Hadis bin Tarip dan Setia Usaha Agong persatuan itu, Awangku [illegible]mad bin Pengiran Said.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 6 RABU 7HB. FEBRUARI, 1973. 1393 رابو 4 محرم PERCHUMA

UMAT ISLAM DI-SERU MENGENALI AJARAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Hj. Md. Zain bin Haji Serudin telah menyeru umat Islam di-negeri ini supaya mengenali ajaran2 Ugama Islam, kerana dalam zaman sains dan teknologi ini banyak pengaroh2 yang boleh membawa kita kapada sikap melupakan dan meringankan ajaran2 ugama kita itu.

Ini, tambahan pula dengan ada-nya fahaman yang merbahaya yang menyatakan ajaran2 ugama ada-lah mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja membuat seruan itu ketika beliau beruchap sa-belum merasmikan Majlis Sambutan Awal Muharam yang berlangsong di-Dewan Sekolah Melayu Sengkurong pada malam Ahad yang lalu.

Kapada belia2 di-negeri ini, Yang Berhormat itu mengehendaki mereka supaya mempunyai sikap ingin menyelideki dan mempelajari ugama itu terlebeh dahulu sabelum mereka membuat kesimpulan mengenai dengan ajaran Ugama Islam atau terikut2 kapada fikiran yang merbahya itu.

"Berdasarkan kapada penyelidekan dan pengkajian itu-lah saya perchaya belia2 Islam di-negeri ini akan dapat membuat kesimpulan yang tepat dan dapat menjadikan Islam sa-bagai pedoman hidup mereka", tegas beliau.

Mengenai dengan hal itu beliau juga ingin menyatakan bahawa mana2 persatuan2 belia yang ingin mengadakan pelajaran dan pengkajian mengenai ugama supaya berhubong dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama, dan jabatan itu akan bekerjasama bagi mengadakan-nya sesuai

(Lihat Muka 5)



AWANG Abdul Rashid bin Haji Ibrahim (atas) dan Awang Ahmad bin Haji Abdul Rashid ketika menjunjong anugerah gelaran Panglima dalam satu istiadat yang berlangsong di-Istana Darul Hana pada hari Rabu lepas.



DUA ORANG DI-KURNIAKAN GELARAN "PANGLIMA"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan mengurniakan gelaran 'Panglima Raja kapada Awang Abdul Rashid bin Haji Ibrahim dan Panglima Asgar kapada Awang Ahmad bin Haji Rashid

Istiadat mengurniakan gelaran tersebut telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada hari Rabu lepas.

Istiadat itu telah di-hadhiri oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Di-Muliakan Pehin2.

Surat tauliah Diraja telah di-bachakan oleh Yang Mulia Mudim Awang Sirat sementara bachaan do'a selamat telah di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Awang Haji Abdul Hamid di-akhir istiadat tersebut.

Pengharaman sementara mengimpot kerbau, lembu dari S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subrainanian mengumumkan bahahaw oleh sebab berlaku-nya penyakit kaki dan mulut di-Steshen Kurantina Jurong yang biasa-nya menyerang binatang2 ternakan di-Singapura, maka impot lembu, kerbau, kambing dan kambing biri2 dari Singapura dan Malaysia Barat telah di-haramkan sa-hingga di-beritahu kelak.

Pegawai Haiwan itu berkata, pengimpot2 telah di-beritahu bahawa surat2 kebenaran bagi mereka mengimpot binatang2 tersebut yang di-keluarkan kapada mereka telah pun di-batalkan.

Beliau berkata pengharaman itu yang hanya di-kenakan buat sementara waktu akan di-batalkan apa bila keadaan puleh saperti biasa dan beliau berpuas hati bahawa binatang2 yang di-impot itu nanti ada-lah bebas dari penyakit tersebut.

Penyakit kaki dan mulut ada-lah sa-jenis penyakit yang mudah menjangkit antara lembu, kerbau, kambing, kambing biri2 dan babi dan ke-semua binatang2 yang kena penyakit itu mesti-lah di-sembeleh.

Pegawai Haiwan itu menegaskan bahawa Negeri Brunei ada-lah salah sa-buah negeri di-wilayah ini yang bebas dari penyakit tersebut dan jagaan serta kawalan yang rapi itu harus di-teruskan bagi melindongi binatang2 ternakan di-negeri ini di-serang penyakit itu.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

RANCHANGAN BEKALAN AYER TEMBURONG

TEMBURONG. — Kerajaan sedang mempelawa tawaran bagi pembekalan alat2 perkakas mengepam ayer dan pembersih ayer untok Ranchangan Bekalan Ayer di-Bangar.

Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Persurohjaya Kemajuan berkata, keria2 bagi ranchangan itu di-jangka dimulakan dalam pertengahan tahun ini.

Kenyataan itu berkata ampangan ayer dan pusat pembersih ayer akan di-bina kira2 dua batu ka-selatan Pekan Bangar di-sepanjang jalan baru Belaban.

Kawasan itu boleh di-hubongi melalui jalan raya atau pun dengan menggunakan bot melalui Sungai Temburong.

Ranchangan itu apabila siap kelak akan membekalkan ayer sa-hingga 450,000 gilin ayer yang telah di-tapis dalam sahari bagi kawasan Pekan Bangar sa-hingga ka-Kastam Lama, Batu Apoi dan Kampong Puni.

Ranchangan itu di-bina adalah bagi mengatasi kegunaan aqer yang telah di-bersehkan bagi sa-lama 30 tahun yang akan datang ini.


Sharikat Messrs. Bolton Hennessey Cogan and Associates ada-lah jurutera2 penasehat yang mereka dan mengawasi pembinaan ampangan itu bagi pehak kerajaan.

Tiga orang merinyu pulis berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang merinyu Pasokan Pulis Diraja Brunei di-jadualkan berlepas ka-United Kingdom pada 15hb. Februari ini untok mengikuti satu kursus umum pulis.

Mereka ia-lah Awang Walter Boyd, Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Haji Besar dan Awang Haji Salleh bin Haji Hassan.

Mereka akan berada di-United Kingdom sa-lama kira2 enam bulan.



BALAI pulis baru di-Pekan Muara telah memulakan perkhidmatannya pada 23hb. Januari yang lalu.

Bersempena dengan itu, Timbalan Penguasa Pulis, Dato Seri Laila Jasa B.M.G. Cavarlho telah mengadakan lawatan ka-balai tersebut.

Dato Cavarlho telah menasehatkan pendudok2 di-Pekan Muara dan kampong2 yang berhampiran supaya menggunakan balai tersebut untok melaporkan sebarang kes jenayah.

Komplek yang menelan belanja kira2 $500,000.00 itu mengandongi tempat tinggal pegawai Pemerentah Balai, dua blok flat dan bangunan balai.

Gambar atas menunjokkan balai pulis Muara yang baru (kanan) dan salah sa-buah blok flat tempat tinggal anggota pulis yang bertugas di-situ manakala gambar bawah menunjokkan ketika Timbalan Penguasa Pulis, Dato Seri Laila Jasa Cavarlho melawat ka-Balai tersebut.



Di-denda kerana berkelakuan tidak senunoh

KUALA BELAIT. — Mahkamah Kuala Belait telah mendenda sa-orang Iban, Buda anak Ringkai sabanyak $200.00 atau penjara salama tiga bulan, sa-telah dia mengaku salah atas tudohan berkelakuan tidak senunoh dan merosakkan alat2 perkakas di-tempat minuman Rico, Kuala Belait pada 26hb. Januari lalu, yang menyebabkan kerugian hingga $400.00.

Sa-orang lagi Iban, Laus anak Ludan di-denda $30.00 kerana kesalahan masok ka-negeri ini melalui tempat yang di-larang pada 22hb. Januari.

Tan Chui Koon atau Fao Chui Koon telah di-kenakan jaminan supaya berkelakuan baik sa-lama enam bulan dengan satu jaminan wang sa-jumlah $100.00 sa-telah dia mengaku salah menggunakan perkataan kasar terhadap dua orang anggota pulis.

Mahkamah juga memerentahkan Ho Hoi Vun supaya berkelakuan baik sa-lama enam bulan dengan satu jaminan kerana menchederakan Peter Law King Chung atau Peter Law.

Di-Bandar Seri Begawan, Mahkamah telah mendenda sa-orang China, Chin Kong Fui sa-banyak $120.00 kerana kesalahan berada di-Brunei sa-telah pas lawatan-nya manshoh.

Bergotong royong pasang slab2 batu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 40 orang pendudok Kampong Setia dan ahli2 Persatuan AKSE di-ketuai oleh Pateh Awang Haji Masri bin Awang Ismail pada minggu lalu telah membuat kerja gotong-royong memasang slab batu di-Jalan Residency, ia-itu dari hadapan Pejabat Pesurohjaya Tinggi British hingga kakawasan Sekolah Melayu Pintu Malim.

Hasil dari perbelanjaan kerja2 itu akan di-dermakan kapada Tabong Pembinaan Stadium.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, yang juga selaku ahli Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, telah menyaksikan kerja2 itu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berkata, banyak lagi kegiatan2 yang harus di-lancharkan oleh pendudok2 di-negeri ini, melalui tenaga dan usaha, bagi mendapatkan wang, untok di-sumbangkan kapada Tabong Pembinaan Stadium.

Kata-nya, sudah sa-harus-nya raayat, dan pendudok di-negeri ini merasa bangga menyambut titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Bagin-da Sultan dan Yang Di-Pertuan, kerana stadium yang bertaraf antara bangsa itu, dapat di-m'leki bersama oleh raayat dan pendudok negeri ini dengan kerajaan.

Dengan terlaksana-nya stadium itu nanti, ia-nya akan melambangkan kemajuan raayat Brunei bukan sahaja di-bidang sukan dan olah raga, tetapi juga dalam semua aspek kehidupan sosial dan kebuda-yaan.

Lesen2 anjing hendak-lah di-baharui

KUALA BELAIT. — Lesen anjing bagi tahun 1973 di-kawasan Seria dan Belait boleh di-dapati sekarang dari Pejabat2 Bandaran, Kuala Belait dan Seria, ia-itu semasa pejabat di-buka, tetapi tidak lawat dari pukol 2.30 petang.

Pengerusi Lembaga Bandaran Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar berkata, bayaran lesen bagi sa-ekor anjing jantan ia-lah $3.00 dan $5.00 bagi sa-ekor anjing betina.

Kata-nya, semua anjing2 yang telah berdaftar bagi tahun 1973, hendak-lah mempunyai lesen-nya tergantong di-leher, dan sebarang anjing yang di-jumpai tidak berlesen sa-lepas 28hb. Februari akan di-musnahkan.

PERISTIWA HIJRAH NABI MOHAMMAD MENGANDONGI ARTI YANG SANGAT BESAR

KHUTBAH JUMA'AT

PADA suatu hari sa-sudah berlalu tiga belas tahun Nabi Mohammad s.a.w. menyiarkan Ugama Islam di-Mekah, maka bermashuaratlah ketua2 kaum kafir Qurish untok mengambil sa-suatu tindakan terhadap diri baginda. Ketua kaum kafir itu sudah tidak dapat menahan kesabaran mereka lagi bilamana segala tindakan mereka bagi menghalang kegiatan2 Rassulullah dan orang2 Islam tiada berkesan.

Salah sa-orang di-antara mereka yang hadhir di-dalam mashuarat itu telah berkata, "*Kita berkumpul di-sini agar masing2 dapat membentangkan fikiran tentang keadaan diri Mohammad. Masaalah-nya telah terang, bahawa pengaroh Mohammad sudah meleber kasegenap pelusok dan negeri2 lain. Segala anchaman dan seksaan yang telah kita lakukan terhadap pengikut2-nya tidak berkesan sedikit juga terhadap mereka, malah di-terima dengan tabah dan sabar. Mulanya dengan kematian bapa saudara-nya ia-itu Abu Talib kita harapkan bahawa Mohammad akan kehilangan pengaroh. Sekarang timbul kaum Aus dan Khazraj menjadi penyukong mereka. Mereka meninggalkan anak isteri mereka asal mereka tetap memegang ugama mereka. Mereka rupa-nya rela meninggalkan kampong halaman pindah ka-sana bersama mereka kemudian mereka kembali ka-mari menghulang kita. Maka sa-belum itu terjadi, kita mesti-lah dapat menghapuskan Mohammad, agar pengaroh-nya hilang dan daerah ini dapat kita kuasai*".

Maka perbinchangan pun bermula dan berbagai2 fikiran pun di-bentangkan. Ada yang menchadangkan supaya Mohammad di-penjara sampai mati, ada yang menchadangkan supaya Mohammad di-halau dari bumi Mekah dan lain2 lagi yang mana chadangan2 itu semua-nya tidak di-terima. Akhir-nya tampil pula Abu Jahal memberikan chadangan, kata-nya pileh dari masing2 ka-bilah sa-orang pemuda yang gagah berani, masing2 kita beri pedang yang tajam, mereka masing2 di-wajibkan membunoh Mohammad di-mana sahaja mereka berjumpa dengan dia". Chadangan Abu Jahal ini telah di-terima dengan sa-bulat suara.

Di-dalam pada itu Rassulullah s.a.w. telah memberi izin kapada semua orang Islam meninggalkan kota Mekah. Hanya Abu Bakar As-Sidek sahaja yang tidak di-bolehkan baginda dengan harapan akan menemani baginda bila Allah memberi izin untok berhijrah nanti. Tiba2 turun-lah wahayu daripada Allah memberi tahu keputusan ketua2 kaum Qurish untok membunoh baginda. Nabi di-perentahkan Tuhan di-dalam wahayu-nya itu untok hijarah ka-Medinah. Wahayu itu telah di-beri tahukan Nabi kapada Saidina Abu Bakar As-Sidek, Saidina Abu Bakar As-Sidek dan Nabi akan berjanji berhijrah bersama2 pada satu pertiga malam tersebut dan kapada Abu Bakar di-serukan tugas bagi menyediakan dua orang penunjok jalan. Sa-rentak dengan malam Nabi akan berhijrah itu-lah rumah Nabi di-kepong oleh pemuda2 Qurish yang menjalankan tugas untok membunoh baginda. Tetapi dengan pertolongan Allah, sa-masa Nabi keluar dari rumah baginda itu pemuda2 tadi telah tertidor lalu berjalan-lah baginda ka-rumah Saidina Abu Bakar As-Sidek dan memulakan perjalanan hijrah ka-Medinah bersama sahabat baginda itu.

"Kita memerlukan hijrah dalam arti kata hijrah dari semua keadaan yang belum kita selesaikan dengan sempurna-nya menunju kapada perubahan2 yang bersesuaian dengan kehendak Ugama Islam".

Ini-lah detik peristiwa hijrah Nabi Mohammad s.a.w. yang telah di-abdikan menjadi tahun permulaan umat Islam. Peristiwa sejarah itu ada-lah mengandong arti yang sangat besar ia-itu merupakan salah satu pengorbanan sa-orang Rasul beserta pengikuti2-nya yang tiada tulok banding-nya demi untok melindongi dan memelihara ugama Allah dan demi untok mematohi titah perentah Allah. Mereka telah sanggop berpisah dari kampong halaman, meninggalkan rumah dan harta benda masing2 sa-mata2 kerana menegakkan ugama Allah.

Tidak hairan-lah dengan semangat pengorbanan yang besar itu Islam kemudian-nya telah berkembang dengan pesat-nya. Sekarang mari-lah kita bertanya kapada diri kita masing2 apa-kah pengorbanan yang telah dan sedia kita berikan untok menegakkan Ugama kita?. Jawapan pertanyaan ini ada-lah terserah kapada kita masing2, satu perkara yang pasti ia-lah bahawa tiap2 kita umat Islam bertanggong-jawab menegakkan ajaran Ugama Islam. Kita sa-benar-nya memerlukan hijarah dalam arti kata hijrah dari semua keadaan yang belum kita selesaikan dengan sempurna-nya menuju kapada perubahan2 yang bersesuaian dengan kehendak ugama Islam.

Oleh yang demikian tuan2 ada-lah di-serukan supaya mengambil chontoh dan tauladan dari semangat jihad dan pengorbanan Nabi dan sahabat2 baginda di-dalam peristiwa hijarah itu supaya dengan demikian akan menguatkan lagi semangat dan azam kita untok membawa dan melakukan perubahan2 baru yang lebeh baik dan sempurna sesuai dengan kehendak2 ugama Islah.

Sambutan awal Muharam di-K.B.

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-Daerah Belait akan menyambut awal Muharam di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait pada malam esok, 8hb. Februari mulai pukol 8.00 malam.

Sambutan itu di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan Kuala Belait atas anjoran Persatuan Bumiputera Belait.

Majlis sambutan awal Muharam itu akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, sementara isteri beliau akan menyampaikan hadiah2.

Antara achara-nya ia-lah peraduan Azan yang terbuka kapada peserta2 lelaki berumor 18 tahun ka-atas, dan peraduan Berzanzi yang terbuka kapada peserta wanita berumor 16 tahun ka-atas.

Borang memasoki peraduan itu boleh di-dapati dari Imam Mesjid Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Zainal bin Idris dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7hb. Februari, 1973 hingga ka-hari Selasa 13hb. Februari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
7hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
8hb. Feb	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
9hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
10hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
11hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
12hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
13hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

46 ORANG MEMELOK UGAMA ISLAM PADA TAHUN LALU

KEBANYAKAN bangsa2 lain memasok Ugama Islam bukan-lah merupakan satu perkara baru di-Brunei bahkan ia-nya telah berjalan sudah sekian lama.

Menurut Perlembagaan, Ugama Rasmi di-negeri ini ia-lah Ugama Islam akan tetapi bangsa2 lain di-bolehkan mengamalkan ugama2 mereka dengan aman dan tenteram.

OLEH: ABD RAHIM WALLI

Meskipun demikian, dari pergaulan hidup sa-hari2 antara bangsa2 lain dengan orang2 Islam melalui kemesraan, sopan santun, saling hormat menghormati malah meliputi kebudayaan dan ajaran2 Islam sendiri, maka timbul-lah satu perasaan bangsa2 tersebut benar2 tertarek dengan Ugama Islam.

Pejabat Kadhi Besar di-Jabatan Hal Ehwal yang menjalankan tugas pengislaman telah membuat pengkajian teliti mengenai latar belakang bangsa2 yang akan memelok Ugama Islam itu dan kepastian telah di-dapati bahawa mereka sa-benar2-nya mempunyai niat yang satu, tekad yang bulat menukar ugama mereka kapada Ugama Islam.

Kebanyakan mereka datang sendiri ka-Pejabat Kadhi Besar untok menyatakan hasrat mereka dan ada pula di-antara-nya sudah tahu sedikit sabanyak tentang ajaran2 Ugama Islam.

Apabila di-tanya kenapa mereka tertarek dengan Ugama Islam, mereka menyatakan bahawa Ugama Islam ia-lah satu2-nya ugama yang baik yang harus di-ikuti dan ini bukan-lah sa-suatu yang di-paksa malah melalui pengalaman dan pergaulan dengan orang2 Islam sendiri telah membokti ugama Islam mempunyai kelebehan dan keistimewaan dari ugama2 lain.

Menurut Ak. Rosman bin Pg. Hj. Tengah, pegawai yang di-tugaskan menjalankan pengislaman telah menyatakan, bangsa2 lain yang memelok Ugama Islam itu hendak-lah berumor 14 tahun 7 bulan ka-atas kerana dalam lingkongan umor tersebut mereka di-sifatkan sudah bebas dari jagaan ibu bapa dan keluarga.

Jika mereka maseh lagi dibawah umor tersebut ini berma'ana mereka maseh lagi dalam jagaan ibu bapa dan keluarga dan jika mereka bermaksud hendak memelok Ugama Islam mereka hendak-lah terlebeh dahulu mendapat kebenaran dari ibu bapa atau keluarga, kechuali ibu bapa memelok Ugama Islam maka dengan sendiri-nya anak2 dibawah lingkongan umor tersebut akan mengikut kapada pehak ibu dan bapa.

Menurut Ak. Rosman lagi sa-telah segala2-nya berjalan dalam suasana baik maka upachara pengislaman pun di-langsongkan dengan melafadzkan dua kalimah shahadat di-hadapan dua orang saksi berugama Islam.

Lafadz itu di-uchapkan oleh mereka yang mengakui bahawa tiada Tuhan yang di-sembah sabenar2-nya melainkan Allah dan mengakui bahawa Nabi Mohamed itu ia-lah Pesuroh Allah.

Sa-lepas itu nama asal mereka telah berubah kapada nama yang biasa di-pakai oleh orang2 Islam di-negeri ini yang ber-bin atau binte kapada Abdullah.

Ak. Rosman menerangkan beberapa perkara mengenai ajaran2 Ugama Islam telah juga di-ajarkan kapada mereka dan beberapa tahun lalu telah di-adakan kursus Mualaf khusus untok meluaskan dan mendalami pengetahuan mereka terhadap ajaran2 Ugama Islam.

Sa-belum mereka memelok Ugama Islam terlebeh dahulu di-terangkan tentang larangan2 atau tegahan2 yang menyelahi hukum2 Ugama Islam.

Sa-telah mereka memelok Ugama Islam, mereka terpaksa di-asingkan dari rumah ibu bapa atau keluarga yang bukan Islam bagaimana pun mereka di-galakkan kunjong mengunjongi antara satu dengan lain kerana dalam Islam sendiri menggalakkan semua bangsa di-dunia berbaik2 antara satu dengan lain demi mengujudkan perdamaian dan kesejahteraan.

Tugas membimbing dan menunjok ajar kapada mereka yang memelok Ugama Islam bukan saja tertumpu kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama malah tugas itu hendak-lah di-pikul bersama oleh semua orang2 Islam di-negeri ini kerana mereka memandang semua orang2 Islam ia-lah bersaudara.

Menurut laporan yang di-keluarkan oleh Pejabat Kadhi Besar dalam tahun 1972 sa-ramai 46 orang dari berbagai bangsa di-Brunei telah memelok Ugama Islam.

Sa-ramai 17 orang termasok 8 perempuan dari Bangsa Iban telah memelok Ugama Islam. China 11 orang termasok 7 perempuan. Dusun 7 orang termasok 3 perempuan.

Dua orang lelaki Biasaya, dua orang lelaki Kayan, dua orang Murut sa-orang lelaki dan sa-orang perempuan sa-orang Kelabit dan sa-orang bangsa Filipina tiga orang perempuan dari bangsa Korea, Eursian dan Thai.

Sa-ramai 28 orang lagi memelok Ugama Islam dalam tahun 1971 ini termasok 12 orang perempuan.

Bangsa2 yang memelok Ugama Islam itu ia-lah Iban sa-ramai 10 orang, China 7 orang, Dusun 4 orang, Eursian 3 orang, Bisaya 2 orang, sa-orang Gurkha dan sa-orang Korea.



Ismail bin Opak.



Dy. Hayati bte. Abduh.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, pegawai2 dari JHEU dan penduduk2 Kampong Sengkurong yang menyaksikan persembahan2 dalam Majlis Sambutan Awal Muharam. — Gambar JHEU/BP.

6,714 kenderan bermotor di-impot dalam tempoh tiga tahun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam tiga tahun, 1970, 1971 dan 1972 sa-banyak 6,714 buah kereta, lori, bus dan kereta van telah di-impot ka-Brunei dari beberapa buah negeri, termasok Jepun, Jerman, Australia, United Kingdom dan Soviet Russia.

Menurut satu laporan Pejabat Perangkaan sabanyak 2,642 buah kenderaan2 itu telah di-impot dalam tahun 1970, 1,838 buah dalam tahun 1971 dan sa-banyak 2,234 buah dalam tahun lalu.

Ini termasok-lah 5,871 buah kereta, 200 buah bus, 547 buah lori dan 96 buah lagi lain2 kenderaan.

Dalam masa tiga tahun itu juga sa-banyak 384 buah moto-sikal dan scooter telah di-impot ka-Brunei.

Dalam tahun 1970 sa-banyak 119 buah, tahun 1971 sa-banyak 90 buah dan 175 buah tahun lalu.

Harga semua kenderaan yang di-impot dalam tiga tahun itu berjumlah lebeh dari $29,000,000 dan kerajaan telah mengenakan chukai impot berjumlah lebeh $3,000,000.

Sambutan Awal Muharam di-Daerah Tutong 10hb. Feb.

TUTONG. — Sambutan Awal Tahun Baru Islam bagi Daerah Tutong akan di-adakan pada hari Sabtu 10hb. Februari ini bertempat di-padang kechil Bukit Bendera mulai jam 7.30 malam.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohamed Ja'afar akan merasmikan sambutan tersebut.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahan termasok-lah nashid dan persembahan yang berchorak pentomin.

Orang ramai ada-lah di-persilakan untok menyaksikan persembahan2 tersebut.



Babak terakhir pene

BANDAR SERI BEG
— Sa-ramai 463 orang
ah haji Brunei di-p
pulang ka-tanah ayer
minggu ini sa-telah se
nunaikan fardhu
Mekah.

Jemaah2 haji dalam
bangan pertama yang
pada 29hb. Disember





Abd. Rahim bin Abdullah.



Dy. Zainab bte. Abdullah.



Awg. Haji Mohammad.



Dy. Hazelina.

SAMBUTAN AWAL TAHUN BARU ISLAM

(Dari muka 1)

gan hasrat Duli Yang Ma-Mulia Paduka Seri Bagin-Sultan dan Yang Di-Per- yang ingin menjadikan m sa-bagai Idologi Ne-a.

eliau juga perchaya baha-belia2 Islam yang benar2 am akan ajaran Ugama m akan menjadi pendo-g yang kuat kapada has-yang suchi itu.

engenai dengan pemergian aah haji, Yang Berhormat berhukor atas limpah kurnia i Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan yang meni-an Kerajaan Baginda menge-kan wang beribu2 ringgit sa-ai pendahuluan bagi menyam-an niat jemaah2 haji itu.

Kalau tidak dengan asbab kur-Kerawah Duli Yang Maha ia Paduka Seri Baginda Sul-dar Yang Di-Pertuan itu, ma-ka jemaah2 haji yang berkenaan tidak akan dapat menunaikan far-dhu haji pada tahun ini", tegas beliau.

Menyentoh dengan sharat2 baru pengurniaaan tambang haji kapada pegawai2 kerajaan, beliau berkata, sharat2 tersebut ada-lah menunjokkan bahawa hasrat Duli Yang Maha Mulia supaya pegawai2 Kerajaan Baginda yang berugama Islam ingin mempelajari dan mengkaji ajaran2 Ugama Islam dan menjadi manusia yang takwa kapada Allah.

Mengenai dengan masjid2 pula, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu berkata bahawa satu peratoran baru telah di-buat mengenai dengan memberi nama sasebuah masjid.

Menurut peratoran2 baru itu, tidak siapa pun boleh memberi nama kapada sa-sebuah masjid kechuali dengan kebenaran dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beliau berkata, mana2 masjid yang belum di-beri nama khas boleh-lah di-sebut dengan nama kampong di-mana masjid itu di-dirikan.

Dalam pada itu mana2 orang2 atau badan tidak-lah di-halang untok mengemukakan chadangan bagi menamakan sa-sebuah masjid. Permohonan2 yang sa-demikian hendak-lah menerusi Majlis Ugama Islam yang mana majlis itu akan menimbangkan-nya

Yang Berhormat itu berkata bahawa peratoran2 baru itu akan di-edarkan kapada seluroh masjid di-negeri ini untok pengetahuan ramai.

Turut juga memberikan uchapan di-majlis itu ia-lah Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Aziz Juned dan Naib-Yang Di-Pertua Persatuan Belia Sengkurong.

Di-samping puisidra yang bertajok "Chita Rasa Darussalam" yang mendapat sambutan hangat pada malam itu, bachaan Quran dan nashid yang di-sampaikan oleh penuntut dari Maktab Ugama Seri Begawan juga di-persembahkan pada malam itu.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Hj. Md. Zain berucha sa-belum merasmikan Majlis Sambutan Awal Muharam. — Gambar JHEU/BP.



...san puisidra yang di-persembahkan pada malam itu. — Gambar JHEU/BP.



Kumpulan nashid yang terdiri dari penuntut2 Maktab Ugama Seri Begawan yang turut menyumbangkan persembahan mereka dalam majlis tersebut. — Gambar JHEU/BP.

Rombongan pertama jemaah2 haji tiba petang ini


yang mengandongi 189 orang di-jadualkan tiba di-lapangan terbang antara bangsa Brunei pada hari ini kira2 jam 5.15 petang.

Jemaah2 haji dalam penerbangan kedua yang bertolak pada 31hb. Disember, 1972 yang mengandongi sa-ramai 127 orang di-jadualkan tiba di-lapangan terbang antara bangsa Brunei pada hari Jumaat 9hb. Februari jam 3.00 petang.

Semua urusan ketibaan jemaah2 haji itu akan di-lakukan di-lapangan terbang antara bangsa dan orang ramai sama sekali tidak di-benarkan masok kawasan lapangan terbang itu kechuali mereka yang mempunyai pelekat kereta yang di-keluarkan oleh JHEU.

Sementara itu, sa-ramai 47 orang jemaah haji Brunei yang pergi dengan kapal laut di-jadualkan tiba di-perayeran Labuan esok, 8hb. Februari pada jam 6.00 petang.

Jemaah2 haji itu akan di-bawa ka-Brunei dengan kapal kerajaan dan mereka di-jadualkan tiba di-tambatan kastam Diraja Bandar Seri Begawan kira2 jam 12.00 tengah malam esok.



SA-RAMAI 13 orang ahli bomba baru telah menerima sijil kelayakan mereka dalam satu perbarisan tamat latehan baru2 ini.

Ketua Pegawai Bomba Lapangan terbang, Awg. K. Cawley telah memereksa dan membalas tabek di-upachara tersebut.

Sa-telah selesai perbarisan itu, anggota2 bomba tersebut mengadakan pertunjokkan mengenai chara2 menggunakan alat2 perkakas pemadan api yang moden.

Gambar atas menunjokkan Awg. Cawley sedang menyampaikan piala kapada Yong Hock See yang telah di-pileh sa-bagai rekrut terbaik dalam practice manakala gambar bawah Awang Panjang bin Sabtu, rekrut terbaik dalam teori menerima piala dari Awang Cawley.



Lebeh $5,000 derma dari sekolah2 untok tabong Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Bahagian Sekolah2 di-Jabatan Pelajaran, sa-takat ini telah menerima lebeh dari $5,000.00, hasil kutipan dari 26 buah sekolah2 Melayu, Inggeris, Misi dan China, dalam bulan Disember tahun lalu.

Sebelas buah sekolah2 Melayu, telah mengutip sa-banyak $3,301.55 sen, Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait di-antara sekolah2 itu telah mengutip sa-banyak $1,000.50 sen, di-ikuti oleh Sekolah Rendah dan Menengah Sultan Hassan, Bangar, Temburong sa-banyak $273.10 sen dan Sekolah Melayu Sengkurong sa-banyak $242.00.

Lima buah sekolah2 Misi mengutip sa-banyak $750.95 sen. Dari Sekolah St. Michael, Seria kutipan sa-banyak $265.80 sen, Sekolah St. George, Bandar Seri Begawan sa-banyak $185.15 sen dan $150.00 dari Sekolah St. John, Kuala Belait.

Lapan buah sekolah2 China telah mengutip sa-banyak $918.60 sen.

Sekolah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan mengutip sa-banyak $300.00, Sekolah Chung Ching, Seria sa-banyak $178.30 sen dan Sekolah Chung Hwa, Labi mengutip sa-banyak $131.00.

Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait telah mengutip sa-banyak $59.45 sen sementara Sekolah Inggeris Berakas mengutip sa-banyak $744.00.

Perlawanan bola sepak antara sekolah2 menengah dan maktab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidekan Jasmani sedang menyusun satu ranchangan bagi mengadakan perlawanan bola sepak tahunan kumpolan C antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-seluroh negeri tidak berapa lama lagi.

Sa-orang juruchakap di-Bahagian Pendidekan Jasmani Jabatan Pelajaran berkata, tiap2 sa-buah sekolah hanya di-benarkan menghantar satu pasokan saja yang mengandongi 17 orang pemain dari tingkatan umor yang di-lahirkan dalam tahun 1955, 1956 dan tahun 1957.

Juruchakap itu menerangkan sekolah2 yang akan menyertai perlawanan itu hendak-lah memenohi sharat2 dalam borang khas yang sedang di-edarkan sekarang dan salinan surat beranak bagi pemain2 itu hendak-lah juga di-sertakan bersama.

Sekolah2 di-Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong hendak-lah mengembalikan borang2 tersebut kapada Penolong Penyusun Pendidekan Jasmani di-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan dan sekolah2 di-Daerah Belait hendak-lah mengembalikan-nya kapada Penolong Penyusun Pendidekan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Kuala Belait.

Semua borang2 itu hendak-lah sampai kapada Pegawai2 yang berkenaan tidak lewat dari 10hb. Feb. jam 4.00 petang.

PGGMB anjorkan perlawanan ping pong bagi orang2 Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. —Tarikh tutop penerimaan peserta bagi perlawanan ping pong, anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah di-lanjutkan sa-hingga esok 8hb. Februari.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa penganjor berkata, perlawanan tersebut, hanya terbuka kapada pendudok2 Melayu Brunei yang punyai kad2 pengenalan warna biru.

Bayaran masok bagi peserta perseorangan, ia-lah $2.00, dan $3.00 bagi peserta bergu.

Borang2 masok boleh di-dapati dari Ibu Pejabat Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, di-Bangunan PGGMB, Bandar Seri Begawan, Pengawas Pusat Belia, dan Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Jasmani, di-Bandar Seri Begawan.

Ahli2 J/K K.B.R.C.

KUALA BELAIT. — Kelab Recreation Kuala Belait telah mengadakan meshuarat agongnya pada 20hb. Januari yang lalu bertempat di-kelab tersebut.

Dalam meshuarat itu, Awang Tengah bin Taha telah di-pileh sa-bagai Yang Di-Pertua bagi tahun ini, dan Awang Haji Yussof bin Abdul Rahman telah di-pileh sa-bagai Naib Yang Di-Pertua.

Awang Kassim bin Abdullah telah di-pileh sa-bagai Setia Usaha Kehormat, Awang Augustine Thang sa-bagai Bendahari Kehormat dan Abang Morshidi bin Abang Haji Suhaili telah di-lantek sa-bagai Setia Usaha Sokan Kehormat.

Tiga orang jawatankuasa telah juga di-lantek dalam meshuarat itu.

Mereka ia-lah Salleh Samad, Freddy Carrol dan A Busu Ahmad.

Chalun2 yang lulus pereksa bahasa China, Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai sembilan orang chalun telah lulus dalam pepereksaan bahasa China yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak dalam bulan Disember tahun lalu.

Lima orang chalun lulus pepereksaan primary dua. Mereka ia-lah Haji Md. Nor bin Haji Jeludin, Norliah Aston, Norish bte. Abd. Jalil, Abd. Rahman bin Abdullah dan Tan Siew Kee.

Empat orang lagi lulus dalam pepereksaan primary IV. Mereka ia-lah Dayang Kalthom Mohammad, Dayang J.K. Charles, Dayang Law Kit Neo dan Awang Mohyedeen Haji Daud.

Tiga orang chalun lulus pepereksaan bahasa Jepun. Dua orang lulus primary II dan sa-orang lulus primary IV.

Mereka yang lulus primary II ia-lah Chou Yat Kin dan Shain Jean Jit.

Awang Haji Salleh bin Md. Daud lulus pepereksaan bahasa Jepun primary IV.

Sementara itu dari 14 orang yang mengambil pepereksaan bahasa Peranchis, 13 orang telah lulus. Tiga orang lulus primary II dan 10 orang lulus primary VI.

Chalun2 yang lulus primary II ia-lah Awang Fabian Wong, Dayang Anne Chua dan Dayang Marian Lim.

Chalun2 yang lulus primary VI ia-lah Dy. Chen Moi, Dy. Chong Poh Lian, Dy. Chong Siew Moi, Dy. Fatimah bte. Ahmad, Dy. Ng Ah Jit, Dy. Norfatimah bte. Sulaiman, Dy. Sung Yeok Ken, Dy. Sujath Mathews, Dy. Tan Lai Moi dan Dy. Zakiah bte. Naim.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

a) **PENOLONG PENGAJAR, FABRICATION & WELDING:**

Kelulusan2 yang paling rendah:

i) Mesti-lah mempunyai C.G.L.I. pepereksaan No. 360 Bahagian I & II (Fabrication Engineering Craft Practice).

ATAU

No. 323 (Welding Craft Practice)

ATAU

mempunyai kelulusan dalam bidang yang sama yang di-iktiraf.

ii) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal semenjak lulus.

iii) Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar sa-chara theory dan practice kapada penuntut2 yang mempelajari Siri 820 untok pepereksaan City & Guilds.

b) **PENOLONG PENGAJAR, REFRIGERATION & AIRCONDITIONING:**

Kelulusan2 yang paling rendah:

i) Mesti-lah lulus pepereksaan C.G.L.I. No. 72 (Refrigeration Practice) atau pun mempunyai kelulusan sebanding yang di-iktiraf.

ii) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal semenjak lulus.

iii) Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar sa-chara theory dan practice kapada penuntut2 yang mempelajari Siri 820 untok pepereksaan Sity & Guilds.

Am:

Chalun2 untok jawatan2 ini hendak-lah tamat latehan serta mempunyai beberapa tahun pengalaman praktikal keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T.7 — $470x20 - 510x30-540x20-600x30-690x20-710x30-890. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan kehendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 19hb. Februari, 1973.

Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB 4-5 — $180x5-240/EB/245x5-260x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.

KURSUS PERGURUAN — 1973

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada mereka2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam Negeri Brunei serta juga mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil 'Am Pelajaran dengan mendapat kelulusan "Biasa" dalam empat mata pelajaran atau mereka2 yang sedang menunggu keputusan Pepereksaan SPM/MCE bagi mengikuti kursus perguruan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, Bandar Seri Begawan.

Jabatan Pelajaran Brunei memerlukan orang2 muda yang sesuai kelayakan-nya untok di-lateh sa-bagai guru Sekolah2 Menengah Rendah Melayu dan Inggeris. Sa-lain dari menerima latehan2 'am dalam chara2 mengajar, chalun2 yang berjaya akan dapat mengikuti kursus2 khas dalam mengajar perkara2 pilehan saperti Sains, Hisab, Sejarah, Ilmu Alam, Lukisan dan Pertukangan Tangan dan Sains Rumah Tangga. Pekerjaan mengajar di-negeri Brunei merupakan suatu lapangan yang besar ganjaran-nya dan juga memberi peluang kapada orang2 muda untok memberikan sumbangan terhadap kemajuan negara.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon yang di-terima masok akan di-bayar elaun sa-banyak $210.00 hingga $225.00 sa-bulan dan akan di-beri makan serta tempat tinggal di-asrama2 Maktab.

Sa-belum di-terima masok, pemohon2 yang terpileh akan terlebeh dahulu di-temuduga serta di-pereksa oleh doktor Kerajaan.

Pemohon2 yang di-terima masok akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei memenohi sharat2 berikut:-

a. mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan;
b. mereka atau penjamin2 mereka akan di-kehendaki membayar balek dengan sapenoh-nya kapada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan;
c. mereka sanggop berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei sa-lama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Pelateh2 yang berjaya di-akhir kursus ini akan di-letakkan dalam tangga gaji yang sama saperti guru2 lain yang sa-jajar kelayakan-nya.

Penuntut2 yang sedang menunggu keputusan pepereksaan SPM/MCE dan berchadang mengikuti kursus ini boleh-lah menghantarkan permohonan2 mereka menerusi Pengetua sekolah masing2. Borang2 baru boleh di-dapati dari Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Peti Surat 391, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Borang2 yang sudah di-isi hendak-lah di-alamatkan kapada Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, menerusi Pengetua sekolah2 yang berkenaan. Borang2 tersebut mesti-lah sampai tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

Pengarah Pelajaran,
Brunei.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



DERMA YANG TERBESAR DARI ORANG PERSEORANGAN UNTOK TABONG PEMBINAAN STADIUM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium, Bahagian Perseorangan Daerah Brunei/Muara, Yang Di-Mul'akan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein telah menerima sa-keping chek bernilai $10.000.00 dari warith Allahyarham Pehin Orang Kaya Laksamana Awang Osman untok tabong pembinaan stadium.

Chek tersebut di-serahkan oleh anak tertua kapada Allahyarham itu, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam, Dato Setia Awang Haji Mohammad Noor.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein kemudian-nya menyerahkan chek itu kapada Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Awang Haji Mohammad Noor dan warith2 Allahyarham itu atas sumbangan derma tersebut.

Yang Berhormat itu, menegaskan, ini-lah salah satu bokti, bahawa raayat dan pendudok negeri ini, menyambut baik, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, dan semangat taat setia itu-lah, yang sangat2 di-sanjong tinggi, yang yang di-tunjokkan oleh raayat Brunei sendiri.

Kutipan derma di-Daerah Brunei/Muara sa-takat ini berjumlah lebeh dari $140,000.00 sejak kempen kutipan itu dilancharkan kira2 empat bulan yang lalu.



YANG Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein ketika menerima chek tersebut dari Y.B. Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Awang Haji Mohammad Noor dan chek itu kemudian-nya di-serahkan kapada Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri (di-kanan sekali).

Meshuarat agong 16hb. Februari


SERIA. — Meshuarat agong tahunan Persatuan Bekas Anggota2 Tentera Brunei, akan di-adakan di-Mess Pegawai pasokan ke-enam Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles di-Seria, dengan ehsan Pegawai Pemerentah pasokan Gurkha Rifles, Leftenan Colonel J.N. Kelly, pada hari Jumaat, 16hb. Febuari, jam 7.00 malam.

Sa-orang juruchakap bagi Persatuan itu berkata, meshuarat itu akan di-pengerusikan, oleh Yang Di-Pertua Persatuan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temanggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Piut.

Juruchakap itu meminta perhatian dari ahli2 persatuan, bahawa tarikh bagi mengadakan meshuarat itu, telah di-ubah dari 23hb. Februari, kapada 16hb. Februari, ia-itu awal sa-minggu.

Chatuan ayer di-Dearah Tutong

TUTONG. — Pendudok2 Daerah Tutong pada masa ini sedang mengalami kekurangan bekalan ayer akibat dari musim kemarau yang telah berlaku sa-lama lebeh sa-bulan.



GAMBAR atas menunjokkan Pegawai Daerah Tutong, Awg. Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar (kiri sekali) ketika mengadakan lawatan ka-ampangan ayer di-Sungai Basong pada minggu lalu. Ampangan itu kelihatan hampir kering dan jika hujan tidak turun beberapa hari ini, besar kemungkinan ampangan tersebut akan terus kering.

Pegawai Daerah Tutong, Ag. Abdullah bin Hj. Md. Jaafar yang membuat lawatan ka-Ampangan Ayer di-Sungai Basong pada minggu lalu telah mendapati ayer yang ada dalam ampangan itu tinggal satinggi dua kaki sahaja dan jika hujan tidak turun dalam beberapa hari lagi Ampangan Ayer di-Sungai Basong akan terus kering.

Ayer dalam Ampangan itu biasa-nya sa-tinggi 7 kaki yang boleh membekalkan ayer sabanyak 245,000 gilin sa-hari untok pendudok2 sa-ramai 5,000 orang di-Pekan Tutong.

Pegawai Daerah Tutong itu juga telah melawat ka-Ampangan Ayer lama di-Panchor Dulit yang di-bina 30 tahun yang lalu.

Ayer yang ada di-Ampangan Panchor Dulit telah juga di-gunakan untok membekalkan ayer ka-kampong2 di-Sungai Tutong, Sengkarai, Keriam dan Penanjong yang di-angkat oleh tiga buah lori tanki ayer.

Bekalan Ayer untok pendudok2 di-Pekan Tutong telah pun di-jalankan chatuan awal bulan ini pada tiap2 hari dari jam 5.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Sementara itu, bekalan ayer untok Asrama di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong dan Sekolah Menengah Inggeris, Tutong akan di-potong mulai minggu lalu.

Penuntut2 yang tinggal di-asrama tersebut telah balek ka-rumah masing2 kechuali penuntut2 tingkatan III dan tingkatan V di-Sekolah Menengah Muda Hashim, Prep III dan tingkatan III di-Sekolah Menengah Inggeris saja di-benarkan tinggal di-asrama itu.

106 kejadian kebakaran dalam bulan lalu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 106 kejadian kebakaran hutan, rumah dan kereta telah berlaku di-Daerah Brunei/Muara di-sepanjang musim kemarau dalam bulan Januari tahun ini.

Sa-banyak 30 kejadian kebakaran hutan juga telah berlaku di-Daerah Tutong, dan yang lain di-kawasan Telisai, Liang dan Anduki di-Seria.

Semua kebakaran itu melibatkan sedikit kerugian, dan tidak sa-orang pun yang terlibat dalam kejadian kebakaran itu. Kesemua kebakaran itu dapat di-kawal oleh ahli2 pasokan bomba.

Pemangku Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Ya'akub bin Haji Mohamed Yusof mengingatkan orang ramai supaya berhati2 membuang pontong2 rokok yang masch menyala dan mereka hendak-lah juga berhati2 apabila membakar sampah sarap.

Beliau memberikan amaran, jika sesiapa yang berhajat hendak membakar hutan di-kampong2 hendak-lah lebeh dahulu mendapatkan kebenaran dari pehak pasokan perkhidmatan bomba yang berdekatan.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 7 RABU 14HB. FEBRUARI, 1973. 1393 رابو 11 محرم PERCHUMA

D.Y.M.M. MELAWAT TIGA BUAH KAMPONG DI-DAERAH TUTONG

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berchemar duli melawat tiga buah kampong di-Daerah Tutong pada hari Khamis yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah di-sertai oleh adinda2 baginda, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu, Pemerentah AMDB dan Major Mohammad bin Haji Daud juga turut dalam rombongan itu.

Dua buah helikopter Askar Melayu Diraja Brunei telah membawa baginda dan rombongan dari Istana Darul Hana menuju ka-Kampong Lamunin di-mana Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Md. Jaafar dan pendudok2 di-kampong itu telah mengalu2kan keberangkatan tiba baginda.

Dari Lamunin baginda dan rombongan berjalan laki sajauh lebeh tiga batu ka-Kampong Layong di-mana murid2 sekolah dan pendudok2 di-kampong itu juga mengalu2kan keberangkatan baginda.

Di-balai raya Kampong Layong satu upachara mengalu2-kan keberangkatan baginda telah di-adakan di-mana Penghulu Kampong Layong Abang bin Saat menyembahkan uchapan keshukoran atas keberangkatan tiba baginda dan rombongan ka-kampong itu dan beliau juga menyembahkan uchapan terima kaseh kapada baginda dan ke-

(Lihat muka tengah)



Duli Yang Maha Mulia dan rombongan ketika melawat projek bekalan ayer yang sedang di-bina di-Kampong Layong.

Pekedai2 di-seru supaya jangan menaikkan harga2 barang keperluan sa-hari2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peniaga2 dan taukey2 kedai di-Bandar Seri Begawan telah di-seru supaya jangan menaikkan harga2 barang keperluan sa-hari2.

Seruan itu telah di-buat oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran di-Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz dalam satu perjumpaan khas yang di-hadhiri oleh 15 orang wakil dari Dewan Perniagaan China dan India di-Dewan Kemasharakatan pada minggu lalu.

Yang Berhormat itu menerangkan bahawa beliau telah menerima aduan dari orang ramai tentang ada-nya kenaikkan harga2 barang keperluan sa-hari2 di-kedai2 Bandar Seri Begawan.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran itu berkata, meskipun menaikkan chukai baru2 ini tetapi hanya-lah sa-bahagian kechil saja yang bukan keperluan sa-hari2.

Barang2 yang di-naikkan chukai itu di-antara-nya termasok-lah minuman keras, rokok, tembakau, barang2 emas, jam, daun pakau dan minyak wangi, sementara barang2 yang tidak di-kenakan chukai ia-lah beras, gula, garam dan susu.

Salah sa-orang wakil dari Dewan Perniagaan China menerangkan sabahagian dari barang2 itu terpaksa di-naikkan sedikit harga-nya kerana wakil2 luar negeri membekalkan barang2 keperluan itu dengan harga yang tinggi.

Beliau menerangkan lagi mereka terpaksa menaikkan harga2 barang untok perseimbangan kerana membayar sewa kedai dan gaji pekerja2, bagaimana pun wakil2 dari dua badan itu memberi jaminan akan memberikan kerjasama mereka kapada orang ramai.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz memberi tahu wakil2 dewan perniagaan itu, jika mereka enggan bekerjasama dengan orang ramai mengenai harga2 barang, Kerajaan sudah tentu akan bertindak yang akibat-nya akan menyusahkan lagi urusan perniagaan mereka sendiri.

Majalah Tafsir siri ke-14

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-14 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sanaskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain tafsiran dan huraian ayat (160) hingga (171) dari Surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Ayer hanya di-bekalkan dua jam sa-hari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di-sebabkan paras ayer yang terus berkurangan di-Kolam Ayer Tasek dan untok keperluan penggunaa2 ayer yang semakin bertambah, Jabatan Kerja Raya mengumumkan jadual bekalan ayer yang berikut mulai hari Khamis 15hb. Februari.

Dari jam 6.00 hingga 8.00 pagi di-Jalan Tutong, kawasan Bandar dari dermaga sa-hingga dan termasok kawasan Ong Sum Ping Tongkadeh, Jalan Gadong dan Jalan Berakas dari simpang lapangan terbang hingga ke-Istana Edinburgh.

Dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi di-Kambong Sultan Lama, Kampong Sungai Kedayan A dan B, Kampong Limbongan, Kampong Ujong Bukit dan Kampong Bukit Salat.

Dari jam 4.00 petang hingga 6.00 petang di-kawasan dari Jalan Senuai hingga simpang lapangan terbang, kawasan perpindahan, Kampong Delima Satu, Delima Dua dan Jalan Berakas dari Perkhemahan Bolkiah hingga ka-Steshen Pemanchar Radio.

(Lihat muka 8)

JEMAAH2 HAJI SELAMAT PULANG KA-TANAH AYER

SA-RAMAI 354 orang jemaah2 haji Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer sa-telah selesai menyempurnakan fardhu haji di-Mekah.

Rombongan pertama yang mengandongi sa-ramai 187 orang termasok tiga orang pegawai perubatan, dua orang pegawai kebajikan haji dan sa-orang wakil Jawatankuasa Penasehat Haji telah tiba dengan kapalterbang yang di-sewa khas pada hari Rabu lepas.

Rombongan kedua yang mengandongi 120 orang jemaah haji termasok dua orang wakil Jawatankuasa Penasehat Haji dan sa-orang pegawai kebajikan haji telah tiba dengan kapalterbang yang sama pada hari Jumaat.

Sementara 47 orang jemaah2 haji yang pergi dengan kapal laut telah tiba di-tambatan kastam Diraja pada malam Jumaat, 8hb. Februrai.







Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Setia Usaha JHEU ada-lah di-antara yang menyambut kepulangan jemaah2 haji, (gambar paling atas) manakala gambar2 atas menunjokkan salah sa-orang jemaah haji sedang di-pimpin keluar dari bangunan kastam (kiri) dan sa-bahagian dari jemaah haji dalam rombongan pertama turun dari kapal terbang (kanan).

13 orang lulus bahasa Peranchis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tujoh orang chalun bukan Melayu lulus pepereksaan darjah dua bahasa Melayu. Pepereksaan itu di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa pada bulan Disember yang lepas.

Enam orang dari mereka mengambil pepereksaan itu di-sekolah Melayu Pusar Ulak Bandar Seri Begawan dan sa-orang lagi di-sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Sementara itu sa-ramai 13 orang chalun lulus pepereksaan bahasa Peranchis. Tiga lulus perengkat rendah dua di-Maktab Anthony Abell Seria dan sepuloh lain-nya lulus perengkat rendah empat di-sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait.

Pepereksaan itu juga telah di-adakan pada tahun lalu.

Tiga orang di-chalunkan untok penghulu Mukim Ukong

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Md. Ja'afar telah menyaksikan penchalunan bagi jawatan Penghulu Mukim Ukong yang berlangsong di-Kampong Ukong, Ulu Tutong pada minggu lalu.

Tiga orang chalun yang di-pileh bagi memenohi jawatan tersebut ia-lah Awang Kapal bin Bundan, Awang Libut bin Uking dan Awang Ringgit bin Luang.

Menurut undang2, nama chalun2 itu akan di-serahkan kapada kerajaan untok di-siasat.

Penchalunan itu di-lakukan kerana sementara menantikan Penghulu Awang Kula bin Kambar yang akan bersara.

Sementara itu pendudok2 di-Mukim Telisai Daerah Tutong akan berhimpun di-Balai Raya Telisai pada pukul 10.00 pagi 24hb. Februari ini untok memileh chalun2 bagi jawatan penghulu Tingkatan II di-kawasan itu.

Mukim Telisai mengandongi kampong2 Telamba, Paku, Danau, Bukit Beruang, Bukit Pasir, Keramut, Tumpuan Ugas, Penyatang, Penapar, dan Telisai.

Penghulu baru itu akan menggantikan jawatan Awang Ismail bin Damit yang akan bersara.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Ja'afar berkata, semua pendudok2 di-Mukim Telisai yang berumor 21 tahun ka-atas ada-lah di-kehendaki hadhir ka-Balai Raya Telisai pada hari tersebut.

Kata-nya, mereka yang ingin menjadi chalun hendak-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, berumor antara 30 hingga 45 tahun dan lulus darjah lima sekolah Melayu. Chalun2 itu juga hendak-lah tinggal di-kawasan tersebut dan bukan sa-orang pegawai kerajaan atau kaki tangan mana2 jua sharikat perniagaan.

Borang2 bagi menjadi chalun itu boleh di-dapati dari Pegawai Daerah Tutong.

Pepereksaan Sijil Perdagangan M'sia di-adakan bulan Julai / Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan trengkas, menaip ilmu menyimpan buku kira2 dan peratoran pejabat aliran Melayu dan Inggeris akan di-adakan dalam bulan Julai dan Ogos tahun ini.

Pepereksaan tersebut di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Pepereksaan trengkas aliran Melayu dan Inggeris perengkat menengah dan tertinggi itu ia-lah bagi kechepatan 50 hingga 120 perkataan satu minit.

Pepereksaan ilmu menyimpan buku kira2 dan peratoran pejabat hanya bagi perengkat menengah, sementara pepereksaan menaip bagi kechekapan dan kepentasan ia-lah perengkat menengah dan tertinggi.

Pepereksaan akauntan perengkat tertinggi hanya dalam aliran Inggeris.

Bayaran memasoki pepereksaan ia-lah $12.00 bagi perengkat menengah dan $14.00 bagi perengkat tertinggi.

Borang2 bagi chalun2 kelas dewasa boleh di-dapati dari Sekolah Melayu Pusar Ulak, Sekolah Menengah Melayu SMJA, Maktab SOAS dan Maktab Anthony Abell di-Seria, dan ia-nya hendak-lah di-kembalikan kapada penyelia kelas pelajaran dewasa di-tempat masing2 tidak lewat dari 15hb. Februari.

Borang2 bagi chalun2 persendirian boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa di-Bandar Seri Begawan dan borang beserta wang bayaran masok hendak-lah di-kembalikan-nya tidak lewat 15hb. Februari, 1973.

Bekalan letrik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang mempelawa tender2 bagi mendirikan tiang2 letrik di-kampong2 Limbongan dan Pengiran Tajuddin Hitam-Kampong Ayer di-Bandar Seri Begawan, untok menyambongkan kawat2 yang akan membekalkan letrik kapada pengguna2 di-kedua2 kampong itu.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik menyatakan, ada-lah menjadi dasar jabatan itu untok membekalkan kuasa tersebut di-kawasan kampong ayer.

Kata-nya, lambat laun penguna2 diseluroh kampong ayer akan memperolehi bekalan letrik.

UMAT ISLAM DI-SERU MENUNTUT ILMU UGAMA ISLAM YANG BENAR DAN SUCHI

KHUTBAH JUMA'AT

Sa–gulongan umat Islam tidak mendalami ajaran2 Islam yang sa-benar, hinggakan hukum2 Ugama Islam di-anggap mereka mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman

ALLAH Subhanahu-Wataala telah menjadikan pendengaran, penglihatan dan hati aua-lah sa-bagai alat untok menchari ilmu pengetahuan yang membolehkan manusia mengetahui tentang kewajipan-nya menjadi manus.a yang di-berikan tugas untok menguruskan isi alam ini dengan chara yang sa-baik2-nya dan buat menshukori nekmat Tuhan yang di-berikan kapada-nya dengan tidak terhitong.

Kalau alat2 penchapai ilmu pengetahuan itu tidak di-gunakan buat menuntut ilmu pengetahuan, maka tetap-lah manusia itu dalam kejahilan, tiada tahu perkara2 yang sa-benar-nya dan keadaan-nya hampir sa-rupa dengan kanak2 yang hanya menghabiskan masa-nya dengan bermain2, membuat nakal, berkelahi mengambil barang orang, makan dan minum tiada terkawal dan sa-bagai-nya, hanya bedza-nya kanak2 itu belum berakal, sedangkan orang yang jahil itu berakal, sebab itu dia di-salahkan kalau membuat kelakuan saperti kanak2, tetapi kanak2 tidak.

Bagitu-lah bagi orang yang tidak menggunakan alat2 menchapai ilmu pengetahuan kalau dia melanggar undang2, maka di-jatohkan hukoman ka-atas-nya, bagitu-lah juga kalau dia melanggar hukum ugama, bahkan kalau dia salah mengerjakan perentah ugama pun dia tetap maseh di-salahkan kerana Allah Subhana-hu Wataala telah memberi ingatan di-dalam Quran, firman-nya yang bermaksud:

"Jangan-lah engkau turut apa2 yang engkau tidak ketahui, sa-sunggoh-nya pendengaran, penglihatan dan hati itu masing2-nya akan di-tuntut".

Di-samping itu ada pula satu gulongan manusia yang mengaku diri-nya pintar sahingga kerana merasa diri-nya pintar itu sampai hukum2 ugama pun di-anggap-nya mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman, pada hal hakikat Islam yang sa-benar-nya tidak di-kaji-nya sa-chara mendalam, yang di-ketahui-nya hanya dari hasil pendapat orang2 yang anti Islam dan musoh2 Islam atau dari hasil buah fikiran sendiri yang bersandar kapada hawa nafsu sa-mata2.

Berhubong dengan perkara ini Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei sa-waktu memberi uchapan dalam Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1393 pada 4hb. Februari, 1973 di-Dewan Makan Sekolah Melayu Sengkurong antara lain telah berkata:

"Bersempena dengan awal tahun baru Islam tahun Hijrah 1393 ini saya ingin-lah berseru kapada seluroh umat Islam di-negeri ini supaya mengenali akan ajaran2 ugama mereka ia-itu ugama Islam yang suchi supaya kita dapat berjalan di-atas landasan-nya yang lurus dan tidak menyimpang ka-arah yang di-larang kerana hidup dalam dunia yang di-katakan moden dan maju di-zaman sains dan teknologi ini banyak di-dapati tarekan2 dan pengaroh2 yang boleh membawa kita kapada sikap melupakan ajaran2 ugama kita, di-tambah lagi dengan ada-nya fahaman yang merbahaya yang menyatakan bahawa ajaran2 ugama adalah mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman.

"Kapada belia2 Islam di-negeri ini saya ingin-lah menyatakan bahawa sa-belum membuat kesimpulan mengenai dengan ajaran ugama Islam atau terikut2 kapada fikiran yang merbahaya saperti yang saya nyatakan tadi mereka hendak-lah mempunyai sikap ingin menyelideki, ingin mempelajari ugama itu sendiri terlebeh dahulu, maka berdasarkan penyelidekan dan pengkajian itu saya perchaya belia2 Islam di-negeri ini akan dapat membuat kesimpulan yang tepat dan gitu dan akan dapat menjadikan Islam sabagai p e d o m a n hidup mereka".

Oleh kerana kita di-tuntut oleh Allah Subhanahu-Wataala terhadap nekmat yang di-kurniakan kapada kita, kita di-tuntut kalau tidak menggunakan penglihatan, pendengaran dan hati kita untok menchari ilmu, dan juga di-tuntut kalau ilmu kita di-gunakan untok ka-jahatan.

Maka ada-lah di-serukan kapada umat Islam supaya menuntut ilmu ugama Islam yang benar dan suchi di-samping ilmu2 lain yang berguna. Mudah2an dengan demikian tidak-lah akan timbul anggapan bahawa ugama Islam itu mengongkong dan tidak sesuai lagi dengan kehendak zaman.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif (no 2 dari kanan) dan Kadzi Daerah Belait, Abang Haji Razali bin Abang Haji Zainuddin (kanan sekali) ketika menyaksikan achara2 persembahan dalam majlis sambutan Awal Tahun Hijrah 1393 yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada malam Jumaat yang lalu.

Berita lanjut dan lain2 gambar dalam sambutan itu di-siarkan di-muka 7. Gambar JHEU/BP.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Duerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14hb. Februari, 1973 hingga ka-hari Selasa 20hb. Februari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
14hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
15hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
16hb. Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
17hb. Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
18hb. Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
19hb. Feb.	12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
20hb. Feb.	12-39	4-39	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendah-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.






▲ Sa-telah selesai upachara menyembahkan uchapan keshukoran, bachaan do'a selamatu bachakan. Gambar atas menunjokkan D.Y.M.M., adinda2 Baginda, Y.A.M. Pengiran Seg Diraja dan Pegawai Daerah sedang menadah tangan bagi mengaminkan do'a yang di-bacha

◀ Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-Kampong a telah di-alu2kan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar

Duli Yang Maha Mulia sedang menerima chenderamata yang berupa bedil dari pendud2 pong Layong.

▼





▲ Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dengan di-bantu oleh Kadzi Daerah Tutong, Awang Haji Ishak bin Adam sedang menanda-tangani buku pelawat apabila Baginda dan rombongan me.awat ka-Mesjid Tanjong Maya yang baru yang menelan belanja kira2 $42,000.00.



◀ Duli Yang Maha Mulia ketika menerima chenderamata yang berupa sa-batang tongkat dari pendudok2 Kampong Tanjong Maya.



▶ Duli Yang Maha Mulia ketika berjabat salam dengan pendudok2 di-Kampong Layong.

Lawatan D. Y. M. M. ka-Daerah Tutong

(Dari muka 1)

rajaan baginda kerana memberi kemudahan2 saperti jalan raya dan lain2 lagi untok kesenangan pendudok2 di-kampong tersebut.

Bag'nda kemudia-nya telah di-hadiahkan chederamata yang berupa sa-biji gansa dan bedil tembaga oleh pendudok2 di-kampong itu.

Sa-telah itu baginda dan rombongan telah menyaksikan projek bekalan ayer yang sedang dalam pembinaan di-kampong itu.

Dari Layong baginda berangkat dengan helikopter ka-Kampong Tanjong Maya, dimana murid2 sekolah dan pendudok2 di-kampong itu sedia menunggu untok mengalu2kan keberangkatan tiba baginda.

Sapertimana di-Kampong Layong, baginda juga menerima ikrar ta'at setia dari pendudok2 di-situ yang telah di-sampaikan oleh Penghulu Mukim Tanjong Maya, Bendahari Ghafar bin Haji Saidi.

Baginda kemudian-nya telah di-hadiahkan chederamata yang berupa bedil tembaga dan tongkat.

Baginda dan rombongan juga melawat mesjid berharga $42,000.00 yang baru saja siap di-bina dan melawat sekolah di-mukim itu.

Murid2 sekolah yang berbaris di-tepi jalan telah menguchapkan Daulat Tuanku sabaik2 saja baginda melalui barisan murid2 itu menuju helikopter untok berangkat balek ka-Istana, jam 12.00 tengah hari.

Baginda dan rombongan telah menghabiskan masa lebeh dari dua jam untok melawat ka-tiga2 buah kampong tersebut dan baginda serta rombongan telah di-alu2kan dengan meriah-nya oleh raayat baginda di-kampong2 yang baginda lawati.



Duli Yang Maha Mulia dan rombongan berangkat sa-telah melawat Sekolah Melayu Layong.



Duli Yang Maha Mulia dan rombongan ketika di-alu2kan oleh pendudok Kampong Tanjong Maya.





Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia di-Kampong Lamunin juga telah di-alu2kan oleh kaum ibu. Gambar atas menunjokkan Baginda sedang di-ziarahi oleh kaum ibu di-kampong tersebut.

Perlumbaan rentas desa Sekolah2 Melayu, Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan rentas desa antara sekolah2 rendah Melayu dan Inggeris seluroh negeri akan di-adakan dalam bulan ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidekan Jasmani berkata, tiap2 sekolah di-bolehkan menghantar tiga pasokan yang mengandongi sa-ramai tujoh orang peserta termasok sa-orang simpanan, dan tiap2 sa-orang di-bolehan mengambil dua bahagian ia-itu berpasokan dan perseorangan.

Perlawanan di-bahagian kapada tiga kumpolan — A bagi murid2 lelaki yang di-lahirkan dalam tahun 1959 ka-atas, kumpolan B bagi murid2 lelaki yang di-lahirkan dalam tahun 1957 dan 1958, sementara kumpolan C bagi murid2 perempuan yang tidak di-hadkan umor-nya.

Perlumbaan bagi sekolah2 rendah Daerah Belait akan di-adakan pada 17hb. Februari di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada pukol 2.00 petang.

Kawasan Brunei Satu dan Tutong Satu pada 18hb. Februari masing2 di-Sekolah Melayu Anggrek Desa dan Muda Hashim mulai pukol 2.00 petang.

Tutong Dua pada 20hb. Februari di-Sekolah Melayu Tanjong Maya jam 2.00 petang; Brunei Tiga di-Sekolah Melayu Dato Gandi jam 2.00 petang, Daerah Temburong pada 28hb. Februari di-Sekolah Melayu Sultan Hassan jam 2.30 petang. Sementara, perlawanan seluroh negeri akan di-adakan pada 10hb. Mach di-padang SMJA, Bandar Seri Begawan mulai pukol 2.30 petang.



Gambar2 JHEU/BP ini menunjokkan mempersembahkan lagu2 nashid (atas) ia-itu salah satu achara dalam majlis sambutan itu, manakala gambar2 bawah peserta2 peraduan Berzanji dan Azan.

SAMBUTAN AWAL MUHARAM DI-K.B.

KUALA BELAIT. — Satu majlis sambutan awal Tahun Hijrah 1393 telah di-ada di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait pada minggu lalu.

Sambutan itu telah di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan, Kuala Belait dan di-kelolakan dengan kerjasama Persatuan Bumiputera Belait.

Sambutan itu di-penohi dengan peraduan2 Azan dan Berzanji, persembahan2 nashid dan bachaan Al-Quran.

Peraduan Azan yang terbuka kapada peserta2 lelaki yang berumor 18 tahun ka-atas telah di-menangi oleh Awang Rabie bin Metali; kedua, Awang Wahid bin Taha dan pemenang ketiga ia-lah Awang Ramli bin Metali.

Peraduan Berzanji yang terbuka kapada peserta2 wanita telah di-menangi oleh Dayang Aminah bte. Mohammad; kedua, Dayang Norhayati bte. Hamdi dan Dayang Aisah bte. Hassan mendapat tempat ketiga.

Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif yang merasmikan sambutan pada malam itu, juga telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 peraduan Azan dan Berzanji.



Sambutan Hari Raya Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bahteramu akan mengadakan majlis sambutan Hari Raya Haji di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 15hb. Februari mulai jam 7.30 malam.

Sa-orang juruchakap persatuan itu menyatakan sambutan itu ada-lah kali yang keempat dan ia-nya di-adakan sa-bagai salah satu dari projek tahunan-nya.

Achara2 yang akan di-persembahkan termasok-lah membacha sajak, hadzarah dan peraduan pakaian beragam yang terbuka kapada orang2 perseorangan, belia2, persatuan2 kebajikan, maktab2 dan sekolah2 di-seluroh negeri ini.

Peraduan membacha sajak terbahagi kapada peserta perseorangan dan berpasangan.



Lebeh 3,000 T.V. di-impot

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendudok2 Brunei pada masa ini mempunyai lebeh dari 3,000 buah peti talibishen yang kebanyakannya di-impot dari Jepun, Singapura, Malaysia, United Kingdom dan yang lain-nya dari Australia, Jerman, Hong Kong dan Itali.

Menurut satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Pejabat Perangkaan, sa-banyak 1,368 buah peti2 talibishen telah di-impot dalam tahun 1971 dan 1,681 buah lagi di-impot dalam tahun 1972.

Semua harga talibishen dalam tahun2 tersebut berjumlah sabanyak $1,602,231.00 dan kerajaan telah mengenakan chukai impot berjumlah $115,801.40.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Tawaran untok menguruskan sa-buah kantin di-Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan

Tawaran2 ada-lah di-pelawa untok menyewa bagi menguruskan perkhidmatan sa-buah kantin di-bangunan yang di-nyatakan di-atas ini sa-lama dua tahun dari 1hb. Mei, 1973.

2. Penawar yang berjaya tidak di-benarkan menyewakan kantin itu kapada orang lain, tetapi mesti-lah menguruskan perkhidmatan itu sendiri.

3. Penawar yang berjaya akan di-kehendaki mengadakan perkakas2 dapor yang perlu, peti2 sejok refrigerator, pisau, sudu dan gerpu, pinggan mangkok dan perkakas2 minum dari darjah yang jenis yang di-luluskan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan.

4. Penawar yang berjaya mesti-lah membayar sewa suku tahun sa-kali sa-belum di-bernarkan berniaga.

5. Kantin itu ada-lah di-buka kapada kaki-tangan Jabatan Kerajaan tetapi tidak di-bukakan kapada orang ramai kechuali saperti berikut:–

i) Orang2 yang mempunyai urusan dengan Jabatan Kerajaan.

ii) Orang ramai yang menghadhiri sa-barang pertunjokkan di-Dewan bangunan tersebut.

6. Kantin akan di-buka dari jam 6 30 pagi hingga 5.00 petang tiap2 hari, termasok hari Jumaat, Ahad dan kelepasan awam.

7. Pekerja2 yang menchukupi mesti-lah di-adakan untok mengawas kantin dan menawarkan perkhidmatan kapada kaki-tangan Kerajaan.

8. Pemborong itu akan di-kehendaki menjual minuman rerengan, makanan, rokok, teh dan kopi *tetapi minuman yang memabokkan tidak di-benarkan di-jual.* Semua makanan, minuman dan lain2 barang yang di-jual mesti-lah mengikut harga yang telah di-persetujui di-antara Pengarah Penyiaran dan Penerangan dan Pemborong.

9. Pemborong ada-lah bertanggong-jawab untok membayar tuntutan pemakaian ayer, letrik dan gas.

10. Penawar yang berjaya akan di-berikan menyewa salama dua tahun buat pertama kali-nya. Ia akan di-kehendaki mengikut semua arahan yang mungkin di-beri dari masa ka-semasa oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan dengan pengurusan kantin itu.

11. Tawaran2 yang bertanda "Perkhidmatan Kantin untok Jabatan Penyiaran dan Penerangan" mesti-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, Jabatan Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-belum jam 4.00 petang 1hb. Mach, 1973.

12. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang tinggi sa-kali atau sa-barang tawaran; pertimbangan akan di-berikan kapada darjah perkhidmatan yang dapat di-tawarkan oleh Pemborong. Maka dengan sebab itu, ada-lah perlu bagi penawar2 menyatakan pengalaman mereka mengenai pengurusan perkhidmatan sa-buah kantin.

Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untok di-lantek sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei. Pemohon2 bagi jawatan ini mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya salama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan I atau Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas.

Sa-seorang pegawai hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dengan menyatakan tugas2 yang di-buat oleh pegawai itu dan kesesuaian-nya untok di-naikkan pangkat, serta satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-buat dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada pejabat ini dan mesti-lah sampai kapada Pegawai Perjawatan tidak lewat dari 6hb. Mach, 1973. Permohonan2 yang di-terima sesudah tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

Sa–bagai Pemberita Majlis

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok memenohi jawatan Pemberita Mailis di-Jabatan Majlis2 Meshuarat, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Chalun2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2 - nya sa-lama 5 tahun. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai pengalaman luas dalam kerja2 jurutrengkas boleh juga di-pertimbangkan.

ii) Trengkas : Perengkat Tertinggi 110 p.s.m.
Msenaip : 45 p.s.m.

iii) Pengalaman bekerja sabagai jurutrengkhas sambilan di-Jabatan Majlis Meshuarat merupakan suatu kelebehan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 4 EB 5 — $540x20-660/EB/690x20-750.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penokan di-atas borang, baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 6hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Wadar

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Wadar (3 jawatan kosong) di- Jabatan Penjara, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya tingkatan II Sekolah Melayu atau yang sa-banding dengan-nya.

(b) Mesti-lah berumor di-antara 18 dan 28 tahun.

(c) Tinggi sekurang2-nya 5' 2".

(d) Lingkaran dada (biasa) sekurang2-nya 32".

Gaji:

Dalam sukatan gaji Pr 1 EB 2 — $230x5-265/EB/270x5-295.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Penguasa Penjara, Pejabat Penjara, Bandar Seri Begawan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 5hb. Mach, 1973. Permohonan2 yang lewat di-terima dari tarikh tersebut tidak akan di-layani.

Di–Jabatan Majlis Meshuarat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Majlis Meshuarat, Brunei.

A. OPERETER TALIPON: (1 jawatan)

Kelayakan2:–

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 perempuan berumor di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sabanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

B. PEMBERSEH DEWAN: (1 jawatan)

C. TUKANG KEBUN: (2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 EB 2 — $180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 28hb. Februari, 1973.

Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan untok di-naikan pangkat sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkat Khas I. Kerani2 Bahagian 'A' yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang sa-banding boleh-lah juga memohon untok di-pertimbangkan.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 10hb. Mach, 1973. Ketua2 Jabatan sa-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyataka tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untok di-naikan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

Hanya 15 kejadian penyakit Malaria di-kesan tahun lalu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Projek Penghapus Malaria menyatakan bahawa terdapat 15 kejadian penyakit Malaria di-negeri ini pada tahun lalu.

Ketua Projek Penghapus Malaria, Dr. Y.T. Wu menyatakan demikian dalam laporan tahunan-nya dan membahagi2kan kejadian itu sa-bagai 11 di-datangkan dari luar, dua di-jangkiti semula, satu samada baru atau di-jangkiti semula dan satu tidak di-ketahui.

Tidak ada kejadian burok di-laporkan, dan ini ada-lah di-sebabkan oleh langkah2 penghapusan malaria yang ketat di-jalankan oleh projek tersebut.


Salah satu dari langkah2 itu ia-lah dengan menyembor ubat DDT.

Menurut laporan tahunan itu, sa-banyak 1,329 buah rumah, pondok dan bangunan2 lain di-58 buah kampong di-ke-empat2 buah daerah telah di-sembor ubat DDT semasa gerakan pertama yang di- lancharkan dari bulan Januari hingga bulan Jun tahun lalu.

Semasa gerakan kedua di-jalankan hanya 968 buah rumah, pondok dan bangunan2 lain telah di-sembor.

Tidak ada ka-engganan di-laporkan pada keselurohan tahun lalu.

Semasa kempen2 itu di-jalankan, sa-banyak 5,761 litre ubat DDT telah di-gunakan.



Pembayaran penchen2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak $124,687.50 telah di-bayar untok perkhidmatan Kebajikan Penchen2 Negara Brunei bagi bulan Januari, 1973.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Brunei menunjokkan bahawa sa-banyak $119,550.00 telah di-bayar kapada penerima2 penchen umor tua; $4,550.00 di-bayar bagi penchen orang2 buta serta tanggongan-nya dan $587.50 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Berikut ini ia-lah penyata kasar yang menunjokkan pembayaran penchen2 bagi seluroh negeri dalam bulan Januari yang lalu.

PENCHEN UMOR TUA

Daerah Brunei dan Muara	$ 66,275.00
Daerah Belait	22,050.00
Daerah Tutong	25,000.00
Daerah Temburong	6,225.00
Jumlah:	119,550.00

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGAN-NYA.

Daerah Brunei dan Muara	$ 3,087.50
Daerah Belait	687.50
Daerah Tutong	550.00
Daerah Temburong	225.00
Jumlah:	4,550.00

ALAON ORANG2 PENYAKIT KUSTA DAN GILA TANGGONGAN

Daerah Brunei dan Muara	$ 337.50
Daerah Belait	187.50
Daerah Tutong	62.50
Daerah Temburong	—
Jumlah:	587.50

Perbekalan alat2 perkakas pelajaran

1. Keterangan2 mengenai perjanjian dan sharat2 untok membekal alat2 dan perkakas2 sekolah dari jenis2 yang berikut ada-lah di-kehendaki oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.
   (i) Alat2 tulis dan perkakas2 bilek darjah, termasok alat2 kira mengira.
   (ii) Peta2 dinding, peta2 bulat dan lain2 alat dan perkakas2 untok Ilmu Alam.
   (iii) Alat2 dan perkakas2 untok Sains.
   (iv) Alat2 dan perkakas2 untok lihat dan dengar, dan terutama-nya termasok-lah peta2 dinding (wall-charts), jalur2 filem, filem2, piring2 hitam dan alat2 perkakas suara (tapes).
   (v) Alat2 dan perkakas menjahit.
   (vi) Alat2 dan perkakas2 lukisan dan pertukangan tangan.
   (vii) Alat2 dan perkakas2 pertukangan kayu.
   (viii) Alat2 dan perkakas2 pertukangan logam.
   (ix) Alat2 dan perkakas2 sukan dan olahraga.
2. Semua pembekal2 bagi sebarang jenis alat2 sekolah ini yang mana nama2 mereka berada dalam daftar yang telah di-persetujui, dan jika mereka ingin nama2 mereka berada lagi di-dalam daftar, hendak-lah mengemukakan satu permohonan baru dengan penerangan berikut mengenai perkara itu sa-belum 15hb. Mach, 1973. Sebarang pembekal yang lain yang tidak ada nama-nya di-dalam daftar, tetapi ingin supaya di-tulis kadalam daftar, hendak-lah juga membuat permohonan mengenai perkara itu sa-belum 15hb. Mach, 1973.
   (i) Buku2 katalog atau sinarai barang2 yang lengkap dengan harga-nya sekali yang mereka boleh bekalkan. Di-mana buku2 katalog atau sinarai2 yang tidak mempunyai harga, maka sinarai harga2 yang berasingan hendak-lah di-bekalkan.
   (ii) Satu kenyataan tentang sharat2 di-bawah mana mereka akan sanggup membekal barang2 itu. Jika perlu, hendak-lah termasok pemotongan2 bagi tiap2 satu perkara atau jumlah bagi berbagai2 perkara, kedudokan tambang2 atau bayaran2 pos, dan sebarang sharat2 lain yang tertentu.
   (iii) Satu kenyataan, yang menunjokan tentang barang2 yang pada kebiasaan-nya dapat di-bekalkan dari simpanan, dan barang2 yang kebiasaan-nya akan terpaksa di-pesan dari tempat2 membuat-nya. Mengenai kedudokan yang terkemudian ini, satu tanda yang menunjokan tempoh yang di-pukol rata di-antara tarikh menerima satu2 pesanan dan tarikh penyerahan-nya hendak-lah di-beri.
3. Penerangan dari pembekal2 mesti-lah sampai di-terima oleh Pengarah Pelajaran, Brunei, pada hari Khamis, 15hb. Mach, 1973.
4. Permohonan bagi mendapatkan penerangan ini tidak-lah berarti ada-nya sebarang tanggongan oleh Pengarah Pelajaran untok memasoki sebarang konterek atau perjanjian bagi membekal apa2 jua jenis peralatan dan perkakas2 sekolah dengan mana2 pembekal.

Chatuan ayer

(Dari muka 1)

Dari jam 4.00 petang hingga 6.00 petang di-Kampong Pengiran Pemancha Lama hingga Kampong Tamoi Ujong.

Dari 7.00 malam hingga jam 9.00 malam di-Kampong Lurong Sikuna A, Bakut Berumput, Bakut Pengiran Si-Raja Muda, Pekan Lama, Sungai Pandan, Pantai Besi, Lurong Dalam, Burong Pingai dan Sungai Asam.

Dari jam 10.00 malam hingga jam 5.00 pagi di-Kampong Peramu A dan B, Saba Ujong, Saba Tengah, Saba Laut dan Lurong Sikuna B.

Dari jam 9.00 malam hingga jam 4.00 pagi yang di-kenakan berselang hari di-Kampong Anggerek Desa, Kampong Orang Kaya Besar Imas, Kampong Pancha Delima, Jalan Muara dari Kampong Manggis hingga Sekolah Sungai Hanching dan Jalan Berakas sa-lepas Steshen Siaran Radio.

Orang ramai ada-lah di-minta supaya bekerjasama untok berjimat menggunakan ayer dan melaporkan sebarang paip yang buchor.

GERAKAN meruboh rumah2 yang tidak kukoh untok di-diami yang letak-nya di-Jalan Tutong dan termasok dalam kawasan bandaran maseh di-teruskan oleh pekerja2 Bandaran Bandar Seri Begawan.

Gerakan meruboh rumah2 tersebut telah di-mulakan dalam bulan Disember yang lalu sa-telah notis yang di-keluarkan oleh Lembaga Bandaran tidak di-patohi.

Notis telah di-keluarkan kapada tuan2 punya rumah2 itu, tetapi sa-hingga tempoh notis itu, rumah2 itu maseh juga tidak di-ruboh.

Oleh kerana notis yang di-keluarkan menurut undang2 dan peratoran Lembaga Bandaran itu tidak di-hormati, maka Lembaga Bandaran terpaksa mengambil tindakan yang muktamat untok meruboh rumah2 itu.

Gambar atas menunjokkan pekerja2 Bandaran kelihatan sedang meruboh salah sa-buah rumah yang telah di-beri notis itu.

Permohonan untok naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 Kerajaan yang berhak untok mendapat mengorniaan wang tambang kerana menunaikan fardhu haji ka-Mekah ada-lah di-minta supaya menghantar permohonan2 mereka untok mendapatkan wang tambang tersebut bagi musim haji 1973/1974 untok di-pertimbangkan.

Menurut surat keliling Setia Usaha Kerajaan yang di-keluarkan pada 12hb. Februari ini menyatakan bahawa permohonan2 mereka itu hendak-lah sampai ka-kapada Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 10hb. Mach, 1973. Permohonan2 yang di-terima salepas tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Semua permohonan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa ada-lah di-kehendaki mengedarkan permohonan2 itu ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan beserta dengan laporan2 lengkap mengenai pemohon2.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 8 RABU 21HB. FEBRUARI, 1973. 1393 رابو 18 محرم PERCHUMA



Pemangku S. U. K. meninggal dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Matnor Mac-Afee telah meninggal dunia pada pagi hari Khamis lepas dan jenazah Allahyarham itu telah selamat di-kebumikan pada petang itu juga.

Allahyarham yang di-kenali ramai, terutama di-kalangan kaki-tangan kerajaan telah mula berkhidmat dengan kerajaan sa-belum perang Dunia Kedua dan pernah berkhidmat di-berbagai jabatan kerajaan di-seluroh negeri.

Di-antara pembesar2 negara yang menziarahi jenazah Allahyarham dan menyampaikan uchapan ta'aziah kapada balu dan keluarga Allahyarham itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Penasehat Umum D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg. Isa, Pmk. Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Du'i2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan pegawai2 kanan kerajaan.

(Di-halaman muka tengah di-siarkan renchana khas mengenai dengan Allahyarham).

PENASEHAT UMUM AKAN RASMIKAN MASHUARAT AGONG P.G.G.M.B. KE-23

BANDAR SERI BEGAWAN. —Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa akan merasmikan pembukaan Mashuarat Agong ke-23 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Dewan Persekutuan itu pada petang hari Jumaat ini.

Beliau juga akan memberikan uchapan khas dalam majlis itu sa-lain dari uchapan2 Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes, Penasehat PGGMB, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Shahbudin bin Saleh.

Beberapa perkara penting yang berhubong dengan pentadbiran persekutuan itu akan menjadi thema utama mashuarat tersebut sa-lain dari perbinchangan2 mengenai kebajikan ahli2-nya dan juga gerakan2 kebajikan sa-chara umum.

PGGMB, sa-bagai sa-buah persekutuan guru2 yang terbesar di-negeri ini telah menumpukan kegiatan2-nya dalam bidang2 kebajikan dalam negeri dan sa-bahagian besarnya turut memikirkan masa-alah2 pendidekan raayat.

Persekutuan Guru2 Melayu Brunei juga ada-lah menjadi ahli dalam Gabongan Pertubohan Guru2 Sa-Dunia dan kerap kali menghadhiri persidangan2 yang di-anjorkan oleh pertubohan itu di-luar negeri.

Majlis pembukaan rasmi mashuarat itu akan bermula pada pukul 2.30 petang.



Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Atendan2 di-beri kebenaran khas untok sembahyang Jumaat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Dato Paduka Haji Abdul Aziz Umar hari ini menjelaskan bahawa kebenaran khas ada-lah sentiasa di-beri kapada atendan2 letak kereta untok menunaikan fardhu Jumaat.

Mengulas satu renchana yang di-tulis oleh Putera Lela dan terbit dalam mimbar akhbar Borneo Bulletin keluaran 10hb. Februari yang lalu, Dato Paduka Hj. Abd. Aziz menerangkan bahawa walau pun masa bekerja itu dari pagi hingga petang termasok pada hari Jumaat, maka ia-nya tidak berarti untok menyekat atendan2 yang berugama Islam itu dari menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

Mereka yang berhajat untok mengerjakan ibadat itu, katanya, ada-lah sentiasa di-hargakan dan kebenaran khas akan di-beri kapada mereka.

Menurut beliau lagi, Lembaga Bandaran sa-jauh ini belum pernah menolak sa-barang permohonan untok menunaikan Fardhu Jumaat itu dan hanya terpulang-lah kapada atendan2 itu pada menyedarkan diri mereka terhadap kewajipan-nya sa-bagai sa-orang Islam.

Mengenai dengan amaran konon-nya hendak di-buang kerja apabila atendan2 itu mengemukakan bantahan kapada ketua2 mereka berhubong dengan perkara sembahyang Jumaat itu, Dato Paduka Hj. Abdul Aziz menjelaskan:

"Pengawas2 Letak Kereta (ketua2) tidak pernah mengeluarkan amaran sa-demikian kerana mereka semua tahu

(Lihat muka 8)

Enam orang askar wataniah di-tauliahkan pangkat 2nd Lt.

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berkenan mengurniakan tauliah kapada enam orang guru yang telah di-pileh sa-bagai askar wataniah dalam pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang membawa mereka kapada pangkat Leften Muda.

Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato B.F.L. Rooney telah menyampaikan tauliah itu dalam satu upachara rengkas di-Perkhemahan Bolkiah pada hari Isnin lepas. Upachara itu telah di-saksikan oleh Major Dato Mohamed bin Haji Daud dan pegawai2 dari pasokan itu.

Mereka yang menerima tauliah itu ia-lah Pengiran Mohamed Yunos bin Pengiran Haji Besar dan Awang Muhammad bin Haji Mohamed Yassin kedua2-nya akan mengetuai dua platon Kadet di-Sekolah Menengah Melayu SMJA.

(Lihat muka 8)

156 orang belia menyertai Badan Kebudayaan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 156 orang belia, termasok beberapa orang wanita, telah di-daftarkan untok menyertai Badan Kebudayaan Brunei yang di-tubohkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Badan Kebudayaan Brunei telah pun menjalankan latehan2 pada minggu lalu. 31 orang mengambil bahagian silat, 34 orang mengambil bahagian alat2 bunyi2an asli, dan 91 orang mengambil bahagian tarian2 asli.

Pengerusi Badan itu, Awang Ahmad Suhaimi bin Abdul Jalil berkata latehan2 akan terus di-jalankan, pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad, mulai jam 2.00 petang, di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Ahmad Suhaimi menerangkan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah membeli alat2 bunyi2an berharga lebeh $3,000.00 untok tujuan2 itu.

Badan Kebudayaan Brunei akan terus menjalankan kegiatan2-nya, melatch belia2 di-seluroh negeri, dari satu masa ka-satu masa dengan harapan orang ramai akan tahu bahawa Brunei kaya dengan kebudayaan-nya sendiri yang harus di-pelihara.

Awang Ahmad Suhaimi berkata, sambutan dari belia2 menyertai Badan Kebudayaan Brunei sangat2 menggalakan dan sa-takat ini, badan itu belum dapat mengambil orang2 baru yang akan menyertai latehan itu.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menerima chek bernilai $406.25 dari Yang Di-Pertua Persatuan TIBA, Awang Yaakob bin Ahmad.

Tempat menjual daging ayam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Bandaran di-Bandar Seri Begawan telah mengeluarkan notis memindah penjual2 ayam di-pasar besar Bandar Seri Begawan sa-belum 1hb. Mach, 1973.

Tempat menjual ayam yang ada sekarang akan di-jadikan tempat membuat ayer batu untok di-bekalkan kapada penjual2 ikan dan lain2 keperluan di-pasar itu.

Jabatan tersebut telah pun menyediakan 12 bangku di-pasar itu, untok penjual2 daging ayam yang telah di-sembeleh oleh orang2 Islam yang di-bungkus dalam plastik. Tiap2 bungkusan mesti-lah mempunyai chap BANDARAN yang mensahkan semua ayam telah di-sembeleh dan sah untok di-makan oleh orang2 Islam.

Gambar bawah menunjokkan tempat menyembeleh ayam yang di-bina oleh Jabatan Bandaran di-batu 3, Jalan Tutong.

Permainan "Water Polo"

BERAKAS. — Permainan "Water Polo" telah di-mulakan di-Kolam Berenang, Jabatan Bandaran, Berakas. Latehan2 sedang di-jalankan di-bawah arahan Pengawas Kolam Berenang, Awang Kuan Huah Oong.

Awang Oong berkata, empat pasokan sedang berlateh sekarang dan beliau berharap banyak lagi pasokan2 akan turut serta dalam latehan tersebut.

Beliau berkata, perlawanan Water Polo di-jadualkan di-mulakan pada hari Ahad 4hb. Mach jam 5.00 petang dan akan terus di-adakan tiap hari Ahad.

Sementara itu, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, telah menghadiahkan sa-buah piala rebutan untok di-pertandingkan.

AAC jadi johan

TUTONG. — Pasokan Maktab Anthony Abell telah menjadi johan dalam perlawanan hoki bahagian lelaki apabila ia mengalahkan pasokan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dengan satu gol tidak berbalas.

Dalam bahagian perempuan, Sekolah Saint Margaret, Seria mengalahkan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dengan dua gol berbalas satu.

Perlawanan perengkat akhir bagi tahun 1972 itu telah di-adakan baru2 ini di-padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Ja'afar telah menyampaikan hadiah2 di-akhir perlawanan itu.

3,044 kemalangan dalam tiga tahun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 3,044 kejadian kemalangan jalan raya seluroh negeri dalam tahun 1970, 1971 dan 1972 telah berlaku dan sa-ramai 82 orang daripada-nya telah meninggal dunia akibat dari kemalangan tersebut.

Menurut sa-orang juruchakap pulis berkata sa-banyak 1,081 kejadian kemalangan jalan raya telah berlaku dalam tahun 1970, 989 kejadian kemalangan berlaku dalam tahun 1971 dan 974 lagi dalam tahun 1972.

Dalam tahun2 tersebut, sa-banyak 1,783 kejadian kemalangan telah berlaku di-Daerah Brunei/Muara yang mengakibatkan 32 orang terkorban, 942 kemalangan di-Daerah Belait sa-ramai 32 orang terkorban, 286 kejadian kemalangan di-Daerah Tutong 16 orang terkorban dan sa-banyak 33 kejadian kemalangan di-Daerah Temburong sa-ramai dua orang terkorban.

Juruchakap pulis itu menerangkan kebanyakan kemalangan2 itu berpuncha dari pemandu2 yang menjalankan kereta mereka dengan laju dan chuai yang tidak mematohi undang2 dan peratoran2 lalu lintas.

Persatuan2 belia menderma untok tabong stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri telah menerima sa-keping chek bernilai $406.25 dari Persatuan TIBA.

Chek tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan TIBA, Awang Ya'akob bin Ahmad pada hari Isnin minggu lalu.

Awang Ya'akob menerangkan wang tersebut di-ambil dari Tabong Kewangan Persatuan TIBA dan beliau berharap Persatuan-nya akan membuat beberapa ranchangan sa-chara bergotong-royong bagi menambahkan lagi Tabong Pembinaan Stadium.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri telah menguchapkan terima kaseh kapada Persatuan TIBA atas sumbangan tersebut.

Yang Berhormat itu juga merasa bangga atas usaha yang akan di-lancharkan oleh Persatuan TIBA untok menambah tabong kewangan dan beliau perchaya usaha2 yang berkebajikan itu akan dapat di-chontohi oleh persatuan2 belia dan kebajikan di-negeri ini.

DI-TUTONG


Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar telah menerima wang tunai sa-banyak $1,000.00 dari Persatuan Pemuda Penanjong Tutong sa-bagai sumbangan kapada tabong tersebut.

Wang derma itu di-serahkan oleh Yang Di-Pertua Persatuan itu, Che'gu Mohamed Yunus bin Abu Bakar di-Pejabat Pegawai Daerah Tutong pada minggu lalu.

Wang sa-jumlah itu di-kutip dari Bas Pengangkutan sa-banyak $400.00; dari Kedai Iktisad $300.00; Badan Persatuan $200.00 dan kisaran padi $100.00.

Ini ada-lah sumbangan yang terbesar sa-kali di-terima di-Daerah Tutong sa-takat ini, derma yang pertama sa-banyak $300.00 telah di-sumbangkan oleh Persatuan PESAKA.

Awang Abdullah menguchapkan terima kaseh kapada semua ahli2 Persatuan PERDA dan beliau mengharapkan banyak lagi persatuan2 belia, sharikat2 perniagaan dan orang2 perseorangan di-Daerah Tutong akan menyumbangkan derma yang sama.



Beberapa perkara yang menyebabkan runtoh-nya ke-agongan sa-suatu bangsa

KHUTBAH JUMA'AT

DI-DALAM kitab sejarah dan kitab suchi Al-Quran ada kita dapati keterangan2 yang menunjokkan bahawa runtoh-nya ke-agongan sa-suatu gulongan atau bangsa itu ada-lah di-sebabkan mereka telah melakukan beberapa perkara. Di-antara perkara2 itu yang besar-nya ia-lah:

1. Kedzaliman.
2. Hilang timbang rasa dan peri kemanusiaan.
3. Meluas-nya keruntohan akhlak.
4. Berlaluasa melakukan kekejaman.
5. Berlaluasa berlaku pengkhianatan dan penipuan dan
6. Berkembang-nya tingkah laku mementingkan diri dengan berpijak ka-atas orang lain.

Semua-nya-nya itu dapat di-rengkaskan bahawa budi pekerti yang baik telah hilang, akhlak yang tinggi telah runtoh, perangai yang bisai telah hapus, yang tinggal hanya-nya keruntohan dan sa-bagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Timbul-lah kerosakkan di-mana2 sahaja, di-darat dan di-laut dengan usaha tangan manusia sendiri".

Ada pun di-zaman lampau telah berlaku pada beberapa umat sejak manusia mendiami muka bumi ini sa-bagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Berapa banyak-lah sudah kami binasakan umat2 yang dahulu sa-lepas Nabi Noh Alaiwasalam dan memada-lah untok di-terima dan di-perchayai kejadian ini dengan ke-adaan-nya, Tuhan mu amat mengetahui dan amat melihat akan dosa hamba2-nya".

Maka kita jangan-lah berfikir bahawa ketenangan dan kelimpahan nekmat yang ada sekarang sa-bagai keredhaan Allah atau kelalaian-nya memberi balasan dari bermacham kejahatan dan maksiat yang di-lakukan oleh manusia bahkan hendak-lah kita ingat bahawa ketenangan dan kelimpahan nekmat yang kita rasai ada-lah rahmat penanggohan sementara bagi memberi peluang kapada kita bertaubat dan memperbaiki kedudokan diri dan masharakat. Maka berdo'a-lah kita supaya jangan berlaku pada kita penderitaan dan azab sengsara sa-bagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Allah telah menjadikan suatu tauladan ia-itu sa-buah kampong yang aman dan tenteram, berkemewahan dengan rezeki yang datang daripada sa-genap rantau dan pesisir-nya, maka kufor-lah mereka akan nekmat2 Allah itu lalu Allah rasakan penderitaan kelaparan dan ketakutan di-sebabkan oleh maksiat dan kedurhakaan yang mereka lakukan".

Bagi mengelakkan jangan sampai perkara sa-macham itu terjadi kapada kita. kapada bangsa dan negara yang kita kasehi, maka marilah kita bertaubat **nasuha** dengan memberhentikan mana2 maksiat dan kejahatan yang kita lakukan di-samping memohon keampunan kapada Allah. Mari-lah kita senentiasa mengerjakan segala titah perentah Allah menunaikan tiap2 yang di-wajibkan ka-atas kita, di-samping berusaha bersama2 membenteras kejahatan dan maksiat, menyuroh orang membuat kebaikkan dan menegah orang dari membuat kejahatan

Mari-lah kita bershukor ka-atas segala nekmat yang di-kurniakan kapada kita dan negara kita yang aman dan makmor ini, bukan hanya sekadar menguchap shukor alhamdullilah, tetapi mesti-lah kita memboktikan dengan amalan bahawa kita ada-lah hamba Allah yang tahu menghargai nekmat dengan mematohi ajaran2 ugama Allah. Mudah2an dengan demikian Allah senentiasa melimpahkan rahmat dan nekmat-nya kapada kita.

Dua di-pileh sa-bagai chalun Penghulu Mukim Rambai

RAMBAI — Pendudok2 Mukim Rambai, Daerah Tutong telah memileh dua orang untok di-chalunkan sa-bagai penghulu di-kawasan tersebut.

Mereka ia-lah Awang Edin bin Haron dan Awang Likap bin Litoh.

Pemilehan chalun itu telah di-adakan di-balai raya Kampong Rambai pada hari Sabtu lepas dan di-pengerusikan oleh Penulong Pegawai Daerah Tutong, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.

Menurut undang2 nama2 chalun itu akan di-kemukakan kapada kerajaan untok di-siasat.

Penghulu baru itu akan menggantikan Dato Kornia Diraja Awang Gadong bin Orang Kaya Indera Among yang akan bersara.

Tiga orang di-hukom penjara

KUALA BELAIT. — Mahkamah Kuala Belait telah menghukom penjara tiga orang Iban, masing2 sa-lama tiga minggu, sa-telah mereka mengaku salah kerana masok ka-negeri ini tanpa surat kekenaran yang sah atau surat2 prejalanan.

Mereka ia-lah Lawan anak Joh, Bujang anak Abu dan Talip anak Langkop.

Mahkamah juga mendenda Choi Chun Wang sa-banyak $70.00 atau tiga minggu penjara, sa-telah dia mengaku salah atas satu tudohan memberi rasuah.

Makamah di-beritahu bahawa yang di-tudoh telah memberikan wang sa-banyak $10.00 kapada sa-orang anggota pulis, Pengiran Damit, supaya jangan mengambil tindakan ka-atas-nya kerana satu kesalahan lalu lintas.

Yang di-tudoh melakukan kesalahan itu pada 22hb. Januari yang lalu.

Pendaftaran pepereksaan SRP/LCE di-tutop 5hb. Mach

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran aliran Melayu dan Inggeris tahun 1973 yang bermula awal bulan ini akan di-teruskan hingga 5hb. Mach, 1973.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran bahagian pepereksaan berkata, bayaran masok pepereksaan bagi sijil penoh ia-lah $15.00 dan bayaran bagi pepereksaan bahasa $3.00 bagi satu mata pelajaran.

Kata-nya, hanya chalun2 yang sedang belajar di-Tingkatan Tiga aliran Melayu dan Inggeris sahaja yang di-terima mengambil pepereksaan itu.

Lain2 chalun yang di-benarkan masok pereksa ia-lah mereka yang sedang belajar di-kelas2 pelajaran dewasa dan kelas2 malam, dan mereka yang belajar melalui pos dari maktab2 seberang laut yang di-akui.

Chalun2 persendirian hendak-lah mempunyai bokti yang menunjokkan mereka belajar dalam Tingkatan Tiga.

Borang2 boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran Bahagian Pepereksaan, Bandar Seri Begawan bagi chalun2 di-Daerah Brunei-Muara, Temburong dan Tutong. Sementara chalun2 di-Seria boleh-lah mendapatkan-nya dari Penyelia Kelas2 Dewasa di-Maktab Anthony Abell, Seria dan chalun2 di-Kuala Belait boleh-lah mendapatkan borang2 itu dari Penyelia Kelas Pelajaran Dewasa di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait, dan borang2 itu hendak-lah di-kembalikan kapada Jabatan Pelajaran Bahagian Pepereksaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 5hb. Mach.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21hb. Februari, 1973 hingga ka-hari Selasa 27hb. Februari, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
21hb. Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
22hb. Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
23hb. Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
24hb. Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
25hb. Feb.	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
26hb. Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
27hb. Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

21hb. Februari, 1973.

LAGI TENTANG KENAIKAN HARGA BARANG

KENAIKAN harga barang2 keperluan sa-hari2 adalah menjadi buah mulut dan semakin ranchak di-bicharakan orang sekarang. Akhir2 ini pula telah di-ketahui oleh banyak orang dari satu saranan yang sa-olah2 kurang yakin terhadap apa yang di-usahakan Kerajaan bagi membenteras kenaikan harga barang2 itu.

Ada-lah di-akui, malah telah di-ketahui umum bahawa Kerajaan sa-jauh ini hanya melaksanakan langkah2 yang berchorak amaran kapada pekedai2 di-negeri ini supaya tidak menaikan harga barang2 itu dengan sa-wenang2-nya dan jika mereka berbuat demikian juga, maka pehak Kerajaan akan melaksanakan tindakan2 yang lebeh lanjut. Kenyataan sa-umpama ini yang pernah di-buat oleh pehak yang berkuasa ada-lah jauh dari apa yang di-katakan sekadar melepaskan batok di-tangga itu, bahkan tindakan2 yang lebeh berkesan dan tidak menimbulkan sebarang keadaan yang tidak di-ingini akan pasti di-jalankan. Walau machamana pun, sebarang tindakan tidak mesti di-lakukan dengan chara yang menggerusoh2 tanpa melalui lorong2 yang selamat atau hanya menurut kehendak desakan fikiran yang geram.

Dalam menghadapi dan bertindak sa-chara tenang atas kenaikan harga barang2 keperluan sa-hari2 itu, pehak Kerajaan sekali lagi mengundang pemimpin2 kaum perniagaan di-negeri ini untok berunding dan menyiasat bagaimana perkara harga barang2 itu boleh naik yang kadang2 di-dapati berlipat ganda dan menyusahkan raayat.

Barang2 yang memang tidak naik harga, tetapi di-naikkan oleh pekedai2 tempatan sa-umpama menyelam sambil minum ayer itu ada-lah satu perbuatan yang boleh menjerat leher pekedai2 itu sendiri. Mereka ada-lah tidak terkeluar dari tindakan undang2 dan hanya dengan melalui penghormatan terhadap undang2 saja-lah yang dapat menghukum mereka.

Pehak pemimpin2 ahli2 perniagaan itu sendiri ada-lah mustahil tidak menyedari akan kenaikan harga barang2 yang di-lakukan oleh anak buah mereka itu. Ini ada-lah satu alasan yang tidak munasabah, bahkan ada-lah ketara benar yang mereka itu "berparoh2" dari kesetiaan yang pernah mereka laungkan. Bukan-lah tujuan kita untok menolak mereka itu dari menjadi raayat di-bumi darussalam ini, tetapi apa yang kita kehendaki bahawa sa-bagai raayat darussalam, maka sifat2 darussalam itu harus ujud. Lebeh tegas lagi di-katakan bahawa kesetiaan mereka itu hendak-lah di-buktikan melalui perbuatan2 harian mereka dengan kesedaran sama2 bertanggong-jawab dan melakukan apa yang benar. Kita tidak ragu2 mengatakan bahawa tindakan tegas pasti berjalan terhadap siapa saja yang merunchingkan keadaan dalam negeri.

SUATU keadaan yang mengejutkan hampir2 menguasai keselurohan pegawai2 dan kaki-tangan Kera[j] Jabatan Setia Usaha Kerajaan khas-nya dan umum-nya di-jabatan2 Kerajaan yang berhampiran [g] bangunan SUK itu pada pagi hari Khamis, 12hb. Muharram, 1393 bersamaan dengan 15hb. Februari, [1]9[7]3.

Pada pagi itu keadaan kelamkabut telah berlaku di-Jabatan SUK bilamana di-ketahui bahawa Pe[g] Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Matnor MacAfee terganggu kesihatan-nya dan k[a] beliau di-katakan tenat.

Menurut kalangan yang tertentu di-Jabatan SUK bahawa Dato Paduka Matnor pada pagi itu datang ka-pej[-] saperti biasa sa-belum pukul 7.30. Sa-waktu menaiki tangga bangunan itu, Dato Paduka Matnor mulai merasa badan[-] rang sehat dan berpeloh2. Sampai saja di-bilek kerja-nya, beliau lalu baring di-kerusi panjang yang di-khaskan untok tet[a] sa-jurus sa-lepas itu beliau bangun semula dan berjalan ka-bilek kerja Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pi[r] Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail untok menyatakan keadaan beliau itu. Tidak beberapa min[-] di-bilek Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, keadaan Dato Paduka Matnor semakin burok sa-hingga mem[-] beliau pingsan. Melihat keadaan yang mengejutkan itu, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara dengan tenang [a] sambil mengusahakan dengan serta-merta untok membahawa Dato Paduka Matnor ka-Rumah Sakit Besar. Dalam [d] yang menchemaskan itu, Dato Paduka Matnor beransur2 sedar dari pingsan yang di-alami-nya dan terus di-kejan Rumah Sakit Besar untok rawatan yang lebeh lanjut.

Sa-telah beberapa jam berada di-rumah sakit itu, Dato Paduka Matnor sekali lagi pingsan dan beberap[a] doktor, termasok Pengarah Perubatan dan Dr. P.L. de V. Hart, sa-orang pakar di-Rumah Sakit Besar telah menc[-] daya supaya mereka untok menyelamatkan beliau. Tetapi kira2 pukul 10.00 pagi itu, Dato Paduka Matnor telah mhe[-] buskan nafas yang terakhir. Waktu itu, balu Allahyarham, Datin Fatimah binte O.K.K. Abdullah sedang berada di-sisi[-] sejak mula Allahyarham di-masokkan di-bilek rawatan khas.

Sa-belum Allahyarham menghembuskan nafas yang terakhir, Allahyarham di-kunjongi oleh Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara dan juga Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin O.K. Laila Setia Bakti Diraja dan beberapa orang pegawai2 kanan Kerajaan.

Allahyarham sempat berchakap2 dengan mereka yang kebanyakannya berhubong dengan urusan2 kerja dan juga mengenai Mashuarat Menteri2 yang kebetulan berlangsong pada pagi itu di-Lapau (mashuarat itu kemudian-nya di-tanggohkan sa-hingga hari Sabtu).

Dalam masa berchakap2 itu, Allahyarham menyatakan kebimbangan-nya mengenai dengan kerja2 yang belum selesai termasok tentang mashuarat tersebut dimana Allahyarham juga mengambil peranan di-dalam-nya.

Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. dan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar memberikan nasehat kapada Allahyarham supaya berehat dan jangan risau tentang perkara itu. Kedua2-nya menyatakan bahawa apa yang mustahak ia-lah kesihatan Allahyarham sendiri. Tetapi dengan wajah yang tenang yang sentiasa dihiasi dengan senyuman dan suara yang rendah, Allahyarham maseh juga meneruskan chakap2-nya berhubong dengan mashuarat tersebut dan kerja2 di-pejabat yang datang silch berganti pada saban hari.

Sa-waktu jenazah Allahyarham di-bawa ka-rumah-nya di-Kampong Delima I Pengiran Siraja Muda, Jalan Muara, kira2 4 batu dari Bandar Seri Begawan, dari pintu besar rumah sakit saya sempat melihat salah sa-orang dari anak buah Allahyarham sedang membimbit sepatu yang di-pakai beliau sa-waktu ka-pejabat pada pagi-nya. Kesemua yang hadhir pada waktu itu termasok beberapa orang pegawai2 Kerajaan merasakan kesedehan yang amat sangat dan ada di-antara-nya yang tidak sanggup menahan ayer mata dari mengalir. Meninggal dunia dengan chara yang di-takdirkan Tohan demikian ada-lah sabenar2-nya meninggal dalam masa berkhidmat — dalam keadaan sedang menchurat-churitkan pena di-atas meja kerja yang tidak pernah lengang dengan timbunan fail2 penting untok pentadbiran negara dan kepentingan raayat di-bumi Darussalam ini.

Kepulangan Allahyarham ka-alam baka, merupakan suatu kesedehan yang tiada tara-nya bagi famili-nya. Amat sukar untok membayangkan betapa pilu-nya hati dan perasaan keluarga Allahyarham waktu itu — patah dahan tempat bergantong — hilang payong tempat berlindong — keluarga yang malang itu sa-olah2 diguguri oleh bom atom yang me-



Allahyarham Dato Paduka Matnor.

musnahkan berjuta2 jiwa di-Hiroshima.

Sa-waktu jenazah Allahyarham berada di-rumah-nya, lebeh dari 1,000 orang telah berziarah ka-sana dari pagi hingga-lah jenazah Allahyarham itu selamat di-kebumikan di-tanah Perkuboran Dagang di-Jalan Residency, Bandar Seri Begawan kira2 pukul 3.00 petang.

Di-sabelah pagi, antara yang menziarahi jenazah Allahyarham dan menyampaikan uchapan ta'aziah kapada balu dan keluarga Allahyarham ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Y.T.B. Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., dan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar.

Sa-jurus sa-belum jenazah Allahyarham itu turun dari rumah di-sabelah petang-nya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ia-lah di-antara yang hadhir sa-lain dari Y.T.B. Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, Y.A.M. Cheteria2 dan pegawai2 kanan Kerajaan.

Allahyarham Dato Matnor MacAfee di-lahirkan di-Labuan pada 30hb. September, 1922. Beliau mula berkhidmat di-Brunei sabagai pembacha meter bergan hari pada tahun 1939 di-Jabatan Kerja Raya. Sa-tahun kemudian beliau bekerja sa-bagai pembantu pejabat dan pada tahun 1941 di-lantek menjadi kerani bergaji bulan.

Apabila meletus perang dunia yang kedua, Allahyarham telah di-bawa ka-Labuan oleh Jepun dari tahun 1944 hingga 1946. Dalam tempoh itu Allahyarham pernah bertugas sa-bagai jurubahasa di-bahagian ke-9 Pulis Tentera Australia dan di-pasokan Komando Australia di-Labuan. Sa-lepas itu beliau berkhidmat di-Pejabat Kesihatan di-Labuan. Tetapi pada penghujong 1946, Allahyarham dapat balek ka-Brunei dan bekerja sa-bagai kerani tingkatan "B" di-Jabatan Kerja Raya. Tiga tahun salepas itu Allahyarham bertukar dengan jawatan yang sama di-Jabatan Kastam.

ALLAHYARHAM DT

Waktu hidup-n[a] bertugas dalan[-]



Allah[yarham] isteri

Dua tahun kemudian ia-itu pada tahun 1951, Allahyarham Dato Matnor di-lantek menjadi Pemangku Penguasa Kastam dan di-lantek menjadi Penguasa Kastam tingkatan II sa-tahun kemudian. Dalam tahun 1954 Allahyarham berkhidmat sa-bagai pegawai pentadbir di-Daerah Belait dan dalam tahun 1955 pula berangkat keluar negeri untok menghadhiri Kursus Kerajaan Tempatan di-United Kingdom.

Sa-pulang-nya dari menghadhiri kursus itu, Allahyarham di-tempatkan di-bahagian perjawatan dan kemudian-nya dalam tahun 1956 di-hantar ka-Kuching untok hadhir di-Persidangan Kerajaan Tempatan. Apabila pulang ka-Brunei, Allahyarham di-tempatkan di-Pejabat Assistant Resident dan dalam waktu itu juga memangku jawatan Setia Usaha Bandaran Brunei sahingga tahun 1957. Dalam akhir tahun 1957 dari bulan September



**Dato Paduka Matnor (No. 3 dari kanan [d]
Ahmad di-sabelah kiri Allahyarham sa-[w]
di-London**



Allahyarham Dato Paduka Matnor (bertali lihir di-berisan belakang) bergambar bersama2 keluarga-nya di-ha'aman rumah-nya di-Kg. Delima I sa-waktu anak Allahyarham yang ke-3, Alias hendak berangkat ka-London.

...TO MATNOR DALAM KENANGAN

...ya bersedia

...n serba suasana



...rham Dato Paduka Matnor bersama2 dengan ...an keluarga ketika ziarah ka-Istana dalam ...asa hari raya pada 14 tahun yang silam.



...parisan tengah) bersama2 dengan Haji Sunny ...tu menghadhiri Kursus Kerajaan Tempatan ...jam tahun 1965.

hingga Nobember, Allahyarham di-lantek pula menjadi Pemangku Pegawai Daerah Brunei. Dari bulan Disember, 1957 hingga bulan Mach, 1958, Allahyarham di-hantar pula ka-Seria untok memangku jawatan Pegawai Daerah di-sana dan menjadi hakim kelas II.

Allahyarham di-naikkan pangkat menjadi Pagawai Pentadbir Tingkatan II pada bulan September, 1958 dan dari bulan Mach hingga 13hb. April, 1959 memangku jawatan Pegawai Daerah Tutong.

Sa-telah Perlembagaan Brunei, 1959 di-ishtiharkan, Kerajaan Brunei telah menghantar satu rombongan untok memerhati sambil belajar tentang pelaksanaan pilehan raya. Allahyarham ia-lah salah sa-orang di-antara yang termasok dalam rombongan itu. Mulai 1hb. Oktober, 1959, Allahyarham di-pindah menjadi pegawai SUK. Kemudian Allahyarham memangku jawatan Penyelia Pilehan Raya dan di-tetapkan dalam jawatan itu pada tahun 1961. Allahyarham pernah memegang jawatan Penguasa Banchi Pendudok dalam tahun 1960.

Sa-lepas meletus-nya malapetaka penderhakaan dalam tahun 1962, Allahyarham bertugas pula ka-Daerah Temburong untok memegang jawatan sa-bagai Pegawai Daerah. Waktu itu, Daerah Temburong belum lagi di-ishtiharkan sa-bagai kawasan yang bebas dari saki-baki penderhaka2, bahkan maseh lagi di-tanda sa-bagai kawasan hitam. Di-daerah itu, Allahyarham dengan tenang telah mengator beberapa ranchangan untok memulehkan Temburong kapada keadaan yang aman tenteram. Untok tujuan itu beliau telah mendapat kerjasama dari pehak tentera, kaki-tangan kerajaan dan orang2 awam. Di-sepanjang berada di-situ, Allahyarham tidak iemu2 mengadakan lawatan2 ka-kampong2 pendalaman untok menyaksikan keadaan pendudok sa-lepas malapetaka itu. Melihat kapada keadaan yang menyedehkan ka-atas pendudok2 di-situ, Allahyarham dengan keriasama pegawai2 kerajaan dan tentera telah berusaha untok memulehkan keadaan mereka dengan pembekalan2 makanan serta pemeliharaan kesihatan.

Allahyarham berada di-Temburong sa-lama dua tahun dan pada tahun 1964 di-tukar semula ka-Peiabat Pilehan Raya sa-bagai penyelia. Sa-lepas itu, mulai 1hb. Nobember, 1970, Allahyarham di-tugaskan ka-Jabatan Imigresen untok memangku jawatan Timbalan Pengawal Imigresen.

Allahyarham memangku jawatan Setia Usaha Kerajaan sejak 15hb. Mei, 1972 sa-hingga ka-akhir hayat-nya.

Sa-masa hidup-nya Allahyarham ada-lah sa-orang raayat yang turut giat dalam berbagai2 lapangan kebajikan di-negeri ini saperti memasoki pertubohan2 belia pengakap, kegiatan2 sokan dan kegiatan2 sosial lain-nya.

Allahyarham memang terkenal dengan wajah yang sentiasa lembut, bersuara rendah dengan ayer muka yang tersenyum2 pada satiap waktu, walau dalam apa keadaan sekali-pun hatta dalam kesusahan.

Sa-orang rakan rapat Allahyarham, Awang Salleh bin Abdul Kadir, Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan mensifatkan beliau sa-bagai makhlok Allah yang amat sukar untok melihat-nya dalah keadaan yang marah2. Menurut Awang Salleh, Allahyarham Dato Matnor sentiasa dalam ketenangan dan amat penyabar, kuat beribadat dan berchita2 untok menunaikan fardhu haji dalam satahun dua yang akan datang ini.

Banyak pegawai2 Kerajaan mengakui Allahyarham sa-bagai orang yang berkelibar dalam hal2 pentadbiran dan bagitu chekap menghadapi dan mengatasi sebarang kesulitan yang timbul.

Di-kalangan keluarga-nya pula, Allahyarham amat di-sayangi oleh anak2 dan anak2 buah-nya, di-tambah pula Allahyarham Dato Matnor memang mempunyai sifat2 penyayang.

Memelihara ayam dan berkebun ada-lah menjadi kegemaran Allahyarham, tetapi kegemaran itu bersansor2 di-lupakan-nya bilamana Allahyarham menghadapi kerja2 pejabat yang banyak dan terpaksa di-habiskan-nya sa-waktu berada di-rumah. Kerja yang tidak selesai di-pejabat selalu di-bawa-nya ka-rumah untok di-sempurnakan. Tabi'at ini telah di-lakukan Allahyarham sejak beberapa lama sahingga-lah ka-akhir hayat-nya.

Atas jasa dan perkhidmatan Allahyarham yang chemerlang terhadap raayat dan negara, maka D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan te'lah berkenan mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri kapada beliau.

Dalam tahun 1963, Allahyarham telah di-kurniakan pingat POAS. Dua tahun sa-lepas itu Allahyarham menerima anugerah Bintang S.M.B. Pada tahun 1969 pula, Allahyarham Dato Matnor di-kalongkan dengan Bintang D.P.M.B. yang menjadikan Allahyarham di-kenal sa-bagai Dato Paduka. Sementara pada tahun lepas pula (1972) menerima kurnia Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.). Allahyarham te'lah menerima Pingat Kerja Lama pada tahun 1966.

Allahyarham meninggalkan sa-orang balu dan 7 orang anak, empat orang perempuan dan 3 orang lelaki. Anak sulong Allahyarham, Awang Ahmad Matnor, 25 tahun sedang menuntut di-London dan menghadapi uiian akhir dalam jurusan ekonomi di-Universiti Lancaster, sementara anak Allahyarham yang ketiga, Awang Alias Matnor, berumor 22 tahun sedang menuntut di-Scotland dan berhajat untok menuntut dalam jurusan kedoktoran.



Allahyarham Dato Paduka Matnor (di-tengah2 menghadap kamera) kelihatan dengan keriangan-nya sa-waktu sama2 bekerja semasa di-laksanakan banchi pendudok dalam tahun 1960.



Kegiatan Allahyarham Dato Paduka Matnor di-lapangan pengakap ada-lah amat luas sa-hingga beliau di-sifatkan sa-bagai salah sa-orang yang terpenting dalam sejarah tertuboh-nya Persatuan Pengakap Brunei. Allahyarham menubohkan Rover Scout dalam tahun 1947. Gambar atas menunjokkan beliau dalam tahun 1954 (dudok No. 4 dari kiri) ketika sama2 mengalu2kan kedatangan Pengakap Agong Lord Rowallan (sedang beruchap) untok menyerahan Perlembagaan Pengakap Saberang Laut bagi Negeri Brunei. Upachara ini di-adakan di-Perkhemahan Pengakap di-Tutong dan telah di-hadhiri oleh D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin (sekarang D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan) dan British Resident, Tuan G.O. Gilbert.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN LAUT

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

A. PEGAWAI LAUT HOME TRADE II:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Sijil Kechekapan sabagai Mate of a Home Trade Ship yang di-keluarkan oleh Kementerian Pengangkutan British, atau kelulusan yang sa-banding dari negara2 Commonwealth atau pun Tentera Laut. Pengalaman bekerja dengan sesuatu Jabatan Laut, Lembaga Pelabohan, sharikat perkapalan atau penggalian di-dalam jawatan executive merupakan satu kelebehan.

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Birau, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.
d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — $220 x 10-390-410 x 10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Tugas2:

Tugas2 utama jawatan ini ia-lah menjadi Chief Officer dalam sabuah Suction Hopper Dredger baru.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — $610 x 30-640-680/EB/710 x 30-950 Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. PEMBANTU PEGAWAI JURUTERA LAUT:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Sijil Kechekapan sabagai Second Class Engineer (Motor) yang di-keluarkan oleh Kementerian Pengangkutan British, atau kelulusan yang sa-banding dari negara2 Commonwealth atau pun Tentera Laut. Pengalaman bekerja dengan sesuatu Jabatan Laut, Lembaga Pelabohan, sharikat perkapalan atau penggalian di-dalam jawatan executive merupakan satu kelebehan.

Tugas2:

Tugas2 utama jawatan ini ia-lah menjadi Second Engineer dalam sabuah Suction Hopper Dredger baru.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B 1 EB 2 — $680 x 30-950 x 50-1000 x 30-1060/EB/1090 x 50-1140 x 40-1300 x 60-1360 x 40-1520 (maximum). Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

C. PEGAWAI LETRIK:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Diploma Kejuruteraan Letrik dari Politeknik Singapura atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya.

Tugas2:

Tugas2 utama jawatan ini ia-lah membaiki dan memelihara eletrohydraulis control system dan alat2 letrik dalam sa-buah Suction Hopper Dredger dan electronic marine navigational aids.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 2-3 EB 4 — $710 x 30-950-100 x 30-1120/EB/1160 x 30-1280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek salama tiga tahun. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan yang di-kenakan di-Negeri Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya bersama2 dengan salinan surat2 akuan, Watchkeeping Certificates, Buku Discharge dan Siiil2 Kechekapan atau Diploma tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Sa-bagai Wadar

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Wadar (3 jawatan kosong) di- Jabatan Penjara, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya tingkatan II Sekolah Melayu atau yang sa-banding dengan-nya.
(b) Mesti-lah berumor di-antara 18 dan 28 tahun.
(c) Tinggi sekurang2-nya 5' 2".
(d) Lingkaran dada (biasa) sekurang2-nya 32".

Gaji:

Dalam sukatan gaji Pr 1 EB 2 — $230x5-265/EB/270x5-295.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Penguasa Penjara, Pejabat Penjara, Bandar Seri Begawan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 5hb. Mach, 1973. Permohonan2 yang lewat di-terima dari tarikh tersebut tidak akan di-layani.

Sa-bagai Tukang Wang di-Jabatan Letrik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok memenohi jawatan Tukang Wang di-Jabatan Letrik, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun di-dalam Perkhidmatan Kerani2 Rendah serta telah lulus Pepereksaan Kerani2 Rendah. Mereka juga perlu mempunyai pengalaman menggunakan N.C.R. Receipting Machine. Pengetahuan ilmu menyimpan kira2 merupakan suatu kelebehan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — $610 x 30-640 x 40-680/EB/710 x 30-950.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Kursus Menchat dan Dekorasi

Satu kursus 'City and Guilds' yang baru akan bermula dalam bulan April, 1973 untok kursus Menchat dan Dekorasi.

Pemohon2 hendak-lah dari raayat Brunei dan mesti-lah telah lulus pepereksaan L.C.E. atau S.R.P. Keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang telah mendapat kelulusan yang baik dalam pepereksaan2 ini, terutama-nya dalam mata2 pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Lukisan.

Kursus ini ada-lah sa-penoh masa sa-lama 3 tahun dan semua penuntut2 ada-lah di-jangka tinggal di-Asrama Sekolah.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pengetua, Sekolah Pertukangan Bangunan, Peti Surat 2188, Bandar Seri Begawan, Brunei. Apabila borong permohonan telah di-isi-kan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Pengetua2 dan Guru Besar2 sekolah2 ada-lah di-pinta untok membuat pengumuman mengenai kursus ini.

Rentas desa: S.M. Sukang dapat dua kemenangan

SERIA. — Sa-ramai 127 orang murid, termasok 48 perempuan, dari Sekolah2 Melayu Daerah Belait, telah mengambil bahagian dalam perlumbaan rentas desa, yang di-adakan di-Seria hadi Sabtu lalu.

Perlumbaan rentas desa itu, ia-lah sa-jauh lebeh dari lima batu bagi peserta2 lelaki dan tiga batu bagi perempuan.

Perlumbaan itu, di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Latehan Jasmani, sa-bagai projek tahunan-nya, dan di-bahagikan kapada dua bahagian, ia-itu perseorangan dan berpasokan.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:-

Bahagian lelaki 'A' — Tempat pertama, telah di-menangi oleh Karun anak Tedong, dari Sekolah Melayu Labi; kedua, Zulkifli bin Chalee, dari Sekolah Melayu Sungai Liang, dan ketiga, Jemat anak Gait, dari Sekolah Melayu Sukang.

Bahagian lelaki 'B' — Jalian anak Sigai, dari Sekolah Melayu Rampayoh, telah berjaya mendapat tempat pertama; Nagkat bin Banchuan, dari Sekolah Melayu Sungai Liang, tempat kedua, dan Sawal bin Yunggat dari Sekolah Melayu Merangking, ketiga.

Sementara Dayang Sindun binte Siling dari Sekolah Melayu Sukang, telah menang dalam bahagian perempuan; Maimunah binte Suhaili dari Sekolah Melayu Muhammad Alam mendapat tempat kedua dan pemenang ketiga ia-lah Maria binte Girik, dari Sekolah Melayu Rampayoh.

Dalam bahagian berpasokan, Sekolah Melayu Sukang telah menangi dalam kedua2 bahagian lelaki kumpulan 'A' dan perempuan, sementara Sekolah Melayu Merangking, telah berjaya dalam bahagian lelaki, kumpulan 'B'.

Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Awang Haji Sabtu bin Muhammad telah menyampaikan hadiah2.

Lesen2 anjing

TUTONG. — Lesen2 anjing bagi tahun 1973 bagi Daerah Tutong sekarang boleh di-dapati dari Pejabat Bandaran, Pekan Tutong pada masa waktu bekerja.

Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong menyatakan, bayaran bagi lesen2 tersebut ia-lah $3.00 bagi anjing2 jantan, dan $5.00 bagi anjing betina.

Lesen2 tersebut hendak di-gantongkan di-leher anjing2 itu.

Semua anjing2 yang di-jumpai tanpa lesen sa-lepas 15hb. Mach akan di-bunoh.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan untok di-naikan pangkat sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkat Khas I. Kerani2 Bahagian 'A' yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang sa-banding boleh-lah juga memohon untok di-pertimbangkan.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 10hb. Mach, 1973. Ketua2 Jabatan sa-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untok di-naikan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

Di–Jabatan Majlis Meshuarat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Majlis Meshuarat, Brunei.

A. OPERETER TALIPON: (1 jawatan)

Kelayakan2:–

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 perempuan berumor di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

B. PEMBERSEH DEWAN: (1 jawatan)

C TUKANG KEBUN: (2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 EB 2 — $180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 28hb. Februari, 1973.

Tawaran mengurus Kantin di-Bangunan J.P.P.

Tawaran2 ada-lah di-pelawa untok menyewa bagi menguruskan perkhidmatan sa-buah kantin di-bangunan yang di-nyatakan di-atas ini sa-lama dua tahun dari 1hb. Mei, 1973.

2. Penawar yang berjaya tidak di-benarkan menyewakan kantin itu kapada orang lain, tetapi mesti-lah menguruskan perkhidmatan itu sendiri.

3. Penawar yang berjaya akan di-kehendaki mengadakan perkakas2 dapor yang perlu, peti2 sejok refrigerator, pisau, sudu dan gerpu, pinggan mangkok dan perkakas2 minum dari darjah yang jenis yang di-luluskan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan.

4. Penawar yang berjaya mesti-lah membayar sewa suku tahun sa-kali sa-belum di-bernarkan berniaga.

5. Kantin itu ada-lah di-buka kapada kaki-tangan Jabatan Kerajaan tetapi tidak di-bukakan kapada orang ramai kechuali saperti berikut:–

i) Orang2 yang mempunyai urusan dengan Jabatan Kerajaan.

ii) Orang ramai yang menghadhiri sa-barang pertunjokkan di-Dewan bangunan tersebut.

6. Kantin akan di-buka dari jam 6.30 pagi hingga 5.00 petang tiap2 hari, termasok hari Jumaat, Ahad dan kelepasan awam.

7. Pekerja2 yang menchukupi mesti-lah di-adakan untok mengawas kantin dan menawarkan perkhidmatan kapada kaki-tangan Kerajaan.

8. Pemborong itu akan di-kehendaki menjual minuman rengan, makanan, rokok, teh dan kopi *tetapi minuman yang memabokkan tidak di-benarkan di-jual.* Semua makanan, minuman dan lain2 barang yang di-jual mesti-lah mengikut harga yang telah di-persetujui di-antara Pengarah Penyiaran dan Penerangan dan Pemborong.

9. Pemborong ada-lah bertanggong-jawab untok membayar tuntutan pemakaian ayer, letrik dan gas.

10. Penawar yang berjaya akan di-berikan menyewa salama dua tahun buat pertama kali-nya. Ia akan di-kehendaki mengikut semua arahan yang mungkin di-beri dari masa ka-semasa oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan dengan pengurusan kantin itu.

11. Tawaran2 yang bertanda "Perkhidmatan Kantin untok Jabatan Penyiaran dan Penerangan" mesti-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, Jabatan Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-belum jam 4.00 petang 1hb. Mach, 1973.

12. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang tinggi sa-kali atau sa-barang tawaran; pertimbangan akan di-berikan kapada darjah perkhidmatan yang dapat di-tawarkan oleh Pemborong. Maka dengan sebab itu, ada-lah perlu bagi penawar2 menyatakan pengalaman mereka mengenai pengurusan perkhidmatan sa-buah kantin.

Perbekalan alat2 perkakas pelajaran

1. Keterangan2 mengenai perjanjian dan sharat2 untok membekal alat2 dan perkakas2 sekolah dari jenis2 yang berikut ada-lah di-kehendaki oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.
   (i) Alat2 tulis dan perkakas2 bilek darjah, termasok alat2 kira mengira.
   (ii) Peta2 dinding, peta2 bulat dan lain2 alat dan perkakas2 untok Ilmu Alam.
   (iii) Alat2 dan perkakas2 untok Sains.
   (iv) Alat2 dan perkakas2 untok lihat dan dengar, dan terutama-nya termasok-lah peta2 dinding (wall-charts), jalur2 filem, fi lem2, piring2 hitam dan alat2 perkakas suara (tapes).
   (v) Alat2 dan perkakas menjahit.
   (vi) Alat2 dan perkakas2 lukisan dan pertukangan tangan.
   (vii) Alat2 dan perkakas2 pertukangan kayu.
   (viii) Alat2 dan perkakas2 pertukangan logam.
   (ix) Alat2 dan perkakas2 sukan dan olahraga.
2. Semua pembekal2 bagi sebarang jenis alat2 sekolah ini yang mana nama2 mereka berada dalam daftar yang telah di-persetujui, dan jika mereka ingin nama2 mereka berada lagi di-dalam daftar, hendak-lah mengemukakan satu permohonan baru dengan penerangan berikut mengenai perkara itu sa-belum 15hb. Mach, 1973. Sebarang pembekal yang lain yang tidak ada nama-nya di-dalam daftar, tetapi ingin supaya di-tulis kadalam daftar, hendak-lah juga membuat permohonan mengenai perkara itu sa-belum 15hb. Mach, 1973.
   (i) Buku2 katalog atau sinarai barang2 yang lengkap dengan harga-nya sekali yang mereka boleh bekalkan. Di-mana buku2 katalog atau sinarai2 yang tidak mempunyai harga, maka sinarai harga2 yang berasingan hendak-lah di-bekalkan.
   (ii) Satu kenyataan tentang sharat2 di-bawah mana mereka akan sanggup membekal barang2 itu. Jika perlu, hendak-lah termasok pemotongan2 bagi tiap2 satu perkara atau jumlah bagi berbagai2 perkara, kedudokan tambang2 atau bayaran2 pos, dan sebarang sharat2 lain yang tertentu.
   (iii) Satu kenyataan, yang menunjokan tentang barang2 yang pada kebiasaan-nya dapat di-bekalkan dari simpanan, dan barang2 yang kebiasaan-nya akan terpaksa di-pesan dari tempat2 membuat-nya. Mengenai kedudokan yang terkemudian ini, satu tanda yang menunjokan tempoh yang di-pukol rata di-antara tarikh menerima satu2 pesanan dan tarikh penyerahan-nya hendak-lah di-beri.
3. Penerangan dari pembekal2 mesti-lah sampai di-terima oleh Pengarah Pelajaran, Brunei, pada hari Khamis, 15hb. Mach, 1973.
4. Permohonan bagi mendapatkan penerangan ini tidak-lah berarti ada-nya sebarang tanggongan oleh Pengarah Pelajaran untok memasoki sebarang konterek atau perjanjian bagi membekal apa2 jua jenis peralatan dan perkakas2 sekolah dengan mana2 pembekal.

Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untok di-lantek sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei. Pemohon2 bagi jawatan ini mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya salama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan I atau Kerani Bahagian 'A' Lantekan Khas.

Sa-seorang pegawai hendak-lah menghantarkan permo'honan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dengan menyatakan tugas2 yang di-buat oleh pegawai itu dan kesesuaian-nya untok di-naikkan pangkat, serta satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-buat dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada pejabat ini dan mesti-lah sampai kapada Pegawai Perjawatan tidak lewat dari 6hb. Mach, 1973. Permohonan2 yang di-terima sesudah tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

Sharikat2 perniagaan di-seru supaya menggunakan bahasa Melayu dengan sa-penoh-nya

BANDAR SERI BEGAWAN. — **Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri telah menyeru semua pengurus sharikat2 perniagaan, hotel2, resturant2 dan taukey2 kedai di-Bandar Seri Begawan supaya memberikan kerjasama mereka dengan kerajaan menggunakan pemakaian bahasa Melayu dalam semua perkara dengan sa-penoh-nya.**

Yang Berhormat itu menerangkan sudah lebeh 12 tahun perlembagaan ujud di-Brunei antara lain menekankan pemakaian bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negeri ini tetapi maseh ada di-antara sharikat2 perniagaan, hotel, resturant2 dan kedai2 terdiri dari orang2 Tiong Hwa tidak menggunakan bahasa Melayu sa-penoh-nya.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah berkata demikian dalam satu perjumpaan yang di-hadhiri oleh tiga orang wakil dari Dewan Perniagaan Tiong Hwa dan Persekutuan Perniagaan Gula dan Beras di-pejabat Yang Berhormat itu pada minggu lalu.

Wakil2 yang menghadhiri perjumpaan itu ia-lah Awang Tan Thien Chin, Awang Lim Kah Tiong kedua2-nya dari Dewan Perniagaan Tiong Hwa dan Awang Ong Keh Beng dari Persekutuan Gula dan Beras.

Yang Berhormat memberi tahu wakil2 itu semua papan2 tanda, kepala surat, bill, resip, risalah, majalah dan buku2 ranchangan yang mengandongi urusan sa-hari2 termasok-lah perchakapan melalui talipon hendak-lah menggunakan bahasa Melayu.

Wakil2 itu telah memberi jaminan kapada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa mereka akan mengadakan persidangan dengan ahli2 mereka bagi membinchangkan perkara itu sa-chara meluas, sa-lain dari pengeluaran surat2 keliling dari satu masa ka-satu masa supaya pemakaian bahasa Melayu dapat di-gunakan dengan lebeh berkesan.

Mereka juga akan memberikan kerjasama dengan kerajaan dalam semua perkara sa-bagai membuktikan taat setia mereka kapada negeri ini.

Temasha unggun api peringati Hari Pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengakap2 dan Pemimpin2 Pengakap di-Daerah Brunei dan Muara akan mangadakan satu temasha Unggun Api bagi memperingati Hari Pengasas Pengakap Sa-Dunia Lord Baden Powell pada hari Khamis 22hb. Februari.

Temasha itu akan di-adakan di-kawasan Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong mulai jam 7.00 malam.

Sementara itu Persekutuan Pengakap Tempatan Daerah Brunei dan Muara akan mengadakan Mashuarat Agong Tahunan-nya di-Dewan Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei hari Ahad 25hb. Februari mulai jam 2.30 petang.

Mashuarat itu antara-nya akan merundingkan berbagai2 perkara mengenai kegiatan2 Pengakap di-Daerah Brunei dan Muara dan melantek Pegawai2 baru Persekutuan Pengakap Tempatan Daerah Brunei dan Muara bagi tahun 1973/1974.



Col. Dato Rooney menguchapkan tahniah kapada Awang Masni sa-telah beliau menyampaikan tauliah.

6 di-beri tauliah Lt. Muda

(Dari muka 1)

Pengiran Tajudin bin Pengiran Ahmad akan mengetuai satu platoon kadet di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Haji Hambali bin Awang Tengah akan mengetuai satu platon di-Maktab SOAS. Awang Sharbani bin Awang Sunggon akan mengetuai satu platon di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong dan Awang Masni bin Haji Mohamed Hussain akan mengetuai satu platon di-Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Daerah Temburong.

Pegawai2 itu telah di-beri latehan sa-penoh-nya sa-lama enam bulan di-chawangan latehan Perkhemahan Bolkiah oleh Major Mohamed Yusof bin Said dan di-bantu oleh empat orang pegawai lain.

Perlawanan tarek kalat khas di-padang besar esok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan tarek kalat yang terdiri dari 20 orang bagi satu pasokan, perlawanan tarek kalat khas yang terdiri dari 25 orang bagi sa-pasokan dan lumba belusir berganti2 yang terdiri dari 8 orang peserta bagi satu pasokan akan di-adakan di-padang Bandar Seri Begawan pada hari Khamis esok 22hb. Februari mulai jam 4.15 petang sa-bagai menghormati lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2, Pehin2 Menteri termasok pasokan Menteri2 Pendalaman dan pasokan ketua2 jabatan akan mengambil bahagian dalam pertandingan tarek kalat itu.

Pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan pasokan Yang Amat Mulia Cheteria2 akan menemui pasokan ketua2 jabatan dalam pertandingan tarek kalat khas.

Pemenang2 Bintang Radio Bahagian China

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Leong Chee Seng, peserta dari Seria dan Dayang Lian Wui Hiong, peserta dari Kuala Belait masing2 telah berjaya menjadi johan peraduan Bintang Radio Bahagian China 1972 bahagian lagu2 langgam.

Awang Leong Chee Seng juga telah berjaya menjadi naib-johan dalam bahagian lagu2 asli.

Naib-johan bahagian langgam lelaki di-menangi oleh Awang Lee Loi Yu, peserta dari Kuala Belait dan pemenang ketiga ia-lah Awg. Lee Eng Ghee, peserta dari Bandar Seri Begawan.

Dayang Lim Siew Yeh, peserta dari Bandar Seri Begawan berjaya menjadi naib-johan dalam bahagian langgam wanita dan pemenang ketika ia-lah Dayang Man Nyuk Kiaw, peserta dari Seria.

Johan dalam bahagian asli ia-lah Awang Lee Eng Ghee, pemenang kedua, Awang Leong Chee Seng dan pemenang ketiga ia-lah Awang Toh Khee Chua, peserta dari Seria.

Sa-ramai 28 orang peserta termasok lapan orang wanita telah mengambil bahagian dalam pertandingan akhir yang telah di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada malam Ahad yang lalu.

Pertandingan tersebut telah di-rasmikan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Dato Seri Laila Jasa Awang G.V. de Freitas manakala hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja, Awang Lim Teck Hoo.

Gambar kanan menunjokkan pemenang2 peraduan Bintang Radio 1972 bergambar dengan oskar kemenangan mereka.



(Dari muka 1)

dari latehan yang di-berikan kapada mereka bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untok meluchutkan sa-barang pekerja dari jawatan-nya".

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran itu mensifatkan Putera Lela yang menjelmakan diri-nya sa-olah2 dari golongan atendan melalui renchana-nya itu sa-bagai jahil ya'ani tidak mengetahui kedudokan yang sabenar-nya sama ada kenyataan mengenai peluang untok bersembahyang Jumaat mahu pun kuasa2 pengawas letak kereta itu.

Kapada Putera Lela, Dato Paduka Haji Abdul Aziz berharap supaya ia (Putera Lela) tidak lagi akan menggunakan asas Ugama Allah sa-bagai alat untok menanamkan semangat dan perasaan yang senantiasa tidak berpuas hati dengan tujuan untok memechah-belahkan sasuatu yang kukoh dan yang tidak ingin melihat sistem2 yang baik berialan bagi bandar ini.

Beliau juga khuatir renchana yang sa-umpama di-tulis oleh Putera Lela itu — "barangkali untok meniaga kepentingan diri-nya sendiri".

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 9 RABU 28HB. FEBRUARI, 1973. 1393 رابو 25 محرم PERCHUMA

PGGMB MEMPUNYAI PERANAN PENTING DALAM MENJAYAKAN RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejayaan sa-suatu ranchangan kemajuan negara itu ada-lah memerlukan usaha2 kebangsaan yang giat untok menghasilkan-nya.

Demikian menurut Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin O.K. Laila Setia Bakti Diraja, Dato Laila Utama Awang Isa dalam uchapan khas beliau ketika merasmikan Mashuarat Agong ke-23, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Dewan Persekutuan itu pada hari Jumaat lepas.

Beliau menekankan bahawa dalam konteks ini, PGGMB juga mempunyai tugas2 dan tanggong-jawap2 yang tertentu untok memainkan peranan yang penting.

Mengenai dengan soal memperbaiki ranchangan pelajaran dan latehan2 di-negeri ini, Yang Teramat Berhormat itu berpendapat bahawa memandang kapada pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang ada di-kalangan ahli2 PGGMB itu tentu akan mendatangkan faedah jika PGGMB menunaikan tanggong-jawab-nya bila2 di-kehendaki dengan mengemukakan shor2 yang membina kapada Kerajaan dari satu masa ka-satu masa.

Dalam usaha2 saperti ini, kata-nya, PGGMB mempunyai kedudokan yang istimewa kerana ahli2-nya juga ada-lah kaki-tangan Jabatan Pelajaran dan ini sudah tentu memudahkan lagi dailog2 yang berguna antara kedua2 pehak.

Terdahulu dari itu, Yang Teramat Berhormat telah menyebut semula titah Kebawah D.Y.M.M. dalam pembukaan Persidangan Belanjawan Majlis Mashuarat Negeri yang lalu berhubong dengan penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Baginda telah menitahkan Kerajaan Baginda supaya menyusun ranchangan kemajuan itu dengan tujuan membina satu masharakat yang kokoh serta bersatu padu dan ma'amor untok kepentingan seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei tanpa mengira rupa bangsa.

Yang Teramat Berhormat itu menjelaskan bahawa hasrat Baginda ia-lah supaya Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu akan menitek-beratkan usaha2 untok mengadakan berjenis2 mata pencharian.

Ini antara-nya ada-lah untok pemuda pemudi lepasan sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya dan memperanekajeniskan atau memperbanyakkan kegiatan2 ekonomi negara terutama sekali di-bidang pertanian dan perindasterian.

Dalam hubongan ini, tegas beliau, PGGMB juga mempunyai tugas2 dan tanggong-jawab2 yang tertentu untok memainkan peranan yang penting selaras dengan tujuan dan matalamat2 Ranchangan Kemajuan Negara saperti yang telah di-titahkan Baginda itu.

Menyentoh soal kegiatan2 perniagaan dan perusahaan persekutuan itu, Yang Teramat

(Lihat muka 8)



D.Y.M.M. menerima piala dari T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei. Dato Peter Gautrey.



Dato Paduka Haji Abdul Aziz.

Dato Haji Aziz di-lantek sa-bagai Pmk. S. U. K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan melantek Yang Berhormat Dato Paduka Awang Hj. Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar menjadi Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei mulai 16hb. Februari, 1973.

Sa-belum lantekan itu, Dato Paduka Haji Abdul Aziz ia-lah Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Bagi menggantikan tempat beliau itu pula, D.Y.M.M. juga telah berkenan melantek Awang Selamat bin Munap yang sa-belum itu berkhidmat di-Pejabat Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Awang Abdul Rahman bin Dato Mohamad Taib, Timbalan Pegawai Perjawatan di-tukar ka-Pejabat Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menggantikan tempat Awang Selamat.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan yang baru itu, Dato Paduka Haji Abdul Aziz, 38 tahun ada-lah pe-

(Lihat muka 8)

PASOKAN Ketua2 Jabatan yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memenangi perlawanan tarek kalat yang mengandongi 25 orang sa-pasokan dan berjaya merebut piala yang di-kurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Tempat kedua telah di-menangi oleh Pasokan Pehin2 Menteri termasok Menteri2 Pendalaman, dan tempat ketiga di-menangi oleh Pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Pasokan Ketua2 Jabatan telah juga memenangi dalam perlawanan tarek kalat yang mengandongi 30 orang sa-pasokan apabila ia mengalahkan pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pehin2 Menteri dan Menteri2 Pendalaman.

Dalam perlawanan lumba belusir berganti2, Pasokan Ketua2 Jabatan menjadi johan dan memenangi Piala yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Tempat kedua di-menangi oleh pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2, dan tempat ketiga di-menangi oleh pasokan Pehin2 Menteri termasok Menteri2 Pendalaman.

Perlawanan lumba belusir satu keliling padang telah juga di-adakan.

Perlawanan tarek kalat dan lumba belusir itu telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lepas sabagai memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Harga barang2 yang harus di-kurangkan mengikut peratoran chukai baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kastam dan Bea telah mengeluarkan satu peratoran chukai baru

Dalam satu surat keliling yang di-keluarkan, baru2 ini, Penggawal Kastam dan Bea, Awang Othman Chua Kwang Soon berkata, chukai baru itu yang di-kuat kuasakan dalam bulan lepas harus mengurangkan sa-banyak tiga sen bagi harga sa-kati gula, satu hingga satengah sen bagi sa-tiap pound garam dan satu hingga hingga lima sen untok sa-pound susu.

Pengurangan harga susu bagaimana pun tergantong kapada negara asal pengeluaran-nya.


Di-bawah peratoran2 chukai baru itu, Awang Othman berkata, harga bagi tiap2 sa-botol quart arak mungkin di-naikkan kapada 90 sen sa-hingga sa-ringgit, sa-tiap tin beer sa-banyak tiga sen, sa-botol quart beer sa-banyak enam sen, tembakau dalam tin mengandongi 50 grammes sa-banyak 11 sen, sa-kotak rokok yang mengandongi 20 batang rokok sa-banyak 6 sen dan tembakau yang di-bawa masok dari Sabah sa-banyak 25 sen sa-pound.

Harga arak bagi sa-botol quart telah juga di-naikkan sa-banyak 10 hingga 20 sen bergantong kapada nilai arak tersebut.

Pengawal Kastam itu juga berkata pengguna2 harus juga ingat bahawa harga barang2 keperluan sa-hari2 saperti kopi dan teh yang sekarang di-kenakan chukai sa-banyak lima peratus menurut mutu-nya mungkin juga akan di-naikkan.

Harga barang saperti pengoris api automatik, jam, tangan dan dinding, meshin jahit, barang2 kemas termasok yang palsu atau tiruan dan lain2 mungkin juga di-naikkan oleh sebab barang2 tersebut sekarang di-kenakan chukai sa-banyak 10 peratus bergantong kapada nilai-nya.

Pengawal Kastam itu juga berkata pengguna2 juga mungkin terdapat kenaikkan harga dalam barang2 bahan penchuchi oleh sebab barang2 tersebut sekarang di-kenakan chukai sa-banyak 10 peratus menurut mutu-nya.



LEBEH dari 50 orang ahli2 Persatuan Pak Murba, Kampong Batu Marang, telah keluar bekerja bergotong royong kerana membersehkan kawasan dan saloran ayer minum di-Sungai Buloh, di-Kampong tersebut baru2 ini.

Projek yang di-kendalikan oleh ahli2 Persatuan Pak-Murba itu, telah di-ketuai oleh Setia Usaha Agong-nya, Pengiran Idris bin Pg. Anak Metassan.

Ini-lah buat kali pertama-nya, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kawasan kolam dan saloran ayer itu di-bersehkan. Kolam itu, membekalkan ayer kapada lebeh dari 1,000 orang pendudok Kampong Batu Marang.

Gambar atas kelihatan ahli2 Persatuan Pak Murba yang di-ketuai oleh Setia Usaha Agong-nya, Pengiran Idris bin Pg. Anak Metassan sedang bekerja membersehkan kawasan dan saloran ayer Sungai Buloh, di-Kampong Batu Marang, Daerah Brunei/Muara.

Pemilehan chalun bagi Penghulu Mukim Kiudang

TUTONG. — Pendudok2 di-Mukim Kiudang, Daerah Tutong akan berkumpol di-Balai Raya Birau pada jam 9.00 pagi 10hb. Mach untok memileh chalun2 bagi Penghulu Pangkat Satu di-kawasan itu.

Penghulu baru itu akan menggantikan Orang Kaya Seri Dewa Haji Mohammad Salleh bin Abdullah yang akan bersara tidak lama lagi.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar meminta semua pendudok2 di-kawasan tersebut yang berumor lebeh dari 21 tahun supaya hadhir di-balai raya tersebut pada hari yang di-tetapkan.

Mukim Kiudang terdiri dari 11 buah kampong ia-itu Kampong Kiudang, Mungkom, Sungai Simut, Padnunok, Birau, Luagan Timbaran, Batang Mitos, Pengkalan Mau, Bakiau, Kebia dan Bebuloh.

Awang Abdullah juga menyatakan bahawa sa-orang chalun yang di-pileh bagi jawatan tersebut mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, berumor antara 30 dan 45 tahun, lulus darjah lima sekolah Melayu dan tinggal di-kawasan tersebut

Mereka mesti-lah bukan kakitangan kerajaan atau sa-barang badan perniagaan.

Borang2 bagi memileh chalun itu boleh di-dapati dari Pegawai Daerah Tutong.

Kursus menchat dan dekorasi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari raayat Brunei untok mengikuti satu kursus baru City dan Guilds Institute, London bagi tukang2 chat dan tukang2 hias rumah di-Sekolah Pertukangan Pembangunan, di-Jalan Muara mulai bulan April tahun ini.

Pemohon2 mesti-lah telah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran aliran Inggeris atau Melayu.

Keutamaan akan di-berikan kapada chalun2 yang lulus dengan baik dalam pepereksaan2 tersebut terutama sekali kapada mereka yang lulus Bahasa Inggeris, Melayu dan Lukisan.

Kursus ini ada-lah sa-penoh masa sa-lama tiga tahun dan semua penuntut2 di-jangka akan tinggal di-asrama sekolah tersebut.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pengetua Sekolah Pertukangan Pembangunan, peti surat 2188, Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Pertandingan Juara Kugiran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan akan mengadakan Malam Budaya pada 30hb Mach hadapan bertempat di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

Tujuan mengadakan malam tersebut ada-lah bagi mengutip derma untok tabong pembinaan stadium.

Kemunchak dari achara yang akan di-persembahkan pada malam itu ia-lah pertandingan Juara Kugiran.

Pertandingan tersebut ada-lah terbuka kapada kugiran di-seluroh negeri.

Bayaran masok untok bertanding akan di-kenakan sabanyak $15.00 bagi tiap2 satu kumpulan

Tiap2 kugiran hendak-lah mempersembahkan tiga buah lagu — wajib (asli dan langgam), pilehan (bebas) dan instrumental chiptaan sendiri.

Borang2 masok dan sharat2 bertanding boleh di-dapati dari Awg. Md. Yassin bin Said, Awang Serbini bin Ahmad, Awang Mohammad Salleh bin Sabtu dan Awang Mohdar bin Haji Ahmad.

Borang2 bersama2 dengan wang bayaran masok bertanding hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 8hb. Mach, 1973.



GAMBAR atas menunjokkan Yang Di-Pertua Persatuan Pemuda Penanjong, Che'gu Mohamed Yunus bin Abu Bakar menyampaikan wang tunai sa-banyak $1,000.00 kapada Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar sa-bagai sumbangan persatuan itu untok tabong pembinaan stadium.

Derma yang terbesar di-terima di-daerah itu sa-takat ini telah di-sampaikan pada minggu lalu.

T.Y.T. P'jaya Tinggi juga turut hadhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di-antara pembesar2 negara yang menziarahi jenazah Allahyarham Dato Paduka Matnor MacAfee pada 15hb. Februari yang lalu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuroh-jaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautery di-samping pembesar2 negara yang lain saperti yang tersiar dalam keluaran minggu lalu.

Sembahyang Jumaat salah satu daripada shi'ar Islam yang paling banyak mendatangkan kebajikan

KHUTBAH JUMA'AT

"Ada–lah satu hal yang sangat merugikan jika kita melepaskan peluang2 yang di–sediakan pada hari2 Jumaat itu dengan tiada satu2 keuzuran shara' "

KITA sangat-lah bershukor kerana Islam telah di-jadikan ugama rasmi di-negara kita Brunei Darussalam, maka atas bahu tiap2 orang Islam di-negeri ini tertaklok tanggong-jawab melaksanakan dan menghidupkan shi'ar Islam itu dari masa ka-semasa. Maju mundornya Islam ada-lah tanggong-jawab kita bersama.

Satu daripada shi'ar Islam yang terbesar dan paling banyak mendatangkan kebajikan ia-lah sembahyang Jumaat. Hari Jumaat di-jadikan Allah ia-lah sa-bagai hari raya minggu-an untok suka ria dan gembira mengenangkan peristiwa yang amat besar ia-itu hari di-jadikan Adam Alaiwassalam dari mula tiba-nya ka-muka bumi ini daripada shorga. Berpuncha dari kedatangan Adam Alaiwassalam ka-muka dunia ini-lah banyak nekmat2 yang sampai kapada kita hari itu.

Berhari raya atau bersuka ria kerana mengenang peristiwa saperti itu Islam mempuyai chara yang tersendiri ia-itu chara yang lebeh menguntongkan sama ada bagi kehidupan dunia mau pun bagi kehidupan akhirat. Kerana hari Jumaat di-istimewakan Allah dengan beberapa kelebehan dari hari2 yang lain, maka berbedza-lah darjat manusia yang mendapatnya mengikut kadar usaha seseorang itu merebut-nya. Satengah2 orang ia sampai kamesjid sejak awal2 lagi maka mendapat kelebehan-lah ia lebeh dari kelebehan orang lain yang datang kemudian, apatah lagi kalau ia berniat i'tikaf dan membacha salawat kemudian berdiam mendengar khutbah dan tiada ia pulang melainkan sa-telah Imam balek, maka orang ini telah di-khabarkan oleh Rassulullah s.a.w. dengan sabda Baginda yang bermaksud:

"Barang siapa mandi kerana hari Jumaat kemudian memakai ia sa-baik2 pakaian-nya dan mengenakan bau2an jika ada pada-nya, kemudian berjalan ia kamesjid kerana berjumaat dengan sopan santun dan tiada melangkahi sa-seorang dan tiada menganggui-nya, kemudian sembahyang ia sakuasa-nya kemudian menunggu ia hingga Imam pulang, maka di-ampunkan bagi-nya sa-lama masa antara dua Jumaat".

Sabda Baginda di-dalam hadith yang lain yang bermaksud:

"Banyakan - lah salawat ka-atas ku pada hari Jumaat kerana salawat2 kamu itu di-pamerkan kapada ku".

Ada satu hal yang sangat merugikan jika kita melepaskan peluang2 yang di-sediakan pada hari2 Jumaat itu dengan tiada satu2 keuzuran shara' apatah lagi jika kita menganggap kewajipan Jumaat itu sa-bagai kewajipan yang rengan dan boleh di-rengan2kan dengan arti jika sempat kita kerjakan jika tidak, kita tinggalkan dengan alasan tak ada kesempatan atau terlalu sebok dengan kerja2 persendirian dan sa-bagai-nya. Sa-benar-nya Islam sangat-lah memandang berat terhadap orang2 yang meninggalkan sembahyang Jumaat tanpa uzur itu kerana Rassulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Mesti-lah berhenti sa-suatu kaum itu daripada meninggalkan Jumaat, jika di-lakukan juga demi sa-sungguh-nya Allah akan menutup rapat pintu hati mereka dari jalan2 kebajikan sa-sudah itu jadi-lah mereka orang2 yang lalai".

Sabda Baginda dalam riwayat yang lain yang bermaksud:

"Barang siapa meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali Jumaat berturut2 tanpa uzur mengikut ukuran shara' neschaya di-maktubkan ia daripada orang2 yang munafik".

Oleh yang demikian hendak-lah tuan2 terus menerus mengerjakan sembahyang Jumaat dan berusaha memujok atau menasehati saudara2 tuan2 supaya datang mengerjakan sembahyang Jumaat. Mudah2an dengan demikian akan bertambah ramai-lah orang2 Islam memenohi mesjid2 untok mengerjakan kewajipan yang amat besar ini.

BANTUAN K'JAAN KA-ATAS PEMBINAAN MESJID2

BANDA RSERI BEGAWAN. — Dengan nasehat Majlis Ugama Islam, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah memberikan bantuan dalam tahun 1973 ini ka-atas pembinaan mesjid2 baru di-Kampong Jerudong dan Pudak.

Mesjid baru Kampong Jerudang dengan bantuan sa-jumlah $14,475.40 berdasarkan kutip derma dari orang ramai $13,524.60.

Mesjid Kampong Pudak bantuan sa-jumlah $11,000.00 berdasarkan kutipan derma dari orang ramai sa-banyak $9,000.00.

Kedua2 mesjid itu sedang lanchar dalam pembinaan dan akan di-jangka siap dan boleh di-gunakan sedikit masa lagi.

Di-samping itu ada beberapa buah mesjid telah di-berikan bantuan sa-panjang tahun 1972:

Mesjid itu ia-lah Mesjid Kiudang, Tutong dengan bantuan $12,000.00; Mesjid Tanjong Maya, Tutong dengan bantuan sa-banyak $23,000.00; Mesjid Kampong Menengah, Tutong dengan bantuan sa-banyak $5,400.00; Mesjid Kampong Batu Marang, Daerah Brunei/Muara dengan bantuan $6,141.76 dan Mesjid Kampong Danau, Tutong dengan bantuan sa-banyak $12,010.00.



Bentok binaan Mesjid Tanjong Maya, Tutong yang baharu dengan mendalan perbelanjaan sa-banyak $42,000.00, ia-itu $23,000.00 ada-lah hasil bantuan dari Majlis Ugama Islam Negeri Brunei.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28hb. Februari, 1973 hingga ka-hari Selasa 6hb. Mach, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
28hb. Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
1hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
2hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
3hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
4hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
5hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
6hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

28hb. Februari, 1973.

MEMBINA SATU MASHARAKAT YANG KUKOH

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menitahkan Kerajaan Baginda supaya menyusun satu Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu dengan bertujuan untok membina satu masharakat yang kukoh serta bersatu-padu dan ma'amor untok kepentingan seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei tanpa mengira rupa bangsa.

Hasrat Baginda ia-lah supaya Ranchangan Kemajuan Negara yang baharu itu akan menitek-beratkan usaha2 untok mengadakan berjenis2 mata pencharian untok pemuda pemudi lepasan sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya dan memperaneka-jeniskan ya'ani memperbanyakkan kegiatan2 ekonomi negara terutama sekali di-bidang pertanian dan perindasterian.

Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menyebutkan semula akan titah Baginda itu telah juga menyatakan pendapat beliau bahawa kejayaan sa-suatu ranchangan kemajuan negara itu ada-lah memerlukan usaha2 kebangsaan yang giat untok menghasilkan-nya.

Usaha2 kebangsaan yang disebutkan beliau itu menurut pengertian-nya ada-lah amat luas kerana ia-nya meliputi semua bangsa dan kaum di-negeri ini dalam semua gulongan sama ada yang berkhidmat dengan Kerajaan mahupun bukan hatta yang maseh menuntut atau pelajar. Asas pada melaksanakan usaha2 kebangsaan itu ada-lah ternyata bagi kepentingan negara ini sendiri untok menimbulkan-nya dengan taraf yang ma'amor sambil raayat-nya hidup dalam kegembiraan senantiasa.

Titah Baginda itu ada-lah merupakan satu lagi bokti yang Baginda sendiri juga telah dan akan terus mengambil berat berhubong dengan pertumbohan raayat yang semakin meningkat tahun demi tahun dan mencheri jalan yang lebeh berkesan untok menyaimbangi pertubohan itu.


Hal itu harus-lah disedari bersama oleh semua gulongan dan bekerja bahu membahu dengan tidak banyak kira pada mengusahakan sebarang perkara yang di-yakini amat perlu di-laksanakan.

Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberikan bayangan ka-arah ini dengan menyebutkan PGGMB dan ahli2-nya sa-bagai satu gulongan yang berkait-rapat dalam membantu-majukan kemajuan negara itu melalui lapangan mereka sambil membuat shor2 yang membina mengenai dengan soal memperbaiki ranchangan pelajaran dan latehan2 di-negeri ini.

Jika bayangan beliau itu di-praktikkan dengan sebaik2-nya oleh PGGMB, maka nilai atas sumbangan mereka itu bukan sahaja di-hargai oleh negara, bahkan tetap terchatet dalam lembaran sejarah kemajuan itu sendiri dan dalam lipatan hati raayat.



Sa-sebuah kenderaan akan di-uji bagi menentukan samada ia-nya selamat di-gunakan di-jalan2 raya, termasok berat kenderaan tersebut, sa-belum ia-nya di-daftarkan dan di-lesenkan. Saperti kelihatan dalam gambar di-atas.



Awang Abidin bin Abdul Rashid, Pengawal Kenderaan Da

TINJAUAN RENGKAS MENGENA

KENDERAAN ada-lah penting untok memudahkan pergerakan dari satu tempat ka-satu tempat yang lain dalam sa-sebuah negeri. Bilangan kenderaan yang menggunakan jalan raya sentiasa bertambah tahun demi tahun. Di-negeri kita perkara saperti ini juga berlaku. Dalam tempoh 9 bulan dari bulan Januari 1972 hingga bulan September 1972, misal-nya sa-banyak 1646 buah kenderaan telah di-daftarkan. Jumlah ini termasok 241 buah kenderaan jenis lama yang di-bawa masok dari luar negeri.

Sa-banyak 1,030 buah kenderaan telah di-daftarkan di-Pejabat Kenderaan Darat, Bandar Seri Begawan dan sa-banyak 616 buah lagi di-daftarkan di-Pejabat Kenderaan Darat, Kuala Belait.

Jabatan Kerajaan yang bertanggong-jawab mengendalikan perkara2 yang bersangkut paut dengan kenderaan ia-lah Jabatan Kenderaan Darat yang berpejabat di-Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan dan di-Kuala Belait. Pemangku Pengawal Kenderaan Darat, Awang Abidin bin Abdul Rashid ketika di-temui telah menerangkan bahawa tugas2 jabatan beliau ia-lah:

1. Memereksa serta menguji kenderaan sa-belum di-daftarkan dan di-lesenkan.
2. Mendaftar dan melesen kenderaan.
3. Menduga / menguji pemandu dan mengeluarkan lesen2 pemandu.
4. Melayan permohonan2 untok menukar milek, menukar warna sa-sebuah kenderaan dan membawa keluar negeri.

Sa-bagai tambahan kapada tugas2 di-atas, Pengawal Kenderaan Darat juga di-beri kuasa untok meletakkan isharat2/tanda2 lalu lintas saperti tanda "bukan penarohan", "jalan sahala" dan lain2 menurut peratoran2 yang di-tentukan oleh undang2.

1. **Memereksa serta menguji kenderaan sa-belum di-daftarkan dan di-lesenkan:**

Sa-sebuah kenderaan yang hendak di-daftarkan dan di-lesenkan akan di-pereksa dan di-uji terlebeh dahulu. Ini ada-lah penting untok menentukan samada sa-sebuah kenderaan itu selamat untok di-jalan2 raya atau tidak. Kenderaan2 itu mesti-lah di-lengkapi dengan keperluan2 yang di-kehendakki oleh Peratoran2 lalu lintas. Antara keperluan2 yang di-mestikan ia-lah sistem brake yang baik, lampu, enjin, insuran yang terator serta lain2 keperluan dan panjang sa-sebuah kenderaan pula hendaklah tidak melebehi 24 kaki. Kenderaan2 itu akan hanya di-daftar dan di-lesenkan satelah pemereksa kenderaan berpuas hati dengan keperluan2 yang di-mestikan.

Pada masa ini banyak kenderaan2 telah di-lengkapkan dengan lampu2 yang berwarna warni. Perbuatan saperti ini ada-lah menyalahi peratoran undang2 lalu lintas kerana menurut Peratoran2 104 dari Peratoran2 Lalu lintas Jalan Raya 1955, sa-sebuah kenderaan hanya di-benarkan menggunakan lampu di-antara waktu matahari masok dengan matahari terbit.

i) di-sabelah depan dua biji lampu berwarna puteh, sa-biji di-sebelah kanan dan sa-biji di-sebelah kiri.

ii) di-bahagian belakang pula dua biji lampu merah, sa-biji di-sebelah kanan dan sa-biji lagi di-sebelah kiri. Sa-biji lampu berwarna puteh pula di-kehendaki untok menerangi nombor pengenalan kereta atau "licence plate."



Sa-tiap kereta yang telah mendapat kema... di-pereksa dan di-uji keselurohan-nya ... mereksaan kedudokan 'type' sa-belum ... luskan dan di-beri lesen sa-mula.

Sa-lain dari melengkapi kenderaan2 dengan lampu2 berwarna warni, ada-lah juga menjadi kesalahan jika:-

i) menggunakan "exhaust pipe" yang mengeluarkan bunyi yang bising dan asap yang banyak,

ii) menggunakan siren yang luar biasa,

iii) memasang screen di-bahagian chermin belakang.



ul Ihid, Pemangku Dan



Awang Hussain bin Haji Ali, salah sa-orang pegawai pemereksa kenderaan sedang menguji sa-buah kenderaan yang hendak di-baharui lesen-nya.



Pengiran Zohari bin Pengiran Ahmad, Pendaftar Kereta Daerah Brunei-Muara.

A JABATAN KENDERAAN DARAT



n akan sok pe- a di-lu-

SUSUNAN: ALIDIN OTHMAN

Pada masa ini telah menjadi kegemaran di-kalangan satengah2 tuan2 punya kenderaan melekatkan "sticker2" seperti "biji mata besar" "don't kiss" dan lain2 pada kenderaan2 mereka. Sa-takat ini belum lagi ada undang2 yang menegah perbuatan2 seperti ini, akan tetapi ada-lah tidak di-galakkan jika sa-kira-nya "sticker2" itu boleh menggangu penglihatan pemandu2 kenderaan yang lain.

2. Mendaftar dan melesen kenderaan:

Ini di-bahagikan kapada dua bahagian:

i) kenderaan2 private seperti motokar, motosikal/ "skuter", landrover, jeep ada-lah di-daftar dan di-lesenkan oleh Pegawai Melesen Jabatan Kenderaan Darat yang di-lantek oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

ii) kenderaan2 untok perkhidmatan awam (untok di-sewakan) seperti bas teksi, lori2 angkut barang lain2 ada-lah di-daftar dan di-lesenkan dengan kebenaran Lembaga Melesen Kereta2 Sewa yang di-pengerusikan oleh Pengawal Kenderaan Darat, Brunei.

PENGERTIAN: Lembaga Melesen Kereta2 Sewa ini ia-lah sa-buah Lembaga yang di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-bawah Bab 47 daripada Undang2 Lalu lintas.

AHLI2: Ahli2 Lembaga ini terdiri dari:

i) Pengawal Kenderaan Darat, Brunei — Pengerusi

ii) Pesurohjaya Pulis Diraja, Brunei — Ahli Rasmi

iii) Pengarah Kerja Raya — Ahli Rasmi

iv) Ahli2 yang lain, yang di-lantek oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

KUASA: Lembaga ini di-beri kuasa untok menimbangkan segala permohonan2 untok mendapatkan lesen bagi kenderaan perkhidmatan awam saperti bas, teksi dan lori2 angkut barang.

Dengan ini nyata-lah bahawa ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-seorang itu menggunakan kereta-nya/kenderaannya sa-bagai kereta sewa tanpa lesen yang di-benarkan oleh Lembaga tersebut saperti yang terkandong dalam Bab 54 dari Undang2 Lalu lintas Jalan Raya 1954.

Teksi sapu atau "pirate taxi" ada-lah suatu perkara yang sudah lumrah di-perkatakan di-kalangan ramai pada masa ini. Orang2 yang mengusahakan teksi sapu ada-lah melakukan kesalahan. Bagaimanapun perbuatan saperti ini ada-lah sangat sukar untok di-kesan oleh pehak yang berkuasa tanpa kerjasama dari orang ramai. Orang ramai terutama sekali Penumpang2 teksi sapu ada-lah di-nasehatkan bahawa ada-lah menjadi kesalahan menumpang di-teksi2 sapu kerana mereka di-anggap bersubahat dengan pengusaha2 teksi sapu dalam melakukan kesalahan di-samping membahayakan diri mereka sendiri kerana mereka tidak di-lindongi oleh sebarang insuran.

Mereka yang ingin memohon lesen2 kereta sewa hendak-lah memenohi sharat2 yang di-tentukan oleh undang2 yang akan di-pertimbangkan oleh Lembaga Melesen Kereta2 Sewa. **(BERSAMBONG)**



g Abdul Latif bin Badar, Pegawai Pemereksa Kereta Kanan melayan salah sa-orang unya kereta yang datang untok membaharui lesen kereta-nya.



Awang Hussain memereksa engine dan nombor rangka sa-belum membaharui lesen kereta tersebut.

GURU2 YANG AKAN MENERIMA SIJIL

SATU upachara penyampaian sijil kapada 231 orang guru yang telah lulus dari Maktab Perguruan Su'tan Hassanal Bolkiah akan di-adakan di-Dewan maktab tersebut pada hari Sabtu 10hb. Mach hadapan.

Sijil2 tersebut akan di-sampaikan oleh Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Berikut ia-lah nama2 guru2 yang akan menerima sijil di-upachara tersebut.

KURSUS B 1966-68

Aw. Junit bin Ismail.

KURSUS B 1967-69

Dg. Normah bte Haji Hitam dan Dg. Sa'adah bte Md. Salleh.

KURSUS B 1968-70 (ALIRAN INGGERIS)

Aw. Ya'akup bin Othman.

KURSUS B 1968-70 (ALIRAN MELAYU)

Aw. Metassan bin Mohd. Yassin, Aw. Md. Rais bin Momin, Aw. Md. Ya'akub bin Jaluddin, Dg. Aisah bte Md. Rahman, Aw. Abdullah bin Kassim, Aw. Rahgeni bin Deli, Aw. Rosli bin Salim, Dg. Noriah bte Mohd. Yusof, Aw. Abd. Ghani bin Muhamad dan Aw. Anuar bin Hj. Abd. Rahman.

KURSUS B 1969-71

Dg. Agnes Wong Ngee Moi, Dk. Rudiah bte Pg. Hasnim, Dg. Kok Ah Kui, Dg. Ong Gik Lang, Ak. Aji bin Pg. Serudin, Aw. Bujang bin Abu Bakar, Aw. Lai Kim Seng @ Lai Ah Seng, Aw. Suhaili bin Suhaimi, Aw. Othman bin Ibrahim, Aw. Abu Bakar bin Othman.

Aw. Adris bin Ismail, Ak. Metarsad bin Pg. Metassan, Ak. Mohd. Zinin bin Pg. Haji Ismail, Ak. Mohd. Danan Pg. Ahmad, Aw. Berahim bin Zabidi, Aw. Bujang bin Matnor, Dk. Mastura bte Pg. Chuchu, Dayangku Norsinah Pengiran Othman, Aw. Chiew Keng Kok, Aw. Ghani bin Muhamad.

Aw. Hamjah bin Suhaile, Dg. Jainah bte Lahab, Dg. Masni bte Haji Kadir, Aw. Matasim bin Zakariah, Aw. Mohammad Ali bin Ahmad, Aw. Mohammad Hassan bin Md. Salleh, Aw. Rajimie bin Anis, Aw. Osman bin Md. Said, Aw. Rajali bin Haji Bakir, Dg Rosni bte Bahar.

Aw. Shari bin Ismail, Aw. Suhaili bin Md. Daud, Dg. Tijah bte Mail, Dg. Tinah bte Mohd. Noor, Aw. A. Zaini bin A. Tuah, Aw. Abd. Razak bin Hj. Untong, Aw. Yusop bin Abd. Rahman, Aw. Taha bin Abdul Hamid, Dg. Rosni bte A. Rahman, Dg. Masni bte Awg. Hj. Tinggal, Dg. Mas Suharah bte Hj. Awg. Besar, Aw. A Kadir bin Nuddin, Aw. Md. Safar bin Idris, Aw. Taib bin Damit dan Aw. Saidin bin Md. Noor.

KURSUS A 1969-71 (ALIRAN INGGERIS)

Dg. Agnes Chai Mui Ngo, Dg. Chiam Aye Geok, Dg. Chung Yee Ken, Dg. Helen Yong, Dg. Lam Lee Yin, Dayang Lau Swee Choo, Dg. Leong Thiau Yik, Dg. Liew Fui Chin, Dg. Lim Meng Hua, Aw. Ng. Kiang Huat, Dg. Wong Imm Lin.

Aw. Henry King Chiew Hoon, Aw. John Pancrass Taikim, Aw. Wong Pak Geah, Aw. Lim Beng Koon, Dg. Jamilah bte Haji Nordin, Dayang Rusni bte Peng'lima Asgar Hj. Abdullah, Dg. Abdidah bte Md. Yusof, Dg. Siti Nor'aini bte Abd. Rahman, Aw. Leong Chee Ming @ Leong Ah Min, Aw. Lee Tet Onn, Aw. Chiang Chee Pheng @ Chong Chee Pheng, Aw. Sia Leong Ping dan Aw. Abdul Lazis bin Noordin

KURSUS A 1969-71 (ALIRAN MELAYU)

Dg. Rangki bte Ringgit, Dg. Rukiah binte Haji Abd. Rahman, Aw. Latif bin Haji Dollah dan Aw. Bol Hassan bin Ibrahim.

KURSUS C

Rafeah bte Mohd. Taha, Rohani bte Puasa, Shamsiah bte O.K. Samin, Ak. Saidi bin Pg. Md. Daud, Misiah bte Moktar, Rosni binte Abdul, Zaiton bte Johari, Timidah bte Ya'akub, Hindun bte Hj. Wahid, Tampoi bte Tengah.

Dk. Masnah bte Pg. Hj. Kula, Maimunah bte Ya'akub, Abdullah bin Hj. Mahmud, Harris bin Muhammad, Yunos bin Deok, Morsidi bin Dagang, Kifli bin Mohd. Taib, Mohd. Yunos bin Serudin, Ak. Abd. Latif bin Pg. Tajuddin, Hamzah bin Raya.

Puasa bin Hj. Abd. Rahman, Juma'at bin Gandor, Muhammad bin Damit, Baharuddin bin Hj. Baha, Abas bin Abd. Rahman, Hasnah bte Mohd. Yusof, Esa bin Lahit, Abu Hassan bin Ismail, Mantin bin Abas.

Kamis bin Abdullah, Sanif bin bin Gador, Ahmad bin Hj. Mina, Juneh bin Suhaili, Zaini bin Mohd. Yusof, Abd. Aziz bin Wahid, Abd. Hamid bin Kahar, Saraniah bte Mahari, Normah bte Mohd. Said, Yahya bin Mohd. Yusof, Alimas bin Mohd. Daud, Yuso bte Agol, Ratanah bte Hj. Yusof, Ramli bin Nasir, Alimetarsad bin Hj. Md. Salleh, Ak. Md. Yusof bin Pg. Sulaiman, Rokiah binte Karim.

Norhaya bte Md. Noor, Selimin bte Keluloh, Norah bte Ahmad, Sainah bte Mohd. Tarif, Jamilah bte Hj. Ahmad, Saidah bte Hj. Abd. Rahim, Zubaudah bte Abd. Hamid, Nekmah bte Md. Tassan, Dk. Mariam bte Pg. Md. Daud, Seriah bte Ismail, Fatimah bte Abd. Kadir, Maimunah bte Abdullah, Junaidi bin Md. Jaafar.

Dk. Fatimah bte Pg. Md. Salleh, Siti Ara bte Yahya, Dk. Fatimah bte Pg. Sabtu, Nekmah bte Chuchu, Rasiah bte Md. Salleh, Masnah bte Mengarshah, Saipol bte Rosanalisah, Azizah bte Puteh.

Norsiah bte Nudin, Junaidah bte Abdullah, Nayan bin Ahad, Aisah bte Hj. Othman, Ibrahim bin Abd. Rahman, Jamilah bte Hj. Yusof, Bujang bin Sabtu, Ahmad bin Uga, Kaidah bte Hj. Saban, Md. Ali bin Akil, Ak. Adnan bin Pg. Abas, Md. Yusof bin Bagol, Talip bin Othman, Metussin bin Bungsu, Asmah bte Hj. Abu Bakar, Taha bin Hj. Sulaiman, Md. Ali bin Radin, Ainah bte Md. Salleh, Siti Arbi bte Ahmad, Salmah bte Suhaili.

Abu Kadi bin Hj. Metassan, Rashid Bolaji, Normah bte Mohd. Salleh, Nordiah bte Udin, Zainab bte Mohd. Zain, Mardiah bte Hj. Abd. Hamid, Neamah bte Laki, Ghazali bin Ibrahim, Ahmad bin Daud, Dk. Amas bte Pg. Hj. Daud, Idris bin Hj. Tuah, Husin bin Hj. Nudin dan Zainab bte Kula.

Berikut ini pula ada-lah guru2 yang sijil mereka maseh berada di-maktab tersebut dan tidak di-terima oleh mereka dalam upachara penyamapian sijil dalam tahun 1972 yang lalu.

Sanipon bte Ismail, Mohsin bin Taha, Misli bin Hj. Besar, Junaidi bin Abd. Ghani, Dk. Rosni bte Pg. Ismail, Othman bin Basiah, Zakariah bin Ahmad, Mariam bte Hidup, Maisalamah bte Sharbini, Rohana bte Abdullah, Rosni bte Bakar.

Shahrin bin Metali, Ramli bin Md. Zain, Othman bin Ahmad, Masnah bte Hj. Abd. Wahab, Fatimah bte Kadir, Ak. Sulaiman bin Pg. Anum, Zainal bin Abd. Rahman, Harun bin A. Latiff, Halimah bte Uga, Dk. Hasnah bte Pg. Hj. Damit Rosnah bte Md. Said, Layau bin Lakim, Taifah bte Ja'afar.

Abd. Salam bin Jual, Awang bin Omar, Abd. Mulok bin Hj. Pandin, Dk. Armah bte Pg. Bakar, Dk. Rafiah bte Pg. Metarsat, Dk. Sunah bte Pg. Hj. Ismail, Fatimah bte Momin, Fatimah bte Saidi, Dy. Halimah bte Hj. Ismail, Hajjah Ainun bte Hj. Yusof.

Hasnah bte Abdullah, Johari bin Md. Tarif, Jamilah bte Othman, Kamis bin Othman, Ali bin Umar, Masnah bte Iradat, Masni bte Hj. Abang, Norhani bte Md. Yassin, Rafeah binte Hj. Mohd. Yassin, Rosmawati bte Abdullah, Umar bin Rauf dan Normah bte Hashim.



NADZIR Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Awang Haji Sabtu bin Muhammad sedang menyampaikan hadiah kapada Dayang Sindun bte Siling dari sekolah Melayu Sukang yang telah mendapat tempat pertama bahagian perempuan dalam perlumbaan rentas desa sekolah2 rendah Daerah Belait yang telah di-adakan di-Seria pada minggu lalu.

Dalam perlumbaan itu, Sekolah Melayu Sukang telah menjadi johan lelaki dan perempuan dalam bahagian berpasokan.



AWANG Edin bin Haron (kiri) dan Awang Likap bin Litoh yang telah di-pileh oleh penduduk2 Mukim Rambai sa-bagai chalun Penghulu bagi kawasan tersebut.

Kedua2 orang chalun itu telah di-kemukakan kapada kerajaan untok di-siasat sa-belum di-pertimbangan.

Pemilehan chalun2 itu telah di-adakan di-balai raya Kampong Rambai baru2 ini.

Penghulu baru itu nanti akan menggantikan Penghulu Dato Kornia Diraja Awang Gadong bin Orang Kaya Indera Among yang akan bersara.

PERTIWI akan adakan jualan aneka barang

KUALA BELAIT. — Satu temasha jualan aneka barang2 akan di-adakan dua hari berturut2 di-Kuala Belait bagi membantu tambong pembinaan stadium.

Temasha itu akan di-adakan di-Pusat Belia Lama, Jalan Rampai, Kuala Belait di-bawah anjoran Persatuan PERTIWI.

Hari pertama temasha jualan aneka barang2 itu ia-lah pada 3hb. Mach dari pukul 2.00 hingga 5.00 petang dan hari kedua, pada 4hb. Mach, dari pukul 10.00 pagi hingga pukul 5.00 petang.

Sa-orang juruchakap Persatuan PERTIWI menyatakan bahawa jualan aneka barang2 itu antara lain ada-lah mengandongi hasil2 kerja tangan saperti kueh mueh, pakaian2 lama dan baru dan lain2 barang yang menarek.

Beliau menyeru orang ramai di-negeri ini supaya bersama2 menjayakan temasha tersebut dengan chara membeli barang2 yang di-jual.

Dengan chara itu, orang ramai, dengan tidak sa-chara langsong akan dapat menyumbangkan jasa baik mereka bagi sama2 menjayakan tabong pembinaan stadium.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA–BAGAI PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi satu jawatan kosong sa-bagai Penyelanggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 untok lantekan ini mesti-lah telah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurrang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300 x10-350. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah dipenohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 19hb. Mach, 1973.

DI–JABATAN LAUT

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

A. PEGAWAI LAUT HOME TRADE II:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Sijil Kechekapan sabagai Mate of a Home Trade Ship yang di-keluarkan oleh Kementerian Pengangkutan British, atau kelulusan yang sa-banding dari negara2 Commonwealth atau pun Tentera Laut. Pengalaman bekerja dengan sesuatu Jabatan Laut, Lembaga Pelabohan, sharikat perkapalan atau penggalian di-dalam jawatan executive merupakan satu kelebehan.

Tugas2:

Tugas2 utama jawatan ini ia-lah menjadi Chief Officer dalam sabuah Suction Hopper Dredger baru.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — $610 x 30-640-680/EB/710 x 30-950 Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. PEMBANTU PEGAWAI JURUTERA LAUT:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Sijil Kechekapan sabagai Second Class Engineer (Motor) yang di-keluarkan oleh Kementerian Pengangkutan British, atau kelulusan yang sa-banding dari negara2 Commonwealth atau pun Tentera Laut. Pengalaman bekerja dengan sesuatu Jabatan Laut, Lembaga Pelabohan, sharikat perkapalan atau penggalian di-dalam jawatan executive merupakan satu kelebehan.

Tugas2:

Tugas2 utama jawatan ini ia-lah menjadi Second Engineer dalam sabuah Suction Hopper Dredger baru.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B 1 EB 2 — $680 x 30-950 x 50-1000 x 30-1060/EB/1090 x 50-1140 x 40-1300 x 60-1360 x 40-1520 (maximum). Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

C. PEGAWAI LETRIK:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Diploma Kejuruteraan Letrik dari Politeknik Singapura atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya.

Tugas2:

Tugas2 utama jawatan ini ia-lah membaiki dan memelihara electro-hydraulis control system dan alat2 letrik dalam sa-buah Suction Hopper Dredger dan electronic marine navigational aids.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 2-3 EB 4 — $710 x 30-950-100 x 30-1120/EB/1160 x 30-1280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek salama tiga tahun. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan yang di-kenakan di-Negeri Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya bersama2 dengan salinan surat2 akuan, Watchkeeping Certificates, Buku Discharge dan Sijil2 Kechekapan atau Diploma tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Birau, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.
d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — $220 x 10-390-410 x 10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Pemberita Majlis

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok memenohi jawatan Pemberita Majlis di-Jabatan Majlis2 Meshuarat, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

i) Chalun2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2 - nya sa-lama 5 tahun. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai pengalaman luas dalam keria2 jurutrengkas boleh juga di-pertimbangkan.
ii) Trengkas : Perengkat Tertinggi 110 p.s.m.
Menaip : 45 p.s.m.
iii) Pengalaman bekerja sabagi jurutrengkas sambilan di-Jabatan Majlis Meshuarat merupakan suatu kelebehan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 4 EB 5 — $540x20-660/EB/690x20-750.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang, baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 6hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Tukang Wang di–Jabatan Letrik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok memenohi jawatan Tukang Wang di-Jabatan Letrik, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun di-dalam Perkhidmatan Kerani2 Rendah serta telah lulus Pepereksaan Kerani2 Rendah. Mereka juga perlu mempunyai pengalaman menggunakan N.C.R. Receipting Machine. Pengetahuan ilmu menyimpan kira2 merupakan suatu kelebehan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — $610 x 30-640 x 40-680/EB/710 x 30-950.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan untok di-naikan pangkat sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkat Khas I. Kerani2 Bahagian 'A' yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang sa-banding boleh-lah juga memohon untok di-pertimbangkan.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 10hb. Mach, 1973. Ketua2 Jabatan sa-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untok di-naikan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

PENASEHAT UMUM MELAWAT STESHEN2 PERTANIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa telah melawat ka-empat buah steshen pertanian di-Daerah Brunei Muara pada hari Sabtu lepas.

Yang Teramat Berhormat di-iringi semasa lawatan itu oleh Pengarah Pertanian, Awang R.B. Woodroofe, Awang Selamat bin Munap, Awang M. Hasty, Pakar Ekonomi Pertanian dan Timbalan Pesurohjaya Tanah, Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman.

Lawatan itu di-mulakan di-ibu pejabat Jabatan Pertanian di-mana Penasehat Umum di-berikan satu penerangan.

Dari sana beliau dan rombongan bertolak ka-steshen pertanian Berakas.

Semasa lawatan-nya 15 minit ka-steshen itu, beliau telah menerima penerangan dari Awang R.B. Woodroofe mengenai kelengkapan2 yang di-adakan di-steshen itu, ia-itu, antara lain termasok-lah ibu pejabat baru jabatan pertanian, makmal2 bagi pegawai2 pakar, tempat pemeliharaan tumboh2an, tempat kurantin tumboh2an dan kawasan pameran pokok buah2an, dan taman bunga di-mana kedua2-nya akan terbuka kapada orang ramai.

Penasehat Umum dan rombongan kemudian melawat ka-tempat pemeliharaan pokok buah2an di-Kampong Mentiri dengan menaiki sa-buah helikopter Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.


Mereka kemudian-nya berlepas ka-Lumapas untok melawat steshen pertanian dan kawasan pemeliharaan kerbau di-sana.

Dari Lumapas, beliau dan rombongan berlepas ka-steshen pertanian Kilanas.

Ketibaan mereka telah di-sambut oleh penolong Pegawai Pertanian, Awang Rosli bin Umar dan Awang W.G. Agnes.

Penasehat Umum dan rombongan-nya telah di-bawa melihat di-sekitar steshen tersebut dan di-beri penerangan mengenai beberapa ranchangan yang di-jalankan di-steshen itu.

Pada pengakhir lawatan tersebut Penasehat Umum itu dan rombongan singgah di-pejabat kaji serangga di-mana mereka di-sambut oleh pakar kaji serangga, Awang D. MacCrae.



Yang Teramat Berhormat P.O.K.L.S. Bakti Diraja, Dato Laila Utama Awang Isa mendengar penerangan dari Awang M. Hasty mengenai dengan steshen pertanian Lumapas. Di-sebelah kanan ia-lah Pengarah Pertanian, Awang R.B. Woodroofe.

Satu chadangan kapada PGGMB

(Dari muka 1)

Berhormat berpendapat bahawa masa-nya telah tiba bagi PGGMB mengkaji semula chara2 pengurusan-nya.

Menurut beliau bahawa harus akan mendatangkan faedah jika PGGMB menyiasat kemungkinan menyerahkan pengurusan kegiatan2 dan usaha2-nya kapada sa-orang professional yang mahir dan jujor yang akan dapat menumpukan segala tenaga-nya di-dalam bidang2 itu.

Beliau menegaskan bahawa dengan ada-nya pengurusan professional saperti itu, maka bukan sahaja daya pengeluaran oleh bahagian perniagaan dan perusahaan PGGMB akan dapat meningkat, malahan akan mengurangkan gangguan2 ka-atas tugas2 dan tanggong-jawab2 ahli2-nya selaku guru2 dan pegawai2 pendidekan negeri ini yang sa-lama ini menjalankan usaha itu sa-chara sambilan.

Pemangku S.U.K. yang baru

(Dari muka 1)

gawai yang termuda dalam memegang jawatan itu sa-jauh ini.

Yang Berhormat itu menuntut di-England sejak tahun 1958 hingga 1964 dan memegang Ijazah Bachelor of Social Science dalam pengajian ekonomik, politik dan sosiologi.

Apabila pulang ka-tanah ayer, beliau berkhidmat sa-bagai pegawai pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan dan menjadi ahli yang di-lantek dalam Majlis Mashuarat Negeri dari tahun 1965 sa-hingga-lah pada masa ini. Tetapi berikutan dengan lantekan beliau menjadi Pemangku SUK itu, maka beliau dengan sendiri-nya dudok dalam majlis itu sa-bagai ahli kerana jawatan.

Beliau juga pernah bertugas di-berbagai2 lapangan Kerajaan termasok sa-bagai pegawai yang mengelolakan bahagian ekonomi dan perangkaan dan Setia Usaha Lembaga Penapis Filem dan Hiboran Orang Ramai.

Dato Paduka Haji Abdul Aziz pernah memangku berbagai2 jawatan kanan saperti Pengawal Kastam dan Bea, Pengarah Kerja Raya, Pesurohjaya Tanah, Pegawai Perjawatan, Pesurohjaya Kemajuan dan akhir-nya Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Dalam masa menjadi Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran itu, berbagai2 kemajuan yang baru telah di-ranchang dan di-laksanakan beliau. Di-antara ranchangan yang terbesar ia-lah mengadakan perkhidmatan penarohan kereta berbayar, melancharkan projek2 pembersehan bandar dan mengator semula keadaan pasar2 ikan, daging dan sayor.

Ketiga2 projek yang besar yang di-laksanakan beliau itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari rayaat.

Dalam kenyataan2 khas dan uchapan2 yang pernah beliau lepaskan sama ada sa-chara rasmi mahu pun sa-chara persendirian, Dato Paduka Haji Abdul Aziz kerap kali menekankan betapa perlu-nya usaha2 di-jalankan oleh semua golongan melalui berbagai2 usaha bagi mendamping-rapatkan raayat dengan Kerajaan dan Kerajaan dengan raayat.

Pendirian sa-umpama ini ada-lah penting jika pembangunan negara hendak di-laksanakan dengan chara yang lebeh berkesan, kerana tanpa kerjasama yang erat antara kedua2 pehak, maka sa-barang usaha sukar hendak di-jalankan dengan lichin dan terator.

Dato Paduka Haji Abdul Aziz ia-lah sa-orang pegawai muda yang banyak menghadhiri persidangan2 di-seberang laut bagi mewakili Kerajaan Brunei saperti persidangan ECAFE di-New Zealand, India, Bangkok, Australia, Philipine, Malaysia dan Singapura. Beliau juga telah menghadhiri kursus badan perkembangan di-ibu pejabat ECAFE di-Bangkok sa-lama 6 bulan, termasok lawatan sambil belajar ka-Ceylon (kini Sri Langka) dan Taiwan.

Pada masa ini, Dato Paduka Haji Abdul Aziz juga menjadi ahli Majlis Ugama Islam Negeri Brunei dan sa-hingga lantekan beliau sa-bagai Pemangku SUK, pernah menjadi Pengerusi Lembaga Penasehat Melisen Kayu Kayan, Pengerusi Majlis Perunding di-antara Jabatan Hal-Ehwal Ugama dan Jabatan Pelajaran; Setia Usaha Jawatankuasa Pengawalan Perkembangan Muara dan ahli jawatankuasa Jemaah Penasehat Haji. Beliau juga selalu di-lantek menjadi pengerusi atau ahli di-beberapa jawatankuasa yang khas di-bentok untok menyelesaikan satu2 masaalah yang timbul dari satu masa ka-satu masa (Adhoc).

Beliau juga aktib dalam gerakan2 kebajikan dan ketika maseh jadi penuntut, beliau pernah menjadi Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-U.K. dan juga salah sa-orang pengasas persatuan itu.

Dato Paduka Haji Abdul Aziz pernah menjadi Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei dan pada masa ini maseh menjadi Pengerusi Bahagian Perniagaan, Bank2 dan Panggong2 Wayang bagi Tabong Pembinaan Stadium dan menjadi ahli jawatankuasa kerja tabong pembinaan stadium itu.

Beliau telah di-anugerahkan Bintang DPMB bagi memperingati keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen ka-Brunei dan sa-belum itu menerima anugerah Bintang S.L.J.

Beliau mempunyai sa-orang isteri dan 4 orang anak, 3 perempuan dan sa-orang laki2. Isteri beliau, Datin Hajiah Zahrah binte Haji Idris yang juga bekas menuntut di-England pada masa ini berkhidmat di-Jabatan Kebajikan.

Kursus khas bagi murid2 yang kurang berkebolehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang M. MacInnes berpendapat bahawa kursus2 berchurak akademik yang membawa kapada pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia pada keselurohan-nya tidak sesuai bagi kebanyakan kanak2 sekarang.

Kata-nya, lebeh 50 peratus kanak2 tidak mempunyai bakat kebolehan yang di-anggap menguntongkan dari segi pelajaran yang berchurak akademik dan lulus dalam pepereksaan SRP.

Perbandingan itu menunjokan 50 peratus lagi kanak2 di-negeri2 lain sudah tidak mengambil kursus2 akademik yang membawa mereka kapada pepereksaan bersijil tetapi di-beri kursus2 khas yang lebeh sesuai menurut kebolehan dan kechendurongan mereka.

Pengarah Pelajaran itu telah membentangkan masaalah itu ketika beliau turut memberi uchapan di-Pembukaan Rasmi Mashuarat Agong kali ke-23 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Bangunan Persekutuan itu hari Jumaat lepas.

Beliau sa-lanjut-nya menerangkan murid2 yang kurang kebolehan ada-lah perlu di-perkenalkan kursus itu di-Brunei.

Ia-nya hendak-lah di-chipta supaya pengajaran kemahiran asas yang tersusun dalam perhubongan sa-chara lisan, kira-mengira, pelajaran sosial dan ugama yang meliputi kegiatan2 berasaskan aneka jurusan, persediaan bagi kehidupan dan hiboran masharakat di-Brunei di-sediakan.

Bagaimana pun, Pengarah Pelajaran itu melahirkan keraguan-nya tentang sambutan ibu-bapa terhadap kursus itu kerana ibu-bapa maseh berpegang tegoh supaya anak2 mereka di-beri peluang mendudoki pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Kata-nya, Jabatan Pelajaran terpaksa memberikan pertimbangan untok memperkenalkan kursus itu di-samping usaha2 perlu di-buat bagi menerangkan kedudokan sabenar-nya kapada semua yang berkenaan dari gulongan ibu bapa dan murid2 itu sendiri bahawa churak pelajaran yang terbaik sekali bagi kebanyakan kanak2 bukan-lah kursus2 akademik yang membawa mereka kapada pepereksaan SRP dan SPM.

Akhir-nya beliau mengharapkan sokongan penoh dari PGGMB dalam menyediakan dan memperkenalkan kursus2 baru itu nanti sambil menerangkan kapada ibu bapa bahawa kursus sa-demikian ada-lah perlu demi kepentingan anak2 mereka dan sa-terus-nya kepentingan Negeri Brunei Darussalam.

Penyampaian bendera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Muda Sufri Bolkiah akan menyampaikan bendera Negeri Brunei kapada rombongan sa-ramai 10 orang peserta yang akan menyertai pertandingan Karate Sa-Asia dan Pacific yang pertama yang akan di-adakan di-Singapura dari 3hb. hingga 6hb. Mach.

Upachara menyampaikan bendera itu akan di-adakan di-lapangan terbang antara bangsa Brunei pada jam 11.00 pagi ini ia-itu sa-jurus sa-belum rombongan itu bertolak ka-Singapura.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 10 RABU 7HB. MACH, 1973. 1393 رابو 2 صفر PERCHUMA



PASOKAN Ketua2 Jabatan yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan (gambar atas) telah berjaya dalam perlawanan tarek kalat khas yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Turut serta dalam perlawanan itu ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pg. Muda Jefri Bolkiah.

Perlawanan tarek kalat itu di-adakan sa-bagai memperingati lawatan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

KERJA2 KA-ATAS RANCHANGAN BEKALAN AYER DI-SAMBONG SEMULA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembinaan perengkat pertama Ranchangan Ayer Tutong telah di-sambong semula sejak bulan Januari tahun ini.

Ini berikutan dengan satu kontrek yang di-buat dengan Sharikat Pembinaan Swee bagi jumlah $6,714,000.00 bagi menamatkan kerja2 pembinaan tersebut.

Sharikat Pembinaan Swee di-jangka menyempurnakan kerja2 yang terbengkalai oleh Sharikat Kejuruteraan Wohing dan Winley dalam tempoh 15 bulan.

(Lihat muka 8)

396 orang penuntut Brunei menuntut di-luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 396 orang penuntut Brunei pada masa ini sedang berada di-luar negeri untok melanjutkan pelajaran mereka di-berbagai maktab dan universiti atas biasiswa Kerajaan Brunei melalui Jabatan Pelajaran.

Menurut senarai yang di-keluarkan oleh Jabatan Pelajaran pada penghujong tahun 1972 menunjokkan sa-ramai 216 orang dari penuntut2 itu belajar di-sekolah menengah di-Malaysia, Singapura dan United Kingdom.

Sebelas orang mengambil kursus jururawat dan 13 mengambil latehan guru di-United Kingdom dan dua orang lagi mengambil latehan guru di-Australia.

152 orang mengambil ijazah dan kursus diploma di-Australia, Canada, Malaysia, Filipina, Singapura dan United Kingdom. Sa-orang mengambil kursus Post-Graduate di-United Kingdom atas dermasiswa Commonwealth.

Tujoh orang mengambil ijazah dan kursus diploma di-Malaysia dan United Kingdom atas dermasiswa Ranchangan

(Lihat muka 8)

YANG Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah sedang di-perkenalkan oleh Awang Abdullah Sani kapada peserta2 yang mengambil bahagian dalam pertadingan Karate Sa-Asia dan Pacific yang telah berlangsong di-Singapura, sajurus sa-belum rombongan itu bertolak meninggalkan lapangan terbang antara bangsa Brunei pada hari Rabu lepas.

Yang Teramat Mulia terdahulu sa-belum itu telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kapada ketua pasokan dalam satu upachara rengkas di-lapangan tersebut.

ORANG RAMAI DI-SERU SUPAYA MENJIMAT AYER

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail hari ini menyeru orang ramai supaya tenang dan sabar pada menghadapi musim kemarau yang sedang menimpa negeri ini.

Dalam pertemuan khas dengan beliau, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara juga menasihatkan seluroh pendudok negeri ini supaya berjimat-chermat dalam menggunakan ayer yang telah di-bekalkan.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa kebiasaan satengah2 pendudok untok menggunakan ayer saperti menchuchi kereta, menyiram bunga dan lain2 kebiasaan yang menggunakan ayer itu hendak-lah di-kurangkan.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa dalam masaalah kekurangan ayer ini ada-lah merupakan masaalah yang di-hadapi bersama dan ia-nya hendak-lah di-atasi dengan melalui sifat bersafahaman, tanpa memikirkan kepentingan sendiri.


(Lihat muka 8)



RENCHANA KHAS

KA-TANAH SUCHI

(oleh: Haji Ahmad Arshad)



Gambar ini menunjokkan keadaan sesak oleh manusia dan kenderaan di-Kampong Samiah, Mekah. Di-Kampong ini-lah tempat tinggal jemaah2 Brunei yang bersheikh-kan Sheikh Haji Ibrahim. Arus manusia dan kenderaan sa-umpama ini akan bertambah2 padat bila tiba waktu sembahyang, kerana semua orang berebut2 hendak ka-Masjidil Haram yang letak-nya di-seberang jalan Kampong Samiah. — Gambar Haji Kamaluddin PHA Bakar.

IBADAH Haji ia-lah salah satu dari rukun Islam yang lima dan ada-lah di-wajibkan sa-tiap Umat Islam yang berkemampuan mengerjakan-nya. Wajib-nya di-atas tiap2 sa-seorang menunaikan fardhu haji itu sama-lah sa-bagaimana kita di-wajibkan menunaikan sembahyang lima waktu, puasa dalam bulan Ramadhan dan lain2 rukun lagi. Hanya perbezaan di-antara rukun2 yang lain itu dengan ibadah haji ini ia-lah bahawa wajib-nya ibadah haji itu di-kerjakan ia-lah sekali sahaja dalam sa-umor hidup. Itu pun di-sharatkan dengan ada-nya kemampuan yang menchukupi baik dalam soal wang ringgit, kemudahan2 perjalanan mahu pun kesihatan.

Firman Allah dalam Al-Quran, Surah Al-Emran — ayat 97 telah menyebutkan yang kira2 bermaksud: *"Dan Allah mewajibkan kapada manusia mengerjakan haji di-Baitullah — ia-itu barang siapa yang* **kuasa** *mengadakan perjalanan kapada-nya"*.

Kuasa yang di-sebutkan dalam surah itu ada-lah berarti "kemampuan" bagi tiap2 sa-orang Umat Islam yang hendak menunaikan ibadah haji tersebut. Dan kemampuan itu ia-lah dengan ada mempunyai perbelanjaan pergi dan balek termasok perbelanjaan2 - nya sa - waktu berada di-tanah suchi dan perbelanjaan buat orang yang dalam tanggongan-nya yang tinggal di-tanah ayer. Kemampuan itu juga berarti chukup sehat, ada kenderaan dan aman sawaktu dalam perjalanan ka-tanah suchi itu.

Menurut hukum dan telah di-sebutkan juga di-beberapa buah buku panduan mengerjakan ibadah haji itu bahawa orang yang telah ada kemampuan itu, tetapi tidak mengerjakan haji sa-hingga-lah ia mati, maka ia berdosa dan keadaan-nya sama-lah dengan ketiadaan mengerjakan sembahyang, berpuasa dan rukun2 Islam yang lain.

Persoalan selalu timbul yang di-tujukan kapada orang2 Islam yang berada, tetapi belum lagi menunaikan ibadah haji itu. Jika di-tanya kenapa mereka itu belum menunaikan ibadah tersebut, maka jawapan yang biasa benar di-dengar ia-lah belum *"lambaian"* atau belum sampai seru, atau belum di-kehendaki Tohan lagi. Persoalan sa-umpama ini tidak sahaja terdapat di-tanah ayer kita ini, bahkan juga di-negara2 Islam yang lain sapertimana juga yang banyak di-timbulkan dalam buku2 yang berhubong dengan mengerjakan haji itu.

Ustadz Ismail Yusof dalam buku panduan mengerja haji menegaskan bahawa jawapan sa-umpama itu ada-lah salah. Beliau menekankan bahawa sa-suatu perkara tuntutan shara' tidak harus di-buat alasan dengan kehendak Tohan, sama ada untok hendak mengerjakan-nya atau untok meninggalkan-nya. Tiap2 sa-seorang mesti-lah patoh kapada hukum2 Islam. Apa yang di-tuntuti oleh hukum itu-lah yang mesti di-buat alasan.

Berhubong dengan seruan atau "lambaian" itu perlu juga di-beri penjelasan, kerana sajauh ini, hatta dalam perbualan2 saya dengan jemaah2 Brunei di-Tanah Suchi, maka alasan belum "lambaian" itu nampak-nya maseh menular.

Dalam buku-nya, Ustadz Ismail Yusof menegaskan bahawa jawapan belum sampai seru atau belum "lambaian" menurut kata kita di-sini ada-lah salah, kerana seruan Nabi Mohammad s.a.w. memang telah sampai kapada kita sekalian.

Beliau juga menerangkan berhubong dengan apa yang di-maksudkan kapada seruan Nabi Ibrahim a.s. Maksud ini pun salah juga, kerana seruan Nabi Ibrahim a.s. itu tidak menjadi sharat bagi wajib-nya haji. Kerana tidak ada sa-orang pun yang mengetahui seruan itu, maka ta'kan harus di-buat alasan dengan perkara yang tidak di-ketahui oleh-nya itu.

Selalu benar kita mengikuti bagaimana orang membuat alasan2 yang mereka sendiri tidak mengetahui akan hujong pangkal-nya, tegas-nya tidak mempelajari dari awal hingga akhir terhadap hukum2 yang sa-benar sa-hingga alasan2 yang di-buat itu terkeluar dari hukum2 tersebut.

Maka alasan yang paling baik di-buat ia-lah dengan menyatakan yang diri-nya akan menunaikan fardhu haji itu dalam jangka tiga empat tahun lagi, kerana haji itu wajib-nya ada-lah luas tempoh-nya. Atau pun dengan jawapan: *"Insha-allah, saya akan pergi apabila chukup kemampuan"*. Dalam pada itu, jawapan2 sa-umpama ini hendak-lah kita patohi ia-itu apabila sudah benar2 chukup mampu, maka hendak-lah di-tunaikan apa yang kita chakapkan itu. Kata2 itu ada-lah sa-bahagian daripada iman.

Bahaya berpegang atau yakin terhadap "lambian" ini juga boleh mendatangkan mudharat dan kepapaan sa-sudah bergelar haji. Misal-nya: Oleh kerana terdurong atau konon-nya sudah di-datangi lambaian, maka berlaku-lah berbagai2 ikhtiar sa-hingga kapada ikhtiar2 yang tidak di-haruskan kita melakukan-nya saperti menjual atau menggadai harta benda atau tanah yang menjadi sumber penting dalam penghidupan manusia.

Ugama Islam tidak sekali2 menyuroh pengikut2-nya berbuat demikian apa lagi dengan tujuan untok menunaikan fardhu haji. Sapertimana yang di-sebutkan di-atas bahawa kita di-wajibkan mengerjakan ibadah haji itu sa-telah benar2 kita berkemampuan dan tidak mendatangkan kemudharatan pada hari2 yang berikut-nya.

Bagi yang berkemampuan, tetapi belum lagi menunaikan fardhu haji, maka ada baik-nya merenongkan semula akan sabda Rasulullah s.a.w. yang kira2 bermaksud: *"Siapa yang memileki bekalan dan kenderaan yang boleh menyampaikan kapada Baitullah, tetapi tidak mengerjakan haji, maka di-atas-nya itu sama ada di-matikan saperti kematian Yahudi atau Nasrani, ya'ani tidak ada perbezaan hal-nya dengan mengkafirkan nikmat Tohan sa-bagaimana Yahudi dan Nasrani itu mengkafirkan nikmat Allah Subhanahu Wataala"*.

Dalam mengerjakan ibadah haji ini pula, banyak pendapat2 yang menyarankan bahawa ibadah haji itu ada-lah bagi orang yang sudah tua, sementara yang maseh muda itu tidak di-beri galakan.

Tetapi keadaan yang sabenar-nya ada-lah berlawanan dengan saranan ini. Di-sepanjang berada di-Tanah Suchi dan memandang kapada keadaan perjalanan dari Jeddah ka-Mekah dan ka-Medinah saperti yang terjadi ka-atas jemaah2 Brunei pada tahun yang baru lalu ini, maka ada-lah nyata ia-nya tidak sesuai bagi orang2 yang sudah tua yang sudah lanjut umor-nya saperti umor 60 hingga membawa kapada lebeh 90 tahun. Dan, lebeh tidak sesuai lagi jika orang2 tua itu dalam keadaan kesihatan yang kurang baik dan sa-belum-nya pernah mengidap penyakit athma atau ampus dan lelah. Orang2 tua saperti ini harus bersikap jujur terhadap diri-nya sendiri dan apabila menghadapi pemereksaan doktor sa-belum di-benarkan bertolak ka-Mekah hendak-lah mereka menyatakan penyakit2 yang pernah mereka alami dalam masa yang lalu.

Menunaikan haji dalam perengkat umor yang sudah lanjut ini ada-lah tidak di-larang, tetapi ada-lah lebeh baik bagi mereka, khas-nya yang mampu dalam perengkat umor yang maseh agak muda, melaksanakan ibadah itu dengan segera. Ada-lah ternyata senang dan melegakan di-kalangan mereka yang kuat dan chukup sehat bagi melaksanakan kerja2 haji itu dengan terator dan sempurna. Kesempurnaan melaksanakan kerja2 haji itu ada-lah senantiasa di-ingatkan kapada bakal2 haji.

Rasulullah s.a.w., dalam sabda Baginda mengingatkan yang kira2 maksud-nya: *"Hendak-lah kamu menunaikan fardhu haji sa-belum datang halangan yang menegahkan kamu daripada menunaikan-nya"*.

Dari sabda Baginda itu, maka ada-lah jelas bagi kita semua bahawa kita ada-lah di-galakkan dan di-suroh mengerjakan ibadah haji itu sa-belum datang-nya *halangan2* yang tidak membolehkan kita mengerjakan-nya saperti umor yang terlalu tua dan di-tambah lagi dengan kesihatan yang tidak menchukupi untok menghadapi keadaan perhimpunan manusia yang bagitu padat dan bertumpu di-kawasan2 ibadah yang tertentu.

Umat Islam yang menunaikan ibadah haji pada tahun yang baru lalu ini ada yang paling ramai sekali daripada tahun2 sa-belum-nya. Tahun yang baru lalu ini, jumlah besar berhimpunan agong Umat Islam itu termasok raayat Arab Saudi sendiri ada-lah sa-ramai 1.5 juta orang.

Dari negara2 yang di-luar dari Arab Saudi saja, jumlah besar-nya ia-lah sa-ramai 645.182 orang pada tahun yang baru lalu ini berban-

(Lihat Muka 6)

LAPANGAN PERNIAGAAN AMAT PENTING BAGI KEMAKMORAN RAAYAT

KHUTBAH JUMA'AT

BEKERJA dan berusaha menchari rezeki bagi kehidupan itu hukum-nya wajib di-dalam Islam. Berikhtiar dan bekerja itu suatu rahasia kejayaan, samada pekerjaan itu sa-bagai petani, nelayan, mekanik, buroh, bertukang, peon, kerani, pegawai2, pengarah2 sharikat, membuat perusahaan, berternak, perniagaan dan sa-bagai-nya semua-nya itu termasok surohan2 Tuhan asalkan di-atas dasar2 yang tidak bertentangan dengan ajaran2 Islam.

Pada hari ini kita dapat perhatikan betapa kurang-nya penyertaan kita raayat dan pendudok bumi putera negeri ini di-dalam beberapa lapangan kegiatan ekonomi yang boleh mendatangkan keuntongan dan kebajikan yang besar. Sa-bagai satu chontoh, dalam lapangan perniagaan umpama-nya, kegiatan kita pada umum-nya hanya terbatas kapada membuka kedai2 runchit, berniaga di-gerai2 menjual makanan dan minuman sa-chara kechil2an, menjual sayor2an dan buah2an di-tamu2 dan di-tepi2 jalan raya dan terlalu sedikit mereka yang berani menjalankan perniagaan sachara besar2an, pada hal lapangan perniagaan ini adalah satu lapangan yang amat penting bagi kemakmoran raayat dan pendudok bumi putera negeri ini. Demikian pula penyertaan kita dalam lapangan2 perusahaan, penternakan, pertanian, pertukangan dan perikanan, kebanyakan-nya hanya dalam sambilan2 yang tentu-nya tidak mungkin memberikan keuntongan yang berarti jika di-badingkan dengan usaha2 yang telah dan sedang di-buat oleh orang2 bukan bumi putera.

Bertolak dari kenyataan ini maka sudah sampai-lah masa-nya kita memikirkan, mengkaji dan menchari jalan untok mengatasi kelemahan2 kita dalam semua lapangan2 tersebut kemudian mengusahakan-nya dengan kemahuan yang kuat, bekerja dengan rajin dan bersunggoh2, bersedia mempelajari dan menchontohi pengalaman2 orang bukan bumi putera, mengadakan berbagai2 latehan yang berkesan, membuka peluang penyertaan bumi putera ka-dalam lapangan2 itu, mengubah sikap dan pendirian mereka supaya sa-jajar dengan kehendak2 perkembangan dan kemajuan yang di-kehendaki.

Dalam pada itu harus-lah juga di-ingat bahawa penyertaan kita untok menchari harta kekayaan dalam berbagai2 chara ini hendak-lah di-dasarkan kapada jalan2 dan dengan chara2 yang tidak bertentangan dengan hukum Ugama Islam ,kerana Allah Subhanahu-Wataala telah mengadakan undang2 batasan yang tiada boleh di-langgar. Ada perkara yang di-halalkan Allah dan ada pula di-haramkan-nya. Allah Subhanahu-Wataala telah menyuroh menchari harta kekayaan itu tetapi bukan-lah untok menchari sembahan atau matalamat hidup, bahkan harta kekayaan itu hendak-lah di-iadikan suatu alat atau perkakas bagi menchapai tujuan2 yang berkebajikan.

Menjalankan perniagaan pelachoran atau dengan chara tipu, memudharatkan manusia yang lain, merosakkan tingkah laku dan akhlak, tiada ingatkan meruah dan sa-umpama-nya adalah di-larang oleh Ugama Islam, bagitu juga membelanjakan harta kapada perkara2 yang di-larang ada-lah di-tentang oleh Ugama Islam. Harta itu bukan kebajikan pada zat-nya tetapi kebajikan itu bagi kita supaya terlepas daripada meminta sedekah dan boleh membelanjakan-nya kapada keluarga dan orang2 yang di-bawah tanggongan, menolong orang2 susah dan yang berhajat. Harta itu bukan jahat pada zat-nya tetapi kejahatan itu pada kita jua ia-itu apabila kita bakhil pada perkara kebajikan, sumbong dan takbor dengan sebab ada harta, mengikut hawa nafsu, membelanjakan-nya pada perkara2 kejahatan dan maksiat.

Mari-lah kita menchari dan berusaha mendapatkan harta kekayaan dengan chara dan usaha yang halal, supaya dapat-lah kita orang Islam menggunakan-nya pada kebajikan dan faedah diri, bangsa dan tanah ayer.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7hb. Mach, 1973 hingga ka-hari Selasa 13hb. Mach, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
7hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5.00	5-14	6-29
8hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5.00	5-14	6-29
9hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5.00	5-14	6-29
10hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5.00	5-14	6-29
11hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4.58	5-12	6-27
11hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4.58	5-12	6-27
13hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4.58	5-12	6-27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

Pendaftaran untok menunaikan fardhu haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran untok menunaikan fardhu haji dengan menaiki kapal laut dan kapal terbang baji musim haji tahun 1973/1974 bermula 1hb. Mach ini dan akan di-tutop 17hb. Mei hadapan.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Bahagian Urusan Haji, Tingkat 1 Bilek No. 211, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei; Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong, dan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Temburong.

Segala permohonan mestilah dengan lengkap dan semporna mengikut peratoran2 saperti berikut:

i) Nama dan alamat serta tarikh lahir hendak-lah mengikut ejaan dan tarikh di-lahirkan yang terdapat dalam surat beranak atau Kad Pengenalan. Surat Beranak dan Kad Pengenalan hendak-lah di-bawa bersama2 semasa mendaftar.

ii) Nama Sheikh haji tempatan dan di-Mekah hendak-lah di-nyatakan dalam borang pendaftaran, ia-itu salah satu sheikh yang di-tetapkan (Sheikh Haji Ibrahim dan Sheikh Ali Yassin Abdulmajid).

iii) Tiga keping gambar paspot untok pendaftaran naik haji dengan kapal terbang dan lima keping gambar untok pendaftaran kapal laut hendak-lah di-hantar bersama2 dengan borang permohonan sekali.

iv) Tiap2 borang permohonan hendak-lah di-tanda tangani atau di-chap dengan ibu jari kanan pemohon.

v) Borang2 permohonan yang semporna di-isikan hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji, Bandar Seri Begawan, Brunei atau di-Pejabat2 Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait/Tutong/Temburong di-waktu bekerja biasa.

vi) Pendaftaran akan di-kira mengikut tarikh dan pendaftaran itu di-terima. Borang permohonan yang tidak lengkap mengikut sabagaimana yang di-kehendaki dalam borang tersebut tidak akan di-kira pendaftaran-nya.

vii) Surat Akuan Sehat dari Tabib Kerajaan yang membolehkan mereka pergi menunaikan fardhu haji hendak-lah di-perolehi. Borang untok pemereksaan kesihatan akan di-berikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji, Bandar Seri Begawan apabila Jabatan ini mendapat ketetapan tarikh dari pehak yang berkenaan untok memulakan pemereksaan tersebut.

viii) Semua pendaftaran yang telah di-sampaikan dan di-terima oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan Pejabat2 Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait/Tutong/Temburong tidak-lah sa-mesti-nya orang yang mendaftar itu di-layani, bahkan ada-lah tertaalok kapada peratoran2 yang di-tentukan atau yang akan di-tetapkan dari sa-masa ka-samasa.

Kawasan bagi balai pulis

BANGAR. — Kerja2 membersih kawasan bagi tapak komplek balai pulis di-Pekan Bangar, Daerah Temburong sedang berjalan lanchar.

Tapak balai pulis yang baharu itu, di-bahagian seberang sungai dan bertentangan dengan balai pulis yang ada sekarang.

Komplek tersebut akan mengandongi sa-buah balai pulis, 2 blok 24 unit quarters bagi anggota2 pulis yang beristeri, sa-buah blok quarters bujang dan sa-buah rumah bagi pegawai pemerentah balai pulis.

PELITA BRUNEI

(7hb. Mach, 1973.)

KEMARAU

PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara menekankan bahawa masaalah kekurangan ayer ada-lah merupakan masa-alah yang di-hadapi bersama dan ia-nya hendak-lah di-atasi dengan melalui sifat2 bersa-fahaman, tanpa memikirkan kepentingan diri sendiri.


Berjimat dan "berampit2an" antara satu sama lain mengenai dengan penggunaan ayer ini ada-lah pengertian apa yang di-katakan bersafahaman ini. Kita tahu yang kemarau sedang melanda negeri kita, bahkan juga di-negeri2 yang lain di-keliling kita ini. Membazir ada-lah memperchepatkan kita kekurangan ayer itu. Jika kita berjimat dari awal, maka tidak bagitu awal timbul-nya keada-an yang kita alami sekarang.

CHUKAI BARANG2

DALAM minggu lalu, Pe-ngawal Kastam dan Bea telah mengeluarkan satu surat keliling berhubong dengan per-aturan chukai baru yang telah di-kuatkuasakan bulan lepas. Dalam peratoran chukai baru itu terdapat beberapa perenng-kat penetapan harga chukai ka-atas sa-suatu barang yang ma-na sa-bahagian-nya membawa-kan keharusan penurunan dan kenaikan harga bagi barang2 yang tertentu.

Menurut peratoran baru itu, beberapa jenis barang keper-luan sa-hari2 telah turut terli-bat saperti gula, garam, susu, tembakau, rokok, teh dan kopi. Gula, garam dan susu di-beri-takan sa-bagai barang2 yang mungkin di-kurangkan harga-nya bilamana di-beritakan bahawa chukai ka-atas ba-rang2 itu ada-lah di-turunkan beberapa sen. Da-lam pada itu pula, kopi dan teh yang di-kenakan chukai sa-banyak 5% mungkin akan di-naikkan dan demikian juga barang2 yang lain saperti pe-metik api, jam, barang2 kemas dan bahan2 penchuchi mung-kin akan naik harga-nya.

Perkara ini kita yakin bu-kan saja di-tujukan kapada orang ramai sa-bagai pembeli2, tetapi juga di-tujuan kapada pekedai2 yang menjual ba-rang2 tersebut. Di-pehak pem-beli2 tidak lain yang di-harap-kan mereka sa-lama ini ia-lah kejujuran pekedai2 itu melak-sanakan perkara2 yang benar dan tidak menjadikan satu2 perkara rasmi, saperti kenyata-an dari Pengawal Kastam itu di-jadikan sa-bagai alasan yang tidak berlandaskan kebenaran-nya. Pekedai2 di-negeri ini hendak-lah bertindak jujur da-lam soal harga barang2 itu dan dengan kejujuran yang demi-kian akan dapat mententeram-kan keadaan. Kita harap, jang-an ada hari esok lusa-nya pe-kedai2 dengan sa-wenang2 me-naikkan harga barang2 tersebut sambil mengambil kesempatan membuat alasan2 yang kononn-ya di-dasarkan kapada per-aturan chukai yang baru itu. Perkataan "harus" tidak berarti benar, kechuali terbit kenya-taan yang muktamat dan ras-mi untok di-laksanakan.



Sa-tiap pemohon untok mendapatkan lesen me-mandu mesti-lah menjalani ujian teori dan praktikal. Gambar atas menunjokkan Pegawai Pemereksa Kenderaan, Awang Mahadi bin Nasar sedang menjalankan ujian teori mengenai dengan undang2 lalu lintas jalan raya. Sementara gambar bawah pemohon itu sedang di-uji mengenai de-ngan tanda2 dan isharat2 lalu lintas jalan raya.

TINJAUAN RI
JABATAN KE

SUSUNAN: ALIDIN OTHMAN

(SAMBONGAN MINGGU LALU)

3. **Menguji pemandu2 dan mengeluarkan lesen2 P**

Sa-seorang yang ingin memandu sebarang kendera- lah mempunyai lesen pemandu yang membolehkan ia kenderaan jenis yang di-pandu-nya, umpama-nya, mo nya ia-lah 3. Ini ada-lah menurut Peratoran Peratoran2 Lalulintas Jalan Raya 1955. Dan tidak se boleh membenarkan atau menggaji sa-seorang untok kenderaan-nya jika orang yang di-benarkan atau yang itu tidak mempunyai lesen memandu yang sah bagi kan ia-nya memandu kenderaan jenis yang di-ma Orang2 yang melanggar Peratoran ini ada-lah melaku kesalahan. Bagi kesalahan pertama boleh di-denda $250.00 dan bagi kesalahan kedua boleh di-penjara bulan atau di-denda sa-banyak $500.00 atau kedua2-n mandu tanpa insuran pula ada-lah melakukan satu di-bawah undang2 insuran pehak ketiga dan boleh di- banyak $1,000.00 atau 6 bulan penjara.

Lesen2 pemandu di-keluarkan oleh Pegawai Me pada pemohon2 yang berjaya di-dalam ujian memandu memandu meliputi kedua2 bahagian teori dan Dalam bahagian teori sa-seorang pemohon itu aka tentang undang2 Jalan Raya, isharat2 lalu lintas dan



kala dalam baha-gian praktikal pula sa-seorang pemohon itu akan di-uji ke-bolehan-nya memandu ken-deraan di-jalan raya saperti yang di-tentukan oleh Jaba-tan Kenderaan Darat. Ini ter-masok-lah chara2 penarohan kereta (parking) dan lain2. Di-samping itu Jabatan ini juga mengambil inisiatif menyoal pemohon2 itu tentang tatatertib sa-seorang pemandu di-jalan raya. Umpama-nya, apakah yang mesti di-lakukan oleh sa-seorang jika bertemu de-ngan orang2 yang menemui sebarang kesusahan di-jalan raya saperti kemalangan, ke-rosakan enjin dan lain2.

Pemohon2 yang ingin men-jalani ujian memandu di-kena-kan bayaran sa-banyak $5.00 dan lesen2 pemandu di-kena-kan bayaran $1.00 untok sa-



Ujian mengenai penggu keliling (round about). undang2 jalan raya, sa- yang datang dari sebe hendak-lah di-beri jalan

— ★ —

Ujian teori mengenai penggunaan lampu ish raya.

NGKAS MENGENAI NDERAAN DARAT

tahun. Bayaran lesen pemandu di-kenakan bayaran $1.00 untok sa-tahun. Bayaran lesen pemandu sementara bagi 3 bulan pertama ia-lah $1.00 dan jika di-sambong untok 3 bulan lagi ia-lah $2.00 dan jika di-sambong sa-lepas 3 bulan kedua ia-lah $5.00.

Pemohon2 juga mesti-lah membuat permohonan terlebeh dahulu sa-belum menjalani sa-barang ujian memandu.

Lesen2 pemandu tidak di-keluarkan kapada orang2 saperti berikut:

i) orang2 yang mengidap penyakit otak atau kechachatan tenaga (physical disability)

ii) orang2 yang berumor di-bawah 18 tahun.

ii) lesen pemandu untok memandu kenderaan berat atau kenderaan perkhidmatan awam tidak akan di-keluarkan kapada orang2 yang berumor di-bawah 21 tahun.

iv) semasa lesen pemandu yang di-mileki oleh saseorang itu di-gantongkan oleh mahkamah.

v) jika sa-seorang itu dengan perentah Mahkamah di-tegah mendapatkan lesen pemandu.

Menurut Undang2 Lalulintas, sa-seorang pemandu yang sedang dalam latehan (belum lulus ujian) mesti-lah menunjokkan dengan terang-nya 'plate' "L" berwarna merah yang berlatar-belakangkan warna puteh. Ukoran "plate" ini mesti-lah mengikut peratoran lalulintas ia-itu 7 inchi persegi dan tebal huruf "L" itu mesti-lah lebeh kurang 1½ inchi. "Plate2 L" yang di-jual di-kedai2 boleh di-gunakan jika memenohi sharat2 peratoran lululintas. Jabatan Kenderaan Darat senantiasa memberikan perhatian terhadap "plate2" yang di-jual di-kedai2. Jika sa-kira-nya "plate2" itu di-dapati tidak memenohi sharat2 yang di-kehendaki, maka "plate2" itu akan di-tegah untok di-jual kapada orang ramai.

Pada masa ini tidak ada undang2 yang menegah penunggang motosikal yang maseh menggunakan lesen sementara (L) untok menggunakan motosikal/skuter untok mengangkut barang2. Akan tetapi mereka ada-lah melakukan satu kesalahan di-bawah Bab 28 daripada undang2 lalulintas jika menggunakan kenderaan-nya itu untok mengangkut barang2 kerana kenderaan itu tidak di-buat untok di-gunakan bagi kehendak sa-demikian.

4. **Melayan permohonan2 untok menukar milek, menukar warna sa-sebuah kenderaan dan membawa keluar negeri (export)**

Tuan2 punya kereta mesti-lah memberitahu Jabatan Kenderaan Darat jika mereka hendak menukar milek, (mengikut peratoran 42 dari Undang2 Lalulintas) warna kenderaan dan membawa keluar negeri dengan mengisikan borang2 yang tertentu.

Sa-kira-nya perbuatan ini tidak di-laporkan kapada Jabatan ini, mereka ada-lah melakukan kesalahan. Kereta2 yang hendak di-tukar milek dan di-bawa keluar negeri mesti-lah di-pereksa terlebeh dahulu sa-belum di-beri salinan sijil2 pendaftaran. Ini perlu di-lakukan kerana mungkin ada perubahan2 pada nombor engine dan sa-bagai-nya. Begitu juga apabila menukar warna kenderaan.

Sa-lain daripada tugas2 di-atas, Jabatan Kenderaan Darat juga memandang berat tentang soal2 keselamatan pengguna2 jalan raya dengan bekerjasama dengan pehak polis yang bertanggong-jawab "menangkap dan mendakwa" orang2 yang melanggar Undang2 dan Paratoran2 Lalulintas Jalan Raya dan juga dengan Jabatan Kerja Raya yang bertanggong-jawab membina dan memelihara jalan raya.

Dalam pertemuan itu juga, Awang Abidin telah merayu kapada semua lapisan masharakat di-negeri ini supaya memberikan kerjasama mereka demi untok menjaga keselamatan jalan raya di-negeri ini. Menurut perangkaan2 yang di-keluarkan oleh Jabatan ini dari semasa ka-semasa menunjokkan bilangan kenderaan yang di-daftarkan ada-lah meningkat dari sa-tahun ka-setahun dan ini ada-lah satu kebanggan kapada kita tetapi pertambahan ini tidak saimbang dengan pertambahan jalanraya di-negeri ini. Namun demikian Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah senantiasa berusaha meluaskan, menambah dan memperbaiki jalan2 raya di-negeri ini. Tetapi jika sa-kira-nya kita sendiri sentiasa mengabaikan matalamat kita untok menjadikan jalan2 raya kita itu satu tempat yang selamat harapan kita akan menjadi tipis. Beliau juga berharap sa-tiap pengguna2 jalan raya akan senantiasa berwaspada dan mempunyai "confidence" bahawa mereka terselamat daripada anchaman2 kechederaan atau pun kemalangan jalan raya dan dapat menjadikan jalan raya sa-bagai satu tempat yang selamat bukan sabagai lembah maut. Bagi mereka yang telah berjaya mendapat lesen2 pemandu, hendak-nya segala apa yang telah di-uji dan kebolehan yang mereka tunjokkan semasa menjalani ujian kekal dan jangan-lah kehandalan hanya di-tunjokkan semasa menjalani ujian dan lesen2 pemandu jangan-lah di-gunakan untok bermegah.





Kedua2 gambar atas dan bawah menunjokkan ujian praktikal yang di-jalankan dalam kawasan Jabatan Kenderaan sa-belum di-uji memandu ka-jalan besar.



KA-TANAH SUCHI

(Dari muka 2)

ding dengan tahun sa-belum-nya yang hanya sa-ramai 479,339 orang. Tahun yang baru lalu itu ternyata membawa kelebehan Umat Islam dari luar Arab Saudi yang mengerjakan haji itu sa-hingga sa-ramai 165,843 orang.

Dari bilangan kelebehan yang besar ini, maka negara yang teramai sekali membenarkan raayat Islam-nya menunaikan haji itu ialah Pakistan dengan jumlah saramai 95,968 orang dan yang kedua ramai-nya ia-lah dari Yemen dengan jumlah 60,250 orang dan yang ketiga ia-lah Nigeria dengan bilangan sa-ramai 48,981 orang. Satahun sa-belum-nya tidak ramai raayat Pakistan yang menunaikan ibadah haji itu di-sebabkan keadaan negara itu maseh lagi dalam suasana peperangan dengan India. Tetapi tahun yang baru lalu ini, keadaan negara itu telah beransor2 aman dan Kerajaan Pakistan tidak memberikan sekatan kapada raayat Islam-nya untok melepaskan mereka ka-Mekah. Jemaah dari India pula ia-lah sa-ramai 18,306 orang.

Menurut ramalan sheikh2 haji di-Mekah bahawa bilangan jemaah2 haji pada tahun yang akan datang ini mungkin meningkat lebeh besar daripada bilang tahun yang baru lalu ini.

(Bersambong minggu depan dengan kesah perjalanan jemah Brunei ka-Tanah Suchi).

DI-DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARITH, KUALA BELAIT.

SURAT KUASA PESAKA
No. 3/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Peramai binte Tarudin, d/a Samiun bin Abdul Rahman, Balai Pulis Panaga, Lorong 14, Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Rahman bin Jalil yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di--dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 7 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan pebicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 26 haribulan Februari, 1973.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

A. PENOLONG PEGAWAI KERJA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya G.C.E. Peringkat 'O' dalam tiga mata-pelajaran dan satu daripada-nya ia-lah Bahasa Melayu;

(b) Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pentadbiran pejabat;

(c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kemahiran dalam trengkas Melayu dan berpengalaman dalam kerja2 penerbitan dan perchetakan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C1 EB 2 — $610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sebanding dengan-nya;

(b) Berpengalaman sekurang2-nya selama 10 tahun dalam pentadbiran perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C1 EB 2 — $610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

C. PEMBANTU PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

D. ATENDAN PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 26hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Kerani Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan untok memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sebanding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-335/EXAM BAR / 350x15-380-410x510/EB/540 x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 21hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Jurutrengkas Inggeris

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jurutrengkas Inggeris di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan boleh menchatet trengkas sechepat 80 perkataan sa-minit dan menaip 30 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kelulusan akademik yang lebeh tinggi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — $410x20-510 / EB/540x20 - 660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 26hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Pembantu Makmal Bahasa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Makmal Bahasa di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran serta boleh membacha dan menulis Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 28hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Kerani / Juru Bahasa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Kerani/Juru Bahasa di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelayakan yang sa-banding dan mesti-lah benar2 faseh dalam sekurang2-nya tiga logat China, Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — $410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan salama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 9hb. April, 1973.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

Pemilehan chalun Penghulu bagi Mukim Keriam

TUTONG. — Pendudok2 Mukim Keriam, Daerah Tutong akan berkumpul di-balai raya Sinaut pada 17hb. Mach untok memileh chalun2 bagi jawatan Penghulu Grade Satu di-kawasan tersebut.

Mukim Keriam mengandongi kampong2 Bangsinggong, Bukit Panggal, Luagan Dudok, Santol, Batu 18, 19, 20, Kubu, Kupang, Ikas, Bandong dan Keriam.

Penghulu baru itu akan menggantikan Orang Kaya Setia Negara Awang Mohamed Safar bin Mohamed Salleh yang akan bersara tidak lama lagi.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohamed Jafar berkata semua pendudok2 yang berumor 21 tahun ka-atas di-minta hadhir di-balai raya Sinaut pada 17hb. Mach jam 9.00 pagi.

Beliau menyatakan sa-siapa yang ingin menjadi chalun bagi jawatan tersebut mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, berumor antara 30 dan 45 tahun dan lulus pepereksaan darjah lima sekolah Melayu.

Chalun itu mesti-lah juga tinggal di-kawasan itu dan tidak mempunyai jawatan dengan kerajaan atau berkhidmat dengan sa-barang firma atau pertubohan2 perniagaan.

Borang2 pemilehan chalun2 itu boleh di-dapati dari Pegawai Daerah Tutong.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 11/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Mail bin Pakar, Kampong Belimbing, Subok, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jelimah bte. Lamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 12/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tan Soi, Kampong Batu Apoi, Temburong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tan Sim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 13/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Habibah bte. Abu Bakar, Kampong Sungai Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh A. Salleh bin Piut yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 14/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Jijah bte. Ibrahim, Kampong Pengkalan Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Basir bin Bungsu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 15/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siawan bte. Othman, No. 50, Jaya Setia Kg. Perpindahan, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kamis bin Metasim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 16/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jais bin Duraman, Kampong Pengkalan Batu, P.O. Box 1203, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Sidup bin Duraman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 4/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jasni bin O.K. Samir kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Samir bin O.K.S. Mentri yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 13 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 5/1873.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ali bin Mehong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mehong bin O.K. Momin yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 13 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 27 haribulan Februari, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Negeri Brunei.
Pegawai Penguasa Warith,

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER,

ADMINISTRATION SUIT

No. 2 OF 1973.

Application to this Court having been made by Liong Sit Kean (Leong Chee Hai) of J.K.R., Kuala Belait, Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Han Ai Ngo alias Von Yee Eng late of Kuala Belait deceased, on the ground that applicant is lawful husband of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 13th day of March, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 27th day of February, 1973.

ADMINISTRATION SUIT

No 3 OF 1973.

Application to this Court having been made by Wong Su Kee alias Rita Wong of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Loh Hung Hiah (f) late of Seria, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful daughter of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 13th day of March, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 27th day of February, 1973.

ADMINISTRATION SUIT

No. 6 OF 1973.

Application to this Court having been made by Mdm. Wong Nye Moi of Kg. Terawan Labi, Ulu Belait, Brunei for Letter of Administration to the estate and effects of Lei Tet alias Lai Tid late of Ulu Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 13th day of March, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 27th day of February, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Negeri Brunei.
Pegawai Penguasa Warith,

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

Pembinaan Stadium bagi menggalakkan raayat bergerak chergas dalam lapangan sukan

BANGAR. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri selaku Setia Usaha Agong Jawatan Kuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium telah menerangkan bahawa dengan terbina-nya nanti stadium di-Bandar Seri Begawan, ia-nya bertujuan untok menggalakkan raayat negeri ini bergiat chergas dalam lapangan sukan dan olah raga.

Stadium itu juga terbuka kapada semua jenis sukan bertaraf antara bangsa yang akan di-adakan di-Brunei di-samping memperkenalkan negeri ini ka-seluroh dunia.

Yang Berhormat itu berkata demikian dalam satu perjumpaan yang di-hadhiri oleh Ahli2 Jawatan Kuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Temburong yang di-adakan di-bilek Persidangan Daerah Temburong pada minggu lalu.

Yang Berhormat itu menerangkan bahawa kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah membukakan peluang itu kapada seluroh raayat dan pendudok di-negeri ini bagi membina stadium itu supaya dapat bersama2 memikul tanggong jawab untok kemajuan sukan dan olah raga.

Yang Berhormat itu kemudian-nya telah menerima sakeping chek berharga $1,500.00 yang di-sampaikan oleh Pengerusi Jawatan KuasaTabong Pembinaan Stadium Daerah Temburong. Awang Sidek bin Yahya sa-bagai derma kapada Tabong tersebut.

Awang Sidek mengharapkan derma itu akan dapat di-tambahkan lagi pada masa2 yang akan datang.

Yang Berhormat itu menguchapkan terima kaseh kapada Pengerusi Jawatan Kuasa itu dan semua penderma2 di-Daerah Temburong atas sumbangan derma tersebut.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ketika beruchap dalam perjumpaan di-Pekan Bangar. Dudok di-sebelah kiri ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Awang Sidek bin Yahya yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Daerah Temburong. Manakala gambar bawah menunjokkan Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja sedang menerima chek bernilai $1,280.00 dari Pesurohjaya Pulis, Dato Pahlawan J.R.H. Burns ia-itu sumbangan dari anggota2 Pulis Diraja Brunei kapada tabong pembinaan stadium.



103 orang lulus pereksa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 103 orang chalun lulus dalam pepereksaan trengkas, menaip dan ilmu menyimpan buku kira2 aliran Melayu dan Inggeris dalam bulan Disember lalu.

Sa-ramai 70 orang telah lulus pepereksaan menaip aliran Melayu, 26 lulus perengkat permulaan, 10 perengkat menengah dan 26 perengkat tertinggi.

6 orang lulus pepereksaan trengkas, ia-itu 5 perengkat permulaan dan sa-orang perengkat tertinggi. Dua orang lulus pepereksaan ilmu menyimpan buku kira2 masing2 perengkat permulaan dan perengkat menengah.

Sa-ramai 16 orang chalun lulus pepereksaan menaip, trengkas dan ilmu menyimpan buku kira2 aliran Inggeris 8 lulus menaip perengkat permulaan, 5 perengkat menengah, sa-orang lulus trengkas permulaan dan dua lulus pepereksaan ilmu menyimpan buku kira.

Sa-ramai 15 orang lulus menaip aliran Inggeris. 12 perengkat permulaan, 2 perengkat menengah dan sa-orang perengkat tertinggi. Dua lagi lulus menaip permulaan aliran Melayu.

Pepereksaan itu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Pepereksaan itu telah di-adakan di-tiga buah pusat pepereksaan. Pusat2 ia-lah di-S.M. Pusar Ulak, di-Maktab SOAS dan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Hati2 membuang pontong2 rokok

(Dari muka 1)

Bersabda mengenai dengan kebakaran di-sana sini. Yang Amat Mulia itu menyeru orang ramai, khas-nya pemandu2 kenderaan supaya tidak membuang pontong2 rokok sembarangan.

Orang ramai juga di-nasehatsupaya melaporkan kejadian2 kebakaran dengan segera kapada Balai Bomba bagi mengawal api kebakaran itu dari merebak ka-tempat2 yang lain.

Dalam pada itu, beliau juga memuji sikap sa-bilangan besar dari masharakat negeri ini yang telah bekerjasama dengan pehak Bomba dalam memadamkan api kebakaran yang menimpa di-beberapa tempat di-seluroh negeri.

Beliau berharap, sikap yang demikian itu akan tetap subor sa-hingga bila2 masa yang akan datang.

Penuntut2 Brunei

(Dari muka 1)

Colombo dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Sa-ramai 228 orang lagi dari penuntut2 Brunei itu belajar dengan perbelajaan sendiri di-Australia, Canada, Jepun, New Zealand, Taiwan, United Kingdom, Amerika Sharikat, Malaysia dan Singapura.

50 dari mereka belajar di-sekolah2 menengah, 11 orang mengambil jururawat, tiga mengambil latehan guru, 95 mengambil ijazah dan kursus diploma dan tiga orang lagi mengambil kursus Post-Graduate.

Jumlah tersebut membawa kapada sa-ramai 632 orang penuntut2 Brunei berada di-luar negeri termasok 205 orang di-antara-nya ada-lah pelajar2 wanita.

Kerja2 di-sambong semula

(Dari muka 1)

Kerja2 itu terdiri dari pembinaan2 utama di-Kampong Layong, dan memasang batang2 paip sa-panjang dua batu antara kerja2 pembinaan utama itu dan kolam ayer Sungai Burong.

Lain2 kerja pembinaan utama ia-lah penyempurnaan jumlah 8 buah kolam ayer, pemasangan paip penutopan berukoran 26 inchi dan 15 inchi sa-panjang sa-tengah batu kapekan2 Muara dan Tutong termasok lain2 pembinaan kechil di-sepanjang jalan paip itu.

Sa-orang juruchakap Binnie and Partners yang mengawas pembinaan tersebut bagi pehak kerajaan menyatakan pemborangan itu akan menjalanan kerja2 pembinaan itu sebarapa chepat mungkin saperti di-ranchangkan oleh Binnie and Partners bagi membekalkan ayer dengan segara.

Juruchakap itu menyatakan ada-lah di-harapkan bahawa bekalan ayer yang telah di-bersehkan boleh di-bekalkan salama 24 jam di-kawasan Bandar Seri Begawan dalam bulan Jun tahun ini dan bekalan ayer kapada Pekan Muara pada akhir tahun.

Sharikat Pembinaan Swee juga di-ambil bagi kerja2 pembinaan perengkat kedua ranchangan tersebut.

Kerja2 itu merupakan pemasangan paip2 A.C. dan kolam2 ayer kechil bagi bekalan kapada kawasan2 pendalaman, pemasangan paip2 utama di-Bandar Seri Begawan, Muara dan Tutong yang telah pun hampir2 siap.

Paip2 itu akan boleh di-gunakan sa-baik saja kerja2 pembinaan perengkat pertama selesai.

Juruchakap itu mengsifatkan kerja2 bagi pembinaan Perengkat Kedua sedang berjalan dengan lanchar saperti di-jadualkan.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 11 RABU 14HB. MACH, 1973. 1393 ربيع 9 PERCHUMA

PELAJAR2 DI-SERU MENCHEBURKAN DIRI DALAM LAPANGAN PERGURUAN

GADONG. — Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa telah menegaskan bahawa Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam usaha-nya untok mempertinggikan mutu pelajaran dan pendidekan di-negeri ini telah berusaha terus menerus mengadakan berbagai2 ranchangan latehan untok guru2 sama ada bagi mereka yang telah memulakan perkhidmatan atau pun belum.

Yang Teramat Berhormat menerangkan bahawa tujuan mengadakan latehan itu ia-lah untok memperbaiki quility guru2 atau pendidek2 di-negeri ini.



Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja telah berkata demikian dalam satu upachara penyampaian sijil2 kapada 234 orang guru di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong pada hari Sabtu lalu.

Beliau menegaskan bahawa kemajuan sa-sebuah negara itu ada-lah bergantong kapada kemajuan pelajaran-nya yang sabahagian besar-nya bergantong kapada guru2 yang memainkan peranan penting dalam sistem pelajaran negeri itu.

Menyentoh dengan masaalah kekurangan guru2 yang merupakan satu halangan besar terhadap kemajuan sesuatu ranchangan pelajaran bagi sa-sebuah negara, Yang Teramat Berhormat itu telah menyeru kapada pelajar2 yang maseh lagi di-bangku sekolah supaya tampil kehadapan kelak untok mencheburkan diri dalam bidang perguruan untok memberi sumbangan terhadap kejayaan sistem pelajaran negeri ini.

Kapada guru2 yang telah tamat latehan dalam bidang perguruan, Yang Teramat Berhormat itu menyeru mereka supaya menggunakan dengan sapenoh-nya peluang dan kemudahan2 yang di-sediakan untok memperbaiki kedudokan serta ilmu pengetahuan mereka dan sentiasa menunjokkan dan memboktikan sikap yang chenderong untok berusaha dalam bidang yang sunggoh tinggi nilai-nya itu.

Dalam usaha Kerajaan untok menchapai matalamat pada mengadakan bilangan guru2 yang menchukopi lagi berke-

(Lihat muka 5)



Gambar atas menunjokkan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan sedang di-alu2kan oleh Pesurohjaya Pulis, Dato Pahlawan J.R.H. Burns.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat ka-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara pada pagi semalam.

Duli Yang Teramat Mulia telah di-iringi oleh Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Pesurohjaya Pulis, Dato Pahlawan J.R.H. Burns; Timbalan Pesurohjaya Pulis, Y.A.M. Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid; Penulong Pesurohjaya Pulis, Dato C.T. Miller dan Timbalan Penguasa Pulis, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah untok beramah tamah dengan pegawai2 dan anggota2 pasokan pulis. Lebeh dari 100 orang pegawai dan anggota2 pulis dari beberapa chawangan dalam pasokan itu telah hadhir dalam majlis tersebut. Duli Yang Teramat Mulia juga telah menyampaikan sabda dalam majlis tersebut (Sabda D.Y.T.M. dengan sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 5).

Pmk. M.B. seru raayat waspada bagi mengelakkan kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pg. Hj. Ismail minggu lalu telah mengadakan lawatan mengejut kabeberapa tempat di-Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Belait untok meninjau sendiri akan keadaan kawasan2 yang di-timpa kebakaran dan kawasan2 yang kekurangan ayer.

Di-sepanjang lawatan itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah menyaksikan sendiri beberapa kawasan yang masch di-kepuli asap akibat kebakaran dua-tiga hari terdahulu sa-belum itu.

Sambil menyatakan rasa-terharu-nya melihat keadaan itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyeru seluroh raayat negeri ini supaya berwaspada demi untok mengelakkan sebarang kejadian kebakaran.

Dengan ada-nya kewaspadaan itu, beliau yakin, tidak akan terjadi benchana kebakaran yang dahshat sa-bagaimana yang pernah terjadi di-beberapa tempat di-dunia ini.

Mengenai Perkhidmatan Bomba, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar memuji akan kechekapan pasokan2 Bomba di-negeri ini sama ada pasokan2 Bomba Ke-

(Lihat muka 8)

Pmk. M.B. tinjau kampong2 sa-chara dekat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dengan di-temani oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz pagi Ahad lalu telah mengadakan lawatan ka-enam buah kampong di-Daerah Brunei dan Muara.

Lawatan itu di-lakukan ia-lah untok meninjau sa-chara dekat akan keadaan pendudok2 kampong berhabit dengan kejadian kemarau yang menimpa negeri ini.

Kampong2 yang di-lawati mereka itu ia-lah Bengkurong, Limau Manis, Junjongan, Lumapas, Kasat dan Sungai Kebun.

Di-kampong2 tersebut, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah beramah-tamah dengan pendudok2 kampong dan menerima penerangan2 akan keadaan kampong2 tersebut.

Di-Kampong Lumapas dan sekitar-nya termasok Kasat, beliau kedua telah di-beri tahu yang pendudok2 di-situ tidak mengalami kesulitan yang besar untok mendapatkan bekalan ayer minum.

Dalam pada itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah menyatakan simpati mereka kapada peladang2 yang mempunyai sawah

(Lihat muka 8)

Keputusan penoh pepereksaan H.S.C/S.T.P

MAKTAB S.O.A.S.,
BANDAR SERI BEGAWAN
(Aliran Inggeris)

Abdul Karim bin Mohamad — G.C.E.; Abd. Mutalib Mohd. Idris — G.C.E.; Ak. Marali bin Pg. Hj. Matassan — G.C.E.; Awang Momin bin AMP Salleh — G.C.E.; Ak. Ramlee bin Pengiran Jaya — G.C.E.; Bujang bin Masnut — G.C.E.; Dk. Basmah Pg. Hj. Abas — G.C.E.; Ghulam Jelani Khanzaman — Sijil Penoh; Hassan Ibrahim — G.C.E.; Jafar bin Yaakub — G.C.E.

Mohammad H. Suhaili — G.C.E.; Narawi bin Merusin — Sijil Penoh; Othman bin Abdul Raliman — G.C.E.; Radin bin D.H.S. Dan — G.C.E.; Sumpol bin Kampong — G.C.E.; Ahmad bin Shaikh Abdullah — G.C.E.; Ak. Mohd. Yamin bin Pg. Hj. Damit — G.C.E.; Azahari bin Mahmud — G.C.E.; Bahe bin Narudin Alias Nordin — G.C.E.; Fatimah Hj. Jaafar — G.C.E.

Hamdi bin Md. Isa/Amdi B. Payong — G.C.E.; Hazair bin Abdullah — G.C.E.; Jumat bin Hj. Jaafar — G.C.E.; Kamaruddin bin Japar — G.C.E.; Murni bin Awang Besar — G.C.E.; Othman bin Pakar — G.C.E.; Othman bin Yusof — G.C.E.; Siti Rabiah bte. Abas — G.C.E.; Siti Rohhani bte. Jamil — G.C.E.; Sumaidi bin Mudjong — G.C.E.

Lai Yun Fook — G.C.E.; Lim Tee Beng — G.C.E.; Md. Jidin bin Murad — G.C.E.; Ak. Damit bin Pg. Besar — G.C.E.; Ak. Omar-alli bin Pg. Anak Hashim — G.C.E.; Bolhassan bin Kamarudin — G.C.E.; Hashim bin Kaleng — G.C.E.; Hassim bin Matsah — G.C.E.; Mohamed bin Hamdi — Sijil Penoh; Narudin bin Hj. Mohamad Hussain) — G.C.E.

Nelson Chong Choo Tuan — Sijil Penoh; Nordeen Ibrahim — G.C.E.; Sabtu bin Timbang — Sijil Penoh; Shim Jui Lee — Sijil Penoh; Siang Ak. Gibang — Sijil Penoh; W.A.A. Don Sri Magnus Perera — Sijil Penoh; Zainal Abidin bin Mohd Gimbat — G.C.E.; Zainal Abudin bin Tinggal — G.C.E.

SEKOLAH ST. MICHAEL,
SERIA *(Aliran Inggeris)*

David Yee Fook Chiew — G.C.E.; Raymond Valentine Jooly — G.C.E.; Robert Cheng Foo Liew — G.C.E.; Chin Fui Lin — Sijil Penoh; Husani Zaini — G.C.E.; Leong Khek Fah — G.C.E.; Liaw Aik Seng — G.C.E.; Loi Kuong Tung — G.C.E.; Mah Wei Kwang — G.C.E.; Philip Lesslar — G.C.E.; Tang Chok Khong — G.C.E.

MAKTAB MELAYU PADUKA
SERI BEGAWAN SULTAN,
JALAN MUARA, BRUNEI
(Aliran Melayu)

Abd. Kahar bin Abd. Hamid — G.C.E.; Abd. Rahman bin Merusin — G.C.E.; Abd. Wahab bin Ismail — G.C.E.; Ahim bin Adis — G.C.E.; Ahmad bin Hassan — G.C.E.; Ahmad bin Mohd Salleh — G.C.E.; Ahmad bin Rajab — G.C.E.; Ali Asim bin Ahmad — G.C.E.; Ak. Ahmad bin Pg. Burut — G.C.E.; Awang Abdul Rahman bin Lusin — G.C.E.

Awang Abd. Razak bin Awg. Damit — G.C.E.; Awg. Ismail bin Mohamad — G.C.E.; Ak. Kassim bin Pg. Osman — G.C.E.; Arpan Shahbudin bin Latip — G.C.E.; Aw. Rusli bin Aw. Momi — G.C.E.; Bakri bin Mahim — G.C.E.; Besar bin Serudin — G.C.E.; Bidin bin Ibrahim — G.C.E.; Buntar bin Awang Hamid — G.C.E.; Bong Boon Nyan — G.C.E.

Gian Anak Janggi — G.C.E.; Gira Anak Ujan — G.C.E.; Han Peng Kuang — G.C.E.; Hassan bin Apong — G.C.E.; Hijau Bulat bin Bastar — G.C.E.; Ismail bin Md. Salleh — G.C.E.; Jamudin bin Ismail — G.C.E.; Jamal bin Ali — G.C.E.; Julah bin Gadong — Sijil Penoh; Kamis bin Gadong — G.C.E.

Mashud bin Haji Amzah — G.C.E.; Mat Taries Mohd. Kais bin Sabtu — G.C.E.; Matussin bin Hj. Md. Tahir — G.C.E.; Matussin bin Mat Zin — G.C.E.; Matzon bin Brahim — G.C.E.; Mat Serudin bin Hussen — G.C.E.; Md. Adam bin Hj. Khatam — G.C.E.; Md. Daud bin Hitam — G.C.E.; Mohamad bin Hj. Omar — G.C.E.; Mohd. Jini bin Hj. Jaya — G.C.E.

Murni bin Bujang — G.C.E.; Muhamad bin Md. Noor — G.C.E.; Puasa bin Burut — G.C.E.; Razali bin Ahmad — G.C.E.; Salleh bin Yussof — G.C.E.; Sapar/Ibrahim bin Akat — G.C.E.; Selamat bin Nayan — Sijil Penoh; Sulaiman bin Hj. Yussof — G.C.E.; Tahir bin Beruddin Alias Jajan — G.C.E.; Tarif bin Ajak — G.C.E.

Wan Mohd. Zain bin Syed Ali — G.C.E.; Zaharuddin bin Yahya — Sijil Penoh; Isah bte. Masrun — G.C.E.; Junaidah bte. Yahya — Sijil Penoh; Minah/Armah bte. Hj. Osman — G.C.E.; Rokiah Rahmah bte. Md. Salleh — G.C.E.; Rosni bte. Haji Samli — G.C.E.

CHALUN PERSENDIRIAN,
SERIA *(Aliran Melayu)*

Awang bin Pawi — G.C.E.; Abdul Raof bin Wahid Khan — G.C.E.; Baba bin Arshad — G.C.E.; Haji Abdullah bin Hj. Mangol — G.C.E.; Mohd. Shah bin Hj. Ahmad — G.C.E.; Muhd. Yunus bin Abu Bakar — G.C.E.; Nordin bin Hj. Abd. Wahab — G.C.E.; Pg. Mahmud bin Pg. Damit — G.C.E.

CHALUN PERSENDIRIAN,
BANDAR SERI BEGAWAN,
(Aliran Inggeris)

Jamaliah bte. Jamal — G.C.E.; Mohd. Ismail bin Taramiah — G.C.E.; Osman bin Abdul Rahim Bagarib — G.C.E.; Rafiah bte. Bahar — G.C.E.; Ramli bin Haji Tamin — G.C.E.; Tay Kwang Wan — G.C.E.; Awang Damit bin Ibrahim — Sijil Penoh; Abdul Rahman Razali — G.C.E.; Ak. Mohd. Daud bin Pg. Puteh — G.C.E.; Abu Bakar bin Awg. Othman — G.C.E.

Bennett A. Keasberry — G.C.E.; Hassan bin Abu Bakar — G.C.E.; Jamalludin bin Ishak — G.C.E.; Kamal bin Hj. Salleh — G.C.E.; Mohd. Said bin Mohd. Salleh — G.C.E.; Nawawi bin Haji Razali — G.C.E.; Suhaili bin Haji Omar — G.C.E.; S. Hashim bin Abdullah Alhabshi — Sijil Penoh; Wong Nyin Loi — G.C.E.; Zainal bin Haji Md. Daud — G.C.E.; Rusni bte. Pgl. Asgar Hj. Abdullah — G.C.E.

CHALUN PERSENDIRIAN,
BANDAR SERI BEGAWAN
(Aliran Melayu)

A. Mohsin bin Abu Bakar — Sijil Penoh; Ak. Muhammad bin Pg. Abas — Sijil Penoh; Ahmad bin Bujang — G.C.E.; Ahmad bin Salim — G.C.E.; Ak. Razak bin Pg. Ahmad — G.C.E.; Ak. Mohammad Pg. Abdul Rahman — G.C.E.; Abd. Rahman bin Matali — G.C.E.; Awang Mustapa bin Murni — G.C.E.; Awang Zaman bin Awang Damit — G.C.E.; Awang Tuah bin Ahmad — G.C.E.

A. Nordin bin Hj. Tengah — G.C.E.; Awangku Duraman bin Pg. Baha — G.C.E.; Abbas bin Ahmad — G.C.E.; Aliakbar bin Ibrahim — G.C.E.; Abd. Thani bin Mohammad — G.C.E.; Abd. Wahid bin P. Hj. Abu Bakar — G.C.E.; Abd Kassim bin Hj. Sapar — G.C.E.; Bolhassan bin Ibrahim — G.C.E.; Bujang bin Matner — G.C.E.; Baharum bin Ag. Yaacob — G.C.E.

Duming bin Haji Abdul Wahab — G.C.E.; Hamdan bin Md. Said — G.C.E.; Hashim bin Ahmad — G.C.E.; Ibrahim bin Muhammad Said — G.C.E.; Ibraham Pisah bin Hj. Mohd. Basri — G.C.E.; Leman bin Ahmad — G.C.E.; Maidin bin Ahmad — G.C.E.; Md. Deli bin Md. Jais — G.C.E.; Mohamad bin Taha — G.C.E.; Masran bin Sahran — G.C.E.

Mohamad Ali bin Majod — G.C.E.; Muhammad bin Abd. Latiff — G.C.E.; Mohd. Zainal bin Abdullah — G.C.E.; Misbak bin Haji Yusof — G.C.E.; Mohd. Yakub bin Mantok — G.C.E.; Md. Hussain bin Abdul Rahman — G.C.E.; Md. Daud bin Taha — G.C.E.; Noor Affendi bin Hj. Abd. Muti — G.C.E.; Othman bin Haji Nor — G.C.E.; Pengiran Yakob Pg. Mohammad — G.C.E.

Ramli bin Umar — G.C.E.; Sajidin bin Md. Noor — G.C.E.; Sufinan bin Jamudin — G.C.E.; Sharif bin Haji — G.C.E.; Tudan bin Ahad — G.C.E.; Umar Abai G.C.E.; Aishah Mohd. Yusof — G.C.E.; Norfishah binte Jirim — G.C.E.; Sumiah bte. Alias — G.C.E.; Sharifah Dorrah bte. Mohamed — G.C.E.

Ampangan di-bina untok atasi kekurangan ayer di-Kg. Baru2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei/Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeru pendudok2 di-Daerah itu supaya berjimat cermat dalam menggunakan ayer yang telah di-bekalkan kapada mereka sa-tiap hari.

Dalam satu perjumpaan khas yang di-hadhiri oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah itu yang berlangsong di-Dewan Bandaran hari Sabtu lalu, Pegawai Daerah itu menerangkan bahawa jabatan-nya telah menyediakan 6 buah truck membawa ayer untok di-bekalkan ka-kampong2 yang kekeringan ayer di-musim kemarau sekarang ini.

Beliau berkata, jabatan-nya juga sedang berusaha membuat ampangan ayer di-Sungai Gulang2 untok mengatasi kekurangan ayer di-dua buah Kampong Baru2 dan Kampong Berbunot dan ampangan ayer itu di-jangka siap dalam dua minggu lagi.

Menyentoh mengenai orang2 yang membuka ayer dan kepala2 paip khas untok kegunaan Bomba, beliau memberi amaran jika sesiap di-dapati berbuat demikian tindakan akan di-ambil dan jika thabit kesalahan-nya yang menyebabkan orang lain tidak mendapat bekalan ayer melalui saloran2 paip orang itu boleh di-denda sabanyak $500.00 dan 3 bulan penjara.

Pegawai Penguasa Bomba Daerah (Divisional Officer) Awang Wahabi bin Metussin yang turut beruchap dalam perjumpaan itu telah menerangkan api kebakaran telah berlaku di-sana sini seluroh negeri dan beliau meminta kerjasama orang ramai supaya sama2 menchegah kebakaran itu dari merebak sa-belum memusnahkan harta-benda dan mengorbankan nyawa.

Pemangku Pengarah Kerja Raya Awang Anthony Chin yang turut beruchap di-perjumpaan itu telah juga menerangkan bahawa simpanan ayer di-tasek sudah jauh berkurangan dan jika hujan tidak turun dalam tiga atau empat minggu lagi pendudok2 di-daerah itu akan mengalami kekurangan ayer yang bertarusan.

Awang Anthony Chin juga memerentahkan kapada semua pembuat ayer batu supaya memberhentikan kerja2 itu sekarang kerana ia mehibatkan penggunaan ayer yang banyak.

Berthabit dengan perkara itu Penulong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Yunos bin Haji Hussain di-sertai oleh Pemangku Pengarah Kerja Raya Awang Anthony Chin dan Jurutera Ayer Awang Leo Sim Boon pada petang hari itu telah pergi ka-Kampong Tanjong Bunot untok memereksa ayer di-Luagan Itek yang juga berkemungkinan untok di-bekalkan pada pendudok2 kampong sa-bagai menampong kekurangan ayer.

Sementara itu, Pejabat Lembaga Bandaran di-Bandar Seri Begawan telah menutop kolam bernang di-Berakas mulai hari Sabtu kerana kekurangan ayer dan kolam itu akan di-buka semula sa-hingga di-beri tahu kemudian.

Pejabat Kebajikan Masharakat mengumumkan bahawa kolam bernang di-Pusat Belia juga di-tutop mulai hari itu sa-hingga di-beri tahu kemudian.

Lebeh 100 ekor kerbau mati akibat kemarau

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendudok2 di-Daerah Brunei/Muara yang tinggal di-kampong2 pendalaman terpaksa mencheri ayer sa-jauh 3 hingga 5 batu kadalam hutan berikutan dengan musim kemarau yang melanda negeri ini.

Lebeh sa-ratus ekor kerbau dan lembu telah mati di-daerah itu akibat kekurangan ayer dan berpuloh2 ekar padi telah musnah akibat kebakaran hutan di-sepanjang musim kemarau ini.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang mengadakan perjumpaan khas dengan Penghulu2 dan Ketua2 di-daerah itu di-Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan baru2 ini telah mengharapkan kerjasama semua Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya dapat mengatasi masaalah di-kampong2 mereka.

Pegawai Daerah Brunei/Muara akan memberi pertolongan seberapa yang terdaya untok membekalkan ayer ka-kampong2 pendalaman yang kekurangan ayer. Beliau juga menasehatkan pendudok2 di-kampong itu supaya berhati2 apabila membakar sampah2 sarap di-kawasan rumah mereka dan hendak-lah mempastikan api itu tidak akan merarat.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman juga memberikan tahniah kapada Pasokan Bomba di-Bandar Seri Begawan atas tugas2 mereka mengawal kebakaran sahingga tidak melibatkan rumah2 yang musnah.

Mungkin-kah di-sebalek kejadian maksiat terjadi-nya kemarau yang kita alami sekarang?

KHUTBAH JUMA'AT

SEKARANG kita mengalami satu musim kemarau yang agak panjang yang mana akibat-nya bekalan2 ayer sudah demikian berkurangan. Banyak sungai2 dan tetaga2 kering kontang, hampir sa ratus peratus padi tugal dan tiga puloh peratus padi paya di-Daerah Brunei dan Muara tidak mengeluarkan hasil samua ada kerana kekeringan ayer atau kerana musnah di-timpa kebakaran. Di-samping itu sudah banyak pula kerbau ternakan mati, dan kawasan2 hutan terbakar. Jabatan Hal Ehwal Ugama telah lama mengeluarkan arahan kapada Iman2 supaya di-adakan sembahyang hajat meminta hujan namun hujan hanya turun baru sekali dua itu pun tidak sa-berapa.

Kita tidak-lah berhajat memperkatakan apakah faktor2 yang menyebabkan kemarau dari sudut ilmu pengetahuan, kerana perkara itu terpulang-lah kapada ahli2 dan pakar2-nya tertentu. Tetapi kita mendapati dari kisah2 yang terchatet di-dalam Quran dan peristiwa2 yang terchatet dalam sejarah mengenai umat2 dahulu kala yang di-musnahkan atau di timpakan bala oleh Allah ialah kerana kedurhakaan dan ke-engganan atau kelalaian mereka menurut dan mengerjakan titah perentah Allah, dan tidak takut2 dan segan2 lagi melakukan maksiat dan kejahatan yang di-larang oleh Allah.

Di-dalam khutbah dua minggu yang lalu ada kita bawakan sa-potong ayat Quran yang mengandongi maksud bahawa Allah telah memberikan suatu chontoh mengenai sa-buah kampong yang aman dan tenteram, pendudok2-nya menekmati kemakmoran yang mewah dan melimpah2, tetapi mereka lupa kapada Allah yang mengorniakan-nya nekmat2 itu, mereka tiada bershukor kapada-nya dan mereka lakukan perkara2 yang di-tegah oleh Allah Subhanahu-Wataala lalu Allah timpakan bala kapada mereka itu dengan kelaparan dan ketakutan.

Jika kita melihat keadaan masharakat Islam di-negeri kita sekarang ini, dapat-lah kita memperhatikan bahawa masharakat kita berseh dan terjauh dari kejadian2 maksiat dan kejahatan yang di-lakukan oleh sa-tengah2 orang?. Di-Mahkamah Shariah sudah ramai orang Islam di-bicharakan kerana melakukan perbuatan zina dan perbuatan sumbang, khalwat dan minum arak. Isteri2 banyak yang mengadu kapada pehak kadhi berkenaan dengan perbuatan2 churang suami mereka. bagitu juga pehak suami mengadu hal isteri-nya berbuat churang dengan lelaki lain. Di-samping itu sa-tengah2 orang Islam ada yang gemar bermain judi baik di-kelab2 yang tertentu mau pun di-tempat2 tersembunyi. Sedangkan sa-tengah2 mesjid pada waktu Jumaat maseh kosong dari jemaah2 yang di-wajibkan bersembahyang Jumaat, bukan kerana hal2 jemaah2-nya kurang, tetapi ada yang senghaja melalaikan diri dari sembahyang Jumaat tanpa unzor shara', ada yang hanya "pundok2" di-rumah ada yang sebok dengan urusan persendirian saperti memukat "payau", menangkap ikan, makan angin dan sa-bagai-nya. Sedangkan pemuda2 Islam kita ada sa-tengah-nya lebeh tertarek dengan pengaroh barat dan berlagak **"kebini2an"** dan pemudi2 kita pula ada sa-tengah2-nya berlagak **"kelaki2an"** yang semua-nya ini ada-lah perbuatan2 maksiat yang tiada di-redhai oleh Allah.

Mungkin-kah di-sebalek kejadian2 maksiat itu terjadi-nya kemarau panjang yang sedang kita alami sekarang? Jika kita hubongkan hal itu dengan kisah2 dan sejarah umat dahulu kala yang di-timpakan azab oleh Allah, maka kita merasakan ada kebenaran-nya, kalau pun bukan sebab-nya yang mutlak tetapi sekurang2-nya unsor2 maksiat itu turut menyebabkan turunnya bala kapada sa-suatu masharakat itu. Kerana itu adalah menjadi kewajipan kapada pemimpin2, baik perengkat tinggi atau rendah khas-nya dan kapada umat Islam di-negeri ini am-nya memikirkan tentang akibat2 maksiat itu. Usaha2 mengahapuskan kejadian2 jenayah dan maksiat bukan-lah hanya terletak di-bahu kerajaan atau peiabat2 yang berkenaan sa-mata2, tetapi juga oleh seluroh umat Islam di-negeri ini.

Mari-lah kita berdo'a memohon kehadharat Allah Subhanahu-Wataala barang di-turunkan-nya hujan bagi mengatasi kekurangan ayer di-negeri kita, mudah2an di-ampunkan-nya segala dosa hamba2-nya yang senghaja melanggar titah perentah-nya. Amin ya rabal alamin.



TIGA buah sekolah China di-negeri ini telah menderma sa-jumlah $9,174.83 kapada tabong pembinaan stadium pada minggu lalu.

Wang tersebut ada-lah merupakan 15% daripada jumlah kutipan semasa murid2 sekolah2 tersebut mengadakan tarian singa sempena menyambut Tahun Baru China baro2 ini.

Sekolah Chung Ching Seria menderma sa-jumlah $5,512.32 dan ini ada-lah merupakan derma yang terbesar pernah di-terima oleh Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium di-Daerah Belait.

Wang tersebut telah di-serahkan kapada Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar oleh Pengerusi Jawatankuasa sekolah tersebut, Awang Tan Thien Seng di-pejabat daerah pada minggu lalu.

Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan menderma sa-banyak $3,123.51. Wang tersebut telah di-sampaikan kapada Setia Usaha Jawatankuasa Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri oleh Setia Usaha Jawatankuasa sekolah tersebut, Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja, Awang Lim Teck Hoo.

Sementara Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Stadium Daerah Tutong menerima chek bernilai $539.00 dari Sekolah Chong Hwa Tutong.

Wang tersebut telah di-serahkan oleh pengerusi jawatankuasa sekolah tersebut, Awang Wong Hong Siang.

Gambar atas menunjokkan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sedang menerima chek bernilai $5,512.32 dari Pengerusi Jawatankuasa Sekolah Chung Ching, Seria Awang Tan Thien Seng. Memerhati di-tengah2 ia-lah bendahari sekolah tersebut, Awang Shin Soo Mi.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 14hb. Mach, 1973 hingga ka-hari Selasa 20hb. Mach, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
15hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
14hb. Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
16hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
17hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
18hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
19hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
20hb. Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(14hb. Mach, 1973).

KEMPEN ANTI BATOK KERING

JABATAN Perubatan dan Kesihatan pada masa ini sedang memulakan kempen mencegah penyakit batok kering atau TB. Kawasan yang di-jadikan sasaran pertama bagi kempen itu ia-lah di-Daerah Temburong yang sa-jauh ini sudah lebeh dari 400 orang telah di-X-Ray. Selesai di-laksanakan di-Daerah Temburong itu, kempen tersebut akan menjelajah pula ka-daerah2 yang lain, khas-nya terhadap penduduk2 di-pendalaman yang sukar untok datang ka-bandar bagi menjalani pemereksaan itu.

Pada umum-nya bahawa pelaksanaan kempen itu ada-lah salah satu dari beberapa gerakan Kerajaan melalui Jabatan Perubatan dan Kesihatan bagi meninggikan darjah kesihatan raayat dan pendudok negeri ini. Dalam pada itu, Kerajaan tidak hanya melaksanakan usaha2 penchegahan penyakit sa-umpama itu dengan mengorbankan perbelanjaan yang banyak, tetapi pengidap2 penyakit batok kering yang di-sahkan itu di-beri bantuan pula dalam bentok wang ringgit dengan apa yang di-sebut sa-bagai alaun sara hidup pesakit2 itu. Dari rawatan2 yang di-beri sa-chara percuma itu saja, baik dari segi ubat2an mahu pun perkhidmatan, termasok perkhidmatan helikopter untok membawa pesakit2 itu ka-Rumah Sakit Besar di-Bandar Seri Begawan ada-lah memakan perbelanjaan beribu ringgit bagi tiap2 sa-orang pesakit jika di-kira sa-chara teliti dalam jangka dua tahun pesakit2 itu di-rawat. Jika di-kira dengan memasokkan pembayaran alaun bagi sa-tiap pesakit2 itu, maka perbelanjaan itu sudah tentu lebeh tinggi lagi.

Dari sini kita sudah dapat mengagak bagaimana Kerajaan D.Y.M.M. mengambil berat soal kesihatan raayat Baginda. Dan, Kerajaan Baginda pula tidak mengharapkan apa2 balasan dari raayat, chuma mereka selalu di-beri ingatan supaya rajin berusaha dan menanamkan semangat yang lebeh tegoh untok membangun negeri kita ini dalam suasana yang aman dan tenteram. Ingatan yang bagini pun ada-lah bagi kepentingan kita semua, kerana jika kita tetap dalam kebahagiaan, maka kehidupan kita akan sentiasa berjalan dengan baik dan melegakan.

Perkhidmatan X-Ray bergerak itu ada-lah merupakan satu lagi kemudahan untok raayat dengan tidak payah berkunjong ka-Rumah Sakit. Kerana itu, peluang yang keemasan ini tidak harus di-abaikan, bahkan kita harus menyatakan keshukoran yang sa-tinggi2-nya kapada Kerajaan kerana melaksanakan perkhidmatan yang chemerlang itu. Mengajak raayat untok menjayakan kempen menchegah batok kering itu ada-lah sa-bahagian dari tugas penghulu2, ketua2 kampong dan tuai2 rumah. Mereka harus memberi tahu, bahkan jika boleh membawa anak buah mereka untok ber-X-Ray itu.

KA-TANAH SUCHI:

(sambongan minggu lepas)

BERMUSAFIR YANG MENYERUNOKAN

Oleh: HAJI AHMAD ARSHAD



Kelihatan beberapa orang jemaah sedang membicharakan sa-suatu sa-waktu dalam penerbangan. — Gambar Haji Kamaluddin.

BOEING 707 kepunyaan Donaldson International Airways menerbangkan 316 orang jemaah haji Brunei dalam dua penerbangan. Penerbangan pertama yang bertolak meninggalkan Lapangan Terbang Antara Bangsa di-Berakas membawa sa-ramai 187 orang pada 29hb. Disember, 1972, sementara penerbangan yang kedua yang membawa sa-ramai 127 orang bertolak pada 31hb. Disember, 1972. Kedua2 penerbangan itu meninggalkan tanah ayer pada kira2 pukul 8.00 pagi.

Ini-lah penerbangan jemaah2 haji Brunei yang pertama kali menggunakan pesawat terbang Boeing 707 dan menggunakan landasan Lapangan Terbang Antara Bangsa yang baru di-Berakas.

Jadual penerbangan pada tarikh2 29hb. dan 31hb. Disember, 1972 itu ada-lah jadual yang muktamat sa-telah mengalami tiga perubahan tarikh. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia terpaksa mengadakan hubongan2 langsong dengan Sharikat Penerbangan Donaldson bagi memastikan tarikh2 muktamat keberangkatan jemaah2 haji Brunei itu.

Berthabit dengan perubahan itu, keadaan yang kelam-kabut telah terjadi di-kalangan jemaah2 haji itu dan ada yang meramalkan yang mereka harus tidak jadi pergi menunaikan haji pada tahun itu. Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Bahagian Urusan Haji telah mengalami kesebokan2 yang bukan alang kepalang. Sa-lain dari di-hujani oleh pertanyaan2 dan melayan jemaah2 atau wakil2 mereka yang ingin tahu tarikh bertolak yang pasti, jabatan itu juga sebok mengadakan hubongan dari satu masa ka-satu masa dengan Sharikat Penerbangan Donaldson yang pusat-nya di-London.

Pada mula-nya, jemaah2 haji itu di-jadualkan bertolak pada 14hb. dan 16hb. Disember, 1972. Kemudian di-anjak kapada tarikh 24hb. dan 26hb. Disember dan akhir-nya di-anjak lagi ka-tarikh 29hb. dan 31hb. Disember itu.

Mengenai penganjakkan tarikh demi tarikh itu bukan sahaja menjadi kegusaran kapada jemaah2 haji sendiri, bahkan juga kapada ahli2 dalam Majlis Jemaah Penasehat Haji dan khas-nya kapada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama sendiri.

Dalam keadaan krisis tarikh2 penerbangan itu, saya sendiri beberapa kali telah berkunjong ka-Bahagian Urusan Haji untok meninjau perkembangan2 yang berikut-nya. Dalam masa itu, kerap kali saya mendengar kelohan kesal dari Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain berhubong dengan perkara tersebut.

Kelohan yang sering kedengaran dari nada suara beliau yang chukup jelas itu ia-lah tentang masa-alah bagaimana jemaah2 haji Brunei itu akan melaksanakan kerja2 haji mereka berikutan dengan kelambatan mereka berangkat ka-tanah suchi itu. Beliau sendiri telah membayangkan bahawa jemaah2 haji itu terpaksa menghadapi keadaan yang kelam-kabut dan menghadapi beberapa kesukaran, kerana jemaah2 dari negeri2 lain sudah mula ramai di-Jeddah dan Mekah. Bagitu juga soal tempat bagi jemaah2 Brunei di-sana, sering kali meragukan beliau dan beliau khuatir yang jemaah2 Brunei itu menghadapi kesusahan dalam soal tempat tinggal ini.

Beliau sendiri ada-lah memahami akan keadaan di-Mekah dalam waktu mengerjakan haji itu. Tetapi hanya yang dapat menyedapkan hati beliau ia-lah sheikh2 yang di-perkenankan oleh Kerajaan Brunei pada menyelanggarakan pengurusan jemaah2 Brunei itu. Sheikh2 itu ia-lah terdiri dari Sheikh Haji Ibrahim Brunei di-Kampong Samiah, Mekah dan Sheikh Aliyassin Abdul Majid di-Kampong Jiad, Mekah. Tempat kedua2 Sheikh ini ada-lah berdekatan dengan Masjidil-Haram. Beliau sering kali menguchapkan harapan semoga sheikh2 itu akan dapat mengatasi masaalah2 yang timbul berikutan dengan kelambatan jemaah2 Brunei itu.

Jemaah Brunei dalam penerbangan pertama sampai di-Jeddah pada pukul 10.15 malam waktu Brunei ia-itu kira2 pukul 6.00 petang waktu di-Jeddah pada 29hb. Disember itu. Penerbangan yang kedua pada 31hb. Disember juga sampai di-Jeddah tidak jauh perbezaan waktu-nya.

Sa-waktu dalam penerbangan dari Brunei ka-Jeddah, apa yang menarek perhatian ia-lah tentang perkara2 yang patut dan yang tidak patut di-lakukan dalam masa berada di-dalam kapal terbang. Kebanyakan jemaah2 itu ada-lah terdiri dari orang2 yang baru merasa menaiki kapal terbang dan tentu-nya mereka kurang arif terhadap beberapa perkara saperti penggunaan tandas yang di-larang di-gunakan waktu kapal terbang berhenti di-landasan-nya dan juga perkara2 yang biasa saperti memasang tali pinggang kechemasan sa-masa naik dan mendarat-nya kapal terbang itu serta waktu2 di-tegah penumpang2 merokok.

Dalam keadaan yang begini, Pegawai Kebajikan Haji yang di-perbantukan untok mengawasi, mengawal dan membantu jemaah2 haji itu ada-lah mengambil peranan yang penting dan sentiasa berhubong dengan pehak kapal terbang dari satu masa ka-satu masa. Pegawai ini sentiasa melaongkan melalui pembesar suara dalam kapal terbang apa2 jua perkara yang patut di-ketahui oleh jemaah. Pegawai Kebajikan Haji ada-lah juga sa-bagai pegawai perhubongan antara pehak kapal terbang dengan jemaah dan terpaksa menerangkan semua apa2 jua perkara yang timbul dan patut di-ketahui oleh jemaah.

Sa-waktu hidangan makan di-sajikan kapada jemaah2 dalam kapal terbang itu, ramai di-antara jemaah2 telah tidak berani menyentoh makanan tersebut, kerana mereka khuatir sama ada makanan itu dapat di-makan oleh orang2 Islam atau sebalek-nya. Sunggoh pun telah di-terangkan yang makanan itu sah di-makan oleh orang2 Islam, tetapi ada juga yang kurang yakin terutama sekali tentang daging yang di-sajikan. Jika di-terangkan yang daging itu ia-lah daging ayam, maka mereka akan menyoal ada-kah ayam itu di-sembelih oleh orang Islam atau "bakarok" saja. Bila melihat daging lembu yang berlemak dan warna-nya keputehan, maka ada yang menyangka yang daging itu daging babi. Perkataan babi ini, kadang2 ada jemaah yang serik atau enggan menyebut-nya, lantas menggantikan panggilan babi itu dengan panggilan "si-bakok" — saya kurang pasti di-mana asal-nya perkataan itu. Barangkali perkataan ini berguna untok di-siasat oleh DBP.

Namun demikian masaalah itu dapat juga di-selesaikan bilamana di-terangkan yang jemaah2 itu sedang dalam perjalanan ka-tanah suchi dan apa jua yang di-hidangkan itu ada-lah sah buat mereka. Tetapi ada juga yang tidak mahu makan langsong sama ada yang di-hidangkan itu nasi biasa, nasi minyak atau pun roti yang di-lengkapi dengan kiju, mantega dan macham2 lagi. Jemaah yang sa-umpama ini mahukan "nasi Brunei", lauk dan sayor rebus saja. "Aku badugal, aku inda dapat makan, makanan miani". Jemaah ini ada membawa bekal-nya sendiri, tetapi tersurok di-perut kapal terbang. Dia rela tidak makan dari memakan apa yang di-hidangkan itu, kerana dia takut yang penyakit dugal-nya akan naik kahulu hati. Dalam hal ini, saya terpaksa meyakinkan jemaah itu bahawa dugal akan lebeh naik lagi bila perut kosong. Sa-telah berfikir bagitu lama, akhir-nya jemaah itu terpaksa mengalah lalu menjamah makanan yang di-sajikan.

Dalam masa penerbangan sa-lama kira2 14 jam itu terdapat juga beberapa peristewa yang menggelikan hati. Ada jemaah yang saolah2 tidak sabar lagi untok sampai ka-Jeddah. Pertanyaan2 saperti "bila sampai ", dan, "jauh lagi?" selalu kedengaran. Pertanyaan2 ini mungkin timbul di-sebabkan runtunan dari perasaan takut semasa dalam penerbangan itu. Untok menyedap dan menetapkan hati, saya nasihatkan supaya membanyakkan membacha ayat2 suchi sajauh mana yang di-ketahui mereka, sambil mengatakan yang kita akan sampai sa-kejab lagi. Dalam pada itu ada juga yang berseluroh dengan pertanyaan, "ada makan lagi Wang Aji?". Perkataan "Wang Aji" ini telah mula di-gunakan sa-waktu dalam kapal terbang itu, sedangkan waktu Ukuf di-Arfah (menerima haji) maseh terlalu jauh lagi.

Satu lagi keadaan yang menggelikan hati ia-lah tentang tidak terjumpa-nya waktu malam sa-lama dalam pelayaran itu, pada hal jam di-tangan masing2 menunjokkan pukul 10.00 malam waktu Brunei, tetapi hari maseh siang juga. Pada mula-nya, ramai jemaah menyangka yang mereka akan mendapati malam sa-waktu dalam

(Lihat muka 5)

Paduka Seri Begawan seru anggota2 pulis supaya bersikap tegas dan jangan pileh kaseh

BETA sa-sunggoh-nya hadhir kerana dapat berpeluang beriumpa dengan pegawai2 dan anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei di-masa lawatan beta pada pagi ini.

Dengan izin Allah Brunei ada-lah sa-buah negeri yang aman lagi tenteram oleh kerana ka-semua pehak yang bertanggon-jawab terhadap keselamatan dan pertahanan yakni Pasokan Pulis Diraja Brunei. Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Tentera Paduka Seri Baginda Queen telah berganding bahu bersama2 melaksanakan tugas kewajipan mereka mempertahankan keselamat Negeri Brunei Darussalam.

Negeri Brunei telah mengadakan pershabatan yang kukoh lagi mesera dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen sejak tahun 1906 dan persahabatan ini mungkin bertambah erat dan mudah2an dengan izin Allah akan ujud untok sa-lama2-nya.

Beta suka mengambil kesempatan ini untok menegaskan peri mustahak-nya bagi semua pegawai2 dan anggota2 Pulis Diraja Brunei supaya senentiasa menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada Sultan yang mana dari sa-jumlah Pasokan Pulis Diraja Brunei mempunyai bilangan dan kaki-tangan sedikit, tetapi oleh kerana keta'atan dan bersunggoh2 pada mempertahankan keamanan maka tugas pasokan dan anggota2 Pulis Diraja Brunei ada-lah terbokti dan tugas kewajipan mereka yang bersunggoh2 itu, kapada saya tidak ada nilaian-nya untok pada membalas lagi mengingatkan sa-bagai budi baik dan tekun laila patoh dan chekan, chekal pada menghadapi segala rusohan untok keamanan, ketenteraman Negeri Brunei. Dalam menjalankan tugas kewajipan itu juga mereka bukan hanya untok satu kaum, satu puak, satu kaul, tetapi untok negeri dan raayat penduduk isi dalam Negeri Brunei ini.

Anggota2 Pulis hendak-lah senentiasa bersikap tegas sambil bertata-tertip dan berperi bahasa dan sekali2 jangan menuniokkan sikap pileh kaseh sa-bagai mithal walau chuchu sava sekali pun kalau lampu trafik maseh merah jangan di-lalih-lalih.

Pada menjalankan tugas masing2 itu-lah yang saya sukachita mengingatkan pasokan dan anggota2 Pulis Diraja Brunei yang hadhir ini. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia senantiasa bersedia untok menggalakkan dan memberikan peluang kapada pegawai2, kapada anggota2 pulis supaya meninggikan ilmu pengetahuan mereka sama ada dengan jalan mengadakan kursus2 atau latehan2 di-dalam negeri mahu pun menghantar mereka untok menjalani berbagai kursus di-seberang laut ia-itu di-United Kingdom. Oleh yang demikian beta menasehatkan supaya sabeberapa banyak dari pegawai2 dan anggota2 Pulis Diraja Brunei menggunakan peluang ini dengan sa-baik2-nya.

Beta sa-bagai Penasehat Sultan atau terhadap ayah kapada anak beta senantiasa sa-beberapa boleh yang dapat bagi memerhatikan pasokan2, baik pasokan dan anggota Pulis Diraja Brunei, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan lain2 lagi pasokan yang bersenjata dalam Negeri Brunei supaya dapat sedikit sa-banyak Duli Yang Maha Mulia Sultan akan mengetahui betapa gerakan Pasokan Pulis Diraja Brunei dan lain2 pasokan.

Saya juga sukachita menyebut di-sini, lawatan saya kamaktab2 bagi pasokan yang mengeluarkan anggota Pulis Diraja Brunei kadang kali saja. Insha Allah jika beta berpeluang saya telah berurus dengan Tuan Pesurohjaya Pulis di-mana ada peluang untok mengadakan lawatan kalau boleh berkali2.

Terima kaseh.



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan sedang di-ziarahi oleh Inspektor Awang Rakawi bin Mohamad ketika Duli Yang Teramat Mulia itu beramah-tamah dengan pegawai2 di-Pusat Latehan Pulis. Gambar bawah ketika D.Y.T.M. itu beramah-tamah dengan rekrut2 pulis.



Kaum guru patut di-sanjong

(Dari muka 1)

layakan, beliau berpendapat bahawa masharakat harus-lah memainkan peranan mereka pada menunjokkan penghormatan dan sanjongan tinggi terhadap kaum guru yang merupakan golongan yang sunggoh berbakat dan berbakti serta bertanggong-jawab pada mendidek anak2 kita semua untok menjadi warganegara yang berpelajaran lagi berguna kapada Negeri Brunei Darus Salam.

Akhir-nya, Yang Teramat Berhormat menguchapkan satinggi2 tahniah kapada guru2 yang baharu tamat latehan itu dan berharap agar mereka akan dapat memberikan jasa dan khidmat yang benar2 jujor lagi ikhlas serta berbakti kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda.

AHLI J/K TERTINGGI PERTIWI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERTIWI dalam mashuarat agong-nya yang di-adakan baru2 ini telah memileh 7 orang ahli Jawatankuasa Tertinggi dan 6 orang ahli Jawatankuasa Tadbir untok memimpin persatuan itu bagi tahun 1973.

Dalam mashuarat tersebut, Datin Musnah binte Haji Mohd. Yusof telah di-pileh sa-bagai Yang Di-Pertuai; Dayang Damit binte Ahmad, sa-bagai Naib Yang Di-Pertua; Pengerusi — Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris; Setia Usaha — Dayang Norfisah binte Jirim; Bendahari — Dayang Jusnani binte Haji Lawi dan Penulong Bendahari — Datin Tinah binte Abdul Rahman.

Enam orang ahli Jawatankuasa Tadbir yang di-pileh itu ia-lah:- Dayang Zainab binte Haji Zainal Abidin, Dayang Jamilah Ahmad, Dayang Armah Adam, Dayang Masni binte Haji Awang, Dayang Aisah binte Abdullah dan Dk. Aishah binte Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Tafsir Darus-Salam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-15 yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain, tafsiran dan huraian ayat (172) hingga (179) dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Bermusafir yang menyerunokan

(Dari muka 4)

pelayaran itu. Sa-benar-nya penerbangan itu menghala ka-mata hari mati dan keadaan-nya ada-lah mengejar mata hari yang hendak masok itu. Perselisehan waktu antara Negara Saudi Arabia dan Brunei ia-lah dalam jarak kira2 5 jam di-dahului oleh Brunei. Kalau waktu kita di-sini pukul 7.00 pagi, maka di-Saudi Arabia baru kira2 pukul 2.00 pagi. Berhubong dengan hal ini ada juga jemaah yang bagitu berhati2 bertanya kapada saya: "mengapa tia inda pandai malam ani Wang Aji?". Saya menjawab, "andang-nya — di-Jeddah karang baru ada malam". Mereka menyoal saya lagi: "mengapa miatu, ani sudah pukul 10.00 malam arah kitani". Kemudian saya terangkan keadaan yang sabenar-nya.

(Minggu depan dengan kesah perjalanan dari Jeddah ka-Mekah).

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa–bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah dengan tidak ada rekod kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untok menjalankan tugas2 siang atau malam di-daerah2 dalam negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 — $220 x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 2hb. April, 1973.

Kerani Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan untok memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sebanding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-335/EXAM BAR / 350x15-380-410x510/EB/540 x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 21hb. Mach, 1973.

P. Makmal Bahasa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Makmal Bahasa di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran serta boleh membacha dan menulis Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 28hb. Mach, 1973.

Sa–bagai Penjalan Penchuchi Kain2 (Dhoby)

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Penialan Penchuchi Kain2 di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei. (Kekosongan ini ia-lah untok Rumah Sakit Daerah, Kuala Belait).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 40 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah V Melavu atau yang sa-banding dengannya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai penjalan penchuchi kain2 sekurang2-nya sa-lama dua tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 2hb. April, 1973.

KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

SURAT KUASA PESAKA
No. 4/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Ismail bin Abdul Hamid, d/a Kampong Luagan Tambaran, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abdul Hamid bin Hassan yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 15 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan Mach, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 5/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Zaidi bin Salleh, d/a Kampong Tanjong Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Salleh bin Raman @ Md. Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 15 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas

Bertarikh 1 haribulan Mach, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 6/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Marshidi bin Muhammad, d/a Kampong Panchor Papan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Sabli bin Mohamad yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada sim-ati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 15 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan Mach, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 7/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Marshidi bin Muhammad, d/a Kampong Panchor Papan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Rahmah binte Mohamad yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 15 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan Mach, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 8/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Marshidi bin Muhammad, d/a Kampong Panchor Papan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Yahya bin Mohamad yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 15 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan Mach, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 9/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Murah bte. Tamit, d/a Kampong Sinaut, Tutong keran minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Latif bin Tuah yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 15 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan Mach, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 10/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Aishah bte. Muhammad, d/a Kampong Panchor Dulit, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abd. Kani bin Abdul Ghani yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 15 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan Mach, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG.
Negeri Brunei.
Pegawai Penguasa Warith,

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 17/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pg. Hjh. Salamah bte. Pg. Hj. Tengah, Kampong Tasek Hja Maradun, Batu 6, Jalan Tutong, Brunei (67-A), kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg. Hj. Tengah bin Pg. Mohammad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 19/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kahar bin Abdullah, Kampong Buang Sakar, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Patra bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 20/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Damit bin Awg. Besar, No. 53, Kampong Setia Pahlawan Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awg. Besar bin Pengarah Di-Gadong yang telah meninggal dunia di-dalam Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 21/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Salleh bin Lamit, Gadong Estate, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lamit bin Md. Daud @ Abd. Hamid bin Mohamad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 22/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Damit bte Tahir @ Dg. Hafsah, c/o Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Mohd. Yusof bin Awang Ajak yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 23/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Sulaiman bin Tamin, Kg. Pinggan Malim, Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tamin @ Metamin bin Abdul Rahman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 24/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pg. Hussain bin Pg. Hj. Tengah, Sekolah Melayu Delima Satu, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg. Haji Tengah bin Pg. Ahmad yang telah menginggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 25/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Halimah bte. Md. Salleh, No. 88, Kg. Serusop, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohamed Ariff bin Latiff yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 26/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Udan bin Puak, Kampong Lagau, Temburong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bulan bte. O.K. Grisan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ibu meriua kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 28 haribulan Februari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 3/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Garip bin Tuah, d/a Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tuah bin Undoi yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 15 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 1 haribulan Mach, 1973.

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER,

ADMINISTRATION SUIT

No. 18 OF 1973.

Application to this Court having been made by Thien Wei Hing of 6-A, Abdul Latiff's Flat, Bandar Seri Begawan, Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Thien Yun Thau late of the State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful son of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Bandar Seri Begawan on the 17th day of March, 1973, at 9.00 a.m.
house at Kuala Belait on the 13th day of March, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan before the above date.

Dated this 28th day of February, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Negeri Brunei.
Pegawai Penguasa Warith.

Pmk. M.B. berkejar ka-Tutong berikutan dengan penutupan sekolah akibat kemarau

TUTONG — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail tengah hari Rabu lalu dengan serta-merta telah berangkat ka-Bandar Tutong berikutan dengan penutopan beberapa buah sekolah di-bandar itu akibat dari kekurangan ayer.

Berikutan dengan kemarau yang melanda negeri ini, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-bandar itu telah di-tutop.

Bila mengetahui akan keadaan yang menimpa murid2 di-sekolah2 itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dengan segera telah berkunjong ka-sana dengan di-iringkan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes dan Pegawai Kesihatan dan Perubatan, Dr. Haji Johar bin Haji Nordin.

Sa-telah berbinchang beberapa ketika, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah memutuskan supaya sekolah2 itu di-bekalkan ayer dengan segera bagi membolehkan penuntut2 itu belajar semula.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa masaalah yang melibatkan kepentingan pendidekan raayat negeri ini harus di-ambil berat dan hendak-lah di-atasi dengan saberapa segera yang boleh melalui kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar kemudian-nya mengarahkan Jabatan Kerja Raya di-Bandar Seri Begawan supaya menghantar bekalan ayer ka-sekolah2 itu dan mengharapkan supaya murid2 di-sekolah2 itu akan dapat belajar semula dalam sa-hari dua ini.

Berikutan dengan itu, Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes mengumumkan supaya sekolah2 itu di-buka semula.

Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah telah di-buka semula pada hari Sabtu, 10hb. Mach dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-buka semula pada hari Ahad, 11hb. Mach.

Akan tetapi, Pengarah Pelajaran mengumumkan bahawa asrama2 di-kedua2 buah sekolah itu akan terus di-tutop sa-hingga di-beri tahu kemudian.

Beliau menasihatkan murid2 yang tinggal di-asrama2 itu hendak-lah berusaha bagi mendapatkan tempat tinggal masing2 di-Bandar Tutong atau pun di-tempat2 yang berhampiran dengan bandar itu.

Ini ada-lah untok sementara waktu sahaja sa-hingga asrama2 di-sekolah2 itu di-buka semu'a.

Pemangku Menteri Besar juga telah membuat arahan2 supaya di-ambil usaha2 yang serta-merta bagi mengadakan kemudahan2 untok bekalan ayer di-asrama2 sekolah2 di-Bandar Seri Begawan.

Sementara itu dalam beberapa hari yang akan datang ini bahagian ayer dari Jabatan Kerja Raya akan memouat perubanan2 yang tertentu dalam susunan bekalan ayer di-asrama Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan asrama Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim sa-bagai langkah menyediakan sedikit bekalan ayer pada sa-tiap hari.

Ini akan membolehkan murid2 di-asrama di-kedua2 buah sekolah tersebut untok balek ka-asrama2 mereka.

Mereka hendak-lah balek ka-asrama pada hari Ahad 18hb. Mach dan murid2 di-lain2 asrama di-seluroh negeri hendak-lah mengikuti semua arahan2 yang di-beri kapada mereka supaya menggunakan ayer dengan sa-beberapa chermat dan mengelakkan pembaziran. Jika ini tidak di-patohi, maka mungkin akan berlaku penutopan ka-atas beberapa buah asrama sekali lagi.

KEMPEN ANTI TB BAGI PENDUDOK2 DAERAH TEMBURONG

BANGAR, TEMBURONG. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan pada masa ini sedang melancharkan kempen mencegah penyakit batok kering kapada semua pendudok negeri ini, khas-nya di-pendalaman.

Dalam perengkat pertama ini, jabatan tersebut sedang memulakan kempen itu bagi pendudok2 di-Daerah Temburong. Kempen itu telah berjalan sejak 5hb. Mach yang lalu dan di-jangka berakhir pada 26hb. Mach ini.



Y.A.M. Pengiran Lela Perkasa Pengiran Mohd. Said.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa, Pengiran Md. Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang mengetuai kempen itu telah menerangkan bahawa Kerajaan ada-lah menarek perhatian yang berat untok meninggikan darjah kesihatan pendudok2 negeri ini.

Ini di-sabdakan beliau sa-waktu memberikan penerangan kempen itu dalam satu majlis perjumpaan dengan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Tuai2 Rumah di-Temburong yang berlangsong di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Temburong dalam minggu lepas.

Hadhir juga dalam majlis itu ia-lah Dr. Haji Johar bin Haji Nordin, Pegawai Kesihatan dan Perubatan, Pakar Penyakit T.B., Dr. Raja Gopal dan Penulong Pegawai Daerah Temburong, Awang Abu Bakar bin Haji Sapr.

Yang Amat Mulia itu, sa-bagai Pegawai Pelawat Kesihatan Batok Kering bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong telah meminta pendudok2 di-Temburong supaya bersedia memberikan kerjasama mereka bagi menjayakan kempen tersebut yang tujuan asas-nya ia-lah bagi kepentingan kesihatan mereka.

Untok kempen tersebut, Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah melengkapkan dengan kenderaan yang mengandongi kelengkapan2 X-Ray untok mengesan penyakit batok kering atau TB itu.

Yang Amat Mulia itu menerangkan bahawa gerakan meng-X-Ray itu akan di-tumpukan kapada pendudok2 yang berumor 14 tahun kebawah lelaki dan perempuan.

Penyakit TB, sabda beliau, sekarang ini ada-lah merupakan penyakit yang tidak susah untok di-elakkan berikutan dengan kemajuan2 perubatan di-zaman moden ini.

Tetapi, sabda beliau lagi, satiap pendudok hendak-lah bersedia untok di-X-Ray dan mana2 yang di-dapati mengidap penyakit itu akan menerima rawatan yang chukup sa-hingga mereka semboh.

Beliau menerangkan bahawa rawatan kapada sa-tiap pesakit TB itu akan berjalan dalam tempoh dua tahun dan sa-tiap pesakit hendak-lah mematohi nasihat2 doktor, jururawat atau pegawai2 yang berkenaan.

Mengenai dengan tempoh rawatan itu, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa menasihatkan bahawa pesakit TB tidak perlu merasa bimbang, kerana mereka sa-lain dari di-rawat dengan sachukup-nya, juga akan di-beri alaun untok membantu diri dan keluarga yang di-tanggongi mereka.

Ini-lah salah satu keistimewaan yang di-sediakan oleh Kerajaan bagi kepentingan kesihatan dan kebahagiaan pendudok2 negeri ini.

Alaun itu di-berikan kapada pengidap2 penyakit TB yang tidak mempunyai pekerjaan atau tidak di-bayar gaji-nya oleh majikan atau pesakit itu sa-orang perempuan yang tidak bersuami dan atau pesakit2 itu terdiri di-kalangan orang2 yang menderita.

Keadaan di-Lumapas tidak bagitu burok

(Dari muka 1)

padi yang turut terancham akibat dari kemarau itu.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menasihatkan peladang2 itu supaya membanyakkan sabar dan menerima kejadian itu sa-bagai kurnia dari Tohan.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan ada-lah sentiasa berusaha dengan sa-daya upaya untok mengujudkan suatu keadaan yang menyenangkan demi untok kepentingan pendudok2 negeri ini.

Ketika melawat ka-Kampong Sungai Kebun, kedua2 beliau telah berkesempatan menyaksikan keadaan sekolah di-situ dan memerhatikan bagaimana bekalan2 makan di-berikan kapada murid2. Beliau berdua juga telah sempat melawat ka-Pusat Pertanian di-Lumapas.

Menurut Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar bahawa pada keseluruhan-nya keadaan di-kampong2 itu tidak-lah bagitu burok, kerana pendudok2 di-kampong2 itu tidak bagitu payah mendapatkan sumber2 ayer.

HANYA 13 SAJA YANG LULUS H.S.C.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 13 orang penuntut di-seluroh negeri ini lulus dalam pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan yang di-adakan tahun lalu.

Sembilan orang penuntut telah lulus pepereksaan tersebut dalam aliran Inggeris, sementara empat yang lain-nya, dalam aliran Melayu.

Sa-ramai 125 orang chalun dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Saint Michael dan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah mengambil pepereksaan itu.

Antara bilangan itu, sa-ramai 52 orang chalun ada-lah dari Matab SOAS dan daripada itu hanya lapan orang lulus pepereksaan Sijil Tinggi Pelajaran, 40 orang menerima Sijil Pelajaran Am dan empat yang lain-nya gagal dalam semua perkara pepereksaan.

Dari Sekolah Saint Michael 12 orang chalun telah mengambil pepereksaan tersebut dan daripada bilangan itu hanya sa-orang lulus Sijil Tinggi Pelajaran, 10 orang menerima Siiil Pelajaran Am dan sa-orang gagal.

Dari 61 orang chalun dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, empat orang penuntut lulus Siiil Tinggi Pelajaran, 53 orang chalun menerima Siiil Pelajaran Am dan empat yang lain-nya gagal dalam semua mata pelajaran.

Sa-ramai 84 orang chalun persendirian telah juga mengambil pepereksaan tersebut.

Daripada itu, dua orang lulus Siiil Tinggi Pelajaran dalam aliran Inggeris, dan dua dalam aliran Melayu, 75 orang menerima Siiil Pelajaran Am dan lima yang lain-nya gagal dalam semua mata pelajaran.

Keputusan penoh di-siarkan di-muka 2.

Projek dharurat bekalkan ayer

(Dari muka 1)

rajaan mahu-pun Sharikat Minyak Shell.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara mensifatkan keberaman ahli2 bomba melawan api kebakaran di-beberapa tempat itu sa-bagai suatu jasa yang chemerlang dan mengharapkan mereka supaya melipat gandakan tenaga dan kechergasan yang lebeh lagi dalam memikul tanggong-jawab mereka yang berat itu.

Berhubong dengan kekurangan ayer yang menimpa di-beberapa tempat di-negeri ini, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah membuat arahan2 dharurat kapada Jabatan Kerja Raya untok menchari sumber2 ayer bagi mengatasi kekurangan itu.

Bagi kegunaan pendudok2 di-Kampong Ayer, Yang Amat Berhormat itu telah mengarahkan supaya di-adakan projek khas untok menyalurkan ayer dari Wasai Buang Sakar di-Kasat ka-Kampong Ayer.

Beliau mengkehendaki supaya projek itu dapat di-siapkan dalam jangka dua minggu dari sekarang.

Y.A.M. itu mengulangi seruan-nya kapada raayat dan pendudok negeri ini supaya waspada bagi mengelakkan kebakaran dan mengekalkan fahaman jimat-chermat dan "berampit2an" dalam menggunakan ayer yang di-bekalkan ka-rumah2 dan bangunan2 di-negeri ini.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 12 RABU 21HB. MACH, 1973. 1393 صفر 16 رابو PERCHUMA



GAMBAR atas menunjokkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika di-perkenalkan kapada Archbishop of Canterbury, Dr. Michael Ramsey oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautery.

ARCHBISHOP of Canterbury, Dr. Michael Ramsey dan Puan Ramsey telah mengadakan lawatan sa-hari ka-negeri ini.

Mereka telah tiba pada hari Rabu lalu dan berlepas ka-Kota Kinabalu pada hari berikut-nya.

Ketibaan Archbishop of Canterbury dan Puan Ramsey di-lapangan terbang Berakas telah di-sambut oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey dan Datin Gautrey.

Sa-masa lawatan sengkat itu, Archbishop of Canterbury telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri di-Istana Darul Hana.

Pada sebelah malam-nya pula beliau dan Puan Ramsey telah menghadhiri satu majlis jamuan makan di-Istana Edinburgh.

Majlis tersebut telah di-hadhiri oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey, Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, pegawai2 kanan kerajaan dan jemputan khas.

DBP ANJORKAN PERADUAN MENULIS BUKU KESIHATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei sedang menganjorkan Peraduan Menulis Buku Ilmu Kesihatan. Demikian di-umumkan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri dalam sa-buah Surat Kelilling Jabatan tersebut. Peraduan itu bertujuan antara lain untok menyediakan bahan bachaan di-sekitar Ilmu Kesihatan menurut sukatan pelajaran di-sekolah2 Negeri Brunei, di-samping untok mengasoh kanak2 supaya menitek-beratkan kebersehan dan kesihatan tuboh badan.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sa-terus-nya menyeru kapada seluroh penulis tempatan dan penulis yang berhak menjadi warganegara Brunei untok menyertai peraduan tersebut. Peraduan ini berbentok karangan panjang yang bertemakan bimbingan tabi'at dan resaman yang baik menurut Ilmu Kesihatan yang betul kapada kanak2 sesuai dengan chita2 pembentokan identiti Brunei yang positif.

Naskhah karangan hendak-lah karangan asli, bukan cherita sadoran atau bahan penyesuaian daripada buku2 yang pernah terbit. Para peserta Peraduan ada-lah di-khendaki mengisi borang yang di-sediakan dan menghantar-nya kapada Setia Usaha Peraduan, beralamat Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lewat daripada 1hb. September, 1973.

204 orang lulus pereksa M.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 204 orang daripada 607 orang penuntut dari lapan buah Sekolah Inggeris dalam negeri ini telah lulus dalam pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia aliran Inggeris (M.C.E.) yang telah di-adakan pada tahun lalu.

Sa-ramai 295 orang penuntut telah di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan telah mendahului sinarai penuntut2 yang lulus atas hitongan peratus. Tiga belas orang penuntut telah mendapat Pangkat Pertama, 32 Pangkat Kedua dan 95 Pangkat Ketiga. 75 orang penuntut telah di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Dua orang penuntut dari Maktab Anthony Abell, Seria telah lulus dengan mendapat Pangkat Pertama, 7 orang Pangkat Kedua dan 17 orang Pangkat Ketiga. Sa-ramai 38 orang penuntut telah di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Sa-ramai 19 orang penuntut dari Sekolah Saint Angela, Seria telah lulus dalam pepereksaan tersebut. Lima orang mendapat Pangkat Pertama, enam orang Pangkat Kedua dan 7 orang Pangkat Ketiga. Sa-ramai 42 orang penuntut telah di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Sa-orang penuntut dari Sekolah Saint Andrew, Bandar Seri Begawan telah mendapat Pangkat Pertama, sa-orang Pangkat Kedua dan enam orang Pangkat Ketiga. Sa-ramai 22 orang penuntut telah berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Dari Sekolah Saint Michael, Seria pula, sa-orang penuntut telah mendapat Pangkat Pertama, dua orang Pangkat Kedua, dua orang Pangkat Ketiga dan tiga puloh orang di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Empat orang penuntut dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait telah mendapat Pangkat Ketiga manakala 28 orang di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Dua orang penuntut dari Sekolah Saint George, Bandar Seri Begawan telah mendapat Pangkat Pertama, dan dua puloh empat orang di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Daripada sa-ramai 37 orang penuntut dari Sekolah Saint Margaret, Seria yang memasoki pepereksaan tersebut, hanya sa-orang penuntut sahaja yang lulus dengan mendapat Pangkat Kedua. Tiga puloh enam orang penuntut yang lain di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Enam orang chalun persendirian dari Bandar Seri Begawan, yang memasoki pepereksaan, telah lulus dengan mendapat Pangkat Ketiga. Dua puloh tujoh orang chalun di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Dan di-Seria pula 7 orang chalun persendirian telah mendapat Pangkat ketiga dan lapan orang chalun yang lain telah di-berikan Sijil Pelajaran 'Am.

Keputusan penoh pepereksaan tersebut di-siarkan di-muka 5.

Uchapan terima kaseh dari Paduka Seri Begawan Sultan

MENJUNJONG sabda D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin bahawa Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid dengan amat sukachita menyampaikan uchapan berbanyak2 terima kaseh daripada D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan di-atas uchapan2 tahniah yang telah di-sampaikan di-masa Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Masna isteri kapada Y.A.M. Pengiran Shahbandar Shaibul Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Azi2 melahirkan sa-orang putera yang bernama Pengiran Anak Mohamed Al-Mokhtar pada hari Sabtu 10hb. Mach, 1973 pukul 4.00 petang yang menjadi chunda kapada D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

Pendaftaran masok ka-sekolah Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftarkan kanak2 baru bagi memasoki sekolah2 Melayu di-negeri ini bagi tahun 1974 telah di-mulakan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran menyatakan pendaftarkan itu ia-lah bagi kanak2 yang lahir sa-belum 1hb. Januari, 1969.

Beliau meminta ibu2 bapa atau penjaga2 yang hendak menghantar anak2 mereka ka-sekolah tahun depan supaya mendaftarkan nama anak2 mereka kapada guru2 besar sekolah2 Melayu yang berdekatan dengan rumah2 mereka.

Pendaftaran itu akan di-tutop pada 30hb. Jun tahun ini.

KRISIS HARGA2 BARANG MELAMBONG TINGGI

Peniaga2 di-ingatkan jangan mengambil kesempatan

oleh:
ABD. RAHIM WALLI

ADUAN2 tentang ada-nya kenaikan harga2 barang pada keseluroh-an-nya melambong tinggi yang telah di-sampaikan ka-pengetahuan Pmk. Pengerusi Lembaga Bandaran di-Bandar Seri Begawan, Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abd. Aziz bulan lalu (sekarang Yang Berhormat itu telah di-lantek sa-bagai Pemangku Setia Usaha Kerajaan) telah di-ambil tindakan yang sa-wajar-nya.

Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abd. Aziz sa-laku Pmk. Pengerusi Lembaga Bandaran ketika itu dengan segera telah memanggil beberapa orang wakil dari Dewan Perniagaan Tionghwa dan India di-Bandar Seri Begawan, di-antara-nya termasok-lah Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja, Awang Lim Teck Hoo; Yang Berhormat Pehin Datu Temenggong Awang Lim Ching Choo dan Pengerusi Dewan Perniagaan Tionghwa, Awang Tan Thian Chin.

Dalam perjumpaan tersebut Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abd. Aziz telah di-beri tahu bahawa kenaikan harga2 barang di-Brunei antara-nya di-sebabkan naik-nya harga2 barang di-negeri2 yang mengeluarkan barang2 itu sendiri dan ada-nya wakil2 tunggal (Agent) di-negeri ini mengambil keuntongan yang berlebehan.

Wakil2 tunggal yang bersifat orang tengah yang bertanggong jawab membawa masok barang2 keperluan ka-Brunei di-katakan telah mengambil keuntongan yang begitu tinggi.

Ini juga menimbulkan satu masaalah, kerana apa yang di-fahamkan tenaga yang di-perlukan oleh wakil2 tunggal itu bukan-lah jenis pekedai2 yang ada di-Brunei sendiri tetapi mereka ia-lah orang2 yang berkelulusan tinggi yang sa-memang-nya mempunyai gaji yang tinggi dengan keadaan pejabat terator yang di-lengkapi dengan alat2 moden dan di-sini-lah konon-nya orang2 tengah itu mengambil kesempatan sa-bagai menampong kapada gaji dan keperluan2 lain.

Kenaikan chukai yang berjalan kuat kuasa-nya pada masa ini menyebabkan harga2 barang itu naik juga telah di-timbulkan dalam perjumpaan tersebut.

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Abd. Aziz memberi tahu wakil2 itu bahawa kenaikan chukai di-Brunei bukan-lah pada keseluroh-an-nya tetapi hanya-lah melibatkan barang2 yang tidak di-perlukan sa-tiap hari. Mithal-nya minuman2 keras yang tidak melibatkan orang2 Islam sendiri, barang2 emas, jam2 tangan, minyak wangi, daun pakau dan lain2 lagi.

Ada pula di-antara barang2 itu tidak di-kenakan chukai langsong saperti semua jenis susu, garam, gula dan beras.

Sementara itu menurut Pengawal Kastam dan Bea, Awang Othman Chua Kong Soon bahawa semua barang2 expot tempatan tidak di-kenakan chukai langsong untok menggalakkan anak2 negeri ini membuat perusahaan mereka sendiri sa-bagai menambahkan mata pencharian mereka.

Sharat2 chukai - menyukai Kastam dan jenis2 barang yang harus di-kenakan chukai termasok jenis2 barang yang di-naikkan chukai sekarang sudah pun di-keluarkan oleh Pejabat Kastam untok pengetahuan semua peniaga2 dan orang ramai umum-nya.

Ini-lah teori untok persaimbangan chukai, ada yang naik ada yang turun dan ada yang tidak berchukai langsong.

Yang Berhormat itu mengulangi lagi sambil menyatakan peniaga2 jangan-lah menganggap atau mensifatkan keseluroh-an harga2 barang itu naik di-sebabkan chukai naik. Perkara itu tidak berasas sama sekali kerana bukan semua-nya barang2 keperluan di-naikkan chukai melainkan hanya sa-bahagian kechil saja ia-itu kapada barang2 yang kurang mustahak.

Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Abd. Aziz juga memberi tahu wakil2 perniagaan pada masa perjumpaan itu dengan memberi amaran bahawa jangan-lah kenaikan harga2 barang konon-nya di-sandarkan untok sumbangan kapada derma Tabong Pembinaan Stadium.

Beliau menerangkan bahawa derma itu ia-lah sa-angkat2 hati yang tidak di-paksa berapa banyak-nya tetapi yang penting ia-lah penyertaan rayat untok menderma sa-bagai sa-orang raayat yang benar2 ta'at dan menjunjong titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Kata-nya, jika chukai itu naik, naikkan-lah menurut kadar kenaikan chukai itu dan jika chukai itu turun, maka turunkan-lah harga barang itu menurut kadar-nya tetapi janegan di-kait2kan dengan masaalah lain.

Sementara itu dalam temuramah saya dengan Pengerusi Dewan Perniagaan Tionghwa di-Bandar Seri Begawan mengenai harga2 barang yang tidak sama antara sa-buah kedai dengan kedai yang lain beliau menerangkan bahawa kedai yang besar yang banyak pekerja tentu-lah harga barang2-nya naik dan kedai yang kechil yang kurang memerlukan pekerja harga barang-nya murah sedikit.

Bagaimana pun beliau tidak menafikan ada-nya harga2 barang itu naik dan turun kerana menurut ketetapan wakil2 tunggal yang membahagi2kan barang2 itu.

Berhubong dengan harga2 barang yang tidak tetap itu beberapa tahun lalu Pejabat Lembaga Bandaran pernah membuat seruan kapada orang ramai supaya dapat membokti-kan harga2 barang yang berlainan harga antara sa-buah kedai dengan kedai yang lain dengan mengemukakan resip2 atau bil2 kapada Pejabat Lembaga Bandaran dan bokti2 demikian maseh di-perlukan dari satu masa ka-satu masa.

Sa-lain dari itu Pejabat Lembaga Bandaran juga telah menetapkan harga2 barang keluaran tempat saperti sayor dan lain lagi dan jika harga2 itu berlainan daripada yang telah di-tetapkan, orang ramai berhak mengingati mereka atau 'memulaukan' saja atau memberi tahu pehak Pejabat Lembaga Bandaran.

'DACHING' atau 'TIMBANGAN' yang memainkan peranan utama kapada peniaga2 juga telah di-tekankan supaya menimbang dengan betul dan tepat kerana barang yang berat-nya sa-kati jangan hanya tinggal 14 tahil atau satu paun.

Sebab itu-lah Pejabat Sukatan dan Timbangan selalu memereksa untok mengawal supaya sa-tiap timbangan sentiasa dalam keadaan baik dan pernah beberapa kali Pegawai2 Pejabat itu merampas timbangan dari peniaga2 kerana enggan menghantar-nya untok di-pereksa.

Di-samping itu Pejabat Lembaga Bandaran sendiri juga telah menyediakan timbangan khas di-Pasar Besar untok kegunaan orang ramai menimbang semula barang2 mereka yang tidak berpuas hati dari timbangan si-penjual dan jika di-dapati timbangan si-penjual itu kurang sa-telah di-timbang semula di-tempat itu dengan bokti2 yang nyata, maka si-penjual itu boleh di-hadapkan ka-Mahkamah atas tudohan 'Menipu'.

Pindek kata, Pejabat Lembaga Bandaran chukop menyedari perkara itu dan berbagai ikhtiar telah pun di-buat untok kepentingan orang ramai dan demi menjaga taraf peniaga2 itu sendiri supaya perkara2 yang benar tidak akan di-salah gunakan.

Sekarang timbul lagi masaalah lain. Pelabohan Muara telah di-bukakan kapada semua perkapalan mulai awal bulan ini yang membawa masok barang2 kago dari luar negeri dimana barang2 tersebut di-angkut dengan lori ka-Bandar Seri Begawan dan sa-terus-nya ka-daerah2 lain di-negeri ini dan tentu-lah juga timbul soal bayaran pengangkutan yang sudah pasti di-kaitkan dengan harga2 barang.

Tetapi apa yang telah di-fahamkan yang telah di-gunakan sekarang memperchepatkan lagi urusan punggah-memunggah dan kapal2 tidak akan memunggu giliran sekian lama di-sana.

Sa-belum itu semua kapal2 masok melalui Sungai Brunei dan ber-

(Lihat Muka 6)



Pelabohan Muara berharga $41 juta mulai di-buka kapada semua Perkapalan pada 1hb. Mach ini. Kapal pertama sa-kali merapat di-Tambatan Muara ia-lah kapal 'BRITANNIA' yang membawa D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei pada 29hb. Februari, 1972.

KELEMAHAN IMAN BOLEH MENDURONG KITA MELAKUKAN KEJAHATAN

KHUTBAH JUMA'AT

KELEMAHAN iman dan tidak tegoh kepercayaan kapada Allah Subhanahu-Wataala selalu menjadi sebab untok mendurong orang melanggar larangan ugama dan melakukan kejahatan. Maka mengisi jiwa dan roh tauhid ka-dalam dada kita ada-lah satu2-nya jalan yang utama untok mengurangkan atau menjauhkan perbuatan kejahatan dan pelanggaran larangan ugama.

Dalam didekan tauhid kita di-ajarkan supaya orang yakin bahawa Allah Subhanahu-Wataala itu maha berkuasa, maha gagah, maha adil, maha bijaksana, maha mengetahui dan lain2 sifat kesempurnaan lagi. Dan Allah mengetahui dari segala mahlok tentang sa-suatu hukum atau peratoran yang dapat membawa manusia kapada kebaikan dunia akhirat. dan ia lebeh mengetahui dari segala mahlok tentang sa-suatu larangan yang boleh merosakkan kepentingan2 jasmani dan rohani manusia.

Maka segala perentah Allah mengandong hikmat yang tinggi untok kebaikkan mahlok-nya dan segala larangan-nya mengandong bahaya dan benchana bagi mahlok-nya. Semua itu di-adakan oleh untok jadi pelajaran bagi kita. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Sa-sunggoh-nya Allah menyuroh berlaku adil dan berbuat kebaikkan serta memberi pertolongan kapada kaum keluarga, dan ia melarang daripada mengerjakan yang keji, kemungkaran lan kedurhakaan, ia menasehati kamu semoga kamu mengambil ingatan".

Kalau orang yakin akan yang demikian itu, dan di-jadikan-nya sa-bagai pandu jiwa-nya, maka tidak-lah ia menyia2kan perentah Allah dan tidak pula ia melanggar larangan-nya. Kebaikkan yang di-lakukan oleh sa-seorang tidak akan hilang pahala ganjaran-nya dan tidak akan di-lupakan Tuhan segala dosa yang di-lakukan-nya.

Kalau kita mengetahui akan hakikat ini, maka jangan-lah kita putuskan amal kebajikan ugama kerana kita tidak melihat dan merasai balasan-nya di-dunia ini, atau kita tidak mau mengerjakan-nya kerana di-ejek orang. Semua kebajikan itu tidak hilang pahalanya pada sisi Allah. Demikian pula dosa dan kejahatan yang di-lakukan orang tidak akan di-lupakan Allah. Ia tidak pernah lupa atas segala kejadian yang telah berlaku. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Tiada-lah sesat Tuhanku dan tiada-lah ia lupa".

Di-sini kita di-asoh bahawa dosa yang di-lakukan orang walau pun semua manusia dan juga yang telah mengerjakan-nya melupakan-nya, tetapi Allah tetap tidak akan melupakan-nya dan akan di-balas-nya dengan seksaan yang sa-timbal. Jangan-lah kita lengah atas dosa2 yang telah kita lakukan. Kalau tidak di-ketahui orang maka kita menyangka bahawa Tuhan telah mengampuni-nya. Dan kalau di-biarkan dengan tidak di-kenakan bahaya dari dosa itu, maka jangan-lah kita menyangka bahawa Allah lengah dan lalai dari perbuatan kita.

Demikian-lah asohan dan ajaran tauhid kapada Allah dapat menyelamatkan kita dari segala macham perbuatan jahat dan pelanggaran hukum Allah. Jadikan-lah tauhid itu pemimpin jiwa kita. Mudah2-an Allah memeliharakan kita dari perbuatan2 dosa dan kejahatan dunia akhirat.

J/K Sambutan Maulud Nabi di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, baru2 ini telah membentok sa-buah JawatanKuasa Tertinggi untok mengadakan sambutan Maulud Nabi perengkat negeri yang akan di-adakan pada hari Ahad, 15hb. April bersamaan dengan 12hb. Rabbil-Awal 1393, di-Padang Besar Bandar Seri Begawan mulai jam 7.30 pagi.

Jawatan Kuasa itu di-pengerusikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin dan Timbalan Pengerusi ialah Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara, Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran H a j i Apong.

Awang Haji Abdullah Metassan telah di-lantek sa-bagai Setia Usaha Jawatankuasa tersebut.

Kemunchak dari sambutan perayaan itu ia-lah satu perarakan mengelilingi bandar bermula dari Padang Besar Bandar Seri Begawan.

Perarakan itu terbuka kapada semua Persatuan2 Belia dan Kebajikan, Maktab2, Sekolah2, Kampong2. Jabatan2 Kerajaan dan kumpulan orang2 perseorangan di-Daerah Brunei Muara.

Borang2 menyertai-nya boleh di-dapati sekarang dari Pengerusi Sambutan Perayaan, Awang Mahalie bin Haji Abdullah di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Seri Begawan.

Sharat2 untok menyertai perarakan itu ada-lah saperti berikut:

SHARAT2 YANG DI-TETAPKAN:

Pasokan yang mempunyai pasokan hadzrah-nya boleh-lah menyertai sama2 dengan pasokan itu atau hanya pasokan hadzrah.

SHARAT2 MENYERTAI PERARAKAN.

1) Perarakan ada-lah terbuka kapada Umat Islam di-negeri ini am'-nya, khas-nya di-kawasan sekitar Daerah Brunei/Muara.
2) Tiap2 pasokan di-kehendaki mengisi borang yang di-sediakan.
3) Tiap2 pasokan tidak terhad ramai-nya, tetapi hendak-lah menyatakan ramai bilangan pasokan-nya.
4) Sa-masa beratur dan berarak tiap2 pasokan hendak-lah membuat 3 barisan.
5) Tiap2 pasokan boleh membawa tidak lebeh 2 chogankata-nya sahaja.
6) Tiap2 chogakata berthemakan Sambutan Maulud Nabi dan di-tulis dari ayat2 Qur'an atau Hadith dan hendak-lah di-terjemahkan dalam Bahasa Melayu lebeh elok di-tulis dengan huruf Jawi.
7) Penapisan ayat chogankata akan di-lakukan, maka ia-nya hendak-lah di-hantar kapada pengerusi Perarakan 2 hari sa-lepas tarikh penutup menghantar borang ini, jika tidak mendapat jawapan, maka berarti ayat chogankata itu telah di-luluskan.
8) Ukuran chogankata tidak lebeh 3'x9' dan tinggi 8'.
9) Pasokan yang mempunyai Pasokan hadzrah-nya hendak-lah sama2 dengan pasokan itu.

DI-TEGAH DALAM CHOGANKATA DAN PERARAKAN.

1) Ukiran gambar2 patong, gambar2 orang atau bentok yang menyalahi tujuan dan thema Sambutan Maulud Nabi S.A.W.
2) Bendera2 yang tidak di-sahkan oleh Kerajaan.
3) Pakaian seragam yang menyerupai pakaian2 pasokan keselamatan (Askar dan Polis).
4) Tidak di-benarkan membawa sebarang alat yang merupakan senjata2 tajam.
5) Di-tegah bergurau2 atau berchakap2 sa-lain dari melaongkan SALAMAT, dan Puji2an memperingati kelahiran RASULULLAH S.A.W.

Peraduan membacha Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Ikatan Setia Pahlawan, INSAP membacha Quran kali peraduan membacha Quran kali yang ke-7 pada 13hb. April depan.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kapada persatuan2 belia dan kebajikan yang berdaftar, maktab2 dan sekolah2.

Tiap2 persatuan, sekolah dan maktab hanya di-benarkan menghantar dua orang peserta ia-itu sa-orang lelaki dan sa-orang wanita.

Borang2 masok boleh di-dapati sekarang dari Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Awang Adinin bin Mayalin di-Jabatan Kerja Raya.

Borang2 tersebut mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari 5hb. April.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21hb. Mach, 1973 hingga ka-hari Selasa 27hb. Mach, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
21hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
22hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
23hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
24hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
25hb. Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
26hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
27hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(21hb. Mach, 1973)

PENDIDEKAN

DALAM usaha untok mempertinggikan mutu pelajaran dan pendidekan di-negeri ini Kerajaan telah berusaha terus menerus mengadakan berbagai2 ranchangan latehan untok guru2 sama ada yang terdiri dari guru2 yang sedang berkhidmat mahu pun belum. Tujuan mengadakan latehan2 itu ia-lah untok memperbaiki qualiti guru2 di-negeri ini.

Demikian antara lain yang telah di-terangkan oleh Penasehat Umum K e b a w a h D.Y.M.M., dalam minggu lepas.

Beliau berpendapat bahawa kemajuan sa-sebuah negara itu ada-lah bergantong kapada kemajuan pelajaran-nya yang sabahagian besar-nya bergantong pula kapada guru2 yang memainkan peranan dalam sistem pelajaran negeri ini.

Latehan2 untok guru2 yang sedang berkhidmat saperti kursus chara2 mengajar menurut aliran moden, kursus pengajaran bahasa Inggeris di-sekolah2 rendah Melayu dan lain2 kursus lagi yang selalu di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran ada-lah merupakan latehan2 lanjutan kapada guru2 yang sedang berkhidmat. Hasil daripada kursus2 yang saumpama itu tidak lain yang di-harapkan melainkan kemajuan yang menggalakkan bagi tiap2 buah sekolah di-negeri ini sama ada dalam bandar mahu pun di-luar bandar. Menambahkan qualiti guru2 itu tidak akan dapat di-chapai dengan jaya-nya jika hanya menerusi teori2 tanpa praktikal-nya sekali. Walau sa-tinggimana pun nilai-nya satu2 teori itu, jika tidak di-laksanakan, maka ia-nya akan tinggal dalam kepingan2 kertas sahaja. Sa-seorang yang ingin menambahkan ilmu-nya dan berjaya dalam teori ada-lah masch kurang faedah-nya jika ia-nya menghadapi kesukaran pelaksanaan-nya. Hal ini sama-lah dengan pembinaan sa-buah rumah yang perkakas pembinaan-nya telah chukop sedia, tetapi tidak ada tukang yang hendak melaksanakan pembinaan itu. Kalau pun ada tukang tetapi tidak mempunyai perkakas pertukangan-nya, maka sukar juga ia melaksanakan pembinaan itu. Pindek kata, satu2 perkara itu hanya dapat di-laksanakan dengan sempurna dengan lengkap-nya peralatan2 yang di-perlukan. Sa-sudah guru2 itu menerima latehan2 yang di-berikan, maka sudah menjadi tanggong-jawab-nya melaksanakan semua ini. Kalau pun timbul kesukaran, kita yakin Jabatan Pelajaran akan bersedia menerima aduan2-nya dan membantu mengatasi kesulitan2 yang di-hadapi oleh guru2 itu. Kerana tujuan Kerajaan untok meningkatkan mutu pelajaran dan pendidekan negeri ini, maka tidak shak lagi tujuan itu akan dapat di-chapai dengan ujud-nya kerjasama yang erat dan bersafahaman yang benar2 timbul dari semangat untok kepentingan pendidekan raayat negeri ini. Mudah2an tujuan Kerajaan D.Y.M.M. itu akan terlaksana dengan baik-nya.

KA-TANAH SUCHI — SIRI KETIGA:

SEMANGAT KEBRUNEIAN YANG TETAP UTOH

OLEH: HAJI AHMAD ARSHAD

ROMBONGAN pertama jemaah Brunei yang mengandongi saramai 187 orang tiba di-Jeddah pada 30hb. Disember, 1972. Ketika tiba di-Lapangan Terbang Jeddah, yang mula2 menarek perhatian ia-lah kesebokan yang terdapat di-lapangan terbang itu. Kapal2 terbang yang membawa jemaah2 haji dari seluroh dunia datang silch berganti sa-hingga kawasan perhentian di-lapangan itu di-penohi dengan kapal2 terbang yang beraneka jalor dan lambang masing2 dan memuntahkan penumpang2 dari berbagai bangsa, tetapi taat di-bawah panji2 Islam.

Jemaah2 haji luar negeri yang membanjiri lapangan itu masing2 dengan urusan2 pendaratan dan menjalani pemereksaan2 kastam dan imigresen. Jemaah Brunei terpaksa menunggu lebeh dari satu jam untok menjalani pemereksaan2 tersebut. Pemereksaan di-jalankan bagitu ketat oleh pehak kastam dan imigresen Saudi. Bungkusan2 dan buku2 yang terdapat dalam beg2 penumpang di-kaji satu persatu sa-hingga buku2 untok panduan haji pun nampak-nya menchurigakan pehak Kastam di-Jeddah. Saya tertarek untok mengetahui kenapa pemereksaan terhadap buku2 di-jalankan bagitu ketat. Saya sendiri melihat lunggokan buku2 yang di-tahan. Saya churiga apa-kah buku2 yang saya bawa juga akan di-tahan. Sa-orang kawan saya juga churiga terhadap penahanan buku2 yang di-bawa oleh penumpang2. Sa-orang jemaah lagi bertanya kapada saya apakah chorak buku-nya yang di-tahan itu ada-kah termasok majalah2 filem. Geli juga hati saya mendengar pertanyaan sa-umpama ini, kerana sa-jauh yang saya tahu bahawa kebanyakan jemaah membawa buku2 ibadat. Kita tahu bahawa kebanyakan majalah2 filem, bahkan hampir keseluroh-an-nya memuat gambar2 separoh bogel sa-lain dari gambar2 dan cherita2 filem yang di-tayangkan. "Kenapa majalah itu yang di-bawa?", saya bertanya. "Saya tidak memwa majalah2 saperti itu. Chuma bertanya saja — apa-kah di-haramkan di-sini atau tidak", kawan saya itu menjelaskan. Kami sama2 ketawa sa-telah saya jelaskan tentang tujuan ka-tanah suchi yang sabenar. Bukan majalah2 saperti itu yang harus di-tatap atau di-hapal.

Sa-orang pegawai memberi tahu saya bahawa pemereksaan ka-atas buku2 itu hanya-lah terhadap buku2 yang mengandongi penyibaran2 anti Arab atau anti Islam atau yang melemahkan semangat Umat Islam dalam menentukan hak2 mereka. Buku2 sa-umpama itu di-khuatiri mempengarohi Umat Islam sendiri. Pemereksaan bungkusan2 ada-lah di-khuatiri berlaku-nya kejadian2 jenayah atau yang membahayakan, baik kapada jemaah yang datang mahu pun kapada raayat Arab Saudi sendiri.

Selesai pemereksaan itu, jemaah2 beredar ka-satu kawasan penerimaan sheikh2. Suasana bagitu hingar sekali, kerana di-penohi oleh laungan khadam2 atau wakil2 sheikh yang menageh jemaah masing2. Jemaah Brunei terbahagi kapada dua sheikh ia-itu sheikh Haji Ibrahim dan Sheikh Aliyassin. Pekikan khadam2 dari kedua2 sheikh itu ada-lah penting di-ikuti. Siapa yang bersheikhkan Aliyassin hendak-lah meluru ka-tempat suara yang meneriakkan nama sheikh itu dan bagitu juga yang bersheikhkan Haji Ibrahim. Selesai pembahagian sheikh itu jemaah di-angkut dengan bas ka-satu bangunan tempat tinggal sementara di-Jeddah yang khas bagi jemaah2 yang menaiki kapal terbang. Jemaah2 yang meniki kapal laut mempunyai tempat tinggal yang khas tidak jauh dari situ.

Saya mula kenal satu chara kekasaran orang2 tempatan di-situ yang mengkehendaki kita bersikap tenang menghadapi-nya. Baik dari chara tekenan suara berchakap hingga kapada tingkah laku-nya ada-lah terlalu asing bagi kita di-sini. Barang2 jemaah di-baling2-kan dengan tidak keruan lagi sahingga ada yang putus tali pengikat-nya dan ramai dari jemaah bimbang terhadap hal itu. Kerana itu sa-tiap jemaah di-kehendaki mengikat barang masing2 dengan chara yang sempurna. Tabiat kekasaran itu ada-lah lumrah berlaku di-sana. Bahkan dari segi perchakapan dan tekanan suara mereka, ada jemaah yang mengurut dada. "Tungkal ku Wang Aji gaya abis si-dia ani", keloh sa-orang jemaah perempuan separoh umor.



Jemaah perempuan sedang sembahyang dzuhur di-tempat tinggal penumpang2 kapal terbang di-Jeddah sa-waktu menunggu masa berangkat ka-Mekah. Yang mengimam itu ia-lah Pg. Hajjah Salmah binte Pg. Haji Ismail.

Kebiasaan orang2 Brunei bertulong2an antara satu sama lain ada-lah lebeh nyata bila berada di-luar negeri. Bila ada jemaah yang akhir datang atau belum kelihatan batang-hidong-nya atau ada yang demam, masing2 dengan kesebokan-nya membantu atau menchari yang belum datang itu. Jika sa-orang sedang makan, empat lima orang lagi yang 'di-lagau" sama, walau pun yang baru di-kenali-nya waktu itu juga. Bila tiba waktu sembahyang mereka berjemaah. Perempuan yang berpengetahuan di-suroh mengimam rakaa2-nya dan bagitu juga laki2. Siapa yang tahu bagaimana chara2 memakai telekong yang sempurna segera menunjokkan kapada rakan-nya yang silap atau separoh tahu itu. Pindek kata, kehidupan mereka waktu itu sa-umpama adek-beradek. Ini-lah keistimewaan semangat keBruneian yang tetap utoh, khas-nya ketika berada di-luar negeri. "Sakit dan senang itu sama2 di-rasa", kata mereka.

Rombongan pertama itu berangkat ka-Mekah pada 31hb. Disember, 1972 di-sabelah ma'lam. (Tiga jam sa-belum itu, rombongan kedua dari Brunei telah sampai di-Jeddah dan tinggal di-tempat yang sama).

Mereka berangkat pada pukul 9.00 malam (pukul 2.00 pagi waktu Brunei) dengan menaiki empat buah bas. Jarak antara Jeddah dan Mekah ia-lah kira2 60 batu ia-itu kira2 dua jam dalam perjalanan.

Sa-belum waktu berangkat itu, jemaah Brunei di-beri tahu oleh wakil sheikh yang mereka akan berangkat ka-Mekah sa-belum dzuhur. Kemudian di-anjak lagi sa-lepas 'Asar dan saterus-nya salepas Maghrib dan sa-lepas 'Isha'. Semua jemaah telah sempurna memakai ihram sa-belum dzuhur. Bagitu-lah janji2 yang memeningkan kepala jemaah. Tidak ada waktu yang benar2 tempat. Ada jemaah yang tidak tentu makan, kerana khuatir datang perentah berangkat dalam waktu mereka menyuap nasi. Saya mendengar kelohan sheikh: "Ini-lah akibat-nya tuan2 akhir berangkat dari Brunei". Menurut beliau, semua urusan2 di-Jeddah telah tidak dapat di-jalankan dengan tepat.

Mungkin kerana terlalu leteh dan harus juga ada yang tidak tentu makan itu, maka suasana dalam bas hanya kedengaran bunyi degongan injin dan hentakan bas saja dan hon2 kereta yang tidak pernah lengang di-sepanjang perjalanan malam itu. Banyak di-antara jemaah tertidor sandar-menyandar dengan memakai ihram.

Tiba di-Mekah hawa bagitu sejok sa-hingga semua-nya menggigil. Sa-telah barang2 sempurna di-angkut khadam ka-tempat tinggal, jemaah di-bawa oleh wakil sheikh ka-Mesjidil Haram untok tawaf selamat datang dengan mengelilingi Ka'abah tujoh keliling dan sa-terus-nya Sha'ie ia-itu berjalan dari Safa ka-Maruah dan tabalul atau berchukor atau menggunting rambut sa-kurang2-nya tiga helai. Apabila pulang ka-tempat tinggal dan membuka ihram, suasana bagitu lengang. Semua-nya tertidor keletehan. Tetapi suasana di-luar, masch tetap dengan kehingaran dan kesebokan-nya, kerana sa-tiap saat jemaah datang bertumpu ka-Mekah yang menjadikan Mekah bagitu chepat di-tumpati oleh manusia Islam.

(Minggu depan keadaan di-Mekah)

KEPUTUSAN PENOH PEPEREKSAAN M.C.E.

BERIKUT ini ia-lah keputusan penoh pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia aliran Inggeris (M.C.E.) yang telah di-adakan pada tahun lalu.

Pengenalan: I — Pangkat Pertama, II — Pangkat Kedua, III — Pangkat Ketiga dan 'G' — Sijil Pelajaran 'Am (G.C.E.)

Angka sa-lepas huruf 'G' menunjokkan bilangan mata-pelajaran yang lulus dengan mendapat kepujian. Lulus dengan mendapat kepujian di-kira sa-banding dengan kelulusan Perengkat 'O' biasa (Ordinary Level) dalam pepereksaan General Certificate of Education di-United Kingdom.

MAKTAB SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN,

BANDAR SERI BEGAWAN

Andrew Tay, I; Agnes Tay Moi Fah, I; Brahim bin Ismail, I; Ismail bin Marsal, I; Ismail bin Puteh, I; Lim Bee Lan, I; Lim See Soon, I; Tan Bon Eng/Tan Boon Eng, I; Zainal Abidin bin Hj. Mohd. Ali, I; Abd. Razak bin Metassan I; Abdullah bin Abd. Rahman, I; Abd. Rahman bin Hj. Ibrahim, I; Zurina bte. Ismail, I.

Aishah bte. Hj. Mohd. Husain, II; Ang Bee Day, II; Asmah bte. Saman, II; Awg. Bini bin Hj. Metali, II; Awg. Ramlee bin Daud, II; Fatmah bte. Hj. Mohd. Jamil, II; Ibrahim bin Hj. Md. Ali, II; Ismail bin Hj. Mohd. Jaafar, II; Jameela Maricar, II.

Md. Said bin P.P. Hj. Hashim, II; Mahmud bin Ibrahim, II; Mat Salleh bin Matusin, II; Rokiah bte. Taha, II; Samat/Mohin bin Hj. Abbas, II; Tan Jee Yam, II; Hajah Intan bte. Hj. Md. Kassim, II; Lim Kian Kiong, II; Mahadi bin Ibrahim, II; Mohd. Yussof bin Tengah, II; Md. Zulkifli bin Hj. Md. Salleh, II;

Aspar bin Abu Bakar, II; Ismail bin Ahmad, II; Johan Thani bin Abdullah, II; Fatimah binte Garip, II; Rosli bin Talip, II; Taha bin Amit, II; Young Siut Leng, II; Zakaria bin Haji Sulaiman, II; Johari bin Md. Yusof, II; Kamariah bte Hj. Abdi Manaf, II; Arsad bin Abd. Adis, II; Hamzah Alias, II.

Dk. Siti Aminah bte. Pg. Mohamed, III; Norlaila bte. Hj. Suhaimi, III; Ahmad Ghazali bin Hj. Tengah, III; Ak. Mashor bin Pg. Ahmad, III; Ak. Sahar bin Pg. Omar, III; Dk. Aminah bte. Pg. Suhaili, III; Dk. Masliati bte. Pg. Hj. A. Mumin, III; Dayangku Rosni bte. Pg. Sabtu, III; Dy. Saloma Awg. Mahmud, III; Hamzah bin Hj. Abu Bakar, III; Hassan bin Jaafar Metasan, III; Junita bte. Momin, III.

Lena Othman, III; Poh Siang Huat, III; Rauyah bte. Hj. Ahmad, III; Salamat bte. Tengah, III; Siamat bin Hj. Kamis, III; Siti Norainn bte. Sh. Hj. Omar, III; Abd. Ghani bin Mohammad, III; Ariffin bin Abd. Rahman, III; Dy. Jauyah bte. Raiah, III; Dy. Masnah bte. Karim, III; Dy. Tampoi bte. Murat, III; Junaidi bin Haji Omar, III.

Karim bin Asmat, III; Lamat bin Jaafar, III; Lamat bin Lakim, III; Mohd. Jaafar Haji Ahmad, III; Mohd. Yakub bin Ahmad, III; Roslina Abd. Hamid, III; Zainidah bte. Awang Hussain, III; Zaliha bte. Sarah, III; Zulkipli bin Abdullah, III; Ak. Roslee bin Pg. Jaya, III; Dk. Siti Zulia P.H. Tengah, III; Kaisah bte. Maidin, III.

Md. Yussof bin Hj. Mohd. Zain, III; Mohamad Tahir bin Mohamad Salleh, III; Song Ming Moi, III; Tong Ting Kim, III; Zainun bte. Hashim, III; Abd. Aji bin Haji Ishak, III; Ak. Mumin Pg. Hj. Yusuf, III; Ak. Zainudin bin Pg. Medtheir, III; Dy. Rusni bte. Tunggal, III; Hussin/Metusin bin Jaafar, III; Nor Shahanita bte. Abdullah/Puh, III; Rusdi bin Hj. Latif, III; Suhaimi bin Md. Jair, III.

Zakaria bin Ibrahim, III; Ahmad bin Ag. Hussin, III; Ang Wah Bin, III; Dk. Rokiah Pg. Sharifudin, III; Dk. Rominah Pg. Hj. Kula, III; Dk. Satinah Pg. Hidup, III; Hajjah Siti Kache Haji Mandor, III; Isa bin Shahminan, III; Jaafar Haji Abd. Momin, III; Masri bin Shari, III; Moksin bin Muhammad, III; Jauyah bte. Matusin, III.

Kamaluddin Awang, III; Marianah Omar, III; Awg. Taib bin Yassin, III; Bakar bin Ali, III; Dy. Jamilah bte. Hj. Samad, III; Dy. Masnoon bte. Abd. Halim, III; Dy. Fatimah bte. Awg. Md. Hussin, III; Dk. Aminah Pg. Yusof, III; Hasiah bte. Sulaiman, III; Isah bte. Ismail, III; Rafiah Md. Arif, III; Rusni binte Pisi, III.

Siti Alam bte. Ghani, III; Taisah bte. Nasir, III; Winny Haji Suhali, III; Zainon Elias, III; Ahmad bin Awg. Damit, III; Ak. Hussin bin Pg. Hj. Zainal, III; Ak. Razale bin Pg. Sable, III; Ag. Mohamad/Mohammad H. Tengah, III; Berudin bin Hi. Giok, III; Hajah Arbaeyah bte. Hj. Abdullah, III; Hamid bin Nayan, III; Jabat bin Hasim, III; Jamil bin Hi. Tuah, III.

Kamis bin Jamaluddin, III, Lai Sun, III; Mohammad Idin bin Johan, III; Mohd. Kamel bin Mohamad, III; Rohani bte. Kura, III; Sabariah bte. Abd. Latif, III; Sallehuddin bin Hj. Ibrahim, III; Sharbini bin Batang, III; Ismail bin Hj. Mat Yassin, III.

Lim Guat Goo, G6; Ong Tiong Oh, G6; Shaila Beegum, G7; Stephen Low Chee Chiang, G6; Aw. Hashim bin Awg. Ahmad, G1; Koh Boon Hong, G2; Lim Soong Thing, G2; Rasidi bin Osman, G1; Rokiah bte. Hi. Ludin, G1; Siti Alam bte. Abd. Talip, G1; Tan Teng Kee, G1; Teo Lai Ngee, G1.

Young Che Yen, G7; Abd. Latip bin Hj. Matnor, G1; Abu Bakar bin Mohammad, G2; Abd. Wahab bin Abd. Gapar/Ghafar, G2; Asmah bte. Mohd. Zain, G1; Han Lian Eng, G2; Ramli bin Basar, G1; Awang Mahmud bin Duraim, G1; Chin Swee Lun, G2; Dk. Faredah bte. P.H.M. Puteh, G1; Dk. Roseni bte. Pg. Mohammad, G1; Dayang Aishah Abd. Rahman, G1; Dayang Sabariah bte. Md. Yussoff, G2.

Hasnan bin Awang Abdullah, G1; Jamil bin Mohammad, G1; Kamis bin Talip, G1; Lee Ai Cheng, G5; Lim Geok Peck, G2; Md. Hosni bin Md. Husain, G1; Nooridah bte. Mahmud, G1; Phang Siew Bee, G1; Sophia Abd. Hamid, G2; Tinggal bin Rodin/Mohd. Noor, G1; Tuah bin Hashim, G1; Abd. Kayum Hj. Abd. Rahim, G1.

Abd. Momin bin Matassan, G1; Abd. Rahman bin Hi. Md. Husain, G1; Ak. Ali bin P. Tuah, G1; Ak. Mohd. Yussoff bin P. Bahar, G1; Awg. Johari bin Awg. Jaludin, G1; Dk. Mastura bte. P.M. Chuchu Besar, G1; Haji Ludin bin Moksin, G1; Lim Jen Chee, G2; Mat Serudin bin Hi. Pakar, G1; Mokim bin Hassan, G1; Musli bin Mumin, G1; Noordin bin Ahmad, G1; Suhaimin bin Md. Said, G1.

Zawawi bin Hj. Munap, G3; Awg. Tengah bin Ahmad, G2; Dk. Halimah bte. Pg. Md. Yasin, G1; Hamin bin Tamit, G2; Jaman bin Kamis, G1; Moksin bin Hj. Omar, G1; Mohd. Moksin bin Manggong, G1; Md. Tahir bin Hj. Metassim, G1; Md. Tahir bin Hj. Metassim, G2; Noorsiah bte. Ag. Matnoor, G1; Poh Mui Hoi, G1; Sharin bin Alim Halim, G2; Norhayati bte. Hj. Noordin, G1.

Abd. Latib bin Abd. Hamid, G1; Dy. Jarah bte. Hj. Md. Yusof, G1; Dk. Maskuin P. Hj. Muhammad, G2; Halimah bte. Mat Nor, G1; Hashim bin Othman, G2; Abg. Kifrawi bin Abg. Abu Hanafiah, G1; Aminorasid bin Hj. Ghazali, G1; Hamzah bin Hj. Hanafiah, G1; Husaini Sharbini, G1; Rasinah bte. Aioi, G1; Yahya bin Abu Bakar, G1; Zainal Abidin bin Hj. Md. Hashim, G1; Raemi bin Abd. Wahab, G2.

SEKOLAH ST. ANDREW, BANDAR SERI BEGAWAN

Koh Siew Ben, I; George Henry, II.

Ak. Hassanan bin Pg. Zahari, III; Azamain bin Hj. Adnan, III; Idris bin Ibrahim, III; Kamaruddin bin Othman, III; Siti Hindun bte. Md. Yusof, III; Zeiah bte. Yahya, III.

Cameons Basil Leo, G2; Chua Lai Guan, G3; Hamdan bin Hj. Abd. Karim, G1; Lee In Chun, G5; Lee Song Hoo, G5; Lee Swee Lee, G3; Lin Chu Hsien, G7; Lo Kok Wah Michael, G3; Samar Bhattacharya, G3; Simon Shim, G1; Shim Geat Fah, G4; Tan Seng How, G1.

Chow Nyuk Ling, G4; Dy. Fatimah bte. Ahmad, G1; Dy. Jaliha bte. Hj. Momin, G2; Joan Ann Keasberry, G1; Lee Pik Wian/Lee Pik Wan, G5; Lim Siau Yum, G3; Lo Yann Yee Isabel, G3; Malai Nafiah Sheikh Mohamad, G2; Wong Lin, G3; Wong Mei Ling, G6.

SEKOLAH ST. GEORGE, BANDAR SERI BEGAWAN

Pauline Tan, I; S. Sharifudin, II.

Alexander Yong Foh Ping, G1; Cecilia Chieng Poh Sieng, G1; Chiew Tiong Poh, G1; Chin Siew Thai, G2; Chin Wan Ching, G1; Chong Pit Quee, G2; Chong Tart Loi/Peter Chong, G1; Chong Yin Moi, G2; Kim Chung Jin, G4; Kim Chung Kim/Kim Jeong Lim, G7; Liew Fook Kuen/Ronnie Liew, G7; Lim Cheok Eng/Lim Siok Eng, G3.

Lim Ley Huong, G1; Lim Shiu Hoon, G1; Liu Pong Khoon/Frankie Liew, G2; Loh Nyuk Phin/Lawrence Loh, G6; Ng Jun Jan, G4; Ng Wan Chin Alias Mary Ng, G6; Ngai Sou Thim/Wee Weng Chong, G7; Richard Newn Min Choi, G5; Rosita Abdul Rahman, G2; Siti Aminah bte. Chek, G4; Ting Ngin Kwong, G6; Martin Newn Ted Onn, G4.

MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA

Cheng Tung Sen, I; John De Cruz, I.

Abdul Rahman bin Hassan, II; Awang Osman bin Tamin, II; Dyg. Fatimah bte. Abd. Hamid, II; Hedus bin Dollah, II; Khadijah/Halijan bte. CA Mohamed, II; Sulehman bin Mohd. Noor, II; Sidek bin Ali, II.

Joharie bin Haji Matussin, III; Norjum bte. Hj. Yusop, III; Shukri bin Abang Taha, III; Sulaiha bte. CA Mohamed, III; Tan Ah Lan, III; Abdur Rahmani Haji Basir, III; Ahmad bin Abd. Rahman, III; Chin Nyuk Kwong, III; Dayang Fatimah bte. Awang Sirat, III; Hasnah bte. Bagul, III; Norzinah bte. Abdullah, III; Yee Khong Khiong, III.

Anuar bin Md. Jaya, III; Fatimah bte Abdullah, III; Kudong bin Talib, III; Md. Kamaruddin bin Hj. Abd. Wahab, III; Siti Awa bte. Lamzi, III.

Ahmad bin Ibrahim, G1; Ang Bee Leng, G5; Chong Lian Fah, G7; Chong Yui Jin, G5; Jamaludin bin Ghafar, G1; John Alexander, G8; Lee Yen Tshin/Lee Yew Tshin, G8; Leong Kang Meng, G5; Liaw Yun Lin, G5; Lo Mun Foo, G4; Nyau Mee Yun, G8; Abd. Karim bin Haji Rashid, G1.

Chee Kiong Soon, G2; Chia Choi Fung, G7; Chung Siew Ngah, G2; Lim Gek Choo, G1; Mitali Das G2; Ng Yiok Chin, G2; Ohn Sui Chaw, G1; Siaw Ah Moi, G5; Wong Mann Siong, G3; Wong Mee Fung, G3; Yong Lan Chen, G1; Brahim/Ibrahim bin Hj. Manap, G1.

Eng Ai Jung/Heng Ai Jung, G3; Kok Pui Fatt, G5; Leong Nyuk Hoon, G2; Ng Lee Fah, G2; Ali bin Ahmad, G1; Ng Siew Chin, G1; Pendi bin Hj. Sikon, G3; Swee Sui, G1; Yee Leh Lah, G4; Abdul Talib bin Haji Rashid, G1; Ak. Ahmad bin Pg. Maiddin, G1; Jamail bin Linaf, G2; Kamaludin Hitam, G2; Ton Kah Hwa, G1.

SEKOLAH PERDANA WAZIR, KUALA BELAIT

Rogayah bte. A. Tajuddin, III; Asnah bte. Haji Talip, III; Fatimah bte. Hj. S. Salleh, III; Hasrin bin Haji Sabtu, III.

Affinde bin Hj. Mohd. Noor, G1; Chin Swee Kim, G1; Chong Siew Yun, G6; Chong Vui Soong, G2; Foo Sewo Kuen, G2; Goh Choon Eng, G4; Hong Geck Meng, G8; Leong Mun Tshong, G4; Leslie Vivian Ross, G5; Liaw Lan Siew, G8; Loo Kam Choon, G7; Ng Fook Choon, G6.

Ng Wai Kou, G3; Ng Pik Oi, G7; Phang Khek Ying, G5; Siah Siew Hui, G5; Sung Yeok Ha, G4; Tay Peng Meng, G3; Yapp Fook Syn, G4; Chiam Tau Ting, G4; Derius Haris, G1; Dk. Salbiah bte. Pg. Mahmod, G1; Ismat bin Lamat, G1; Kamariah bte. Taha, G3.

Lizzie T. Ponnampalam, G2; Nawawie bin Ahmad, G1; Mahammad bin Hamid, G1; Md. Yunus bin Hj. Tahip, G1.

SEKOLAH ST. MARGARET, SERIA

Haji Abdul Rahman bin Pozan, II.

Shanti Kaur, G1; Susan Yeo Wei Hua, G5; Ong Tit Lee, G2; Marilyn Koh Siew Choo, G2; Margaret Wong, G8; Lim Ah Har, G7; Leong Yin, G2; Lam Ah Moi, G1; Grace Foo Nyuk Moi, G4; Chong Chui Lan, G3; Chan Lian Cheng, G4; Yong Chin Fah, G8.

Yeo Chin Sang, G3; Yoon Yong Phen, G2; Thompson Samuel Jacop, G2; Simon Lee Yui Shin, G7; Silvester Leong Vui Kong, G3; Shim Pinh Chong, G1; Nicholas Leong Soon Kong, G7; Lo Ngen Chong, G5; Lo Hoi Yen, G2; Liew Tsoon Hin, G6; Leong Shui Hing, G4; Kothenath Suresh Kutty, G7.

Kim Kang Heon, G5; Kho Chet Kiang, G2; Kelly Isaac, G4; Joseph Tan Kwang Yew, G8; Ho Mann Khay, G8; Fan Tshee Onn, G2; Chiew Eng Lok/Chew Eng Lok, G1; Chia Yun Puen, G4; Chan Kuan Beng, G6; Chai Chitt Yatt, G2; Abner Maben, G5; Voon Shu Shuk, G8.

SEKOLAH ST. MICHAEL, SERIA

Yong Mee Hua, I; Hang Fung Kwang, II; John Lim, II; Ashari Masri, III; Henry Tai Kim, III.

Almon Teo Chuan Huat, G1; Chin Kim Siong, G5; Chua Pheng Chuan, G1; Daniel Chang See Kuan, G6; Edwin Wong Voo Khiong, G3; George bin Mikui, G1; Hiew Shau Wai, G5; Hiew Tung Fook, G1; Ivan Lee Lim Chee, G6; John Tiong, G3; Kong Tze Hing, G2; Koo Nyen Khong, G1.

Lau Swee Lin, G1; Law Guan Lai, G2; Lee Kia Kong, G3; Lee Loi Yu, G3; Lee Tet Khiong, G4; Lee Yin En, G7; Leong Kit Wah, G7; Mat bin Ah Nee/Jeffrey Lim,

(Lihat Muka 8)





Pokok tembakau kelihatan tumboh dengan subor-nya (gambar atas) manakala gambar kanan menunjokkan daun2 tembakau yang sudah di-keringkan.

Tembakau boleh memberi keuntongan

SA-BAGAI satu jenis tanaman bagi mendapatkan wang serta boleh di-tanam salepas musim menuai padi, tembakau nampak-nya boleh memberikan keuntongan di-Brunei. Tembakau mendapat tuntutan keperluan yang baik di-negeri ini, tetapi sa-panjang yang di-ketahui, hanya saorang petani yang menghasilkan jumlah yang sedikit untok di-jual.

Tembakau memerlukan tanah yang sa-paroh subor dengan parit yang menchukopi dan pokok itu tahan menentang kemarau yang tidak begitu hebat. Oleh yang demikian ada-lah sunggoh baik di-tanam lepas padi, terutama sa-kali apabila musim hujan kurang dari biasa.

Beneh mula2 di-tanam dalam petak2 semaian dan di-hindarkan dari mendapat cahaya matahari yang terek. Apabila beneh itu tumboh satinggi 5"–6" ia-nya kemudian di-pindahkan ka-batas2 panjang yang mempunyai jarak 3 kaki di-antara satu dengan lain, dan pokok2 tembakau itu juga di-tanam sa-jarak 3 kaki.

Untok mendapatkan hasil tembakau yang baik, pembubohan baja hendak-lah di-jaga dengan baik. Untok memperolehi tembakau yang subor, tanaman tersebut hendak-lah di-bajai apabila 10% dari tanaman itu mulai mengeluarkan bunga. Puchok2 sa-belah tepi hendak-lah di-potong sa-lepas ini. Ini bermaana bahawa semua baja di-gunakan untok 12–15 helai daun.

Daun2 itu ada-lah chukop masa-nya untok di-petek apabila tebal dan menguning. Ada-lah perlu bahawa chuma daun2 tua saja di-petek, kalau tidak kesukaran akan timbul dalam proses pematangan untok kegunaan. Perhatian hendak-lah juga di-ambil ia-itu daun2 yang di-petek itu tidak di-biarkan bangus di-bawah pancharan matahari dan daun itu hendak-lah di-biarkan kering.

Untok pematangan daun untok kegunaan, sa-jenis pondok atap ada-lah di-perlukan tetapi dalam kawasan tropika yang basah ini, mungkin lebeh baik mempunyai atap yang tidak bochor. Daun2 kemudian-nya di-ikatkan kapada batang2 kayu yang mana kemudian-nya di-gantongkan dalam pondok tersebut.

Pada mula-nya daun2 itu akan menjadi kuning, tetapi ini mestilah jangan di-buat terlalu chepat. Kemudian warna itu menjadi agak choklat atau kehitaman.

Sa-lepas daun2 itu di-keringkan, ia-nya hendak-lah di-simpan dalam keadaan baik dan jagaan hendak-lah di-buat supaya daun2 itu chukop kering, kalau tidak ia akan masam dan burok.

Tanaman ini memerlukan pemeliharaan dan perhatian yang teliti, tetapi walau pun demikian ia-nya memberikan kepuasan hati dari segi keuntongan.

Hasil yang baik sa-banyak 500 lb boleh di-jangka akan memberikan keuntongan sampai $5,000 sa-ekar.

Tanaman tembakau yang ada sekarang di-Birau telah hidup dengan subor dan ada-lah di-chadangkan supaya pelbagai jenis tembakau di-impot lagi ka-Brunei untok mengetahui penyesuaian-nya di-Brunei.

Achara2 peringati P. Seri Kenangan

TUTONG. — Daerah Tutong akan mengadakan berbagai achara bagi memperingati ulang tahun yang pertama Pantai Seri Kenangan pada 24hb. dan 25hb. Mach ini.

Sa-orang juruchakap Pejabat Daerah Tutong berkata bahawa pada 24hb. Mach pertunjokkan wayang gambar akan di-adakan di-pantai tersebut.

Juruchakap juga menyatakan bahawa pada 25hb. Mach, perlumbaan perahu, panching ikan akan di-adakan di-Sungai Tutong dan perlumbaan motorka scramble akan juga di-adakan pada hari itu.

Pertunjokkan aneka warna akan juga di-adakan pada sebelah malam-nya.

Sementara penjualan sayoran2, buahan2 dan lain-nya akan juga di-adakan.

Juruchakap itu menyeru peladang2 di-daerah itu supaya datang beramai2 membawa hasil tani mereka untok di-jual pada hari tersebut.

Tempat berniaga pada hari itu boleh di-pohonkan di-Pejabat Daerah Tutong.

Juruchakap itu juga menerangkan bersempena dengan ulang tahun itu kutipan untok derma stadium akan juga di-adakan dengan berjual pelakat2 kereta dan bendera.

Orang ramai ada-lah di-persilakan datang beramai pada hari2 tersebut.

JAWATAN KOSONG

Sa–bagai Pemerhati Kajichuacha

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pemerhati Kajichuacha di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau pepereksaan yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang berkelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut. Hanya mereka yang berumor di-antara 18 dan 25 tahun di-kehendaki memohon.

Tempoh Perchubaan:

Chalun yang berjaya akan di-lantek dalam perchubaan selama 3 tahun. Sebelum menamatkan masa perchubaan ini, dia hendak-lah lulus pepereksaan rendah Kajichuacha.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 12hb. April, 1973.

Krisis harga2 barang

(Dari muka 2)

tambat di-Dermaga Kastam di-Bandar Seri Begawan terpaksa menunggu giliran mereka sa-hingga sa-minggu atau lebeh untok memunggah barang dan bayaran yang di-kenakan tidak kurang dari $500.00 sa-hari untok sa-buah kapal.

Perbandingan sistem Pelabohan Baru Muara dan Pelabohan Lama (Dermaga Kastam) di-Bandar Seri Begawan jauh lebeh maju dan chepat serta berekonomik menurut kemudahan2 yang sedia terdapat di-Pelabohan Muara sekarang.

Sebab itu kita mengharapkan soal pengangkutan tidak akan timbul dan perkara itu sa-bagai perkara biasa saja tetapi jangan-lah peniaga2 memikirkan untok kesempatan demikian, maka bertambah-nya lagi kenaikan harga2 barang saperti yang kedengaran dulu konon-nya kenaikan gaji Pegawai2 Kerajaan dan naik-nya juga harga2 barang.

Daiam perjumpaan antara Dewan Perniagaan Tionghwa dan India dengan Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abd. Aziz, wakil2 itu berikrar akan membinchangkan dalam satu mashuarat dengan ahli2 mereka untok sa-hulus2-nya mengenai harga2 barang dan mereka juga berjanji tidak akan mengambil keuntongan yang berlebehan kerana mereka turut bersempati kapada orang ramai di-negeri ini.

Yang Berhormat itu sa-terus-nya membayangkan bahawa dari paminan2 yang telah di-berikan dapat-lah di-uji sa-jauh mana orang2 Tionghwa dan India di-negeri ini menumpukan tanggong-jawab mereka sa-bagai raayat yang benar2 taat kapada Kebawah D.Y.M.M. Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Kata-nya, jika masaalah tersebut mereka mempertanggong-jawabkan bersama, maka berarti-lah tanggong-jawab mereka terhadap ketaatan mereka kapada negeri ini menjadi satu perkara tanda soal.

Tetapi sa-balek-nya jika tanggong-jawab itu mereka pikul bersama sa-bagai raayat yang benar2 chinta kapada Brunei Darussalam ini, maka boleh-lah di-istilahkan mereka terdiri dari orang2 Tionghwa mempunyai perasaan taat setia yang tidak berbelah bahagi.

Dengan sebab itu-lah, kata Yang Berhormat itu lagi, Kerajaan belum bersedia membuat sa-barang peraturan atau undang2 mengenai ketetapan harga2 barang sa-lagi mereka mahu bekerjasama.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Juru Trengkas Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Juru Trengkas Melayu di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis tulisan Trengkas Melayu selaju sekurang2-nya 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — $410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 9hb. April, 1972.

Sa-bagai Juru Taip

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Juru Taip di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sa-banding dengan-nya.

(b) Mempunyai kebolehan menaip dengan kechepatan 40 p.s.m. Keutaman akan di-beri kapada pemohon2 yang juga mempunyai kemahiran menchatet trengkas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 9hb. April, 1973.

Sa-bagai Kerani/Juru Bahasa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Kerani/Juru Bahasa di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Persekolah Seberang Laut atau kelayakan yang sa-banding dan mesti-lah benar2 faseh dalam sekurang2-nya tiga logat China, Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — $410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 8hb. April, 1973.

SA-BAGAI MERINYU KESIHATAN PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Merinyu Kesihatan Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah sudah menchapai umor 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun, dan mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

Mereka mesti-lah telah lulus pepereksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan satu mata-pelajaran Sains atau Sains 'Am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang terpileh akan di-lantek dalam perchubaan sa-lama 3 tahun dan dalam tempoh itu mereka hendak-lah mendapatkan Sijil The Royal Society of Health. Chalun2 akan di-hantar berlateh di-Singapura di-atas perbelanjaan Kerajaan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 9hb. April, 1973.

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

A. PENOLONG PEGAWAI KERJA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya G.C.E. Peringkat 'O' dalam tiga mata-pelajaran dan satu daripada-nya ia-lah Bahasa Melayu;

(b) Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pentadbiran pejabat;

(c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kemahiran dalam trengkas Melayu dan berpengalaman dalam kerja2 penerbitan dan perchetakan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C1 EB 2 — $610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sebanding dengan-nya;

(b) Berpengalaman sekurang2-nya selama 10 tahun dalam pentadbiran perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C1 EB 2 — $610x30-640x40-680/EB/710x30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

C. PEMBANTU PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

D. ATENDAN PERPUSTAKAAN:

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 26hb. Mach, 1973.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

DI-DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARITH, BANDAR SERI BEGAWAN.

SURAT KUASA PESAKA
No. 33/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Datin Fatimah bte. Abdullah, No. 10, Kampong Delima 1, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dato Paduka Awang Matnor McAfee yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Mach, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Mach, 1973.

ALI BIN MOHD. DAUD
Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.

JUALAN LELONG

Dengan ini di-ma'alomkan kapada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang2 yang tidak bertuan yang di-sebutkan dalam jadual di-bawah ini akan di-adakan pada hari Sabtu, 31hb. Mach, 1973 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Balai Polis, Bandar Seri Begawan, Brunei.


JADUAL

Bil.	*Butir2 Keterangan*
1.	Sa-buah Raleigh Bicycle F. No. 11943.
2.	Sa-buah Dragon Bicycle F. No. 222.
3.	Sa-buah Seven-up Bicycle F. No. 47231.
4.	Sa-buah Robinson Bicycle F. No. 22.
5.	Sa-buah Racoon Bicycle F. No. BF 331.
6.	Sa-buah Raleigh Bicycle F. No. 17873.
7.	Sa-buah Dragon Bicycle F. No. 626.
8.	Sa-buah Raleigh Sport Bicycle F. No. K. 003884.
9.	Sa-buah jam tangan 'Rofina'.
10.	Sa-buah jam tangan 'Citizen'.
11.	Sa-buah Squrrel Bicycle F. No. S. 823.
12.	Sa-buah Bicycle F. No. 816178.
13.	Sa-buah Compact Cassttee Crown Corder.
14.	Sa-buah Camera Lences 35m.m.-90-230mm in black bag.
15.	Satu locket emas.
16.	Satu rantai emas.
17.	Sa-buah jam tangan 'Citizen'.
18.	Sa-buah jam tangan perempuan 'Citizen'.

Penangkap2 lelong yang berjaya hendak-lah membayar dengan tunai sa-terus-nya memindahkan barang2 itu sa-baik2 saja lelong selesai di-jalankan. Jika barang2 itu tidak di-pindahkan dalam tempoh tersebut wang yang telah di-bayar tidak akan di-balekkan dan barang2 itu akan di-lelong semula.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Brunei.

Ref: (138) dalm. PPDB/52/64:4



JABATAN Perubatan dan Kesihatan pada masa ini sedang melancharkan kempen menchegah penyakit batok kering di-Daerah Temburong. Kempen tersebut telah bermula pada 5hb. Mach yang lalu dan di-jadualkan akan berakhir pada 26hb. Mach ini.

Tujuan di-adakan kempen tersebut ada-lah untok memberi peluang kapada pendudok2 khas-nya di-kampong2 pendalaman supaya tidak payah pergi ka-Rumah Sakit.

Sa-buah kenderaan yang di-lengkapkan dengan alat2 kelengkapan X-Ray telah di-gunakan untok mengesan penyakit batok kering atau T.B. itu.

Gerakan meng-X-Ray itu di-tumpukan kapada pendudok2 yang berumor 14 tahun ka-atas lelaki dan perempuan.

Sa-takat ini kira2 500 orang di-Daerah Temburong telah di-X-Ray. Sa-telah kempen di-daerah itu selesai di-laksanakan nanti, gerakan tersebut akan di-teruskan ka-daerah2 lain di-negeri ini

Gambar atas menunjokkan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pengiran Mohd. Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Pegawai Pelawat Kesihatan Batok Kering (di-tengah2) ketika mengawasi salah sa-orang pembantu-nya, Awang Julai bin Amat yang sedang meng-X-Ray salah sa-orang pendudok di-Daerah Temburong.

TINJU TIGA WILAYAH:

PASOKAN BRUNEI GAGAL MEMPERTAHANKAN KEJOHANAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei, yang te'ah menjadi juara tinju tiga wilayah sa-lama empat tahun telah gagal mempertahankan kejuaraan-nya itu dalam perlawanan tinju tiga wilayah yang ke-tujoh yang ber'angsong di-Kota Kinabalu pada 17hb. dan 18hb. Mach lepas.

Dengan kekalahan itu, Brunei juga telah tidak dapat memileki Piala Dato R.D. Ross yang di-menangi-nya pada tahun lepas.

Brunei ia-lah wilayah yang telah berjaya memileki terus Piala Cathy Pasific Airways yang di-menangi-nya tiga tahun berturut2. Piala baru yang di-hadiahkan oleh Dato R.D. Ross untok perlawanan itu di-pertandingkan dalam tahun lepas.

Pada tahun ini hanya Brunei dan Sabah saja yang bertanding, sementara Sarawak telah tidak menyertai pertandingan itu.

Dalam pertandingan tahun ini, Sabah telah berjaya menjadi juara tinju tiga wilayah dengan mendapat tujoh mata, sementara Brunei mendapat empat mata.

Dalam perlawanan malam pertama, Sabah telah menguasai seluroh perlawanan dengan memenangi ke-enam2 perlawanan. Yunus Tudin, Peninju Light Fly Weight yang menjadi harapan Brunei dalam perlawanan itu telah kalah di-tangan peninju Sabah, Bernard delos Santos dengan pukolan K.O. dalam pusingan yang pertama. Haji Raup, yang juga menjadi harapan Brunei dalam perlawanan bahagian Fly Weight telah kalah di-tangan peninju Sabah, Hussein Sullit dengan kiraan mata.

Alias Abd. Rahman dari Brunei tewas di-tangan Arthur Undang dari Sabah dalam kiraan mata. Gapor Khan dari Sabah mengalahkan Suili Aspar dari Brunei; Suhaili Ahmad dari Brunei di-kalahkan oleh Aju Gaudoh dalam kiraan mata; dan Osli dari Brunei di-kalahkan oleh Johnny Bewsher dari Sabah dengan pukolan K.O.

Tetapi, waktu kita melaporkan, Brunei telah menguasai perlawanan yang berlangsong pada malam kedua dengan memenangi empat dari lima perlawanan. Yasim Bustam, pemain Light Weight Brunei telah menewaskan peninju Sabah, William Goh dengan pukolan K.O. dalam jangka masa kira2 3 saat sa-telah perlawanan pusingan yang ke-2 di-jalankan.

Yusof Ismail, peninju Brunei yang baru dalam bahagian Light Middle Weight telah mengalahkan Abdul Said dari Sabah dengan pukolan K.O. dalam jangka masa kira2 2 saat sa-telah perlawanan pusingan yang ke-dua di-jalankan. Dalam bahagian Light Welter Weight, Ramlee Haji Bakar mengalahkan Nasip Dipal dari Sabah dalam kiraan mata; Terrence Boyd menewaskan Mohd. Antang dari Sabah dengan kiraan mata dalam bahagian Welter Weight. Asut dari Brunei telah di-tewaskan oleh Bidin Azak dari Sabah dalam perlawanan bahagian Light Weight.

Pemain2 heavy weight Brunei Panglima Asgar, Awang Ahmad bin Haji Rashid dan Timbang Ahmad telah menunjokkan permainan mereka dalam perlawanan itu. Dalam pertunjokan itu, Panglima Asgar Awang Ahmad telah mengalahkan Timbang Ahmad dalam kiraan mata.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Tuan Yang Terutama, Yang Di-Pertua Negara Sabah, Tun Pengiran Haji Ahmad Rafaie.

Pengadil2 dalam perlawanan dua malam berturut2 itu ada-lah terdiri dari Awang Haji Mohammad bin Haji Tudin, Sgt. Norshah bin Abdullah dan Awang S. Palaniandy dari Brunei dan Teddy Usba dari Sabah.

Keputasan pepereksaan M. C. E.

(*Dari Muka 5*)

G2; Naweh bin Ura, G1; Percival Hampton, G1; Sajan Joseph, G4; Soh Lai Seng, G6.

Tham Kon Fook, G1; Tho Eng Leong, G2; Toh Cheng Chua, G5; Woo Chew Weng, G4; Woo Shek Yim, G5; Yong Yin Fook/Joseph Dominic, G3.

SEKOLAH ST. ANGELA CONVENT, SERIA

Beena Ravi, I; Christina Chin, I; Lee Nget Yin, I; Rahmah bte. Rasat, I; Tiew Siew Chin, I.

Chee Oi Lin, II; Gnei Shadeedah Rassip, II; Grace Lim Yoke Chan, II; Katherine Lu Ling Ling, II; Lee Nget Fung/Lee Yai Fung, II; Noriyati bte. Zaini, II.

Bibi Sabariah Ahmad, III; Fong Li Ying, III; Lai Mum Moi, III; Peggy Teo Che Khon, III; Ruhana bte. Abdul Hamid, III; Tan Yoke Yin, III; Terasa William Gidion, III.

Susan Liau/Liau Fung Khuin, G7; Agnes Chin, G4; Alice Doris Shim, G4; Ang Siew Huang, G3; Anita Chong/Chong Mui Chen, G7; Biatris Fabian, G2; Chan Pui Lin, G7; Chia Choi Wan, G1; Chia Ngee Hoi/Margaret Chia, G2; Chng Seow Hong, G3; Chow Oi Thong, G7; Christina Thong May Fong, G1.

Christina Yong Pau Khen, G7; Dolores Mary Khoo, G1; Evelyn Bisol, G6; Foo Chap Kow/Foo Woa Hwa, G3; Geetha Ravindran Nair, G6; Janet Ng/Jenat, G2; Joan Teo Lee Ming, G4; Lau Kim Geck, G1; Leonora Sylvia Green Azcona, G2; Liew Moi, G7; Lim Guek Kui, G5; Lo Yuke Kam, G3.

Loaw Sow Yong, G4; Margaret Lee/Lee Lai Khyn, G5; Mary Goh Siew Choo, G1; Ng Chai Kee, G4; Nicolette Ann Khoo, G7; Patricia Lin/Lin Siew Kiew, G5; Rita Wong/Wong See Hyon, G3; Sim Hee Ting/Christina Sim, G2; Sim Ling Cheng, G5; Sylvia Chelliah, G3; Tan Ah Wah, G4; Teng Kui Guek, G5.

Teng Kui Hiang, G6; Tham Pui Chee, G2; Tham Pui Ling, G2; Tiong Yeo Sing, G2; Voon Chin Kim/Voon Oi Kim, G3; Wee Hee Kiak, G5.

CHALUN2 SENDIRIAN, BANDAR SERI BEGAWAN

Abd. Hamid bin Hj. Johari, III; Aw. Razali bin Aw. Piut, III; A. Bakar bin O.K.S.B. Hj. Md. Salleh, III; Ak. Yusof Pg. Anak Hashim, III; Haji Mashud bin Awang Damit, III; Mohamad Shahri Awang Hussin, III.

Abdul Mulok bin Abdul Halim, G1; Abd. Wahab bin Abu Bakar, G1; Awang bin Haji Ajak, G1; Aziz bin Mohamad, G2; Dk. Norani bte. Pg. Hj. Ahmad, G1; Emran bin Ismail, G1; Ho Jong Heng, G1; Abu Bakar bin Othman, G1; A. Sulaiman bin Hj. Ramli, G1; Ak. Baharuddin bin Pg. M. Yakob, G2; Muhammad Ali Abd. Razak, G1; Muhammad Awang Jambol, G1.

Masri bin Haji Gantang, G1; Matussin bin Hj. Mahmud, G1; Othman bin Abd. Rahman, G1; Ramlee bin Ahmad, G1; Ta'in bin Salihan, G1; Zabidi bin Hj. Nassar, G2; Hjh. Zainun bte. Abd. Latif, G2; Zaleha bte. Mohd. Husain, G2; Ismail bin Ibrahim, G1; Puteh bin Jukin, G1; Dy. Norzainah bte. Awg. Iring, G1; Ak. Bakar bin Pg. Damit, G1.

Armah bte. Ag. Damit, G1; Dk. Hadijah bte. Pg. Omar, G1; Hj. Abidin bin Hj. Kasah, G2; Tay Pheng Hoi, G4; Ak. Bakar bin Pg. Japar, G1.

CHALUN2 SENDIRIAN, SERIA

Abdullah bin Dris, III; Awang Aji/Seruji bin Mohiddin, III; George Teo Yong Guan, III; Hasan bin Bakar, III; Md. Husain bin Md. Zain, III; Zarwan Affandi bin Bakar, III; M.V. Saroja, III.

David Leong Choon Lee, G8; Gerald John Simons, G1; Hoon Fong Wah/Won Fong Wah, G1; Barom bin Masrom, G2; Lee Fui Long, G1; Paul Koh, G1; Rosli bin Hanafi, G1.

Pembayaran penchen2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-banyak $127,425.00 bagi perkhidmatan kebajikan penchen2 di-seluroh negeri dalam bulan Februari yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Negara menunjokkan bahawa sa-banyak $122,325.00 di-bayar kapada penerima2 penchen umor tua; $4,500.00 di-bayar kapada penerima penchen orang2 buta serta tanggong-nya dan $600.00 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Berikut ini ia-lah penyata kasar yang menunjokkan pembayaran penchen2 bagi seluroh negeri:

PENCHEN UMOR TUA

Daerah Brunei dan Muara	$	68,300.00
Daerah Belait		22,225.00
Daerah Tutong		25,350.00
Daerah Temburong		6,450.00
Jumlah:		122,325.00

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGAN-NYA

Daerah Brunei dan Muara	$	3,087.50
Daerah Belait		587.50
Daerah Tutong		600.00
Daerah Temburong		225.00
Jumlah:		4,500.00

ALAON ORANG2 TANGGONGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA

Daerah Brunei dan Muara	$	337.50
Daerah Belait		200.00
Daerah Tutong		62.50
Jumlah:		600.00

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 13 RABU 28HB. MACH. 1973. 1393 صفر 23 رابو PERCHUMA

LAWATAN PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN KA-EMPAT BUAH KG. DI-DAERAH BRUNEI-MUARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, telah membuat lawatan ka-empat buah kampong di-Daerah Brunei-Muara di-mana Duli Yang Teramat Mulia itu telah di-sambut dengan meriah-nya oleh pendudok2 kampong dan murid2 sekolah.

Sepanjang lawatan itu yang memakan masa selama empat jam itu, Duli Yang Teramat Mulia itu telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Penulong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Yunos bin Haji Hussain, Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato B.F.L. Rooney dan Major Dato Mohamed bin Haji Daud.

Dalam lawatan ka-empat2-buah kampong itu Duli Yang Teramat Mulia telah bersabda bahawa tujuan lawatan Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah untok mengetahui keadaan serta memerhatikan pendudok2 di-kampong2 pendalaman dan mukim2 supaya dapat di-sembahkan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok pengetahuan Baginda bagi mengatasi kesulitan pendudok2 kampong dengan sedaya upaya yang boleh.

Duli Yang Teramat Mulia itu bersabda kesulitan2 yang telah di-kemukakan oleh pendudok2 kampong yang di-lawati itu akan juga di-sembahkan kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Duli Yang Teramat Mulia itu juga menyeru kapada semua pendudok2 di-kampong2 itu, khas-nya raayat dan pendudok negeri ini supaya sama2 memikul tanggong-jawab yang bersunggoh2 untok memelihara keamanan, ketenteraman dan kemakmoran negeri ini yang tidak semata2 menumpukan tanggong-jawab itu kapada Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Diraja Brunei dan pasokan2 bersenjata di-negeri ini.

Duli Yang Teramat Mulia itu seterus-nya bersabda, pendudok2 kampong, raayat dan semua pendudok negeri ini harus-lah berwaspada terhadap anasir2 yang mempengarohi yang chuba menghanchorkan Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia itu mengingatkan pendudok2 kampong bahawa sesiapa saja yang masok ka-kawasan mereka dengan jalan haram yang chuba membuat da'-ayah palsu, hendak-lah segera melaporkan kapada pehak berkenaan.

Dengan demikian, sabda Duli Yang Teramat Mulia itu lagi, keamanan, ketenteraman dan kemakmoran yang telah dan akan di-nekmati oleh seluroh raayat dan pendudok Negeri Brunei akan senentiasa terjamin.

Kampong yang mula2 sekali di-lawati oleh Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah Kampong Lumapas di-mana Duli Yang Teramat Mulia itu telah di-sambut dengan meriah dan mesra-nya oleh pendudok2 kampong dan murid2 sekolah.

Ketua Kampong Lumapas Awang Haji Khamis bin Orang

(Lihat muka 8)



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika bersabda kapada pendudok2 Kampong Lumapas. Dudok di-sebelah kiri ia-lah Pemerentah AMDB, Col. Dato B.F.L. Rooney dan di-sebelah kanan ia-lah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Enam perkara matalamat Ranchangan Kemajuan Negara yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ranchangan Kemajuan Negara yang baru hendak-lah di-anggap sa-bagai satu peringkat yang terdapat dalam satu pandangan yang lebeh jauh yang bertujuan untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa dan asal usol.

Demikian telah di-terangkan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail terhadap sifat2 ranchangan kemajuan negara yang baru itu dalam satu majlis pelancharan ranchangan tersebut di-Dewan Lembaga Bandaran di-sini pada pagi semalam.

Majlis itu telah di-hadhiri oleh kira2 200 orang Ketua2 Jabatan2 Kerajaan, pegawai2 kanan dan wakil2 sektor persendirian.

Pemangku Menteri Besar itu menjelaskan bahawa ranchangan kemajuan negara yang baru itu mengkehendaki enam sifat masharakat Brunei yang harus di-ujud-kan.

Sifat2 yang di-tuntut oleh ranchangan kemajuan negara yang baru itu ia-lah:

(i) Menyediakan peluang2 bagi raayat dan pendudok negeri ini untok turut serta dalam berbagai bentok kegiatan2 ekonomi (termasok perdagangan) perniagaan dan perindusterian) dengan tidak menghiraukan rupa bangsa dan asal usol. Dalam susunan saperti ini tidak ada satu pun kegiatan ekonomi yang akan meniadi monopoli atau di-persifatkan oleh satu2 golongan mau pun golongan2 tertentu;

(Lihat muka 8)

Pelajar2 Sekolah Pertukangan punyai masa depan yang cherah—Pmk. SUK

KUALA BELAIT. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Ag. Hj. Umar telah menyeru pelajar2 di-sekolah2 Pertukangan Bangunan dan Kejuruteraan supaya mengamalkan sikap bertenang dalam masaalah masa depan mereka.

Beliau menjelaskan bahawa sa-bagai pelajar2 yang bakal mempunyai kelulusan dan kemahiran dalam ilmu pertukangan, mereka tidak perlu bimbang tentang lapangan2 pekerjaan yang akan mereka usahakan nanti.

(Lihat Muka 8)

UCHAPAN PENOH Y.A.B. PEMANGKU MENTERI BESAR DI–MAJLIS MELANCHARKAN USAHA2 MENYEDIAKAN RANCHANGAN KEMAJUAN YANG BARU DI–DEWAN BANDARAN PADA 27HB. MACH, 1973.

PADA majlis pembukaan Sidang Belanjawan, Majlis Mashuarat Negeri yang telah di-adakan pada 27hb. Disember, 1972. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah bertitah kapada ahli2 dan tetamu2 yang hadhir serta melalui majlis itu untok menyediakan satu Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun bagi negeri ini. Bagi faedah hadhirin semua pada pagi ini, juga pegawai2 Kerajaan yang lain, wakil2 sektor persendirian dan orang2 ramai, saya ingin menerangkan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru agar setiap orang di-negeri ini akan dapat memahami sa-dalam2-nya dan menghargai satinggi2-nya akan tujuan dan matalamat2 Ranchangan yang baru dan dengan itu dapat-lah nanti masing2 tampil dengan shor2 dan chadangan2 bagi projek2 dan program2 yang akan di-masokkan ka-dalam Ranchangan dan juga dasar serta perubahan2 lain yang di-perlukan untok membawa perlaksanaan yang berkesan lagi lichin terhadap Ranchangan tersebut. Sa-benar- nya satu2 ranchangan kemajuan ada-lah tidak lebeh dari satu kenyataan rasmi akan hasrat dan chita2 sa-sebuah negeri dan satu chetak biru akan tindakan2 dalam satu jangka bagi memenohi hasrat dan chita2 tadi. Dengan sebab itu-lah, saya yakin bahawa lebeh ramai lagi raayat dan pendudok negeri ini turut serta dalam menyediakan ranchangan ini, lebeh kuat-lah lagi ranchangan ini mencherminkan hasrat dan chita2 mereka bagi beberapa tahun yang akan datang ini.

2. Sa-bagaimana yang kita ketahui negeri ini telah mengalami serba bentok peranchangan kemajuan yang telah di-salorkan dalam dua ranchangan kemajuan — yang terakhir di-antara-nya ia-lah Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun bagi tahun2 1962–1966. Matalamat2 utama bagi ranchangan terakhir itu mengandongi:–

(1) Memperaneka-jeniskan ekonomi supaya ekonomi itu tidak akan hanya sa-mata2 bergantong pada satu industeri saja saperti minyak;

(2) Mempertahankan satu peringkat tinggi pemberian pekerjaan.

3. Walau pun demikian, dengan satu pandangan sa-pintas lalu sekali pun terhadap perlaksanaan ranchangan kemajuan negara bagi tahun2 1962–1966 itu, dengan tekanan2-nya yang kuat terhadap projek2 dan program2 infra-structure fisikal dan sosial akan membayangkan kapada kita, dengan tidak shak lagi, bahawa kedua2 matalamat utama yang di-sebutkan dan yang lain2 telah sa-bahagian besar-nya tidak dapat sa-penoh-nya di-chapai. Sa-bagai chontoh, kita mempunyai bukti2 yang banyak untok menunjokkan bahawa kita maseh mendapati kadar orang2 yang tidak mempunyai pekerjaan dan orang2 yang bekerja tetapi mempunyai kerja2 yang kurang dalam negeri ini yang semakin meningkat tinggi. Berdasarkan pada angka2 banchi yang terakhir, ada-lah di-anggarkan bahawa dalam masa lima tahun yang akan datang ini kita akan menghadapi satu tambahan berseh sa-banyak lebeh dari 7,000 kapada kumpulan buroh kita yang terpaksa kita sediakan pekerjaan yang dapat mendatangkan hasil.

4. Alasan utama kenapa kebayakan dari matalamat2 ranchangan kemajuan negara yang telah lalu maseh tidak dapat terchapai ada-lah tertumpu sedikit sa-banyak pada sifat peranchangan yang salama ini kita gunakan. Sifat peranchangan yang telah saya sebutkan menurut pengalaman2 negara2 yang lain tidak memberikan kesempatan bagi mengakar-umbikan peranchangan sa-bagai satu faktor yang dinamik dan produktif dalam proses kemajuan negara dan telah menghasilkan kegagalan jentara pentadbiran-nya untok bergerak pada waktu2 yang tepat dan dengan chara yang berkesan terhadap masa'alah2 yang di-hadapi dalam peringkat2 genting perlaksanaan ranchangan itu, kegagalan dalam mengenakan dasar2 dan atoran2 bagi sektor2 stratejik ekonomi tersebut, dan kegagalan dalam menggerakkan sokongan sektor persendirian serta raayat dan pendudok negeri ini 'am-nya di-pelbagai peringkat perlaksanaan ranchangan itu. Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berhubong dengan ranchangan ini ya'ani untok memberikan keutamaan kapada: Pertama mengadakan peluang2 pekerjaan bagi bilangan lepasan2 sekolah yang semakin bertambah; dan kedua memperaneka-jeniskan dan menambah kegiatan2 ekonomi di-negeri ini, terutama-nya dalam bidang2 pertanian dan perindusterian itu, telah memperhitongkan bukan hanya apa yang telah gagal untok di-chapai oleh ranchangan yang dulu dan perlaksanaan-nya tetapi yang penting sekali ia-lah sebab2 kenapa kejayaan itu kurang dari yang di-harap2kan. Kemajuan bukan hanya di-tentukan oleh bilangan projek2 yang di-selesaikan kerana peranchangan kemajuan juga membabitkan keperluan2 yang lain yang sudah di-tentukan saperti perubahan sikap asas, susunan dan amalan2. Dengan sebab2 itu-lah maka-nya Duli Yang Maha Mulia telah menitahkan Kerajaan Baginda untok mengambil langkah2 yang berkesan dan tindakan2 yang perlu bagi mensesuaikan dasar2 dan jentera pentadbiran yang di-kehendaki untok menchapai tujuan2 yang sudah di-umumkan (dan tujuan2 lain dari ranchangan yang dulu yang maseh belum dapat di-penohi) supaya peranchangan kemajuan negara yang akan datang akan dapat di-akar-umbikan sabagai satu faktor yang dinamik dan produktif dalam kemajuan negara.

5. Ranchangan Kemajuan Negara yang baru, hendak-lah di-anggap sa-bagai satu peringkat yang terdapat dalam satu pandangan yang lebeh jauh yang bertujuan untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa dan asal usol. Masharakat yang di-kehendaki itu akan mempunyai sifat2 saperti berikut yang harus di-tekankan dalam usaha menyediakan ranchangan kemajuan negara yang baru:–

(i) Akan menyediakan peluang2 bagi raayat dan pendudok negeri ini untok turut serta dalam berbagai bentok kegiatan2 ekonomi (termasok perdagangan, perniagaan dan perindusterian) dengan tidak menghiraukan rupa bangsa dan asal usol. Dalam susunan saperti ini tidak ada satu pun kegiatan ekonomi yang akan menjadi monopoli atau di-persifatkan oleh satu2 golongan mau pun golongan2 tertentu;

(ii) Akan mengadakan, dan di-bantu pula oleh satu sistem pelajaran negara;

(iii) Akan memupok dan memperluaskan perkembangan kebudayaan Melayu Brunei, termasok adat istiadat, menuju satu identiti negara Brunei;

(iv) Akan memupok dan memperluaskan serta di-bantu pula oleh Ugama Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap;

(v) Akan berusaha untok mengurangkan dan meniadakan perbedzaan2 yang nyata dalam kemakmoran dan perkembangan di-antara kawasan2 atau wilayah2 dan juga di-antara puak2 dan suku2 asli negeri ini;

(vi) Akan memupok dan mengujudkan satu badan belia yang bertanggong-jawab, berdisiplin dan dinamik sa-bagai unsur2 kemajuan dan sa-terus-nya sa-bagai salah satu asas2 kemajuan kapada masharakat yang di-hajati.

6. Bagi maksud menyediakan Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun, Duli Yang Maha Mulia telah berkenan untok melantek satu Jawatankuasa, yang mana dalam melaksanakan tugas2 dan tanggong-jawab2-nya akan di-bantu oleh satu sekretariat penoh masa dan juga oleh 12 Jawatankuasa2 Kechil atau kumpulan2 kerja yang akan menghadapi pelbagai segi ranchangan tersebut dan chadangan2 berhubong dengan sektor2 tertentu ekonomi kita. Oleh sebab Brunei ada-lah mempunyai satu sistem ekonomi berchampor ada-lah menjadi salah satu tujuan utama Kerajaan untok mendorong dan mengadakan lebeh lanjut lagi penyertaan sektor persendirian dalam memenohi kehendak2 luas ranchangan kemajuan negara yang baru dan dengan sebab itu, dalam menyediakan ranchangan ini Jawatankuasa2 Kechil atau kumpulan2 kerja hendak-lah di-anggap sa-bagai perantaraan2 utama di-antara Kerajaan dan sektor persendirian dan juga orang ramai. Dengan sebab itu, wakil2 dari sektor persendirian, dari berbagai kumpulan yang berminat, dan orang ramai ada-lah di-galakkan untok turut serta dalam dailog2 berterusan dan menghadapkan shor2 serta sokongan2 mereka kapada Jawatankuasa Kechil atau kumpulan2 kerja yang berkenaan supaya ranchangan kemajuan negara yang baru akan sa-memang-nya merupakan hasil yang bernilai dari satu dailog yang bermakna lagi rapat di-antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sektor persendirian dan orang ramai dan dengan itu mencherminkan hasrat dan chita2 yang sabenar negeri ini keselurohan-nya. Jawatankuasa2 Kechil atau kumpulan2 kerja ada-lah di-galakkan, seberapa yang boleh, untok keluar dan menemui raayat serta pendudok di-ke-empat daerah negeri ini dan segala kemudahan akan diberikan kapada mereka oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia. Ahli2 dari berbagai Jawatankuasa2 Kechil atau kumpulan2 kerja telah pun di-lantek dan mereka ada-lah di-perchayai berkebolehan untok memainkan peranan2 yang di-serahkan kapada mereka.

7. Mengenai dengan peranan2 Jabatan2 Kerajaan dalam usaha menyediakan ranchangan ini, kebanyakan dari hadhirin pada pagi ini akan dapat melihat bahawa sabilangan besar dari Ketua2 Jabatan dan kebanyakan Pegawai2 Kanan dari Jabatan2 berkenaan telah di-lantek menjadi Ahli Jawatankuasa2 Kechil atau kumpulan2 kerja. Walau macham mana pun, ada-lah nyata kapada semua Ketua2 Jabatan bahawa sesudah saja uchapan ini nanti mereka patut-lah mengadakan mashuarat2 dengan ahli2 kakitangan mereka, (kalau mereka belum berbuat demikian), untok membolehkan pengemukaan yang awal rang program2 kemajuan bagi Jabatan2 mereka masing2 atau sektor yang membabitkan mereka kapada Jawatankuasa2 Kechil atau kumpulan2 kerja yang berkenaan. Rang program2 kemajuan patut-lah, di-mana sesuai dan bo'leh, mengandongi butir2 berikut:–

(a) Satu kenyataan mengenai matalamat2 kemajuan dan strateji dalam rangka bentok tujuan2 kemajuan keselurohan-nya negeri ini;

(b) Sasaran2;

(c) Satu kenyataan lengkap terhadap dasar2 dan atoran2 yang akan di-gunakan untok membolehkan sasaran2 itu di-chapai;

(d) Satu sinarai sa-barang projek khas pelaboran modal Kerajaan yang di-perlukan lengkap dengan keterangan2;

(e) Satu kenyataan keperluan2 jangka panjang yang memerlukan persediaan2 di-buat bagi-nya dalam jangka waktu ranchangan yang akan datang ini;

(f) Sa-barang perubahan susunan pentadbiran yang di-perlukan untok melichinkan dan mempermudahkan perlaksanaan program dan untok mengawasi perjalanan perlaksanaan; dan

(g) Satu kenyataan perbelanjaan Kerajaan di-perlukan bagi melaksanakan program itu.

8. Apabila satu2 rang program kemajuan dari satu2 Jabatan di-kemukakan, Jawatankuasa Kechil atau kumpulan kerja berkenaan akan mempertimbangkan-nya bersama-sama dengan shor2 dan chadangan2 lain yang di-terima dari sektor persendirian, kumpulan2 yang berminat dan orang ramai dan di-mana2 boleh serta perlu untok menyatukan kedua-dua shor itu sa-belum di-hadapkan kapada Jawatankuasa Peranchangan atau sekretariat-nya. Jawatankuasa kechil itu atau kumpulan kerja boleh menghantar balek shor2 tersebut kapada Jabatan berkenaan bagi mendapatkan perubahan2, pembaharuan2, pindaan2 atau pembaikan2, bila dan kalau perlu. Apabila satu shor telah pun di-persetujui oleh Jawatankuasa Kechil atau kumpulan kerja dalam bentok satu program kemajuan sektoral yang sudah di-satukan ada-lah terpulang kapada Jawatankuasa Peranchangan kemudian-nya untok menyatukan-nya dengan program2 kemajuan sektoral yang lain menjadi satu ranchangan yang lengkap dan selaras dan hasil terakhir ada-lah rang ranchangan negara untok di-sembahkan kapada Duli Yang Maha Mulia.

9. Saperti mana yang dapat di-lihat chara menyediakan ranchangan kemajuan negara ada-lah sabenar-nya senang untok di-ikuti. Walau macham mana pun bentok kerja2 yang terbabit ada-lah sangat2 besar dan mungkin menakjubkan dan dengan sebab itu saya berseru kapada semua-nya supaya memberikan kerjasama yang sapenoh2-nya dan menunjokkan inisiatif yang sesunggoh-nya dalam menjalankan tugas2 dan tanggong-jawab2 yang di-berikan itu. Dengan pendek-nya peranchangan kemaju-

(Lihat muka 6)

Ibu-bapa ada-lah bertanggong jawab atas didekan dan asohan anak2 mereka

KHUTBAH JUMA'AT

SALAH satu sebab mengapa sa-tengah2 orang tidak mengambil berat tentang surohan2 ugamanya ia-lah kurang didekan dan latehan dari ibu bapa atau penjaga-nya di-zaman dia maseh kanak2. Apabila dia telah meningkat remaja atau dewasa ada-lah terlalu payah bagi-nya untok melakukan surohan2 ugama terutama sekali yang bersangkutan dengan ibadat sa-hari2. Menurut Islam, mendidek, mengajar dan melateh keluarga mematohi ajaran2 ugama itu ada-lah wajib, maka berdosa-lah kita jika tidak menyempurnakan kewajipan ini.

Dalam sa-buah hadith riwayat Bokhari dan Muslim daripada Ibni Umar r.a., Rassulullah s.a.w. antara lain telah bersabda yang bermaksud:

"Semua kamu ada-lah penjaga, dan tiap2 penjaga itu bertanggong-jawab dari hal apa yang di-jaga-nya".

Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

',Wahai orang2 yang beriman pelihara-lah diri kamu dan keluarga kamu daripada terchebor ka-dalam api neraka yang bahan2 pembakaran-nya manusia dan batu2 berhala".

Dalam soal menyempurnakan amal ibadat, maka bertambah penting-lah didekan beribadat itu di-suroh terhadap anak2 kita dari masa ia maseh kechil, kerana pekerjaan2 ibadat terutama-nya ibadat sembahyang sunggohpun nampak-nya mudah, tetapi jika sa-seorang itu tidak terbiasa dan terdidek mengerjakannya dari sa-masa ia maseh kechil neschaya payah-lah apabila ia meningkat dewasa kelak dapat menyempurnakannya dengan baik dan berkekalan. Maka di-sini-lah selalu tersilap-nya ibu bapa, sa-benar-nya ramai ibu bapa yang berpuas hati apabila mereka sendiri telah menyempurnakan sembahyang lalu mereka tidak mengambil berat, menyuroh dan melateh anak2 mereka mengerjakan kerana mereka fikir kanak2 itu tidak berdosa meninggalkan sembahyang. Maka terbiar-lah kanak2 itu hingga meningkat remaja saterus-nya dewasa hidup dengan tidak mengenal tikar sembahyang.

Memang benar bahawa kanak2 itu tidak di-timpakan sabarang dosa di-atas kesalahan2 yang di-lakukan-nya, tetapi kesalahan kanak2 itu akan berpindah kapada ibu bapa jika kesalahan yang dilakukan oleh kanak2 itu bersebab dari kechuaian orang tua-nya.

Salah satu unsur pembangunan yang amat penting bagi menchapai matalamat menjadikan satu masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor ia-lah pendidekan disamping pelajaran, mengenal penyertaan ibu bapa dalam bidang ini amat-lah mustahak kerana alam rumah tangga dan suasana yang ada di-dalam-nya mempunyai pengaroh dan kesan yang kuat kearah pembentokan jiwa dan peribadi mereka. Maka sikap satengah2 ibu bapa yang berlepas tangan dari usaha2 pendidekan terhadap anak2 mereka atau hanya berpada dengan penyerahan anak2 itu kapada pehak sekolah ada-lah amat di-kesalkan, kerana sikap2 demikian ada-lah sangat merugikan.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kapada masharakat Islam di-negeri ini supaya mengambil berat dari hal asohan dan didekan anak2 mereka dari sejak kechil dengan kebiasaan2 beribadat dan ahlak yang baik mudah2-an dengan demikian kita akan dapat melahirkan suatu angkatan akan datang yang benar2 bertanggong-jawab terhadap ugama, bangsa dan tanah ayer.

Peraduan menulis cherpen anjoran Badan Bahasa S.M.M.M. Alam

SERIA. — Badan Bahasa dan Persuratan Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria sedang menganjorkan peraduan Cherpen, Sajak dan Renchana yang terbuka kapada sekolah2 menengah seluroh negeri ini.

Pengerusi badan tersebut Awang Tuah bin O.K.M.D. Haji Saman menyatakan bahawa tujuan mengadakan peraduan itu ia-lah untok memberi peluang kapada penuntut2 yang ingin menyumbangkan daya fikiran mereka.

Beliau juga menerangkan bahawa hadiah2 kapada peserta2 yang berjaya tempat pertama, kedua dan ketiga dalam tiap2 bahagian akan di-berikan.

Awang Tuah berkata peraduan itu hanya terbuka kapada semua penuntut2 dalam tingkatan I, II dan III sahaja.

Penuntut2 di-benarkan memasoki semua bahagian tajok dan mereka tidak di-benarkan menchedok cherpen orang lain.

Tema cherpen bebas, ia-nya mesti-lah mengandongi anggaran 1000 perkataan yang di-taip dengan jarak dua langkah, sementara panjang bagi tiap2 renchana di-anggarkan 300 perkataan sahaja.

Segala cherpen, sajak dan renchana mesti-lah di-hantarkan kapada Setiausaha Badan Bahasa dan Badan Persuratan Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria tidak lewat 31hb. Jun, 1973.

Hadhiri Seminar Belia Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang wakil Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Ahmad bin Kadi, telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu dalam perjalanan-nya ka-Kuantan, Pahang, Malaysia Barat untok menghadhiri Seminar Belia Asia mengenai 'Belia dan Perhubongan'.

Seminar yang di-anjorkan oleh Pertubohan Belia Sedunia bagi wilayah Asia itu telah berlangsong sa-lama 10 hari dan di-hadhiri oleh lebeh dari 15 buah negara2 Asia.

Awang Ahmad juga telah menghadhiri Mashuarat Jawatan Kuasa Penubohan Belia Asia sa-lama dua hari di-Singapura mulai 26hb. Mach yang lalu.

Beliau ada-lah wakil Setia Usaha Agong Majlis Negeri Brunei Awang Yakob bin Ahmad yang tidak dapat hadhir ka-persidangan itu yang mana Awang Yakob telah di-pileh menjadi ahli Jawatan Kuasa Penubohan Belia Asia yang yang di-adakan di-Kuala Lumpur tahun lalu.

Negeri2 yang mengambil bahagian dalam mashuarat di-Singapura itu antara-nya termasok-lah Jepun, India, Korea Selatan, Bangladesh, Australia, Fiji, New Zealand, Thailand, Singapura, Nepal, Malaysia dan Brunei.

Juara Kugiran: Lima buah ikut bertanding

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertunjokkan Malam Budaya anjoran Persatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan akan di-adakan pada hari Jumaat 30hb. Mach ini di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan mulai jam 7.00 malam

Setiausaha Pertunjokkan itu, Awang Yassin bin Mohamed Said menerangkan di-antara achara2 persembahan malam itu termasok-lah tarian dan nyanyian dari penyanyi2 undangan Bintang Radio dan kemunchak dari achara itu ia-lah pertandingan Juara Kugiran tahun 1973.

Sa-banyak lima buah Kugiran di-Daerah Brunei/Muara akan mengambil dalam pertandingan itu.

Kugiran2 itu ia-lah, Kugiran Maktab Melayu Combo di-pimpin oleh S. Hashim Abdullah Al-Habshi, Kugiran Nada Puspita pimpinan Dayang Norsiah binte Abdullah, Kugiran Pancha Ria pimpinan Muhamad bin Haji Mohamed Yassin, Kugiran D' Idaman mimpinan A. Metussin dan Kugiran Seri Wana Combo pimpinan Ariffin Haji Mohamed Jaafar.

Kugiran yang menjadi johan dalam pertandingan itu akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak $200.00, naib johan $150.00; dan ketiga $100.00.

Awang Yassin menerangkan Pertunjokkan Malam Budaya dan Juara Kugiran itu di-adakan ia-lah bagi mengutip drema untok sumbangan kapada Tabong Pembinaan Stadium.

Tiket2 menunton yang berharga $2.00 dan $1.50 boleh di-dapati sekarang dari Awang Sarbini bin Ahmad di-Jabatan Pelajaran dan di-kedai Seni dan Pertukangan Tangan Brunei di-Jalan Robert dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang atau di-pintu masok sabelum pertunjokkan itu di-mulakan.

Pertunjokkan itu akan di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28hb. Mach, 1973 hingga ka-hari Selasa 3hb. Mach, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
28hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
29hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
30hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
31hb. Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
1hb. April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18
2hb. April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18
3hb. April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(28hb. Mach, 1973)

MENYEDIAKAN RANCHANGAN KEMAJUAN YANG BARU

PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengishtiharkan enam perkara matalamat ranchangan kemajuan negara yang baru yang mesti di-laksanakan.

Ke-enam2 perkara itu pada umum-nya ada-lah bagi kebahagiaan raayat dan pendudok negeri ini dengan rukun2 kehidupan yang lebeh sempurna dan menselisakan. Di-antara matalamat2 itu termasok-lah untok menyediakan peluang2 bagi raayat dan pendudok negeri ini untok turut serta dalam berbagai bentok kegiatan2 ekonomi termasok perdagangan, perniagaan dan perindusterian dengan tidak menghiraukan rupa bangsa dan asal usol. Mengutamakan kegiatan2 ekonomi untok raayat dan pendudok negeri ini nampak-nya menjadi sasaran yang utama dalam ranchangan kemajuan yang baru itu. Perkara ini sa-memang-nya perlu di-laksanakan sa-berapa chepat yang mungkin, kerana menurut banchi yang lalu ada-lah menunjokkan bahawa dalam jangka lima tahun dari sekarang akan terdapat lebeh dari 7,000 kumpulan buroh yang berkehendakkan pekerjaan. Hal ini ada-lah menjadi pendurong untok membuat persediaan2 yang perlu bagi memberikan pekerjaan2 kapada mereka itu nanti. Lapangan2 pekerjaan itu pula bukan-lah harus di-sediakan dengan satu sifat pekerjaan dalam bentok sambil2an sahaja, bahkan ada-lah lebeh menyenangkan untok menyediakan lapangan2 pekerjaan yang boleh berjalan dalam jangka waktu yang lama dengan faedah2 yang memuaskan. Masaalah ini hanya akan dapat di-atasi dengan ada-nya kegiatan2 ekonomi yang beraneka chorak dan kesediaan raayat dan pendudok untok berkechimpong di-dalam-nya.

Chara pelaksanaan pelancharan usaha2 menyediakan ranchangan kemajuan yang baru itu bagi menunaikan kehendak dari titah Duli Yang Maha Mulia baru2 ini di-yakini akan mendatangkan hasil yang chukup berjaya. Dari arahan2 dasar sa-hingga kapada pembentokan jawatan-kuasa2 bertindak dengan tanggong-jawab2 masing2 ada-lah menunjokkan bakal timbul atau ujud suatu hasil kerja yang benar2 dapat mendukong dan menjayakan ranchangan kemajuan itu.

Semua pehak ada-lah mengambil peranan yang penting dan kerahan2 tenaga kerja terpaksa di-lipatgandakan. Suara2 dari mana2 pehak yang berkeinginan untok membantu-majukan ranchangan itu akan tetap di-terima dengan senang hati. Semua gulongan raayat di-kehendaki mengemukakan shor2 dalam apa jua perkara yang berkaitan dengan matalamat ranchangan kemajuan itu. Shor2 mereka itu akan terkumpul dalam suatu rang ranchangan kemajuan yang akan di-hadapkan kapada D.Y.M.M.



Ketika berada di-Kasat, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan telah di-alu2kan oleh barisan pendudok2 kampong. Gambar atas menunjokkan Duli Yang Teramat Mulia itu sedang berjabat salam dan berbual2 dengan Pengarah Haji Untong.

SEKITAR LAWATAN D.Y.T.M. SULTAN KA-KAMPONG2

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berangkat berchemar-duli ka-empat buah kampong di-Daerah Brunei-Muara pada hari Isnin lepas.

Kampong2 yang di-lawati oleh Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah Kampong2 Lumapas, Kasat, Menunggul dan Pulau Baru-Baru.

Tujuan lawatan Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah untok mengetahui keadaan serta memerhatikan pendudok2 di-kampong2 tersebut supaya dapat di-sembahkan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok pengetahuan Baginda bagi mengatasi kesulitan pendudok2 kampong itu.

Di-sepanjang lawatan itu Duli Yang Teramat Mulia telah di-sambut dengan meriahnya oleh pendudok2 kampong tersebut.


Turut mengiringi lawatan Duli Yang Teramat Mulia ka-kampong2 tersebut ia-lah Pegawai Brunei-Muara, Pg. Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Yunus bin Haji Hussain, Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato B.F.L. Rooney dan Major Mohammad bin Haji Daud.



Duli Yang Teramat Mulia tidak saja berangkat melawat2 ka-Kampong2, tetapi juga memberikan sabda penjelasan berhubong dengan hasrat Kerajaan D.Y.M.M. untok memesatkan pembangunan negara dan menyeru raayat supaya mempertahankan keamanan dan ketenteraman negeri ini. Gambar kanan menunjokkan ketika Duli Yang Teramat Mulia itu menyampaikan sabda di-Kampong Menunggul.

Gambar ini menunjokkan barisan pendudok2 kampong dan anak2 sekolah di-Menunggul dengan latar belakang pintu gerbang bagi mengalu2kan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ka-kampong itu.





M. PADUKA SERI BEGAWAN -DEARAH BRUNEI - MUARA



li Yang Teramat Mulia telah di-sambut dengan meriah-nya oleh endudok2 di-Lumapas. Kelihatan gambar atas ketika Du'i Yang eramat Mulia itu di-alu2kan sa-jurus sa-telah turun dari helikopter ang membawa rombongan Duli Yang Teramat Mulia itu.



Di-Lumapas, Duli Yang Teramat Mulia telah sempat menanda-tangani buku lawatan. Kelihatan dalam gambar ini ketika Duli Yang Teramat Mulia itu menanda-tangani buku tersebut dengan di-bantu oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim.

Gambar bawah memperlihatkan ketika Duli Yang Teramat Mulia berada di-Kampong Menunggul dan sedang di-iringkan oleh Ketua Kampong Menunggul, Awang Jaafar bin Kassim (memakai pakaian Melayu) dan Awang Bolhassan bin Jafar, Pengerusi sambutan lawatan D.Y.T.M. itu di-Kampong Menunggul.







▲ Di-Kampong Baru2, Duli Yang Teramat Mulia juga telah di-sambut dengan meriah-nya. Kelihatan dalam gambar ini, ketika Duli Yang Teramat Mulia itu di-ziarahi oleh kaum ibu di-kampong tersebut.

◀ Kelihatan kumpulan pendudok2 di-sekitar Lumapas yang sedang ashek mengikuti sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan di-Dewan Sekolah Melayu Lumapas.



Saperti biasa berlaku ketika kerabat2 Diraja melawat ka-Kampong2, maka pendudok memohon ziarah. Kelihatan dalam gambar ini ketika D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan di-ziarahi oleh sa-kumpulan kaum ibu di-Kampong Menunggul.

KEPUTUSAN PENOH PEPEREKSAAN S.P.M.

BERIKUT ini ia-lah keputusan penoh pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang telah di-umumkan baru2 ini.

Tanda2 yang terdapat sa-lepas nama2 chalun menunjokkan I = S.P.M. Pangkat Pertama; II = S.P.M. Pangkat Ketiga; III = S P.M. Pangkat Ketiga, dan G = Sijil 'Am Pelajaran (G.C.E.)

Angka sa-lepas huruf 'G' menandakan bilangan mata-pelaiaran yang lulus dengan kepujian.

MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA

Mahit bin Zakaria, II; Abdin b. Bahar, III; Abdul Latif b. Mantil, III; Abdul Wahab b. Abang Razali, III; Ahmad b. Besar, III; Awg. Mokti bin Amit, III; Awg. Sigi Anak Uja/Awang Bujang, III; Ak. Metussin b. Pg. Hj. Md. Daud, III; Aliakbar bin Kalushah, III; Guan bin Atau, III;

Jiram Anak Jamit, III; Jumat bin Akim, III; Kudil bin Tahir, III; Laihan bin Matamit, III; Lim Lang Seng, III; Manjanai bin Tujoh, III; Md. Saleh bin Idris, III; Md. Yassin bin Mohammad, III; Mohd. Zaini bin Mohd. Saidi, III; Salamat bin Sauji, III; Salim bin Japar, III; Tiga bin Anam, III;

Wong Voon Sen, III; Abdul-anak/Norsiah bte. Sulaiman, III; Airri binte Arbail, III; Aliah/Noor-Aliah bte. Zarkashi, III; Dk. Amas bte. Pg. Hj. Md. Salleh, III; Dk. Amas bte. Pg. Hj. Md. Salleh, III; Dy. Salamah bte. Awg. Omar, III; H. Ismah/Bungsu H. Umar/H. Salleh, III; Jabidah bte. Jakariya, III; Lim Lee Choo, III; Mahani bte Matsam, III; Maimunah bte Momin, III; Norjinah bte. Minuddin, III; Ropiah bte. Haji Daud, III;

Rosnah bte. Hamid, III; Rukiah bte Ahmad, III; Abang Rashidi b. Hj. A. Suhaili, III; Abd. Wahab bin Mokti, III; Ak. Mohammad Alam b. Pg. A. Sapar, III; Ali bin Lani, III; Mosli bin Idris, III; Rajm bin Bungok, III; Sharikat bin Ringgit, III; Dy. Suboh bt. Burut, III; Juriah bt. Nordin, III; Mikah bt. Lukan/O K P D Lukan, III; Norsiah bt. Rajid, III;

Abd. Karim b. Wahab G1; Abd. Manan b. Rauf, G1; Addanan b. Md. Yussof, G1; Ak. Damit b. Pg. Hj. Taha, G5; Abu Bakar bin Maidin, G1; Ak. Damit bin Pg. Ahmad, G1; Awang Bakar bin Yahya, G1; Awg. Bakar bin Haji Besar, G1; Awang Bojeng/Bujang bin Deris, G1; Awg. Kasim bin Metali, G1; Awg. Ahmad bin Mohd. Sanip, G1; Awg. Ahmad bin Awg. Salleh, G1; Awg. Anuar bin Osman, G1; Awang Tarip bin Hj. Awg. Tahir, G1; Bair/Nordin bin Besar, G1; Basni/Omar bin Moksin, G1;

Brahim bin Ali, G1; Brahim bin Bakar, G1; Daud bin Akup, G1; Esa bin Damit, G1; Hadanan bin Yahya, G1; Hj. Shari bin Hj. Moksin, G1; Hamdani bin Awg. Hj. Tengah; G1; Haris bin Salleh, G1; Husain bin Abdullah, G1; Ibrahim bin Haji Mohamed, G1; Idris bin Kahar; G1; Ismail bin Bahari, G1; Jantin Anak Jamau, G1; Jaya Anak Ambun, G2;

Jumat bin Haji Baha, G1; Juna bin Jumat, G1; Kah Jin Lake, G2; Kahan bin Nasir, G1; Kamis bin Abdul Hamid, G1; Kamis bin Munchit, G1; Kasim bin Nilau, G1; Maidin bin Sapar, G1; Mangoi Anak Ondak, G1; Matarsat bin Jamil, G1; Matasim bin Jaludin, G2; Matusin bin Hj. Abdullah, G1; Mat Zini bin Abd. Ghani, G1; Mat Zin bin Abd. Kadir, G1;

Migi Anak Galawing, G4; Mohmed bin Md. Said, G1; Mumin bin Kadir, G1; Musa bin Mustapha, G1; Naik bin Tuah, G1; Omar bin Timbang, G1; Saloman/Larang bin Malang, G2; Samsudin bin Bujang, G1; Shaili/Suhaili bin Haji Balaman, G1; Shazali/Kubu bin Bu'at, G1; Simat bin Angas, G1; Suhaili bin Buntak, G1; Suhaimi bin Awg. Damit, G1;

Teo Soo Hang/Teo Soo Heng, G1; Zabidi bin Abd. Ghani, G1; Yong Ah Kong, G1; Yong Ah Foo, G1; Aminah binte Minuddin, G1; Aminah binte Yassin, G1; Chemah bte. Hasan, G1; Dk. Mariam bte Pg. Salleh, G1; Dk. Rupiah bte. Pg. Chuchu, G1; Dayang Musnah bte. Burut, G1; Dy. Noriah bte. A. Omar. G1; Dy. Sariah binte Mohamad, G1;

Dy. Tiawa bte. Yusop, G1; Fatimah bte. Yaman, G1; Fatamah bte. Ibrahim, G1; Hasmah bte. Jukin, G1; Hasima binte A. Akup, G1; Jamaliah bte. Ag. Besar, G1; Hanang bte. Aja, G1; Nehmah/Jaharah bte. Jaafar, G1; Nilam bte. Lundu, G1; Siah binte Lajan, G1; Siti Kadariah bt. Md. Noor, G1; Suboh/Aisah bt. Ibrahim, G1;

Zabidah bt. Sallam, G1; Zeliha bt. Mohamed, G1; Abdul Hamid bin Haji Serudin, G3; Abdul Hamid bin Md. Dayang, G1; Abd. Latip bin Md. Sahat, G3; Abd. Razak bin Hj. Abu Bakar, G1; Awg. Mohd. Yusof bin Awg. Morsidi; G1; Duraman bin Salleh, G1; Husin bin Budin, G1; Hj. Ramli/Bini bin Hj. Md. Don, G1; Jamai bin Puasa, G1;

Mahrup bin Md. Yassin, G1; Maidin bin Abd. Wahid, G1; Mohammad bin Abd. Rahman, G1; Moksin bin Mentiri, G1; Nayan bin Sisa; G1; Shahbudin bin Ahmad; G1; Sulaiman bin Ibrahim, G1; Zainuddin/Januddin bin Hassan, G1; Zaini bin Kamis, G2; Dy. Buntar bte Besar, G1; Dy. Hasnah bte. Haris, G2; Dy. Nauyah bte Munap, G1; Dy. Usnah/Rosnah bte Hj. Matasan, G1; Hadjijah bte Hidup, G1;

Hamidah bte. Mohd. Yusof, G1; Hasnah bte Ghafar, G1; Jauyah/Zaweyah bte Abdullah, G1; Kasmah bte. Ghani, G1; Maimonah bte. Omar, G1; Rosiah bte. Selamat, G1; Salmiah bte. Abd. Lamit, G1; Sarifah/Mariam bte. Kula; G1; Siti Hasnah bte Zulkiflly, G1; Siti Zabidah bte. Rahim, G1; Zainab bte. Ahmad/Bintang, G1; Kamis bin Sapar, G1; Jukin bin Jaffarali, G1.

S.M. ARAB HASSANAL BOLKIAH, BANDAR SERI BEGAWAN.

Wardah bte. Hj. Ismail, I; Dy. Masnon bte Hj. Ibrahim, II; Masnah bte. Salleh, II;

Adanan bin Md. Jaya, III; Ag. Abd. Rahim bin Gantang, III; Ak. Duraman bin Pg. Damit, III; Ibrahim bin Mohammad III; Marali bin Ahmad, III; MatZin bin Muntol, III; Pungot bin Dullah, III; Raya bin Dullah, III; Zainal bin Mohd. Daud, III; Zaini bin Gani, III;

Balois bt. Hj. Ismail, III; Dk. Mahani bte. Pg. Yussof, III; Dy. Besar bte. Dullah, III; Rohanie bte. Ahmad, III; Saribeh bte Hj. Dagang, III; Sh. Aini bte. Wan Ibrahim, III; Sh. Rugayah bte. Sy. Abdullah, III;

Botty bin Hj. Awang Damit, G1; Mat Jaya bin Brahim, G2; Suhadi bin Hj. Akop, G1; Yaakup/Akop bin Ismail, G2; Asinah bte. Mohammad Tapa, G1; Dy. Armah bte, Ajak, G1; Kamariah bte. Apong, G1; Noraini bte. Abd. Rani/Durani, G2; Norpah bte. Budin, G1; Zaleha bte. Md. Zin, G1.

CHALUN PERSENDIRIAN, BANDAR SERI BEGAWAN.

Abdul Latif bin Ghariff, III; Ahmad Murad bin Hj. Abd. Wahab, III; Ak. Hamdani bin Pg. Othman, III; Ak. Kamaluddin bin P.M. Said, III; Md. Salleh bin Sukirman, III; Md. Yassin bin Hassan, III; Pg. Tajuddin bin Pg. Rabaha, III; Sarbani/Sharbini bin Hj. Omar, III; Zakaria bin Hj. Sulaiman, III; Abdullah bin Hj. Awg. Damit, III; Ak. Hashim bin Pg. Tajuddin, III; Ak. Metusin bin Pg. Md. Yasin, III; Abdul Latif bin A. Chuchu, III.

Annuar bin Awang Ahmad, III; Abdul Hadi bin Haji Kamis, III; Abil bin Ari, III; Abdullah bin Abdul Rahman, III; Ak. Kalong bin Pg. Umar, III; Ak. Zainuddin bin Pg. Md. Yusof, III; A. Wasli bin Ibrahim, III; Pg. Ibrahim bin Pg. Damit, III; Jaafar bin Madin, III; Juned bin Haji Ramli, III; Md. Yassin bin Hj. Tengah, III;

Masri bin DHM Yusof, III; Muhammad bin Lamat, III; Masri bin Hj. Mohd. Don, III; Md. Yussof bin Hj. Muhammad, III; Md. Yusof bin Tahlil, III; Radin bin Abd. Karim, III; Shahri bin Mahali, III; Tuah bin Noordin, III; Noorheini bte. Hj. Md. Said, III; Norsharita bte. Abdullah. III;

Ak. Petra bin Pg. Hj. Tajuddin, G1; Ak. Saidi bin Pg. Md. Daud, G2; Dayang Jainah bte. Mohammad, G1; Dk. Iring bte. Pg. Mohd. Said, G1; Jalis/Majalis bin Buang, G1; Jumaat bin Haji Tudin, G1; Mahari/Sharbini bin Apong, G1; Matassan bin Hj. Butir, G1; Matusop bin Hidup, G1; Md. Tahir bin Ibrahim, G1; Mohd. Salleh bin Ahmad, G1; Mohd. Salleh bin Abdul Rahman, G1; Saadiah bte Merali, G1; Ahad bin Selamat, G2.

Ahmad bin Haji Metali, G1; Awg. Yahya bin Mahmud, G2; Abd. Hamid bin P.H. Abu Bakar, G1; Abdullah bin Abdul Rahman, G1; Ahmad bin Sulaiman, G1; Abd. Nasir bin Kasmuri, G1; Ak. Tajuddin bin Pg. Hj. Munggu, G1; Ak. Sulaiman bin Pg. Damit, G1; Ahmad bin Serudin, G1; Alias bin Haji Hashim. G1; Abdul Karim bin Kassim, G1;

Abd. Ghani bin Mohammad, G1; Abd. Rahman bin Tapa, G1; Abdul Jalil bin Abdul Gapar, G1; Azahari bin Hj. Apong, G1; Ak. Aliuddin bin Pg. Hj. Damit, G1; Adam bin Haji Tarif, G1; Abd. Rahman bin Mat Tamit, G2; Awg. Tujoh bin Talib, G2; Ak. Hassan Pg. Mohiddin, G2; Ak. Jaya bin Pg. Tahir, G1; Ali Hassan bin Hj. Abd. Rahman, G1;

Ahmad bin Ghani, G1; Barudin bin Hj. Asar, G1; Basir bin Ibrahim, G1; Badaruddin bin Abd. Rahman, G1; Emran bin Umar, G1; Emran bin Hj. Hasan, G1; Halim bin Kunchol, G1; Hujan bin Hussin, G1; Ibrahim bin Abd. Razak, G1; Idris bin Hj. Tuah, G1; Ibrahim bin Muhammad, G1; Ibrahim bin Md. Zain, G1; Lakim bin Bangkol, G2.

Md. Husain bin Abu Bakar, G1; Maimon bte. Ktb. Hj. Mokhsin.

(Lihat muka 7)

Matalamat Ranchangan Kemajuan yg. baru

(Dari muka 2)

an ada-lah tidak lebeh dari satu chara yang waras untok mendapatkan hasil2 yang sa-habis banyak dari kemudahan2 chadang yang paling sedikit dalam satu jangka waktu. Walau macham mana pun kemudahan2 chadang ada-lah perlu pada mula-nya di-gerakkan dalam bentok projek dan program dengan chara dasar2 dan atoran2 yang di-perlukan kalau hasil2 sa-memang-nya di-kehendaki. Kehilapan kita di-waktu2 yang sudah ia-lah, kita tidak begitu waspada terhadap hakikat ini dan sunggoh pun kehilapan2 ada-lah tidak dapat di-elakkan dalam peranchangan, ada-lah di-harapkan sa-penoh-nya supaya kita tidak akan mengulang lagi kehilapan2 yang sama di-waktu yang akan datang. Salah satu chara untok mengelakkan kehilapan2 demikian ada-lah wajib bagi kita senantiasa mengetahui masa'alah2 yang sa-memang-nya akan di-hadapi dalam tugas kita dan kemudian menghadapi-nya dengan tepat dan berkesan. Pendekatan terhadap Ranchangan Kemajuan Negara yang baru merupakan satu2 usaha untok mengurangkan kemungkinan kehilapan2 lanjut. Saya perchaya kejayaan akan boleh di-chapai ka-arah ini kalau sektor persendirian dan orang ramai dapat di-bawa untok menyertai proses peranchangan yang mana persediaan hanya-lah merupakan satu peringkat saja. Ini ada-lah bergantong pada kebaktian hadhirin sekalian, inisiatif dan kerjasama dalam menjalankan tugas2 dan tanggong-jawab2 yang di-berikan bukan saja sa-bagai ahli2 berbagai Jawatankuasa2 tetapi yang lebeh penting sa-bagai pegawai2 Kerajaan dan raayat yang bertanggong-jawab. Dengan sebab itu, saya ingin untok membuat satu seruan khas kapada hadhirin yang ada pada pagi ini juga kapada pegawai2 Kerajaan yang lain supaya senantiasa memberikan kerjasama yang sa-penoh2-nya untok membolehkan ranchangan yang akan datang ini menjadi satu usaha yang paling berjaya.

10. Akhir-nya, saya ingin sekali lagi untok menjemput wakil2 dari sektor persendirian, kumpulan2 yang berminat dan orang ramai untok tampil dan memberikan shor2 serta chadangan2 mereka kapada Jawatankuasa2 Kechil atau kumpulan2 kerja dan memberikan keriasama mereka kapada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam usaha-nya yang sunggoh2 dan penoh chabaran untok menambahkan lagi kebahagian dan kebajikan bersama.

Chawangan Pejabat Daerah

MUARA. — Pejabat Daerah Brunei/Muara telah menubohkan satu chawangan Pejabat-nya di-Muara Mulai 1hb. Mach ini.

Pejabat baru itu bertempat di-Rumah Kelas 'F' berhadapan dengan Sekolah Melayu SUAS Pekan Muara.

Pendudok2 di-Pekan Muara dan kawasan2 di-sekitar-nya tidak payah lagi datang ka-Bandar Seri Begawan mengenai perkara2 yang ada hubongan-nya dengan Pejabat itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA–BAGAI PENOLONG PEGAWAI BALAI

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Penolong Pegawai Balai di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

a) Umor — di-antara 18 hingga 26 tahun.
b) Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".
c) Dada — sekurang2-nya 34" bila di-kempiskan.
d) Lulus Form III atau sa-banding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

Kesihatan:

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sehat dan di-kehendaki lulus ujian kekuatan saperti yang di-kendaki dalam Pasokan Bomba.

Latehan:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah melayakan diri untok Kelas Latehan Pegawai2 yang akan di-adakan di-dalam negeri dan mungkin di-kehendaki menjalani latehan di-seberang laut.

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantek akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji P. 3 — $310 x5-320x10-340. Sa-kira-nya sa-seorang chalun yang berjaya itu ia-lah pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaji permulaan-nya akan di-pertimbangkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada Pengawal Pasokan Bomba, Brunei tidak lewat dari 21hb. April, 1973.

KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

SURAT KUASA PESAKA
No. 7/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hussin bin Klundik of Ferry Operator, c/o SSB, Quarter No. 1, Kuala Baram, Miri, Sarawak, Malaysia kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mosidi bin Hussin yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ayah kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 3 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Mach. 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 5/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Francis Ang yang beralamat Instrument Shop, S.M.S.B. Berhad, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Joseph Ang dan untok menggantikan mendiang Agnes Posok @ Salam binte Posok yang telah mentadbirkan harta mendiang Joseph Ang (mengikut surat kuasa mentadbir KB/LA/5/64) sa-bagai pentadbir harta pesaka Joseph Ang yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 3 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 21 haribulan Mach, 1973.

ALI BIN MOHD. DAUD
Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.

Sa–bagai Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Tukang Masak di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumor di-antara 20 hingga 45 tahun dan berpengalaman memasak di-Mes/Kantin atau di-kedai2 makan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 — $220 x5-240.

Menjalankan Tugas:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantek akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam negeri.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 23hb. April, 1973.

KEPUTUSAN PENOH PEPEREKSAAN S. P. M.

(Dari muka 6)

G1; Matasim bin Hj. Zakaria, G1; Mirhasan bin Hussin, G1; Masni bin Haji Md. Husain, G1; Mahanin bin Md. Jaafar, G1; Mohd. Lot bin Salleh, G1; Mohamed Yusuf bin Gumbol, G1; Md. Yazid bin Ibrahim, G1; Matamit bin Iradat, G2; Md. Arshad bin Md. Hassan, G1;

Mohiddin bin Abd. Ghafar, G1; Mohd. Jais bin Mohd. Salleh, G3; Md. Hassan bin Md. Salleh, G1; Mohin bin Md. Hussin, G1; Mohd. Taaim bin Ahmad, G1; Md. Zapar bin Shamsuddin, G1; Md. Saini bin Yaakub, G2; Pg. Tajuddin bin Pg. Ahmad, G1; Pg. Chuchu bin Pg. Hj. Wahab, G1; Rosli bin Hj. Md. Noor, G1; Rosli bin Hj. Umar, G1;

Suhaili bin Umar, G2; Suhaili bin Awang Ladi, G1; Sawal bin Rajab, G2; Sabli bin Yakup, G1; Tinggal bin Aman, G1; Tahir Matayer bin Hj. Ahmad, G1; Umar bin Mohd. Daud, G1; Yahya bin Md. Tahir, G1; Zaini bin Tuah, G1; Dk. Masniah bte. Pg. Hj. Ismail, G1; Dk. Mariam bte Pg. Hj. Sulaiman, G1; Dg. Rukiah bte. Hj. Ibrahim, G1; Hindun bte. Md. Idris. G1.

Masiah bte. Marsal, G1; Noriah bte. Md. Yusof, G1; Rosni bte. Md. Yusof, G1; Julahia/Abdullah b. Aman, G1; Saedah bte. Hj. Abd. Yassin, G1; Zabidah bte. Hj. Wahab, G1; Zabidah bte. Hj. Umar. G1.

CHALUN2 PERSENDIRIAN, SERIA

Abdullah bin Othman. III; Abd. Rahman bin Abd. Rahim. III; Asli bin Rasil, III; Abdul Sani bin Idris, III; Abd. Rahman bin Hj. Othman, III; Awang Muhammad bin A. Hamid, III; Ali Umar bin Ismail, III; Abd. Latif bin Taim, III; Badaruddin bin Abd. Rashid, III; Bahar bin Gapar. III; Basri bin Hj. Lahid. III; Chiew Keng Kok, III; Ho Joong Jee. III; Ibrahim bin Idrus. III;

Johari bin Md. Tarif, III; Mohd. Yakub bin Osman, III; Mohd. Jaafar bin Rais, III; Mudin bin Md. Yassin, III; Muhammad bin Abu Bakar, III; Matassan bin Mayasin, III; Mohd. Dinie bin Taib, III;

Ahmad b. Aman, G1; Ak. Sabtu bin P. Md. Salleh, G1; Abd. Aziz bin Hj. Md. Daud, G2; Abd. Raub bin Ahmad, G1; Ak. Damit bin P. Bungsu, G1; Abd. Wahab bin Abdullah, G1; Abd. Hamid bin OKSU. Bashah, G1; Hassan bin Tahir, G1; Ibrahim bin Kundi/Mustapha, G1; Md. Radzuan bin Abdullah, G1; Musa bin Edin, G2; Md. Daud bin Ismail, G2.

Md. Zain bin Tengah, G2; Md. Deli bin Fatimah, G2; Mustapha bin BHA. Ghafar, G3; Mohd. Ali bin Ahmad, G2; Minor Absah bin Abd. Samad, G1; Md. Said bin Md. Nor. G2; Md. Diah bin OKPIAH. Layeh, G1; Matali bin Abu Bakar, G2; Noorashid bin Abdullah, G2; P. Ibrahim bin P. Hj. Abu Bakar, G2; Ramli bin Nasir, G1; Ramli bin Abd. Kadhir, G1; Sabli bin Md. Hussain, G2; Said bin Taip, G1; Dk. Rakiah bte. P. Damit, G1; Lena binte Abd. Rahman, G1; Zaidah bte. Umar, G2.

Latehan Perguruan Ugama Kursus 'A' 1973–1975

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti Kursus 'A' di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan hanya orang2 yang mempunyai sharat2 kelayakan di-bawah ini di-pertimbangkan:–

1. *Kelayakan:*
   a) Hendak-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang Berugama Islam, manakala yang bukan warga negara Brunei boleh juga memohon terta'alok kapada pertimbangan2 khas.
   b) Hendak-lah belum berkahwin dan berumor di-antara 18 hingga 21 tahun.
   c) Sa-kurang2-nya mempunyi Sijil Pelajaran Malaysia atau sabanding dengan-nya dengan sharat lulus dalam pengetahuan Ugama Islam atau mempunyi Sijil 'Am Pelajaran dengan sharat mendapat kelulusan dalam 4 mata pelajaran dalam peringkat 'O' dan salah satu daripada - nya Pengetahuan Ugama Islam.
   d) Hendak-lah pandai membacha Al-Quran.
2. *Sharat2:*
   a) Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temu duga (Ia-itu ujian tulisan dalam pelajaran ugama).
   b) Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu lulus dalam pemereksaan Doktor.
   c) Pemohon2 yang berjaya akan di-beri tempat tinggal di-asrama termasok makan minum dalam penggal2 persekolahan.
   d) Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei memenohi sharat2 berikut:
      i. Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan.
      ii. Mereka atau penjamin mereka di-kehendaki membayar balek dengan sapenoh-nya kapada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa di-dalam latehan.
      iii. Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei salama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.
   e) Pemohon2 yang berjaya akan mengikuti Kursus sa-lama 3 tahun.
3. *Alaun dan Gaji:*
   a) Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima masok akan menerima alaun saperti di-bawah:–
      Bagi Tahun Pertama dan Kedua $210.00 sa-bulan.
      Bagi Tahun Ketiga $225.00 sa-bulan.
   b) Semua penuntut2 yang berjaya dalam latehan tiga tahun ini akan di-masokkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 yang lain yang mempunyi kelulusan yang sajajar.

Borang Permohonan:

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong, pada bila2 masa pejabat di-buka dan di-kembalikan kapada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada 15hb. April, 1973.

Lawatan D.Y.M.M. Paduka Seri Begawan

(Dari muka 1)

Kaya Kesuma Haji Tahir dalam uchapan alu2an-nya telah menyembahkan uchapan keshukoran dan terima kaseh atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ka-kampong itu

Awang Haji Khamis mengsifatkan lawatan Duli Yang Teramat Mulia ka-kampong itu merupakan satu seiarah gemilang yang dapat di-abadikan oleh semua pendudok di-Kampong Lumapas, Lupak Luas dan Kampong Sengkirap.

Sa-bagai mewakili pendudok2 Kampong Lumapas, Lupak Luas dan Kampong Sengkirap beliau juga menyembahkan ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta pengganti2-nya dan kerabat2 Diraja.

Dari Kampong Lumapas, lawatan itu kemudian-nya berpindah ka-Kampong Kasat sa-jauh kira2 10 batu di-mana Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan menaiki Land Rover dan tiba di-Sekolah Melayu Kasat jam 10.30 pagi.

Pendudok2 kampong dan murid2 sekolah telah membanjiri Sekolah Melayu Kasat untok mengalu2kan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia itu.

Sa-orang wakil pendudok Kampong Kasat, Awang Othman bin Pengarah Haji Untong telah juga menguchapkan terima kaseh atas lawatan itu dan menyembahkan ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagi.

Dari Kampong Kasat Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan berangkat ka-Kampong Menunggul dengan helikopter. Sambutan2 meriah juga telah di-berikan dari Sekolah Melayu Menunggul dan uchapan2 yang sama telah juga di-lapadzkan.

Dari Kampong Menunggul lawatan itu berpindah ka-Kampong Pulau Baru2 dan kampong yang terakhir dalam siri lawatan Duli Yang Teramat Mulia itu.

Sambutan2 meriah oleh pendudok2 kampong dan murid2 sekolah termasok dari Pulau Berbunut telah juga di-adakan di-kampong tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia menghabiskan masa hampir satu jam di-Kampong tersebut.

Renchana ka-Tanah Suchi

SAMBONGAN renchana ka-tanah suchi terpaksa di-tanggohkan kapada keluaran yang akan datang. — Pengarang.




GAMBAR atas menunjokkan 9 orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang telah berlepas ka-Hong Kong pada minggu lalu untok memernatikan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Hong Kong.

Rombongan itu di-ketuai oleh Speaker Majlis Mashuarat Negeri, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Dua Pengiran Pemancha Sahibol Rae' Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam dan Juru Tulis Majlis Mashuarat Negeri, Awang Judin bin Asar.

Sembilan orang ahli2 Majlis Mashuarat Negeri itu terdiri dari 3 orang ahli rasmi dan 6 orang ahli yang di-lantek.

Ahli2 rasmi itu ia-lah Timbalan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awg. Haji Mohammad Jamil Al-Sufri.

Ahli2 yang di-lantek ia-lah Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohammad Salleh, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Awang Hj. Ali bin Ismail, Yang Berhormat Awang Haji Abu Hanifah bin Mohamad Said, Yang Berhormat Awang Haji Abu Bakar bin Baha, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Kornia Diraja Awang Hong Kok Tin dan Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun.



Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin ketika menyampaikan sabda perutusan sempena pelancharan usaha2 menyediakan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru pagi semalam.

Ranchangan Kemajuan Negara yang baru

(Dari muka 1)

(ii) Akan mengadakan, dan di-bantu pula oleh satu sistem pelajaran negara;

(iii) Akan memupok dan memperluaskan perkembangan kebudayaan Melayu Brunei termasok adat istiadat, menuju satu identiti Negara Brunei;

(iv) Akan memupok dan memperluaskan serta di-bantu pula oleh Ugama Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap;

(v) Akan berusaha untok merangkan dan meniadakan perbezaan2 yang nyata dalam kemakmoran dan perkembangan di-antara kawasan2 atau wilayah2 dan juga di-antara puak2 dan suku2 asli negeri ini;

(vi) Akan memupok dan mengujudkan satu badan belia yang bertanggong-jawab, berdisiplin dan dinamik sa-bagai unsur2 kemajuan dan seterus-nya sa-bagai salah satu asas2 kemajuan kapada masharakat yang di-hajati.

Pemangku Menteri Besar selanjut-nya menegaskan bahawa bagi menchapai maksud2 itu, D.Y.M.M. telah berkenan melantek satu Jawatankuasa Peranchangan dan dalam melaksanakan tugas2-nya jawatankuasa itu di-bantu oleh satu sekretariat penoh masa dan juga oleh 12 jawatankuasa2 kechil yang akan menghadapi pelbagai segi ranchangan tersebut dan chadangan2 berhubong dengan sektor2 tertentu ekonomi kita.

"Oleh sebab Brunei ada-lah mempunyai satu sistem ekonomi berchampor ada-lah menjadi salah satu tujuan utama Kerajaan untok mendorong dan mengadakan lebeh lanjut lagi penyertaan sektor persendirian dalam memenohi kehendak2 luas ranchangan kemajuan negara yang baru."

Dengan sebab itu, tegas beliau, dalam menyediakan ranchangan ini jawatankuasa2 kechil dan kumpulan2 kerja hendak-lah di-anggap sa-bagai perantaraan2 utama di-antara Kerajaan D.Y.M.M. dan sektor persendirian dan juga orang ramai

Wakil2 dari sektor persendirian, dari berbagai kumpulan yang berminat dan orang ramai ada-lah digalakkan untok turut serta dalam dailog2 berterusan dan menghadapkan shor2 serta sokongan2 mereka kapada jawatankuasa2 kechil atau kumpulan2 kerja yang berkenaan.

Mengenai peranan ketua2 jabatan pula, Pemangku Menteri Besar itu menggesa ketua2 jabatan supaya mengadakan mashuarat2 dengan ahli2 kaki-tangan mereka untok mengemukakan program2 kemajuan bagi jabatan masing2.

Jawatankuasa Peranchangan kemudian-nya akan menyatukan shor2 atau program2 yang telah di-persetujui untok di-jadikan satu rang ranchangan negara yang lengkap untok di-sembahkan kapada Duli Yang Maha Mulia.

Akhir-nya beliau menyeru semua pehak supaya senentiasa memberikan kerjasama yang sa-penoh-nya untok membolehkan ranchangan kemajuan yang akan datang ini menjadi satu usaha yang paling berjaya.

(Sabda perutusan penoh mengenai dengan pelancharan usaha2 menyediakan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu di-siarkan di-muka 2).

Ahli baru M.M.N.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish, Pengarah Kerja Raya, Brunei telah di-lantek menjadi Ahli Rasmi bagi Majlis Mashuarat Negeri Brunei mulai hari Khamis, 1hb. Mach lalu.

Lantekan itu ia-lah bagi menggantikan tempat Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar yang telah kosong sejak Yang Berhormat itu di-lantek menjadi Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Sekolah yang terbaik di-Asia

(Dari muka 1)

Beliau mensifatkan gulongan pelajar2 pertukangan itu sa-bagai mempunyai masa depan yang cherah asalkan mereka berkesanggupan untok mempraktikkan ilmu mereka itu sama ada melalui lapangan2 dalam Kerajaan mahu pun dalam sektor2 pribit.

Dalam satu pertemuan dengan pelajar2 di-sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kuala Belait pada hari Sabtu lepas, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menyeru mereka supaya tidak mudah di-pengarohi oleh sebarang da'ayah yang boleh memporak-perandakan chita2 mereka untok berkechimpong dalam bidang2 teknikal dan perusahaan di-negeri ini.

Beliau menjelaskan bahawa Kerajaan mengadakan sekolah2 pertukangan sa-umpama itu tidak hanya untok mengeluarkan pelajar2 yang berkemahiran bagi membantu-pesatkan kemajuan negara, tetapi juga untok menyempurnakan kehidupan raayat.

Beliau menjelaskan bahawa pelajar2 lepasan sekolah pertukangan yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan ada-lah di-galakkan untok membuka perusahaan2 persendirian.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, kata-nya, ada-lah berkeinginan besar untok melihat raayat negeri ini melaksanakan usaha2 sendiri dan jika boleh semua perusahaan2 asing di-negeri ini di-jalankan oleh bumiputera.

Untok menchapai hasrat itu, maka raayat dan pendudok di-negeri ini, khas-nya pelajar2 di-sekolah2 pertukangan itu hendak-lah menyiapkan diri mereka untok rela melaksanakan perusahaan2 persendirian.

"Dengan sebab itu-lah Kerajaan mengadakan sekolah Pertukangan di-Kuala Belait itu sa-bagai yang terbaik dan lengkap di-antara sekolah2 saperti itu di-rantau Asia Tenggara", tegas beliau.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menegaskan bahawa Kerajaan tidak teragak2 untok membantu pelajar2 yang berkemahuan untok membuka perusahaan2 persendirian mereka.

Dalam pertemuan itu beliau disertai oleh Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein; Pegawai Ekonomi, Awang Chua Peng Siong; Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 14 RABU 4HB. APRIL, 1973. 1393 رابو ا ربيع الاول PERCHUMA

Melawat perkhemahan AMDB

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berangkat untok melawat ka-Perkhemanan Berakas pada hari Rabu lepas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan selaku Colonel-In-Chief AMDB telah diiringi oleh Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ka-Markas AMDB itu telah di-sambut oleh Pemerentah AMDB, Colonel Dato B.F.L. Rooney, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama AMDB, Lt. Col. J.G. de Cordova, Major Dato Mohammad bin Haji Daud dan Adjutant, Kaptan Ishak bin Haji Abdul Hamid.

Sa-telah memereksa barisan kehormatan, Duli Yang Teramat Mulia telah di-bawa untok menyaksikan kegiatan2 di-beberapa chawangan dalam pasokan itu.

Lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan berakhir kira2 jam 12.30 tengah hari dan Duli Yang Teramat Mulia di-bawa ka-mess pegawai untok santapan tengah hari.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan telah di-sertai di-mess pegawai itu oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negeri Brunei dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Gambar atas menunjokkan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika di-beri penerangan oleh Kaptan Hussein bin Haji Mohammed mengenai dengan chara2 menggunakan senjata rengan apabila Duli Yang Teramat Mulia melawat ka-Kompeni 'E' pasokan itu.



Memikirkan kemajuan bandar dan luar bandar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kawasan2 bandar dan luar bandar di-negeri ini akan mempunyai ranchangan2 yang tertentu di-masa hadapan sesuai dengan ranchangan kemajuan negara yang baru apabila chadangan2 di-kemukakan nanti kapada Jawatankuasa Peranchang Kemajuan.

Beberapa chadangan sedang di-fikirkan untok mendapatkan chara2 yang lebeh baik untok ranchangan2 kemajuan bandar dan luar bandar dalam memberikan kemudahan2 yang paling baik kapada orang ramai di-bidang ekonomi, sosial dan perindusterian.

Ini telah di-tegaskan oleh Pegawai Peranchang Bandar, Awang Sydney Litherland selaku Pengerusi Jawatankuasa Kechil Perkhidmatan2 Bandaran, Bangunan2 Awam dan Peranchang Bandar dalam satu mashuarat di-Pejabat Peranchang Negara di-sini pada hari Isnin lepas.

Beliau menyatakan ini dalam garis2 kasar chadangan yang harus di-pertimbangkan oleh jawatankuasa itu yang meliputi perkhidmatan2 bandaran, bangunan2 awam, peranchangan bandaran saperti kawasan2 perumahan, perniagaan, perindusterian, jalan2 raya dan kemudahan2 orang ramai lain-nya.

Menyentoh mengenai ranchangan kemjauan luar bandar pula, beliau berkata, masa-nya telah bagi memikirkan projek2 kemajuan tanah sa-chara besar2an.

Dalam pada itu tanah2 simpanan ada-lah di-perlukan untok pembinaan2 jalan raya, sekolah2 mesjid2, bangunan2 kerajaan dan sabagai-nya.

Jawatankuasa itu juga perlu menimbangkan pengawasan kaatas projek2 kemajuan yang dilaksanakan oleh gulongan sektor pribet.

Orang ramai dan sektor pribet ada-lah juga di-persilakan mengemukakan sebarang shor atau chadangan)mengenai perkhidmatan2 bandaran, bangunan2 awam dan

(Lihat Muka 8)

Pmk. SUK meninjau ka-pelabohan Muara

MUARA. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar petang semalam telah mengadakan lawatan singkat ka-Dermaga Pelabohan Muara dan sekitar-nya untok meninjau perkembangan2 yang terdapat di-pelabohan itu.

Dalam lawatan itu, beliau telah di-temani oleh Timbalan Pengawal Kastam dan Bea, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar, Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; Timbalan Pengawal Imigeresen, Awang Yaakob bin Ahmad; Timbalan Pesurohjaya Tanah, Awang Zakaria bin Datu Maha Wangsa Haji Sulaiman; dan Penguasa Kastam, Awang Haji Sahari bin Idris.

Pemangu Setia Usaha Kerajaan itu telah di-bawa melawat ka-bahagian sementara Imigeresen di-dermaga tersebut dan telah menanda-tangani buku lawatan di-bahagian itu.

Ketika berada di-situ, Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu telah menyiasat tentang masaalah pe-numpang2 yang di-bawa oleh kapal2 Kerajaan dari Labuan yang di-ranchang akan mula di-turunkan di-dermaga tersebut dalam sedikit masa lagi.

(Lihat muka 8)

Pmk. MB dan Pmk. SUK akan berdailog dengan raayat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abd. Momin bin Pengira Hj. Ismail dan Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat, Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz akan mengadakan dailog atau majlis bertukar2 fikiran dengan orang ramai di-mesjid2 yang berasingan sa-baik2 saja kedua2 rombongan itu selesai menunaikan fardhu sembahyang Jumaat.

Kedua2 rombongan itu akan terus menerus berjemaah menunaikan fardhu Jumaat dari sa-buah mesjid ka-sa-buah mesjid dari satu masa ka-satu masa dan sa-telah itu memulakan majlis bertukat2 fikiran dengan hadhiran mengenai Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Usaha ini juga ada-lah sa-bagai langkah untok menghampirkan lagi Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan raayat Baginda — raayat dengan Kerajaan Baginda sa-mata2 untok perkara2 yang berkebajikan.

Ini telah di-tegaskan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika beliau merasmikan pembukaan 'Majlis Tari Menari' anjoran Radio Brunei untok mengutip derma Tabong pembinaan Stadium di-Pusat Belia minggu lalu.

Berthabit dengan perkara itu Yang Berhormat Pemangmangku Setia Usaha Kerajaan perchaya seluroh raayat dari apa jua peringkat masharakat akan mengambil peluang2 pada menghadapkan buah fikiran mereka demi untok faedah pembangunan sa-buah masharakat yang bersatu padu yang benar2 berchurak keBruneian yang berasaskan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap dan dinamik demi untok mendarus-salamkan Negara Brunei yang terchinta ini.

Beliau berseru kapada seluroh perengkat masharakat di-negeri ini terutama mereka yang bermastautin di-kawa-

(Lihat muka 8)

KA-TANAH SUCHI — SIRI KE-EMPAT

TIDAK SEMUA ORANG2 HITAM ITU KASAR

OLEH: HAJI AHMAD ARSHAD

SUASANA di-Mekah pada sa-tiap saat, tidak kira siang, malam, suboh dan apa waktu saja tidak luput dari keriongan yang timbul dari pertembongan suara manusia dan bunyai kenderaan yang lalu lalang di-antara timbunan manusia itu. Umat Islam yang terdiri dari berbagai bangsa yang datang-nya dari seluroh penjuru dunia yang menuturkan lebeh dari sepuloh bahasa menjadikan suasana di-Mekah bagitu gamat. Sa-tiap bangsa masing2 dengan pembawaan mereka yang tersendiri. Orang benua Afrika yang mempunyai kebudayaan mereka yang tersendiri dan maseh tegoh terjaga walau pun pernah di-rempoh oleh pengaroh2 kemodenan adalah di-antara bangsa2 yang berhijrah ka-Mekah yang manarek perhatian banyak orang. Sa-bilangan besar dari mereka itu mempunyai karektor yang sedikit kasar, bahkan tidak menyenangkan orang2 kita melihatnya. Tetapi, tidak semua orang2 benua Afrika itu mempunyai kebudayaan yang demikian. Orang2 Nigeria yang dapat di-kenali melalui pakaian2 kebangsaan mereka mempunyai karektor yang sederhana dan bagitu juga orang2 dari Algeria dan Uganda, khas-nya di-kalangan mereka yang terpelajar atau yang tidak buta huruf.

Sa-orang jemaah dari Uganda yang selalu saya temui di-tempat tukang penukar wang (money changer) di-hujong Safa yang faseh berbahasa Inggeris dalam sebutan Amerika sempat berbual2 dengan saya. Saya pada waktu itu menukarkan wang beberapa orang jemaah Brunei. Dalam perbualan kami itu, dia amat tertarek dengan bentok wang Brunei $100 dan $50 di-samping banyak bertanya tentang Brunei. Saya menerangkan kedudokan Brunei yang terkenal dengan hasil minyak-nya dan kekuatan pertapakan Ugama Islam adat-istiadat dan keSultanan. Dia agak terkejut bila saya menerangkan bahawa pemergian jemaah2 haji Brunei adalah di-uruskan oleh Kerajaan kami sendiri dan saya dengan lapan orang kawan lagi di-hantar untok mengiringkan dan mengawasi jemaah2 kami yang sa-ramai lebeh dari 400 orang termasok yang menaiki kapal laut. "Tidak hairan jika mesjid di-jadikan lambang dalam ringgit kamu", dia menchelah perchakapan saya. Pada mula-nya saya segan juga bertanya tentang karektar dan attitude atau pembawaan dan perangai orang2 Afrika itu, tetapi terlanjur dia menimbulkan bagaimana masharakat kita dan telah saya beri penjelasan, maka dia sendiri mencheritakan kapada saya "Orang2 kami sedikit kasar, tapi tidak semua-nya", katanya.

Menurut beliau bahawa kekasaran itu maseh terdapat di-kalangan pendudok2 kampong yang belum di-resepi oleh kehidupan yang bertamaddun. Tetapi banyak di-antara mereka itu mempunyai wang yang banyak hasil dari barang2 asli yang menjadi kegemaran pelanchong2. Ramai di-antara mereka ini menunaikan fardhu haji daripada orang2 dalam bandar.

Tetapi keistimewaan yang terdapat pada mereka itu ialah pantang mereka bergadoh dengan orang lain. Mereka memang menang dalam rempoh-merempoh dalam arus manusia yang bagitu ramai. Ketika hendak menchium hajral-aswat pun, mereka saja yang di-atas2. Jika orang2 kita "kalah bulu", maka harus kita tidak dapat menchium hajral-aswat itu. Tetapi perkara ini tidak perlu di-bimbangkan, kerana menurut majhab yang kita ikuti ia-itu Shafie, sudah chukop dengan chara menchium telapak tangan kita saja sawaktu sampai ka-perenggan yang di-tentukan dalam masa kita bertawaf. Kita tidak perlu turut bersakit2 untok menchium hajral-aswat itu. Dari gulongan mereka ini-lah yang di-sebut oleh jemaah2 kita bahkan jemaah2 dari negara2 Melayu yang lain sa-bagai "Orang itam" itu. Pada saban tahun mereka ini-lah yang teramai sekali berhijrah ka-Mekah. Sa-lain dari mereka ini yang di-sebut sa-bagai orang2 hitam itu terdapat juga orang2 yang berkulit hitam dari negara2 Arab sendiri saperti dari Yemen. Tetapi susok badan mereka ini pula ada-lah sederhana belaka saperti juga orang2 kita dan tidak sa-besar dan sa-tetap orang2 Afrika itu. Keistimewaan yang terdapat pada orang2 Yemen ini ia-lah kekuatan yang agak luar biasa. Mereka yang bekerja sambil2an sa-bagai khadam dalam musim haji itu boleh mengangkat beg2 pakaian yang besar dan penoh berisi sa-hingga lima biji sakali angkat. Chara mereka mengangkat ia-lah dengan "menguyut" beg2 itu. Tali penguyut itu di-letakkan di-atas kepala, sementara beg2 itu di-sandarkan ka-atas belakang mereka — dan tangan hanya mempunyai peranan untok membetulkan letak beg2 itu.

Ketika berjalan dalam suasana yang gamat dan amat ramai itu ada-lah bukan luar biasa jika berlaku sa-suatu kejadian yang menakutkan saperti pening lalu jatoh dan terhinjak serta meninggal di-situ juga atau menurut sebutan kita kurang hati2 dan tidak dapat mengumpulkan tenaga.

Tetapi kejadian sa-umpama ini jarang terjadi kapada jemaah2 dari Brunei, kerana sabilangan besar dari jemaah2 kita itu lebeh banyak bersandar kapada arahan2 sheikh dan pegawai2 yang di-tugaskan. Sheikh2 dan pegawai2 yang bertugas sekali2 tidak membenarkan jemaah2 kita keluar rumah dalam waktu2 yang sesak. Mereka yang hendak bersembahyang di-Mesjidil Haram pada sa-tiap waktu sembahyang di-nasihatkan supaya meninggalkan rumah paling lewat sa-tengah jam sabelum tiba waktu. Mereka dinasihatkan supaya sekali2 jangan turut bergerak dari rumah ketika bang sudah dilaungkan, kerana waktu inilah manusia lebeh ramai yang meluru ka-mesjid.

Dalam masa berdedat2 oleh lautan manusia itu, satu peristiwa telah berlaku ka-atas sa-orang jemaah perempuan Brunei. Peristiwa itu bukan "tapihit", tetapi "puntilan" wang dan barang2 emas-nya telah terluchut dari ikatan di-pinggang-nya.

JEMAAH BRUNEI YANG KEHILANGAN

Jemaah yang malang itu bernama Hajjah Dayang Dini binte Tuah berumor kira2 50 tahun, dari Kampong Lumapas dan kejadian itu berlaku sa-waktu beliau dan beberapa orang lagi sedang membeli-belah. Ketika saya temui, Hajjah Dayang Dini menerangkan bahawa kehilangan itu hanya ketahuan bila mereka sudah berada di-rumah. Dengan wajah yang kusut beliau mencheritakan, sa-lepas mengeluarkan wang dari puntilan-nya itu untok membayar beliannya, maka puntilan-nya itu di-ikatkan balek ka-pinggang-nya. Dia terasa yang ikatan itu chukup kuat. Tetapi sa-orang jemaah yang juga saudara kapada-nya menchelah: "mana kau tau kuat dangan inda — kalau kuat inda tia taluchut". Namun demikian Hajjah Dayang Dini tetap mempertahankan kebenaran-nya itu dengan linangan ayer-mata. Dalam puntilan-nya yang hilang itu mengandongi wang tunai sa-banyak $2,000.00 termasok $200.00 kiriman orang; sa-biji kanching emas, empat bantok chinchin dan sa-ulas gelang sabit.

Mengenangkan peristiwa itu, jemaah2 Brunei telah sepakat untok menghulorkan derma sedakar2-nya kapada Hajjah Dayang Dini dan derma yang di-perolehi berjumlah lebeh dari $1,000.00. Derma2 itu tidak hanya datang dari jemaah2 Brunei sendiri, tetapi juga Sheikh Ali Yassin, kaki-tangan dan khadam2-nya. Semua-nya merasa simpati atas peristewa yang menimpa Hajjah Dayang Dini itu. Ini juga merupakan satu bokti akan kebenaran pepatah orang2 Brunei ketika berada di-luar negeri "sakit sama sakit — senang sama senang".

Wang Derma itu telah di-serahkan kapada Hajjah Dayang Dini oleh Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Indera, Awang Haji Jili bin Ibrahim yang di-hantar oleh Kerajaan Brunei menjadi salah sa-orang pemerhati dalam jemaah Brunei itu. Beliau di-tempatkan di-jemaah2 yang bersheikhkan Ali Yassin. Dua orang pemerhati lagi ia-itu Yang Mulia Pengiran Haji Abbas bin Pengiran Aliuddin dan Awang Haji Kassim bin Haji Ahmad di-tempatkan di-Sheikh Haji Ibrahim.

(Siri minggu depan tentang lawatan2 ka-tempat2 yang bersejarah)



Y.B. Orang Kaya Pekerma Indera, Awang Haji Jili ketika menyampaikan derma tersebut kapada Hajjah Dayang Dini dengan di-saksikan oleh Ag. Haji Mangsor bin Momin (di-tengah2) yang juga banyak menulong Hajjah Dayang Dini.

PERLU-NYA MEMBETULKAN BARISAN SAF KETIKA MENDIRIKAN SEMBAHYANG

KHUTBAH JUMA'AT

Ada sa–tengah–nya kita dapati barisan saf di–dalam keadaan bingkang bengkok, terlalu rapat atau terlalu ranggang atau tiada chukop barisan hadapan

SHARI'AT Islam telah membawa peratoran2 bagi kepentingan manusia pada perkara2 ibadat, mu'amalat, adab perangai dan lain2-nya, supaya tiap2 sa-seorang itu hidup sa-chara terator, bertata-tertib dan menjadikan mereka itu umat yang berperatoran, penoh dengan ikatan muhibbah, halus perasaan, kukoh persatuan dan di-pandang tinggi oleh umat2 lain.

Shari'at Islam meletakkan peratoran2 itu dengan ketetapan waktu2-nya, sa-umpama-nya waktu sembahyang, waktu wajib, waktu abdhal, waktu sunat, waktu makroh, waktu sembahyang berjemaah, sembahyang Jumaat sa-minggu sekali, menetapkan waktu — waktu mengeluarkan zakat harta, zakat fitrah, waktu haji ka-Mekah, waktu ukuf di-Arfah, semua-nya chukop dengan chara2, rukun2 dan sharat2-nya. Semua-nya itu merupakan peratoran bagi kepentingan manusia pada perkara2 yang tertentu.

Rassulullah s.a.w. telah memperuntokkan peratoran tertentu mengenai barisan saf ma'amum waktu bersembahyang jemaah dengan chara membetulkan barisan saf itu sabda Baginda yang bermaksud:

"Hendak-lah betulkan barisan saf2 kamu atau demi sasunggoh-nya Allah akan menyelisahkan muka2 kamu".

Tujuan hadith ini, jika manusia chuai dengan barisan saf2 dalam sembahyang jadi tiada betul ada-lah berdosa maka di-balas oleh Allah di-dalam dunia kapada mereka itu tiada dapat bertentangan muka dengan arti kata terjadi perbantahan antara satu dengan lain, mereka tiada mahu berhadapan kerana hati mereka berseliseh dan fahaman mereka berlainan.

Bukan tiada ada sa-tengah2 mesjid di-negeri ini jemaah-nya kurang memerhatikan kepentingan membetulkan barisan saf ini. Satengah-nya ada kita dapati barisan saf2 itu di-dalam keadaan bingkang-bengkok, terlalu rapat atau terlalu ranggang atau tiada chukop barisan hadapan dan sa-umpama-nya yang mana barisan2 saf demikian tidak memenohi kehendak2 ugama yang sa-benar-nya. Kerana itu kita sendiri dapat merasakan kesan yang mana pada hari ini perhubongan di-antara sa-orang anak dengan bapa atau di-antara saudara dengan saudara atau kaum keluarga sa-makin kendor ikatan-nya, malahan ada sa-tengah-nya sudah terjadi perselisehan2 faham antara satu pehak dengan pehak yang lain. Semua-nya ini ada-lah perkara2 yang memabawa kerugian kapada kita dan masharakat kita, pada hal salah satu di-antara sebab-nya ia-lah kelalaian kita pada membetulkan barisan saf sembahyang.

Kalau-lah demikian penting-nya membetulkan barisan saf sembahyang itu dari segi hukum dan kesan-nya, maka jangan-lah kita menchuai2kan peratoran2 ini, tiap2 ma'amum hendak-lah bekerja-sama membetulkan barisan saf, tiada dengan chara bingkang-bengkok, tiada terlalu rapat dan tiada terlalu ranggang dan di-mana barisan saf yang ada chelah-nya hendak-lah di-masoki oleh ma'amum yang di-belakang. Dengan demikian mudah2an kita semua akan dapat menyempurnakan sembahyang dengan sa-baik2-nya dan akan terjauh-nya kita daripada perkara yang menyebabkan kita berseliseh faham antara satu dengan lain.

Wakil2 Temburong Dua di-pileh

SUNGAI BESAR. — Sa-ramai 24 orang murid lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Ugama di-Bahagian Temburong Dua telah mengambil bahagian dalam peraduan Sharahan Ugama dan membacha Quran di-Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin di-Kampong Sungai Besar pada minggu lalu.

Peraduan itu di-adakan untok memileh wakil2 Bahagian Temburong Dua ka-Peraduan Perengkat Daerah yang akan di-adakan tidak lama lagi.

Keputusan peraduan ada-lah seperti berikut. Aliuddin bin Metarsad telah mendapat tempat pertama dalam peraduan membacha Quran bahagian lelaki; kedua Mat Roslan bin Mohammad Daud dan ketiga Abdul Latif bin Yahya.

Bahagian perempuan kumpulan 'A' telah di-menangi oleh Dayang Noraini binte Mohammad Said dan kedua Dayang Maisalamah binte Ahmad.

Sementara Bahagian Perempuan Kumpulan 'B' pula telah di-menangi oleh Dayangku Halipah bte. Pengiran Kamaluddin, kedua Dayang Safuah binte Omar dan ketiga Dayang Norasiah bte Hussein.

Dalam peraduan sharahan bahagian lelaki, tempat pertama telah di-menangi oleh Suhaili bin Kula, kedua Abdullah bin Tuah dan ketiga Ramli bin Ismail.

Sekolah Melayu Dato Gandi mendapat hadiah bagi sekolah terbaik dalam peraduan membacha Quran sementara Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin mendapat hadiah bagi sekolah terbaik dalam peraduan sharahan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Nazir Kanan Sekolah2 Ugama, Awang Mahalee bin Haji Abdullah.



NAZIR Negara Sekolah2, Awang Mohamed Suni bin Haji Idris telah merasmikan upachara penutop kursus bahasa Inggeris, di-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas baru2 ini.

Kursus itu yang di-adakan salama 12 hari itu telah di-hadhiri oleh 21 orang guru termasok 8 guru wanita dari sekolah2 Melayu di-Daerah Brunei-Muara. (gambar atas)

Kursus tersebut telah di-adakan di-bawah pengawasan Awang M.T. Williamson dan di-bantu oleh lima orang pegawai2 bimbangan.

Kursus itu di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran untok melateh guru2 Melayu chara menganjar bahasa Inggeris di sekolah2 rendah Melayu di-negeri ini.

Awang Mohamed Suni telah juga menyampaikan sijil2 kapada guru2 yang menghadhiri kursus tersebut.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4hb. April, 1973 hingga ka-hari Selasa 10hb. April, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
4hb. April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18
5hb. April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18
6hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
7hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
8hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
9hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
10hb. April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(4hb. April, 1973)

BERDAILOG DGN. RAAYAT

PEMANGKU Menteri Besar dan Pemangku Setia Usaha Kerajaan akan berdailog atau bertukar2 fikiran dengan raayat berhubong dengan ranchangan kemajuan negara yang baru.

Ini ada-lah salah satu kegiatan mereka bagi usaha2 menyediakan ranchangan bagi kemajuan negeri ini yang telah di-lancharkan gerakan-nya oleh Pemangku Menteri Besar pada 27hb. Mach yang lalu. Sa-lain dari itu, usaha2 mereka untok berdailog dengan raayat itu ada-lah juga bertujuan untok lebeh merapatkan lagi hubongan raayat dengan Kerajaan dan Kerajaan dengan raayat. Bagi mengambil berkat, maka majlis itu akan di-adakan sa-lepas sembahyang fardhu Jumaat dari satu masa ka-satu masa dan dari satu mesjid ka-satu mesjid. Chara ini merupakan satu penjelajahan bagi mendapatkan suatu hasil yang benar2 meyakinkan bagi menjayakan penyusunan ranchangan kemajuan itu. Sa-lain dari itu ia-nya juga merupakan satu pertolakan yang lebeh jauh terhadap penyertaan fikiran2 raayat bagi membangun negeri ini. Dari sudut ini saja ada-lah tidak dapat di-nafikan bahawa hak raayat tetap di-hormati dan benar2 di-hargakan. Dari sudut memperjuangkan nasib raayat dan kebahagiaan masa depan raayat, maka inti-sari dari tujuan penyusunan ranchangan itu ternyata mempunyai nilai yang bagitu berharga. Ini juga merupakan satu kenyataan yang patut menjadi pegangan utama di-kalangan raayat sendiri bahawa Kerajaan D.Y.M.M. ada-lah menunjokkan dengan bokti2 yang kuat untok mengekal dan menambahkan lagi jaminan2 untok masa depan raayat seluroh-nya.

Kalau tidak lama dulu, raayat hanya di-undang untok sama2 memikirkan hal-ehwal kebajikan n e g e r i, tetapi perengkat yang akhir ini, nampak-nya Kerajaan tidak lagi bersifat menunggu sumbangan raayat itu, tetapi sebalek-nya Kerajaan mengorak satu langkah serious untok mengunjar dan memutik fikiran2 raayat itu dengan chara yang terbuka. Menunggu tiba-nya sumbangan2 fikiran raayat itu dari dalam bilik2 yang berhawa dingin bukan-lah sifat2 yang di-kehendaki untok membangun lebeh chepat dan berjaya. Dan, nampak-nya "membangun dari dalam bilik yang berhawa dingin itu" ada-lah tidak di-perchayai. tetapi membangun yang di-fikirkan chukup praktis ia-lah pelancharan gerakan2 di-dalam dan di-luar bilik yang berhawa dingin. Menggali rahasia pembangunan itu dari luar yang di-simbahi hujan dan mentari terik dan memproses pembangunan itu dari dalam bilik yang berhawa dingin yang dapat menimbulkan chiri2 pemikiran yang tenang.

Kerana itu, siapa2 yang berminat dan mempunyai semangat untok membangun negeri kita ini, maka ini-lah masa-nya bagi mereka meluahkan fikiran2 mereka itu.

MASA

SEJAK kebelakangan ini bilangan kenderaan menggunakan jalan raya semakin bertambah dan ini sudah tentu-nya mengusutkan lagi lalu lintas di-jalan raya. Pertambahan ini berlaku boleh jadi di-sebabkan oleh bertambah-nya bilangan kenderaan yang di-bawa masok ka-negeri ini, kemudahan2 membeli kenderaan dan tidak kurang juga bertambah-nya bilangan orang ramai yang berjaya dalam ujian memandu kenderaan.

Tidak dapat di-nafikan bertambah-nya kenderaan memang membawa kebaikan dan keburokan. Satu perkara yang jelas ia-lah kemudahan pengangkutan untok bergerak dari satu tempat ka-satu tempat yang lain. Ini berarti perhubongan akan bertambah lebeh dekat dan chepat. Di-samping itu bertambah-nya kenderaan akan mengotorkan udara dan alam keliling, menimbulkan kesebokan jalan raya dan lebeh2 lagi kemalangan jalan raya yang kian menjadi2 dan juga lain2 kesalahan2 lalu lintas. Perkara ini telah menjadi satu masaalah rumit yang di-hadapi oleh pehak2 yang berkenaan terutama sekali pehak pulis.

Hitong panjang jumlah kemalangan jalan raya dari tahun 1967 sahingga 1972 beriumlah 5,045, 3,513 berlaku di-Daerah Brunei dan Muara dan 1,532 pula berlaku di-Daerah Belait.

JADUAL I

*Jumlah Kemalangan 1967 — 1972.**

Daerah Brunei	3,513
Daerah Belait	1,532
Jumlah	5,045

JADUAL II

*Jumlah Kemalangan 1967 — 1972.**

	1967	*1968*	*1969*	*1970*	*1971*	*1972*	*Jumlah*
Daerah Brunei	327	473	637	802	678	596	3,513
Daerah Belait	182	179	228	279	311	353	1,532
	509	652	865	1081	989	949	5,045



Yang Amat Mulia Peng Pu Negara Pengiran Omar ng Datu Penghulu Pengiran Ap — mewakili Pesurohjaya k.

Kerajaan telah membina t2 jalan kaki (footpath) di-ar wasan bandaran. Tempat erj kaki ini hendak-lah di-an tok keselamatan dan elak kemalangan. ▶

SUSUNAN: AWANG ALIDIN OTHMAN

Berdasarkan perangkaan2 yang terdapat dalam Jadual I dan II nyata-lah bahawa kemalangan banyak berlaku di-Daerah Brunei dan Muara.

Ini memang tidak menghairankan kerana kereta2 lebeh banyak terdapat di-Daerah Brunei dan Muara dan sudah tentu keadaan lalu lintas lebeh sebok. Bagaimana pun jumlah ini telah berkurangan dalam tahun2 1971 dan 1972. In mungkin kerana timbul-nya kesedaran di-kalangan orang ramai dan juga kempen2 keselamatan yang lebeh di-jalankan oleh pehak pulis.

Bagi Daerah Brunei-Muara tahun 1970 merupakan tahun yang paling burok di-mana jumlah kemalangan meningkat ka-angka 802 dan angka ini telah merosot kapada 678 dalam tahun 1971 dan 596 dalam tahun 1972. Bagaimana pun di-Daerah Belait keadaan-nya ada-lah berlawanan. Jumlah kemalangan jelas sekali semakin bertambah pada tiap2 tahun dan paling tinggi dalam tahun 1972 di-mana angka kemalangan jalan raya meningkat sa-hingga 353.


Walau pun jumlah kemalangan pada am-nya telah berkurangan (agak menyenangkan sedikit) dalam tahun2 1971 dan 1972, kita harus juga merenong sa-jenak tentang jumlah kemalangan yang mengakibatkan kematian. Melihat kapada perangkaan yang di-berikan nyata-lah perkara ini sunggoh tidak menyenangkan. Jumlah orang yang terkorban dalam kemalangan jalan raya semakin bertambah sa-tiap tahun. Di-Daerah Brunei-Muara dalam tahun 1967 hanya 9 orang sahaja yang terkorban manakala di-Daerah Belait pula hanya 7 orang sahaja yang terkorban. Akan tetapi dalam tahun 1972 sa-ramai 24 orang telah terkorban di-Daerah Brunei-Muara dan 10 orang pula di-Daerah Belait. Jumlah orang2 yang terkorban dalam kemalangan jalan raya di-Daerah Brunei semakin meningkat pada tiap2 tahun. (Lihat Jadual III).

Memandang kapada angka2 yang telah di-beri di-atas satu soalan mungkin timbul, apakah faktor2 yang menyebabkan berlaku-nya kemalangan2 jalan raya? Banyak sebab2 yang boleh di-utarakan. Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar telah memberikan beberapa faktor yang menyebabkan kemalangan jalan raya — mengikut pendapat pehak pulis. Yang Amat Mulia

*JADUAL III**

Jumlah Kemalangan Yang Mengakibatkan Kematian.

	1967	*1968*	*1969*	*1970*	*1971*	*1972*	*Jumlah*
Daerah Brunei	9	12	10	12	16	24	83
Daerah Belait	7	7	3	10	10	10	47
JUMLAH	16	19	13	33	36	34	130




Pulis lalu lintas selalu kelihatan menjalankan tugas mereka di-simpang2 terutama sekali di-sebelah pagi, tengah hari dan petang.

...LAH KESELAMATAN JALAN RAYA

(BAHAGIAN PERTAMA)

itu menerangkan, faktor utama yang menyebabkan berlaku-nya kemalangan jalan raya ia-lah kechekapan pemandu2 di-Brunei pada masa ini ada-lah rendah. Ini mungkin juga kera-na banyak pemandu2 muda yang kurang berpengalaman. Tidak kurang juga pemandu2 muda yang berlagak ketika me-mandu tanpa menghiraukan keselamatan diri mereka dan juga orang ramai. Kelakuan saperti ini ada-lah merbahaya kerana mudah membawa ke-malangan dan mungkin pula kematian.

Sa-lain dari sebab2 di-atas, kemalangan jalan raya juga berlaku mungkin berkaitan de-ngan kemudahan2 untok mem-beli kereta, harga minyak le-sen kereta dan lesen memandu yang murah dan bilangan kere-ta yang di-bawa masok dengan harga yang murah. Tempat berjalan kaki (footpath) juga tidak menchukopi di-jalan2 besar yang sebok. Kalau pun



ada hanya terdapat dalam ling-kongan bandar sahaja. Ka-dang2 orang2 yang berjalan tidak mengindahkan tempat berberjalan kaki ini, mereka lebeh suka berjalan di-jalan2 raya.

Yang Amat Mulia sa-terus-nya mengatakan kesalahan2 biasa yang menyebabkan ber-laku-nya kemalangan terma-sok-lah tabiat suka memandu deras di-tempat2 yang di-had-kan dan di-tempat2 yang sem-pit dan sebok. Ada pula pe-mandu2 yang suka "memo-tong" tatkala kereta lain ada di-hadapan menyebabkan su-kar untok mendapat ruangan yang chukop untok mengelak-kan pelanggaran. Sa-tengah2 pemandu pula pantang "di-po-tong", ia akan memandu kere-ta-nya dengan lebeh deras lagi atau memotong sa-mula, men-jadikan jalan raya saperti ge-langgang perlumbaan, masing2 mau menunjokkan kehandalan dan keberanian memandu.

Di-simpang2 jalan selalu ter-dapat isharat2 lalu lintas. Peng-guna2 jalan raya kadang2 tidak mengindahkan isharat2 ini. Ada juga pemandu2 yang gagal mem-berikan isharat yang sempurna dan ada pula memberi isharat dengan serta merta ketika hen-dak berhenti atau berbelok. Ini boleh menyebabkan kema-langan jika kurang awas. Ter-dapat juga pemandu2 yang ti-dak memberhentikan lampu2 isharat-nya sa-lepas berbelok dan menimbulkan kekeliruan kapada pemandu2 yang lain.

Sa-tengah2 pemandu suka mengikuti sa-sebuah kenderaan dari belakang dengan jarak yang terlalu dekat. Pelanggaran dengan mudah sahaja akan berlaku sekira-nya kenderaan yang di-hadapan berhenti de-ngan serta merta. Keadaan akan bertambah burok lagi jika kenderaan yang mengikuti ti-dak mempunyai sistem brek yang baik dan kalau pun ken-deraan itu mempunyai sistem brek-nya yang baik, kemalang-an sukar di-elakkan.

Sa-sebuah kenderaan mesti-lah mempunyai kelengkapan yang chukop saperti lampu, brek dan tayar yang baik untok membolehkan-nya selamat di-gunakan di-jalan raya. Di-wak-tu malam terdapat pemandu2 yang menggunakan lampu de-ngan tidak mengikut peratoran. Mereka gemar menggunakan lampu "tinggi" (high light) dan kadang2 "tinggi" sa-belah sa-haja. Penggunaan lampu sa-perti ini boleh mengganggu penglihatan pemandu2 dan pengguna2 jalan raya yang lain yang datang dari hadapan. Pe-mandu sa-patut-nya menggunakan kebijaksanaan mereka apa-bila menggunakan lampu2 "tinggi". Ada-lah nyata tidak sesuai menggunakan lampu2 "tinggi" jika ada kereta meng-hala dari hadapan atau di-tem-pat2 yang terang.



Jembatan menyeberangi jalan ini telah di-bina oleh kerajaan untok memudahkan kanak2 sekolah dan juga orang ramai menyeberangi jalan2 raya dengan selamat. Orang ramai sapatut-nya hendak-lah menggunakan jembatan ini untok keselamatan mereka.

Kalau kita memerhatikan roda atau tayar sa-tengah2 ken-deraan, kita mungkin tersua dengan roda atau tayar yang tidak mempunyai "tread" atau kadang2 di-sebut "tayar atau roda tidak berbunga". Tayar atau roda saperti ini tidak se-suai lagi di-gunakan kerana mungkin tidak dapat memberi-kan sistem brek yang berkesan.

Orang2 yang berjalan kaki juga harus-lah sentiasa berwas-pada sa-masa menggunakan jalan raya terutama sekali apa-bila hendak menyeberang. Me-reka tidak boleh sa-mata2 ber-harap kapada pemandu2 untok mengawasi keselamatan diri mereka. Orang2 yang berjalan kaki kadang2 mengamalkan sikap tidak indahkan kendera-an yang sedang berjalan kerana mereka menganggap pemandu2 tidak akan melanggar mereka. Tetapi harus di-ingat malang tidak berbau, mereka mungkin terlanggar tanpa di-senghaja-kan oleh pemandu, boleh jadi di-sebabkan tidak sempat menggunakan brek atau pe-mandu-nya berada dalam ke-adaan kelamkabut dan tidak dapat mengawal kenderaan-nya, dalam pada itu, pemandu2 juga mesti-lah berhati2 tatkala me-mandu dan apabila ternampak orang berjalan kaki sedang me-nyeberang mereka hendak-lah memandu dengan perlahan su-paya memberi peluang kapada orang2 berjalan kaki menye-berang dengan selamat.

Ibu bapa dan penjaga kanak2 harus-lah mengawasi anak2 kechil daripada ber-main2 atau berlari2 di-tepi2 jalan raya kerana ini boleh membahayakan keselamatan diri mereka. Bagitu juga tuan2 punya binatang2 ternakan sa-perti kerbau, lembu, kambing dan lain2 hendak-lah mengawal binatang2 mereka daripada berkeliaran di-jalan2 raya. Kita selalu mendapati binatang2 ini berkeliaran dan ini boleh meng-ancham keselamatan orang ra-mai terutama sekali di-waktu malam.

Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar juga menerangkan, satu sebab penting yang menyebabkan ke-malangan ia-lah pada masa ini belum ada sa-buah badan suka-rela saperti Majlis Keselamatan Jalan Raya untok membantu pehak pulis mengurangkan ke-malangan. Jika badan saperti ini di-tubohkan ia boleh mem-berikan khidmat dengan meng-adakan kempen2 keselamatan jalan raya. Umpama-nya me-nerbitkan risalah2, poster2, membuat filem keselamatan ja-lan raya, menchipta lagu2 yang berthemakan keselamatan jalan raya serta mengeluar hadiah2 atau lenchana2 kapada peng-guna2 jalan raya yang chermat dan mengikuti peratoran lalu lintas.

(Bersambong)



Kanak2 sekolah menyeberangi sa-batang jalan raya ketika balek dari sekolah. Dalam keadaan bagini pemandu2 hendak-lah ber-hati2 dan pandu-lah dengan per-lahan2.

** Jadual2 I, II dan III dengan ikhsan Pasokan Pulis Diraja Brunei.*





Yusof Ismail, peninju Brunei dalam bahagian Light Middle Weight yang baru menerima oskar kemenangan-nya dari T.Y.T. Yang Di-Pertua Negara Tun Pengiran Haji Ahmad Rafaie. Yusof Ismail telah mengalahkan Abdul Said dari Sabah dengan pukolan K.O. dalam pusingan kedua (atas).
Tun Pengiran Haji Ahmad Rafaie ketika berkenalan2 dengan pegawai2 Persatuan Tinju Negeri Brunei. Gambar kiri menunjokkan beliau sedang berjabat salam dengan Awang Haji Mohammad bin Haji Tudin yang juga salah sa-orang pengadil dalam perlawanan tiga wilayah itu.



Menteri Kerajaan Tempatan Sabah, Inche Salleh Sulong telah merasmikan perlawanan tinju tiga wilayah itu. Gambar atas ketika peninju2 Brunei di-perkenalkan kapada beliau.



Tasim Bustani, peninju Brunei dalam bahagian Light Weight di-ishtiarkan menang oleh pengadil Sgt. Norshah bin Abdullah, juga dari Brunei sa-telah beliau berjaya mengalahkan William Goh dengan pukolan K.O. dalam pusingan kedua.

BRUNEI telah gagal untok mempertahankan kejohanannya dalam perlawanan tinju tiga wilayah yang telah di-adakan di-Kota Kinabalu pada 17hb. dan 18hb. Mach yang lalu.

Brunei yang telah menjadi juara sa-lama empat tahun berturut2 telah kalah di-tangan Sabah yang mendapat tujoh mata, manakala Brunei hanya mendapat empat mata.

Pada tahun ini hanya Brunei dan Sabah saja yang bertanding, sementara Sarawak telah tidak menyertai perlawanan itu.

Perlawanan itu telah di rasmikan oleh Menteri Kerajaan Tempatan, Sabah, Inche Salleh Sulong, sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Tuan Yang Terutama, Yang Di-Pertua Negara, Tun Pengiran Haji Ahmad Rafaie.

$20,000.00 hasil dari jamuan makan jutaan $

KUALA BELAIT. — Pengerusi jawatankuasa derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah menerima sa-keping chek bernilai $20,000.00 dari Pengerusi Jawatankuasa Rendah Bahagian Sosial, Awang Chua Kong Soo, di-majlis jamuan makan jutaan ringgit di-bangunan Persatuan Kejuruteraan China, Seria pada malam Ahad minggu lalu.

Wang tersebut di-kutip dari majlis tersebut yang di-anjorkan khas oleh badan jawatankuasa derma Tabong Pembinaan Stadium daerah itu, melalui jawatankuasa rendah bahagian sosial.

Mailis jamuan makan jutaan ringgit itu di-hadhiri oleh 250 orang yang masing2 membayar $100.00 sa-bagai derma.

Jumlah wang sa-banyak $20,000.00 itu ada-lah yang kedua terbanyak pernah di-terima oleh Tabong Pembinaan Stadium.

Derma terbesar sa-banyak $50,000.00 di-dermakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara dalam uchapan singkat-nya telah menguchapkan terima kaseh kapada mereka yang menjayakan majlis tersebut. Beliau bersabda, keikhlasan mereka menghadhiri majlis jamuan makan tersebut dan membantunya dengan wang ada-lah menunjokkan yang mereka sedia melaksanakan tanggongjawap untok meniunjong titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei. Beliau mensifatkan sambutan itu sa-bagai amat menggalakkan.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar melahirkan harapan supaya mereka akan terus memberikan bantuan dalam usaha untok memenohi tujuan pembinaan stadium kerana memperingati lawatan D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Kursus Sharikat Kerjasama

BANDAR SER IBEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Masharakat Brunei akan menganjorkan satu kursus Sharikat Kerajasama untok ahli2 persatuan belia dan kebajikan di-negeri ini.

Kursus tersebut akan di-adakan sa-lama lima hari ia-itu mulai dari 27hb. Mei hingga 31hb. Mei bertempat di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Ini ada-lah pertama kali-nya kursus sa-umpama itu pernah di-adakan di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kebajikan Masharakat menyatakan bahawa tiap2 persatuan boleh-lah menghantar sa-orang ahli rasmi dan dua orang ahli sa-bagai pemerhati.

Nama2 peserta yang akan menyertai kursus tersebut hendaklah di-daftarkan di-Pejabat Kebajikan Masharakat, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari 7hb. April ini.

Peraduan Trengkas dan Menaip anjoran Jabatan Pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan menganjorkan peraduan Trengkas, Menaip, Steno dan Seni Gregg pada 2hb. Jun hadapan di-Bandar Seri Begawan.

Pengerusi Jawatankuasa Peraduan itu, Awang Abdul Hamid bin Othman menerangkan bahawa peraduan itu terbuka kapada semua penuntut2 trengkas dan menaip dari perangkat rendah, menengah dan tertinggi aliran Melayu dan Inggeris di-semua kelas2 dewasa di-negeri ini.

Beliau juga menyeru kapada semua guru2 trengkas dan menaip supaya membuat persediaan2 yang perlu dari sekarang untok menggalakkan kapada semua penuntut2 mereka bagi menyertai peraduan itu.

Nasehat Pegawai Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Perubatan bagi kesihatan Brunei, Dr. Awang Haji Johar bin Haji Noordin telah menasehatkan orang ramai supaya memasak ayer jika ia-nya di-perolehi dari sumber2 yang di-ragukan, dan jika boleh di-tapis sa-belum di-gunakan untok di-minum.

Dr. Awang Haji Johar berkata, Jabatan Kesihatan menyedari tentang kekurangan ayer di-Brunei yang di-sebabkan oleh ketiadaan hujan dan oleh di-sebabkan kekurangan bekalan ayer itu, ia-nya di-perolehi dari mana2 jua sumber yang boleh di-dapati.

Meminum ayer yang kotor dan berkuman boleh mendatangkan berbagai penyakit saperti sakit perut, buang2 ayer besar, demam kepialu dan taun.

Jabatan Kesihatan juga menyedari bahawa Brunei mempunyai tangga yang di-serang oleh taun sa-lama enam bulan. Penyakit tersebut ada-lah di-sebabkan oleh ayer kotor dan berkuman dan memakan makanan yang berkuman.

Barang2 makanan hendak-lah selalu-nya di-tutop dari di-hinggapi oleh lalat, sementara sampah sarap hendak-lah di-tanam atau di-bakar bagi menjauhan lalat membiak.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Latehan Perguruan Ugama Kursus 'A' 1973–1975

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti Kursus 'A' di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan hanya orang2 yang mempunyai sharat2 kelayakan di-bawah ini di-pertimbangkan:–

1. *Kelayakan:*
   a) Hendak-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang Berugama Islam, manakala yang bukan warga negara Brunei boleh juga memohon terta'alok kapada pertimbangan2 khas.
   b) Hendak-lah belum berkahwin dan berumor di-antara 18 hingga 21 tahun.
   c) Sa-kurang2-nya mempunyi Sijil Pelajaran Malaysia atau sa-banding dengan-nya dengan sharat lulus dalam pengetahuan Ugama Islam atau mempunyi Sijil 'Am Pelajaran dengan sharat mendapat kelulusan dalam 4 mata pelajaran dalam peringkat 'O' dan salah satu daripada - nya Pengetahuan Ugama Islam.
   d) Hendak-lah pandai membacha Al-Quran.
2. *Sharat2:*
   a) Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temu duga (Ia-itu ujian tulisan dalam pelajaran ugama).
   b) Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu lulus dalam pemereksaan Doktor.
   c) Pemohon2 yang berjaya akan di-beri tempat tinggal di-asrama termasok makan minum dalam penggal2 persekolahan.
   d) Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei memenohi sharat2 berikut:
      i. Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan.
      ii. Mereka atau penjamin mereka di-kehendaki membayar balek dengan sapenoh-nya kapada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa di-dalam latehan.
      iii. Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei salama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.
   e) Pemohon2 yang berjaya akan mengikuti Kursus sa-lama 3 tahun.
3. *Alaun dan Gaji:*
   a) Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima masok akan menerima alaun saperti di-bawah:–
      Bagi Tahun Pertama dan Kedua $210.00 sa-bulan.
      Bagi Tahun Ketiga $225.00 sa-bulan.
   b) Semua penuntut2 yang berjaya dalam latehan tiga tahun ini akan di-masokkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 yang lain yang mempunyi kelulusan yang sajar.

Borang Permohonan:

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong, pada bila2 masa pejabat di-buka dan di-kembalikan kapada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada 15hb. April, 1973.

SA–BAGAI MERINYU KESIHATAN PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Merinyu Kesihatan Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah sudah menchapai umor 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun, dan mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

Mereka mesti-lah telah lulus pepereksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan satu mata-pelajaran Sains atau Sains 'Am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang terpileh akan di-lantek dalam perchubaan sa-lama 3 tahun dan dalam tempoh itu mereka hendak-lah mendapatkan Sijil The Royal Society of Health. Chalun2 akan di-hantar berlateh di-Singapura di-atas perbelanjaan Kerajaan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Peiabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 9hb. April, 1973.

SA–BAGAI PENOLONG PEGAWAI BALAI

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Penolong Pegawai Balai di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

a) Umor — di-antara 18 hingga 26 tahun.

b) Tinggi — sekurang2-nya 5'4".

c) Dada — sekurang2-nya 34" bila di-kempiskan.

d) Lulus Form III atau sa-banding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

Kesihatan:

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sehat dan di-kehendaki lulus ujian kekuatan saperti yang di-kendaki dalam Pasokan Bomba.

Latehan:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah melayakan diri untok Kelas Latehan Pegawai2 yang akan di-adakan di-dalam negeri dan mungkin di-kehendaki menjalani latehan di-seberang laut.

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantek akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji P. 3 — $310 x5-320x10-340. Sa-kira-nya sa-seorang chalun yang berjaya itu ia-lah pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaji permulaan-nya akan di-pertimbangkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada Pengawal Pasokan Bomba, Brunei tidak lewat dari 21hb. April, 1973.

Sa–bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah dengan tidak ada rekod kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untok menjalankan tugas2 saperti yang di-torkan oleh Pengarah Pelajaran atau wakil-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 — $220 x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 26hb. April, 1973.

Sa–bagai Juru Taip

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Juru Taip di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sa-banding dengan-nya.

(b) Mempunyai kebolehan menaip dengan kechepatan 40 p.s.m. Keutaman akan di-beri kapada pemohon2 yang juga mempunyai kemahiran menchatet trengkas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 9hb. April, 1973.

Sa–bagai Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Tukang Masak di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumor di-antara 20 hingga 45 tahun dan berpengalaman memasak di-Mes/Kantin atau di-kedai2 makan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 — $220 x5-240.

Menjalankan Tugas:

Chalun2 yang berjaya apabila di-lantek akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam negeri.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 23hb. April, 1973.

Sa–bagai Pemerhati Kajichuacha

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pemerhati Kajichuacha di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau pepereksaan yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang berkelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut. Hanya mereka yang berumor di-antara 18 dan 25 tahun di-kehendaki memohon.

Tempoh Perchubaan:

Chalun yang berjaya akan di-lantek dalam perchubaan selama 3 tahun. Sebelum menamatkan masa perchubaan ini, dia hendak-lah lulus pepereksaan rendah Kajichuacha.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 12hb. April, 1973.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

BERGANGSOR FIKIRAN

(Dari muka 1)

san2 pendalaman, di-kampong2, di-bandar2 dan sektor2 prioet saperti kaum2 perniagaan supaya menghadapkan pandangan2 mereka, bergangsor fikiran dan bertukar pendapat dengan ahli2 jawatankuasa itu dengan tujuan untok menchapai satu matalamat atau keputusan yang boleh membawa kebajikan bagi negeri ini yang sesuai dan munasabah di-jadikan sa-bahagian dari Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang baru.

Beliau juga menyatakan bahawa jawatankuasa2 yang berjumlah 12 buah itu mempunyai beberapa ramai orang ahli dan tiap2 ahli itu ada-lah di-lantek dari segi pengalaman, kelulusan dan jawatan2 yang mereka pegang dalam Jabatan2 Kerajaan.

Tiap2 ahli jawatankuasa atau jawatankuasa2 itu akan menjalankan usana2-nya pada mendapatkan pandangan orang ramai atau sektor2 perniagaan dan sa-umpama-nya supaya apabila mereka telah sampai kapada peringkat menyusun chadangan2, jawatankuasa masing2 akan dapat mempertimbangkan pengalaman2 yang telah mereka lalui atau buah2 fikiran yang telah di-hadapkan kapada mereka dari masa ka-satu masa.

Kata-nya, ada-lah di-niatkan tiap2 ahli jawatankuasa itu akan memahami maksud tujuan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang telah di-titahkan dan akan menghuraikan kapada orang ramai dari satu masa ka-satu masa terhadap maksud2 yang di-sebutkan itu.

Berchakap mengenai Ranchangan Kemajuan Lima tahun itu, Pmk. Setiausaha Kerajaan sa-terus-nya menerangkan bahawa Jawatankuasa2 Kechil atau kumpulan2 kerja yang telah di-bentok itu hendak-lah di-anggap sa-bagai perantaraan2 terutama di-antara Kerajaan dan sektor persendirian dan juga orang ramai.

Menyentoh mengenai Majlis yang di-adakan khusus untok mengutip derma Tabong pembinaan Stadium beliau menekankan bahawa majlis itu bertujuan semata2 menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi mengutip derma untok Tabong Pembinaan Stadium pada memperingati keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen ka-Brunei.

Yang Berhormat itu perchaya bahawa tenaga2 yang di-salorkan saperti itu ada-lah satu2-nya memberi faedah dan munafaat kapada bangsa dan tanah ayer kita Brunei Darussalam.

Beliau berharap dan berseru terutama sekali kapada pehak2 belia dari seluroh tanah ayer supaya semangat bekerja bergotong royong atau memuchang2 sa-chara sukarela itu akan terus di-tanamkan pada semangat kita kerana pendirian saperti itu sangat2 di-perlukan dalam kita untok membangun sa-buah masharakat Brunei Darussalam sa-bagaimana yang pernah di-titahkan berthabit dengan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang baru itu.

JAWATANKUASA UNTOK MENGENDALIKAN RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu jawatankuasa perancangan bagi mengendalikan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru telah pun di-bentok untok menyelaraskan projek tersebut supaya berjalan dengan lichin, terator dan dainamik.

Jawatankuasa itu telah di-pengerusikan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Ahli2 jawatankuasa perancangan itu ia-lah Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan; Y.B. Pegawai Kewangan Negara; Yang Berhormat Penasehat Ugama; Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar; Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish, Yang Mulia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Mohamed Taib, Yang Mulia Awang Selamat bin Munap, dan Yang Mulia Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, selaku Setiausaha jawatankuasa tersebut.

Di-antara tugas2 jawatankuasa itu ia-lah mempertimbangkan, menyediakan dan mengadakan satu ranchangan pembangunan negara yang sesuai bagi negeri ini dan menurut saperti yang telah di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok di-hadapkan kapada dan pertimbangan Majlis Mashuarat Menteri2.

Menyokong dasar, langkah2 dan alat2 pentadbiran yang perlu untok perlaksanaan ranchangan itu yang berkesan bagi pertimbangan Majlis Mashuarat Menteri2.

Meminta daripada sebarang pegawai kerajaan, atau sa-seorang di-luar perkhidmatan kerajaan dengan persetujuan-nya atau saperti yang di-kehendaki oleh peratoran Undang2, sebarang data, bahan2, dan maklumat yang bernilai dan berguna bagi faedah2 peranchangan.

Meminta sebarang pegawai kerajaan, atau sa-seorangan di-luar perkhidmatan kerajaan dengan persetujuan-nya atau pun saperti yang di-kehendaki oleh peratoran Undang2, menghadhiri dan menyertai sebarang mashuarat2, perbinchangan2 dan perundingan2 jawatan kuasa.

Dan pada melaksanakan tugas2 dan tanggong-jawab2-nya, jawatankuasa itu juga boleh mengambil langkah2 lain yang perlu bagi faedah2 meranchang.

Sa-lain dari itu, Jawatankuasa Peranchangan itu juga mempunyai sa-banyak dua-belas jawatankuasa kechil yang mengandongi Pengerusi, Setiausaha dan beberapa orang ahli yang akan membuat shor2, chadangan2 dan ranchangan untok di-kemukakan kapada Jawatankuasa Peranchangan bagi di-pertimbangan.

Jawatankuasa kechil itu ia-lah mengenai perniagaan dan perusahaan yang akan menyediakan dan mengadakan program2 pembangunan perindastrian dan perniagaan.

Jawatankuasa kechil ugama dan adat istiadat akan menyediakan dan mengadakan program2 bagi perkembangan Ugama (Islam) sabagai chara hidup yang lengkap serta menyusun dan meranchang chara dan chorak pemberigaan Adat Istiadat Negara dengan tujuan untok mensaisikan masharakat Brunei Darus Salam dengan Adat Istiadat Negara yang telah di-turun-temurunkan.

Jawatankuasa kechil pertanian, Perikanan dan Kehutanan, akan menyediakan dan mengadakan program2 pembangunan bagi pertanian, perikanan dan kehutanan.

Jawatankuasa kechil belia2 dan kebudayaan akan menyediakan dan mengadakan program2 pembangunan belia2 dan perkembangan kebudayaan raayat.

Jawatankuasa kechil pembangunan masharakat akan menyediakan dan mengadakan program2 pembangunan masharakat.

Jawatankuasa kechil perumahan, kesihatan, kebersehan dan bekalan2 ayer akan menyediakan dan mengadakan program2 pembangunan bagi perumahan termasok perpindahan, kesihatan dan bekalan ayer.

Jawatankuasa kechil pengangkutan, tenaga dan perhubongan akan menyediakan dan mengadakan program2 pembangunan pengangkutan, tenaga dan perhubongan2.

Jawatankuasa kechil dasar2 kewangan dan chukai akan membuat kajian ka-atas dasar2 kewangan dan chukai yang ada untok membuat sokongan2 bagi mengadakan dasar2 kewangan dan chukai saperti yang perlu untok perlaksanaan ranchangan pembangunan negara yang berkesan.

Jawatankuasa kechil anggaran belanjawan pembangunan akan bertugas atas kerjasama yunit peranchang ekonomi, memereksa dan mempertimbangkan chadangan2 anggaran belanjawan pembangunan tahunan daripada jabatan2 kerajaan dan badan2 berkanun yang berkaitan dan menyokong kapada Jawatankuasa Anggaran Belanjawan chadangan2 anggaran belanjawan atau pun chadangan2 kewangan yang lain yang perlu bagi, dan sesuai dengan perlaksanaan yang berkesan. bagi efisien projek2 dan program2 ranchangan pembangunan negara.

Jawatankuasa kechil pentadbiran akan membuat persediaan mengulangkaji peratoran2 dan susunan2 pentadbiran yang ada dan membuat sokongan2 perubahan pentadbiran yang perlu untok perlaksanaan ranchangan pembangunan negara yang berkesan.

Jawatankuasa kechil tenaga manusia dan latehan akan menyediakan dan mengadakan program2 bagi pembangunan, latehan dan penggunaan tenaga manusia.

Jawatankuasa kechil perkhidmatan2, bandaran, bangunan2 awam dan peranchangan bandar akan menyediakan dan mengadakan program2 bagi perkembangan perkhidmatan2 bandaran, bangunan2 awam dan peranchangan bandar untok di-hadapkan kapada dan pertimbangan jawatankuasa peranchangan.

Sistem pemungahan di-kaji

(Dari muka 1)

Di-dermaga tersebut telah pun siap di-sediakan beberapa kemudahan2 saperti tempat2 pemereksaan kesihatan, Kastam dan Imigeresen serta kerusi2 panjang tempat penumpang2 berehat.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz juga telah meninjau tentang puncha2 yang konon-nya di-jadikan alasan terhadap kenaikan harga barang2 harian di-negeri ini yang di-timbulkan dari segi sewa pengangkutan.

Sa-telah mendapat faktor2 yang meyakinkan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz kurang perchaya terhadap alasan2 yang di-buat dari segi pengangkutan itu, bahkan beliau tetap mensifatkan peniaga2 di-negeri ini "mengambil kesempatan dalam suasana yang ada sekarang".

Beliau menjelaskan bahawa Kerajaan mengadakan rangkaian pelabohan yang besar itu, pada asas-nya ada-lah untok kesenangan raayat.

Oleh yang demikian, kata-nya, ada-lah nyata tidak berpatutan dan tidak munasabah bagi peniaga2 itu mengambil kesempatan tersebut dan tidak dapat membantu bagi memberikan kesenangan untok raayat, sa-balek-nya chuba untok menyusahkan raayat dari segi harga barang2 itu.

Mengenai dengan sistem pemunggahan barang2 di-dermaga itu, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz membayangkan bahawa kemungkinan ada-lah besar bagi mengadakan beberapa perubahan menurut sistem yang lazim di-amalkan oleh pelabohan2 yang lain.

Beliau menyatakan bahawa Kerajaan sedang mengkaji sistem pemunggahan itu dan ada kemungkinan sistem ini di-ambil aleh oleh badan yang berkenaan dalam Kerajaan sa-bagaimana yg. telah dan sedang berjalan di-negara2 lain.

Sistem pemunggahan di-Dermaga Pelabohan Muara itu maseh di-jalankan menurut sistem lama yang di-lakukan di-Dermaga Kastam di-Bandar Seri Begawan.

Dalam lawatan itu beliau sempat melihat kerja2 pemunggahan barang2 dari kapal2 kago yang merapat di-Dermaga Pelabohan Muara itu dan ka-sekitar perumahan termasok pembinaan rangkaian perumahan bagi pegawai2 dan kaki-tangan2 Kerajaan yang bertugas di-pelabohan itu.

(Dari muka 1)

peranchangan bandar sama ada berjumpa atau menulis surat kapada Setia Usaha Jawatankuasa itu, Awang Ibrahim bin Haji Mohammad di-Pejabat Kerja Raya Bandar Seri Begawan.

Sementara itu Jawatankuasa Kechil Perniagaan dan Perusahaan akan bersidang tidak lama lagi. Orang ramai ada-lah di-persilakan mengemukakan shor2 atau chadangan2 mengenai perniagaan dan perusahaan kapada jawatankuasa itu.

Chadangan2 pada perengkat ini boleh di-kemukakan kapada Setia Usaha-nya, Awang Chua Pheng Siong, di-Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Seri Begawan.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 15 RABU 11HB. APRIL, 1973. 1393 رابو 8 ربيع الاول PERCHUMA

Tenaga manusia yang terlateh menarek pelabor2 dlm dan luar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Ag. Selamat b. Munap berkata, bahawa menurut pengalaman sa-bahagian daripada negara2 yang membangun di-rantau Asia dan Timor Jauh durongan yang paling menarek kapada pelabor2 tempatan dan luar negeri bukan-lah pasaran tempatan atau kadar gaji buroh yang murah tetapi yang penting ia-lah daya pengeluaran serta potensel latehan tenaga manusia di-sa-sebuah negara itu.

Awang Selamat bin Munap membuat kenyataan demikian semasa merasmikan sukan tahunan ke-tujoh Sekolah Menengah Melayu SMJA di-padang sekolah tersebut hari Ahad lepas.

Awang Selamat berpendapat badan buroh yang murah tetapi tidak terlateh dan disamping itu pemalas dan tidak berdispilin serta sukar untok di-lateh bukan-lah tenaga manusia yang produktif dan sa-benar-nya ada-lah satu faktor yang burok sekali yang mengancham perkembangan sektor persendirian di-bidang pertanian, perindasterian dan sa-umpama-nya.

Beliau menjelaskan kerana tenaga manusia yang bersifat sademikian tidak akan dapat memberi sumbangan yang chukop kapada produktif sa-sebuah negara dan oleh yang demikian tidak akan menggalakkan pelabor2 tempatan dan luar negeri untok menanam modal di-dalam-nya.

Oleh yang demikian kata-nya, satu ranchangan kemajuan yang berstratejikan perkembangan sektor persendirian akan tumbang disebabkan oleh badan buroh-nya yang tidak dinamik dan produktif yang akhir-nya negara-nya itu juga akan di-timpa oleh kemiskinan dan kemundoran yang akan membawa penderitaan kapada seluroh raayat-nya.

Bagaimana pun oleh kerana Ranchangan Kemajuan Negara

(Lihat Muka 8)



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang membuka tirai batu peringatan perasmian pembukaan Loji Gas Asli Chechair di-Lumut.

SHARIKAT2 YG. BESAR SAPERTI LNG DI-HARAP MEMBERIKAN LATEHAN2 KAPADA RAAYAT

LUMUT. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menyeru sharikat2 perusahaan dan perdagangan yang besar di-negeri ini supaya memberikan sumbangan2 yang berkesan lagi bernilai dalam waktu Negeri Brunei mengator langkah dan melaksanakan ranchangan pembangunan-nya yang baru sekarang ini.

Titah Baginda, sharikat2 yang besar saperti Sharikat Gas Asli Chechair Lumut tentu menyedari akan hasrat Baginda untok melateh raayat terutama di-kalangan belia2 untok memberikan mereka kemahiran dan pengalaman dalam berbagai2 bidang pekerjaan.

Baginda yakin bahawa langkah ini akan membolehkan raayat Baginda tampil memikul beban2 pembangunan negara yang di-minati dan sa-terus-nya berkemahuan serta berkesanggupan untok memberikan sumbangan yang positif lagi giat.

Bertitah ketika merasmikan pembukaan Loji Gas Asli Chechair Lumut pada hari Rabu lepas, Baginda berharap akan ramai lagi pekerja2 tempatan di-ambil berkhidmat disemua perengkat pekerjaan dalam sharikat2 yang besar saperti LNG itu dan memberikan latehan2 yang perlu untok membolehkan mereka menjadi pekerja2 yang berkemahiran.

Ini juga akan membolehkan raayat Baginda berganding bahu untok membantu sa-chara berkesan terhadap perkembangan dan kemajuan sharikat2 itu khusus-nya dan amnya kapada negara dalam tahun2 yang penoh chabaran ini.

Baginda mengingatkan bahawa kepentingan negara hendak-lah di-ambil ingatan dan segala tindakan2 yang di-laku-

(Lihat muka 8)

BEKALAN AYER DARI LAYONG AKAN DI-SIAPKAN LEBEH AWAL

LAYONG, TUTONG. — Kerajaan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang giat dan akan terus melaksanakan usaha2 untok mengurangkan kesusahan orang ramai, walau pun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar.

Di-antara usaha2 yang sedang giat di-laksanakan ia-lah tentang masaalah kekurangan bekalan ayer di-negeri ini, khas-nya pada satiap tiba-nya musim kemarau.

Projek bekalan ayer Layong di-Tutong yang terbantut pembinaan-nya dalam tahun lalu, pada masa ini sedang giat di-kerjakan oleh Sharikat Pemborong Swee ia-itu sharikat yang baru, bagi menyambong kerja2 pembinaan itu.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, pagi samalam telah mengadakan lawatan singkat ka-projek bekalan ayer di-Layong itu dengan di-temani oleh Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awg. Haji Talib bin Derwish.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan di-beri tahu bahawa projek itu di-jadutkan siap sa-lewat2-nya dalam bulan Julai ini, tetapi beliau meminta supaya projek itu hendak-lah di-siapkan lebeh awal dari waktu yang di-jangkakan itu untok mengatasi kekurangan bekalan ayer yang amat membimbangkan sekarang.

Ka-arah ini, beliau mengarahkan supaya sistem kerja terus menerus dengan di-bantu oleh jentera2 dan perkakas2 yang di-perlukan hendak-lah di-adakan.

Beliau juga mengarahkan Jabatan Kerja Raya supaya membekalkan jentera2 dan perkakas2 yang di-perlukan itu bagi memperchepatkan pembinaan projek bekalan ayer di-Layong itu.

Kerajaan, kata-nya, tidak akan teragak2 melancharkan usaha2 yang berpatutan demi kepentingan raayat negeri ini, apa lagi dalam soal kehidupan.

Sementara itu, beliau memuji atas kesabaran dan ketabahan raayat negeri ini pada menghadapi masaalah kekurangan ayer.

(Lihat muka 8)

Tayangan filem 'Perawan Buta'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERTIWI akan mengadakan tayangan wayang gambar "PERAWAN BUTA" untok tabong pembinaan Stadium.

Tayangan itu akan di-adakan di-Panggong Boon Phang Baharu di-Bandar Seri Begawan pada 16hb April — hari Isnin mulai pukul 7.15 malam.

Sa-orang juruchakap PERTIWI menyatakan bahawa hanya tiket2 bagi kelas istimewa atau "circule" sahaja yang akan di-jual dengan harga $10.00 satu, sementara tiket2 bagi kelas2 khas, kelas satu dan dua di-jual dengan harga yang biasa.

Penaong Pertunjokkan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah.

Kutipan dari pertunjokkan itu nanti akan di-dermakan kapada tabong pembinaan stadium.

TITAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN DI-UPACHARA MERASMIKAN KILANG LNG

PADA majlis yang amat bersejarah lagi berbahagia ini yang di-susun khas untok merasmikan pembukaan Kilang Gas Asli Chechair LNG Brunei, Beta menguchapkan shukor kahadharat Allah Subhanahu-Wataala kerana dengan rahmat dan hidayat yang di-perturumkan kapada kita semua, bukan sahaja pada melaksanakan majlis yang permai ini tetapi lebeh2 lagi pada menjayakan projek yang sunggoh hebat serba-serbi-nya ini.

Beta dengan perasaan yang tulus ikhlas menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh kapada Ketua Pengurus dan ahli2 sharikat ini atas jemputan dan ingatan baik kapada Beta. Dengan jemputan ini dapat-lah Beta berpeluang untok melihat dengan lebeh dekat lagi bagi kilang yang besar ini dan dapat juga bagi Beta bertemu dengan pegawai2 sharikat ini dalam mereka melaksanakan pekerjaan dan tugas masing2.

Ada-lah menjadi kebanggaan kapada Beta dan juga Beta perchaya kebanggaan bagi seluroh raayat Beta untok mengetahui bahawa Kilang Gas Asli Chechair yang dapat kita lihat bersama2 hari ini ada-lah merupakan kilang gas asli chechair yang paling besar di-dunia pada hari ini. Sejak beberapa tahun sa-sudah berkembangan-nya perindasterian minyak petroleum di-dunia ini, Negeri Brunei sunggoh pun negeri yang kechil dengan pengeluaran minyak yang tidak bagitu besar berbanding dengan pengeluaran2 di-negeri2 lain telah berupaya untok mendirikan kilang yang bagitu rupa berasaskan pada hasil2 penyelidekan dan pengalaman teknologi minyak di-merata dunia.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika bertitah sa-belum merasmikan Kilang LNG pada hari Rabu lepas.

Beta juga sukachita mendengar bahawa ranchangan ini telah dapat di-laksanakan dengan bantuan dan sumbangan yang boleh di-katakan berupa antara bangsa dan telah pun di-akui baru2 tadi bahawa sedikit sa-banyak Kerajaan dan kaki-tangan Kerajaan Beta telah memainkan peranan yang bukan sedikit pula makna-nya pada perkembangan dan pembangunan kilang ini. Beta sapenoh-nya berharap semoga pembinaan kilang yang sunggoh besar yang sudah sempurna ini akan menandakan pula kejayaan chemerlang sharikat ini dalam usaha2 pengeluaran-nya di-waktu2 yang akan datang dan akan membawa kemakmoran yang bertambah2 kapada negeri ini am-nya. Ada-lah menjadi keyakinan Beta sejak awal2 dulu bahawa kejayaan perusahaan besar saperti ini akan dapat memberikan kesan yang besar paras-nya pada usaha2 pembangunan Kerajaan Beta tegas-nya, usaha2 untok memperkukohkan lagi kedudokan ekonomi negara dan saterus-nya mempertinggikan taraf hidup raayat serta menentukan penerusan suasana keselamatan dan ketenteraman dalam negeri.

Sharikat Gas Asli Chechair yang besar ini barang sudah tentu memainkan peranan yang sesuai dengan chita2 negara yang mendukong-nya. Dalam tahun2 yang akan datang ini terutama-nya dalam waktu Negeri Brunei mengator langkah dan melaksanakan Ranchangan Pembangunan yang baru, ada-lah sa-penoh-nya di-harapkan supaya sharikat2 perusahaan dan perdagangan yang besar saperti sharikat ini akan memberikan sumbangan yang berkesan lagi bernilai dalam berbagai2 bidang dan perengkat ranchangan itu nanti. Sa-bagai satu mithalan Beta perchaya bahawa sharikat ini menyedari akan hasrat Beta untok melateh raayat Beta terutama-nya di-kalangan belia2 demi memberikan mereka kemahiran dan pengalaman dalam berbagai2 bidang pekerjaan bagi membolehkan raayat Beta tampil memikul beban2 pembangunan negara yang di-minati dan saterus-nya berkemahuan serta berkesanggupan untok memberikan sumbangan yang positif lagi giat.

Beta dengan itu sukachita melihat di-waktu2 yang akan datang lebeh ramai lagi pekerja2 yang terdiri dari anak2 tempatan2 di-ambil untok berkhidmat di-semua perengkat pekerjaan dalam sharikat besar saperti ini, di-beri latehan untok membolehkan mereka menjadi pekerja2 yang berkemahiran serta boleh berganding bahu membantu sa-chara berkesan perkembangan dan kemajuan sharikat ini khusus-nya dan negara am-nya terutama dalam tahun2 yang penoh chabaran yang akan di-hadapi ini.

Sempena majlis yang permai ini Beta berseru kapada semua sharikat2 perusahaan dan perniagaan di-negeri ini supaya memberikan sumbangan yang jujor lagi berkesan beramai2 terhadap ranchangan kemajuan yang sedang di-susun dan akan di-laksanakan oleh Kerajaan Beta. Kepentingan2 negara hendak-lah di-ambil ingatan dan segala tindakan2 yang dilakukan hendak-lah menurut haluan yang sehat yang sama kita tujui.

Dengan itu sa-belum Beta merasmikan pembukaan Kilang Gas Asli Chechair ini Beta sekali lagi menguchapkan terima kaseh kapada sharikat ini dan Beta juga memberikan tahniah sa-tinggi2-nya kapada semua pehak yang telah menjayakan pembinaan kilang yang besar ini.

Dengan mendahului Bismilla-hirrah-maanir-rahim, Beta dengan sukachita-nya merasmikan pembukaan Kilang Gas Asli Chechair Brunei pada hari yang berbahagia ini.



Pertemuan singkat sa-belum kempen menchegah batok kering di-mulakan di-Daerah Temburong pada 5hb. Mach lepas di-antara (dari kanan) Pegawai Daerah Temburong, Awg. Sidek bin Yahya; Yang Amat Mulia Pg. Lela Perkasa Pengiran Mohd. Said; Dr. Raja Gopal; Dr. Haji Johar bin Haji Nordin dan Awang Chua Kong Seng.

Perkhidmatan X-Ray di-teruskan

TEMBURONG. — Kempen menchegah Batok Kering di-Daerah Temburong yang di-jadualkan berakhir dalam minggu lalu terpaksa di-teruskan sa-hingga 13hb. April ini.

Pegawai Pelawat Kesihatan Batok Kering bagi Daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Temburong, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa, Pengiran Md. Said bin Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar menyatakan bahawa pengunduran tarikh itu ada-lah bagi memberi peluang kapada pendudok2 yang belum berkesempatan untok menjalani pemereksaan Sinaran-X atau X-Ray.

Beliau bersabda bahawa di-sekitar Daerah Temburong, masch ramai lagi pendudok2 yang belum menjalani pemereksaan Sinaran-X itu.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa hampir ka-selurohan kampong2, termasok sekitar pendalaman di-daerah itu telah di-kunjongi oleh perkhidmatan Sinaran-X bergerak, dan hampir tiga suku dari pendudok2 Temburong telah pun di-X-Ray.

Beliau menyeru pendudok2 yang berumor 14 tahun ka-atas di-daerah itu yang belum berX-Ray supaya datang ka-Pekan Bangar untok menjalani pemereksaan tersebut dan peluang itu hanya di-bukakan sa-hingga 13hb. April ini.

Raayat di-bawa untok menyertai penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru

KHUTBAH JUMA'AT

Shor2 dan chadangan2 yang membina dari raayat ada-lah di-alu2kan untok menjayakan ranchangan tersebut.

YANG Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Brunei di-dalam majlis melancharkan usaha2 menyediakan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru di-Dewan Bandaran pada 27hb. Mach, 1973 antara lain telah bersabda:

"Bagi faedah hadhirin semua pada pagi ini, juga pegawai2 kerajaan yang lain, wakil2 sektor persendirian dan orang ramai, saya ingin menerangkan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru agar sa-tiap orang di-negeri ini akan dapat memahami sadalam2-nya dan menghargai sa-tinggi2-nya akan tujuan dan matalamat2 ranchangan yang baru dan dengan itu dapat-lah nanti masing2 tampil dengan shor2 dan chadangan2 bagi projek2 dan program2 yang akan di-masokkan ka-dalam ranchangan dan juga dasar serta perubahan2 lain yang di-perlukan untok membawa perlaksanaan yang berkesan lagi lichin terhadap ranchangan tersebut. Sa-benar-nya satu2 ranchangan kemajuan ada-lah tidak lebeh dari satu kenyataan rasmi akan hasrat dan chita2 sa-sebuah negeri dan satu chetak biru akan tindakan2 dalam satu jangka waktu bagi memenohi hasrat dan chita2 tadi. Dengan sebab itu-lah saya yakin bahawa lebeh ramai lagi raayat dan pendudok negeri ini turut serta dalam menyediakan ranchangan ini, lebeh kuat-lah lagi ranchangan ini mencherminkan hasrat dan chita2 mereka bagi beberapa tahun akan datang".

Daripada sabda Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu jelas-lah kapada kita betapa besar-nya hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok membawa seluroh raayat dan pendudok negeri ini bagi menyertai penyusunan dan penyediaan Ranchangan Kemajuan yang baru supaya ranchangan itu akan benar2 mencherminkan hasrat dan chita2 kita yang ujud dan timbul dari kita dan untok kita tanpa mengira asal usol demi untok menambahkan lagi kebahagiaan dan kepentingan bersama.

Sa-bagaimana yang kita maklum bahawa matalamat utama Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu ia-lah untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa dan asal usol.

Tidak shak lagi bahawa usaha2 penyusunan dan penyediaan Ranchangan Kemajuan itu ada-lah satu perengkat yang amat penting dalam penyusunan pembangunan negara kita. Dan usaha2 pembangunan itu tentu-lah tidak akan dapat di-jadikan dengan sempurna melainkan dengan ada-lah kerjasama dan usaha2 yang penoh minat dan sunggoh2 dari semua perengkat raayat dan pendudok negeri ini. Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman yang bermaksud:

> **"Sa-sunggoh-nya Allah tidak akan mengubah apa yang terdapat kapada sa-suatu gulongan itu sa-hingga-lah mereka itu sendiri berusaha mengubah apa yang terdapat pada mereka".**

Ayat Quran ini ada-lah tegas menyatakan bahawa sabarang perubahan itu haruslah timbul dan di-timbulkan oleh kita, sa-lagi kita tidak berusaha menggunakan fikiran, ilmu, pengalaman dan tenaga yang ada pada kita sudah barang tentu perubahan tidak akan terjadi.

Oleh yang demikian kalau benar2 berkehendakan supaya pembangunan negara kita berjaya, maka dalam proses penyusunan dan penyediaan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru ini perlu-lah satiap perengkat dan gulongan masharakat di-negara kita ini menyumbangkan buah fikiran yang berupa shor2 dan chadangan2 yang membina kapada kerajaan Duli Yang Maha Mulia kapada dan menerusi jawatakuasa2 yang telah di-bentok bagi maksud tersebut. Mari-lah kita sama2 berbakti kapada negara menurut daya dan kemampuan yang ada pada kita, mudah2an Allah akan memberkati dan menjayakan usaha2 kita.

JHEU akan menerbitkan Mimbar Hadith

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun ini, Jabatan Hal Ehwal Ugama sekali lagi menerbitkan buku Mimbar Hadith yang mengandongi hadith2 pilehan dan di-huraikan oleh pegawai2 di-jabatan ini. Buku itu ada-lah penerbitan yang ke-enam dalam Siri Rangkaian Islamiah yang di-usahakan oleh jabatan tersebut dari semasa ka-semasa dan merupakan buku yang kedua dalam pembukuan hadith2 pilehan.

Kandongan sa-banyak 126 muka keluaran kali ini ia-lah hadith2 mengenai:—

Hakim Dan Kaki Tangan Awam — Memperkatakan tentang sesuatu keputusan hakim itu terbatas berdasarkan faktor2 yang zahir, di-samping di-perkatakan juga perkara2 yang penting bagi menjamin kelichinan serta kebersehan perkhidmatan kehakiman dan pentadbiran awam.

Indasteri — Memperkatakan indasteri dari kachamata ugama Islam yang pada umum-nya menggalakkan penyertaan umat Islam di-dalam perindasterian meskipun sa-kechil2-nya.

Belia — Khusus membinchangkan masaalah menchari kerja di-kalangan belia2 Brunei sekarang di mana di-tekankan bahawa ugama ada-lah menolak sikap "pemileh" dalam menchari pekerjaan.

Tanah — Khusus membinchangaspek2 penerokaan (membuka) tanah, membahagi2kan tanah oleh kerajaan kapada raayat, dan menyimpan tanah sa-chara pembekuan-nya oleh pemilek2 tanah dan menyimpan-nya oleh kerajaan bagi maksud2 kepentingan awam.

Berkhatan — Mendedahkan rahsia dan hikmat bersunat sa-bagai amalan yang terpakai di-kalangan hampir semua bangsa sejak zaman berzaman.

Pendidekan — Khusus memperkatakan sifat "flexible" kanak2 sebagai asas mendidek mereka.

Kebajikan — Memperkatakan perbuatan2 yang di-sukai Allah serta amalan2 kebajikan yang pada umum-nya sedang di-laksanakan di-negeri ini.

Manusia Di-Alam Berzakh — Menyingkap chorak kehidupan manusia sa-masa mati (di-dalam kubor) dan sa-belum di-bangkitkan sa-mula pada hari kiamat.

Akhlak — Khusus menggariskan sikap serta sifat2 yang terpuji di-sisi ugama.

Sukan Dan Olahraga — Khusus untok menolak sangkaan sa-tengah2 orang bahawa ugama Islam tidak menggalakkan kegiatan di-bidang sukan dan olahraga.

Pertanian — Memperkatakan hadith2 yang menggalakkan-nya dan hadith2 yang di-katakan menchela sa-tengah2 perkara di-dalam pertanian.

Buku Mimbar Hadith (2) ini di-jangka akan mula di-jual kapada orang ramai di-hari sambutan Maulud di-Bandar Seri Begawan pada 15hb. April, 1973 dengan harga $1.00 sa-naskhah.

Majalah Tafsir Darus Salam

BANDAR SERI BEGAWAN. — — Majalah Tafsir Darus Salam siri yang ke-16 yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan mula di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini Tafsir Darus Salam mengandongi tafsir dan huraian ayat 180 hingga 186 dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama di-semua daerah di-negeri ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11hb. April, 1973 hingga ka-hari Selasa 17hb. April, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
11hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
12hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
13hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
14hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
15hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14
16hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
17hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(11hb. April, 1973).

PEKERJAAN BUMIPUTERA

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Su'tan dan Yang Di-Pertuan menyeru sharikat2 perusahaan dan perniagaan di-negeri ini supaya memberikan sumbangan2 yang berkesan lagi bernilai dalam waktu Negeri Brunei sedang mengator langkah dan melaksanakan ranchangan pembangunan-nya yang baru sekarang ini.

Sumbangan2 yang berkesan yang di-titahkan Baginda itu, yang paling utama ia-lah soal memberikan latehan2 kapada raayat negeri ini, terutama di-kalangan belia2 supaya berkemahiran dan berpengalaman dalam berbagai2 bidang pekerjaan.

Sharikat Gas Asli Chechair Lumut di-harapkan Baginda akan dapat mengambil pekerja2-nya dengan lebeh ramai lagi yang terdiri dari pekerja2 tempatan. Harapan ini tidak hanya di-tujukan Baginda kapada LNG sahaja, tetapi juga kapada sharikat2 yang besar lain-nya.

Sa-chara umum, Baginda mengingatkan kapada sharikat2 yang besar di-negeri ini yang mereka itu ada-lah tidak terkeluar dari tanggong-jawab2 terhadap negara. Mereka juga harus menarek perhatian terhadap kepentingan negara dan segala tindakan2 yang di-lakukan hendak-lah menurut haluan yang sehat. Haluan yang sehat yang di-maksudkan Baginda itu bukan-lah bagi menyehatkan sharikat2 itu sendiri semata2, bahkan turut sama me'aksanakan usaha2 bagi menyehat dan menyuborkan pembangunan raayat.

Menurut hasrat ranchangan pembangunan negara yang baru itu, maka di-antara perkara2 yang di-utamakan ia-lah perusahaan2 persendirian atau private sector. Perkara ini sudah tentu akan menbatkan pelaboran2 modal di-luar dan dalam negeri bagi menggerakkan-nya dengan lebeh berjaya. Dengan di-sebut luar itu, ada-lah bermaana yang datang-nya di-luar dari Brunei. Namun demikian, perkara ini tidak harus di-tafsirkan seratus peratus luar dan kita penoh yakin bahawa tafsiran2 yang demikian tidak akan ada lagi dalam zaman sains dan teknoloji ini dimana hak raayat dalam sa-sabuah negara itu ada-lah di-utamakan. Di-antara hak2 raayat yang perlu kapada pengutamaan itu ia-lah soal memberikan latehan dan pekerjaan kapada mereka dengan chara yang benar2 berkeadilan. Ada-lah menjadi keyakinan Baginda sejak awal2 dulu bahawa kejayaan perusahaan2 besar akan dapat memberikan kesan yang besar paras-nya pada usaha2 pembangunan Kerajaan. Hal ini tidak hanya memperkukohkan lagi kedudokan ekonomi negara, tetapi juga mempertinggikan hidup raayat. Dari sini ada-lah jelas yang perusahaan2 besar itu sama sekali tidak di-kehendaki mengabai2-kan soal penghidupan raayat, bahkan mereka juga bertanggong-jawab bagi mempertinggikan taraf penghidupan raayat itu.

MASAALAH KESELAMAT

(BAHAGIAN KEDUA)

KITA telah mengetahui bahawa dalam sa-suatu ke jarang sekali tidak mengakibatkan kerosakan a deraan (kerosakan yang di-maksudkan di-sini terma rosakan kapada harta benda orang ramai atau kera deraan termasok samada kapada orang ramai atau ternakan saperti lembu, kerbau dan kambing.) Jika langan yang tidak mengakibatkan kechederaan atau pemandu itu tidak melakukan kesalahan dan ia tidak kan melaporkan-nya kapada pehak pulis. Akan tetap malangan yang berlaku itu ada menyebabkan kero kechederaan, pemandu itu hendak-lah berhenti di-t juga, jika perlu hendak-lah memberikan bantuan dan melaporkan kapada pehak pulis *dalam tempoh 24 jam* mandu itu tidak melaporkan-nya dalam tempoh itu melakukan kesalahan di-bawah undang2 lalu lintas.

Ada juga di-antara pemandu2 yang tidak berhen terlibat dalam sa-suatu kemalangan, lebeh2 lagi jika itu mengakibatkan kematian kapada orang lain. Pema berhenti kerana takut di-serang atau di-pukol oleh o lebeh2 lagi keluarga orang yang terlibat. Ada pula yang enggan berhenti kerana mahu mengelakkan dari kapan pulis. Menyentoh tentang perkara ini Yang A Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bahawa pehak pulis tidak dapat memberikan mengenai perkara itu. Tugas pulis ia-lah me

SUSUNAN: AWANG ALIDIN OTHMAN



Tayar yang tidak mempunyai 'tread' atau tidak berbunga saperti gambar atas ada-lah tidak sesuai lagi di-gunakan kerana mungkin ia-nya tidak dapat memberikan sistem brek yang berkesan.



Memasang 'screen' di-bahagian chermin belakang ada-lah juga menjadi satu kesalahan.

Sa-kumpulan kanak2 sekolah dan orang ramai ketika menyerberangi sa-batang jalan raya yang sebok dengan di-kawal oleh sa-orang pulis lalu lintas.





Membawa muatan melebehi dari had yang di-tentukan dan membawa penumpang saperti gambar kanan ada-lah menjadi satu kesalahan di-bawah peratoran lalu lintas.

N JALAN RAYA

undang2. Jika di-dapati ada pemandu yang *tidak* berhenti *tidak* memberikan bantuan dan *tidak* melaporkan kapada pehak pulis, maka pehak pulis akan mengambil tindakan terhadap pemandu itu mengikut undang2. Jika ia di-hadapkan ka-mahkamah, terpulang-lah kapada Majlistret untok mempertimbangkan samada sebab2 ia meninggalkan tempat kemalangan itu di-terima atau tidak.

Bagaimana pula jika dalam sa-suatu kemalangan sa-seorang pemandu merosakkan harta benda Kerajaan saperti tanda2 lalu lintas dan lampu isharat? Yang Amat Mulia menerangkan, dalam hal ini pehak pulis akan meminta kerjasama dari Jabatan2 yang berkenaan untok menyelesaikan-nya. Umpama-nya, tanda2 lalu lintas ada-lah di-bawah tanggong-jawab Jabatan Bandaran dan lampu isharat pula ada-lah di-bawah tanggong-jawab Jabatan Letrik. Jika ada kerosakan2 pada benda2 ini (di-sebabkan kemalangan), pehak pulis akan minta jabatan2 tersebut menaksirkan harga kerosakan2 itu dan jika di-dalam penyiasatan pulis kerosakan2 di-sebabkan oleh kelalaian atau kechuaian, maka pemandu itu akan di-hadapkan ka-mahkamah kerana memandu dengan chuai dan lalai. Jabatan2 yang berkenaan oleh membuat tuntutan samada kapada pemandu itu sendiri atau kapada sharikat insuran-nya.

Berkenaan dengan teksi sapu atau teksi haram, Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa perkara ini ada-lah satu masaalah besar bagi pehak pulis pada masa ini. Baru2 ini satu pindaan dalam undang2 lalu lintas telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri yang memberi kuasa yang lebeh luas lagi kapada pehak pulis. Ini termasok-lah kuasa "menahan" hingga sabulan mana2 kereta yang di-shaki di-gunakan sa-bagai teksi sapu dan juga menyiasat jika di-shaki mana2 orang yang terlibat dalam perkara ini.

Perkara teksi haram ini patut di-berikan perhatian berat kerana boleh membahayakan orang ramai dan insuran2 kereta itu tidak akan melindongi penumpang2 itu jika di-gunakan sa-bagai teksi haram. Apabila sa-sebuah kereta yang di-gunakan sa-bagai teksi sapu terlibat dalam sa-suatu kemalangan dan penumpang2-nya mendapat chedera, sharikat insuran tidak akan bertanggong-jawab di-atas kechederaan itu dan jika penumpang2 itu yang telibat itu ingin menuntut kerugian di-atas kechederaan mereka dan lain2, mereka hanya dapat melakukan-nya dengan mendakwa sa-chara bersendirian atau "civil suit" kapada pemandu teksi haram itu.

kesalahan2 memandu tanpa lesen dan melanggar isharat2.

Tindakan yang di-ambil oleh pehak pulis ia-lah chara "tangkap" atau "summon". Tindakan ini di-jalankan mengikut jenis kesalahan yang di-lakukan oleh pengguna2 jalan raya itu.

Sa-lain daripada itu Pegawai Pemerentah Pulis Daerah (OCPD) berkuasa menjalankan tindakan ini dengan chara "berselesai" atau "compound". Orang2 yang melakukan kesalahan di-tawarkan oleh pehak pulis untok membayar denda sa-banyak tidak lebeh dari $25.00. Jika dia bersetuju membayar denda itu dalam tempoh yang di-tetapkan — biasa-nya 14 hari — dia tidak akan di-hadapkan ka-mahkamah. Tetapi jika dia enggan menerima tawaran itu, maka tindakan dengan chara "summon" akan di-hadapkan kapada orang itu.

JADUAL IV

JUMLAH ORANG2 YANG MELAKUKAN KESALAHAN JALAN RAYA

Daerah/Tahun	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*1971*	*1972*	*Jumlah*
Daerah Brunei	1221	2387	3894	4984	4468	4454	21408
Daerah Belait	2037	2783	2601	3937	5070	5104	21532
Jumlah:	3258	5170	6495	8921	9538	9558	42940

(Dengan ikhsan Pasokan Pulis Diraja Brunei)

(Dalam Jadual ini termasok-lah kesalahan2 kechil saperti tidak menggunakan lampu di-waktu malam, menaroh kereta di-tempat2 yang salah dan lain2.)

Apa-kah kaitan-nya pehak pulis dengan orang2 yang melakukan kesalahan2 jalan raya? Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara menerangkan bahawa satu daripada tugas utama pehak pulis ia-lah menjalankan undang2 dan mendakwa orang2 yang melakukan kesalahan2 jalan raya (lalu lintas) di-negeri ini termasok-lah

Kemalangan jalan raya memang tidak dapat di-hapuskan sama sekali, tetapi boleh di-kurangkan melalui berbagai2 chara. Yang Amat Mulia itu menerangkan pada masa ini pehak pulis sedang bergiat dengan menambah rondaan berkereta dan bermotosikal. Dengan chara ini di-harap kadar kemalangan dan lain2 kesalahan lalu lintas akan dapat di-kurangkan. Pehak pulis juga menggunakan "speed trap" di-kawasan2 yang terhad dan pemandu2 yang memandu lebeh daripada yang di-hadkan akan "di-tahan" kerana melanggar peratoran lalu lintas dan di-ambil tindakan sa-lanjut-nya.





Kedua2 gambar atas dan bawah menunjokkan pulis lalu lintas bermotosikal ketika menjalankan rondaan di-jalan2 raya yang sebok.

Yang Amat Mulia itu saterus-nya bersabda ada-lah mustahil untok menempatkan pulis lalu lintas di-semua bahagian jalan raya kechuali jalan raya yang sebok — tempat orang ramai dan murid2 sekolah menyeberang dan tempat2 yang selalu berlaku kemalangan. Yang Amat Mulia itu mengulangi sekali lagi bahawa kebanyakkan kemalangan jalan raya itu ada-lah di-sebabkan oleh pemandu2 yang kurang berpengalaman. Pehak pulis tidak berkuasa untok mengajar sa-siapa chara2 memandu tetapi apa yang dapat di-lakukan ia-lah dengan memberikan nasehat chara2 memandu yang selamat, umpama-nya melalui akhbar2 dan lain2.

Yang Amat Mulia, Pengiran Putera Negara juga memberikan sedikit sa-banyak nasehat kapada pengguna2 jalan raya. Kapada pemandu2 kenderaan, Yang Amat Mulia itu menasehatkan bahawa kenderaan yang mereka pandu itu boleh menyebabkan kechederaan atau kematian kapada diri mereka dan juga kapada orang lain jika mereka memandu dengan cuai atau tidak mematohi peratoran2 lalu lintas. Oleh itu mereka mesti-lah sentiasa berwaspada mengelakkan kemalangan.

Kapada penunggang2 basikal pula, mereka harus-lah ingat bahawa mereka mesti mematohi peratoran2 lalu lintas dan isharat2 lalu lintas. Kebanyakan penunggang2 basikal menganggap mereka tidak perlu mematohi peratoran2 dan isharat2 lalu lintas saperti isharat2 berhenti di-simpang2 jalan raya sa-belum menyeberang. Peratoran dan isharat2 lalu lintas ada-lah untok semua pengguna2 jalan raya dan penunggang2 basikal tidak berlepas dari peratoran2 dan isharat2 ini. Di-samping itu mereka mesti-lah menentukan bahawa alat2 basikal mereka saperti brek ada-lah baik sa-belum di-gunakan. Di-waktu malam, mereka mesti-lah menggunakan lampu puteh di-sa-belah hadapan dan lampu merah di-sa-belah belakang. Undang2 lalu lintas telah pun di-ubah. Dahulu basikal hanya di-kehendakki menggunakan pancharan atau reflector di-bahagian belakang tetapi sekarang basikal mesti-lah menggunakan lampu merah.

Kapada orang2 yang berjalan kaki pula, mereka hendak-lah berjalan menghadapi kereta yang datang dari hadapan. Jika membawa kanak2 pegang-lah tangan mereka dan mereka hendak-lah berjalan di-sebelah dalam. Jangan menyeberang sa-hingga yakin selamat untok berbuat demikian. Jangan menyeberang di-belakang kereta yang berhenti dan jangan berjalan berganding2 sa-hingga jauh katengah jalan, tetapi berjalan-lah saorang2.

Kapada semua pengguna2 jalan raya, hati2-nya apabila menggunakan jalan raya. Bekerjasama-lah antara satu sama lain untok menggelakkan kemalangan. Keselamatan jalan raya juga menjadi tanggong-jawab pengguna2 jalan2 raya sendiri.

Mempelabagaikan chorak ekonomi negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Selamat bin Munap bagi pehak Pengerusi Jawatankuasa Kechil mengenai Perusahaan dan Perdagangan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Negara telah menekankan betapa penting-nya peranan sektor persendirian dalam merumuskan Ranchangan Kemajuan Negara.

Dalam satu meshuarat jawatankuasa kechil itu yang berlangsong di-Bilek persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada hari Sabtu lepas, Awang Selamat berkata, sa-bagai yang di-ranchangkan, maka tugas jawatankuasa kechil itu ia-lah untok menyusun dan mengeluarkan ranchangan kemajuan bagi perusahaan dan perdagangan sa-bagai lapangan2 yang dapat di-gerakkan dalam usaha kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok mengadakan peluang2 pekerjaan bagi lebeh dari 7,000 orang buroh dalam masa lima tahun yang akan datang serta juga untok mempelabagaikan lagi chorak ekonomi negeri ini.

Awang Selamat menekankan bahawa kemajuan perusahaan dan perdagangan pada pokok-nya ada-lah mempunyai hubongan dengan kemajuan sektor2 persendirian dan dari itu tugas utama jawatankuasa kechil tersebut ia-lah untok menyusun dan mengeluarkan ranchangan kemajuan bagi perusahaan dan perdagangan yang harus di-laksanakan oleh sektor persendirian.

Kata-nya ranchangan bagi sektor2 persendirian menurut segi kerajaan ia-lah yang paling baik, sachara tidak langsong dalam pengertian untok menyediakan kemudahan2 asas serta langkah2 dasar dan penyusunan yang perlu bagi kemajuan perusahaan dan perdagangan.

Bagi tugas-nya yang segera, jawatankuasa kechil itu bersedia mengadakan dailog dengan wakil2 sektor2 persendirian dan orang ramai.

Awang Selamat menyeru orang ramai supaya tampil ka-hadapan dan membinchangkan shor2 mereka dengan Setia Usaha Jawatankuasa Kechil mengenai Perusahaan dan Perdagangan, Awang Chua Peng Siong di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan Bahagian Ekonomi.

10,000 akan menyertai perarakan bagi merayakan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 10,000 orang umat Islam dari 63 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, kampong2, jabatan2 kerajaan, sekolah2 dan maktab2 akan mengambil bahagian dalam perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bagi merayakan hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. pada hari Ahad 15hb. April, 1973.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan berangkat kamajlis sambutan itu dan akan berkenan menyampaikan titah.

Sementara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah akan di-junjong untok mengepelai perarakan itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Muda Sufri Bolkiah akan menyampaikan sijil2 kapada pasokan2 yang mengambil bahagian.

Pasokan2 yang mengambil bahagian akan berkumpul di-padang besar Bandar Seri Begawan pada pukul 7.00 pagi sa-belum bergerak mengelilingi bandar.

Perarakan itu akan melalui Jalan Elizabeth II, Jalan Stoney, Jalan Sumbiling Lama, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Tasek Lama, Jalan Sungai Kianggeh, Jalan Sultan, Jalan McArthur dan Jalan Chevalier.

Pasokan2 Pencharagam Pulis Diraja dan Askar Melayu Diraja Brunei akan ikut serta juga dalam perarakan sa-jauh dua batu itu.

Sambutan yang sama juga akan di-adakan di-Daerah Belait, Tutong dan Temburong pada tarikh2 yang berasingan. Tutong di-jadualkan pada 23hb. April, 1973, di-Padang Bukit Bendera, Tutong, Temburong 28hb. April, 1973 di-padang Bangar Temburong dan Belait pada 29hb. April, 1973 di-padang KBRC.

Kerjasama dalam menjayakan pembinaan stadium timbul dari semangat ta'at setia raayat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Bahagian Perseorangan Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Brunei dan Muara, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain telah mengharapkan seluroh raayat dan pendudok Brunei supaya terus menyumbangkan derma bakti mereka terhadap projek pembinaan stadium dari masa ka-satu masa demi untok kebajikan Negeri Brunei Darus-salam.

Beliau beruchapa demikian ketika merasmikan tanyangan perdana filem 'The Warlord' di-Panggong Hassanal Bolkiah pada minggu lalu sa-bagai mengutip derma untok tabong pembinaan stadium.

Yang Di-Muliakan Pehin Dato Paduka Awang Hussain menegaskan sambutan dan kerjasama yang telah di-berikan terhadap kejayaan pembinaan stadium itu tidak shak lagi timbul dari semangat ta'at setia raayat dan pendudok Brunei yang di-pusakai dari turun temurun.

Semangat demikian, kata-nya, mesti-lah di-pelihara, di-pupuk dengan subor-nya terutama dalam keadaan negara kita sedang melancharkan Ranchangan Pembangunan Lima Tahun yang baru.

Ranchangan Pembangunan Lima Tahun yang baru itu melibatkan semua lapisan masharakat sama ada sektor kerajaan mahu pun sektor swata untok menchapai matalamat2-nya.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain sa-lanjut-nya mengharapkan semangat ta'at setia, dedikasi kapada kerja sa-bagai satu bangsa ada-lah di-antara faktor2 utama untok menjayakan projek pembinaan stadium atau Ranchangan Pembangunan Lima Tahun yang baru dan lain2 projek yang di-usahakan oleh kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beliau berseru terutama kapada pendudok2 jati Negeri Brunei supaya mengubah sikap, amalan dan pandangan hidup mereka untok di-sesuaikan dengan perkembang-an2 dan matalamat2 baru negeri kita.

Akhir-nya beliau menguchapkan terima kaseh kapada Pengurus Panggong Hassanal Bolkiah, Awang Kwek Bock Seong dan jawatankuasa2 yang menganjorkan tayangan perdana filem itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN LETRIK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabtan Letrik, Brunei.

A. PEMBANTU KEJURUTERAAN LETRIK:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam bahagian Pengguna/Pembahagian dengan sasebuah Lembaga atau Jabatan Letrik. Kelulusan Intermediate City and Guilds Examination in Electrical Engineering ada-lah di-perlukan tetapi tidak mustahak. Pengalaman dalam hal-ehwal pentadbiran pejabat merupakan suatu kelebehan.

atau

Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman memperbaiki dan memasang jentera2 tidak bergerak (saperti gas turbines, diesel plants) dan/atau mesti-lah boleh memperbaiki dan memasang semua jenis kenderaan termasok-lah crane, low-loader dan tractor. Kelulusan Intermediate City and Guilds Examination in Mechanical Engineering ada-lah di-perlukan tetapi tidak mustahak.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 —$710x 30-890. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. MERINYU PEMASANGAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam memasang semua jenis kawat2 dan kelengkapan2 letrik dalam bangunan2 biasa dan bangunan2 perusahaan. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik mengenai peratoran2 I.E.E. yang berjalan sekarang serta mahir dalam kerja2 biasa pemasangan letrik. Mempunyai sijil sekolah pertungangan/teknikal merupakan suatu kelebehan. Mesti-lah mempunyai pengetahuan baik dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — $710x 30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jayatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Mrunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan. Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 28hb. April, 1979.

Sa-bagai Penolong Jururawat Perchubaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Penolong Jururawat2 Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumor 18 tahun ka-atas. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan I Inggeris, atau Darjah VI Melayu.

Tingkatan Gaji:

Penolong Jururawat Perchubaan dan Penolong Jururawat Terlateh: E. 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Penolong Jururawat Kanan: D. 3 — $410x20-510.

Aluan:

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan sa-masa dalam latehan. Sa-lain dari itu alaun makan sa-banyak $35.00 sa-bulan di-bayar sa-masa dalam tempoh perchubaan.

Tempoh Perchubaan:

Tempoh perchubaan biasa-nya ia-lah sa-lama 2 tahun.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 28hb. April, 1973.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 1/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ibrahim bin Adis, Kampong Batang Tuau, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Adis bin Lani yang telah meninggdunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 26/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh A. Zulkiflly bin Haji Omar Ali, No. 1469, Kampong Pintu Malim, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Omar Ali bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 28/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Taha bin Asmat, Kampong Parit Pengkalan Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Karong bte. Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 29/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Taishah bte. Idris, d/a Haji Abd. Latif Muhd., Radio Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kamariah bte. Muhammad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 31/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ak. Ali bin Pg. Damit, No. 55, Kampong Sungai Kedayan 'A', Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Othman bin Pengiran Damit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 32/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Besar bte. Abd. Ghani, No. 1, Kampong Kiulap, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohd. Tarif bin Haji Abdul Samad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 34/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Ibrahim bin Hj. M. Salleh, Kg. Setia Pahlawan, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Salleh bin Kilong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 35/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Momin bin Taham, No. 68, Kampong Tanah Jambu, Batu 6, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Taham bin Mohammad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 37/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jais bin Dato Kerna Haji Jaya, d/a Pejabat Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dato Kerna Haji Jaya bin Haji Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 38/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Md. Taib bin Awg. Yusof, d/a Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Yusof bin Awg. Ajak yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 43/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Salahah bte. Haji Ismail, No. 8, Bangunan Madrasah, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Besar binte Haji Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 41/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Palam bte. Jamaludin, Kampong Limau Manis, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Adi bin Nudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.


Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 14 haribulan April, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 2 haribulan April, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang di-ziarahi oleh pendudok2 Kampong Putat yang telah mengadakan keberangkatan Baginda ka-kampong tersebut (gambar atas)

Kampong Putat ada-lah salah sa-buah kampong yang di-lawati oleh Duli Yang Maha Mulia dalam siri lawatan Baginda ka-tiga buah kampong di-Daerah Brunei dan Muara untok meninjau sachara dekat keadaan pendudok2 di-kampong2 tersebut pada hari Khamis lepas.

Dua buah kampong yang di-lawati Baginda ia-lah Kampong2 Kasat dan Menunggul.

Dalam lawatan itu Duli Yang Maha Mulia juga telah melawat sekolah2 dan mesjid di-kampong2 tersebut.

Turut menyertai Duli Yang Maha Mulia dalam lawatan itu ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Pemerentah AMBD; Pegawai Daerah Brunei-Muara; Y.A.M. Pengiran Sanggamara Diraja; Y.D.M. Pehin Orang Kaya Asgar Diraja; Major Dato Mohamad dan Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara.

MENGUJUDKAN SISTEM PERHUBONGAN YANG MEMUASKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sistem Pengangkutan dan perhubongan yang sedang berjalan sekarang ini di-Brunei akan di-kaji sa-chara lebeh mendalam untok mengujudkan suatu sistem yang lebeh meluas dan sesuai dengan perkembangan negara.

Perkara ini telah di-jadikan tajok utama dalam meshuarat Jawatankuasa Kechil Pengangkutan, Tenaga dan Perhubongan yang berlangsong di-Bilek Persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada hari Isnin.

Pengerusi Jawatankuasa itu, Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman menyatakan bahawa ada-lah perlu di-adakan pengusaian yang lebeh serius terhadap sistem pengangkutan dan perhubongan yang ada sekarang.

Bagi mengendalikan ranchangan kemajuan negara yang baru itu nanti, Awang Zakaria yakin yang ranchangan itu akan dapat berjalan dengan lancnar dengan adanya sistem pengangkutan dan perhubongan yang chepat dan memuaskan.

Dalam sidang-nya, jawatankuasa itu telah memutuskan untok menjalankan pengkajian2 yang teliti terhadap perkhidmatan2 tampon, khas-nya perkhidmatan kaluar negeri; perkhidmatan pos, khas-nya perkhidmatan dalam negeri; perkhidmatan perhubongan udara dan laut serta sistem jalan raya.

Jawatankuasa itu juga memutuskan untok memperbaiki sistem pengangkutan bas private dari Bandar Seri Begawan ka-Kuala Belait dan kemungkinan mengadakan perkhidmatan bas di-sekitar Bandar Seri Begawan serta perkhidmatan pengangkutan laut yang chepat antara Pelabohan Muara dan Labuan dan dengan pelabohan2 kechil yang berdekatan dengan Brunei.

Jawatankuasa itu telah mengambil keputusan untok meminta pejabat2 yang berkenaan saperti Talikom, Letrik, Laut, Kenderaan Darat, Penerbangan Awam dan Kerja Raya supawa menghantar laporan2 dan chadangan2 untok memperbaiki perkhidmatan2 pengangkutan, tenaga dan perhubongan itu.

Jawatankuasa itu juga bersedia menerima chadangan2 dari orang ramai dan semua chadangan2 mengenai pengangkutan, tenaga dan perhubongan itu hendak-lah di-kemukakan kapada Setia Usaha Jawatankuasa Kechil itu, Pengiran Sani bin Pengiran Ahmad di-Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan.

Kesihatan pendudok2 luar bandar akan di-ambil perhatian berat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Projek2 perumahan, kesihatan, kebersehan dan bekalan2 ayer untok orang ramai di-negeri ini akan sentiasa di-berikan perhatian yang khas di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru. Ini telah di-nyatakan dalam meshuarat Jawatankuasa Kechil Perumahan, Kesihatan, Kebersehan dan Bekalan Ayer di-bilek persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Seri Begawan pada hari Isnin lalu.

Pengerusi jawatankuasa kechil itu, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish berkata bahawa ranchangan2 perumahan akan sentiasa terletak di-bawah pengawasan kerajaan walau pun mungkin sa-tengah2 nya nanti di-laksanakan oleh sektor persendirian di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu. Ini ia-lah supaya projek2 perumahan dalam kawasan2 bandar, luar bandar dan kampong2 dapat di-lancharkan dengan teratur sesuai dengan beberapa projek yang lain di-bawah ranchangan kemajuan negara yang baru itu nanti.

Meshuarat itu juga memberi perhatian berat kapada ranchangan2 kesihatan dalam kawasan2 bandar, luar bandar dan kampong2 pendalaman bagi mendirikan lagi hospital2 dan kelinik2 serta berusaha menambah kaki-tangan2 perubatan dan kesihatan yang lebeh baik dan lebeh sempurna kapada orang ramai.

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awg. Haji Talib berharap-menjelang siap-nya nanti projek bekalan ayer yang sedang di-selenggarakan oleh kerajaan sekarang ini kita tidak mahu lagi melihat orang ramai kekurangan bekalan ayer. Di-mana2 kawasan yang tidak terlibat oleh projek bekalan ayer sekarang ini katanya, shor2 dan chadangan2 patutlah di-fikirkan untok menchari dan menyiasat sumber2 yang lain lagi untok memberikan bekalan2 ayer ka-kawasan2 itu.

Berhubong dengan soal kesihatan dan kebersehan dalam Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat itu telah menarek perhatian ahli2 jawatankuasa untok memikirkan usaha2 yang akan datang bagi memperbaiki dan menjaga kebersehan Sungai Kianggeh yang mengalir di-tengah2 Bandar Ibu Negara juga memperluaskan lagi ranchangan saloran najis.

Tenaga manusia yg dinamik

(Dari muka 1)

yang baru yang sedang giat di-sediakan pada masa ini, ada-lah bermatalamat utama untok mengadakan pekerjaan2 kapada lepasan2 sekolah yang sa-makin meningkat jumlah-nya beliau perchaya bahawa dengan ada-nya ranchangan latehan2 dan langkah2 yang sesuai yang akan di-adakan oleh ranchangan itu nanti maka pemuda-pemudi lepasan sekolah pada masa akan datang di-negeri ini juga akan merupakan satu kumpulan tenaga manusia yang dinamik dan produktif untok mendukong dan menjayakan matalamat2 yang di-hajati.

Awang Selamat penoh perchaya bahawa memandang kapada perengkat pelajaran yang mereka perolehi, mereka juga akan dapat mensesuaikan diri dengan peralehan zaman dan akan bergiat di-semua perengkat pembangunan negara terutama-nya di-sektor persendirian dan bukan-nya di-sektor kerajaan semata2.

Dengan ada-nya sikap yang baru itu maka akan terchapai-lah chita2 kita untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh dan bersatu padu serta makmor tanpa mengira rupa bangsa atau asal usol.

Beliau menyeru kapada semua lapisan masharakat di-negeri ini terutama sekali pemuda pemudi yang akan berlepas dari sekolah dalam jangka waktu lima tahun akan datang ini supaya tampil dengan shor2 dan chadangan2 mereka kapada jawatankuasa2 kechil yang berkenaan dengan usaha2 kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada menyediakan ranchangan kemajuan negara yang baru.

(Dari muka 1)

Dalam masa menunggu siap-nya projek bekalan ayer dari Layong itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menyeru raayat dan pendudok negeri ini berwaspada dan bershukor pada menjimat-chermatkan apa jua sukatan ayer yang dapat di-bekalkan pada masa ini.

Akhir-nya, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu penoh perchaya, projek bekalan ayer di-Layong itu akan dapat disempurnakan pada satu jangka waktu yang lebeh awal.

Projek itu akan membekalkan ayer ka-seluroh Bandar Seri Begawan dan juga Tutong.

Menambah kemakmoran negeri

(Dari muka 1)

kan hendak-lah menurut haluan yang sehat yang sama2 kita tujui.

Bertitah mengenai LNG. itu, Baginda berharap semoga pembinaan kilang yang sunggoh besar dan sempurna itu akan menandakan pula kejayaan chemerlang dalam usaha pengeluaran-nya pada masa2 yang akan datang dan akan membawa kemakmoran yang bertambah2 kapada negeri ini.

Baginda yakin bahawa kejayan perusahaan besar saperti itu akan memberikan kesan yang besar paras-nya pada usaha2 pembangunan Kerajaan dan memperkukohkan lagi kedudokan ekonomi negara.

Titah Baginda, perkara ini juga akan dapat mempertinggikan lagi taraf kehidupan raayat serta menentukan penerusan suasana keselamatan dan ketenteraman dalam negeri.

Baginda bertitah bahawa Sharikat Gas Asli Chechair yang besar itu barang sudah tentu memainkan peranan yang sesuai dengan chita2 negara yang mendukong-nya ia-itu Brunei.

(Titah Baginda sapenoh-nya di-siarkan di-muka 2).

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI


DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 16 RABU 18HB. APRIL, 1973. 1393 ربيع الاول 15 رابو PERCHUMA

KEBEBASAN BERSUARA DI-AMALKAN DI-NEGERI INI — titah D. Y. M. M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei menyeru seluroh raayat dan pendudok di-negeri ini supaya bersama2 menyumbangkan fikiran, pendapat dan chadangan yang sehat bagi menchapai tujuan untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa di-Brunei Darussalam ini.

Seruan itu di-sampaikan Baginda ketika bertitah kapada lebeh dari 12,000 orang Umat Islam yang mengambil bahagian dalam rapat memperingati hari lahir junjongan kita, Nabi Muhammad s.a.w. di-padang besar Bandar Seri Begawan pagi hari Ahad lepas.



D.Y.M.M. ketika di-ziarahi oleh Major Sulaiman bin Awg. Damit yang mengetuai pasokan AMDB dalam perarakan Maulud di-Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lepas.

Dalam titah uchapan itu, Baginda juga telah membayangkan tentang keagongan Nabi Muhammad s.a.w. dalam melaksanakan langkah2 pimpinan yang telah dapat menyatu padukan umat manusia untok mengikuti jalan yang benar.

Sa-bagai pengikut Nabi Muhammad s.a.w., Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah berkali2 menyatakan supaya Islam di-jadikan ideoloji negara dan ingin supaya Islam itu di-jadikan sabagai satu chara hidup yang lengkap di-negeri ini.

Kerana itu-lah Baginda menitahkan supaya disusun Ranchangan Kemajuan Negara yang baru yang bertujuan untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh, serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa.

Tujuan ini hendak-lah difahami oleh seluroh raayat dan pendudok negeri ini, dan Baginda amat-lah gembira jika dalam menyusun ranchangan bagi menchapai tujuan itu disandarkan kapada riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. khas-nya dari segi pembentokan masharakat.

Baginda perchaya, jika langkah yang telah di-buat Nabi Muhammad itu di-ikut, maka Negeri Brunei dengan izin Allah akan menchapai kejayaan yang gemilang dan di-redhai oleh Allah.

Dalam perengkat menyusun ranchangan kemajuan negara ini, titah Baginda, seluroh raayat dan pendudok negeri ini di-berikan peluang seluas2-nya untok mengeluarkan pendapat dan fikiran serta mengemukakan chadangan2 kapada jawatankuasa2 yang telah di-lantek.

Jawatankuasa2 itu pula, titah Baginda, akan pergi menemui raayat dan pendudok negeri ini untok mendengar fikiran2 mereka mengenai hal itu.

(*Lihat muka 12*)

RKN membuka jalan luas bagi raayat berusaha dengan gigih

DANAU. — Ranchangan Kemajuan Negara yang baru bukan-lah bertujuan saperti "meletakkan gangsa emas kapada tiap2 sa-orang raayat, tetapi ada-lah untok membuka jalan luas bagi raayat terus-menerus berusaha dan berhidup dengan subor dan harmoni."

Demikian menurut, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz dalam majlis dailog dengan raayat di-Mesjid Kampong Danau salepas sembahyang fardhu Jumaat lepas.

Beliau berkata, sa-jauh ini Kerajaan D.Y.M.M. telah mengadakan keistimewaan2 untok raayat dan keistimewaan2 itu sekali2 tidak akan di-tarek oleh Kerajaan, bahkan akan di-perbaiki lagi untok mensesuaikan-nya dengan perkembangan zaman.

Oleh yang demikian, kata-nya, ranchangan kemajuan negara yang baru itu akan tidak berguna jika ia-nya tidak berfaedah untok raayat dan sebab itu-lah raayat di-kehendaki sama2 mengambil peranan penting untok menentukan kejayaan-nya.

Beliau menegaskan bahawa pegawai2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang berusaha bagi penyusunan ranchangan kemajuan negara yang baru itu akan merasa sukar jika fikiran2 dari raayat tidak di-hadapkan.

Kerana itu-lah, kata-nya, rombongan2 berdailog dengan

(*Lihat muka 12*)

Hari Pelajar Sekolah2 Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hari Pelajar bagi Sekolah2 Melayu di-seluroh negeri akan bermula pada 10hb. Jun hingga 30hb. Jun ia-itu sa-hari saja bagi tiap2 sekolah.

Pengarah Pelajaran akan merasmikan Hari Pelajar itu pada hari Ahad 10hb. Jun di-Dewan Raya, Bandar Seri Begawan mulai jam 10.15 pagi.

Perkhidmatan Melayu Radio Brunei akan menyiarkan sachara langsong sa-lama 45 minit di-upachara pembukaan rasmi Hari Pelajar itu.

Murid2 dari semua sekolah2 Melayu di-seluroh negeri telah di-arahkan supaya mengikuti upachara pembukaan ramai itu di-sekolah masing2 melalui siaran Radio Brunei.

Di-antara achara2 pembukaan rasmi Hari Pelajar itu termasok-lah Lagu Hari Pelajar oleh beberapa orang murid2 sekolah2, permainan pancha-ragam dari pasokan pancharagam Pulis Diraja Brunei, permainan gendang guling-tangan dan persembahan bunyi2an dari murid2 yang terdiri dari anak2 Askar Melayu Diraja Brunei.

LNG MEMBERIKAN FAEDAH YANG BESAR KAPADA BRUNEI

LUMUT, SERIA. — Ketua Pentadbir, Loji Gas Chechair Asli Lumut, Dato R.A.B. Clough telah menyatakan bahawa ekonomi Negeri Brunei yang kian membangun akan memperolehi faedah berikutan dengan tertuboh-nya kilang penchairan gas asli yang besar di-Lumut.

Beliau menegaskan bahawa melalui kontrek2 yang telah di-buat dalam pertengahan tahun 1970, Brunei LNG telah di-pastikan akan dapat membeli gas dari Brunei Shell dan dari pembelian ini, penjualan2 chechair-nya akan meningkat kapada 3.7 juta tan LNG sa-tahun.

Pada awal tahun lalu, katanya, atorchara dan tugas2 selanjut-nya telah di-susun bagi menyelaraskan penambahan penjualan kira2 1.5 juta tan sa-tahun.

Ini berarti bahawa empat buah yunit penchairan atau rangkaian saloran penchairan yang telah di-ranchangkan pada mula-nya itu ada-lah tidak menchukopi.

Oleh yang demikian, katanya, loji itu telah di-perbesarkan dengan menambah sa-buah lagi rangkaian saloran penchairan sa-lain dari mendirikan sa-buah lagi tangki simpanan.

Kenyataan ini telah di-buat beliau dalam sembah uchapan mengalu2kan keberangkatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok merasmikan Loji Gas Chechair Asli di-Lumut pada hari Rabu 4hb. April.

Loji Gas Chechair Asli itu di-bina berhampiran dengan pantai Lumut yang kawasannya lebeh dari 300 ekar dan menjadikan-nya sa-buah komplek2 perusahaan besar yang moden.

Pembeli2 LNG itu ada-lah terdiri dari tiga buah sharikat yang besar di-Tokyo — The Tokyo Electrical Power Co. Incorporation; Tokyo Gas Co. Ltd; dan Osaka Gas Co. Ltd yang kesemua-nya telah menghantar wakil2 mereka ka-upachara merasmikan pembukaan loji itu.

Menurut Dato Clough bahawa ketiga2 sharikat itu ada-lah mengamalkan approach jangka panjang terhadap masaalah2 tenaga dan juga memandang berat terhadap satu konsep yang di-sumbangkan ka-arah keagongan dan kejayaan.

Beliau menekankan bahawa Brunei LNG dan pembeli2-nya ada-lah saling perchaya memperchayai dan Brunei LNG serta pemegang2 saham-nya akan chuba sedaya upaya menghormati kepercha yaan yang di-letakkan kapada merkea itu.

Beliau juga merasa puas hati disepanjang menjalankan usaha2 penubohan loji itu di-mana Kerajaan dan raayat negeri ini telah turut memainkan peranan mereka dengan rasa penoh muhibbah dan saling mengerti.

Beliau perchaya bahawa sa-lain dari kemajuan dan perkembangan dalam bidang minyak, maka dengan ada-nya sumbangan2 yang sama, kemajuan dan perkembangan akan juga di-chapai dalam bidang perusahaan gas di-negeri ini.



Ketua Pentadbir LNG Brunei, Dato R.A.B. Clough ketika beruchap di-majlis pembukaan rasmi Loji Gas Asli Chechair di-Lumut pada 4hb. April yang lalu.

Masaalah tenaga manusia di-ambil perhatian berat dalam Ranchangan Kemajuan Negara yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ranchangan Kemajuan Negara yang baru akan memberikan perhatian berat di-atas masaalah tenaga manusia dan latehan di-negeri ini agar ia dapat di-gunakan sapenoh-nya oleh negara dalam apa2 jua lapangan kemajuan negara.

Ada-lah di-taksirkan bahawa dalam masa lima tahun akan datang lebeh dari 7,000 tenaga manusia yang terdiri dari penuntut2 lepasan sekolah akan terdapat dalam pasaran menchari pekerjaan di-negeri ini.

Demikian di-nyatakan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz Umar ketika mempengerusikan mashuarat Jawatan Kuasa Kechil Tenaga Manusia dan Latehan di-bilek persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada minggu lalu.

Yang Berhormat itu menegaskan bahawa masaalah ini akan dapat di-atasi di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru dengan mengadakan sistem pelajaran yang boleh mengeluarkan tenaga manusia yang akan dapat digunakan di-lapangan perusahaan terutma dalam lapangan sektor persendirian. Dan kedua menerusi dasar immigresen pada mengeluarkan pas2 kerja yang mesti di-sesuaikan dengan kebolehan anak2 negeri.

Ada-lah di-harapkan di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru agar sa-tiap pekerjaan di-negeri ini. mulai dari peniaga2 sayor hingga kapada kerja2 dan jawatan2 saterus-nya akan di-unjar dari kalangan anak2 negeri.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu telah mengingatkan kembali titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, yang menyeru sektor2 persendirian di-negeri ini mengutamakan anak2 tempatan dalam mengambil para pekerja. Pada masa ini kata-nya ada terdapat di-antara sa-puloh hingga sa-belas ribu pekerja2 yang bukan anak negeri dalam dua buah sektor persendirian sahaja di-negeri ini.

Di-samping itu Yang Berhormat itu juga mengharapkan agar belia2 di-negeri ini akan mengubah sikap mereka dari bergantong mendapatkan pekerjaan kapada Jabatan2 Kerajaan semata2 kapada lapangan sektor persendirian dan tidak memileh sangat tentang pekerjaan.

Dalam hubongan ini Yang Berhormat itu menekankan betapa mustahak-nya belia2 di-negeri ini di-berikan kesedaran dalam perkara tersebut, dan ini dapat di-salorkan menerusi dasar pelajaran, kempen2 penerangan, usaha dari para pemimpin dan saterus-nya mengadakan kajian ka-atas sikap para belia itu supaya ia-nya dapat di-atasi.

Pembayaran perkhidmatan penchen2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-banyak $130,600.00 bagi perkhidmatan kebajikan penchen2 di-seluroh negeri dalam bulan Mach yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Negara menunjokkan bahawa sa-banyak $125,487.50 di-bayar kapada penerima2 penchen umor tua; $4,512.50 di-bayar kapada penerima2 penchen orang2 buta serta tanggongan mereka dan $600.00 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan pesakit2 kusta dan gila.

Berikut ini ia-lah penyata kasar yang menunjokkan pembayaran perkhidmatan penchen2 bagi seluroh negeri:

1. PENCHEN UMOR TUA

Daerah Brunei dan Muara	$	69,537.50
Daerah Belait		24,275.00
Daerah Tutong		25,225.00
Daerah Temburong		6,450.00
Jumlah:		125,487.50

2. PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGANNYA

Daerah Brunei dan Muara	$	3,162.50
Daerah Belait		550.00
Daerah Tutong		575.00
Daerah Temburong		225.00
Jumlah		4,512.50

3. ALAON ORANG2 TANGGONGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA

Daerah Brunei dan Muara	$	337.50
Daerah Belait		200.00
Daerah Tutong		62.50
Daerah Temburong		
Jumlah		600.00

Peraduan Dugaan Akal bagi sekolah2 rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran buat pertama kali-nya akan menganjorkan peraduan 'Dugaan Akal' bagi Sekolah2 Rendah dan Menengah Melayu di-seluroh negeri.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Pelajaran berkata, tiap2 sekolah hanya di-kehendaki menghantar empat orang peserta, dua lelaki dan dua perempuan.

Soalan pusingan dan soalan bebas yang akan di-sediakan untok perlawanan itu ada-lah berdasarkan kapada sukatan pelajaran di-sekolah2 Melayu di-negeri ini atau pengetahuan yang sa-taraf dengan-nya.

Perlawanan suku akhir dan saparoh akhir antara sekolah2 yang menjadi johan di-bahagian masing2 akan di-adakan dalam bulan Ogos dan perlawanan akhir kejohanan seluroh negeri akan di-adakan awal bulan September.

KA-TANAH SUCHI — SIRI KE-LIMA

Lawatan ka-tempat2 yang bersejarah

SA-TENGAH2 orang mengatakan bahawa jika sa-seorang jemaah haji tidak berkesempatan melawat ka-tempat2 yang bersejarah, maka pemergian haji-nya agak kurang lengkap.

Sa-jauhmana kebenaran argument ini tidak-lah bagitu meyakinkan, kerana menurut ibadah haji bahawa sa-seorang jemaah itu di-tauliahkan oleh Allah sa-bagai sa-orang haji ketika menjalani ukuf di-'Arfah serta di-sokong oleh kesempurnaan2 ketika menjalankan ibadah2 tawaf, sha'e dan tahalul serta ibadah2 yang lain.



Ini-lah keadaan jemaah2 Brunei ketika berkelah di-Wadi Fatimah.

OLEH

HAJI AHMAD ARSHAD.

Menurut Sheikh bahawa perkara melawat ka-tempat2 yang bersejarah itu ada-lah tidak penting, bahkan tidak termasok dalam mengerjakan ibadah haji itu. Melawat ka-tempat2 yang bersejarah itu ada-lah tidak lebeh dari yang merupakan satu kunjongan "sunat" yang kalau kita kerjakan kita akan mendapat pahala sunat dan tidak menjadi apa2 jika kita tidak dapat melawat itu.

Barangkali yang di-maksudkan kurang lengkap itu, harus mengenai dengan "menggunakan kesempatan" kita berhijrah ka-tanah suchi itu yang sa-bilangan besar jemaah hanya dapat berkunjong ka-sana sa-kali dalam saumor hidup. Jadi kesempatan ini harus di-gunakan sa-berapa dapat yang mungkin.

Juga barangkali yang mendurong supaya jemaah2 haji itu "melengkapkan pemergian" mereka itu ia-lah sa-telah menerima kesan sa-lepas pergi ka-tanah suchi itu. Apabila sa-seorang jemaah pulang ka-tanah ayer, kebanyakan orang2 kita sedikit sa-banyak bertanya tentang hal-ehwal pemergian mereka itu. Pertanyaan ini pula lebeh banyak bertumpu kapada tempat2 yang bersejarah. Misal-nya, jika sa-seorang haji yang baru pulang itu di-tanyai tentang mesjid kuching dan Wadi Fatimah, sedangkan ia tidak berkesempatan pergi ka-tempat2 itu, maka sukar-lah ia mencheritakan keadaan tempat2 itu. Dari sini kehampaan itu timbul dalam diri-nya dan lalu ia marasakan sa-olah2 satu kerugian pada-nya. Oleh yang demikian, kalau orang yang bertanya itu merupakan sa-orang yang fanatik, maka ia akan mensifatkan haji itu tadi sa-bagai sa-orang haji yang tidak lengkap.

Kalau orang2 haji yang menerima anggapan itu dan di-tambah pula kurang tebal-nya iman mereka, maka harus akan timbul satu perasaan yang kurang yakin dalam diri-nya terhadap ibadah haji yang telah di-kerjakan-nya itu. Tetapi bagi orang2 yang "pandangaran dan paliatan", tegas-nya mempunyai pengetahuan, maka ia-nya akan dapat menyelamatkan diri dari anasir yang boleh menimbulkan satu chiri dalam kerosakan keimanan sa-seorang itu.

Anggapan yang sa-olah2 di-mestikan melawat itu terdapat juga di-kalangan jemaah2 yang saya ikuti sa-hingga ada jemaah yang sedang demam memaksa diri-nya bangkit kerana hendak pergi ka-Jabal Nur. Ketika saya menasehatkan supaya tinggal saja di-rumah, maka berkata-lah sahabat-nya: "biar tia wang aji — jangan barhak". Ini lagi merupakan satu penyakit. Saya mengetahui jemaah yang sedang demam itu telah di-serang penyakit ampus sejak tiga hari yang sudah. Pada hari pemergian-nya ka-Jabal Nur itu, penyakit-nya itu sudah pun berkurangan. Saya minta bantuan Sheikh untok melarang pemergian-nya itu, tetapi ia tetap dengan kekerasan-nya, apa lagi bila mendengar kata2 dari sahabat-nya itu. Sheikh hampir2 hendak membatalkan pemergian pada hari itu, tetapi memandang kapada jemaah yang sudah pun memenohi dua buah bas yang sedang menunggu, maka pemergian itu di-teruskan juga. Namun demikian, jemaah yang sedang sakit itu tidak di-benarkan turun dari bas dan hanya melihat Jabal Nur dari dalam bas sahaja.

Untok kepentingan lawatan2 saterus-nya, maka Sheikh mengeluarkan satu peraturan yang mesti di-patohi ia-itu siapa2 yang demam, sakit dan merasa diri-nya tidak kuat tidak di-benarkan turut melawat. Tetapi peraturan ini juga tidak di-indahkan, sa-hingga Sheikh mengeluarkan amaran untok tidak bertanggong-jawab jika terjadi sa-suatu hal yang tidak di-ingini. Amaran ini di-kira akan dapat mengechutkan jemaah2 yang demam, sakit dan lemah itu, tetapi keadaan maseh tetap dengan "keras hati" itu juga, sahingga ada yang "bagimbari" yang semata2 takutkan berhak itu.

Ini-lah satu keadaan yang patut benar di-fikirkan panjang2, khas-nya di-kalangan jemaah2 sendiri pada masa2 yang akan datang. Ini-lah juga salah satu sikap yang amat membimbangkan dan kebimbangan itu timbul ia-lah tentang soal keselamatan jemaah2 itu sendiri. Beberapa peraturan untok keselamatan itu terpaksa di-keluarkan termasok peraturan2 masok ka-dalam bas yang mesti di-dahulukan perempuan, orang2 tua dan kanak2 dan yang tidak kuat, sementara yang kuat dan maseh muda di-kemudiankan dan sekali2 jangan berebut2. Al-hamdul-lil-lah, peraturan ini saya lihat, dapat-lah di-katakan berjalan dengan baik-nya.

Lawatan2, kadang2 di-adakan selang sa-hari sa-lama berada di-Mekah dan kadang2 lawatan2 ka-satu2 tempat itu terpaksa di-adakan dua kali bagi memberi kesempatan kapada jemaah2 yang tidak dapat pergi dalam masa lawatan mula2-nya. Ini termasok-lah lawatan2 ka-Wadi Fatimah, Ja'ranah, Jabal Nur, Jabal Thur dan Jabal Qubis. (Jabal Qubis letak-nya di-belakang Flat jemaah2 Sheikh Ali Yassin di-Kampong Jiad).

Keistimewaan untok melawat ka-Ja'ranah dari Mekah, sa-lain dari mengambil pahala sunat ia-lah tentang ayer yang terdapat di-sana. Sa-lain dari ayer ini di-riwayatkan sa-bagai ayer yang di-ludahi oleh Nabi sa-telah di-bunoh rachun oleh pehak penentang2 Islam, ia-nya juga berlainan rasa dengan ayer yang terdapat di-Mekah. Ayer di-Mekah rasa-nya "bahal" saperti rasa ayer zam-zam juga, sementara ayer yang di-Ja'ranah itu sa-akan2 ayer yang ada di-jawi ini. Sa-bagai ayer yang di-anggap "penawar", jemaah2 kita juga suka mengambil-nya untok di-jadikan minuman harian di-Mekah, bahkan ada juga yang membawa-nya pulang ka-tanah ayer.

Jabal Nur dan Jabar Thur yang mempunyai riwayat yang tersendiri dalam hubongan rapat-nya dengan Nabi Besar Muhammad s.a.w. khas-nya sa-bagai tempat persembunyian Baginda ketika di-baru oleh kaum yang menentang Baginda, tidak kurang juga menarek perhatian jemaah2 Brunei. Jemaah2 kita yang biasa-nya selalu mengikuti kesah2 Nabi yang selalu di-cheritakan oleh pemimpin2 Uganama di-tanah ayer

(Lihat muka 5)



Bagini-lah chara makan Arab yang di-sajikan sa-waktu jemaah2 Brunei ini berada di-Wadi Fatimah. Membelakang kamera ini ia-lah Y.B. Pehin Begawan Khatib, Dato Paduka Haji Metali, Kadhi Besar Brunei dan Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Juned bersama2 keluarga mereka menikmati hidangan chara Arab itu.

PELITA BRUNEI

(18hb. April, 1973).

RAAYAT PERLU BERCHAKAP

DALAM usaha menyusun ranchangan kemajuan negara yang baru, D.Y.M.M. Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menyeru seluroh raayat dan pendudok negeri ini supaya bersama2 menyumbangkan fikiran, pendapat dan chadangan yang sehat bagi menchapai tujuan untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa di-Brunei Darussalam ini.

Titah Baginda ini ada-lah merupakan satu pelawaan kapada seluroh raayat, khas-nya yang terdiri di-kalangan bumiputera atau raayat tulin jati untok sama2 memikirkan bagi memajukan negara.

Di-negara kita ini dalam jangka waktu yang belum lama dahulu, kita pernah, bahkan harus sa-bilangan besar dari kita telah sama2 mengetahui tentang saranan2 yang bernas yang menuntut kebebasan berchakap, berfikir dan mengeluarkan pendapat2 tentang apa jua segi yang pada keseluroh-an-nya di-rumuskan sa-bagai membantu-majukan negara.

Sabenar-nya. kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat2 tidak pernah di-keluarkan sekatan2 di-negeri ini, sekalipun dalam masa dharurat. Hanya yang selalu di-ingatkan ia-lah tentang chakap2 dan pendapat2 yang berkemungkinan besar dapat menimbulkan suatu chorak perpechahan raayat. Berita2 angin yang tidak berasas, apa lagi berita2 yang boleh menimbulkan kegelisahan raayat, di-mana2 negeri pun pasti akan menerima tentangan dari Kerajaan. Jika Kerajaan membiarkan berita2 atau chakap2 yang tidak berasas dan membahayakan negara itu, maka ada-lah jelas yang Kerajaan itu tidak bertanggong-jawab terhadap raayat yang di-tadbirkan-nya. Kerajaan D.Y.M.M. ada-lah di-antara Kerajaan2 dalam dunia yang sentiasa mementingkan keharmonian raayat dalam sa-genap bidang. Bahkan dalam lapangan2 yang tertentu bagi melayani kehendak raayat, maka Kerajaan D.Y.M.M. ternyata menghidangkan keistimewaan2 yang tidak terdapat di-negara2 lain.

Kerajaan sa-lama ini, sentiasa mengalu2kan pendapat2 raayat untok membangun negara ka-satu arah kebaikan yang di-redhai Allah dan Kerajaan tidak menyimpan sa-barang anggapan untok menolak sa-suatu yang baik dan amat berguna itu.

Melalui penyusunan ranchangan kemajuan negara yang baru itu, Kerajaan telah memboktikan dengan chara yang terbuka untok benar2 menghargai pendapat2 dan fikiran2 raayat itu dan mengundang mereka dengan tidak mengira asal usol, sekali pun pendapat dari sa-orang pengangkut sampah.

Sa-bagai sa-buah Kerajaan Islam, maka ajaran2 Islam yang di-sibarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang antara lain menghargakan pendapat2 orang, sekali pun datang-nya dari sa-

(*Lihat muka 12*)



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika bertitah di-rapat raksaksa memperingati Maulud Nabi Muhammad s.a.w.

RAAYAT HARUS MENYUMBANGKAN FIKIRAN BAGI MEMBENTOK SA-BUAH MASHARAKAT YANG KUKOH

Dari titah

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-rapat raksaksa kerana memperingati Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Padang Besar, B.S.B. pada 15hb. April yang lalu.

ALHAMDULIL - LAH sukor ka-hadharat Allah Subhanahu-Wataala di-atas nekmat-Nya pada kita, salawat serta salam kapada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. serta kapada pengikut2 Baginda yang setia sekalian.

Kita berkumpul pada hari ini ia-lah untok memperingati hari kelahiran junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w., utusan Allah yang memimpin kita dan memimpin seluroh umat manusia untok mengikut jalan yang benar menurut ajaran2 Allah. Dalam sejarah-nya Baginda telah berjaya membentok suatu masharakat yang kukoh sahingga hidup berpaduan di-kalangan raayat dan pendudok di-Medinah yang mana Baginda sa-bagai ketua-nya. Baginda telah mengambil langkah2 bagi membentok perpaduan masharakat itu dengan bersunggoh2 di-antara-nya ia-lah pembinaan mesjid2 yang bukan saja di-jadikan tempat untok menunaikan sembahyang bahkan dalam mesjid itu di-adakan sudut2 untok tempat belajar berjual beli dan sa-umpama-nya. sesuai dengan keadaan sa-hingga mesjid memainkan peranan yang penting dalam pembentokan ka-arah mengukohkan masharakat. Baginda juga berusaha pada mengukohkan persaudaraan dan hubongan silatul rahim yang rapat di-antara orang2 Islam sendiri yang mana persaudaraan itu bukan saja menimbulkan kemesraan sa-bagai sanak saudara dari segi keturunan bahkan mereka terialin sa-bagai satu kumpulan yang kukoh di-ikat oleh persatuan yang di-bentok satu perpaduan di-antara raayat dan pendudok di-Medinah yang terdiri dari beberapa gulongan, baik dari segi ugama maupun dari segi puak dan keturunan.

Perpaduan raayat dan pendudok di-Medinah itu menyebut suasana yang aman tenteram dan makmor dengan tidak menyentoh kebebasan berugama ia-itu sa-tiap pemelok ugama boleh mengamalkan keperchayaan masing2 dengan aman dan sempurna. Maka sabagai pengikut Nabi Muhammad s.a.w., Beta telah berkali2 menyatakan supaya Islam di-jadikan ideologi negara dan ingin supaya Islam di-jadikan sa-bagai satu chara hidup yang lengkap di-negeri ini dan kerana itu-lah Beta mengarahkan Kerajaan Beta supaya menyusun Ranchangan Kemajuan Negara yang baru yang bertujuan untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa. Tujuan ini hendak-lah di-fahami oleh seluroh raayat. Dalam menyusun ranchangan bagi menchapai tujuan itu ada-lah sangat baik jika masing2 mengkaji sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w. ini khas dari segi pembentokan masharakat itu dan Beta perchaya jika langkah yang telah di-buat oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu di-ikuti, maka Negeri Brunei dengan izin Allah akan menchapai kejayakan yang gemilang dan di-redhai oleh Allah.

Dalam perengkat penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara ini seluroh raayat dan pendudok negeri ini di-beri berpeluang yang sa-luas2-nya supaya mereka mengeluarkan pendapat dan fikiran mengemukakan chadangan2 kapada jawatankuasa2 yang di-lantek. Di-samping itu jawatankuasa2 pula akan pergi menemui raayat dan pendudok untok mendengar fikiran2 raayat dan pendudok mengenai hal ini. Beta perchaya ini ada-lah satu kebebasan bersuara dan berfikir yang di-nekmati oleh raayat Beta sekalian. Beta memang berhasrat supaya raayat Beta memberi tahu apa jua mereka mahu untok kebahagiaan kita bersama untok berbakti kapada Allah di-atas bumi Brunei Darus Salam ini, yang kita chintai ini.

Kebebasan bersuara dan berfikir ada-lah di-amalkan di-negeri ini dalam pada itu hendak-lah di-salorkan menurut saloran2 yang sehat dan fikiran2 itu hendak-lah membina dan bertujuan sa-mata2 untok kebajikan bagi menchapai keredhaan Allah kerana akal dan fikiran yang sehat mempunyai kedudokan yang tinggi di-sisi ugama khas-nya pada mengusai dan memperelokkan lagi pentadbiran dan kemajuan hal ehwal keduniaan kita yang mana dapat di-jadikan sa-bagai bekalan untok kegunaan kita di-akhirat nanti.

Bersempena dengan perkumpulan kita bagi merayakan dan menghormati hari kelahirkan junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. pada hari ini dan berkelurusan kita sedang berusaha untok menyusun Ranchangan Kemajuan Negara yang baru, Beta ingin berseru kapada seluroh raayat dan pendudok negeri ini supaya bersama2 menyumbangkan fikiran, pendapat dan chadangan yang sehat bagi menchapai tujuan untok membentok sabuah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa di-Brunei Darus Salam ini. Terima kaseh.

Ka-tanah Suchi:

AKIBAT TAKUT "BARHAK"

(Dari muka 3)

sama ada melalui sharahan2 khas di-Radio dan di-majlis2 yang tertentu, ingin benar menyaksikan sendiri kesan2 yang di-tinggalkan Baginda di-tanah suchi dan di-Medinah. Kerana itu hampir seluroh jemaah2 Brunei di-tempat saya bertugas mempunyai kesempatan yang luas untok berkunjong ka-tempat2 sejarah yang berhubong rapat dengan kebesaran Nabi Muhammad s.a.w. itu.

Banyak jemaah2 Brunei berjaya mendaki Jabal Nur atau Bukit Nur yang tinggi-nya kira2 dua batu itu. Di-liring2 bukit itu sa-belum sampai ka-punchok-nya terdapat orang2 Arab yang menjual minuman2 rengan saperti orange dan coca-cola. Sa-lain dari itu, kita juga akan terjumpa beberapa orang sedang menunggu di-kawasan2 yang di-bersehkan di-liring2 bukit itu sambil mendakwa yang tempat2 yang di-bersehkan mereka itu konon-nya sa-bagai bekas tempat2 sahabat2 Nabi bersembahyang atau tempat Nabi sendiri menerima wahyu. Tetapi jemaah2 Brunei dapat di-selamatkan dari penipuan ini dengan ada-nya peringatan2 dari wakil Sheikh yang membawa mereka melawat. Wakil Sheikh itu mengiringkan jemaah2 Brunei hingga ka-punchak bukit sambil melaongkan melalui pembesar suara yang "di-sikut-nya" di-bahu sambil berkata: "jaga orang tipu!- jaga orang tipu!". Wakil itu menegaskan bahawa tempat Nabi berjumpa dengan sahabat2 Baginda dan isteri2 Baginda ia-lah di-atas, bukan di-kaki bukit. Demikian juga-lah halnya dengan lawatan ka-Bukit Thur vang lebeh tinggi dari Bukit Nur.

Apa yang perlu di-ingat ketika melawat ka-Bukit2 itu sa-lain dari menghindarkan diri menjadi mangsa2 penipuan ia-lah soal keselamatan kita. Saperti yang di-ingatkan oleh Sheikh bahawa hanya jemaah yang kuat dan mempunyai tenaga yang chukop saja di-benarkan mendaki bukit2 itu. Terdapat juga jemaah yang keras hati untok turut mendaki, pada hal ia-nya kelihatan kekurangan tenaga lantaran umor sudah meningkat tua. Kerana hati-nya terlalu keras, maka tidak ada siapa yang dapat melarang-nya. Tiba di-tengah2 bukit, saya lihat dia sudah termengah2 dan tenaga-nya hampir habis dan terpaksa berehat untok mengumpulkan semula tenaga-nya itu. Saya berundur turun mendapatkan-nya dan menasihatkan supaya dudok di-situ saja — jangan chuba mendaki sampai ka-punchak yang maseh jauh itu.

"Banyak lagi 'kan kitani kerjakan. Karang, kalau, kita damam, kita jua payah", kata saya. "Inda ku-damam wang aji. Sampaikan saja hajat-ku naik ka-atas atu", kata-nya dengan bersemangat. Mahu tidak mahu, saya dan kawan2 terpaksa bergilir2 mengiringkan dan memapah-nya hingga ka-punchak dan turun semula. Sampai di-rumah dia di-serang salesma dan batok2. Dia juga merasa sengal2 dan sakit2 seluroh badan-nya. Lantaran ini, kerja2 di-Mekah saperti tawaf sunat tidak dapat di-kerjakan-nya sa-hingga berhari2. Kerana itu-lah Sheikh berkali2 mengingatkan bahawa hanya yang kuat2 dan sehat saja yang di-benarkan naik. Kalau kita tidak turut mendaki pun tidak jadi apa2. Kita harus mengutamakan kerja2 yang abdhal yang maseh menunggu di-depan kita.

Dalam masa kita di-bawa melawat2 itu, kita akan berjumpa ramai orang yang meminta sedekah yang kebanyakan-nya terdiri dari kanak2. Kita memang di-galakka bersedekah. Tetapi kita harus ingat terhadap ada-nya orang2 penyelok saku. Saorang jemaah kita yang di-kerumuni oleh budak2 yang meminta sedekah itu telah tidak menyedari yang poket-nya "di-salok" dan hanya sedar yang wang-nya sa-banyak 40 rial telah lesap ketika sudah dudok dalam bas.

Duit "ghurus atau hindi" (siling di-Saudi) mesti di-simpan dalam poket kita. Kegunaan-nya bukan saja untok sedekah, tetapi juga untok membeli ayer berudhu' untok menunaikan sembahyang di-tempat2 yang di-lawati itu. Jemaah yang tidak mempunyai duit kechil terpaksa membayar satu rial bagi satu jak ayer. Kadang2, jika nasib baik, duit lebeh itu di-kembalikan, tetapi ada juga yang tidak balek jika kita silap sebut. Budak yang menjual ayer itu, biasa-nya a w a l 2 akan menyebut "halal?". Bila kita sambut dengan perkataan halal juga, maka jangan harap duit lebeh itu di-kembalikan.

Saya geli hati melihat saorang jemaah yang bertengkar tentang duit balek ini. Jemaah itu mengunjokkan sa-puloh rial ketika membeli sa-biji limau dan epal yang jumlah harganya 4 rial. Bila orang Arab penjual itu menyebut halal, jemaah itu menyebut halal juga. Jemaah kita ini, rupa2-nya bermaksud bahawa yang halal itu ia-lah limau dan epal yang di-beli-nya. Tetapi si-penjual itu pula bermaksud yang halal itu ia-lah duit yang di-unjokkan. Pertengkaran pun berlaku, tetapi si-penjual itu tetap juga dengan falsafah halal yang di-uchapkan-nya. Akhirnya orang kita ini pun mengalah. "Matah2 kitani di-buyuk-nya wang aji", kata orang itu dengan marah. "Inda mengapa, halal 'kan saja tia, ada barapa jua anam rial". Jemaah kita itu hanya giling kepala saja.

Lawatan yang agak meriah ia-lah sa-waktu ka-Wadi Fatimah atau Kolam Fatimah. Jemaah di-tempat saya di-bawa ka-tempat itu hampir2 satu hari. Sheikh menyediakan makanan dan minuman dan sa-ekor "sapi" terpaksa di-sembelih untok makan tengah hari. Semua jemaah2 Sheikh berkumpul di-situ dan berkenal2an antara satu dengan yang lain. Di-sini-lah juga, jemaah2 Brunei yang menaiki kapal terbang dan kapal laut yang bersheikhkan Ali Yassin bertemu dan berbual lebeh rapat lagi. Mereka dapat beramah mesera saperti keadaan kita di-Brunei dan makan bersama2 serta mencheritakan pengalaman masing2 semasa di-kapal laut dan udara. Sayugia di-terangkan bahawa jemaah2 yang di-bawa ka-Wadi Fatimah itu semua-nya terdiri dari orang2 Melavu termasok jemaah dari negara2 Melavu yang lain.

Banyak di-antara jemaah2 Brunei, lelaki dan perempuan mandi di-Kolam Fatimah yang ayer-nya tidak sa-sejok saperti yang di-sangkakan. Sekitar Kolam Fatimah itu ada-lah merupakan satu kawasan tumboh2an yang tersendiri. Menurut sa-orang pendudok di-situ, tanah yang terdapat di-sekitar itu ada-lah berlainan sedikit dengan tempat2 yang lain di-sekitar Mekah. Kalau di-tempat2 yang lain, hanya pokok2 kurma saja yang menjadi, tetapi di-kawasan Wadi Fatimah itu terdapat juga tumboh2an yang lain saperti pokok2 limau asam dan manis serta sayor2an. Dari sini juga sedikit sebanyak-nya mengeluarkan sa-jenis rumput untok makanan unta, kibas d a n lembu. Penghidupan orang2 di-sini yang bilangan-nya tidak bagitu ramai hanya-lah bersandarkan hasil2 tanaman itu dan juga ternakan2 ayam dan kambing.

Lawatan yang di-buat ka-Wadi Fatimah itu ada-lah merupakan satu perkumpulan perkelahan bagi kebanyakan Jemaah2 Brunei yang serba-sedikit telah menimbulkan satu keadaan yang menggembirakan di-kalangan jemaah2.



Jemaah2 perempuan Brunei juga turut sama "barusah2" bagi persediaan makan tengah hari di-Wadi Fatimah.



Bersama2 dengan jemaah2 perempuan yang lain dan keluarga2 Sheikh, jemaah2 perempuan Brunei ini turut "mengarap2 dan mengupas2" bahan2 achar Arab yang di-hidangkan dalam perkelahan itu.

Lebeh 12,000 sertai p

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Su... Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah ... berchemar duli menghadhiri rapat raksaksa di-pada... Bandar Seri Begawan untok merayakan Maulud Nabi ... mad s.a.w. pada hari Ahad lepas.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Su... Yang Di-Pertuan juga telah menyampaikan titah kapa... 12,000 umat Islam dan kemudian berangkat memer... sokan2 yang mengambil bahagian dalam perarakan i...

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawa... Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin... hadhir di-rapat itu.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang B... Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama A... Mohammad Zain bin Haji Serudin juga beruchap di-...

Peserta Perarakan itu pada mula-nya berkumpul di-... sar, Bandar Seri Begawan sa-belum berarak mengelilingi ... jauh kira2 dua batu.

Perarakan itu di-dahului oleh salawat dan tembak... sa-banyak 12 das.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pe... zir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah ... ngepalai perarakan.


Dalam pasokan yang sama ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Muda Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Azız, Yang Amat Mulia Cheteria2, pegawai2 kanan kerajaan dan ahli2 Jawatan Kuasa Peravaan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w.

Ahli2 pencharagam pasokan Polis Diraja Brunei dan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Di-akhir perarakan itu. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah telah menyampaikan sijil2 kapada pasokan2 yang mengambil bahagian





Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia ka-upachara perhimpunan bagi merayakan kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. itu telah di-alu2kan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin (gambar atas).



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah sedang menyampaikan sijil kenangan kapada Awang Haji Damit bin Haji Kawang.

Peserta2 perarakan ketika melalui Jalan Stoney.





D.Y.M.M. ketika di-perkenalkan kapada pensharah2 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah menyertai perarakan itu.

...erarakan Maulud di-Ibu Kota

...n dan
...ngkat
...besar
...ham-


...n dan
...lebeh
...a pa-

...ultan,
...telah

...ormat
...Haji
...at itu.
...ng be-
...lar sa-


...neriam

...a Wa-
...h me-





Duli Yang Maha Mulia ketika di-junjong oleh Pengerusi sambutan untok di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan yang menyertai perarakan pada hari itu.




Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika di-alu2kan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Maulud. Sedang memerhati ia-lah Timbalan Pengerusi Sambutan, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Sambutan Maulud ketika menyebahkan uchapan alu2an di-upachara perhimpunan bagi merayakan kelahiran junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. pada hari Ahad lepas.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah (di-tengah2) yang mengepalai perarakan sa-jauh kira2 dua batu itu. Turut bersama2 Yang Teramat Mulia itu ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Jefri Bolkiah; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M.; Pmk. M.B.; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Pmk. SUK.; Y.A.M. Cheteria2; pegawai2 kanan kerajaan dan ahli2 jawatankuasa sambutan.





Penuntut2 sekolah ada-lah yang paling ramai menyertai perarakan pada hari itu. Gambar atas menunjokkan salah sa-buah pasokan perempuan ketika meninggalkan padang besar untok berarak mengelilingi bandar dalam sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. di-Bandar Seri Begawan.



Pasokan dari Pejabat S.U.K. ketika berarak melalui Jalan Chevaliar.

Kaum Tiong Hwa K.B. di-puji kerana pertulongan mereka terhadap projek2 yang berfaedah

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar bersabda, bahawa apa yang menjadi perhatian beliau terhadap ra'ayat dan pendudok bangsa Tiong Hwa di-daerah itu ia-lah kemahuan dan perasaan mereka untok memberikan pertulong-an terhadap apa2 jua projek yang berfaedah, saperti sambutan2 perayaan hari keputeraan D.Y.M.M. dan baru2 ini tentang derma Tabong Pembinaan Stadium.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah bersabda demikian, di-uchara merasmikan Gymnasium Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait pada minggu lalu.

Pegawai Daerah itu juga telah memuji masharakat Tiong Hwa di-daerah itu kerana bukan hanya sa-takat berderma, tetapi juga hidup dan tinggal dalam rukun damai dengan lain2 bangsa dan puak.

Beliau mensifatkan rasa keikhlasan saperti itu sudah sememang-nya di-hargai kerana ia-nya ada-lah memboktikan kesanggupan bagi menunjunjong ti-tah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei supaya senan-tiasa mengambil berat tentang mengekalkan keamanan, ke-sentosaan dan kemakmoran negeri ini.

Menyentoh tentang gymna-sium itu, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara meng-harapkan, supaya kerjasama yang di-berikan oleh pengasas, penasehat dan pemodal gym-nasium tersebut tetap menjadi kenangan bagi guru2 dan mu-rid2 sekolah itu khas-nya.

Beliau juga mengharapkan supaya dengan kenangan baik itu, guru2 dan murid2 sekolah tersebut akan terus memain-kan peranan dan tanggong-ja-wap-nya untok mengekalkan nama baik jawatankuasa pengurus sekolah tersebut.

Turut beruchap ia-lah Pe-ngarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm Mac-Innes.

Antara lain beliau berkata bahawa ada dua perkara pen-ting dari Sekolah Menengah Chung Hwa itu yang memuas-kan beliau.

Ini, kata-nya, kerjasama dan taat setia mereka kapada Ja-batan Pelajaran dan usaha ja-watankuasa pengurus yang te-rus menerus pada masa2 su-dah dan pada masa ini untok mengutip derma untok meng-adakan bangunan yang baru dan baik bagi sekolah tersebut.

Terdahulu sa-belum itu Pengu-rusi Jawatankuasa Pengurus Se-kolah Menengah Chung Hwa Awg. Wong Kim Hai telah memberikan uchapan berhubong dengan seja-rah sekolah itu.

Upachara pembukaan rasmi gymnasium itu di-akhiri dengan satu pertunjokkan gymnastik oleh murid2 sekolah tersebut.

Gymnasium itu di-bina dengan harga kira2 $280,000.00 melalui derma dan sukongan orang ramai.


Di-antara yang hadhir di-upa-chara itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Bendahari China Kornia Diraja Awang Hong Kok Tin, Pemangku Ketua Nazir Sekolah2 Tionghwa, Awang Abdul Hamid bin Haji Jalil, pegawai2 kanan jabatan pelajaran dan guru2.



Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sedang membuka tirai bagi merasmikan Gymnasium Seko'ah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait pada minggu lalu.



Yang Di-Muliakan Pehin Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein (di-kanan sekali) dan Awang Haji Kassim Mudzafar (no. 2 dari kanan) ketika menghadhiri kongress penubohan Asian-Pacific Union of Ka-rate-Do Organisation — APUOKO di-Singapura.



Peserta Brunei yang termuda sekali, Ak. Hashim bin Pengiran Setia Raja Pg. Jaya (kiri) mengalahkan lawan-nya, Latif dari Indonesia da-lam perlawanan karate Sa-Asia di-Singapura.

Memerhati sekolah U-rumah tangga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang ahli Perkumpolan Wanita, Brunei, Che'gu Norsiah binte Ab-dul Rahman telah berlepas ka-Singapura pada hari Khamis lalu untok melihat dan memerhati se-kolah2 urusan rumah-tangga di-republik itu.

Sa-masa berada di-Singapura, Dayang Norsiah akan melihat tek-nik2 dan urusan2 rumah-tangga yang baru yang mana pengetahuan beliau itu akan di-ajarkan kapada ahli2 Perkumpolan Wanita di-ne-geri itu.

Dayang Norsiah akan berada di-Singapura sa-lama sa-minggu.

Brunei di-pileh menjadi pengarah dalam gabongan APUOKO

BRUNEI telah di-pileh men-jadi Pengarah dalam ga-bongan Asian-Pacific Union of Karate-Do Organisation — APUOKO.

Ini telah di-persetujui da-lam persidangan penubohan gabongan persatuan karate sa-Asia yang telah berlangsong di-Singapura pada 2hb. Mach yang lalu sa-belum perlawanan karate Sa-Asia yang pertama di-mulakan. Dalam perlawan-an itu Brunei juga telah meng-ambil bahagian.

Dalam persidangan itu Bru-nei telah di-wakili oleh dua orang ahli dari Persatuan Amateur Judo-Karate Negeri Brunei. Mereka ia-lah Naib Yang Di-Pertua persatuan itu, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein dan setia usaha-nya, Awang Haji Kassim Mudzafar.

Mashuarat itu juga telah bersetuju dengan shor yang di-kemukakan oleh Yang Di-Mu-liakan Pehin Orang Kaya Uda-na Laila Dato Paduka Awang Hussein untok menubohkan ibu pejabat APUOKO di-Singapura.

Dalam perlawanan karate sa-Asia yang pertama itu, Bru-nei telah mendapat tempat ke-empat dari 13 buah negara yang mengambil bahagian. Brunei telah bertemu dengan Indonesia, Iran, India dan Hong Kong.

Peserta2 Brunei ka-perlawanan itu ia-lah Che'gu Abdullah Sani, Chong Yew Fah, Ak. Hashim, Malai Mohammad, Louis Lim dan Ak. Roslee.

Di-samping itu jurulateh pasok-an itu, Che'gu Zainal Ladi dan Louis Lim telah lulus dalam kur-sus pengadilan (sub-judge) yang telah di-adakan di-Singapura.



Pmk. SUK, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abd. Aziz (memakai songkok Melayu puteh) dalam majlis dailog di-mesjid Danau. Di-sebelah kiri beliau ia-lah Y.B. Orang Kaya Pekerma Indera, Awang Haji Jili, Ketua Kampong Danau dan Awg. Zakaria, Setia Usaha J/K Peranchangan. Majlis itu di-dahului dengan uchapan singkat dari Pmk. Pegawai Daerah Tutong, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim (sedang memegang microphone rakaman).

KERAJAAN TIDAK MAHU RAAYAT GAGAL DALAM MENGENDALIKAN MODAL YANG DI-PINJAMKAN

DANAU. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan bahawa Kerajaan sekali2 tidak ingin melihat kemungkinan2 berulang-nya kegagalan raayat negeri ini dalam menggendalikan modal yang di-perbantukan Kerajaan kapada mereka.

Di-bawah ranchangan kemajuan negara yang baru itu, kata-nya, raayat di-suroh berusaha dalam apa jua bidang termasok di-bidang2 perusahaan pertanian, ternakan dan perikanan dengan semangat yang benar2 mahu berusaha.

Dalam majlis dailog dengan raayat yang berlangsong di-Mesjid Kampong Danau, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menimbulkan kegagalan raayat pada masa2 yang lalu dalam mengendalikan modal yang di-pijamkan Kerajaan, saperti untok menternak ayam, kerbau dan lembu.

Usaha mereka itu, kata-nya, telah tidak menimbulkan hasil yang di-harap2kan Kerajaan, bahkan telah menjadi beban kapada mereka untok membayar balek modal yang di-pinjamkan oleh Kerajaan itu.

Perkara yang sa-umpama ini, jelas beliau, sama sekali tidak di-kehendaki berlaku semula dan sebab itu-lah ranchangan kemajuan negara yang baru itu berkehendakkan penyusunan yang teliti, memuskan dan tidak akan menjadi beban kapada raayat di-kemudian hari kelak.

Dalam majlis itu, beberapa orang pendudok Kampong Danau telah mengemukakan beberapa chadangan termasok pembekalan talipon di-Kampong itu; kemungkinan2 penubohan Sharikat Kerjasama atau Yayasan di-Brunei dan penambahan pintu2 kedai di-Pekan Tutong yang di-khaskan kapada pendudok2 daerah itu saja.

Chadangan menubohkan Sharikat Kerjasama atau sabuah Yayasan untok melateh, memodali dan mengendalikan perusahaan2 raayat telah mengambil masa yang panjang di-perbinchangkan dalam majlis itu.

Mengakhiri perjumpaan itu, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz mengalu2kan sumbangan2 fikiran dan chadangan2 mereka itu dan menganggap perkara2 yang di-timbulkan itu amat berguna untok di-kaji dengan teliti oleh jawatankuasa peranchangan.

Beliau berharap supaya chadangan2 sa-terus-nya akan dapat di-hadapkan sama ada dengan chara berjumpa atau menulis kapada pehak yang berkenaan.

Memajukan pertanian ada-lah menjadi dasar kerajaan

SENGKURONG. — Ada-lah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok memajukan bidang2 pertanian dan ternakan, perusahaan dan perniagaan di-negeri ini di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru. Ini bukan saja akan memberikan peluang2 kerja yang lebeh banyak dan meninggikan taraf hidup raayat dan pendudok negeri ini tetapi juga merupakan satu usaha yang positif ka-arah mengeluarkan sa-bahagian besar barang2 keperluan sa-hari2 di-negeri ini. Dengan yang demikian masaalah kenaikan harga barang2 keperluan sa-hari2 akan dapat di-atasi.

Ini telah di-nyatakan oleh Pemangku Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam satu majlis dailog dengan pendudok2 kampong Sengkurong pada hari Jumaat lepas.

Beliau bersabda pada masa ini Brunei sangat2 bergantong kapada negeri luar bagi mendapatkan bekalan barang2 keperluan sa-hari2, tetapi walau bagaimana pun masaalah kenaikan harga barang2 keperluan sa-hari2 di-negeri ini tidak-lah seburok sa-bagaimana yang di-jangka kerana terdapat beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 di-negeri ini saperti beras dan gula lebeh murah dari negara2 jiran apa lagi, kata-nya, di-negeri ini terdapat gaji para pekerja yang lebeh tinggi dari negara2 di-rantau sa-belah sini.

Pemangku Menteri Besar itu selanjut-nya menerangkan bahawa di-bawah ranchangan kemajuan negara yang baru, chadangan2 akan di-pertimbangkan bagi satu perusahaan pertanian yang menguntongkan yang dapat mengeluarkan hasil yang berlipat ganda. Dan untok menchapai matalamat ini, kata-nya, ada-lah di-harapkan para belia di-negeri ini akan mengubah sikap dari terlalu memileh pekerjaan kapada mencheborkan diri di-lapangan apa jua terutama di-bidang perusahaan pertanian dan ternakan ini.

Beberapa chadangan dan shor2 mengenai pertanian, pembahagian tanah dan perusahaan2 kechil di-kampong2 telah di-kemuka-kan oleh pendudok2 Kampong Sengkurong dalam majlis dailog itu.

Ranchangan Kemajuan Negara akan menambah kemakmoran raayat dan negara

SENGKURONG. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sekarang ini sedang melancharkan usaha sa-chara besar2an bagi menyusun satu ranchangan kemajuan negera yang baru dan ranchangan raksaksa ini tidak akan dapat di-laksanakan sa-chara terator bagi kepentingan seluroh raayat dan negara sekira-nya raayat dan pendudok negeri ini tidak turut sama bertanggong-jawab dan menyertai-nya.

Ini telah di-nyatakan oleh Pemangku Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam majlis dailog dengan pendudok2 Kampong Sengkurong di-Mesjid kampong itu sa-lepas menunaikan fardhu sembahyang Jumaat lalu.

Pemangku Menteri Besar itu menyatakan, usaha2 akan di-laksanakan di-bawah ranchangan kemajuan negara yang baru dengan tujuan bagi menambah kemakmoran untok raayat dan negara, dengan mempunyai satu masa dengan yang terator dan hidup dalam keadaan aman dan tenteram tanpa khuatir.

Beliau menyeru semua raayat dan pendudok negeri ini supaya sama2 memikul tanggong-jawab Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu kerana ia-nya ada-lah bagi kepentingan seluroh raayat.

Menyentoh mengenai dengan inisiatif kerajaan mengadakan majlis dailog sa-rupa itu dengan orang ramai, Pemangku Menteri Besar berkata bahawa majlis2 sa-rupa itu bukan sahaja bagi kepentingan pehak kerajaan untok memberi penerangan tetapi yang lebeh utama ia-lah untok mendengar chadangan2, pendapat2, shor2, dan buah fikiran rayaat dan pendudok negeri ini untok di-pertimbangkan bagi ranchangan kemajuan negara yang baru.

Beliau berkata, dengan adanya perasaan saling-mengerti antara kerajaan dan raayat dan sebalek-nya maka usaha besar yang sedang di-laksanakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu akan berjaya.

Jawatankuasa Peranchang menerusi beberapa buah jawatan2 kuasa kechil-nya sekarang ini mengalu2-kan shor2 dan chadangan2 dari orang ramai mengenai ranchangan kemajuan negara yang baru itu.

Ka-Bangar, Temburong

YANG Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz di-jadualkan akan berkunjong ka-Bangar, Temburong untok berdailog dengan raayat pada 27hb. April, 1973, hari Jumaat minggu depan.

Rabi'ul-Awal di-rayakan sa-bagai menandakan kaseh kapada Baginda Rassulullah s. a. w.

KHUTBAH JUMA'AT

ADA-LAH menjadi kebiasaan umat Islam di-negeri ini menyambut dan merayakan bulan Rabi'ul-Awal ini kerana chinta dan kaseh kapada Baginda Rassulullah s.a.w. yang telah membawa rahmat ka-alam ini. Orang2 bijaksana bukan sahaja berbangga dan berbesar hati kerana telah menjadi pemelok ugama yang di-bawa oleh Baginda malah ia membuat sasuatu yang lebeh berkesan ia-itu memereksa diri-nya sendiri ada-kah ia sa-bagai sa-orang muslim telah mengikuti ajaran2 orang yang di-chintai-nya itu, dan ada-kah apa2 jasa dan bakti yang telah di-berikan bagi memperluas dan memperkembangkan ugama yang di-chintai-nya sa-bagai sa-baik2 ugama. Orang yang bijaksana sa-telah ia mendapat jawapan dengan perhitongan diri-nya maka ia akan menjadikan bulan ini sa-bagai sampadan antara masa yang lampau dan masa yang akan datang. Jika di-dapati-nya diri-nya telah memenohi semua tugas2-nya maka wajar-lah ia bershukor dan meneruskan keadaan itu dengan membuat tambahan2, tetapi jika maseh belum ia memenohi tugas2-nya terhadap Islam, maka ia bersegera memulakan langkah memenohinya supaya tiada keluputan dan ia terus waspada menghadapi rintangan2. Kalau-lah ia tidak atau belum memenohi dan mematohi ajaran Rassulullah itu oleh sa-suatu perkara, maka jelas-lah yang pengakuan-nya sa-bagai sa-orang muslim dan kaseh-nya kapada Baginda Rassulullah itu tidak mendalam, kerana Allah Subhanahu-Wataala telah berfirman yang bermaksud:

"Barang siapa menchari dan berpegang serta mengikuti ugama atau chara hidup yang bukan Islam maka tidak-lah akan di-terima daripada-nya dan dia di-akhirat daripada gulongan yang rugi".

Pada masa ini di-mana kita menghadapi satu perengkat waktu yang penting dalam sejarah perkembangan negara kita, di-mana kita sedang dalam rangka membuat penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru, sedangkan Islam akan di-persubor dan perkembangkan terus sa-hingga akan menjadi satu chara hidup yang lengkap bagi rayat dan pendudok negeri ini, maka sudah kena-lah pada masa-nya sa-tiap orang Islam yang benar2 chinta dan kaseh kapada Rassulullah s.a.w. memenohi tanggong-jawab masing2 terhadap ajaran2 Islam. Sebab kalau orang2 Islam sendiri tidak menenohi tanggong-jawab masing2 terhadap ajaran2 Islam, kita tidak berfikir ada-nya kemungkinan orang2 bukan Islam akan memberikan perhatian dan penghormatan yang wajar terhadap Ugama Allah yang benar. Kita hendak-lah memboktikan kebenaran Islam itu dalam bentok amalan dan chara hidup kita menurut prinsip2 Islam dalam semua bidang yang telah di-chontohkan Rassulullah s.a.w. dan sahabat2 Baginda yang setia.

Oleh yang demikian ada-lah di-harapkan supaya seluroh masharakat Islam di-negeri ini mengambil perhatian yang sunggoh2 bagi memboktikan rasa chinta dan kaseh kapada Baginda Rassulullah dengan mengamalkan ajaran2 Islam yang di-bawa oleh Baginda. Mudah2an Allah Subhanahu-Wataala akan memberikan taufik dan hidayat kapada kita bagi membentok satu masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor di-negeri ini.

Peraduan Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ikatan Setia Pahlawan — INSAP akan mengadakan peraduan membacha kitab suchi Al-Quran pada 31hb. Mei, 1972 bertempat di-dewan persatuan tersebut.

Peraduan tersebut terbuka kapada persatuan2 belia dan kebajikan, maktab2 dan sekolah2 di-negeri ini.

Tiap2 persatuan, maktab2 dan sekolah2 boleh menghantar dua orang wakil —sa-orang lelaki dan sa-orang perempuan.

Borang2 masok bertanding oleh di-dapati dari Ak. Badaruddin bin Pengiran Haji Damit di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Awang Adinin bin Mayalin di-Jabatan Kerja Raya.

Borang penyertaan itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. Mei, 1973.

398 orang di-daftar untok naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Jemaah Haji sa-takat ini telah mendaftarkan sa-ramai 371 orang Islam di-negeri ini yang ingin menunaikan fardhu Haji ka-Mekah dengan kapal terbang semasa musim haji tahun 1973/1974.

Ini termasok-lah 54 orang kanak2 di-bawah umor 12 tahun.

Bilangan bagi tiap2 daerah ialah, 320 orang dari Daerah Brunei Muara, 18 orang dari Daerah Belait. 26 orang dari Daerah Tutong dan 7 orang dari Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama menyatakan bahawa Jabatan itu juga telah mendaftarkan sa-ramai 27 orang Islam di-Daerah Brunei Muara yang akan pergi ka-Mekah dengan menggunakan kapal laut semasa musim haji tahun 1973/1974.

Juruchakap itu menyatakan, mereka yang ingin pergi ka-tanah suchi dengan kapal terbang dan kapal laut mesti-lah menghantarkan permohonan mereka ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-daerah masing2 tidak lewat dari 17Mei, 1973.



Sumbangan kpd. persatuan2 belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan telah menyumbangkan wang sa-banyak $300.00 kapada Persatuan Ikatan Melayu Telisai — PRIMET sa-bagai bantuan untok membeli perabot untok kegunaan persatuan itu.

Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Kebajikan. Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris selaku wakil Pesurohjaya Kebajikan di-Pusat Belia pada minggu lalu.

Yang Di-Pertua persatuan itu, Awang Mohammad Idrus bin Mahari dan Setia Usahanya Awang Othman bin Durani ketika menerima sumbangan itu telah menguchapkan terima kaseh kapada Jabatan Kebajikan atas sumbangan itu.

Sumbangan yang sama juga telah di-berikan kapada persatuan Angkatan Baru Kampong Belimbing Subok di-Daerah Brunei Muara dalam bulan lalu.

Gambar atas menunjokkan Datin Hajjah Zaharah sedang menyampaikan chek yang bernilai $300.00 kapada Yang Di-Pertua Persatuan Angkatan Baru Kampong Belimbing, Awang Osman bin Aji dengan di-saksikan oleh Pengawas Persatuan2 Belia, Pengiran Tuah bin Pg. Mohd. Daud (di-tengah2) dan Setia Usaha Agong Persatuan Angkatan Baru Kampong Belimbing.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18hb. April, 1973 hingga ka-hari Selasa 24hb. April, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
18hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
19hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
20hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
21hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
22hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
23hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
24hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

151 DI-PILEH MENGIKUTI KURSUS PERGURUAN

BANDAR SERI BEGAWAN. Sa-ramai 151 orang termasok 41 orang perempuan telah di-pileh mengikuti kursus latehan perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-Gadong.

Pengetua maktab tersebut Awang P.D. Parshad berkata, penuntut2 itu akan melaporkan bagi pendaftaran pada hari Isnin 23hb. April ini.

Persediaan telah di-buat oleh pehak maktab dengan Pengarah Perkhidmatan Perubatan bagi pemereksaan perubatan sa-telah mereka melaporkan diri ka-maktab itu.

Menurut Awang Parshad penuntut2 tersebut hendak-lah melaporkan diri ka-maktab pada 23hb. April sa-belum menjalani pemereksaan perubatan.

Mereka yang berjaya akan mengikuti kursus sa-lama tiga tahun dan sa-telah tamat dengan jaya-nya, mereka akan di-pertimbangkan untok mengajar di-sekolah2 kerajaan dengan tangga gaji T7.

Sa-masa menjalani kursus, makan dan tempat tinggal akan di-sediakan dalam asrama2 kerajaan.

Di-pileh sa-mula

SERIA. — Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia Dato Setia Awang P.A. Coates telah di-lantek sa-mula sa-bagai pengerusi Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait dan merangkap pengerusi Lembaga Gobernor Rumah Orang2 Tua Negeri Brunei di-Seria.

Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia telah di-pileh dalam mashuarat Agong Tahunan yang telah di-adakan di-sini baru2 ini.

Ia-nya juga melantek lapan orang pegawai2 lain sa-bagai ahli2 Jawatankuasa Majlis dan dan enam orang ahli Lembaga ahli Lembaga Gobernor2 Ruahli Lembaga Bobernor Rumah orang Tua Negeri

Dua orang ahli dari Majlis Jawatankuasa Kerja dan dua lagi dari ahli2 yang di-lantek dari Majlis Agong masing2 telah juga di-lantek sa-bagai Pengerusi Jawatankuasa Kechil bagi Bantuan Awam, Pergerkan Belia, Kutipan Derma dan Biasiswa.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

Sepak takraw: MPSHB berjaya menjadi johan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong te'ah menjadi johan sa-telah mengalahkan Maktab Anthony Abell Seria dengan hitongan mata 16-18, 15-6 dan 15-3 dalam perlawanan sepak takraw perengkat akhir se'uroh negeri kali ka-enam antara sekolah2 Menengah dan Maktab2 yang berlangsong di-dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak Bandar Seri Begawan pada hari Isnin lalu.

Dalam perlawanan itu, Maktab Anthony Abell Seria menjadi naib-johan sementara tempat ketiga di-menangi bersama oleh Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait dan Maktab SOAS Bandar Seri Begawan.

Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong berjaya merebut perisai kejohanan hadiah Nadzir Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris.

Pada tahun lalu perisai tersebut di-menangi oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Ja'an Muara.

Hadiah2 telah di-sampaikan o'eh Naib Yang Di-Pertua Persatuan Sepak Takraw Brunei, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar di-akhir perlawanan itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN LETRIK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabtan Letrik, Brunei.

A. PEMBANTU KEJURUTERAAN LETRIK:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam bahagian Pengguna/Pembahagian dengan sasebuah Lembaga atau Jabatan Letrik, Kelulusan Intermediate City and Guilds Examination in Electrical Engineering ada-lah di-perlukan tetapi tidak mustahak. Pengalaman dalam hal-ehwal pentadbiran pejabat merupakan suatu kelebehan.

atau

Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman memperbaiki dan memasang jentera2 tidak bergerak (saperti gas turbines, diesel plants) dan/atau mesti-lah boleh memperbaiki dan memasang semua jenis kenderaan termasok-lah crane, low-loader dan tractor. Kelulusan Intermediate City and Guilds Examination in Mechanical Engineering ada-lah di-perlukan tetapi tidak mustahak.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 —$710x 30-890. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. MERINYU PEMASANGAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam memasang semua jenis kawat2 dan kelengkapan2 letrik dalam bangunan2 biasa dan bangunan2 perusahaan. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik mengenai peratoran2 I.E.E. yang berjalan sekarang serta mahir dalam kerja2 biasa pemasangan letrik. Mempunyai sijil sekolah pertukangan/teknikal merupakan suatu kelebehan. Mesti-lah mempunyai pengetahuan baik dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — $710x 30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jayatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Mrunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 28hb. April, 1979.

Di-Jabatan Kebajikan Masharakat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bangunan Pusat Belia, Jabatan Kebajikan Masharakat. Brunei.

A. **PENJAGA JENTERA TAPISAN AYER KOLAM BERENANG:** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan saperti ini. Mereka mesti-lah juga mempunyai sijil 'Life Saving' yang di-ikui.

Tugas2:

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia untok bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi Pegawai2 Kerajaan. Selain dari itu, chalun yang berjaya mungkin juga di-kehendaki menjalankan tugas sa-bagai Life Guard.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

B. **PENJAGA KOLAM BERENANG:** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 25 tahun, lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sijil 'Life Saving' yang di-akui dan sabaik2-nya mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai penjaga kolam berenang.

Tugas2:

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia untok bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi Pegawai2 Kerajaan dan hendak-lah bersedia untok membuat kerja2 lain di-Pusat Belia sa-lain dari kerja2 biasa sa-bagai penjaga kolam berenang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 — $220x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Mei. 1973.

Sa-bagai Penolong J-rawat Perchubaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Penolong Jururawat2 Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumor 18 tahun ka-atas. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan I Inggeris, atau Darjah VI Melayu.

Tingkatan Gaji:

Penolong Jururawat Perchubaan dan Penolong Jururawat Terlateh: E. 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Penolong Jururawat Kanan: D. 3 — $410x20-510.

Aluan:

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan sa-masa dalam latehan. Sa-lain dari itu alaun makan sabanyak $35.00 sa-bulan di-bayar sa-masa dalam tempoh perchubaan.

Tempoh Perchubaan:

Tempoh perchubaan biasa-nya Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari ia-lah sa-lama 2 tahun.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan. 28hb. April, 1973.

Sa-bagai Pemereksa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pemereksa di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan mempunyai kelulusan yang baik dalam matapelajaran kira2. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang berpengalaman atau pernah mempelajari audit atau accountancy.

Gaji:

Dalam sukatan gaji $250x10-290 x15-380 / EXAM/410x20-450 / EB 470x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan. Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Mei, 1973.

MASS MEDIA KERAJAAN PATUT DI-GERAKKAN DENGAN AKTIB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu lateh-an pentadbiran yang mengandongi prinsip2 ka-ugamaan dan praktik-nya hendak-lah di-ujud-kan di-kalangan ketua2 jabatan, pegawai2 pen-tadbir dan pegawai2 kanan kerajaan.

Langkah ini akan dapat melahirkan satu kumpolan pegawai2 Kerajaan yang bukan saja menjadi ketua dalam pentadbiran, bahkan mereka juga akan dapat di-anggap sa-bagai ketua dalam hidup bermasharakat dari segi kerohani-an, keramaian dan kesusahan masharakat Islam.

Demikian menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain selaku Pengerusi Jawatankuasa Kechil Bahagian Ugama dan Adat Istiadat Ran-changan Kemajuan Negara yang baru, dalam mashuarat pertama jawatankuasa itu yang berlangsong baru2 ini.

Sa-lain dari pengasohan uga-mama dengan chara2 yang berkesan kapada raayat terma-sok pelajar2, beliau juga me-nyebut tentang beberapa ana-sir yang boleh merosakkan ke-perchayaan berugama yang antara-nya terdapat dalam pertunjokan2 hiboran.

Beliau berkata, pertunjokan2 hiboran yang sa-umpama itu atau yang bertentangan dengan ajaran2 Islam hendak-lah di-basmi.

Mengenai dengan undang2 yang sedang berjalan di-negeri ini, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja berpendapat bahawa undang2 itu mustahak-lah di-kaji kembali supaya ia-nya di-sesuaikan dengan kehendak2 Ugama Islam bagi maksud menjadikan Islam itu sa-bagai chara hidup yang lengkap.

Mass media yang di-punyai oleh Kerajaan juga di-sifatkan beliau sa-bagai satu alat yang patut di-gunakan dengan se-baik2-nya bagi membantu dan menimbulkan kesedaran kapa-da tujuan mengujudkan per-kembangan Ugama Islam sa-bagai chara hidup yang leng-kap.

Kata-nya, radio dan surat-khabar yang di-punyai oleh Kerajaan hendak-lah bergerak ka-arah itu dan memberikan penerangan2 yang luas sa-hing-ga menimbulkan keperchayaan raayat bahawa Islam itu sang-gup dan mempunyai kemam-puan untok di-jadikan chara hidup yang lengkap itu.

Untok menchapai maksud itu, beliau mengshorkan supa-ya satu kumpolan pegawai2 yang memahami chita2 terse-but, di-tempatkan di-mass me-dia Kerajaan itu dan dengan itu kedudokan mass media Kerajaan dapat di-kuasai de-ngan sa-penoh-nya dan dapat memenohi kehendak2 yang di-chita2kan itu.

Menyebut tentang adat isti-adat pula, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja berpendapat ba-hawa ada-lah mustahak di-ujudkan satu panduan atau buku untok di-jadikan rujokan untok menyenangkan mana2 pehak yang hendak menjalan-kan sa-suatu ada-istiadat itu.

Beliau berkata, adat istiadat negara ada-lah mustahak di-ketahui dan di-amalkan dan kerana itu pemberigaan-nya ada-lah mustahak di-susun sa-hingga boleh menimbulkan ke-sedaran di-kalangan raayat mengenai-nya.

Untok tujuan ini, kata-nya, mass media kerajaan juga ada-lah mengambil peranan pen-ting sa-lain dari bertujuan un-tok menarek pelanchong2 su-paya melawat negeri ini bagi menyaksikan ada-istiadat nega-ra.



DULI Yang Teramat Mulia Pa-duka Seri Begawan Sultan pada hari Sabtu yang lalu telah mengadakan lawatan ka-beberapa buah kampong di-Daerah Tembu-rong untok menenumi pendudok2 di-kampong2 itu dan beramah ta-mah dengan mereka.

Dalam lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia telah berkunjong ka-pejabat Imigeresen dan Steshen Pertanian di-Kampong Puni; dan balai pulis, kelinik serta rumah panjang di-Kampong Amo.

Sa-panjang lawatan, sa-lama 5½ jam itu. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sul-tan, telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Sidek bin Yahya, Penolong-nya Awang Abu Bakar bin Haji Safar, Pemer-rentah Pasokan Askar Melayu Di-raja Brunei, Colonel Dato B.F.L. Rooney, Pegawai Pemerentah Pu-lis Daerah Brunei-Muara, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Ne-gara, Pengiran Omar, Major Dato Mohammad bin Haji Daud, dan Inspektor Abdul Rahim.

Gambar atas ketika rombongan itu melawat ka-rumah panjang Kampong Amo.

Perlu pada usaha2 yang gigih

(*Dari muka 1*)

raayat itu di-adakan dari masa ka-masa sa-lain dari bertujuan untok melebeh-rapatkan lagi hubongan2 antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dan ra-ayat Baginda.

Berchakap mengenai sum-ber2 pencharian raayat dalam negeri, beliau menjelaskan ba-hawa banyak di-antara ta-naman semula jadi di-negeri ini telah tidak di-usahakan dengan sunggoh2, pada hal ia-nya bo-leh mendatangkan pendapatan yang lumaian kapada raayat.

Beliau berkata, kemampuan raayat untok mengusahakan bahan2 yang boleh meninggi-kan taraf hidup mereka itu mesti-lah di-tunjokkan dengan gigih dan berani dan dari ke-beranian mereka yang sung-goh2 itu, Kerajaan tidak akan teragak2 untok membantu me-reka sa-hingga berjaya.

Ini, kata-nya, ada-lah meru-pakan salah satu tujuan besar dalam penyusunan ranchangan kemajuan negara yang baru itu.

Beberapa orang pendudok di-kampong itu, termasok Ke-tua Kampong Danau, Yang Berhormat Orang Kaya Peker-ma Indera, Awang Haji Jili bin Ibrahim telah menyum-bangkan fikiran2 mereka.

Pendudok2 di-kampong itu menyatakan kegembiran mere-ka terhadap chita2 rancha-ngan kemajuan negara yang baru itu dan berikrar akan te-rus menghadapkan fikiran2 mereka, sama ada bagi kebaji-kan kampong, mahu pun bagi faedah seluroh pendudok ne-geri ini.

Sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Perkasa Kampong Saba, Brunei, akan mengadakan Majlis Malam Sambutan Maulud di-Ba-ngunan Dewan Perkasa pada 26hb. April mulai jam 7.30 malam.

Penguasa Penerangan dan Ta-bligh, Ag. Hj. Abu Aziz bin Juned akan merasmikan majlis tersebut

Achara2 yang akan di-adakan di-majlis itu termasok-lah sha-rahan khas oleh Yang Mulia Awg. Mohammad Amin bin Orang Ka-ya Setia Haji Abdul Rahim, sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, dan bacha-an kitab suchi Al-Quran oleh Da-yang Hajjah Siti Hara binte Haji Idris.

Fikiran sehat

(*Dari muka 1*)

Duli Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan perchaya ba-hawa ia-nya juga ada-lah me-rupakan satu kebebasan ber-suara dan berfikir yang di-nekmati oleh raayat Baginda sekalian.

Baginda juga berhasrat su-paya raayat Baginda memberi tahu apa jua mereka mahu un-tok kebahagiaan bersama bagi berbakti kapada Allah di-atas bumi Brunei Darus Salam yang di-chintai ini.

Titah Baginda bahawa ke-bebasan bersuara dan berfikir ada-lah di-amalkan di-negeri ini dan hendak-lah di-salurkan menurut saluran2 yang sehat dan fikiran2 itu hendak-lah membina serta bertujuan sa-mata2 untok kebajikan bagi menchapai keredhaan Allah.

Fikiran yang sehat, titah Ba-ginda, mempunyai kedudokan yang tinggi di-sisi ugama, khas-nya pada mengusai dan mem-perelokkan lagi pentadbiran dan kemajuan hal ehwal ke-duniaan yang mana dapat di-jadikan sa-bagai bekalan untok kegunaan akhirat nanti.

(*Dari muka 4*)

orang pengembala kambing ada-lah tetap di-amalkan.

Menurut titah D.Y.M.M. ba-hawa kebebasan bersuara dan berfikir ada-lah di-ama'kan di-negeri ini dan hendak-lah di-salorkan menurut saloran2 yang sehat. Fikiran2 itu hendak-lah membina dan bertujuan semata2 untok ke-bajikan. Fikiran yang sehat mempunyai kedudokan yang tinggi di-sisi ugama, khas-nya pada mengusai dan memper-elokkan bagi pentadbiran dan kemajuan hal-ehwal keduniaan kita yang mana akan dapat di-jadikan sa-bagai bekalan untok kegunaan kita di-akhirat nanti.

Oleh yang demikian, raayat tidak perlu bimbang, dan jika kita benar2 mahu membangun dan berchita2 untok menikmati kehidupan yang harmoni, maka semua itu akan dapat di-chapai dari kata-sepakat dan bersedia untok memuchang2 dalam per-kara2 yang di-perlukan.


DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 17 RABU 25HB. APRIL, 1973. 1393 رابو 22 ربيع الاول PERCHUMA



Y.D.M. Pehin Datu Permakawi Diraja Dato Hamzah Pahlawan G.E. Coster menziarahi Duli Yang Maha Mulia setelah selesai istiadat mengurniakan gelaran kapada Yang Di-Muliakan itu pada hari Jumaat lepas.

PESUROHJAYA PULIS DIRAJA DI-KURNIAKAN GELARAN 'PEHIN'

BANDAR SERI BEGAWAN. —Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran 'Pehin' kapada Pesuroh-jaya Pulis Diraja Brunei dan Ketua Chawangan Khas dalam dua istiadat yang berlangsong di-Lapau Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Pada hari Khamis, 19hb. April, Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan gelaran Pehin Datu Pahlawan Diraja kapada Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan J.R.H. Burns.

Sementara Ketua Chawangan Khas, Dato Hamzah Pahlawan Awang George Edwin Coster dikurniakan Pehin Datu Permakawi Diraja dalam satu istiadat yang berlangsong pada hari Jumaat.

Kedua2 istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-langsongkan di-hadapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Istiadat tersebut telah di-saksikan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M.; Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin; Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Haji Awang Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Chetaria2; pegawai2 kanan kerajaan; Pengiran2 dan Pehin2.



Y.B. Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Seri Paduka Dr. P.I. Franks sedang menapakkan tipak sireh ka-bahu Y.D.M. Pehin Datu Pahlawan Diraja Dato Seri Pahlawan J.R.H. Burns dalam istiadat mengurniakan gelaran pada hari Khamis lepas.

"Padian" akan mempunyai tempat khas

KAMPONG SETIA. — Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pg. Dipa Negara Pg. Abdul Momin telah tertarek kapada satu chadangan untok meluaskan semula bidang perniagaan dengan chara "berpadian" ia-itu satu chara yang lama yang di-warithi oleh sa-b'langan dari pendudok2 Kampong Ayer.

Chadangan itu di-kemukakan dan mendapat sukongan yang menggalakkan dalam satu majlis dailog yang berlangsong di-Sekolah Melayu Kampong Setia pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Berhormat itu bersetuju supaya bidang2 kebudayaan lama di-negeri ini yang mendatangkan faedah, khas-nya yang menjadi sumber mata pencharian raayat, di-hidup dan di-perelokkan, sesuai dengan kehendak Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Bagi menggalakkan perkhidmatan perniagaan chara "berpadian" itu, Yang Amat Berhormat itu menekankan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia akan menyediakan sabuah lanting untok padian2 itu menambat perahu2 mereka untok menjual bahan2 dagangan yang di-bawa mereka nanti.

Sa-lain dari itu, berbagai2 chadangan telah di-kemukakan oleh pendudok2 Kampong Setia yang meliputi kapada masa-alah2 penangkapan ikan, pemberian tanah, persekolahan, perusahaan dan pemodalan

(Lihat muka 8)

PERPINDAHAN DI-TUJUKAN UNTOK MENAMBAH KEMAKMORAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuan asas ranchangan perpindahan di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru saperti yang di-chadangkan, bukan-lah sa-kadar untok menimbangkan bagi memberi rumah sahaja kapada orang ramai, tetapi apa yang harus di-fikirkan lebeh jauh lagi ia-lah supaya ranchangan perpindahan itu akan menambah lagi kemakmoran raayat dan negara.

Demikian di-nyatakan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, di-satu majlis dialog di-Kampong Sungai Kedayan, pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Mulia itu bersabda, dalam melaksanakan satu2 ranchangan perpindahan itu, Kerajaan terpaksa mengadakan penyiasatan dan pengkajian yang teliti lebeh dahulu ka-atas satu2 kawasan, yang bukan sahaja sesuai untok perumahan, tetapi juga sesuai untok projek2 kemajuan di-kawasan itu.

Dengan yang demikian penduok2 di-kawasan itu kelak akan dapat memberikan tenaga

(Lihat Muka 8)

Ka-Mukim Labi, Daerah Belait

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pg. Abdul Momin bin Pg. Haji Ismail akan berangkat ka-Mukim Labi Daerah Belait pada hari Jumaat 27hb. April ini untok mendapatkan fikiran2 dan chadangan2 pendudok di-situ berhubong dengan penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Rombongan itu yang pada mula-nya di-jadualkan berada di-Bangar Temburong pada tarikh tersebut, telah menanggohkan lawat-an-nya hingga ka-satu masa yang akan di-umumkan nanti.

Dalam kunjongan ka-Labi itu nanti, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar akan di-temani oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Ag. Hj. Abd. Aziz dan beberapa orang ahli2 jawatankuasa peranchangan.

Rombongan itu juga akan menunaikan sembahayang fardhu Jumaat di-Mesjid Mukim tersebut dan sa-jurus sa-telah itu majlis dailog akan di-adakan antara rombongan itu dengan pendudok2 di-seluroh Mukim Labi.

Pendudok2 Kg. Teraban di-beri penerangan mengenai R.K.N.

KUALA BELAIT. — Satu rombongan wakil Pegawai Daerah Belait telah mengadakan penerangan2 terhadap Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang sedang di-gubal kapada pendudok2 Kampong Sungai Teraban pada hari Ahad lepas.

Rombongan tersebut yang di-ketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif dengan di-sertai oleh Juru Ukor Daerah, Awang Mohamad Taib bin Haji Mohamad Said dan Pegawai Tanah Belait, Pengiran Alihassan bin Pengiran Haji Abas telah bercheramah dengan lebeh kurang sa-ramai 100 orang pendudok kampong di-situ di-Bangunan Balai Raya kampong tersebut.

Dalam penerangan-nya terhadap peranchangan Rachangan Kemajuan Lima Tahun yang baru itu, Awang Jaya telah beruchap salama sa-tengah jam dalam mana antara lain, beliau menekankan peri mustahak-nya bagi pendudok Sungai Teraban mengetahui akan hakikat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan bagi perkembangan Negeri Brunei ini mengikut keadaan zaman serta keadaan2 yang terdapat di-Negeri Brunei ini sendiri.

Beliau sa-terus-nya menyatakan bahawa pada masa ini Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan sedang berusaha bagi menemui serta berdialog dengan raayat dan pendudok2 di-negeri ini untok mendengar dan mempertimbangkan pendapat2 mereka, tetapi oleh kerana kepesatan urusan2 pentadbiran ada kemungkinan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu tidak akan berkesempatan bagi menemui dan berdialog dengan seluroh raayat dan pendudok.

Memandang kapada hal ini-lah, kata beliau, Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah mengarahkan beliau pergi kakampong2 pendalaman bagi bercheramah.

Sementara itu rombongan yang sama juga telah melawat Kampong Kuala Balai pada hari Rabu yang lepas 18hb. April, 1973 di-mana cheramah telah di-adakan dengan Penghulu Kampong tersebut, Orang Kaya Seri Ratna Mohamad Noor bin Othman dan Yang Berhormat Awang Arif bin Mujun.

Dalam pertemuan2 itu beberapa chadangan telah di-kemukakan oleh pendudok2 yang berkenaan yang mana Awang Jaya mengatakan akan di-hadapkan kapada Jawatakuasa2 yang berkaitan untok pertimbangan-nya.

TENAGA KAUM BELIA HENDAK-LAH DI-LENGKAPKAN DGN SA-CHUKOP-NYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tenaga kaum belia di-negeri ini ada-lah merupakan ejen kemajuan dan kerana itu tenaga mereka mesti-lah di-lengkapkan dengan sa-chukop-nya untok mengembeling usaha2 kerajaan di-bawah ranchangan kemajuan negara yang baru bagi menchapai matalamat sa-bagai yang di-hajati.

Demikian di-tegaskan oleh Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Mohammad Taib, Pengerusi Jawatan Kuasa Kechil mengenai belia dan kebudayaan dalam satu mashuarat yang berlangsong di-bilek Persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan, di-Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Mashuarat itu ia-lah untok menyediakan ranchangan2 pembangunan belia dan kebudayaan raayat untok pertimbangan Jawatankuasa Peranchangan.

Dua masaalah penting yang menjadi topik utama telah di-binchangkan dalam mashuarat itu, ia-itu mengenai chara2 untok mengatasi masaalah penganggoran di-kalangan belia dan chara2 untok mengubah sikap para belia supaya mereka mempunyai semangat berdikari, tidak hanya menggantongkan nasib mendapatkan pekerjaan dalam jabatan2 kerajaan semata2.

Untok menchapai tujuan ini, penerangan2 harus di-berikan seluas2-nya kapada para belia terutama menerusi didekan di-sekolah2 dengan memupok semangat mereka pada perengkat awal supaya ingin mencheborkan diri dalam lapangan2 perusahaan dan pertanian.

Dalam pada itu, besar kemunkinan Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengadakan seminar bagi membinchangkan chadangan2 untok di-kemukakan kapada Jawatankuasa Kechil itu.

Di-samping itu orang ramai ada-lah di-alu2kan memberikan chadangan2 mereka kapada jawatankuasa kechil itu untok di-pertimbangkan.

Di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu, usaha2 akan di-jalankan bagi memupok dan mengujudkan satu badan belia yang bertanggong jawab, berdisiplin dan dinamik sa-bagai unsur2 kemajuan dan saterus-nya sa-bagai salah satu asas2 kemajuan kapada masharkat yang di-hajati.

Ketetapan harga2 sayor

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan telah memulakan langkah2 untok mengawal harga2 sayor2an di-ibu kota.

Lembaga Bandaran itu telah mendapat kerjasama dari peniaga2 sayor untok menurunkan harga2 sayor yang agak tinggi pada masa2 kebelakangan ini dan mereka bersetuju meletakkan harga pada jualan sayor di-pasar.

Ini telah di-nyatakan oleh Pemangku Pengerusi Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Selamat bin Munap. Kata-nya kesetabalian harga2 sayor ini ada-lah bergantong kapada pembekalan sayor dari masa ka-semasa walau bagaimana pun beliau memberi jaminan bahawa peniaga2 sayor tidak akan di-biarkan menaikkan harga dengan sa-winang2-nya.

Memberi tahu mengenai tempat2 berniaga di-ibu kota, Awang Selamat menyatakan plan2 sudah pun di-buat dan akan di-edarkan tidak lama lagi dan bila tempat2 berniaga itu siap nanti, peluang akan terbuka lebeh luas untok orang ramai menjalankan perniagaan.

Berikut ini ia-lah harga2 sayor bagi sa-kati yang telah di-persetujui dalam perjumpaan pada 18hb. April yang lalu.

Sesawi Puteh	50 sen
Sesawi Hijau	50 sen
Taugeh Kechil	30 sen
Taugeh Besar	50 sen
Changkok Manis	30 sen
Kachang Panjang	50 sen
Kangkong	30 sen
Kachang Bindir	85 sen
Lobak Puteh	50 sen
Terong Merah	50 sen
Terong Hitam	60 sen
Timun	40 sen
Bayam Besar	40 sen
Bayam Kechil (muda)	60 sen
Kobis Bulat	80 sen
Kobis Panjang	$1.00
Halia	90 sen
Petula	50 sen
Peria	$1.00
Kachang Bunchis	90 sen
Keladi	90 sen
Ubi Mangkuang)	40 sen
Ubi Talang)	
Ubi Manis	30 sen
Kailan	$1.00
Sesawi Taiwan	70 sen
Daun Salat	$1.00
Labu Puteh	30 sen
Labu Merah	30 sen
Kepayas	40 sen

Peluang melanjutkan pelajaran ka-peringkat Pra-Universiti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Chalun2 ada-lah di-pelawa memohon untok mendapat Dermasiswa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bagi melanjutkan Pelajaran di-peringkat Pra-Universiti di-United Kingdom bagi Tahun Akademik 1973/1974.

Chalun2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan yang mempunyai kelulusan M.C.E. Pangkat I atau II dengan sharat mempunyai kelulusan 'Kepujian' dalam matapelajaran Bahasa Melayu; atau 5 matapelajaran G.C.E. 'O' level termasok matapelajaran2 Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang di-kumpulkan tidak lebeh daripada dua tahun.

Borang permohonan dan lain2 penerangan yang berkaitan boleh di-dapati daripada Pegawai Dermasiswa dan kesejahteraan, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup bagi penerimaan permohonan ia-lah pada 10hb Mei, 1973 (bari Sabtu). Permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Pemohon2 hendak-lah mengambil perhatian bahawa dalam memohonkan dermasiswa ini mereka ada-lah bersedia akan memahami dan patoh kapada peratoran2 yang sedang dan yang akan di-tentukan mengenai sa-seorang chalun yang berjaya.

Chalun2 yang memenohi sharat2 akan di-temuduga pada suatu masa yang akan di-beritahu kelak, bertujuan antara-nya menentukan pilehan kursus ijazah yang akan di-ikuti oleh chalun2 itu sa-telah berjaya menamatkan kursus pra-universiti.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25hb. April, 1973 hingga ka-hari Selasa 1hb. Mei, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
25hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
26hb. April	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
27hb. April	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
28hb. April	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
29hb. April	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
30hb. April	12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
1hb. Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

SEBAB UTAMA MENGAPA UMAT MANUSIA DI-TIMPA BENCHANA

KHUTBAH JUMA'AT

DI-ABAD yang di-katakan zaman angkasa lepas ini terlalu mudah bagi kita mengikuti perkembangan2 dan peristiwa2 yang berlaku di-seluroh dunia menerusi alat2 sibaran 'am. Di-antara peristiwa2 itu kita dapati ialah merupakan benchana2 yang menimpa umat manusia di-berbagai negara, baik di-negara2 Islam mau pun bukan Islam. Sa-benar-nya salah satu sebab yang utama mengapa umat manusia di-timpa berbagai2 benchana itu adalah akibat dari usaha mereka menentang ugama Allah dan mengengkari kebenaran Rasul2 Allah.

Orang2 jahiliah di-zaman dahulu kala, selamat dari azab dan benchana dunia dan dari seksa neraka ada-lah kerana mereka segera memelok ugama Islam yang di-sampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kapada mereka. Pada hal sa-belum itu mereka buta ugama, tiada mengenal Tuhan yang maha esa, kerana di-samping mereka mengakui ada-nya Tuhan, mereka maseh juga meminta2 dan menyembah, tundok dan menyerahkan diri kapada berhala2, patong2 dan benda2 mati yang tidak dapat memberi faedah dan mudarat. Mereka jahil pula tentang mu'amalah dan peratoran2 hidup yang boleh mendatangkan rukun damai. Malahan hidup mereka tidak terator, mudah sahaja terjadi perkelahian dan peperangan sa-sama mereka hanya di-sebabkan perkara yang kechil. Maka kedatangan Islam kapada mereka dan penerimaan mereka memelok Ugama Islam itu ada-lah suatu nekmat yang amat besar dari Allah Subhanahu-wataala kapada mereka.

Jadi umat yang berada dalam jahiliah dapat di-perbaiki keadaan iktikad dan mu'amalah-nya dengan perantaraan Islam, sa-hingga mereka hidup di-atas dasar iktikad yang benar dan mu'amalah yang membawa hidup terator dan tahu harga diri sa-bagai manusia. Mereka yang memelok Ugama Islam itu telah beruntong dan mendapat kejayaan dunia, sedangkan akhirat tentu besar lagi ganjaran pahala yang akan di-peroleh-nya, bagitu-lah kedudokan mereka yang dapat pertunjok, firman Allah yang bermaksud:

"Mereka itu berada di-atas pimpinan dari Tuhan mereka, dan mereka itu ia-lah orang2 yang mendapat kejayaan".

Pada hari ini kita sedang berusaha menyusun dan menyediakan satu Ranchangan Kemajuan Negara yang baru di-mana Islam akan menjadi nadi yang kukoh dalam semua aspek pembangunan itu dan di-hasratkan menjadi satu chara hidup yang lengkap bagi raayat dan pendudok negeri ini. Dalam hubongan ini, bagaimana baik-nya pun ranchangan itu kelak, tentu-lah tidak akan dapat di-jadikan dengan lengkap dan sempurna jikalau umat Islam sendiri dalam negeri ini maseh mengabai2kan Ugama Islam. Kejayaan umat Islam di-zaman keemasan-nya ada-lah kerana mereka itu telah menyerahkan diri serta patoh kapada ajaran2 Islam dalam serba serbi kegiatan hidup. Islam telah menjadikan mereka manusia yang mempunyai daya usaha dan semangat yang kuat untok berjaya dalam kehidupan di-dunia dan akhirat. Tetapi umat2 Islam di-zaman yang akhir2 ini sa-makin renggang terhadap ajaran2 ugama, maka tidak hairan-lah mereka dapat di-atasi oleh umat2 lain jauh lebeh maju dari mereka. Kita tidak mau perkara ini terus berlaku, kerana puncha ini-lah menyebabkan kemunduran kita.

Oleh sebab itu, maka adalah di-harapkan supaya kita terus mematohi ajaran2 ugama itu dalam sa-tiap tempat dan ketika, sama ada di-dalam atau di-luar rumah, sama ada di-dalam atau di-luar pejabat, sama ada di-dalam atau di-luar kedai tempat berniaga atau di-mana saja, dengan demikian-lah antara lain ranchangan untok menjadikan Islam itu sa-bagai satu chara hidup akan dapat di-laksanakan dengan sa-baik2-nya.

1,000 orang akan sertai perarakan Maulud di-Bangar

TEMBURONG. — Sa-ramai lebeh dari 1,000 umat Islam dari 25 buah perkumpulan yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, sekolah2, kampong2 dan jabatan2 kerajaan di-Daerah Temburong akan mengambil bahagian dalam satu perarakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hassan di-Pekan Bangar pada 28hb. April sa-bagai menyambut hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w.

Pasokan2 itu akan berhimpun di-padang tersebut dan kemudian akan berarak mengelilingi pekan itu sa-belum berhimpun sa-mula di-tanah lapang berhadapan dengan Dewan Pekan Bangar.

Perarakan itu akan di-dahului oleh ahli2 jawatankuasa sambultan Maulud Nabi Muhammad s.a.w.

Satu sharahan mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Muhammad juga akan di-adakan di-upachara itu.

Tiga orang memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis mengislamkan satu keluarga China telah di-adakan di-tempat kediaman Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Mereka ia-lah Awg. Chang Kuei Shong, berusia 46 tahun, yang sekarang di-kenali sa-bagai Awang Mohammad bin Abdullah, isteri-nya Dayang Chong Yow, berusia 37 tahun yang sekarang di-kenali sebagai Dayang Siti Aminah binte Abdullah dan anak mereka, Awang Chang Yung Yong, berumor 17 tahun dan sedang menuntut di-Sekolah Saint Andrews.

Majlis itu di-jalankan oleh Al-Ustaz Abdul Latif bin bin Hj. Hashim, sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sa-ramai lebeh dari 100 orang telah hadhir menyaksikan majlis itu.



Gambar atas ketika majlis mengislamkan Awang Chang Kuei Shong sedang di-jalankan.

Tarikh penerimaan di-tunda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh penutop penerimaan permohonan bagi menyertai peraduan2 tarian Brunei asli, bintang stadium dan nyanyian bagi kanak2 anjoran Persatuan Badan Hadzrah Tunas Raja rengkas-nya BAHTRAMU, untok mengutip derma bagi Tabong Pembinaan Stadium akan di-tunda hingga hari ini, 25hb. April.

Menurut Setiausaha Agong-nya Awangku Mohamed bin Pengiran Saripudin berkata, peraduan2 itu terbuka kapada, semua persatuan2 belia dan kebajikan, maktab2, sekolah2 dan orang2 persaorangan di-negeri ini.

Peraduan2 pemilehan akan di-adakan pada pukul 8.00 pagi, 27hb. April di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan, sementara peraduan akhir di-Panggong Boon Pang Bahru Bandar Seri Begawan pada 4hb. Mei.

Tiket2 berharga $3.00; $2.00 dan $1.00 boleh dapat di-beli dari sekarang di-Sharikat Mega. Bangunan Guru2 atau di-Panggong Boon Pang Bahru Bandar Seri Begawan.

PELITA BRUNEI

(25hb. April, 1973)

MEMPERBAIKI DIRI SENDIRI

Ketika sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-adakan di-Tutong pada hari Isnin lepas, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama telah memberi fatwa tentang apa yang di-maksudkan usaha2 untok memperbaiki diri sendiri. Menurut beliau, terdapat tiga sudut untok di-jadikan titik-tolak jika kita benar2 mahu memperbaiki diri kita itu. Ketiga2 sudut itu ialah dengan memandang diri kita sendiri dari kekurangan, kechachatan dan keburokan. Bila kita tinjau dari tiga sudut ini, akan segera kita ketahui dan rasakan kelemahan2 kita. Sa-telah kita mengetahui akan kelemahan2 kita itu, maka harus-lah di-laksanakan usaha2 untok memperbaiki-nya. Kelemahan2 dari segi penghasilan, misal-nya, maka pengkajian2 hendak-lah di-jalankan. Apakah kelemahan2 kita dalam menghasilkan pertanian bersebab oleh keluasan tanah yang tidak menchukopi, kekurangan baja atau kurang-nya kita melaksanakan usaha2 kerja. Kelemahan2 ini perlu di-ketahui dengan sa-dalam2-nya jika benar-lah kita hendak memperbaiki diri kita itu.

Belajar daripada apa yang kurang, chachat dan burok itu merupakan satu hikmat yang di-pegang oleh banyak negara dalam meneruskan usaha2 kemajuan-nya. Kita tidak akan dapat menambah sa-suatu itu jika tidak ada kurang-nya dan demikian juga jika tidak ada chachat dan burok itu tentu-lah kita tidak akan terfikir untok mengusai-nya.

Dalam soal2 yang berhubongan dengan negara pula, untok mengetahui sa-suatu yang kurang, burok dan chachat itu bukan-lah di-kerjakan oleh satu pehak saja saperti Kerajaan, bahkan soal negara ini adalah di-pertanggong-jawabkan bersama oleh raayat. Oleh itu, kelemahan2 yang kita pelajari dan kita ketahui itu, perlu-lah di-chari jalan untok sama2 menguatkan-nya kembali.


Dalam usaha Kerajaan hendak menyusun satu ranchangan kemajuan negara yang baru ini, dalam keadaan-nya yang ada sekarang, berkehendakkan semangat yang membangun dari semua gulongan dengan harapan akan dapat mengatasi sedaya upaya kelemahan2 yang pernah kita alami.

Masharakat Brunei yang di-kehendaki bagi menselaraskan semangat ranchangan kemajuan yang baru itu ia-lah sa-buah masharakat yang benar2 mahu bergerak, rajin berusaha, tekun melaksanakan sa-suatu kerja yang di-amanahkan dan yakin terhadap diri sendiri dengan tujuan untok membangkitkan negara yang bertolak dari landasan2 kejujuran.

Sambutan kerjasama raayat bagi memikir dan mengusahakan kepentingan bersama itu hendak-lah benar2 ujud saperti kata pepatah "gayong bersambut kata berjawab; dan bertepok tidak sa-belah tangan".

Sa-jauhmana kemampuan raayat untok membangun negara

Oleh: Haji Ahmad Arshad



Sa-bahagian dari pendudok2 Kampong Danau yang telah menghadhiri majlis dailog di-mesjid Danau pada 13hb. April yang lalu.

KERAJAAN Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sekarang ini sedang giat melancharkan usaha2 untok memesatkan kemaiuan negara dalam sa-genap bidang. Tenaga2 yang ada dalam Kerajaan Bagind itu di-kerah supaya melipat-gandakan usaha2 mereka dalam menchari jalan yang positif untok menchapai suatu pertolakan yang benar2 meyakinkan pada menchapai kejayaan2 yang besar dalam semua segi pembangunan negara.

Melalui sabda Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, maka Kerajaan sendiri mengakui bahawa banyak di-antara ranchangan2 lima tahun yang lalu telah tidak berjaya menchapai kapada matalamat2-nya yang di-kehendaki. Sebalek-nya, sa-bilangan besar dari ranchangan2 itu maseh ada yang tergendala dan tidak dapat di-jalankan.

Dengan ikhlas, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menjelaskan bahawa negeri ini telah mengalami serba-bentok peranchangan kemajuan yang telah di-salorkan dalam dua ranchangan kemajuan — yang terakhir di-antara-nya ia-lah Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun bagi tahun2 1962-1966. Matalamat utama bagi ranchangan terakhir itu ia-lah (a) memperaneka-jeniskan ekonomi supaya ekonomi itu tidak akan hanya semata2 bergantong pada satu industeri saja saperti minyak; dan (b) mempertahankan satu peringkat tinggi pemberian pekerjaan.

Tetapi dengan tekanan2 yang kuat terhadap projek2 dan program2 infra-structure fisikal dan sosial ada-lah membayangkan bahawa kedua2 matalamat utama itu sa-bahagian besar-nya tidak dapat sapenoh-nya di-chapai.

Sa-bagai satu chontoh yang penchapaian ka-arah matalamat itu telah tidak berjaya ialah dari kadar orang2 yang-tidak mempunyai pekerjaan di-sebabkan lapangan2 untok menyalorkan tenaga kerja raayat itu ada-lah kurang. Dengan yang demikian, pertambahan kadar orang2 yang tidak bekerja itu ada-lah tidak dapat di-elakkan tahun demi tahun. Berdasarkan kapada angka2 banchi yang terakhir, ada-lah di-anggarkan bahawa dalam masa lima tahun yang akan datang ini, Brunei akan menghadapi satu tambahan berseh sa-banyak lebeh dari 7,000 orang yang terpaksa di-sediakan lapangan2 pekerjaan.

Memandang kapada pertambahan yang lebeh pesat terhadap raayat yang tidak berpekerjaan itu, ada-lah menjadi satu perkara yang mesti bagi Kerajaan Duli Yang Maha Mulia atau di-sebut pindek sa-bagai Kerajaan Brunei melancharkan program2-nya untok menggunakan tenaga raayat itu.

Kalau penggunaan tenaga raayat itu tidak di-fikirkan lebeh panjang, maka sudah barang tentu banyak jurang2 yang akan ditempoh, kerana sa-bagai manusia yang mahu hidup mereka pasti menjalankan apa jua ikhtiar yang berkemungkinan pula berlaku-nya pelanggaran terhadap undang2. Maka untok mengekalkan raayat Brunei dalam keadaan ketenteraman yang tinggi taraf-nya dewasa ini, Kerajaan yang di-pimpin oleh sa-orang Raja yang muda dan berpandangan jauh itu, mengorak langkah2 yang di-yakini berkesan dan berjaya menerusi satu penyusunan konkret ranchangan kemajuan-nya yang baru.

Dewasa ini, kempen untok mendapatkan sikap raayat dan menyungkil fikiran2 raayat sedang giat di-jalankan dan di-kepalai sendiri oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, sabagai sa-orang yang di-amanahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei untok mengujud-kukohkan pentadbiran negara dengan hasrat utama bagi menchipta suatu nilai yang lebeh tinggi dan faedah yang lebeh besar kapada kedua2 pehak ia-itu raayat dan negara.

Sejak kempen itu di-jalankan yang menjelajah dari kampong ka-kampong, suara2 raayat telah di-dengarkan yang keselurohannya berkehendakkan supaya ujud satu taraf yang tinggi dalam penghasilan2 pertanian dan memikirkan yang Brunei sepatut-nya sudah ada bidang2 perekonomian yang lain bagi mendampingi pendapatan negara melalui minyak itu.

Melalui perundingan2 atau dailog2 dengan raayat itu, Kerajaan telah dapat meraba apa yang sedang terkandong dalam kepala raayat. Melalui suara2 raayat itu dapat juga di-ketahui yang mereka sama2 memikirkan untong nasib mereka dan negara mereka buat masa2 yang akan datang.

Tetapi, suatu hal yang nampaknya maseh juga menjadi suatu tanda-tanya kapada Kerajaan ialah tentang sumbangan tenaga kerja raayat itu sendiri — apa-kah raayat Brunei sekarang ini benar2 sanggop melaksanakan sendiri bidang2 pertanian yang lebeh besar, perindasterian2 dalam serba bentok dan rupa, dan lain2 perusahaan. Apa-kah tidak ada nanti tabi'at "hangat2 tahi ayam" dan apakah tetap kukoh sikap "genggam bara biar sampai jadi arang" bila di-serahkan satu2 kerja itu nanti . Ini-lah yang maseh belum pasti dari raayat.

Memang ramai di-antara raayat mahukan di-ujudkan ranchangan2 yang lebeh besar, tetapi bila di-tanya apa-kah raayat mahu mengusahakan-nya, maka tiada jawapan yang pasti di-luahkan.

Walaumacham-mana pun fikiran2 yang di-sumbangkan raayat dalam majlis2 dailog telah membawakan thema yang meluas dalam memperkenalkan satu2 usaha yang patut benar di-laksanakan oleh Brunei dalam hubongan jaminan2 masa depan raayat dan kemakmoran negara.

Melalui majlis2 itu, raayat telah melahirkan kegembiraan mereka terhadap usaha2 Kerajaan membawa mereka berunding tentang hal-ehwal kebajikan negeri dan raayat dan dengan jalan itu hubongan raayat dan Kerajaan dan dengan Raja mereka sendiri adalah semakin kukoh lagi.

Sikap Kerajaan dalam usaha penyusunan ranchangan kemajuan negara yang baru itu, nampaknya ada-lah menanti satu sikap majoriti dari raayat dalam soal mahu atau tidak-nya mereka berusaha dan bekerja-keras dalam bidang2 pembangunan yang mereka kehendaki itu. Untok ini, punat lampu hijau ada-lah di-tangan raayat.

MEMAJUKAN BIDANG PERTANIAN ADA-LAH MENJADI DASAR UTAMA KERAJAAN

KAMPONG SETIA. — Sa-bagai salah satu dasar utama Kerajaan, maka bidang2 kemajuan untok pertanian ada-lah senantiasa di-usahakan dengan harapan supaya negeri ini dapat membekalkan sendiri keperluan2 raayat di-samping memberikan faedah kapada negara sa-lain daripada minyak.

Ini telah di-sabdakan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam majlis dailog di-Kampong Setia pada hari Ahad lepas.

Mengulas satu chadangan supaya negeri ini mempunyai sa-buah Sekolah Pertanian, Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa sekolah yang di-maksudkan itu telah pun di-dirikan oleh Kerajaan dalam beberapa tahun yang lalu.

Oleh kerana bidang2 ilmu yang di-kehendaki oleh sekolah itu tidak dapat di-kuasai oleh kebanyakan penuntut di-negeri ini, maka bangunan sekolah itu terpaksa di-jadikan Pusat Latehan Pulis yang ada sekarang.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa sekolah pertanian ada-lah satu persekolahan kemahiran yang tinggi yang bukan untok di-penohkan oleh penuntut2 lulusan Sijil Rendah Pelajaran, apa lagi penuntut2 yang gagal dalam pepereksaan itu.

Menambah ulasan Pemangku Menteri Besar itu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz membayangkan bahawa jika penuntut2 yang gagal dalam Sijil Rendah Pelajaran itu benar2 berminat dalam hal-ehwal pertanian, maka satu badan untok melateh mereka boleh di-tubohkan.

Badan itu, kata beliau, tidak hanya terhad kapada penuntut2 yang gagal itu, tetapi juga terbuka kapada petani2 yang ingin menambah pengetahuan mereka.

Ketika mengulas chadangan untok memberikan tanah kapada pendudok2 di-Kampong Setia bagi berchuchok tanam, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar khuatir yang perusahaan menangkap ikan akan hapus dan menjadikan harga2 ikan bertambah2 naik.

Beliau bersabda pendudok2 dudok2 di-kampong itu akan terus memusatkan perhatian mereka kapada lapangan penangkapan ikan yang di-usahakan mereka sa-lama ini.

Beliau bersabda, pendudok2 yang sudah pun mempunyai perusahaan2 sendiri dan telah memberikan faedah yang baik sa-lama ini hendak-lah mengusahakan-nya dengan lebeh bersunggoh2 dan jika perlu memperbaiki-nya lagi supaya faedah2 itu akan dapat di-rasai oleh raayat seluroh-nya.



10% dari peruntokan negara di-untokkan bagi memajukan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berkata bahawa 10 peratus dari peruntokan tahunan negara ada-lah di-peruntokan bagi pelajaran. Ini ada-lah satu angka yang paling tinggi jika di-bandingkan dengan negeri2 lain, paling banyak dua peratus sahaja. Di-sini dapat-lah di-ambil kesimpulan betapa besar-nya hasrat kerajaan untok memberi pelajaran yang benar2 perchuma kapada raayat negeri ini.

Ini telah di-tegaskan beliau dalam majlis dialog yang di-adakan di-Kampong Sungai Kedayan pada hari Ahad lepas.

Dalam memberi peperangan selanjut-nya di-majlis itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain berkata bahawa Kerajaan telah membelanjakan untok buku2 sahaja kira2 $150.00 sa-tahun bagi tiap2 sa-orang murid hingga ka-tingkatan L.C.E.

Penerangan itu di-berikan berhubongan dengan satu chadangan di-majlis itu supaya murid2 yang kechichiran sa-lepas dua kali mengambil pepereksaan L.C.E. di-terima seterus-nya belajar sa-lagi murid2 itu sanggup belajar.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja berkata, satu ujian telah pun di-buat, bagaimana murid2 yang telah gagal dalam pepereksaan L.C.E. dua tahun berturut2, di-benarkan menyabong pelajaran mereka dengan sharat mereka di-kenakan bayaran saperti membeli buku2 sendiri dan bayaran pepereksaan.

Hasil-nya di-dapati bahawa 11 dari 12 orang murid itu lulus pepereksaan L.C.E. dengan pangkat 'A'. Berhubong dengan hal ini, kata-nya, Kerajaan akan chuba membuat satu kajian apa-kah kemewahan dan kemanjaan itu menimbulkan kemalasan.

Islam menggalakkan pemelok2-nya bergerak chergas dalam bidang ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Islam ada-lah satu ugama yang mewajibkan penganut2-nya bekerja keras untok kehidupan-nya dan keluarga-nya, dan kerana itu-lah Islam ada-lah sangat2 sesuai bagi asas Ranchangan Kemajuan Negara yang baru, yang berusaha untok menjadikan Islam sabagai chara kehidupan yang lengkap di-negeri ini.

Ini telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin dalam majlis dailog dengan pendudok2 Kampong Setia dan Sungai Kedayan pada hari Ahad lepas.

Yang Berhormat itu berkata, Islam ada-lah menggalakkan pemelok2-nya supaya bergerak chergas di-lapangan2 perusahaan, perniagaan, pertanian dan lain2 dan bukan-lah menjadi konsep Islam untok menyuroh penganut2-nya beribadat 24 jam sa-hari sa-malam. Beliau menegaskan bahawa konsep Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap ia-lah bekerja dan beramal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menyatakan bahawa untok tujuan ini dan untok penerangan yang lebeh luas kapada orang ramai mengenai Islam sabagai ideoloji negara, maka penerangan2 yang lebeh lanjut akan di-keluarkan nanti.

Dengan itu raayat dan pendudok negeri ini akan dapat memahami benar2 ajaran2 Islam dalam kehidupan mereka sa-hari2, terutama dalam memainkan peranana mereka ka-arah usaha bagi Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Menyebut akan majlis dailog itu pula, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menjelaskan bahawa Islam memang menggalakkan penganut2-nya supaya berunding terhadap sasuatu masaalah, khas-nya perkara2 yang memberikan kebajikan kapada masharakat saperti usaha2 untok memperbaiki taraf hidup kita menerusi penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu.

PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pemangku Pegawai Daerah serta ahli2 jawatankuasa sambutan yang mengepalai perarakan, bergerak meninggalkan padang Sekolah Melayu Muda Hashim untok berarak mengelilingi Pekan Tutong.

Lebeh 5,000 sertai perarakan Maulud di-Tutong

TUTONG. — Daerah Tutong telah merayakan hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. dengan satu perarakan mengelilingi Pekan Tutong pada hari Isnin lepas.

Lebeh dari 5,000 orang umat Islam dari 42 pasokan yang mewakili pertubohan2 belia, kebajikan, kampong, sekolah2 dan pejabat2 kerajaan di-daerah itu telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Perarakan itu di-ketuai oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin, termasok Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan itu, Timbalan Kadzi Besar, Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Pemangku Kadzi Daerah Tutong, Abang Haji Razalie bin Abang Haji Zainuddin dan lain2 pegawai kanan ugama dan pegawai2 Kerajaan.

Perarakan itu bermula dari padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong melalui Jalan Penyurat Haji Abu Bakar, kawasan Mesjid Hassanal Bolkiah, Jalan Enche Awang, dan melalui pejabat2 Kerajaan, kedai2 dan balek semula ka-padang Sekolah Melayu Muda Hashim untok menyampaikan sijil2.

Sijil2 telah di-sampaikan kapada pasokan2 yang mengambil bahagian oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.

Sa-belum perarakan itu di-mulakan majlis itu di-dahului oleh Bachaan Kitab Suchi Al-Quran oleh Awang Tahir bin Haji Jaafar, uchapan oleh pengerusi majlis, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan satu sharahan khas mengenai dengan riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Muhammad s.a.w. yang di-sampaikan oleh Awang Badarudin bin Pengarah Haji Othman, sa-orang pegawai kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Pasokan Pancharagam Askar Melayu dan Pulis Diraja Brunei juga mengambil bahagian dalam perarakan itu.

BANGUNAN IBU SAWAT TALIPON DI-MUARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang menawarkan tender2 bagi pembinaan bangunan ibu sawat talipon bagi Jabatan Talikom di-Muara.

Sa-orang juruchakap Jabatan Talikom menyatakan bangunan yang di-chadangkan itu akan di-bina berdekatan dengan Balai Pulis baru, dan tapak bagi pembinaan telah pun di-bersehkan.

Bangunan itu akan di-bina berasaskan kapada rangka yang di-sediakan oleh akitek2 Jabatan Kerja Raya salaras dengan rangka awal yang di-sediakan oleh Jabatan Talikom.

Bangunan itu akan di-lengkapkan dengan sa-buah alat exchange otomatik.

Ia-nya akan di-pasang dan di-kawal oleh kaki-tangan jabatan itu sendiri.

Jabatan Kesihatan akan menjalankan kempen kebersehan makanan di-seluroh negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang T.W. Adams sa-orang Penasihat Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia telah memberi cheramah kapada pemegang2 lesen perusahaan makanan di Daerah Brunei/Muara mengenai Pelajaran Kesihatan Pemegang2 Lesen Perusahaan Makanan.

Cheramah itu telah di-anjorkan oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan telah di-adakan di-Dewan Bandaran di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Sa-ramai empat puloh tiga orang pekedai2 makanan dari daerah tersebut telah menghadhiri cheramah itu.

Awang Adams berkata Jabatan Perubatan dan Kesihatan mempunyai tangggong-jawab untok memperlindongi orang ramai dan membuat sa-suatu yang boleh untok mengelakan penyakit2 yang di-bawa melalui makanan.

Beliau memberi tahu, negara2 jiran tetangga — Singapura, Hong Kong, Taipeh — menghadapi masaalah ini dan Brunei kata-nya, mesti-lah mengambil langkah2 untok memperseimbangkan kedudokan dengan mereka.

Awang Adams juga menasihatkan dan mengingati pemegang2 lesen itu mengenai perubahan, chadangan peratoran pemereksaan dan penyesuaian 'Susunan Peratoran' untok mengukohkan satu taraf kebersehan yang di-kehendaki di-seluroh negeri ini.

Beliau menerangkan Brunei mesti-lah sa-tanding dengan lain2 negara dan dengan sebab itu-lah kerajaan telah mendatangkan sa-orang penasihat.

Perkara ini telah di-buat oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan jabatan itu sekarang ini telah bersedia untok melaksanakan satu kempen kebersehan makanan meliputi seluroh negeri.

Satu kemajuan yang utama boleh di-buat oleh kaki-tangan perusahaan makanan ia-itu dengan mengawasi kebersehan pakaian mereka dan mengamalkan peratoran kesihatan dan kebersehan persendirian.

Awang Adams menambahkata, chara pengurusan yang baik ada-lah perlu di-amalkan oleh pengawas2 tempat2 perusahaan makanan supaya semua barang2 di-semua tempat2 perniagaan terjaga dalam keadaan yang berseh di-sepanjang masa.

Wakil2 Daerah Belait di-pileh

KUALA BELAIT. — Peraduan membacha Quran dan sharahan ugama sekolah2 ugama di-Daerah Belait telah di-adakan di-perkarangan Sekolah Menengah Melayu Mohamed Alam, Seria pada malam Ahad lepas.

Peraduan itu telah di-rasmikan oleh Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim, sementara hadiah2 di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Sa-ramai 14 orang perserta lelaki dan perempuan telah bertanding dan keputusan-nya ada-lah saperti berikut:

Bachaan Quran bahagian lelaki kumpolan A: Pertama — Awang Ahmad bin Su dan kedua — Awang Abdul Basir bin Haji Hanifah; sementara kumpolan B, pertama — Awang Hamzani bin Abdullah, kedua — Awang Haji Abdul Razak bin Su dan ketiga — Awang Ahmad Jubir bin Arnawi.

Kumpolan A Bahagian Perempuan; Pertama — Dayangku Fatimah binte Pengiran Damit dan kedua — Dayang Jariah binte Ahmad, sementara kumpolan B, pertama — Dayang Faridah binte Mos, kedua — Dayang Norzanah binte Hamdi dan ketiga — Dayang Piah binte Latif.

Awangku Azhari bin Pengiran Mohamed Salleh telah memenangi peraduan sharahan bahagian lelaki dan kedua — Awang Basri bin Mahmud.

Sementara bahagian perempuan pertama — Dayang Halimah binte Badol dan kedua — Dayang Rukiah binte Sion.

Pemenang tiap2 bahagian akan mewakili sekolah2 ugama Daerah Belait ka-peraduan perengkat negeri yang akan datang.

Sambutan Maulud di-Dato Gandi

DATO GANDI. — Pendudok2 Kampong Pelambayan, Dato Gandi, Sungai Matan, Serdang dan Kampong Sungai Belukut dalam Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan majlis sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Dewan Sekolah Melayu Dato Gandi pada minggu lalu.

Di-antara achara2 yang telah di-persembahkan ia-lah Bacha'an Ayat2 Suchi Al-Quran, permainan gambus, Bacha'an Raweh dan merhaban.

Satu sharahan khas mengenai dengan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. juga telah di-sampaikan oleh Ustaz Mustajab bin Shaien, sa-orang guru Bahasa Arab di-Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit.

Majlis itu telah di-akhiri dengan penyampaian sijil2 kapada 27 orang penuntut kelas Dewasa Ugama Lelaki dan 26 orang penuntut kelas Dewasa Ugama Perempuan yang telah lulus pepereksaan tahun lepas di-Sekolah Ugama Dato Gandi.

Sijil tersebut telah di-sampaikan oleh dua orang Nadzir Sekolah2 Kelas Dewasa Ugama, Ustaz Awang Ahmad bin Haji Ramli dan Pengiran Hajjah Salmah bte. Pg. Hj. Ismail.

Pasar ria anjoran W.I.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei — W.I. — akan mengadakan satu temasha jualan murah dan pasar ria di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 4hb. Mei hadapan.

Menurut Yang Di-Pertua W.I., Dayang Masni binte Haji Ali, pasar ria itu ada-lah salah satu dari projek perkumpolan itu untok mengutip derma bagi Tabong Pembinaan Stadium.

Berbagai jenis jualan saperti buku2, majalah, makanan dalam tin dan kain2 akan di-jual di-temasha itu.

Kueh-mueh dan makanan serta hasil pekerjaan tangan ahli2 W.I. juga akan di-jual pada hari itu.

74 orang terima tali-pinggang Judo

JALAN MUARA. — Timbalan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid yang juga menjadi Yang Di-Pertua Persatuan Judo dan Karate Amacher Negeri Brunei telah menyampaikan sijil2 dan tali-pinggang2 judo kapada 74 orang anggota Pasokan Pulis Diraja Brunei dan lima orang anggota Jabatan Penjara, di-satu upachara yang di-adakan di-Pusat Latehan Pulis pada hari Sabtu lepas.

Tali-pinggang2 warna choklat telah di-berikan kapada Sarjan 10, Awang Mohammad Yusof bin Haji Ali Ahmad dan Sarjan 683, Awang Mohammad Roger bin Abdullah ia-itu pegawai2 dari Pusat Latehan Pulis.

Sementara pegawai2 lain menerima tiga tali-pinggang warna hijau dan satu warna kuning.

Pegawai2 Kadet menerima 9 tali-pinggang warna kuning dan rekrut2 menerima 42 tali-pinggang warna merah limau dan 17 warna kuning.

Sa-orang dari Jabatan Penjara menerima tali-pinggang warna merah limau dan 4 warna kuning.

Latehan2 Judo telah di-jalankan di-Pusat Latehan Pulis sa-lama beberapa tahun yang lalu tetapi penyampaian sijil itu ia-lah yang terbesar pernah di-adakan.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

Di-denda kerana tinggal chara haram

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Bandar Seri Begawan telah memerentahkan Yan Fow dan Tan Chuin supaya meninggalkan negeri ini dengan segera sa-telah mereka mengaku salah atas tudohan tinggal di-negeri ini sa-lepas pas2 lawatan mereka mansoh.

Mahkamah juga mendenda Yan Fow sa-banyak $700.00 atau penjara sa-lama 2 bulan sa-tengah dan Tan Chuin di-denda sa-banyak $400.00 atau penjara sa-lama 1½ bulan.

Mahkamah di-beritahu bahawa pas2 lawatan mereka mansoh pada 22hb. Ogos tahun lalu

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Tawaran untok menguruskan sa-buah kantin di-Bangunan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Tawaran2 ada-lah di-pelawa untok menyewa bagi pengurusan sa-buah kantin di-Bangunan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan sharat2 berikut:–

(1) Tawaran ini ada-lah untok tempoh 2 tahun mulai dari 1hb. Jun, 1973 hingga 31hb. Mei, 1975. Pemborong2 dikehendaki menyatakan tawaran sewa-nya bagi satu bulan, dengan menulis angka dan diikuti dengan perkataan.

(2) Pemborong2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu membayar sewa pendahuluan salama 6 bulan dan berikut-nya tiap2 bulan.

(3) Pemborong2 yang berjaya sama sekali tidak di-benarkan menyewakan sa-mula kapada orang lain dan jika di-dapati berbuat demikian kebenaran-nya akan di-batalkan.

(4) Pemborong ada-lah bertanggong-jawab di-atas kebersehan dan keselamatan kawasan dan alat perkakas Kantin ini.

(5) Kantin ini di-buka dari jam 7.30 pagi hingga 10.00 malam.

(6) Kerusi, meja, ayer dan lampu akan di-sediakan di-Pusat Belia tanpa di-kenakan bayaran.

(7) Barang2 minuman dan makanan yang di-jual hendak-lah halal di-sisi Ugama Islam, termasok rokok dan sa-umpama-nya.

(8) Pemborong yang berjaya hendak-lah menyediakan bilangan pelayan2 yang chukop dan mereka ini hendak-lah berpakaian kemas, dan hendak-lah sentiasa bersopan santun dan hormat kapada pelanggan.

(9) Pemborong yang tidak mengikut sharat2 ini akan di-ambil tindakan tegas oleh Lembaga Pentadbir Pusat Belia.

(10) Pemborong hendak-lah terlebeh dahulu membayar wang chagaran (deposit) sa-banyak $50.00 (lima puloh ringgit sahaja) ka-Pejabat Perbendaharaan.

(11) Segala tawaran hendak-lah di-alamatkan di-luar sampul surat kapada:–

TENDER KANTIN
PUSAT BELIA,
BANDAR SERI BEGAWAN.

dan jangan menaroh nama pengirim. Sampul surat mesti-lah di-seal dan di-masokkan ka-peti Tender yang di-sediakan di-Pejabat Perbendaharaan, Bandar Seri Begawan sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari Selasa 1hb. Mei, 1973.

(12) Kerajaan Brunei tidak terkait untok menerima tawaran yang paling tinggi atau sa-barang tawaran.

(P.O.K. Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Hj. Masri)
Pesurohjaya Kebajikan Brunei.

SA–BAGAI PELATEH TEKNIK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 16 hingga 21 tahun.

b) Mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab, Fiziks dan Bahasa Inggeris atau pun lulus Sijil 'Am Pelajaran 'O' Level dalam Ilmu Hisab, Fiziks dan Bahasa Inggeris.

Gaji:

Gaji permulaan sa-banyak $290.00 sa-bulan dalam sukatan gaji E 2-3 — ($290–$350).

Chalun2 yang berjaya akan di-beri latehan sa-lama 2 tahun dalam kejuruteraan talikom di-Brunei dan seberang laut. Sa-sudah berjaya menamatkan latehan ini chalun2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — $410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji permulaan $490.00 sa-bulan. Chalun2 yang tidak berjaya menamatkan latehan 2 tahun ini akan di-benarkan terus berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Pemantu Teknik dalam sukatan gaji D 2-3 EB 4 — $290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji mengikut peratoran2 Kerajaan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 14hb. Mei, 1973.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Hassanal Bolkiah, Daerah Tutong.

b) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Labi, Belait.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah saperti berikut:–

Jawatan IMAM — U. 4 — $280 x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U. 2 — $220 x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 19hb. Mei, 1973.

Sa-bagai Penolong J-rawat Perchubaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Penolong Jururawat2 Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumor 18 tahun ka-atas. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan 1 Inggeris, atau Darjah VI Melayu.

Tingkatan Gaji:

Penolong Jururawat Perchubaan dan Penolong Jururawat Terlateh: E. 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Penolong Jururawat Kanan: D. 3 — $410x20-510.

Aluan:

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan sa-masa dalam latehan. Sa-lain dari itu alaun makan sa-banyak $35.00 sa-bulan di-bayar sa-masa dalam tempoh perchubaan.

Tempoh Perchubaan:

Tempoh perchubaan biasa-nya Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari ia-lah sa-lama 2 tahun.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, 28hb. April, 1973.

Sa-bagai Tukang Kebun / Pemberseh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pulis, Brunei.

Hanya orang2 yang tinggal atau berdekatan dengan kawasan ini di-kehendaki memohon.

TUKANG KEBUN/
PEMBERSEH:

1 jawatan di-Balai Pulis Kuala Belait.
1 jawatan di-Pasokan Simpanan 'A' Kuala Belait.
1 jawatan di-Balai Pulis Panaga.
2 jawatan di-Balai Pulis Seria.
1 jawatan di-Balai Pulis Labi.
1 jawatan di-Balai Pulis Sungai Liang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 EB 2 — $180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 19hb. Mei, 1973.

Di-Jabatan Kebajikan Masharakat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bangunan Pusat Belia, Jabatan Kebajikan Masharakat, Brunei.

A. **PENJAGA JENTERA TAPISAN AYER KOLAM BERENANG:** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan saperti ini. Mereka mesti-lah juga mempunyai sijil 'Life Saving' yang di-ikui.

Tugas2:

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia untok bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi Pegawai2 Kerajaan. Selain dari itu, chalun yang berjaya mungkin juga di-kehendaki menjalankan tugas sa-bagai Life Guard.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

B. **PENJAGA KOLAM BERENANG:** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 25 tahun, lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sijil 'Life Saving' yang di-akui dan sabaik2-nya mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai penjaga kolam berenang.

Tugas2:

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia untok bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi Pegawai2 Kerajaan dan hendak-lah bersedia untok membuat kerja2 lain di-Pusat Belia sa-lain dari kerja2 biasa sa-bagai penjaga kolam berenang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 — $220x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 12hb. Mei, 1973.

Sa-bagai Pemereksa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pemereksa di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan mempunyai kelulusan yang baik dalam matapelajaran kira2. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang berpengalaman atau pernah mempelajari audit atau accountancy.

Gaji:

Dalam sukatan gaji $250x10-290 x15-380 / EXAM/410x20-450 / EB 470x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Mei, 1973.

Sa-bagai Pemandu Tingkatan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pemandu2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok jawatan sa-bagai Pemandu Tingkatan Khas di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 23hb. Mei, 1973. Ketua2 Jabatan sa-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untok di-naikkan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

KEMAMPUAN RAAYAT MENGENDALIKAN BIDANG2 PENTING SANGAT2 DI-HARAPKAN

Dari muka 1

bumi-putera serta perhubongan.

Dalam majlis itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan juga tertarek kapada chadangan untok meluaskan penangkapan ikan dengan tujuan untok mengurangkan penganggoran di-samping dapat menurunkan harga2 ikan itu.

Usaha2 berkebajikan saumpama itu ada-lah di-restui oleh Kerajaan asalkan ia-nya benar2 di-laksanakan dengan baik dan memuaskan dan tidak akan menemui jalan buntu di-kemudian hari nanti.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyatakan bahawa Ranchangan Kemajuan Negara yang hendak di-susun itu ada-lah untok kepentingan masa yang panjang bagi raayat negeri ini menikmati-nya.

Menyebut akan masaalah2 persekolahan di-negeri ini, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menyatakan bahawa Kerajaan telah pun menubohkan sa-buah Surohanjaya Pelajaran yang bertugas menyiasat segala masaalah persekolahan itu dan menghadapkan laporan2-nya kapada Kerajaan untok di-kaji bagi melaksanakan tindakan2 yang lebeh berkesan.

Mengulas akan pertemuan itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menegaskan bahawa kemampuan raayat untok menyahut dan mengendalikan bidang2 yang penting saperti pertanian, perikanan, perusahaan dan lain2 bidang yang mustahak ada-lah di-harap2kan oleh Kerajaan.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, kata-nya, ingin memastikan sa-jauh mana kesanggupan raayat negeri ini untok mengendalikan bidang2 yang benar2 mendatangkan faedah untok negara dan raayat.

Beliau berkata bahawa akan tidak berguna jika satu2 ranchangan itu di-chadangkan jika raayat sendiri tidak mahu mengerjakan-nya.

Beliau memberi bayangan bahawa kenaikan harga barang2 di-negeri ini, salah satu daripada puncha besar-nya ialah sa-bahagian besar dari barang2 itu di-impot dari luar.

Jika barang2 itu, kata-nya, di-keluarkan dari negeri ini sendiri dengan hasil usaha raayat, maka sudah tentu harga barang2 itu tidak akan menjadikan satu masaalah kapada kita semua.

Mengenai dengan perhubongan pula, beliau menyatakan bahawa mana2 kawasan yang di-fikirkan dapat memberikan faedah2 kebajikan kapada pendudok2-nya akan di-hubongkan melalui perkhidmatan jalan2 raya yang baik bagi memudah dan menyenangkan pendudok2 itu membawa hasil2 tanaman mereka kabandar.



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar (di-tengah2) sedang memberikan penerangan dalam majlis dailog di-Kampong Sungai Kedayan. Di-sabelah kanan beliau ia-lah Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Y.B. Pegawai Hal-Ehwal Ugama. Di-sabelah kiri beliau ia-lah Ketua Kg. Sg. Kedayan"B", Ag. Hj. Abd. Aziz bin Ahmad dan Ketua Kg. Sg. Kedayan "A", Ag. Ahmad bin Jaludin.

K'jaan tidak ingin terbantut-nya satu2 usaha di-tengah jalan

KAMPONG SETIA. — Kesanggupan raayat untok berusaha dan bekerja dengan sunggoh2 ada-lah merupakan satu jaminan yang mustahak bagi menentukan kejayaan satu2 ranchangan yang hendak di-lancharkan.

Ini telah di-tegaskan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar di-majlis dailog yang berlangsong di-Kampong Setia pada hari Ahad lepas.

Beliau menjelaskan lagi bahawa majlis2 dailog yang telah dan akan terus di-adakan dari masa ka-masa itu ada-lah bertujuan untok mengetahui taraf kemampuan raayat itu sa-lain dari mendengar chadangan2 dan fikiran2 untok membangun negara dan raayat.

Bagi pehak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, sabda beliau, lampu hijau akan sentiasa di-nyalakan untok melaksanakan ranchangan2 yang di-chadangkan oleh raayat itu, tetapi sharat yang utama yang perlu di-dapatkan dari raayat ia-lah kesanggupan dan kemampuan mereka.

Sabda beliau lagi, chadangan untok mempermodenkan chara2 penangkapan ikan dengan peralatan2 yang baru ada-lah di-alu2kan oleh Kerajaan. Hanya yang tidak di-inginkan Kerajaan ia-lah terbantut-nya satu2 usaha itu di-tengah jalan, saperti yang pernah terjadi dalam usaha2 yang lain yang di-usahakan raayat dengan bantuan Kerajaan.

Beliau berharap bahawa semangat raayat untok membangun itu hendak-lah di-iringkan dengan semangat yang mahu bekerja dan berusaha yang tidak mengenal jemu atau "kala-nguan".

Jika sikap ini benar2 ujud, beliau yakin yang Negeri Brunei Darussalam ini akan dapat di-chipta sa-bagai negara yang membangun pesat dalam sagenap bidang sapertimana yang di-hasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menerusi penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu.

K'jaan tidak akan teragak2 utk memberikan kemudahan kpd raayat

(*Dari Muka 1*)

bersama dalam lapangan perusahaan, perniagaan dan pertanian di-negeri ini.

Beliau bersabda, orang ramai yang terlibat dalam ranchangan perpindahan itu juga mesti di-sesuaikan dengan tujuan2 sa-sebuah kawasan perpindahan itu, sama ada ia merupakan kawasan projek2 kemajuan perusahaan atau pertanian. Sabda beliau, ini di-ranchangkan sa-demikian rupa supaya pendudok2 di-kawasan2 ranchangan perpindahan itu tidak akan mengalami kerumitan dalam pekerjaan2 hidup mereka sa-hari2.

Mengenai kemudahan2 orang ramai dalam kawasan2 perpindahan itu, beliau berkata, tidak-lah perlu di-bimbangkan lagi, kerana sudah menjadi dasar Kerajaan D.Y.M.M. salama ini mengadakan sekolah2, mesjid2, klinik2 dan sa-bagai-nya di-kawasan2 perpindahan itu.

Memberikan satu penjelasan mengenai chadangan mengadakan kilang2 perusahaan di-negeri ini, sa-bagai salah satu usaha untok mengatasi soal penganggoran, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara bersabda, sa-belum kilang2 perusahaan di-dirikan, bahan2 mentah yang chukop ada-lah di-perlukan lebeh dahulu untok di-proses oleh kilang2. Jika tidak, kilang2 perusahaan itu akan lumpoh. Dengan yang demikian bidang perusahaan pertanian ada-lah penting bagi menggerakkan jentera kilang2 itu.

Sementara itu di-majlis dailog yang sama, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berkata, Kerajaan Baginda tidak akan lari dari tanggong-jawap-nya dalam memberikan segala kemudahan kapada raayat, bagaimana pun terpulang-lah kapada raayat itu sendiri untok mengubah sikap dalam menempoh gelombang Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu.

Pada masa ini, kata-nya, Kerajaan telah mendatangkan saorang pakar perniagaan yang khas dari luar negeri, untok merangka ranchangan2 perniagaan yang sesuai bagi raayat di-negeri ini, dalam usaha untok membawa raayat lebeh ramai dan lebeh meminati lapangan perniagaan di-negeri ini.

Keterangan itu di-berikan berikutan satu chadangan yang di-timbulkan dalam majlis di-Kampong Sungai Kedayan itu supaya Kerajaan mengadakan ranchangan perusahaan dan perniagaan bumi-putera. Chadangan itu juga menggesa Kerajaan supaya menggalakkan pelabor2 luar melaborkan modal di-negeri ini dan membuka perusahaan2 sa-chara usaha bersama dengan bumi-putera.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu berkata, memang-lah menjadi dasar Kerajaan untok menggalakan kaum bumi-putera mengambil bahagian chergas dalam lapangan perusahaan dan perniagaan dan apa yang penting sekarang ia-lah supaya orang ramai mengubah sikap, dan tidak meyelewengkan kemudahan2 dan bantuan2 yang di-berikan oleh Kerajaan.

Mashuarat Agong BGMHEU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz akan merasmikan Mashuarat Agong yang ke-10 Kesatuan Sekerja-Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei — BGMHEU pada hari Ahad 29hb. April, 1973. Mashuarat itu akan di-adakan di-Dewan Asrama Jururawat di-Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan mulai 9.00 pagi.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 18 RABU 2HB. MEI, 1973. 29 ربيع الاول 1393 رابو PERCHUMA

KERAJAAN TIDAK MENYEKAT RAAYAT MENANAM TANAMAN SEMENTARA DI-TANAH YANG BELUM BERGRAN

LABI. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail sekali lagi menegaskan bahawa chorak pemikiran dan chadangan yang di-kehendaki untok bahan penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu bukan-lah untok kepentingan persendirian, tetapi ia-lah untok mendatangkan faedah kapada semua golongan raayat negeri ini.

Ini telah di-sabdakan beliau dalam majlis dailog yang berlangsong di-Balai Raya, Mukim Labi pada hari Jumaat lepas. Sa-belum majlis itu berlangsong, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan rombongan telah menyempurnakan sembahyang fardhu Jumaat di-Mesjid Mukim itu.

Rombongon beliau itu telah di-sertai oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz; Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar; Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Husin; Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish dan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan.

Pemangku Menteri Besar bersabda bahawa penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu ada-lah memusatkan perhatian untok mengatasi masaalah2 yang melibatkan kepentingan seluroh raayat, terutama sekali di-kalangan raayat tulin jati negeri ini.

Kebanyakan fikiran2 yang di-sumbangkan dalam mailis itu oleh pendudok2 di-Mukim

(*Lihat muka 4*)

Tanah tidak akan di-beri kapada orang2 yang tidak "taongkayah"

LABI. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika menambah ulasan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam soal pemberian tanah telah menjelaskan bahawa tanah2 yang di-beri tetapi tidak di-usahakan itu boleh di-ambil balek oleh Kerajaan.

Menurut hukum2 Ugama Islam dari Mazhab Shafi'e, kata-nya, telah menetapkan bahawa Kerajaan boleh mengambil balek tanah2 itu pada bila2 masa saja, jika ia-nya tidak di-gunakan oleh pemilek2-nya.

Beliau berkata, perkara ini sudah tentu akan menjadi satu kemudharatan bagi pemilek2 tanah itu sa-lain ia-nya mendapat dosa kerana tidak mengusahakan tanah tersebut.

Dari sudut ini, kata-nya, pemilek2 itu pula harus memikirkan bagaimana Kerajaan telah memberikan peluang kapada mereka dengan harapan yang peluang2 itu tidak akan di-sia2kan.

Kerajaan sekarang, jelas beliau, ada-lah memikirkan dengan semasak2-nya bahawa orang2 yang tidak "taongkayah" terhadap tanah2 yang di-pohonkan itu tidak akan di-beri.

"Kalau di-beri juga, maka ia-nya sudah tentu akan memberatkan diri orang itu sendiri. Ini-lah yang tidak di-kehendaki oleh Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu yang menggariskan dasar2 untok tidak menyusahkan raayat", tegas beliau.

(*Lihat Muka 8*)



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran 'Cheteria' kapada Y.M. Pengiran Idris bin Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Muda Abdul Kahar dalam satu istiadat mengurniakan gelaran itu di-Lapau, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Pengiran Idris sekarang bergelar Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara.

Istiadat yang berlangsong dengan penoh adat istiadat itu telah di-jalankan di-hadapan Duli Yang Maha Mulia dan di-saksikan oleh pembesar2 negara antara-nya termasok T.Y.I. Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamad Bolkiah.

Pada hari Khamis 26hb. April yang lalu, Duli Yang Maha Mulia telah menaikkan gelaran Yang Mulia Mudim Awang Mohammad Yusof bin Abdul Latif menjadi Yang Di-Muliakan Pehin Khatib.

Istiadat pengishtiharan kenaikkan gelaran dan mengurniakan chiri kapada Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Awang Mohd. Yusof itu juga telah di-adakan di-Lapau.

Gambar atas menunjokkan Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar ketika menapakkan gangsa sireh ka-bahu Y.A.M. Pengiran Indera Negara Pengiran Isris dalam istiadat mengurniakan gelaran pada hari Sabtu itu.

Dailog dgn. raayat memberi kesan yang menyenangkan

BANDAR SERI BEGAWAN. Gerakan2 untok berdailog dengan raayat dan pendudok negeri ini berhubong dengan penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru di-anggap telah mendatangkan kesan yang menyenangkan.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa dailog yang di-selanggarakan di-seluroh pelusok negara pada masa ini di-sifatkan beliau juga sa-bagai satu perkara yang dapat mentenangkan fikiran.

Perkara ini telah di-timbulkan beliau ketika beruchap sajurus sa-belum merasmikan pembukaan Mashuarat Agong kali yang ke-10, Kesatuan Sakerja Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan pada hari Ahad lepas.

Menurut pengalaman-nya, beliau berpendapat bahawa lebeh banyak dailog di-adakan

(Lihat muka 8)

HARGA BERAS SIAM NAIK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Harga jualan runchit beras puteh Siam jenis AAA telah di-naikkan sa-banyak 40 sen mulai semalam, 1hb. Mei, 1973.

Pengawal Setor2 dan Perbekalan Negara menyatakan bahawa harga bagai sa-gantang beras di-Bandar Seri Begawan ia-lah $2.20; di-Tutong dan Muara $2.25 dan di-Kuala Belait, Seria dan Temburong ia-lah $2.30.

Renchana ini di-petik dari sharahan khas Ustadz Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Penguasa Pelajaran Ugama Brunei, Jabatan Hal-Ehwal Ugama dalam sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. di-Pekan Bangar, Daerah Temburong pada 28hb. April, 1973.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI PEMBANGUNAN NEGARA

PADA hari ini kita di-Brunei sedang menghadapi satu keadaan yang merupakan keadaan menanti dan memohon. Keadaan itu ia-lah negara kita pada masa ini sedang hendak memulakan satu ranchangan kemajuan baharu untok sa-lama lima tahun yang akan datang.

Ranchangan kemajuan ini barangkali akan di-asaskan pada tahun 1974 dan berkesudahan pada tahun 1978.

Kita sa-bagai raayat yang taat setia kapada Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan patut-lah menyambut usaha peranchangan ini dengan penoh kesedaran dan tanggong-jawab, kerana ranchangan itu sa-benar-nya ada-lah satu daya usaha yang bertujuan untok menchapai kemajuan, kemakmoran dan keselamatan hidup kita di-negeri ini.

Peranchangan bagi sa-sebuah negara sama-lah juga saperti peranchangan atau mengator kerja2 sa-hari2 bagi sa-orang ketua keluarga dalam rumah bagi menanggong perbelanjaan kaum keluarga-nya yang ada dalam jagaan-nya. Dengan pendapatan sa-bulan saperti juga pendapatan negara sa-tahun. Ketua keluarga itu akan terpaksa memikirkan dengan teliti apa-kah yang mustahak dan yang tidak mustahak untok di-belanjakan dengan pendapatan sa-bulan itu. Dengan ranchangan yang demikian, dia boleh memberi nafkah anak isteri-nya, memberi pertulongan keluarga-nya yang lain dan boleh menyimpan wang sedikit — misal-nya untok naik haji atau membeli tanah atau membuat rumah.

Dengan tidak ada ranchangan saperti ini, maka tentu-lah ia akan mendapat kesusahan apa lagi kalau ia kurang bertanggong-jawab, boros, anak banyak, bini dua atau tiga misal-nya. Jadi ranchangan itu ada-lah satu tanggong-jawab — dan dalam hal ini Kerajaan kita telah pun bersedia untok memikul tanggong-jawab itu.

Maka sekarang ini terserah-lah kapada kita untok memberikan kerjasama, sokongan yang besar supaya tanggong-jawab itu dapat di-jalankan oleh Kerajaan dan kita juga patut sama menjalankan-nya untok menchapai kebaikan dan kemajuan negeri kita Brunei Darus-salam. Demikian-lah bahawa ketua keluarga tadi ada-lah umpama Kerajaan dan isi rumah-nya ia-lah raayat dan pendudok. Kedua2-nya mesti bantu membantu untok supaya rumah menjadi aman dan sentosa dan "bisai" di-lihat orang lain.

Berchakap mengenai dengan satu ranchangan, maka orang2 Islam sa-benar-nya bukan-lah baharu kapada apa yang di-namakan meranchang dan mengator pekerjaan ini. Dalam kehidupan sa-hari2, umat Islam yang taqwa kapada Allah tidak alpa menunaikan ranchangan2-nya. Satu chontoh yang paling nyata ia-lah ranchangan lima waktu sa-hari sa-malam (sembahyang) ia-itu satu ranchangan menjaga waktu dan masa supaya tidak-lah umat Islam membuang masa, lalai dan leka dengan urusan2 duniawi sa-mata2 sa-hingga urusan2 terhadap Allah di-lupakan.

Dalam sejarah Islam kita dapat belajar bahawa untok menjalankan sa-suatu ranchangan itu perlu kapada keberanian, kekuatan dan azam serta semangat yang tidak kenal takut, mundur dan malas. Dan dari sejarah Islam juga kita dapat belajar bahawa untok menjalankan ranchangan itu mestilah ada kerjasama dan persafahaman walau pun pehak yang menyelanggarkan itu tidak ramai.

Chontoh-nya, dalam masa permulaan Islam akan di-kembangkan, banyak halangan dan galangan baik yang halus mahu-pun yang kasar dan merbahaya telah di-hadapi oleh Nabi Mohammad s.a.w. bahkan di-akhir ranchangan Baginda akan di-bunoh oleh satu "conspiracy" kaum quraish. Tetapi dengan azam yang penoh Baginda berkata kapada bapada saudara Baginda bahawa jika sekali pun bulan di-letakkan di-kanan dan mata hari di-kiri tidak akan Baginda undur atau pun jika tidak biarlah Baginda musnah.

Demikian-lah chontoh kerjasama persaudaraan Islam menjalankan ranchangan penyibaran Islam yang hanya di-mulakan oleh beberapa kerat manusia saja, tetapi dengan kerjasama yang penoh dengan pertulongan antara satu sama lain, maka penyibaran Islam yang di-asaskan oleh beberapa kerat manusia itu telah tersibar di-seluroh alam pada masa ini. Pemelok2 Ugama Islam telah beriumlah tidak kurang daripada 500 juta.

Dalam hukum Islam, membentok dan memajukan negara serta kehidupan pada umumnya ada-lah satu perkara yang asas kapada tiap2 orang Islam, kerana memajukan negara itu termasok dalam linkongan menyuroh membuat kebaikan dan melarang membuat kesalahan saperti Firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 104 yang berarti: *"Hendak-lah di-antara kamu satu gulongan yang menyeru kapada kebaikan dan menyuroh membuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah."*

Pada pandangan Islam, apa yang di-namakan sa-bagai "orang2 Mukallaf" itu ia-lah raayat di-dalam negeri Islam (tentu-lah orang2 Islam) yang sudah terkena kewajipan undang2 negeri ia-itu Undang2 Islam, bagi mengerjakan fardhu 'ain dan fardhu kifayah.

Orang2 mukallaf itu menunaikan fardhu 'ain dan fardhu kifayah tadi atas dasar bahawa mereka itu ia-lah raayat yang mesti taat setia kapada negara-nya, kerana mereka-lah yang patut lebeh mendapat segala hak dan kenikmatan hidup dalam negara mereka sendiri.

Fardhu 'ain itu telah kita ketahui sedangkan fardhu kifayah itu sangat-lah luas arti-nya. Dalam kehidupan bernegara dan kehidupan berugama fardhu kifayah itu bagi orang Islam ada-lah termasok semua urusan dan ranchangan yang boleh meninggikan kehidupan orang Islam — yang boleh menjadikan orang Islam kuat, kaya, pandai dan sa-umpama-nya. Dan ini semua termasok dalam istilah yang di-namakan "Membuat Segala Kebaikan dan Melarang Segala Kesalahan".

Ranchangan kemajuan negeri kita yang akan di-buat itu sa-bagai-mana sabda Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar pada 27hb. 1973 yang lalu, bertujuan untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa dan asal usol.

Pembentokan masharakat itu ia-lah dalam bidang kegiatan2 ekonomi, sistem pelajaran, kebudayaan dan bahasa termasok ada-istiadat, ugama, meniadakan perbezaan dalam masharakat, belia2 dan lain2 bidang.

Semua ini bertujuan untok menchari dan mendapatkan kebaikan dan menjauhkan keburokan. Membuat kebaikan dan menjauhkan keburokan ada-lah fardhu kifayah kapada umat Islam dan tiap2 sa-orang daripada kita ada-lah di-tuntut untok menjalankan-nya walau pun dengan kadar yang sedikit sekali pun.

Dengan ranchangan itu berarti menurut hukum Islam, Kerajaan kita telah menunjokkan salah satu tanggong-jawab yang di-tuntut oleh ugama ia-itu:

* Memajukan negara dengan bersandarkan kapada kepentingan2 negara itu dan memperbaiki segala urusan yang berhubongan dengan-nya; dan
* Raayat, menurut Ugama Islam berkewajipan bagi membantu dan menulong kemampuan itu dengan berbagai2 chara yang boleh saperti menchari pekerjaan, mengadakan industeri dan apa2 jua usaha yang boleh menampong kehidupan. Menolak merbahaya yang boleh menimpa umat Islam saperti memberi pakaian kapada mangsa2 benchana alam — memberi makanan kapada mangsa2 kebuloran.

Ulama mengatakan bahawa fardhu kifayah itu termasok-lah urusan yang memberikan faedah dalam puncha2 penghidupan ia-itu pertanian, perniagaan dan perindasterian.

Dalam ranchangan kemajuan lima tahun itu tentu-lah akan di-perkuatkan bidang2 pertanian, perniagaan dan indasteri. Ini kerana potensi2 bidang itu ada di-dalam negeri kita ini. Kalau kita lihat di-sekeliling kita banyak tanah yang maseh menjadi "tanah terbuang" penoh dengan kayu hutan tebal tidak di-usahakan — banyak tanah yang kering tiada lagi di-usahakan kerana para petani sudah banyak menggantong changkul dan bajak.

Di-sekeliling kita bidang2 perniagaan maseh luas dan lepas bebas di-kendalikan kebanyakan-nya oleh orang2 luar yang bukan raayat yang mengangkut keuntongan keluar negeri. Di-bidang perindasterian hanya beberapa kerat orang2 kita yang berusaha. Kita lihat belia2 kita ashek turun ka-bandar, lari dari kampong hanya untok menchari kerja dalam pejabat2 Kerajaan, menchari hawa dingin walau pun sa-takat kerja2 bawahan.

Semua ini memerlukan satu ranchangan yang sempurna dan ranchangan itu memerlukan kerjasama dari semua pehak supaya dengan itu tidak ada sa-suatu yang di-untokkan oleh Allah di-bumi Brunei ini yang tidak dapat kita gunakan dengan sebaik2-nya. Sepatut-nya kita-lah raayat negeri ini yang mendapat hasil-nya yang lebeh daripada orang lain, kerana mengikut ugama kita-lah yang di-taklifkan, yang mukallaf sa-chara fardhu kifayah untok mengendalikan negeri ini dalam segala bidang yang menyuroh ada-nya kebaikan dan yang melarang kejahatan. Ada-lah satu dosa bagi semua orang Islam jika sekira-nya bidang2 penghidupan yang di-anggap sa-bagai fardhu kifayah ini kita biarkan kapada orang lain.

Akibat2 membiarkan bidang penhidupan itu terbiar kapada orang lain sangat nyata. Misal-nya oleh kerana barang2 keperluan sa-hari2 tidak berada di-tangan kita, maka orang lain boleh sa-suka hati menaikkan harga barang2 dan kita terpaksa membeli-nya dengan kelohan. Misal-nya daging kerbau — oleh kerana kita tidak chukop kerbau lembu, kita terpaksa membeli daging kerbau dan lembu dari luar dengan banyak-nya. Dan akibat-nya harga daging terlampau mahal bagi kebanyakan raayat biasa yang bergaji antara $200.00-$300.00.

(Lihat Muka 6)

Sa-tiap orang harus berbakti kapada masharakat

KHUTBAH JUMA'AT

ORANG ramai berfikir usaha2 pembangunan masharakat itu terserah kapada kerajaan sa-mata2. Oleh itu kerana segala2-nya tertumpu kapada kerajaan, ramai pula yang berlepas tangan dan berharapkan kerajaan sahaja untok membangun masharakat.

Sa-benar-nya sa-tiap orang boleh berbakti kapada masharakat dan sa-tiap bakti yang di-sumbangkan itu ada-lah sa-bahagian dari pembangunan masharakat. Pada hari ini kita sedang berusaha ka-arah pembentokan sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor tanpa mengira rupa bangsa dan asal usol. Kita kira matalamat Ranchangan Kemajuan Negara yang baru ini akan dapat di-jayakan dengan lebeh pesat dan chepat bilamana sa-tiap anggota masharakat di-negeri ini memberikan sumbangan masing2 ka-arah pembentokan tersebut menurut daya dan kemampuan masing2. Di-antara sumbangan2 yang dapat di-beri oleh anggota2 masharakat itu ia-lah melakukan kerja2 yang berupa sukarela. Kerja2 sukarela itu mungkin kechil sahaja, tetapi bila sa-tiap orang membuat kerja2 sukarela, jumlah-nya dan kesan-nya kapada masharakat sangat-lah besar.

Kerja sukarela ini boleh di-buat berseorangan atau pun beramai2 sa-chara gotong royong. Kerja sukarela di-buat dengan gotong-royong bila kerja2 itu besar2, manakala kerja sukarela yang kechil boleh di-buat berseorangan.

Kita boleh membuat kerja sukarela dengan berbagai2 chara, di-anatra-nya dengan memberi bantuan wang bagi tujuan2 masharakat misalan-nya membina mesjid, membina rumah2 orang yang tidak bernasib baik, membantu anak2 yatim, membantu anak miskin untok perbelanjaan persekolahan dan sa-bagai-nya, yang kaya boleh-lah memberi banyak, yang tidak atas sa-kadar-nya.

Kita boleh membuat kerja sukarela dengan memberikan tenaga kita kapada masharakat pada perkara yang berfaedah dan berkebajikan, misalan-nya kita berjumpa orang yang mendapat kemalangan di-langgar kereta di-jalan raya. Kita mesti menulong-nya dan jangan hanya melihat dan lalu sahaja dari tempat itu.

Kita boleh membuat kerja sukarela sa-chara memberikan perkhidmatan dengan mengajar apa2 ilmu yang berfaedah yang ada pada kita dengan perchuma atau dengan bayaran yang rendah di-kelas2 bimbingan bagi menulong pelajar2 yang kurang maju. Perkara ini di-rasakan amat perlu bila mengingat ramai pelajar2 kita yang gagal di-dalam berbagai2 perengkat pepereksaan bagi mendapatkan sijil2 persekolahan menengah.

Kita boleh membuat kerja sukarela dengan memasoki persatuan2 kebajikan atau sharikat2 dan berkhidmat sa-bagai pegawai2 di-persatuan atau sharikat2 itu. Dengan berkhidmat di-persatuan2 atau sharikat ini, tujuan persatuan atau sharikat itu akan terchapai dan tujuan2 ini ia-lah untok kebaikan masharakat juga. Banyak persatuan yang hidup segan mati tak mahu, kerana sedikit sangat orang2 yang mahu memimpin dan bekerjasama. Semua-nya hendak goyang kaki atau "ayong sana ayong sini" membiarkan semua kerja di-buat oleh dua tiga orang ahli2 jawatankuasa, sedangkan ahli2 yang lain datang mashuarat pun malas apatah lagi kalau di-minta tenaga sukarela-nya jauh sekali.

Islam ada-lah Ugama yang menyuroh kapada kerja2 kebajikan dan menjauhi kerja2 kejahatan, firman Allah di-dalam Al-Quran yang bermaksud :

"Bertulong2an di-atas perkara kebajikan dan taqwa dan jangan-lah kamu bertulong2an di-atas perkara dosa dan permusohan".

Oleh yang demikian orang ramai ada-lah di-serukan supaya memberikan sumbangan kerja2 sukarela yang berfaedah dan berkebajikan sa-bagai bakti kapada masharakat dan negara kerana dengan demikian-lah kita dapat memesatkan dan memperchepatkan lagi terchapai-nya tujuan2 dan matalamat2 pembangunan negara kita.



Pengarah Jabatan Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish sedang mengalongkan sasandang kapada pelajar yang terbaik, Awang Zaini bin Abdul Ghani dan gambar bawah menunjokkan beliau sedang menyampaikan hadiah kapada pelajar puteru terbaik, Dayang Rohani binte Ahmad.

Majlis penyampaian itu telah di-adakan dalam Pesta Pelajar Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit yang telah di-adakan baru2 ini.



Wakil di-pileh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Mahmud bin Haji Saidin dari Sekolah Ugama Delima Satu dan Dayang Hafsah binte Kamaludin dari Sekolah Ugama Sungai Hanching masing2 di-pileh untok mewakili Daerah Brunei-Muara kaperaduan membacha Quran kumpulan A perengkat seluroh negeri yang akan di-adakan tidak beberapa lama lagi.

Awang Abdul Rashid bin Abdul Rahman dari Sekolah Ugama Madrash dan Dayang Norjainah binte Jamahat dari Sekolah Ugama Pangkalan Batu akan mewakili daerah ini dalam kumpulan B.

Sa-orang pelajar lelaki dan sa-orang pelajar perempuan juga telah di-pileh untok mewakili daerah ini dalam peraduan sharahan ugama. Mereka ia-lah Awang Burhanuddin bin Metali dari Sekolah Ugama Amar Pahlawan dan Dayang Rashidah binte Awang Tengah dari Sekolah Ugama Madrasah.

Ke-enam orang2 pelajar itu telah telah di-pileh dalam satu peraduan yang telah di-adakan di-Madrash Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lepas.

Sa-ramai 18 orang peserta lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2hb. Mei, 1973 hingga ka-hari Selasa 8hb. Mei, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
2hb. Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
3hb. Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
4hb. Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
5hb. Mei	12-24	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-07
6hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
7hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
8hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(2hb. Mei, 1973)

DASAR PERTIMBANGAN

KAPADA Kesatuan Sakerja Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz sa-chara rengkas telah menggariskan dasar2 mempertimbangkan sa-suatu ketetapan yang di-hadapkan kapada pehak2 yang berkenaan yang antara-nya ia-lah dasar untok memberikan faedah yang chorak-nya bukan kapada satu gulongan sahaja.

Lebeh jelas beliau katakan bahawa pertimbangan sudah tentu tidak dapat di-berikan jika hanya meneliti dari segi kepentingan Jabatan Perubatan dan Kesihatan saja. Pada peringkat atas dari Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan suatu pertimbangan ada-lah di-buat dengan meneliti masaalah2 yang sama yang terdapat di-jabatan2 lain.

Dengan sebab itu-lah kadang2 sa-suatu pertimbangan itu memakan masa yang panjang dan kadang2 juga tidak mendapat hasil sa-bagaimana yang di-ambil dalam ketetapan kesatuan itu. Tetapi jika mendapat hasil, maka pada lazim-nya perkara itu ada-lah merupakan yang meliputi kapada seluroh kakitangan Jabatan2 Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Dasar bagi menentingkan kebajikan bersama ini, seperti memberikan faedah2 yang sama2 di-kechap oleh kakitangan2 dalam jabatan2 Kerajaan ada-lah satu dasar yang juga menyeluroh kapada kepentingan semua gulongan raayat dan pendudok negeri ini. Dasar ini, nampak-nya merupakan satu titik yang besar dalam melaksanakan pentadbiran negara yang tidak boleh di-ganggugugat. Pokok yang menjadikan dasar itu di-pegang kuat ia-lah di-antara-nya bagi mengelakkan diri kita dari melaksanakan usaha2 yang hanya memberikan menfaat kapada satu gulongan dan lain2 perkara yang tidak di-ingini atau bahaya2 yang mungkin timbul.

Memegang kokoh kapada dasar mementingkan kebajikan bersama ini juga ada-lah di-suroh oleh Ugama Islam yang kita hasratkan untok di-jadikan di-negeri ini sa-bagai satu chara hidup yang lengkap sa-bagaimana yang pernah di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Maka menurut pandangan kita bahawa raayat dan pendudok negeri ini dari semua perengkat ada-lah di-antara orang2 yang beruntong kerana tindakan2 yang di-laksanakan dan yang sedang dan akan terus di-jalankan oleh Kerajaan ada-lah di-dasarkan untok kesenangan kita bersama.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Md. Zain.

Umat Islam Brunei di-seru memenohi keperluan pengusahaan galian

KUALA BELAIT. — Orang2 Islam di-Brunei telah di-ingatkan supaya mengetahui dengan luas akan sikap dan pandangan Islam terhadap perusahaan2 galian.

Berdasarkan kapada hadith dan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. maka orang2 Islam ternayata telah di-galakkan untok mengusahakan perusahaan2 galian dengan sunggoh2 sa-hingga mendatangkan hasil.

Demikian telah di-nyatakan oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin dalam sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Kuala Belait pada hari Ahad lepas.

Beliau telah menyebut kembali akan titah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika merasmikan pembukaan Loji Gas Asli Chachair, Lumut yang antara lain mengharapkan akan ramai lagi pekerja2 tempatan di-ambil berkhidmat di-semua perengkat pekerjaan dalam sharikat itu.

Beliau berkata bahawa perushaan minyak yang sedang subor di-Seria, perusahaan Gas Asli yang sedang berjalan di-Lumut ada-lah memberi sumbangan yang besar kapada hasil negara.

Apa yang menjadi masaalah, kata-nya, ia-lah sa-takat mana-kah sumbangan Umat Islam dari pendudok dan raayat negeri ini dalam perushaan2 itu.

Beliau perchaya bahawa bilangan umat Islam dari raayat dan pendudok negeri ini yang menyumbangkan tenaga yang berkesan sa-lain daripada sa-bagai buroh, sangat-lah sedikit berbanding dengan tenaga2 lain.

Menurut beliau bahawa masaalah-nya ia-lah kerana tenaga2 yang sa-demikian tidak ada yang di-bekalan bagi memenohi kehendak2 dan keperluan2, atau pun tenaga2 yang di-perlukan itu sangat sedikit sedang ia di-kehendaki bagi memenohi keperluan2 lain.

Beliau menegaskan bahawa bidang perlombongan dan perusahaan galian ada-lah di-suroh oleh Ugama kita dan menyediakan tenaga2 yang mahir dan berkebolehan dalam bidang2 tersebut ada-lah tanggong-jawab kita.

Sementara itu, ketika beruchap di-sambutan yang sama di-Pekan Bangar, Temburong pada hari Sabtu, 28hb. April, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja telah menimbulkan tentang pemeliharaan kesihatan yang juga di-pandang berat oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Beliau berpendapat bahawa ada-lah penting bagi kita Umat Islam mempunyai sa-bilangan doktor yang menchukopi yang terdiri dari orang2 Islam sendiri. Dan di-sini ternyata menurut kehendak Ugama bahawa kita orang2 Islam memerlukan doktor yang sa-demikian bagi berkhidmat, khas-nya kapada kita sendiri bagi memenohi keperluan2 kita.

Dalam hidup ini, kata-nya, kita memerlukan manusia yang sehat baik dari segi kesihatan tuboh badan mahu pun akal fikiran dan budi perkerti.

"Manusia2 yang sehat saperti itu ada-lah di-perlukan oleh negara dalam bidang pembangunan yang mana mereka itu di-anggap mempunyai kemampuan untok bekerja dan boleh mengeluarkan hasil", tegas beliau.

Negara, kata-nya, memerlukan dan berkehendakkan manusia2 yang bekerja dan manusia2 yang bekerja itu ada-lah di-sukai oleh Allah.

Kerjasama raayat di-kehendaki

TUTONG. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Serudin telah menegaskan bahawa Kerajaan tidak sa-harus-nya di-beri bebanan 100 peratus bagi menjayakan sabarang ranchangan kemajuan negara.

Untok menjayakan sa-suatu ranchangan itu, tambah beliau, kerjasama di-antara raayat dan Kerajaan ada-lah sangat2 di-kehendaki.

Ini telah di-tegaskan beliau ketika beruchap di-perhimpunan kerana merayakan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Bandar Tutong baru2 ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain berkata bahawa pegawai2 tinggi Kerajaan D.Y.M.M. sekarang sedang dalam perengkat mengadakan dailong dengan raayat bagi mengetahui kelemahan2 untok di-atasi dan kehendak2 raayat bagi menyusun satu ranchangan yang bertujuan untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh dan bersatu padu serta makmor.

Beliau bekata, kita tidak perlu membuang masa dengan memperkatakan hal2 yang merugikan, bahkan ini-lah masa-nya untok raayat mengemukakan fikiran2 yang berguna kapada Kerajaan sa-bagai menyahut titah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Tanah bukan untok di-jual

(*Dari Muka 1*)

Labi ia-lah soal pemberian tanah dan pengeluaran gran-nya sekali.

Mengulas terhadap pemberian tanah itu, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara bersabda bahawa apa yang sekali-kali tidak di-kehendaki Kerajaan ia-lah berlaku-nya penjualan sa-telah tanah2 itu di-keluarkan gran.

Yang Amat Mulia itu menegaskan bahawa tujuan Kerajaan memberikan tanah kapada pendudok2 negeri ini ia-lah untok di-jadikan sumber utama kapada raayat bagi menjalankan penghidupan yang sempurna dengan mengeluarkan hasil2 pertanian yang juga akan dapat di-kechap bersama nikmat-nya oleh kita semua.

Kerana itu beliau mensifatkan bahawa penjualan tanah2 itu ada-lah berarti menjual negara.

Beliau menegaskan bahawa apa yang perlu dan di-kehendaki oleh Ranchangan Kemajuan Negera yang baru itu ia-lah pengubahan sikap di-kalangan raayat negeri in untok lebeh menyedari akan untong nasib negara dan masharakat Brunei di-masa depan.

Mengenai chadangan saorang pendudok yang meminta Kerajaan mengkaji semula pemberian lapan lot tanah di-mukim itu, Yang Amat Mulia itu yakin bahawa chadangan itu di-buat ada-lah berarti yang tanah2 itu telah tidak di-usahakan dengan sempurna-nya.

Beliau menjelaskan lagi Kerajaan tidak menyekat raayat negeri ini untok menggunakan tanah2 yang di-pohonkan mereka untok ditanami dengan apa jua jenis tanaman sementara walau pun maseh belum di-keluarkan gran-nya.

Pemohon2 tanah itu, sabda beliau, tidak perlu memikirkan lebeh berat untok menanti gran2 tanah yang di-pohonkan itu, tetapi yang harus di-beratkan ia-lah soal membuka tanah2 itu.

Sabda beliau bahawa sikap yang mahu berusaha itu mesti-lah di-tunjokkan dengan mengisikan tanah2 tersebut dengan tumbohan2 sementara saperti ubi kayu, sayor2an dan lain2 tanaman ringan yang berfaedah dan boleh menambahkan pendapatan mereka sendiri.

Dalam majlis itu hanya sedikit saja soal kebajikan bersama telah di-timbulkan ia-itu soal yang akan di-jadikan thema utama dalam Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu.

Sesuai dengan tujuan itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyeru raayat di-mukim itu supaya lebeh memikirkan soal2 yang bersangkutan dengan kebajikan bersama dan mereka di-bolehkan menghantar chadangan2 yang lebeh lanjut untok di-pertimbangkan.

Bersabda mengenai belia, Yang Amat Berhormat itu menekankan bahawa kita tidak perlu banyak nama dengan tekanan2 ideologi yang bombastik tetapi yang kita mahu ia-lah qualiti kita berusaha.

Mengenai chadangan untok menanam padi sa-chara meluas di-Labi beliau memberi tahu bahawa keadaan tanah di-Labi ada-lah tidak banyak yang subor menurut pengakajian2 yang telah di-jalankan.



Pulis di-seru supaya bersikap adil dan jujur

JALAN MUARA. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin berkata, pulis mempunyai kuasa2 tertentu yang di-peruntokkan kapada-nya oleh undang2, dan kuasa2 yang sedemikian harus di-fahami kerana ia-nya patut di-gunakan bagi kepentingan orang ramai, dan dalam melaksanakan kuasa2 yang di-berikan itu, ada-lah mustahak dan senentiasa ia-nya digunakan dengan adil tanpa berat sa-belah, dan penoh kejujuran.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja beruchap demikian, di-satu upachara perbarisan tamat latehan rekrut2 pulis di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara pada minggu lalu.

Beliau menguchapkan tahniah kapada rekrut2 itu atas kejayaan mereka sa-masa menjalani latehan, dan mengingatkan mereka atas tanggong-jawab yang berat sa-bagai sa-orang anggota pulis, dan menasehatkan supaya jujur dan adil dalam menjalankan tugas.

Pengetua Pagawai Hal Ehwal Ugama itu juga menyentoh tentang pelajaran ugama, yang juga di-ajarkan kapada rekrut2 itu. Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja itu mengharapkan, apabila meninggalkan pusat latehan, rekrut2 itu akan dapat menggunakan ilmu pengetahuan, dan semangat keugamaan sa-masa berada di-tengah2 masharakat kerana hidup berugama ada-lah perlu bagi sa-tiap orang.

Yang Berhormat itu mengharapkan, supaya rekrut2 itu akan menjadi orang yang taat kapada perentah Tuhan, dan sa-masa menjalankan tugas ada-lah berkhidmat untok masharakat bagi menegakkan undang2 dan ketenteraman.

Beliau juga mengharapkan, rekrut2 yang tamat latehan itu, akan berjaya, dan bergembira menjalankan perkhidmatan dalam pasokan Pulis Diraja bagi menjunjong dan mempertahankan kedaulatan kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja juga menyampaikan tongkat2 kapada Rekrut 1024 Awangku Yusof bin Pengiran Ismail yang di-pileh sa-bagai rekrut terbaik dalam segala lapangan kursus. Rekrut 1044 Ali bin Mohamed Said yang terbaik sekali dalam jurusan undang2 dan tugas2 pulis dan Rekrut 1055 Mazalli bin Muharram yang terbaik sekali dalam perbarisan senjata dan latehan jasmani.

Sa-masa latehan penoh sa-lama 28 minggu itu, mereka juga di-berikan latehan judo yang hasil-nya 42 orang menerima tali pinggang warna merah limau; 59 kuning dan 59 menerima sijil pertolongan chemas palang merah. Kesemua rekrut itu menerima hadiah2 dari Pesatuan Menyelamat Jiwa Diraja.

Panii2 Pulis Diraja telah di-arak di-upachara perbarisan dan turut menyerikan upachara ia-lah permainan pasokan pancharagam Pulis Diraja Brunei.

Gambar atas menunjokkan Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Hj. Md. Zain ketika memereksa barisan rekrut2 yang tamat latehan pada hari itu.

SAMBUTAN MAULUD DI-SANA SINI

KUALA BELAIT. — Daerah Belait merayakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. dengan satu perarakan mengelilingi Pekan Kuala Belait pada hari Ahad lepas.

Lebeh dari 5,000 orang umat Islam dari 51 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, kampong2, sekolah, maktab dan pejabat2 Kerajaan di-daerah itu telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Perarakan itu di-dahului oleh Pancharagam Pulis Diraja Brunei dan di-ikuti oleh ahli2 jawatankuasa sambutan Maulud Nabi termasok Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamad Zain bin Haji Seruddin dan pegawai2 Kerajaan yang lain.

Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara yang juga selaku Pengerusi Jawatan Kuasa sambutan Maulud Nabi Daerah Belait, telah menyampaikan sijil2 kenangan kapada pasokan2 yang mengambil bahagian.

Sambutan yang sama juga telah di-adakan di-Daerah Temburong dalam mana lebeh 1,000 orang umat Islam telah mengambil bahagian dalam satu perarakan mengelilingi Pekan Bangar pada hari Sabtu 28hb. April yang lalu.

Saperti juga di-Daerah Belait, sambutan di-daerah itu juga telah di-penohi dengan uchapan2 Pegawai Daerah, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, bachaan ayat2 suchi Al-Quran dan sharahan2 mengenai dengan ajaran dan riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. oleh pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama.



Gambar atas menunjokkan Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika mengetuai perarakan Maulud di-Kuala Belait. Gambar bawah menunjokkan sa-bahagian daripada para hadhirin yang telah menyaksikan achara2 dalam sambutan Maulud di-Sekolah Melayu Dato Gandi baru2 ini.



Pameran Seni Lukis sekolah2 Rendah dan Menengah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan bagi sekolah2 rendah dan menengah seluroh negeri akan di-adakan di-Bilek Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan sa-lama sa-minggu mulai dari 30hb. Jun hingga 8hb. Julai.

Pameran tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran ia-itu sabagai salah satu projek tahunan jabatan itu.

Sa-belum pameran perengkat negeri itu di-adakan, pameran perengkat bahagian akan di-langsongkan pada tarikh yang berasingan.

Pameran bagi Bahagian Brunei I yang mengandongi sembilan buah sekolah akan di-adakan pada 12hb. Mei bertempat di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan.

Pameran Bahagian Brunei II — 19 buah sekolah — akan di-adakan pada 13hb. Mei bertempat di-Sekolah Melayu Anggerek Desa. Brunei III pada 27hb. Mei bertempat di-Sekolah Melayu Dato Gandi.

Tutong I akan mengadakan pameran itu pada 20hb. Mei bertempat di-Sekolah Melayu Sinaut dan pada hari itu juga Tutong II akan mengadakan pameran yang sama di-Sekolah Melayu Danau.

Sekolah2 di-Daerah Temburong akan mengadakan pameran itu pada 27hb. Mei bertempat di-Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Pameran2 perengkat bahagian itu akan di-mulakan dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang.



PENGARAH Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacIness telah menyampaikan sijil2 kapada 37 orang guru dari sekolah2 Melayu dan Inggeris Kerajaan dan sekolah2 Misi di-negeri ini yang telah menamatkan kursus pengajaran Sains Panduan.

Majlis penyampaian sijil itu berlangsong di-Bilek Khutub Khanah Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara pada minggu lalu.

Guru2 itu telah tamat mengikuti satu kursus salama tiga tahun di-maktab tersebut.

Sa-belum menyampaikan sijil2 itu Dato MacIness telah memberikan uchapan singkat dan turut memberikan uchapan di-majlis itu ia-lah Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abdul Razak bin Mohammad.

Penyelia kursus tersebut, Awang Aliaddin bin Abdul Rashid menyatakan bahawa sa-takat itu saramai 64 orang guru telah tamat menjalani kursus saperti itu.

Gambar kiri menunjokkan Dato MacIness menyampaikan sijil kapada Awang Abu Bakar bin Othman sementara gambar bawah sa-bahagian dari guru2 yang menerima sijil pada hari itu.



Pandangan Islam mengenai pembangunan negara

(*Dari muka 2*)

Sebab itu-lah Ugama Islam menghukumkan wajib kita berternak dengan banyak-nya supaya kita dapat mengawal harga daging dan supaya kita-lah yang empunya hasil itu dan keuntongan negara udak mengalir kapada orang lain.

Dalam ranchangan lima tahun itu saya fikir akan di-ator bagaimana orang2 Islam atau raayat negeri ini boleh dan dapat menternak kerbau dan lembu dengan banyak-nya. Maka kita raayat negeri ini yang chenderong untok menjadi penternak dan peniaga kerbau lembu misal-nya, patut-lah menyatakan kapada Kerajaan apa fikiran mereka tentang hal ini supaya ranchangan itu nanti sesuai dengan kehendak raayat dan Kerajaan. Bila chita2 dan ranchangan itu bertemu, maka itu-lah arti-nya kejayaan.

Kalau sekira-nya ranchangan saja indah dan besar di-buat, tetapi raayat tiada mau dan tidak berkehendak untok berusaha tentu-lah sia2 jua satu ranchangan itu. Maka kehendak dan kesedaran itu mustahak. Pada masa yang lalu kesedaran dan kehendak2 untok berkemajuan itu hanya kita pentingkan dari segi kebendaaan sahaja dan tidak di-perhubongkan dengan jiwa dan keugamaan. Banyak di-antara kita berkeperchayaan bahawa soal2 ekonomi, tanah pertanian, gas galian dan lain2 bukan masok dalam bidang keugamaan ia-itu hanya untok orang2 yang tertentu sahaja.

Oleh sebab itu perasaan untok maju itu tidak menyeluroh ka-dalam jiwa umat Islam dengan perasaan keugamaan. Sebab itu-lah dalam usaha untok menunaikan fardhu kifayah itu orang2 Islam telah salah faham sa-hingga menyalahi hukum ugama. Sa-bagai misalan kedapatan dalam musim berpadi orang2 kita tidak bersembahyang Jumaat dan orang2 Islam kita turun ka-laut pada waktu maghrib *berchachau chachau* dan sa-umpama-nya.

Ini sudah tentu bukan-lah tujuan kemajuan yang di-kehendaki oleh Islam, kerana kewajipan kita terhadap Allah itu lebeh mustahak daripada yang lain2, tetapi betapa pun jua semua-nya mustahak-lah di-beri tempat dalam kehidupan kita sa-bagai mana sabda Nabi Mohammad s.a.w. yang arti-nya: *"Bahawa sa-sunggoh-nya kau (orang2-Islam) mempunyai tanggong-jawab terhadap Tuhan-mu, kau mempunyai tanggong-jawab terhadap keluarga-mu dan kau mempunyai tanggong-jawab terhadap diri-mu sendiri. Maka tunaikan-lah tanggong-jawab itu terhadap pehak yang berhak."*

Jadi-nya, dalam masa kita memperingati hari yang berkat kelahiran junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. dan kebetulan pula negeri kita sedang dalam keadaan yang bergelora ini, maka kita Umat Islam perlu-lah menyedari akan tanggong-jawab kita terhadap ugama dan negara dan tunaikan-lah tanggong-jawab itu dengan sebaik2-nya mengikuti lunas2 ugama.

Ahli J/K baru persatuan IKERAB

BUNUT. — Ikatan Persatuan Belia Bunut telah mengadakan mashuarat agong-nya kali ketujoh pada hari Juma'at lalu bertempat di-bangunan persatuan itu.

Mashuarat itu di-rasmikan oleh Awang Haji Nordin bin Abdul Latif, ia-itu penasehat persatuan tersebut.

Dalam mashuarat itu, 5 orang ahli jawatankuasa telah di-lantek. Mereka ia-lah Pengiran Mohammad bin Pengiran Abas, sa-bagai Yang Di-Pertua; Awang Adnan bin Mohammad Salleh sa-bagai Setia Usaha Agong; Awang Abdullah bin Haji Halus, sa-bagai Naib Yang Di-Pertua; Awang Mohammad Zain bin Haji Omar, sa-bagai Penolong Setia Usaha Agong; dan Awang Haji Seruji bin Mohammad, sa-bagai Bendahari Agong.

Awang Haji Nordin telah di-pileh semula sa-bagai Penasehat Persatuan itu.

Johan tenis sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jimmy Lyn telah berjaya mempertahankan kejohanannya dalam perlawanan perseorangan tenis seluroh negeri sa-telah beliau mengalahkan Frankie Ho dalam perlawanan akhir yang telah di-adakan di-gelanggang tenis di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Jimmy Lyn mengalahkan Frankie Ho dengan hitongan mata 6-4, 6-8, 6-1.

Dalam perlawanan bergu pula, pasangan Jimmy Lyn dan Pengiran Hidup telah berjaya menjadi johan sa-telah berjaya mengalahkan pasangan Frankia Ho dan Thomas Chia dengan hitongan mata 6-3, 2-6, 8-6.

Johan perseorangan menerima piala yang di-hadiahkan oleh Harrisons dan Crosfield Sendirian Berhad, manakala johan bergu menerima piala yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

8 orang peninju Brunei sertai kejohanan Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lapan orang ahli tinju akan mewakili Brunei dalam Perlawanan Kejohanan Tinju Asia yang akan di-adakan di-Bangkok dari 3hb. Hingga 10hb. Mei ini.

Mereka ia-lah Mohammad Yusof bin Ismail, Ahmad bin Rashid, T.L. Boyd, Timbang bin Ahmad, Yunos bin Haji Tudin, Ramlee bin Haji Abu Bakar, Tassim bin Bustam dan Pengiran Sulaiman bin Pengiran Duraman.

Pengerusi Persatuan Tinju Amacher Negeri Brunei, Dato R.D. Ross mengetuai rombongan itu dan lain2 pegawai yang juga turut berlepas ka-Bangkok ia-lah Awang S. Palaniandy, Setia Usaha Kehormat Persatuan Tinju Amacher Negeri Brunei; Awang Haji Mohammad bin Haji Tudin; Awang Noorshah bin Abdullah dan Major Sulaiman bin Damit.

Sa-banyak 17 buah negara lain akan menyertai Kejohanan Tinju itu.

Peraduan memileh bakat anjoran Maktab Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara menganjorkan Juara Kugiran dan Bintang Pop antara sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini, bertempat di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 2hb. Jun, bersempena menyambut Hari Pelajar dan juga bertujuan untok mengutip derma bagi Tabong Pembinaan Stadium.

Achara2 yang akan di-pertandingkan termasok-lah nyanyian bagi peserta lelaki dan perempuan, dan peraduan pantra Kugiran dan peraduan pakaian beragam bagi peserta lelaki.

Borang2 masok bagi peserta di-Daerah Brunei-Muara dan Temburong boleh di-dapati dari Awang M. Nordin di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, bagi peserta di-Tutong ia-nya boleh di-dapati dari Awang Sarbini bin Sunggoh di-Sekolah Melayu Muda Hashim, sementara mereka dari Seria, borang2-nya dari Awang Abdul Rauf Khan di-Maktab Anthony Abell, dan mereka dari Kuala Belait, dari Awang Suhaili Lani di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Borang2 menyertai peraduan mesti-lah di-hantar kapada pengerusi peraduan tidak lewat dari 11hb. Mei, 1973.

Peraduan sa-paroh akhir akan di-adakan di-Maktab Anthony Abell, Seria pada 12hb. Mei bagi peserta di-Daerah Belait, manakala peraduuan sa-paroh akhir bagi peserta2 dari Daerah Brunei-Muara akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 19hb. Mei, 1973.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pegawai Perpustakaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pegawai Perpustakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Pelajar Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sekurang-nya sa-lama tiga tahun dalam kerja2 perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — $410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 22hb. Mei, 1973.

Sa-bagai Tukang Kebun / Pemberseh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pulis, Brunei.

Hanya orang2 yang tinggal atau berdekatan dengan kawasan ini di-kehendaki memohon.

TUKANG KEBUN/ PEMBERSEH:

1 jawatan di-Balai Pulis Kuala Belait.
1 jawatan di-Pasokan Simpanan 'A' Kuala Belait.
1 jawatan di-Balai Pulis Panaga.
2 jawatan di-Balai Pulis Seria.
1 jawatan di-Balai Pulis Labi.
1 jawatan di-Balai Pulis Sungai Liang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 EB 2 — $180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 19hb. Mei, 1973.

SA-BAGAI JURUTEKNIK MAKMAL PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalun2 untok di-lantek di-bawah sekim ini hendak-lah sudah menchapai umor 17 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun. Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

b) Mereka hendak-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.

c)) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mendapat kepujian dalam Sains dan/ atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaan — $230 x 10-280/EB/290 x 15-380.

Juruteknik Makmal Terlateh — $410 x 20-510/EB/540 x 20-660.

Juruteknik Makmal Kanan — $710 x 30-950.

Ketua Juruteknik Makmal — $100x30-1120/EB/1160x30-1280.

Pemohon2 yang terpileh akan di-lantek dalam perchubaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaan, dan akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalani latehan.

Juruteknik2 Makmal Perchubaan akan di-kehendaki lulus semua pepereksaan sa-masa mereka menjalani latehan dalam tempoh perchubaan mereka.

Juruteknik2 Makmal Perchubaan yang:

a) telah lulus pereksaan akhir, dan

b) di-sokong oleh Ketua Jabatan akan layak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salingan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb. Mei, 1973.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi iawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Hassanal Bolkiah, Daerah Tutong.
b) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Labi, Belait.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.
b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.
d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah saperti berikut:-

Jawatan IMAM — U. 4 — $280 x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U. 2 — $220 x10-390-410x10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 19hb. Mei, 1973.

Sa-bagai Pemereksa

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pemereka di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan mempunyai kelulusan yang baik dalam matapelajaran kira2. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang berpengalaman atau pernah mempelajari audit atau accountancy.

Gaji:

Dalam sukatan gaji $250x10-290 x15-380 / EXAM/410x20-450 / EB 470x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 8hb. Mei, 1973.

Melanjutkan Pelajaran ka-Perengkat Pra-Universiti di-United Kingdom

Chalun2 ada-lah di-pelawa memohon untok mendapat Dermasiswa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bagi melanjutkan pelajaran di-perengkat Pra-Universiti di-United Kingdom bagi tahun akademik 1973/1974.

Chalun2 mesti-lah:

(1) Raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan;

(2) Mempunyai kelulusan M.C.E. pangkat I atau II dengan sharat mempunyai kelulusan kepujian dalam matapelajaran Bahasa Melayu; atau 5 matapelajaran G.C.E. 'O' level termasok matapelajaran2 Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang di-kumpulkan tidak lebeh daripada dua tahun.

Borang permohonan dan lain2 penerangan yang berkaitan boleh di-dapati daripada Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutop bagi penerimaan permohonan ia-lah pada 10hb. Mei, 1973 (hari Sabtu). Permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Pemohon2 hendak-lah mengambil perhatian bahawa dalam memohon dermasiswa ini mereka ada-lah bersedia akan memahami dan patoh kapada peratoran2 yang sedang dan yang akan di-tentukan mengenai sa-seorang yang berjaya.

Chalun2 yang memenohi sharat akan di-temuduga pada suatu masa yang akan di-beritahu kelak, bertujuan antara-nya menentukan pilehan kursus ijazah yang akan di-ikuti oleh chalun2 itu sa-telah berjaya memamatkan kursus pra-universiti.

Sa-bagai Pemandu Tingkatan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pemandu2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok jawatan sa-bagai Pemandu Tingkatan Khas di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 23hb. Mei, 1973. Ketua2 Jabatan sa-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untok di-naikkan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama. salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

SA-BAGAI PELATEH TEKNIK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pelateh Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 16 hingga 21 tahun.
b) Mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab, Fiziks dan Bahasa Inggeris atau pun lulus Sijil 'Am Pelajaran 'O' Level dalam Ilmu Hisab, Fiziks dan Bahasa Inggeris.

Gaji:

Gaji permulaan sa-banyak $290.00 sa-bulan dalam sukatan gaji E 2-3 — ($290–$350).

Chalun2 yang berjaya akan di-beri latehan sa-lama 2 tahun dalam kejuruteraan talikom di-Brunei dan seberang laut. Sa-sudah berjaya menamatkan latehan ini chalun2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — $410x 20-510/EB/540x20-660 dengan gaji permulaan $490.00 sa-bulan. Chalun2 yang tidak berjaya menamatkan latehan 2 tahun ini akan di-benarkan terus berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Pemantu Teknik dalam sukatan gaji D 2-3 EB 4 — $290x15-380-410x20-510/EB/ 540x20-660 dengan gaji mengikut peratoran2 Kerajaan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 14hb. Mei, 1973.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM



Pmk. M.B., Y.A.M. Pengiran Dipa Negara, (No. 3 dari kanan) dalam majlis dailog di-Mukim Labi. Rombongan beliau itu di-temani bersama oleh Pmk. S.U.K., Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz (kiri sekali); Y.D.M. Pehin O.K. Udana Laila Dato Paduka Awang Husin (No. 2 dari kanan); dan Pengarah Kerja Raya, Dato Seri Laila Jasa Awang Hj. Talip (kanan sekali). Majlis itu di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pg. Jaya Negara, Pg. Hj. Abu Bakar (No. 2 dari kiri).

BUKAN DASAR RKN UNTOK MEMATOHI KEHENDAK PERSEORANGAN

LABI. — Langkah yang di-buat oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok menemui raayat bagi sama2 memikirkan penyusunan Ranchangan Kemajuan negara yang baru itu telah di-sifatkan sa-bagai satu perkara yang di-hargai.

Ini telah di-timbulkan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar ketika mempengerusikan majlis dailog yang berlangsong di-Mukim Labi pada hari Jumaat lepas.

Menurut beliau bahawa ini-lah pertama kali-nya pegawai2 tinggi Kerajaan saperti Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan mendengar pendapat2 raayat dan penduduk pendalaman dalam usaha Kerajaan menggubal ranchangan kemajuan itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara bersabda bahawa peredaran zaman telah sedikit sa-banyak memaksa kita bagi mempesatkan lagi kemajuan Negeri Brunei yang sama2 kita chintai ini.

Kapada pendudok2 pendalaman Daerah Belait, khas-nya di-Mukim Labi, Yang Amat Mulia itu berseru supaya sentiasa memahami bahawa Kerajaan memang mempunyai tujuan dan chita2 supaya kemajuan, kemakmoran dan kesentosaan negeri ini sentiasa di-pelihara dan terpelihara.

Mengenai dengan sudut2 pertimbangan Kerajaan untok melaksanakan ranchangan2 kemajuan negara, Yang Amat Mulia itu menekankan bahawa Kerajaan memang menghargai pendapat2 dan ulasan2 persendirian dari raayat, tetapi bukan-lah menjadi dasar Kerajaan untok mematohi kehendak2 perseorangan.

Apa yang di-jadikan dasar, sabda beliau, ia-lah untok mengendalikan satu2 perkara yang berkepentingan kapada sa-bilangan besar daripada raayat dan pendudok negeri ini.

Kepentingan itu pula ada-lah di-atorkan pendahuluan pelaksanaan nya mengikut keadaan yang terdapat di-sekitar negeri ini dan hanya dengan berpandukan keadaan2 itu, maka kemajuan kita akan dapat di-selaraskan dengan kehendak2 raayat dan pendudok.

Beliau bersabda bahawa Ranchangan Kemajuan Lima Tahun bukan hanya merupakan perkara2 yang akan berlaku dalam tempoh lima tahun ini tetapi ranchangan itu di-usahakan untok meninjau akan keadaan 10 atau 20 tahun akan datang.

Dari itu, sabda beliau lagi, ada-lah mustahak raayat dan pendudok negeri ini, mengeluarkan pendapat2 yang bukan hanya bagi kepentingan mereka sendiri bahkan juga bagi kepentingan anak chuchu yang akan tinggal dan mengendalikan perusahaan2 yang sudah dan akan di-adakan nanti.

Sementara itu, dalam kata aluan2-nya terhadap kunjongan rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu, Penghulu Mukim Labi, Orang Kaya Laila Setia Awang Razali bin Md. Yusof mensifatkan rombongan itu sa-bagai satu bokti yang jelas betapa Kerajaan D.Y.M.M. menghargakan fikiran2 raayat, termasok yang di-pendalaman.

Pendudok2 di-Mukim Labi, kata-nya, akan terus-menerus memberikan kerjasama untok menjayakan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu.

DASAR PERTIMBANGAN

(Dari muka 1)

sa-sama kita maka lebeh banyak lagi faedah akan di-chapai asalkan ia-nya di-laksanakan dengan perasaan yang ikhlas.

Ini akan lebeh kuat lagi, kata-nya, dengan dokongan2 yang tunggal yang sa-mata2 kerana Allah, khas-nya pada mengenangkan yang Islam itu telah di-titahkan untok di-jadikan sa-bagai satu chara hidup yang lengkap bagi Negeri Brunei Darussalam.

Kapada pehak kesatuan itu, beliau menyeru supaya akan menggunakan asas2 itu dalam berdailog antara mereka dan dengan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dengan tidak berniat untok memperalatkan di-antara satu sama lain.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz yakin bahawa hanya dailog yang di-asaskan ka-arah itu saja akan membawakan faedah2 yang di-niatkan untok keharmonian kesatuan itu khas-nya dan masharakat Brunei umum-nya.

Meneliti kapada kemajuan2 kesatuan itu pula, beliau perchaya bahawa kejayaan2 itu di-chapai ada-lah hasil dari perpaduan, kerjasama yang ikhlas di-kalangan anggota2-nya.

Kata-nya, dengan kerjasama dan perpaduan itu dan dengan ada-nya jua kesechuchokan dasar Kerajaan D.Y.M.M., kita sama2 dapat mendengar dan menjadi peristaan yang sangat2 menggembirakan .

Beliau berharap, kesempurnaan yang di-sifatkan beliau sa-bagai gemilang itu akan membawa "sukut2" yang lebeh baik dan berkebajikan pada menempoh hari2 yang akan datang, istimewa pada mengenangkan Ranchangan Kemaiuan Lima Tahun yang baru itu.

Menyebut mengenai perkembangan2 baru dalam perkhidmatan perubatan, beliau telah menegaskan bahawa tindakan2 akan di-usahakan bagi pembinaan sa-buah rumah sakit baru yang sesuai dengan keadaan2 masa dan keperluan2 raayat serta pendudok negeri ini.

Beliau berkata, pembinaan yang serupa itu barang sudah tentu akan memakan perbelanjaan yang besar yang meningkat kapada jutaan ringgit dan memakan masa yang sedikit panjang.

Walau bagaimana pun, jelas beliau, pembinaan sa-buah Rumah Sakit untok kebajikan raayat dan pendudok Negeri Brunei ini ada-lah satu2 bokti atau merupakan satu chontoh yang Kerajaan D.Y.M.M. itu tidak sengal2-nya berusaha untok membawakan lagi kenikmatan hidup yang tinggi taraf-nya untok raayat dan pendudok negeri ini.

Demikian juga dengan pembinaan rumah2 sakit di-Belait dan Tutong yang telah pun siap dan sekarang sedang di-usahakan penggunaan-nya yang sa-mata2 untok kepentingan raayat dan pendudok Brunei dalam daerah2 itu.

Menyentoh hal-ehwal kesatuan sa-kerja itu yang memerlukan pertimbangan Kerajaan D.Y.M.M., beliau menegaskan bahawa pertimbangan tidak dapat di-berikan jika hanya meneliti dari segi kepentingan Jabatan Perubatan dan Kesihatan saja.

"Suatu pertimbangan ada-lah di-buat dengan meneliti masaalah2 yang terdapat di-jabatan2 lain", jelas beliau.

Lebeh lanjut beliau menerangkan bahawa dengan sebab itu-lah kadang2 sa-suatu pertimbangan itu memakan masa yang panjang dan kadang2 jua tidak mendapat hasil sa-bagaimana yang kesatuan itu telah luluskan.

Tetapi jika mendapat hasil, kata beliau, maka hasil itu pada lazimnya akan meliputi seluroh kakitangan jabatan2 Kerajaan.

Walau bagaimana pun, beliau menguchapkan tahniah kapada kesatuan itu yang telah menunjokkan ketabahan dan kesabaran pada menerima apa jua keputusan Kerajaan terhadap sa-suatu perkara yang antara-nya ada juga membawa kebajikan kapada jabatan2 yang lain dalam Kerajaan.

Peranan guru atas penganggoran

(Dari muka 1)

Menyentoh tentang masaalah untok mengatasi penganggoran pula, beliau berharap supaya pehak guru akan memainkan peranan mereka dalam menanamkan kesedaran kapada murid2 untok melaksanakan usaha sendiri.

Penanaman kesedaran ini, kata beliau, ada-lah perlu bagi mengelakkan bertambah-nya bilangan penganggoran pada masa2 yang akan datang.

Mengenai dengan chadangan untok membesarkan lagi gerakan belia di-negeri ini, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz mengingatkan supaya belia2 di-negeri ini tidak akan bersifat pak turut dalam menjalankan kegiatan2 mereka untok faedah2 masharakat dan negara.

Brunei, jelas beliau, mempunyai Majlis Belia2-nya sendiri yang mempunyai tujuan2 yang luas untok melaksanakan gerakkan yang berkebajikan.

Dari menubohan satu gerakan belia2 yang lain, kata-nya, ada baik-nya Majlis Belia2 itu di-bantu oleh seluroh belia dengan semangat yang membangun untok melancharkan satu2 projek itu.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menekankan bahawa fikiran belia2 sekarang harus bersifat dan membayangkan semangat serta kemahuan belia Brunei yang bukan membiarkan diri untok mengikut2 langkah orang.

Belia Brunei, kata-nya, harus memikirkan untok mengembalikan kegemilangan kita di-masa2 yang silam yang telah banyak di-jadikan chontoh kapada orang lain.

Kata-nya, kita harus melaksanakan usaha2 kita yang bukan di-tiru dari langkah orang dan dengan jalan itu juga akan dapat menunjokkan kemampuan yang kita warisi turun temurun itu.

Beliau berkata bahawa kemudahan2 gerakan belia menerusi Majlis Belia2 Negeri Brunei itu harus di-pergunakan dengan sa-baik2-nya sama ada dalam gerakan2 ekonomi mahu pun kebajikan.

Ka-Pekan Bangar, Temburong

PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Jengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz serta beberapa orang ahli jawatankuasa peranchangan akan berkunjong ka-Pekan Bangar, Daerah Temburong pada hari Jumaat, 4hb. Mei ini untok mendapatkan fikiran2 dan chadangan2 pendudok di-situ berhubong dengan penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 19 RABU 9HB. MEI, 1973. 1393 رابو 6 ربيع الاخير PERCHUMA

PELUANG2 MASEH DI-BERI KAPADA PEMILEK2 TANAH YANG BELUM DI-USAHAKAN

TEMBURONG. — Masaalah kenaikan harga barang2 di-negeri ini telah timbul juga dalam dailog di-Pekan Bangar, Temburong pada hari Jumaat lepas termasok kenaikan harga beras Siam.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara di-samping menerangkan kedudokan negara yang mengharapkan barang2 yang di-import dari luar negeri telah memberikan satu jalan yang hanya akan lebeh berkesan dalam masaalah mengatasi harga barang2 itu.

Menurut beliau bahawa jalan yang paling berkesan itu ia-lah sa-telah negeri kita dapat mengendalikan pengeluaran barang2 tersebut atas hasil usaha yang chekal dari seluroh raayat.

Pendudok2 Daerah Temburong, sabda beliau, ada-lah di-antara raayat yang beruntong di-negeri ini kerana telah di-beri keperchayaan untok mengendalikan tanah2 yang sudah pun di-keluarkan geran kapada mereka.

Tetapi malang-nya, tanah2 yang di-sharatkan untok berpadi, misal-nya, telah tidak di-usahakan dan tinggal di-tumbohi dengan apa yang di-sebut beliau sa-bagai "di-tumbohi oleh kesamak" yang berarti semak-samun.

Ketika di-pinta oleh Pemangku Menteri Besar untok menerangkan kedudokan tanah2 yang tidak di-usahakan itu menurut pandangan Ugama, Pegawai Ugama, Ustadz Badaruddin Pengarah Haji Othman menyatakan bahawa sa-sunggoh-nya tanah2 itu ada-lah milek Allah Ta'ala yang di-amanahkan kapada umat-Nya untok mengusahakan dengan tanaman2 yang berfaedah.

Seruan2 Kerajaan untok mengusahakan tanah2, sama ada yang sudah bergeran atau hanya dengan chara T.O.L. saja itu, menurut beliau, ada-lah menurut kehendak Allah jua.

Kata-nya, Kerajaan akan berdosa jika tidak mendesak raayat yang bertanah itu untok mengusahakan-nya, bahkan Kerajaan berhak merampas sa-mula tanah2 itu jika tidak di-usahakan yang juga di-dasarkan kapada apa yang telah di-atorkan oleh Tuhan.

Sa-orang pendudok dari Labu Estate mengshorkan supaya Kerajaan bertindak merampas tanah2 yang tidak di-usahakan itu dan dengan jalan itu orang2 yang bertanah, tetapi malas itu akan berfikir lebeh keras lagi terhadap pengabaian penggunaan tanah2 yang berselerak di-negeri ini.

(Lihat muka 8)



Awang Ibrahim bin Abdullah (berdiri) salah sa-orang yang memberikan buah2 fikiran di-hadapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan rombongan dalam majlis dailog yang telah di-adakan di-Pekan Bangar, Temburong pada hari Jumaat lepas.

K-tangan k'jaan di-seru menyumbangkan tenaga bagi menjayakan RKN

TEMBURONG. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menyeru seluroh kaki-tangan Kerajaan termasok pegawai2 kanan supaya bersedia menyumbangkan tenaga perkhidmatan mereka dengan tidak mengira masa demi untok menjayakan ranchangan kemajuan negara yang hendak di-susun itu.

Bersabda di-majlis dailog yang berlangsong di-Dewan Pekan Bangar pada hari Jumaat lepas, Yang Amat Mulia itu menekankan bahawa perkhidmatan2 mereka itu ada-lah sangat2 di-perlukan dan kaki-tangan2 Kerajaan yang di-kehendaki untok menyumbangkan khidmat mereka itu hendak-lah tidak memikirkan soal2 masa, termasok hari2 kelepasan biasa saperti hari2 Jumaat dan Ahad.

Beliau menekankan bahawa pada menjunjong titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok mengujudkan satu ranchangan yang benar2 berkesan kapada raayat dan negara, maka tenaga2 keria mereka itu sudah tentu di-perlukan.

(Lihat Muka 8)

Sharat2 untok menjadi raayat tidak akan di-longgarkan

TEMBURONG. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak akan memberikan kelonggaran terhadap sharat2 untok menjadi raayat negeri ini.

Ini telah di-tegaskan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam majlis dailog di-Pekan Bangar pada hari Jumaat yang baru lalu.


Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa sharat2 itu ada-lah tetap di-ketatkan demi untok menjaga kepentingan raayat tulin jati negeri ini dan sharat2 itu tidak akan dapat di-jual beli atau di-pesong2-kan.

Mengulas satu rayuan yang di-hadapkan dalam majlis itu, Yang Amat Mulia bersabda bahawa sharat2 untok menjadi raayat itu tidak-lah bagitu payah untok di-tunaikan jika pemohon2 itu benar2 berhajat untok menjadi raayat negeri ini atas durongan2 yang ikhlas dan jujur.

Di-antara sharat2 yang di-utamakan itu, sabda beliau, pemohon2 itu hendak-lah tinggal di-negeri ini sa-kurang2-nya dalam tempoh 25 tahun dan faseh berbahasa Melayu.

Untok mempelajari Bahasa Melayu itu di-kalangan orang2 yang bukan Melayu, Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sejak lama lagi telah mengadakan kelas2 Bahasa Melayu.

Dari kemudahan2 itu, sabda beliau, maka mereka yang belum faseh berbahasa Melayu itu bolehlah mempelajari-nya yang di-sediakan dengan perchuma.



Bagini-lah keadaan diritan khemah2 di-Padang 'Arfah.

KA-TANAH SUCHI SIRI TERAKHIR

HARI MENERIMA TAULIAH SA-BAGAI SA-ORANG HAJI

OLEH:
HAJI AHMAD ARSHAD.

HARI 'Ukuf di-Padang 'Arfah ia-lah kemunchak mengerjakan ibadah haji. Dan pada hari itu-lah sa-seorang yang berada di-padang itu merafakkan do'a2 untok meminta keredhaan Allah dan memohon untok menjadikan diri sa-bagai sa-orang haji yang di-redhai atau haji mabror.

Perhimpunan di-Padang 'Arfah ini merupakan satu perhimpunan manusia Islam yang teragong dengan chuma terdurong oleh tujuan yang tunggal ia-itu untok mendekatkan diri kapada Allah. Perhimpunan yang lebeh dari satu juta Umat Islam dalam berbagai2 warna kulit itu, memberikan suatu gambaran yang lebeh nyata betapa hikmat dan kebesaran Allah yang tiada tara dan sekutu-nya dalam menyatukan nekat umat2 yang di-redhai-nya — ia-itu mengabadikan diri kapada-Nya.

Tepat pada waktu sembahyang dzuhur, hari Sabtu 13hb. Januari, 1973, umat Islam yang berlindong dalam khemah2 yang sa-umpama chandawan tumboh merata itu, keluar dari perkhemahan masing2 untok berjemaah di-kawasan perkhemahan. Waktu ini-lah, kechuali yang tidak terdaya, saperti di-timpa sa-suatu penyakit pada waktu itu juga, sama2 merafakkan do'a sambil menadah tangan di-tengah2 mentari terek untok memohon keredhaan Allah. Suara2 yang merafakkan do'a itu kedengaran sambut menyambut dan dari sini timbul suatu perasaan yang amat luar biasa yang bagitu susah hendak di-susun dengan kata2.

Kerendahan diri kita sa-bagai manusia ada-lah terasa dan timbul berbagai kesedaran dan keinsafan, betapa Allah itu sa-memang-nya sayang kapada makhlok yang di-sempurnakan-nya sa-bagai manusia dan di-lengkapkan-Nya dengan akal fikiran yang menjadi neracha dalam menimbang sa-tiap perkara yang di-lakukan.

Jemaah Brunei di-tempatkan dalam bulatan perkhemahan yang panjang yang di-lengkapkan dengan tandas dan bekalan ayer. Jemaah2 di-tempat saya bertugas, di-beri bekalan2 makanan yang menchukopi. Tiada ada kerja lain yang di-buat mereka, melainkan membanyakkan bachaan2 dan do'a2, menunaikan sembahyang bila waktu tiba dan hanya berhenti ketika makan di-hidangkan oleh khadam2. Hidangan yang di-berikan ia-lah dengan chara "Makan Arab" dan bagi menunaikan permintaan2 dari jemaah, hidangan itu di-sajikan juga dengan sambal dan achar dan terdapat juga sabal belachan yang sunggoh enak.

Hari 'Ukuf jatoh pada hari Sabtu, dan seluroh jemaah bertolak dari Mekah ka-Arfah sejak dzuhur, pada hari Jumaat. Sa-lepas 'ukuf itu, kebanyakkan jemaah telah meninggalkan Padang 'Arfah menunju ka-Mena, jemaah2 berhenti di-Muzalipah untok mengutip batu melontar. Untok masok ka-Mena hanya di-benarkan sa-lepas tengah malam. Ini menjadikan Muzalipah (tempat memutik batu itu yang letaknya tidak jauh dari Mena) di-banjiri oleh manusia yang sedang memakai ehram. Tetapi jemaah2 di-tempat saya bertugas, bertolak ka-Muzalipah sa-lepas Maghrib. Sheikh berpendapat bahawa kelewatan itu senghaja di-buat bagi menghindarkan diri dari kesesakan jalan raya yang di-takuti mendatangkan bahaya.

Waktu 'ukuf ini, tiada siapa pun di-benarkan bergerak jauh dari kawasan perkhemahan, kerana di-khuatirkan yang mereka itu akan tersalah tempat, maalum saja, rupa dan bentok perkhemahan kebanyak-nya sama. Ini amat penting di-patohi oleh jemaah2 yang buta huruf — yang tentu-nya tidak akan memberikan kesan untok 'mengi-lala' tempat sendiri dengan melalui papan2 tanda yang di-letakkan. Walau-pun tidak banyak yang di-khuatirkan tetapi Sheikh menetapkan supaya jemaah2 sentiasa ada di-kawasan perkhemahan. Apa yang perlu di-kerjakan ia-lah amalan2 bachaan dan do'a2, sekali-pun do'a2 dengan menggunakan perchakapan biasa, hatta 'kurapak Brunei', kerana Allah itu amat mengetahui dalam segala hal.

WAKTU MELONTAR: Tepat pada pukul 12.00 tengah malam, bas pertama sampai di-tempat melontar ia-lah bas yang kami tumpangi. Waktu itu belum ada sa-orang pun yang datang melontar. Keadaan ini bagitu melapangkan dada kami. Tetapi sa-baik2 saja kami selesai melontar, bas2 mulai datang dan memuntahkan manusia2 yang akan melontar itu. Sa-kelip mata saja kawasan melontar itu di-penoh sesaki oleh manusia. Kami pulang ka-Mekah sa-telah melontar dan sa-telah tawaf, sheie dan tahalul, semua-nya pulang ka-rumah untok membuka ehram dan bersedia untok berangkat semula ka-Mena. Waktu kami masok ka-Mekah, keadaan bagitu lengang dan kami dapat melaksanakan tawaf dengan sempurna-nya. Selesai tujoh kali mengelilingi kaabah, manusia baru-lah ramai semula. Kami berangkat ka-Mena semula dan tinggal di-Mena tiga malam untok menyempurnakan kerja2 melontar itu.

Sa-lepas itu, kami tinggal di-Mekah sa-lama kira2 20 hari lagi. Dalam waktu ini-lah peluang2 di-gunakan untok membanyakkan tawaf, sembahyang dan menchium hajral-aswat di-Mesjidil Haram.

Jemaah2 mula beransor2 kurang di-Mekah, kerana ada yang balek terus sa-lepas 'ukuf dan melontar dan sa-bahagian-nya bertolak ka-Madinah. Jemaah2 Brunei berada di-Madinah sa-lama lapan hari untok sembahyang dan ziarah di-Makam Rassulullah di-Mesjid Madinah dan juga melawat kamakam2 sahabat Nabi di-sekitar Madinah. Sa-lepas itu berangkat pula ka-Jeddah untok menanti waktu pulang ka-tanah ayer.

Masaalah barang2 jemaah ada-lah yang paling merumitkan. Ramai di-antara jemaah membeli-belah sejak di-Mekah dan bagitu juga di-Madinah sahingga terlupa kapada peratoran kapal terbang yang hanya membolehkan tidak lebeh dari 20 kilo tiap2 sa-orang. Kemungkinan2 tinggal-nya barang2 yang lebeh itu ada-lah besar jika Sheikh tidak bijak mengatasi-nya.

Memandang kapada peristiwa itu, jemaah2 yang akan datang harus berpada2 dan harus-lah mengikut peratoran2 yang di-tetapkan itu agar tidak mendatangkan kesusahan pada diri sendiri apa lagi orang lain. Kesimpulan-nya, maka jemaah2 harus patoh kapada apa jua peratoran2 yang di-kenakan ka-atas mereka baik di-

(Lihat muka 7)



Perkhidmatan doktor yang di-perbantukan Kerajaan melaksanakan tugas2 dalam serba keadaan. Kelihatan Dr. Haji Johar memereksa Ag. Haji Salleh bin Haji Hassan yang di-serang demam panas di-Padang 'Arfah.

BENARKAH DUNIA INI BUKAN KEPUNYAAN ORANG ISLAM ?

KHUTBAH JUMA'AT

KITA pernah mendengar pendapat dari sa-tengah2 orang Islam bahawa dunia ini bukan kepunyaan orang Islam tetapi ada-lah kepunyaan orang2 kafir kerana itu-lah orang2 Islam tidak boleh maju dan mewah hidup di-dunia ini. Konon-nya pendapat ini berpuncha dari sa-buah hadith yang bermaksud:

"Dunia ini ada-lah penjara orang mu'min dan shorga orang kafir".

Daripada hadith ini maka sa-tengah orang Islam berpendapat bahawa oleh kerana dunia ini penjara orang Islam, maka tentu-lah orang Islam tidak boleh maju dan mewah di-dunia ini, sa-balek-nya oleh kerana dunia ini kepunyaan orang kafir maka orang kafir sahaja-lah yang boleh maju dan mewah di-dunia.

Pendapat dan fahman ini ada-lah terang2 menyalahi kehendak ugama Islam dan ada-lah bertentangan dengan maksud hadith itu yang sabenar-nya. Malahan dari kenyataan yang di-dapati tidak semua orang Islam itu mundor dan miskin dan tidak semua orang kafir itu maju dan mewah.

Sabenar-nya hadith yang kita sebutkan tadi ada-lah mengandong maksud bahawa apabila di-katakan orang2 Islam itu berada dalam penjara ketika hidup di-dunia ini artinya hawa nafsu mereka tersekat dan terpelihara, orang2 Islam tidak bebas menurut segala kehendak nafsu jika mereka benar2 mahu shorga dan selamat daripada azab api neraka di-akhirat nanti. Mereka di-larang berzina, mereka di-larang bergaul dengan bebas di-antara lelaki dengan perempuan, mereka di-larang minum arak, mereka di-larang berjudi, mereka di-larang bersabong ayam, mereka di-larang menipu, mereka di-larang mendapatkan kekayaan dan kemewahan dengan chara haram dan lain2 sekatan lagi.

Tetapi orang2 kafir tidak bagitu, tidak ada sekatan hawa nafsu mereka, mereka mereka melakukan-nya segala perkara keladzatan dan kesedapan, maka dengan sebab itu sa-olah2 mereka berada di-dalam shorga dalam hidup mereka di-dunia ini. Tetapi mereka tidak akan mendapat shorga di-akhirat nanti bahkan mereka akan merasakan azab seksa di-dalam neraka di-sebabkan kekafiran, ke-engkaran dan kejahatan2 mereka.

Ini berarti bahawa hadith yang kita sebutkan tadi tidak-lah boleh di-katakan dengan soal kemunduran dan kemajuan, dan soal kemiskinan dan kekayaan, kerana soal kemunduran dan kemajuan, soal kemiskinan dan kekayaan ada-lah berhubong rapat dengan kegiatan dan usaha2 sa-tiap orang di-samping limpah kurnia Allah Subhanahu-Wataala. Allah Subhanahu-Wataala telah menyuroh dan menggalakkan manusia mengguna-kan akal fikiran, tenaga dan persediaan2 yang ada pada mereka untok menchari, berusaha dan berikhtiar pada mendapatkan rezeki dan kurniaan Allah di-atas dunia ini dengan sharat tidak melanggar batasan2 ugama. Dalam perlumbaan mendapatkan kemajuan dan kemewahan inilah terdapat kelemahan sa-bahagian besar umat Islam jika di-banding dengan kegiatan2 dan usaha2 kebajikan orang2 bukan Islam.

Sa-laras dengan dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan makmor, maka ada-lah menjadi kewajipan umat Islam khas-nya untok melipat-gandakan ikhtiar dan usaha bagi mendapatkan kemewahan dan kesenangan sa-bagaimana kemewahan dan kesenangan sa-bahagian besar orang2 bukan Islam yang sama2 bernaung di-negeri ini berdasarkan ajaran2 Ugama Islam yang sabenar-nya.

GAMBAR bawah menunjokkan Penguasa Pelajaran Ugama Negeri Brunei, Awang Yahya bin Haji Ibrahim sedang menyampaikan perisai kejohanan membacha Quran kapada Ag. Mahmud bin Haji Saidin, dari Sekolah Ugama Delima Satu

Awang Mahmud telah berjaya menjadi johan kumpulan A dalam peraduan membacha Quran sekolah2 Ugama Daerah Brunei-Muara akan mewakili daerah ini ka-peraduan membacha Quran perengkat negeri yang akan di-adakan tidak beberapa lama lagi.

Peraduan memileh wakil2 bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong juga telah di-adakan di-tiap2 daerah dalam bulan lepas. — Gambar JHEU/BP.



Ketetapan tambang haji bagi kapal laut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Urusan dan Tabong Haji Kuala Lumpur telah menetapkan bayaran tambang haji bagi kapal laut bagi musim haji tahun 1973/1974 yang akan datang.

Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji Brunei menyatakan tambang untok sa-orang dewasa bagi Saloon A sa-banyak $1,150.00; kanak2 yang berumor 10 hingga 12 tahun sa-banyak $600.85; kanak2 yang berumor dari 5 hingga 10 tahun sa-banyak $570.05 dan tambang bagi kanak2 yang berumor 5 tahun ka-bawah sa-banyak $549.25.

Tambang untok sa-orang dewasa bagi Saloon B sa-banyak $1,063.60; kanak2 yang berumor 10 hingga 12 tahun, $557.60; kanak2 berumor 5 hingga 10 tahun, $531.80 dan kanak2 berumor ka-bawah lima tahun sa-banyak $506.00.

Tambang untok sa-orang dewasa bagi Saloon C ia-lah sa-banyak $941.60; kanak2 berumor 10 hingga 12 tahun, $496.60; kanak2 berumor lima hingga 10 tahun; sa-banyak $470.80 dan tambang bagi kanak2 berumor lima tahun ka-bawah ia-lah $445.00.

Kelas pelanchong bagi sa-orang dewasa ia-lah $764.20; kanak2 berumor 10 hingga 12 tahun, $407.90; kanak2 berumor 5 hingga 10 tahun, $382.10 dan bagi kanak2 yang berumor lima tahun ka-bawah sabanyak $356.30.

Semua tambang2 itu di-kira pelayaran pergi dan balek dari Pulau Pinang ka-Jeddah dan tidak termasok tambang dari Labuan ka-Pulau Pinang.

Kenyataan itu menyatakan bahawa tiap2 sa-orang bakal haji mesti-lah mempunyai sa-keping Bank Deraf untok perbelanjaan sendiri dan untok bayaran Sheikh Haji di-Mekah.

Sa-orang dewasa hendak-lah mempunyai Bank Deraf sa-banyak 1,200.00 Riyal ia-itu bersamaan dengan $850.00 wang Brunei manakala kanak2 yang berumor lima hingga 10 tahun ia-lah sa-banyak 600.00 Riyal ia-itu bersamaan dengan $425.00 wang Brunei. Kanak2 yang berumor lima tahun ka-bawah tidak di-kehendaki mempunyai Bank Deraf.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9hb. Mei, 1973 hingga ka-hari Selasa 15hb. Mei, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Terbit
9hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
10hb. Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
11hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
12hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
13hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
14hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
15hb. Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

9hb. Mei, 1973.

DAERAH PERTANIAN

CHADANGAN2 raayat telah timbul berhubong dengan beberapa aspek pembangunan pertanian di-negeri ini. Sa-bi-langan besar chadangan2 itu di-timbulkan bertolak dari hasrat yang satu ia-itu untok men-jadikan negeri ini berkebo.eh-an dalam mengeluarkan hasil-mahsol pertanian-nya sendiri bagi membekalkan keperluan2 raayat. Saranan2 yang lebeh banyak menyesali akan keadaan dan kelalaian kita sekarang ini di-katakan telah menjadi pun-cha utama yang raayat negeri ini dengan tidak sa-chara lang-song telah menjadi mangsa atau menjadi korban dalam soal harga2 barang yang di-katakan kadangkala telah di-naikkan tanpa timbang rasa.

Dari tekanan2 terhadap ra-ayat yang amat membingong-kan mereka ini sa-olah2 men-jadi satu hikmat pendurong ba-gi mereka sa-hingga timbul fi-kiran2 yang sa-olah2 menyesali sikap sendiri yang pada umum-nya, sejak lama sudah, tidak memikirkan sa-chara serious tentang gejala2 yang mungkin timbul jika kita tidak mempu-nyai latar-belakang yang kuat dalam segi pertanian atau pun di-katakan penggunaan tanah.

Fikiran2 yang demikian ini semakin jelas timbul dari ke-banyakan raayat di-Daerah Temburong dan mereka sendiri banyak yang mengakui bahawa sepatut-nya Temburong sudah dapat mengeluarkan keperluan2 raayat dalam hasil2 pertanian saperti padi. Mereka juga me-nyedari tentang kenaikkan har-ga2 barang itu sa-bagai satu perkara yang susah hendak di-elakkan kechuali raayat negeri ini dapat mengeluarkan berba-gai2 penghasilan melalui kese-diaan mereka untok berkhid-mat kapada tanah dan langsong tidak memikirkan untok beker-ja di-lain2 tempat.

Soal tanah yang tidak di-usahakan, kita kira terlalu ba-nyak yang telah di-timbulkan, bahkan ada yang mengatakan mengapa tanah2 itu tidak berani di-usahakan mereka atas alasan yang geran2-nya belum di-keluarkan oleh Ke-rajaan.

Tetapi akhir-nya mereka ju-ga menyesal menimbulkan alas-an2 itu bilamana penerangan2 di-berikan yang tanah2 belum di-keluarkan geran itu tidak berarti tidak dapat di-susahkan saperti mengisikan-nya dengan tumboh2an yang bukan bersifat kekal saperti sayor2an, ubi2an, buah2an saperti pisang, kepa-yas dan nenas.

Apa yang menarek tentang tanah2 yang tidak di-usahakan itu termasok yang sudah ber-geran ia-lah saranan dari sa-orang pendudok di-Temburong (sa-orang guru) supaya Keraja-an bertindak tegas untok me-rampas sa-mula tanah2 yang di-punyai oleh orang2 yang di-katakan-nya pemalas itu.


Kesimpulan yang dapat kita pandang ia-lah kegembiraan ki-ta terhadap sikap raayat di-Temburong itu yang telah me-nampakkan kesedaran mereka terhadap masaalah2 masa de-pan raayat dan negara. Mu-dah2an sikap itu akan lahir dengan praktik-nya sekali bi-lamana Temburong di-jadikan daerah pertanian kelak.

MENINJAU PERUSA SHARIKA



Awang Haji Ibrahim bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohammad yang telah mengusahakan kilang papan sejak tahun 1947. — Gambar ehsan DBP Brunei.

SHARIKAT Haji Ibrahim P.P.W. Haji Muhamad memang sudah di-kenali umum khusus-nya kerana per-usahaan kayu kayan. Tuan punya sharikat ini, Awang Hj. Ibrahim bukan-lah "orang ba-ru" dalam perusahaan ini. Ki-lang Papan beliau telah pun di-usahakan sejak tahun 1947. Beliau telah mencheborkan di-ri dalam bidang perniagaan se-jak kechil lagi. Ketika ber-umor kira2 15 tahun lagi be-liau telah di-lateh oleh Allah Yarham ayah beliau untok mendampingkan diri dengan bidang perniagaan. Dan ber-kat dari nasehat2 dan tunjok ajar daripada ayah beliau itu-lah yang membawa kejayaan beliau saperti yang dapat kita lihat pada masa ini.



Satu pemandangan di-pejabat Sharikat Haji Ibrahim, di-batu 3¼, Jalan Tutong. Keli-hatan dari kiri ia-lah anak beliau, Awang dan dua orang kaki-tangan sharikat itu, Awang Abdul Latif dan Awang Haji Abd. Hamid.



Sa-orang pekerja sedang mengawal perjalanan meshin ubat "celcure".

Pada masa ini Shar... Ibrahim mempunyai ... kilang papan yang ... terletak di-Batu 3¼, J... tong, Bandar Seri B... Brunei, Kilang Papa... lang dan Kilang Papa... Ayam2 yang kedua2... letak di-Daerah Te... Pekerja2 sharikat ini ... di- anggarkan lebeh ... 100 orang. Bagaima... jumlah pekerja2 yang ... tidak-lah di-tetapkan ... tahun ka-sa-tahun. Pe... an atau penambahan ... bergantong kapada ma... nya atau banyak-ny... yang hendak di-ke... dalam satu masa.

Kilang Papan di-N... Temburong memotong ... saperti Selanga... Kapor Bukit, Keru... Meranti manakala ki... pan di-Sungai Ayan ... memutong kayu jenis ... dan Jungkong. Ka... telah di-putong di-Ki... pan Negalang di-ha... kilang papan di-Batu ... Tutong manakala ... dari Kilang Papan di... Ayam2 ada-lah untok ... keluar negeri (export... sok Taiwan dan Jepu...

Di-antara ketiga2 kilang ... Kilang yang terletak ... 3¼, Jalan Tutong, ia-... yang terpenting sekali ... lang ini terdapat ... meshin untok mengu... yang menggunakan ... cure". Kilang ini pun ... sejak tahun 1964 dan ... buka dengan rasmi-... bekas Yang Amat ... Menteri Besar Brun... Marsal bin Maun pa... Februari, 1967. Kese... lang papan dan mes... "celcure" ini meng... modal yang di-anggar... jumlah $695,000.00. ... kilang papan ini ... sendiri oleh Awang ... him, akan tetapi mes... mengubat kayu deng... celcure ini 80% ada... modal beliau sendiri ... saham-nya di-buka ... orang ramai.

Sharikat Haji Ibr... ia-lah satu2-nya Shar... lang papan bumipu... mempunyai meshin ... kayu dengan meng... ubat "Celcure". "Cel... lah sa-jenis ubat ch... per-chrome arsenate ... dak memakan urat ... gunakan bagi mengu... dengan Hampagas ... dan Tekanan. Ubat ... sa-jenis rachun bag... tang anai2 dan lain-... dan di-datangkan d... dari Malaysia.

AHAAN KILANG PAPAN HAJI IBRAHIM

drum berat-nya lebeh kurang 50 kilo dan harga-nya $200.00

Chara memasokkan celcure ka-dalam kayu ia-lah berdasarkan ilmu sains, dan di-jalankan oleh pekerja2 yang mahir, mengikut jadual2 peringkat kerja. Tiap2 satu perengkat di-lakukan dengan teliti supaya hasil-nya memuaskan serta betul2 memberi perlindongan kapada kayu.

Untok melakukan proses ini ubat celcure di-simpan di-dalam tangki tertentu dan sa-lepas itu kayu2 itu di-masokkan ka-dalam "kebokkeluli" yang tahan tekanan sa-hingga 200 pound sa-inchi. Sa-lepas kayu2 itu di-masokkan, pintu kebok itu pun di-tutop rapat. Sa-kurang2-nya 20 inchi raksa hampagas (vacuum) di-sedut yang mengeluarkan udara dari dalam sel2 kayu itu serta memudahkan ubat larutan masok ka-dalam-nya. Sa-telah kebok itu penoh dengan larutan, hampagas itu di-pechahkan dan tekanan sa-tinggi 185 pound sa-inchi di-kenakan sa-hingga termasok ka-dalam kayu itu mengikut sa-banyak mana kuasa pelindong yang di-kehendakki. Semua proses ini di-lakukan dengan menggunakan kuasa letrik. Sa-telah proses ini selesai kayu yang sudah di-buboh ubat celcure itu pun sedia untok di-pasarkan sama saperti kayu biasa (yang tidak di-buboh celcure).

Kayu yang sudah di-buboh ubat "celcure" ini tidak berbau tetapi berlainan warna-nya daripada kayu2 biasa. Keistimewaan yang terdapat pada kayu2 yang telah di-buboh ubat celcure ia-lah urat2 kayu ini tidak akan tanggal dan tidak menghilangkan warna chat. Sa-lain dari itu kayu2 ini menahan reput, anai2 dan lain2 serangga yang merosakkan kayu serta menjauhkan kulat tidak mengaratkan logam — paku, sekeru dan lain2 pemasang daripada logam. Kayu2 ini boleh-lah di-katakan tiga kali ganda lebeh tahan daripada kayu biasa.

Sharikat ini mempunyai sabuah lori untok mengangkut kayu2 kepunyaan Sharikat. Orang ramai yang membeli kayu di-Sharikat ini tidak akan menghadapi sebarang masaalah mengangkut kayu2 itu kerana sharikat ini memberikan kemudahan pengangkutan di-samping memberikan "harga istimewa" kapada mereka yang membeli lebeh dari satu tan.

Pehak Kerajaan juga membeli kayu di-Sharikat ini dan biasa-nya soal pengangkutan akan di-uruskan oleh jabatan2 tertentu.

Antara masaalah2 yang di-hadapi oleh Sharikat ini ia-lah soal pengambilan pekerja2 yang mahir yang kebanyakan-nya terdiri dari orang2 luar negeri dan juga masaalah pasaran dalam negeri. Bagaimana pun kedua2 masaalah ini tidak menggangu perjalanan sharikat ini.

Sa-lain daripada menjalankan perusahaan kayu kayan, Sharikat ini juga bergiat dalam perusahaan2 batu, memborong rumah, bangunan2 kerajaan dan lain2.




Pekerja2 sharikat itu sedang bersedia untok memasokkan kayu2 ka-dalam ubat "celcure". —Gambar ehsan DBP.

Tentang ranchangan masa depan sharikat ini memang telah di-ranchangkan dan hanya menunggu masa sahaja lagi untok di-lancharkan. Salah satu daripada ranchangan itu ia-lah perusahaan PLYWOOD. Bila ujud-nya perusahaan ini nanti banyak masaalah yang hendak di-tempohi termasok-lah soal mendapatkan pekerja2 yang mahir. Bagaimana pun Awang Haji Ibrahim berharap dengan kerjasama serta nasehat2 dari Jabatan2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, segala ranchangan ini akan dapat di-usahakan dengan jaya-nya.

Bila di-minta memberi pandangan tentang perusahaan kayu kayan orang2 Melayu di-negeri ini, Awang Haji Ibrahim mengatakan bahawa beliau bershukor kapada Allah kerana kemajuan2 dalam perusahaan ini telah pun ternyata jika di-bandingkan dengan tahun2 yang sa-belum-nya. Beliau menyatakan yang beliau tidak dapat menyangkal bahawa nasehat2 dan perangsang daripada rakan2 beliau untok memajukan lagi perusahaan ini. Beliau juga menguchapkan terima kaseh yang tidak terhingga kapada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang telah banyak memberikan sokongan dan pandangan untok memajukan perusahaan anak2 bumi putera. Akhir-nya, beliau juga menasehatkan anak2 tempatan khas-nya supaya mencheborkan diri dalam bidang perusahaan dan kapada penuntut2 apabila meninggalkan bangku sekolah janganlah semata2 mengharapkan bekerja makan gaji dengan kerajaan .

Kita mengharapkan semoga sharikat ini maju dan beroleh kejayaan.



Satu lagi pemandangan kilang papan kepunyaan Sharikat Haji Ibrahim di-Batu 3½, Jalan Tutong.



Chontoh satu tin ubat "celcure" yang berat-nya kira2 50 kilo yang berharga $200.00

LANGKAH UNTOK MENJAGA KEBERSEHAN BANDAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sedang berusaha untok memperbaiki kebersehan bandar termasok mengadakan ranchangan pembuangan sampah sarap dengan menggunakan karong2 pelastik.

Karong2 pelastik itu boleh di-dapati dari Pejabat Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan bila2 masa pejabat di-buka dengan harga 25 sen sa-biji karong pelastik.

Satu siaran Lembaga itu menyatakan, tujuan ranchangan ini di-adakan ada-lah semata2 untok menjaga serta menchantekan bandar dan mengelakkan bau yang busok dari sampah2 sarap yang berupa sisa2 makanan dan sa-bagai-nya.

Yang penting sekali ia-lah ranchangan ini ada-lah istimewa untok menjaga kesihatan orang ramai.

Orang ramai ada-lah di-minta supaya menggunakan karong2 pelastik itu untok mengisikan-nya dengan sampah2 sarap pada tiap2 hari dan mengikat-nya sa-belum di-masokkan ka-dalam tong sampah.

Dengan chara yang demikian maka sampah2 sarap tidak akan terdedah dan di-hinggapi oleh lalat dan lain2 serangga yang boleh mendatangkan anchaman dan bahaya kesihatan orang ramai.

Lembaga itu meminta kerjasama dari orang ramai, tuan2 punya kedai, restoran2, hotel2 dan lain2 bangunan termasok juga bangunan2 kerajaan di-Bandar Seri Begawan untok menjayakan ranchangan ini.

Tetapi walau bagaimana pun, Lembaga Bandaran juga akan sukachita menerima shor2 dan chandangan2 daripada pendudok2 di-Bandar Seri Begawan dari satu masa ka-satu masa sa-mata2 untok menjayakan ranchangan ini.



Kempen anti-TB berakhir

TEMBURONG. — Kempen menchegah batok kering atau T.B. di-Daerah Temburong telah selesai di-jalankan dengan jaya-nya.

Kempen yang di-jalankan lebeh sa-bulan itu telah berakhir pada 13hb. April yang lalu.

Pegawai Pelawat Kesihatan Batok Kering bagi Daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Temburong, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pg. Md. Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, yang mengetuai gerakan meng-X-Ray itu menyatakan bahawa sambutan dari pendudok2 di-daerah terhadap kempen tersebut ada-lah sangat2 menggalakkan.

Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa lebeh dari 90 peratus dari pendudok2 yang berumor 14 tahun ka-atas — lelaki dan perempuan telah di-X-Ray.

Gerakan banchi kerbau, lembu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian Negara melalui Bahagian Haiwan akan menjalankan kerja membanchi bilangan kerbau dan lembu di-seluroh negeri dalam bulan ini.

Sa-orang juruchakap di-jabatan itu menerangkan bahawa usaha itu di-buat berthabit dengan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang sedang di-ranchang.

Juruchakap itu menyeru kapada semua tuan2 punya ternakan kerbau dan lembu supaya memberikan kerjasama sapenoh-nya kapada Pegawai2 Luar Jabatan Pertanian bahagian Haiwan yang akan menjalankan kerja2 membanchi itu.

Pulis tinjau perkhidmatan bomba

BANDAR SERI BEGAWAN. Sa-ramai 19 orang anggota2 Pulis Diraja Brunei yang menjalani kursus ulang kaji di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara, telah melawat ka-Balai Bomba di-Bandar Seri Begawan pada hari Rabu lepas.

Lawatan itu ada-lah sa-bagai penutop kursus tersebut dimana mereka telah di-berikan penerangan2 berhubong dengan perkhidmatan bomba disamping menyaksikan pertunjokkan chara2 memadam api dan menyelamatkan orang yang sedang terperangkap dalam masa kebakaran.

Ini ada-lah lawatan kali kedua anggota2 pulis Diraja Brunei yang menjalani kursus yang sama. Lawatan pertama di-lakukan oleh 29 orang anggota pasokan pulis itu dalam bulan Januari tahun lalu.

Antara tujuan2 lawatan itu ia-lah bagi membekalkan pengetahuan2 kapada anggota2 pulis di-negeri ini supaya dapat membantu pehak bomba pada melawan kebakaran dalam keadaan2 yang memaksa.



Gambar atas menunjokkan Pakar Penyakit T.B., Dr. Raja Gopal (kiri) sedang di-temu ramah oleh Pegawai Ranchangan Radio Brunei, Awang Ramlee bin Mohd. Said sa-masa melancharkan kempen menchegah T.B. itu di-mulakan di-Pekan Bangar. Di-sebelah kanan ia-lah Pegawai Kesihatan, Dr. Haji Johar bin Haji Nordin, sementara gambar atas kiri menunjokkan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pengiran Md. Said (no. 4 dari kanan) bersama2 dengan enam orang pembantu-nya dalam gerakan menchegah T.B. itu.

Perkhidmatan penchen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-banyak $130,462.50 untok perkhidmatan2 kebajikan penchen negara di-seluroh negeri bagi bulan April yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen Brunei, sa-jumlah $125,175.00 telah di-bayar kapada penerima2 penchen umor tua; $4,437.50 di-bayar kapada penerima penchen orang buta serta tanggong mereka dan sa-banyak $850.00 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Daerah Brunei-Muara ada-lah merupakan daerah yang paling banyak menerima bayaran bagi penchen umor tua dengan jumlah pembayaran sa-banyak $69,975.00 berbanding dengan Daerah Belait sa-banyak $23,450.00; Daerah Tutong sa-banyak $25,375.00 dan Daerah Temburong sa-banyak $6,375.00.

Bagi pembayaran penchen orang buta serta tanggongan-nya, Daerah Brunei-Muara juga ada-lah merupakan yang paling banyak dengan jumlah $3,087.50. Bagi pembayaran ini, Daerah Belait sa-banyak $550.00; Daerah Tutong sa-banyak $575.00 dan Daerah Temburong sa-banyak $225.00.

Pembayaran bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila menunjokkan sa-banyak $587.50 di-bayar bagi penerima2 di-Daerah Brunei-Muara; sa-banyak $200.00 bagi Daerah Belait; Daerah Tutong sa-banyak $62.50. Tiada ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong dalam bahagian ini.

Persatuan Guru2 Bahasa Inggeris di-tubohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Guru2 Mengajar Bahasa Inggeris, sa-bagai bahasa luar negeri rengkas-nya BATEFL telah di-tubohkan di-Brunei.

Tujuan utama persatuan tersebut ia-lah untok meninggikan taraf pengajaran bahasa Inggeris sa-bagai bahasa asing sa-laras dengan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru dan untok menyatukan guru2 yang mengajar bahasa tersebut supaya dapat mengatasi masaalah pengajaran bahasa Inggeris bagi meninggikan taraf pelajaran di-Brunei.

Ahli2 jawatankuasa BATEFL yang di-lantek, Awg. Mohamed Suni bin Haji Idris sa-bagai Yang Di-Pertua; Ag. M.T. Williamson, Naib-Yang Di-Pertua; Awang N.H. Walker sa-bagai Setia Usaha Agong; penolong-nya Awang Ismail Opak; Bendahari Agong, Awang Zainal Abidin bin Muhammed sementara jawatankuasa pengurus terdiri dari Awang Wilson; Awang P.C. Adamson; Awang Abdullah bin Osman dan Awang Jacob Chin.

Gerakan menyembor ubat DDT

TEMBURONG. — Rombongan Projek Penghapus Malaria akan menjalankan kerja2 menyembor ubat DDT, di-15 buah kampong di-Daerah Temburong bulan ini.

Rombongan itu telah melawat ka-Kampong Seri Tanjong, Belayang pada 7hb. dan ka-Kampong Batang Tuau pada 8hb. Mei yang lalu. Pada hari ini 9hb., rombongan itu berada di-Kampong2 Puni dan Hujong Jalan. 10hb. Mei ka-Kampong2 Belais dan Buda-Buda; pada 12hb. dan 14hb. Mei, Rataie; pada 15hb. Mei, Bokok dan Meniup; pada 16hb. Mei dan Belarut Sembatang pada 22hb. Mei.

Kampong2 lain yang akan dilawati oleh rombongan itu ia-lah Kenua pada 23hb. Mei, Lepong Lama dan Baru pada 24hb. Mei dan Semabat dan Temada pada 26hb. Mei.

Peratoran2 hendak-lah di-patohi bagi keselamatan diri sendiri

(Dari muka 2)


mana pun berada. Kerana peratoran2 itu, sama ada dari Sheikh, pegawai2 bertugas dan pehak2 kapal terbang dan Kerajaan Saudi ada-lah bagi keselamatan dan kesetiaan jemaah.

Ada jemaah Brunei yang tidak berpaikaian haja sawaktu turun di-tanah ayer. Sebab-nya pehak kapal terbang hanya membenarkan sa-biji beg saja di-tangan, tetapi kebanyakkan jemaah membawa sa-hingga tiga biji beg kechil. Jadi di-Jeddah sa-waktu hendak naik ka-kapal terbang beg2 itu di-kutip untok di-simpan di-setor barang2 dan di-antara beg2 yang di-kutip itu pula terdapat yang berisi dengan pakaian2 yang hendak di-pakai sa-waktu turun di-Brunei. Masa akan datang, jemaah2 harus-lah menggunakan satu biji beg kechil saja untok menyimpan barang2 yang di-perlukan.

Menyudahi renchana akhir ini, saya memohon maaf jika terdapat perkara2 yang menyentoh dan tidak menyedapkan hati sa-tengah2 jemaah atau pembacha. Tujuan saya hanya-lah menchatetkan perkara2 yang saya timbulkan itu untok kepentingan jemaah2 kita yang akan datang. Kerana menurut Pengetaua Pegawai Hal Ehwal Ugama bahawa kebaikan hanya dapat kita chipta sa-telah belajar dari keburokan, kechachatan, kepinchangan dan kelemahan atau kesilapan.



Keadaan jemaah2 Brunei dalam perkhemahan di-Padang 'Arfah.



Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menghadiahkan alat pembesar suara kapada mesjid Danau di-Daerah Tutong.

Alat pembesar suara itu telah di-sampaikan oleh Awang Syed Ahmad Fadzlulah Ali sa-bagai wakil sharikat itu kapada Ketua Kampong Danau, Y.B. Orang Kaya Pekerma Indera Awang Hj. Jilli bin Ibrahim (gambar atas).

11 penuntut lulus pengajian tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 11 orang penuntut Brunei yang belajar di-Universiti Australia, Universiti Malaya dan Institute Teknologi Mara telah lulus dalam pengajian mereka baru2 ini.

Awangku Mohamad Zain bin Pengiran Haji Lampoh dari Universiti Australia Barat telah lulus dengan mendapat ijazah Serjana Muda dalam bahagian Sejarah.

Dayang Fatimah binte Abdul Rahman dan Dayang Afsah binte Mohamed Yusof kedua2-nya dari Maktab Perguruan Larnook Victoria, Australia telah mendapat Sijil Perguruan Menengah Terlateh Ekonomi Rumah Tangga.

Empat orang lagi dari penuntut yang belajar di-Universiti Malaya juga lulus dalam pengajian mereka.

Awang Hisham bin Mohamed Sum mendapat ijazah Serjana Muda Kepujian bahagian Antropologi–Sociologi, Dayang Fatimah binte Haji Mohamed Hussain mendapat ijazah Serjana Muda Kepujian bahagian Sejarah, Awang Matussin bin Omar mendapat ijazah Serjana Muda bahagian Antropologi–Sociologi dan Dayang Jahrah binte Mohamed mendapat ijazah Serjana Muda Ekonomi.

Tiga orang lagi telah lulus dengan mendapat Diploma dari Institute Teknologi Mara.

Mereka ia-lah Awang Abdul Rahim bin Pehin Orang Kaya Indera Wewa Dato Paduka Awang Haji Musa dan Awang Mohamed Serudin bin Apong kedua2-nya mendapat Diploma dalam bahagian Pengeluaran, Kesihatan dan Haiwan dan Awang Khalid bin Haji Razali mendapat Diploma bahagian Jurukira.

Semua penuntut2 itu di-biayai oleh Kerajaan Brunei melalui Jabatan Pelajaran.

Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani telah lulus dengan jayanya dalam ijazah (post-graduate) Diploma Pendidekan (Diploma in Education) dari Fakulti Pendidekan, Universiti Malaya. Sa-belum itu, pada tahun 1971 beliau telah juga lulus dan berjaya memperoleh

(Lihat muka 8)

Jawatan2 Kosong

Sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalun2 untok di-lantek di-bawah sekim ini hendak-lah sudah menchapai umor 17 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun. Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

b) Mereka hendak-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.

c)) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mendapat kepujian dalam Sains dan/ atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaan — $230 x 10-280/EB/290 x 15-380.

Juruteknik Makmal Terlateh — $410 x 20-510/EB/540 x 20-660.

Juruteknik Makmal Kanan — $710 x 30-950.

Ketua Juruteknik Makmal — $100x30-1120/EB/1160x30-1280.

Pemohon2 yang terpileh akan di-lantek dalam perchubaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaan, dan akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalani latehan.

Juruteknik2 Makmal Perchubaan akan di-kehendaki lulus semua pepereksaan sa-masa mereka menjalani latehan dalam tempoh perchubaan mereka.

Juruteknik2 Makmal Perchubaan yang:

a) telah lulus pereksaan akhir, dan

b) di-sokong oleh Ketua Jabatan akan layak di-tetapkan sabagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22bh. Mei, 1973.

Sa-bagai Kerani Penelitian

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan di-lantek sa-bagai Kerani Penelitian di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Bahagian Ekonomi.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah telah lulus Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sebanding dengan-nya. Mereka mesti-lah juga lulus dalam matapelajaran Ilmu Hisab di-perengkat 'O' atau telah mendapat latehan dan pengalaman dalam pekerjaan yang sama.

Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam perjawatan tetap sa-lama tiga tahun serta mempunyai Sijil Persekolahan atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai kechenderongan dalam kerja2 perangkaan boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3-4 EB 5 — $410x20-510-540x20-660/EB/690 x20-750. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb. Mei, 1973.

Sa-bagai Pegawai Perpustakaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pegawai Perpustakaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Pelajar Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sekurang-nya sa-lama tiga tahun dalam kerja2 perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — $410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 22hb. Mei, 1973.

RAAYAT TEMBURONG DI-SERU MENGUSAHAKAN TANAH2 MEREKA

TEMBURONG. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menegaskan bahawa tempoh masa bagi matalamat penyusunan ranchangan kemajuan yang baru itu ia-lah di-antara empat hingga enam bulan.

Dalam jangka waktu itu-lah, sabda beliau, usaha2 mengutip fikiran2 dan chadangan2 orang ramai yang mempunyai unsur2 faedah untok negara dan raayat negeri ini akan di-jalankan terus-menerus tanpa mengira masa dan hari2 kelepasan.

Kerana tujuan itu juga, Yang Amat Mulia itu menyeru seluroh kaki-tangan Kerajaan di-mana saja berada supaya bersedia menyumbangkan khidmat2 mereka apabila di-perlukan demi untok sama2 menjunjong titah bagi menjadikan negara kita ini sa-bagai sa-buah negara yang lebeh makmor, aman dan tenteram di-mana raayat boleh berhidup dengan tenang-nya.

Di-samping melapadzkan sabda itu di-majlis dailog di-Pekan Bangar, Yang Amat Mulia itu juga mendengar chadangan2 pendudok2 Temburong yang sa-bahagian besar-nya bertumpu kapada chita2 menjadikan Temburong sa-bagai daerah pertanian di-negeri ini.

Mengulas chadangan2 itu, Yang Amat Mulia bersabda bahawa memang menjadi harapan pendudok2 di-Bandar Seri Begawan dan lain2 tempat di-negeri ini untok menikmati hasil-mahsul pertanian yang di-luahkan oleh daerah itu.

Sa-bilangan besar pendudok2 Temburong, sabda Yang Amat Mulia lagi, telah pun mempunyai tanah2 yang bergeran, tetapi nampak-nya tanah2 itu maseh banyak yang belum di-usahakan sa-chara bersunggoh2.

Apa yang perlu sekarang bahawa pendudok2 Temburong mesti-lah mengusahakan tanah2 mereka itu dan menunjokkan semangat untok berkhidmat kapada tanah sa-belum Kerajaan melaksanakan usaha2 yang lebeh besar dalam bidang pertanian di-daerah itu.

Beliau bersabda bahawa Kerajaan boleh mengadakan projek2 tanaman kelapa sawit, gelagah, padi dan sa-umpama-nya sa-chara besar2an, tetapi ranchangan itu akan terbangkalai juga jika tidak ramai raayat yang mahu berkechimpong dalam bidang2 yang besar itu.

Kita tidak mahu, ranchangan yang kita buat itu terbangkalai dan sa-terus-nya kita tidak mahu yang ranchangan kemajuan negara yang baru itu nanti menghadapi nasib yang sama dengan ranchangan2 lima tahun yang lalu.

Walau bagaimana pun, beliau juga tertarek kapada chadangan2 pembentokan sa-buah badan yang akan mengendalikan penghasilan raayat dan berharap raayat akan terus menampakkan usaha2 sa-bagai persediaan menghadapi-nya.

Bukan saja bersedia bagi menghadapi satu perkara itu saja, bahkan seluroh raayat harus menampakkan kesediaan penyertaan mereka dalam apa jua bidang yang sedang dan akan di-adakan di-negeri ini.



SA-RAMAI tujoh orang ahli sukan Brunei telah berlepas ka-Korea Selatan pada minggu lalu untok mengambil bahagian dalam Sukan Antara Bangsa di-Seoul yang akan berlangsong dari 11hb. hingga 13hb. Mei (gambar atas).

Mereka itu ia-lah A. Sibidol, Onn Timbang, Insp. Zainal Abidin Sanif, Ak. Yunus, Yakub Mohammad, Rani Metassan dan Sinin Metali.

Rombongan itu telah di-sertai oleh empat orang pegawai. Major Mohd. Yusof Said, sa-bagai pengurus pasokan; Awang Mustapha Shawal, sa-bagai penolong pengurus pasokan, Awang Raof Wahid Khan sa-bagai juru'latch, manakala Awang Jung Hee Suk, Pengerusi Persatuan Korea di-Brunei akan bertugas sa-bagai pegawai perhubongan.

Perusahaan dan memproses kayu balak di-chadangkan dalam RKN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kemungkinan2 untok mengadakan perusahaan dan memproses kayu2 balak di-negeri ini telah di-hadapkan dalam sidang mashuarat yang kedua, Jawatankuasa Kechil Perniagaan dan Perusahaan, Perancangan Kemajuan Negara yang berlangsong di-Bilek Mashuarat Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada minggu lalu.

Chadang itu telah di-timbulkan dalam satu kertas Kerja dari Pegawai Pemeliharaan Hutan Negara, Awang I.P. Tamworth.

Awang Tamworth berkata bahawa perusahaan itu tidak hanya dapat memberikan bidang2 pekerjaan kapada raayat dan pendudok negeri ini, tetapi juga akan dapat menambahkan hasil pendapatan negara.

Perusahaan itu nanti, kata-nya, akan memproses sendiri kayu2 balak yang di-keluarkan oleh negeri ini untok keperluan bidang2 pembangunan saperti mengeluarkan plywood dan lain2-nya.

Chadangan untok menjadikan Brunei sa-bagai Pusat Pelanchongan yang juga akan memberikan faedah kapada negara telah di-hadapakan dalam majlis itu oleh Pegawai Pelanchongan, Awang Sulaiman Shariff.

Awang Sulaiman berkata bahawa beberapa keindahan yang sudah sedia ada dalam negeri ini perlu-lah di-tambah lagi dengan lain2 kegiatan untok lebeh menarek perhatian pelanchong2.

Di-antara beberapa kegiatan yang di-hadapkan beliau itu termasok-lah projek penerbitan yang akan memberikan penerangan2 yang luas berhubong dengan Brunei; meninggikan taraf perusahaan hotel dan memberikan perhatian yang berat kapada perusahaan2 pekerjaan tangan tempatan.

Mengenai dengan sektor2 persendirian, Pengerusi Majlis itu, Awang Selamat bin Munap menyatakan bahawa surat2 undangan akan mula di-edarkan kapada mereka untok mengambil bahagian dalam satu mashuarat untok mendengar kegiatan2 dan chadangan2 mereka, khas-nya mengenai bidang2 pekerjaan bumi-putera negeri ini.

Di-antara yang akan di-undang itu termasok-lah Dewan Perniagaan Brunei, Dewan2 Perniagaan Melayu dan China, Bank2, persatuan2 perniagaan, sharikat2 dan orang2 yang membuka perusahaan2-nya sendiri.

Di-samping itu, kata-nya, mashuarat itu juga terbuka kapada orang2 yang membuka perniagaan2 sendiri termasok yang berniaga sa-chara kechil2an dan mereka juga di-bolehkan memberikan pendapat dan mengemukakan chadangan2.

Tenaga raayat sangat di-perlukan

(Dari muka 1)

Khidmat mereka itu nanti, sabda beliau, bukan saja merupakan satu sumbangan yang berharga buat negara dan raayat, tetapi juga adalah merupakan satu kerja yang berkebajikan yang di-kehendaki oleh Ugama kita yang menyuroh kita sentiasa bergerak dan berusaha bagi faedah hidup masharakat.

Dalam majlis dailog itu berbagai2 fikiran dan chadangan telah di-timbulkan oleh pendudok2 Daerah Temburong, termasok dari tuai2 rumah, ketua2 kampong dan penghulu2.

Chadangan2 untok menjadikan Daerah Temburong sa-bagai satu2-nya daerah pertanian di-negeri ini telah di-hadapkan dalam majlis itu.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar mensifatkan pendapat2 yang di-kemukakan itu sa-bagai pendapat2 yang benar2 mahu membangun dan menyabdakan bahawa pendapat2 mereka itu akan di-jadikan bahan dalam menyusun ranchangan kemajuan negara yang baru itu.

Tanah bukan untok di-jual

(*Dari muka 1*)

Pemangku Menteri Besar bersabda bahawa Kerajaan bukan tidak boleh berbuat demikian, tetapi dalam perengkat ini Kerajaan ingin memberi peluang kapada pemilek2 tanah itu supaya segera mengisikan tanah2 tersebut.

Beliau juga mengingatkan pendudok2 di-daerah itu supaya tidak berniat untok menjual tanah2 mereka itu, kerana jika berlaku penjualan itu, sabda-nya, ada-lah berarti menjual negara.

Dapat ijazah

(Dari muka 7)

ijazah B.A. (Honours) dalam jurusan Ilmu Bahasa (Linguistics) dari Fakulti Sastera, universiti yang sama.

Beliau ada-lah anak Brunei dari aliran persekolahan Melayu yang pertama lulus dua ijazah dari universiti seberang laut. Pada masa ini beliau berkhidmat sa-bagai Pegawai Bahasa di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Sementara itu, sa-orang lagi penuntut, Awang Ahmad bin Haji Jumat yang menuntut di-Universiti Al-Barta Canada telah mendapat ijazah lanjutan M.A. dalam pentadbiran Pelajaran atas dermasiswa Komenwel, Kerajaan Canada.

Sa-belum itu beliau juga telah mendapat ijazah Serjana Muda dari Universiti Malaya.

Peraduan melukis poster keselamatan jalan raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran akan menganjorkan peraduan melukis poster keselamatan jalan raya yang terbuka kapada penuntut2 sekolah2 rendah dan menengah termasok sekolah2 persediaan Inggeris, maktab2, sekolah2 Misi dan China di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, lukisan poster itu hendak-lah berukoran 22 inchi panjang dan 30 inchi lebar yang boleh di-lukis dengan warna atau hitam puteh.

Perkataan yang di-masokkan dalam lukisan itu hendak-lah berhubong dengan keselamatan jalan raya dengan menggunakan bahasa Melayu menurut ejaan sekolah.

Semua lukisan hendak-lah di-sahkan oleh guru besar atau pengetua yang juga di-kehendaki membuboh mohor di-belakang kertas lukisan itu.

Tiap2 sa-orang peserta hanya di-benarkan menghantar dua keping lukisan. Mereka hendak-lah menulis nama penoh, umor, tarikh lahir, darjah atau tingkatan, nama sekolah atau maktab di-belakang lukisan masing2.

Pemenang pertama dalam bahagian sekolah2 rendah akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak $150.00; kedua $100.00 dan ketiga $50.00, sementara pemenang pertama dalam bahagian sekolah menengah akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak $170.00; kedua $130.00 dan ketiga $90.00.

Semua lukisan poster hendak-lah di-alamatkan kapada Penyusun Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Rabu 23hb. Mei, 1973.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 20 RABU 16HB. MEI, 1973. 1393 رابو 13 ربيع الاخير PERCHUMA

HARGA BARANG2 SUKAR DI-ATASI SA-LAGI BRUNEI BELUM MENGELUARKAN HASIL PERTANIAN SENDIRI

TUTONG. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menjelaskan bahawa kenaikan harga barang2 sukar untok di-atasi sa-lagi Brunei belum mampu mengeluarkan hasil2 pertanian-nya sendiri.

Ketidak mampuan Brunei mengeluarkan hasil2 pertanian itu, sabda Y.A.M., tidak harus di-salahkan kapada Kerajaan, kerana Kerajaan sa-jauh ini telah berusaha dengan sa-daya upaya untok memperbesarkan gerakan2 pertanian itu, tetapi malang-nya tidak ramai raayat yang mahu mengusahakan bidang2 tersebut dengan bersunggoh2 dan sa-penoh masa.



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pg. Abd. Momin (no. 3 dari kanan) ketika mengulas beberapa chadangan yang di-kemukakan dalam majlis dailog di-Bandar Tutong. Bersama2 Y.A.M. dalam majlis itu ia-lah Pmk. S.U.K., Pengetua Pegawai JHEU, Pengarah Kerja Raya dan beberapa orang ahli J/K Peranchangan.

Mengulas satu chadangan supaya Kerajaan mengadakan sa-buah pejabat atau sa-buah badan untok mengawal harga barang2 itu, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara bersabda bahawa badan atau pejabat yang di-maksudkan itu tidak akan memberikan kesan dalam mengatasi kenaikan harga barang2 sama ada yang di-masokkan dari luar mahu pun dalam negeri ini.

Bersabda dalam majlis dailog di-Dewan Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong pada hari Ahad lepas, Yang Amat Mulia itu menegaskan bahawa pengeluaran barang2 tempatan maseh belum dapat mengimbangi keperluan raayat dan kerana itu-lah harga barang2 keperluan sa-hari2 itu saperti ikan, daging dan sayor2-an tidak tetap harga-nya.

Yang Amat Mulia itu memberi jaminan bahawa harga barang2 itu pasti akan murah jika kita terdaya mengeluarkan-nya sendiri.

Walau bagaimana pun, sabda Y.A.M. dengan keadaan yang demikian itu tidak-lah bermaana Kerajaan tidak menumpukan perhatan ka-arah itu, bahkan usaha2 akan terus menerus di-jalankan di-samping memikirkan untok mengusahakan bagi membuka satu perojek pertanian sa-chara besar2an yang di-kehendaki akan dapat di-kendalikan oleh raayat negeri ini sendiri.

Sabab itu-lah sabda Y.A.M. lagi, dailog2 yang di-adakan itu tidak hanya untok mendengar chadangan2 dan fikiran2 raayat, tetapi juga untok meninjau kesanggupan raayat dalam menyertai bidang2 yang besar yang akan di-laksanakan oleh Ranchangan Kemajuan Negara yang baru yang hendak di-susun itu.

Mengenai chadangan untok mengadakan bangunan "cold-storage" bagi menyimpan hasil tangkapan nelayan2, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu bersabda bahawa Kerajaan tidak berkeberatan untok mengadakan-nya, dan Y.A.M. bersedia mengarahkan dengan serta-merta kapada pegawai yang berkenaan yang juga hadhir dalam majlis itu untok melaksanakan pembinaan-nya dengan segera, jika nelayan2 di-negeri ini benar2 mampu mengisikan "cold-storage" itu dengan tidak putus2-nya.

Menurut Y.A.M., tempat2 menyimpan ikan saperti itu bukan tidak ada di-Brunei, tetapi ia-nya hanya berisi kadang-kala sahaja. Walau macham-mana pun, sabda Y.A.M., jika nelayan2 di-daerah2 negeri ini dapat memberikan jaminan untok mengisikan-nya maka bangunan itu boleh di-adakan dengan segera.

Kerajaan senentiasa menerima tegoran2 yang berfaedah

TUTONG. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz dengan tegas menerangkan dalam majlis dailog di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah senentiasa bersedia menerima tegoran2 atau kritik2 dalam apa jua perkara asalkan yang di-kritik itu merupakan perkara yang betul dan untok faedah2 raayat.

Menghargakan pandangan sa-orang peserta yang meyakini Kerajaan memang mengamalkan dasar2 demokrasi dengan ada-nya majlis2 dailog dengan raayat itu, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berharap supaya raayat negeri ini tidak akan takut2 dalam menghadapkan apa jua fikiran dan chadangan untok faedah raayat dan negara.

Beliau berkata, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sendiri pernah bertitah ka-seluroh raayat Baginda supaya sama2 menyumbangkan fikiran2 demi kepentingan rayaat dan negara.

Pemangku Menteri Besar sendiri, kata beliau, sering kali bersabda bahawa dailog saperti itu di-adakan ada-lah semata2 kerana Allah dan dengan chara dari hati ka-hati.

(Lihat muka 5)

Majlis dailog di-Lumapas 18hb. Mei

PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail akan berangkat ka-Kampong Lumapas pada hari Jumaat ini untok mendapatkan fikiran2 dan chadangan2 dari pendudok2 Kampong itu bagi melengkapkan ranchangan kemajuan negara yang di-susun nanti.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu akan di-temani juga oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, Setia Peranchangan Kema-

(Lihat Muka 8)

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

SEMANGAT "MEMUCHANG2" PATUT DI-AMALKAN OLEH JENERASI SEKARANG

SUNGAI HANCHING. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Hj. Ismail menyesali sikap sa-bilangan raayat dan pendudok negeri ini yang maseh juga berharap kapada Kerajaan dalam perkara2 yang boleh di-lakukan mereka sendiri.

Y.A.M. itu bersabda bahawa maseh banyak lagi yang bersikap bertanya apa yang patut Kerajaan buat, tetapi tidak banyak yang mahu bertanya kapada diri sendiri apa yang telah mereka usahakan sa-lama ini untok kebajikan mereka masing2 dan masharakat umum.

Bersabda di-majlis dailog di-Mesjid Sungai Hanching pada hari Jumaat lepas, Pemangku Menteri Besar itu menegaskan bahawa semangat "memuchang2" yang di-amalkan oleh datok-nenek kita di-Brunei dahulu sekarang ini sudah hampir2 malap.

Menurut Y.A.M. itu bahawa semangat datok-nenek kita itu-lah yang patut di-amalkan oleh jenerasi Brunei yang ada sekarang ini dengan menunjokkan usaha2 sendiri terlebeh dahulu, khas-nya dalam lapangan2 pertanian.

Raayat dan pendudok negeri ini, sabda Y.A.M., patut benar menunjokkan semangat itu dengan mengusahakan bidang2 pertanian mereka terlebeh dahulu dan hanya satelah benar2 mereka tidak terdaya meneruskan usaha2 itu, baru-lah memuhonkan bantuan kapada Kerajaan.


Y.A.M. itu bersabda bahawa dalam soal meneruskan usaha2 raayat yang sa-umpama itu, Kerajaan akan sentiasa bersedia memberikan bantuan2 yang di-perlukan yang sesuai dengan hasrat ranchangan kemajuan negara yang berusaha untok meninggikan nilai pembangunan masharakat negeri ini.

Mengulas tentang pembekalan jentera2 kobota kapada pesawah2 di-Kampong Sungai Hanching dan sekitar-nya, Yang Amat Mulia itu menasihatkan supaya mereka berkongsi untok membeli sendiri jentera tersebut daripada menunggu giliran pembekalannya dari Jabatan Pertanian.

Sementara itu, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian, Awang Abdul Hamid bin Jaafar telah memberikan bayangan bagaimana petani2 luar negeri melaksanakan usaha2 mereka dengan tidak mengharapkan kerajaan.

Mengulas saranan sa-orang pendudok tentang kurang-nya raayat menanam padi bersebab dari ketiadaan pemasarannya di-negeri ini, Awang Abdul Hamid menegaskan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui perkhidmatan setor2 dan perbekalan negara, sejak tahun 1954 lagi telah bersedia membeli beras2 yang di-usahakan petani2 di-negeri ini.

Tetapi, kata beliau, hanya akhir2 ini saja baru ada petani2 tempatan yang menjual beras mereka ka-jabatan itu dan mereka ini pula datang-nya hanya dari Daerah2 Belait dan Temburong.



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin (no. 3 dari kanan) dalam majlis dailog di-Sungai Hanching. Di-sebelah kanan Y.A.M. ia-lah Pmk. S.U.K., Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz, Awg. Selamat Munap, Awg. Yaakub Ahmad dan Awg. Zakaria Haji Sulaiman. Nombor dua dari kanan ia-lah Awg. Abd. Hamid Jaafar dan di-kanan sekali ia-lah Awg. Umar bin Haji Seruddin.

Majalah tafsir siri ke-17

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-17 terbitan Jabatan Hal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sanaskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (185) hingga (195) dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Mengadakan kilang merupakan perkara mudah—Pmk S.U.K.

SUNGAI HANCHING. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa soal mengadakan kilang2 aneka perusahaan untok memproses hasil2 pertanian di-negeri ini ada-lah merupakan satu perkara yang mudah.

Beliau berkata, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bila2 masa pun boleh mendirikan kilang2 sapertimana yang banyak di-timbulkan dalam beberapa majlis dailog yang telah di-adakan sa-jauh ini.

Tetapi, tegas beliau, apa yang perlu di-lakukan terlebeh dahulu untok menchapai maksud itu ia-lah soal kemampuan penyertaan raayat dan pendudok negeri ini, sama ada dari segi sumbangan2 tenaga dan lebeh2 lagi tentang kesanggupan pengeluaran hasil mahsol pertanian dari tenaga mereka sendiri.

Mengenai dengan masa-alah ini, Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menyeru orang ramai supaya sama2 memikirkan patut tidak-nya kilang2 itu di-dirikan dan apakah ia-nya nanti benar2 mendatangkan faedah kapada masharakat dan negara.

Di-samping menyeru orang ramai sama2 memikirkan dari segi peranan2 yang boleh di-jalankan oleh raayat negeri ini apabila kilang2 itu di-adakan nanti. Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu juga menyeru ibu bapa, sa-bagai yang bertanggong jawab terhadap kesempurnaan anak2 mereka, supaya menyaksikan anak2 mereka itu sama ada mereka sanggup berkechimpong dalam lapangan perkilangan itu.

Menurut beliau bahawa ranchangan kemajuan negara yang hendak di-susun itu ada-lah berkehendakkan penyertaan raayat dan pendudok negeri ini sendiri untok mengadakan segala bidang.

Dalam majlis dailog di-Kampong Sungai Hanching pada hari Jumaat lepas itu, beliau menegaskan bahawa ada-lah maseh merupakan satu perkara yang tidak berfaedah jika projek2 dari ranchangan itu nanti di-kerjakan oleh orang2 yang bukan raayat dan pendudok negeri ini.

Kerana itu, tegas beliau, dalam waktu ini kita perlu mendapatkan semangat angkatan2 muda yang ada sekarang termasok penuntut2 lepasan L.C.E. untok berkesanggupan memegang changkul dan berkhidmat kapada tanah.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu khuatir atas sikap sa-tengah2 angkatan yang ada sekarang ini yang di-katakan beliau tidak menampakkan kechenderongan untok meneruskan usaha2 datok-nenek mereka.

Beliau memberi misalan bahawa bertukangan perak pada masa ini hanya di-usahaka oleh orang2 yang sudah lama dan harus perusahaan itu akan hilang terus jika jenerasi yang ada sekarang ini tidak mahu menyambong lapangan itu.

Beliau menyeru raayat dan pendudok negeri ini supaya bersikap memandang jauh ka-depan pada memikirkan kebahagiaan jenerasi Brunei yang akan datang dengan melipat-gandakan usaha2 bagi mempertinggikan lagi kemakmoran negara yang sedang di-nikmati sekarang ini.

569 mendaftar untok naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Haji, sa-takat ini telah menerima pendaftaran sa-ramai 542 orang Islam yang ingin menunaikan fardhu haji ka-Mekah dengan kapal terbang dalam musim haji tahun 1973/74.

Dari jumlah itu 460 orang orang dari Daerah Brunei-Muara; 28 dari Daerah Belait; 45 dari Daerah Tutong dan 8 dari Daerah Temburong.

Ini ada-lah merupakan bilangan terbesar yang akan ke-Mekah dengan kapal terbang pernah di-daftarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sa-orang juruchakap di-jabatan itu berkata, Jabatan Hal Ehwal Ugama juga telah menerima pendaftaran 27 orang Islam di-Daerah Brunei-Muara yang akan menunaikan haji dengan kapal laut.

Juruchakap itu, meminta kapada mereka yang ingin menunaikan fardhu haji dengan kapal terbang dan kapal laut supaya menyampaikan permohonan mereka kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama di-daerah masing2 tidak lewat dari pukol 3.30 petang 17hb. Mei esok.



Dayang Jaliah binte Jaluddin (gambar atas) dan Awang Yunos bin Taha (bawah) masing2 telah berjaya menjadi johan dalam peraduan sharahan dan membacha Quran Sekolah2 Ugama Daerah Temburong.

Dayang Jaliah akan mewakili daerah itu dalam peraduan sharahan perengkat negeri sementara Awang Yunos akan mewakili daerah itu dalam peraduan membacha Quran bahagian Kumpulan A. — Gambar2 JHEU/BP.

PERPECHAHAN FAKTOR UTAMA YANG MEMBAWA KEJATOHAN SA-SUATU UMAT

SATU2-NYA jalan yang paling utama bagi menegakkan kemajuan dan sa-kuat2 sukongan untok menchapai kesenangan, kemuliaan dan kemegahan itu ia-lah bersatu hati, bersatu suara dan bekerjasama pada menunaikan muslihat am. Tiap2 umat yang berjalan di-atas dasar2 tersebut tak dapat tiada lahir-lah kemajuan, kebesaran dan kuat pendirian serta kuat pengaroh-nya hingga dapat ia menchapai kemakmoran, keamanan, keselamatan dan kebahagiaan.

Sabalek-nya tiap2 umat yang berpechah-belah, tiada bersatu hati, tiada bersatu suara, tiada bekerjasama tentu-lah mengalami kemundoran, ketinggalan, lemah, tiada pengaroh, bahkan membawa runtoh peribadi-nya jadi rendah akhir-nya di-timpa oleh sengsara, kerugian dan kekalahan.

Kerana itu-lah Allah Subhanahu-Wataala menyuroh manusia supaya beramah-mesera, bermuapakat, bekerjasama, tulong-menulong dan bersatu hati serta menegah mereka itu daripada berbantah2an yang menerbitkan dendam dan benchi yang membawa kapada perpechahan, firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Berpegang-lah kamu sekalian kapada ugama Allah dan jangan-lah kamu berpechah-belah".

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

"Dan jangan-lah kamu berbantah2 (maka jika kamu berbantah2) neschaya kamu tiada berjaya dan lenyap-lah kekuatan kamu dan hendak-lah kamu sabar (kapada segala chubaan dan rintangan) kerana bahawasa-nya Allah Taala menyertai orang2 yang sabar (pada menunaikan kewajipan-nya)".

Kalau kita menyelideki jatoh bangun-nya sa-suatu umat di-dalam perjalanan sejarah neschaya akan kita dapati bahawa di-sana terdapat chuntoh dan tauladan yang amat berguna bagi renongan kita. Faktor yang paling utama yang membawa kejatohan sa-suatu umat itu ia-lah perpechahan sa-sama mereka dan faktor utama yang membawa bangun-nya sa-suatu umat itu ia-lah persatuan yang kukoh antara mereka. Lihat-lah umat Arab di-zaman jahiliah mereka itu di-dalam keadaan kuchar-kachir, bermusoh2an, berpechah-belah, beragama menyembah berhala, tidak ada shari'at yang menyekat mereka daripada perbuatan kejahatan dan maksiat, akibat-nya mereka menjadi umat yang mundor dan lemah.

Tetapi manakala Islam lahir di-kalangan mereka membawa shari'at dan atoran beribadah kapada Allah, pergaulan, iktisad, pengetahuan dan tadbir siasah mengator kehidupan manusia, dan umat Arab memelok Ugama Islam beserta menurut kehendak2 surohan dan tegahan ugama, berseh hati dari penyakit dendam hasad dengki, benchi-membenchi dan timbul perasaan muhibbah, tulus ikhlas bersatu hati dan bekerjasama antara satu dengan lain, maka timbul-lah satu kebangkitan diri umat Arab menjadi satu umat Islam yang kukoh, kuat, berpengaroh, aman dan makmor, luas ilmu pengetahuan dan memegang pimpinan di-kalangan bangsa2 di-dunia. Tetapi sa-sudah beratus2 tahun menjadi kuasa besar di-dunia akhir-nya umat Islam itu berpechah sama sendiri, berdendam2an sa-sama sendiri, berperang dan bermusoh2an sa-sama sendiri, akibat-nya mereka menjadi lemah, hilang pengaroh, hilang kebesaran dan kemegahan, maka bangkit-lah umat2 lain yang lebeh kuat persatuan-nya dan kukoh kerjasama-nya menjadi umat2 yang paling maju dan megah di-dunia.

Sa-bagaimana yang kita ketahui bahawa di-antara matalamat Ranchangan Kemajuan Negara yang baru ia-lah untok membentok sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu, maka dalam hubongan ini mari-lah kita berusaha bekerjasama pada membetulkan diri kita dari segi jasmani dan rohani dan memperbaiki pergaulan dan kehidupan kita berpandukan ajaran2 ugama Islam. Kita hendak-lah menjauhkan perselisehan yang akan membawa merbahaya dan berpechah-belah dan mari-lah bersatu hati, mengikis rasa hasad dengki, memupok kerjasama demi untok kepentingan kita bersama. Mudah2-an Allah memberi rahmat dan terlepas dari bahaya2 dunia dan akhirat.

KHUTBAH JUMA'AT



Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16hb. Mei, 1973 hingga ka-hari Selasa 22hb. Mei, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
16hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
17hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
18hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
19hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
20hb. Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05
22hb. Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
21hb. Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(16hb. Mei, 1973.)

MASAALAH YG. DI-HADAPI

MASAALAH2 raayat sekarang semakin lantang kedengaran berikutan dengan ada-nya peluang2 raayat mengutarakan fikiran2 dalam majlis2 dailog antara pehak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang di-ketuai oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dengan raayat jelata.

Sunggoh pun majlis2 dailog itu di-maksudkan untok mendapatkan fikiran2 raayat tentang apa chara yang paling berkesan untok memajukan negara dan raayat, namun demikian banyak juga yang timbul tentang masaalah2 persendirian.

Dalam pada itu masaalah2 persendirian ini di-dengarkan juga oleh rombongan berdailog itu dan mana-lah tahu dari masaalah2 persendirian yang di-timbu'kan itu boleh menimbulkan ilham bagi mengemaskan penyusunan ranchangan kemajuan negara.

Di-antara masaalah2 yang menjadi kemuskilan raayat ia-lah tentang harga barang2 yang di-khuatirkan mendatangkan kesusahan dan kepayahan kapada keluarga2 yang berpendapatan rendah untok menyara hidup orang2 yang di-tanggongi-nya.

Bukan saja raayat biasa, bahkan orang2 dalam Kerajaan sendiri pun, termasok pegawai2 atasan memang merasakan kenaikan harga barang2 itu. Sabagai manusia, pegawai2 atasan itu pun, sama berkehendakkan keperluan2 hidup saperti mana yang di-alami oleh orang yang banyak.

Mengatakan orang yang berpendapatan tinggi termasok pegawai2 Kerajaan tidak mengindahkan kenaikan harga barang2 itu lantaran gaji mereka besar2 ada-lah satu anggapan yang kurang baik dan boleh menimbulkan perasangka2 yang pegawai2 tinggi Kerajaan itu tidak mengambil berat tentang hal ini.

Apa yang kita tahu, pegawai2 tinggi Kerajaan yang berkenaan yang juga pandai makan, minum, berkehendakkan ikan dan sayor2an yang sa-chara l a n g s o n k juga turut merasakan kepayahan2 raayat itu telah melaksanakan beberapa ikhtiar2 sa-hingga memikirkan terhadap penggubalan undang2 yang khusus mengenai dengan harga barang2 tersebut. Bahkan tindakan2 amaran kapada pekedai2, misal-nya, telah pun di-laksanakan. Dari tindakan2 ini pula serba sedikit telah mendatangkan kesan yang menggembirakan kerana pekedai2 itu di-belanggu dari menaikkan harga barang2 sa-suka hati mereka sapertimana yang banyak di-dakwa oleh orang ramai.

Dalam masaalah ini, antara Kerajaan dan peniaga2, perundingan2 boleh di-jalankan dan peniaga2 itu tidak akan dapat berbuat apa2 jika kerajaan mengambil satu2 keputusan bagi kepentingan raayat yang banyak.

Tetapi satu hal yang harus kita fikirkan sa-masak2-nya ia-lah soal kedudokan negara kita sekarang yang hampir keseluruhan keperluan2 kita sa-hari2-an di-masokkan dari luar negeri. Ini bermaana, kita mengharap kapada negara2 luar yang

(Lihat muka 5)

PENUBOHAN BADAN KEBUDAYAAN UNTOK MENINGGIKAN KEBUDAYAAN MELAYU BRUNEI



Sa-bahagian daripada pelateh2 Badan Kebudayaan Brunei sedang belajar tarian anding.

OLEH: AWANG ALIDIN OTHMAN

BADAN Kebudayaan Brunei telah di-tubohkan pada 15hb. Julai, 1971 menurut peratoran2 Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya di-bawah kuasa Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Ahli2 Jawatankuasa-nya terdiri daripada:

Penasehat: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Ag. Hj. Md. Jamil Al-Sufri, Pengarah, Dewan Bahasa & Pustaka, Brunei.

Pengerusi Tetap: Awang Mahmud bin Haji Bakvr,

Pengerusi: Awang Ahmad Sohaimi bin Abdul Jalil,

Setia Usaha: Awang Ahmad bin Abdul Ghafar,

Ahli2 Jawatankuasa: Awg. Md. Sum bin Hashim, Pg. Asmalee bin Pg. Ahmad, Dayang Sahara binte Ahmad, Dayang Hafsah binte Haji Sahari, dan Awang Masri bin Rauf.

Perunding: Pg. Asmalee bin Pg. Ahmad.

Jurulateh Tarian: Dy. Sahara binte Ahmad, Ak. Metassan bin Pg. Besar, Dk. Rohani binte Pg. Tajuddin.

Silat: Awg. Idris bin Metussin, Awang bin Timbang dan Awang Adinin bin Mayalin.

Bunyi-bunyain Asli: Awg. Umar Ismail dan Awang Mayalin bin Rendah.

Tujuan utama Badan ini di-tubohkan ia-lah untok memperkembangkan dan meninggikan nilai kebudayaan Brunei keselurohan-nya. Demikian menurut penjelasan Pengerusi-nya, Awang Ahmad Sohaimi dalam pertemuan dengan beliau baru2 ini. Tujuan ini bersesuaian sekali dengan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru, yang mana salah satu dari matalamat-nya ia-lah "akan memupok dan memperluaskan kebudayaan Melayu Brunei termasok adat istiadat, menuju satu identiti Negara Brunei".

Badan ini terbahagi kapada beberapa bahagian termasok tarian, permaianan alat2 bunyi2an asli Brunei, ia-itu gulintangan dan silat. Di-antara ketiga2 bahagian ini tarian ada-lah yang paling popular dengan pelateh2-nya terdiri daripada 96 orang lelaki dan perempuan. gulintangan saramai 60 orang dan silat saramai 36 orang.

Awang Ahmad Sohaimi menerangkan sa-lanjut-nya bahawa sa-takat ini Badan ini belum lagi melateh belia2 dalam bidang drama kerana kegiatan lebeh di-tumpukan kapada silat, alat bunyi2an asli Brunei dan juga tarian asli Brunei.

Latehan2 di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad. Latehan bahagian tarian di-adakan di-Bilek Kuliah manakala silat dan bunyi2an asli pula di-adakan di-Tingkat Tiga.

Awang Ahmad Sohaimi menyatakan bahawa sa-takat ini beliau sunggoh berpuas hati dengan kemajuan yang telah di-chapai oleh Badan ini.

Dalam bahagian tarian Badan ini telah dapat mengajar lima tarian asli Brunei dan dalam bahagian silat pula sudah sampai ka-peringkat menengah. Di-samping itu lebeh kurang sa-puloh atau dua puloh orang telah pun memasoki ka-peringkat tertinggi. Dalam bahagian bunyi2an, ahli2 di-bahagikan kapada dua kumpulan dengan tiap2 kumpulan mengandongi enam orang. Dari kesemua bahagian2 ini, latehan dalam gulintangan ada-lah latehan yang paling berat sa-kali dan mengambil masa yang agak lama untok mempelajari-nya.

Latehan2 di-adakan untok menyalorkan kebudayaan Brunei yang tulin yang tidak di-modenkan atau di-champor-adokkan dengan kebudayaan asing.

Bagaimanakah chara ini boleh di-jalankan?. Untok memberikan latehan kapada pelateh2, ada-lah di-jalankan dengan chara berperingkat2. Mula2 ia-lah dengan chara menyiasat dan menyelidek tujuan dan sejarah yang berhubong dengan sa-suatu siri kebudayaan itu.

Kemudian di-pelajari daripada orang tua2 saperti tarian di- pelajari tentang langkah2 dan chorak2-nya dan kemudian di-ajarkan kapada pelateh2 itu sa-lepas mempelajari tarian itu di-harapkan pula akan dapat mengajar kapada orang lain samada di-persatuan2, sekolah2, maktab2 atau pun di-kampong mereka sendiri. Chara ini juga di-harap akan dapat mengurangkan penchemaran kebudayaan terutama sekali dalam sa-buah negeri yang sedang membangun saperti Brunei.

Di-masa2 yang akan datang, Badan Kebudayaan Brunei memang bertujuan mengadakan pertunjokan di-pesta2 keramaian atau pun atas undangan pehak2 tertentu, apabila ahli2-nya telah menjalani latehan2 yang chukop. Umpama-nya sa-masa menyambut pesta hari pelajar 1973 yang akan datang, Badan ini akan menghantar satu kumpulan ahli2-nya yang akan memainkan gulintangan. Mereka ini terdiri dari murid2 sekolah yang sudah di-lateh oleh Badan ini dan akan bermain di-hari pembukaan nanti. Badan ini juga berharap akan dapat mengambil bahagian dalam perayaan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada bulan Julai yang akan datang.

Badan ini akan berusaha untok menambahkan pengenalan kebudayaan asli Brunei di-kalangan antarabangsa dengan chara menguruskan dan mengangjorkan pertukaran timbul-balek kebudayaan dengan negara2 lain melalui badan2 antarabangsa.

Menyentoh tentang keahlian pula, Awang Ahmad Sohaimi menerangkan sa-siapa yang ingin menjadi ahli boleh-lah berhubong dengan beliau sendiri dan nama-nya akan di-daftarkan. Sa-lepas itu ia akan di-suroh memilih bahagian2 yang ia berminat, samada ia ingin memasoki latehan silat, bunyi2an asli atau tarian asli. Sa-lepas membuat pilehan, nama-nya akan di-daftarkan da-

(Lihat muka 5)

AYER AKAN DI-BEKALKAN SA-PENOH-NYA DALAM MINGGU INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Raayat dan pendudok2 di-sekitar Bandar Seri Begawan akan menerima bekalan ayer sa-chara sa-penoh-nya dalam minggu ini berikutan dengan sempurna-nya di-laksanakan pembinaan projek bekalan ayer di-Layong. Keselurohan rangkaian pembinaan projek tersebut menelan perbelanjaan kira2 empat puloh juta ringgit.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah berangkat melawat ka-projek bekalan ayer di-Layong itu baru2 ini untok meninjau ka-sekitar projek tersebut.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah yang menjadi sa-orang pegawai pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajan telah juga turut berangkat melawat ka-projek itu dengan di-temani oleh Pengarah Kerja Raya, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish dan Pegawai Kanan Penulong Kewangan Negara, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila, Dato Paduka Awang Husin.


Ketibaan rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar ka-projek itu telah di-alu2kan oleh Jurutera Perunding Pembinaan Projek tersebut, Awg. Scarlet.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara bersabda bahawa dengan izin Allah dan berkat usaha yang gigih Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bagi kepentingan raayat dan pendudok negeri ini, maka projek itu telah dapat di-siapkan dua bulan lebeh awal dari yang di-jangkakan.

Y.A.M. bersabda bahawa satu pengumuman rasmi akan di-buat oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bagi mengishtiharkan pengaliran dan penggunaan ayer itu ka-Bandar Seri Begawan dan sekitar-nya.

Y.A.M. bersabda bahawa pada masa ini gerakan2 kerja untok membersehkan tangki2 yang di-letakkan di-beberapa tempat dan pembersehan serta pembubohan ubat-nya telah pun di-laksanakan.

Mengenai dengan bekalan2 ayer di-lain2 tempat, Jurutera Perunding, Awang Scarlet memberitahu Y.A.M. bahawa penyaloran bekalan ayer ka-Pekan Muara akan dapat di-siapkan pada penghujong bulan Julai, sementara ka-Bandar Tutong akan siapa pada penghujong bulan Ogos.



Gambar atas menunjokkan kolam yang mengandongi ayer yang sudah di-buboh ubat. Ayer itu-lah yang akan di-salorkan ka-Bandar Seri Begawan dan kawasan sekitar-nya dalam minggu ini.

Siapa saja boleh menjadi ahli B. K. B.

(Dari muka 4)

lam bahagian yang di-pilehnya dan ia di-kehendaki hadhir pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad untok mengikuti latehan dengan juru2 lateh yang tertentu.

Sambutan orang ramai yang memohon untok menjadi ahli sunggoh2 menggalakkan hinggakan pada suatu masa dulu pemohon2 ini di-minta supaya "menunggu" dahulu buat sementara waktu.

Bagaimana pun mengikut Awg. Ahmad Sohaimi sa-terus-nya tiga bulan latehan2 di-jalankan, bilangan ahli2 sudah mulai berkurang. Bila di-tanya apa-kah ahli2 yang tidak hadhir mengikuti latehan2 akan di-berhentikan menjadi ahli? Beliau menerangakan bahawa perkara ini bergantong-lah kapada keadaan. Jika sa-seorang ahli itu tidak menghadhiri latehan kerana benar2 terlalu sebok, maka ia boleh-lah di-maafkan.

Akan tetapi jika sa-seorang ahli menghadhiri latehan mengikut 'mood' atau yang 'hangat-hangat tahi ayam' atau ada yang mula2 hadhir tetapi apabila di-rasakan-nya latehan itu 'susah' dan melenyapkan diri, maka orang2 sa-perti ini tidak lagi di-galakkan menjadi ahli dan mengikuti latehan2 sa-lanjut-nya.

Satu perkara yang menarek perhatian bagi orang2 yang ingin menjadi ahli ia-lah Badan ini tidak menghadkan keahlian-nya kapada mana2 kaum atau puak tertentu tetapi siapa sahaja yang ada menaroh minat tentang kebudayaan Brunei ada-lah sentiasa di-alu2kan atau dalam kata2 Awang Ahmad Sohaimi sendiri "kechil tapak tangan, nyiru kami tadahkan".

Untok itu pada masa ini Badan Kebudayaan Brunei telah pun menawarkan keahlian baru kapada sa-siapa sahaja yang ingin menjadi ahli, terutama sekali kapada mereka yang tidak sempat di-daftarkan menjadi ahli dahulu ada-lah di-jemput supaya mendaftarkan nama2 mereka kapada beliau atau kapada ahli2 jawatankuasa.

Untok pengetahuan mereka yang belum menjadi ahli bahawa mereka tidak perlu membawa pakaian2 khas atau alat2 sa-masa mengikuti latehan2. Mereka hanya perlu hadhir kerana segala keperluan untok latehan ada-lah di-sediakan dan ada kemungkinan Badan ini sendiri akan memberi pakaian untok tarian dan silat.

Buat masa ini belum dapat di-pastikan samada Badan ini akan membuka chawangan2 di-daerah2 lain di-negeri ini, akan tetapi ahli2 di-luar dari Daerah Brunei dan Muara akan di-undang untok berlateh di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Semoga dengan usaha2 yang di-jalankan oleh Badan Kebudayaan Brunei dan juga sukongan dari orang ramai akan dapat membawa kapada terchapai-nya tujuan dan matlamat yang di-chita2-kan, khas-nya pada mendukong dan memperluaskan kebudayaan Brunei yang mengambil peranan penting dalam mengukohkan identiti negara.

(Dari muka 4)

mana arus turun naik-nya harga barang2 itu ternyata bukan di-tangan kita. bahkan di-tangan mereka.

Namun demikian, soal turun naik-nya harga barang2 itu bukan-lah menurut kehendak sa-suka hati pehak2 negara pengeluar barang2 itu. Harga2 itu hanya di-ishtiharkan turun atau naik sa-telah ia-nya di-kaji dalam beberapa aspek saperti kedudokan pengeluaran yang rendah sedangkan manusia maseh tetap tumboh tanpa berhenti, walau pun sudah ada perancangan keluarga.

Manusia bertambah dengan pesat-nya yang semua-nya berkehendakkan supaya mulut masing2 di-isikan pada sa-tiap hari. Tetapi nampak-nya, berikutan dengan kekurangan pengeluaran itu, sa-olah2 memberikan satu bayangan kapada kita betapa kurang-nya manusia berkhidmat kapada tanah atau pun tanah2 di-dunia ini sudah tidak ada lagi yang hendak di-isikan.

Tetapi di-negara kita ini, maseh dapat di-katakan belum lagi kekeringan tanah, bahkan raayat sendiri beribu2 orang yang mempunyai tanah, tetapi tidak banyak yang di-usahakan. Oleh itu jika tanah2 yang ada di-negeri ini di-usahakan bersunggoh2 sudah tentu ia-nya tidak merupakan masaalah yang besar dalam membekalkan keperluan2 kita sendiri.

Mudah2an lebeh banyak raayat yang menyedari kedudokan yang kita sebutkan itu. Dan untok mengelakkan diri kita dari belanggu seksa hidup saperti itu, maka harus-lah kita sama2 menghormati tanah yang di-kurniakan Allah untok kita berhidup dengan selisa-nya.

RKN untok kepentingan raayat

Dari muka 1

Dengan itu, kata beliau, raayat tidak harus menyimpan sa-barang kekhuatiran bila menghadapkan sa-barang pendapat atau fikiran, kerana tujuan yang sabenar-nya ada-lah sa-mata2 untok meneliti kemahuan dan keperluan2 raayat untok di-jadikan bahan dalam menyusun ranchangan kemajuan negara yang baru itu.

Ranchangan Kemajuan Negara itu, kata-nya, ada-lah semata2 untok raayat dan jika keperluan2 raayat itu tidak termasok dalam ranchangan tersebut, maka ranchangan itu tidak akan berfaedah.

Oleh itu, kata beliau lagi, sa-barang kekhuatiran pada menghadapkan apa jua pendapat dan fikiran, apa lagi menyangka yang rombongan2 dailog itu untok mengintip, hendak-lah di-kikis dari fikiran raayat. Beliau menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan menangkap tanpa kesalahan, jauh sekali hendak menangkap orang2 yang menghadapkan fikiran2 dalam majlis2 dailog itu.

Beliau juga menyentoh kebebasan berchakap di-negeri ini yang di-harapkan-nya akan dapat di-pergunakan oleh raayat kapada perkara2 yang berfaedah dan menjauhkan diri dari mempergunakan kebebasan itu kapada tujuan2 yang merosak dan memporak-perandakan raayat.


Menerangkan tentang penolakan pemakaian ejaan baru di-Brunei, Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menyeru raayat supaya tidak bimbang, kerana Kerajaan Duli Yang Maha Mulia lebeh menyedari dan mengutamakan kepentingan raayat negeri ini.

Di-samping menyatakan ejaan baru itu tidak kena-mengena dengan Brunei, beliau juga menegaskan bahawa urusan2 sedang giat di-usahakan tentang masaalah2 pepereksaan di-sekolah2 negeri ini menurut kepentingan2 kita sendiri dengan tidak menggantongkan harapan kapada negeri lain.

Perkara ini, tegas beliau, ada-lah merupakan tugas utama yang sedang giat di-usahakan oleh Surohanjaya Pelajaran yang sudah pun di-tubohkan.

Menerangkan tentang pembinaan bangunan2 kedai yang di-khaskan kapada orang2 Melayu, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berkata, sabagaimana yang di-hasratkan

(Lihat Muka 8)





Insp. Awang Yahya bin Haji Tinggal (gambar atas), manakala gambar kiri menunjokkan bangunan balai pulis lapangan terbang yang baru di-Jalan Berakas.

Rekrut2 Pulis di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pulis Diraja Brunei menghendaki rekrut2 baru bagi memulakan latehan awal bulan Julai hadapan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Brunei dan maseh bujang berumor antara 18 dan 28 tahun, ukoran badan sa-kurang2-nya 5 kaki, 2 inchi tinggi, sehat dan mempunyai kelulusan persekolahan tidak kurang dari darjah VI sekolah Melayu atau Inggeris.

Pemohon2 yang mempunyai ukoran badan dan kelayakkan yang lebeh baik ada-lah di-utamakan.

Butir2 lanjut mengenai gaji dan keadaan berkerja boleh di-dapati di-sebarang Balai Pulis sa-masa memohon.

Pemohon2 mesti-lah menghadhiri temu-duga yang akan di-laksanakan oleh Pegawai Pengambilan di-balai2 pulis yang berikut:-

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawang pada hari Sabtu, 19hb. Mei jam 8.00 pagi.

Di-Balai Pulis Bangar, Temburong pada hari Isnin, 21hb. Mei 8.00 pagi.

Balai Pulis Tutong pada hari Selasa, 22hb. Mei jam 8.00 pagi.

Balai Pulis Seria pada hari Rabu, 23hb. Mei jam 8.00 pagi dan di-Balai Pulis Kuala Belait pada hari yang sama, jam 2.00 petang.

Semua pemohon2 di-kehendaki membawa kad2 pengenalan, surat2 beranak dan sijil2 persekolahan.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

BALAI Pulis Lapangan Terbang Antara Bangsa yang baru telah mula menjalankan perkhidmatan-nya pada 5hb. Mei.

Balai Pulis khas untok perkhidmatan Lapangan Terbang Antara Bangsa itu terletak dekat jalan bulatan simpang Jalan Muara yang tidak berapa jauh dari lapangan terbang tersebut.

Ia-nya di-kendalikan oleh 26 orang anggota2 pulis termasok sa-orang Sergant dan tiga orang Kopral yang di-ketuai oleh Inspector Awang Yahya bin Haji Tinggal.

Balai Pulis itu mengandongi dua blok rumah, 12 unit tiap2 satu dan sa-buah rumah kelas E untok Inspector.

Penulong Pesurohjaya Pulis, Dato C.T. Miller dan Pegawai Pemerentah Pulis Daerah, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar ada-lah di-antara pegawai2 Pulis yang melawat Balai Pulis itu baru2 ini.



Umpo anak Anting

PULIS Diraja Brunei di-Daerah Temburong ingin menemui Umpo anak Anting yang mereka perchaya dapat membantu mereka dalam penyiasatan mengenai dengan satu laporan pechah-rumah yang berlaku di-Kampong Puni, Daerah Temburong pada malam 5hb./6hb. Dis. 1972.

Umpo anak Anting berumor 22 tahun dan di-lahirkan di-Sibu.

Pendudok2 Ulu Belait di-beri penerangan mengenai RKN

ULU BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar pada minggu lalu, telah mengadakan lawatan ka Ulu Belait bagi meninjau pendudok2 di-rumah2 panjang Melilas, Buau dan Bukit Teraja.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara telah di-temani oleh Penulong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif; Pegawai Tanah Daerah Belait, Pengiran Alihassan bin Pengiran Haji Abas; Penulong Penguasa Pulis, Awang Alias bin Ahmad; Penulong Penguasa Pulis, Awang Mustapha bin Ahmad, kedua2-nya dari Balai Pulis Penaga; Pegawai Chawangan Khas, Superintendent W.G. Morrison dan Leftenent Muda I.P. Bushell dari Pasokan Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles.

Dalam lawatan sa-lama 4 jam itu, rombongan itu telah di-sertai oleh Orang Kaya Setia Laila, Awang Kana anak Mudin, ketua kaum Iban bagi Daerah Belait.

Pegawai Daerah Belait telah menerangkan serba rengkas mengenai dengan ranchangan Kemajuan Lima Tahun Negara yang baru kapada pendudok2 di-ketiga2 buah rumah panjang itu.

Beberapa chadangan telah juga di-hadapkan oleh pendudok2 di-sana dan dalam hal ini, Pegawai Daerah Belait telah menekankan peri mustahak-nya bagi pendudok2 Ulu Belait, bukan saja memikirkan kepentingan diri mereka sendiri bahkan juga kepentingan kerajaan yang melindongi mereka untok menikmati sa-terus-nya keamanan, kesentosaan dan kemakmoran yang sedang mereka nikmati pada masa ini.

Beliau bersabda bahawa ranchangan Kemajuan Lima Tahun Negara yang baru itu ada-lah dalam penyusunan dan faedah-nya kelak tetap akan menjamin semua raayat dan pendudok2 di-negeri ini tanpa mengira asal usol-nya.

Walau bagaimana pun, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara sa-terus-nya menyatakan ada-lah mustahak bagi pendudok2 di-Ulu Belait memikirkan bukan saja kehidupan mereka bahkan juga kehidupan anak chuchu mereka di-masa depan.

Dalam hal ini mereka yang tinggal di-Ulu Belait patut-lah memikirkan sa-dalam2-nya sama ada kehidupan di-ulu2 maseh sesuai mengikut keadaan masa sekarang.

Dua orang mati dalam kemalangan jalan raya

SERIA. — Dua orang lelaki telah terbunoh apabila kereta yang mereka tumpangi terbalek di-Jalan Tengah Lorong 14, Seria di-hadapan Mess Pegawai2 Pulis Diraja pada malam Sabtu yang lalu.

Sa-orang dari lelaki itu, Wong Seng Lai berumor 22 tahun ia-lah penumpang kereta itu dan meninggal dunia serta merta di-tempat kemalangan itu.

Manakala pemandu-nya, Hong Thian Hee juga berumor 22 tahun, telah meninggal dunia di-Rumah Sakit Panaga.

Dua orang penumpang yang lain dalam kereta itu mendapat chedera parah dan sa-orang yang lain terselamat.

Pada petang hari Ahad lalu, satu kemalangan juga berlaku di-Batu 13, Jalan Tutong menyebabkan sa-buah bas Askar Melayu Diraja Brunei berlanggar dengan sa-buah kereta.

Pemandu kereta itu, Awang Hamdan bin Mat Niah, berumor 26 tahun mendapat chedera parah dan di-bawa ka-Rumah Sakit Bandar Seri Begawan dan meninggal dunia 3 hari sa-lepas kemalangan itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN KANTIN, PELABOHAN MUARA

Tawaran2 ada-lah di-pelawa untok menyewa sa-buah kantin di-dalam kawasan pelabohan baru di-Muara bagi masa dua puloh empat bulan mulai: 1hb. Julai, 1973. Sharat2 bagi menguruskan perkhidmatan2 di-kantin ini boleh di-pereksa di-Pejabat Pengawal Kastam & Bea pada masa bekerja.

2. Kantin ini akan mengandongi satu bilek pegawai, satu bilek pekerja2 dan satu bilek dapor. Beberapa jenis alat2 dapor yang penting akan di-adakan. Perabot2 juga akan di-adakan oleh Kerajaan. Semua alat2 yang lain, saperti gelas2, alat2 pemutong, pisau, garpu, sendok dan sa-bagai-nya, periok belanga, kain2 meja dan sa-bagai-nya mestilah di-adakan oleh pemburong yang berjaya, menurut darjah yang di-persetujui oleh Pengawal Kastam & Bea.

3. Kantin ini akan di-buka pada jam bekerja yang biasa dan di-sesuaikan kapada pekerjaan kapal2 yang merapat di-dermaga.

4. Kaki-tangan2 sa-chukup-nya mesti-lah di-adakan untok mengawas kantin ini.

5. Pemburong akan di-kehendaki mengadakan minuman2 (bukan minuman2 yang memabokkan, dari jenis apa jua pun) dan makanan2. Semua makanan2, minuman2 dan barang2 jualan hendak-lah menurut harga2 yang di-persetujui antara pemburong dan Pengawal Kastam & Bea.

6. Pemburong akan di-kehendakki mematohi semua arahan2 yang dari sa-masa ka-semasa akan di-beri oleh Pengawal Kastam & Bea atau oleh wakil-nya yang di-benarkan mengenai urusan kantin ini.

7. Penawar yang berjaya akan di-kehendaki memasoki satu Perjanjian dengan Kerajaan.

8. Tawaran2 yang bertanda "Kantin, Muara" yang mana hendak-lah di-masokkan dalam borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Kastam, Bandar Seri Begawan, mesti-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 12.00 tengah hari pada hari Selasa 5hb. Jun, 1973.

9. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang tinggi sekali atau sa-barang tawaran dan pertimbangan akan di-berikan kapada darjah perkhidmatan yang dapat di-beri oleh penawar. Maka dengan sebab itu, ada-lah perlu bagi penawar menyatakan pengalaman mereka, jika ada, mengenai pengurusan perkhidmatan sa-buah kantin.

(*Othman Chua Kwang Soon*)
Pengawal Kastam dan Bea,
Brunei.

Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang di-dalam Perkhidmatan Tetap dan yang telah menamatkan perkhidmatan-nya dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan sa-lama sekurang2-nya 5 tahun untok di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka serta mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 12hb. Jun, 1973. Ketua2 Jabatan, sa-masa menghadapkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) mesti-lah menyertakan laporan2 sulit berthabit dengan pegawai2 ini serta dengan menyatakan tugas2-nya sekarang serta kebolehan2 mereka untok di-naikkan pangkat. Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan.

Majalah Dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah Dewasa keluaran kelima sedang di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Majalah itu di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa dan boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran di-Bandar Seri Begawan dan dari penyelia2 kelas2 Pelajaran Dewasa di-Daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong.

Ia-nya mengandongi rencha-na2 mengenai pelajaran, ugama, pertanian, kesihatan dan urusan rumah tangga, dan di-terbitkan dua kali sa-tahun.

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bangsa Melayu, dan telah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut, dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalun2 hendak-lah boleh membacha dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan $410x20-510/EB/540 x20-660 atau dalam tingkatan $710 x30-950. Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman bagi pemohon2 yang berjaya.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek salama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb. Jun, 1973.

Pembantu Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan sa-bagai Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Ukor, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalun2 untok di-lantek kajawatan ini mesti-lah telah menchapai umor 18 tahun tetapi tidak melebehi 25 tahun. Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei.

b) Mereka mesti-lah lulus Sijil 'Am Pelajaran dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2 EB 3-4 — $230x10-290x15-380/EB/410x20-510-540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb. Jun, 1973 .

Sa-bagai Kerani Penelitian

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan di-lantek sa-bagai Kerani Penelitian di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Bahagian Ekonomi.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah telah lulus Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sebanding dengan-nya. Mereka mesti-lah juga lulus dalam matapelajaran Ilmu Hisab di-perengkat 'O' atau telah mendapat latehan dan pengalaman dalam pekerjaan yang sama.

Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam perjawatan tetap sa-lama tiga tahun serta mempunyai Sijil Persekolahan atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai kechenderongan dalam kerja2 perangkaan boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3-4 EB 5 — $410x20-510-540x20-660/EB/690 x20-750. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb. Mei, 1973.

Di-Jabatan Muzium

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

A. PEGAWAI PERPUSTAKAAN
(1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak lebeh dari 30 tahun dan telah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

b) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — $410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. PENJAGA MALAM
(2 jawatan)

Pemohon mesti-lah berumor antara 30 hingga 40 tahun dan tahu menulis dan membacha.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya di-kehendaki bekerja dari jam 5.00 petang hingga 7.00 pagi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 — $180 x5-195.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9hb. Jun, 1973.

Penghantar Saman / Bailip Mahkamah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah di-Jabatan Kehakiman, Bandar Seri Begawan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI Melayu dan Darjah IV Inggeris. Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan di-atas tetapi telah berkhidmat sekurang2-nya 5 tahun sa-bagai pelayan atau posmen di-dalam Perkhidmatan Kerajaan akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. Jun, 1973.

Sa-bagai Kerani Perangkaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Kerani Perangkaan di-Jabatan Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia aliran Inggeris, atau pun lulus 4 matapelajaran termasok Ilmu Hisab di-perengkat 'O' G.C.E.; dan

b) boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan faseh-nya.

c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perangkaan dan/atau pernah mengambil bahagian dalam projek2 Perangkaaan saperti Banchi Pendudok dan Pertanian, atau pun lain2 pengkajian.


Tugas2:

Chalun yang terpileh mungkin di-kehendaki bertugas di-luar pejabat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb. Jun, 1973.



Dalam majlis dailog di-Tutong, yang sedang berdiri membelakang kamera ini ia-lah Penyurat Haji Abu Bakar bin Jambul, sa-orang tertua sekali yang turut menyumbangkan shor2 dalam majlis itu.

Shor terhadap gerakan sharikat k-sama di-terima pada dasar-nya

(Dari muka 5)

oleh Kerajaan bahawa sa-bahagian besar kedai2 di-Bandar Seri Begawan ada-lah di-punyai oleh orang2 Melayu, tetapi malang-nya kedai2 itu telah di-sewakan kapada orang2 asing.

Kata-nya, kita boleh mendirikan kedai2 yang khas untok orang2 Melayu di-Tutong, tetapi orang2 Melayu sendiri hendak-lah mengubah sikap untok melaksanakan usaha2 sendiri dengan tidak memesongkan hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok meninggikan darjah hidup orang2 Melayu itu.

Mengenai dengan shor untok mengadakan sharikat kerjasama orang2 Melayu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan menyatakan bahawa Kerajaan telah pun mendatangkan sa-orang penasehat untok mengkaji dan menyediakan laporan2 bagi mengadakan sharikat kerjasama orang2 Melayu dan juga bagi menggalakkan orang2 Melayu mencheburkan diri di-lapangan perniagaan.

Apabila mendengar dari sa-orang peserta yang mengatakan bahawa orang2 Melayu di-negeri ini tidak bersatu-padu, maka Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menasehatkan orang2 Melayu Brunei supaya melenyapkan faham-an2 yang tidak bersatu-padu itu dan hendak-lah mengubah sikap untok sama2 memikirkan untong nasib sa-bagai orang2 Melayu yang mewarisi Negeri Brunei Darussalam.

Beliau juga menerangkan bahawa shor pendudok2 di-Daerah Tutong terhadap gerakan sharikat kerjasama dan guru2 yang akan mengajar raayat negeri ini untok melaksanakan perniagaan ada-lah di-terima pada dasar-nya.

Untok menchapai maksud itu, kata beliau, m a k a satu undang2 akan di-susun bagi menentukan kemajuan-nya hingga masa2 yang akan datang.

Turut memberikan penerangan dalam majlis itu ia-lah Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain yang menjelaskan bahawa penyibaran dan pengajaran Ugama Islam. termasok di-kalangan mualap2 ada-lah di-jadikan usaha yang utama di-samping lain2 usaha penyibaran dan pengajaran di-kalangan raayat Islam sendiri.

Sa-bagai usaha yang lebeh menggalakkan, kata beliau, pembesar2 negara juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan2 moral dengan menunaikan sembahyang Jumaat di-mesjid2 kampong. Di-antara mereka itu, sa-lain dari Pemangku Menteri Besar dan Pemangku Setia Usaha Kerajaan ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan lain2 pegawai2 pentadbir Kerajaan.

Berhubong dengan pembinaan jalan2 raya, Pengarah Kerja Raya, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib menerangkan bahawa memang menjadi dasar Kerajaan untok membekalkan perkhidmatan2 jalan2 raya yang baik, bukan saja di-bandar2, bahkan juga di-kampong2 pendalaman.

Dalam melaksanakan semua itu, kata-nya, kita perlu bersabar, kerana pelaksanaan pekerjaan itu ada-lah memerlukan giliran dan sudah tentu ia-nya tidak dapat di-jalankan sa-chara sa-rentak.

Perubahan jadual pelayaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kapal kerajaan yang membawa penumpang dari Bandar Seri Begawan ka-Pelabohan Victoria, Labuan akan bertolak pada jam 8.45 pagi pada hari2 bekerja biasa mulai dari hari ini 16hb. Mei hingga 1hb. Jun, 1973.

Pada hari2 Jumaat, 18hb. dan 25hb. Mei kapal penumpang itu akan bertolak dari Bandar Seri Begawan saperti biasa ia-itu pada jam 7.45 pagi.

Kapal penumpang itu akan bertolak dari Pelabohan Victoria, Labuan saperti biasa ia-itu jam 2.00 petang.

Raayat di-seru bersikap tegas dlm melaksanakan bidang pertanian

TUTONG. — Keadaan harga barang2 di-negeri ini maseh tidak dapat di-atasi dengan berkesan, walau pun di-tubohkan sa-buah pejabat atau badan yang khusus untok mengawal-nya.

Ini telah di-tegaskan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail ketika mengulas satu pendapat yang di-hadapkan dalam majlis dailog di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Ahad lepas.

Y.A.M. berpendapat bahawa hanya satu chara saja yang boleh mengawal harga barang2 itu ia-itu sa-telah raayat dan pendudok negeri ini sendiri berkemampuan melaksanakan usaha2 pertanian sachara besar2an yang nanti-nya berkebolehan pula untok membekalkan keperluan2 harian2.

Di-pehak Kerajaan, tegas Y.A.M., memang di-hasratkan untok melancharkan projek2 pertanian sa-chara meluas dalam berbagai2 bidang yang penting, tetapi semua projek2 itu nanti lebeh banyak bergantong kapada kesanggupan raayat untok melaksanakan-nya.

Y.A.M. menyeru rayaat supaya dapat menimbulkan satu sikap yang tegas untok melaksanakan lapangan2 pertanian itu sa-penoh masa yang semata2 kerana Allah dan peri mengenangkan kebahagiaan kita di-masa depan.

Sementara itu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz pula menegaskan bahawa Kerajaan memang bersedia menerima kritik2 dalam apa jua perkara, asalkan ia-nya bertujuan untok membangun negara dan meninggikan faedah2 untok raayat, khas-nya di-kalangan orang2 Melayu sendiri.

Dalam menyumbangkan fikiran2 itu, kata-nya, raayat tidak perlu ragu2, bahkan harus di-kikis anggapan2 yang tidak baik yang konon-nya kerajaan akan menangkap siapa2 yang berani mengkritik Kerajaan.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan mengapa2kan orang2 yang tidak bersalah, apa lagi di-kalangan orang2 yang memberikan fikiran2 untok membina itu, bahkan mereka itu di-beri penghargaan yang tinggi dan di-anggap sa-bagai orang2 yang berjasa terhadap bangsa dan negara.

Mengenai dengan ejaan baru, beliau menyeru raayat supaya tidak khuatir kerana Kerajaan memang sedang melaksanakan usaha2 ka-arah itu dengan memusatkan perhatian kapada kepentingan kita sendiri.

Menurut beliau, ejaan baru itu ada-lah tidak kena-mengena dengan Brunei dan kita sedang mengusahakan masa-alah2 pepereksaan di-sekolah2 di-negeri ini yang di-dasarkan kapada kepentingan kita sendiri dengan tidak menggantongkan harapan kapada negeri lain.

Mengenai dengan kepentingan orang2 Melayu, Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa sa-bagai orang2 yang mewarisi negeri ini, maka sudah tentu kepentingan2 itu di-utamakan dalam apa jua bidang, terutama-nya bidang2 perniagaan.

Kerana itu, kata beliau, orang2 Melayu Brunei sendiri mesti mengubah sikap dan benar2 memperjuangkan diri mereka dengan mematohi hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia terhadap orang2 Meyu itu.

Majlis dailog di-Kuala Belait

(*Dari muka 1*)

juan, Awang Zakaria dan beberapa orang ahli2 jawatankuasa kechil peranchangan.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa itu menyeru pendudok2 di-Kampong Lumapas dan sekitar-nya supaya membuat persediaan2 untok menghadapkan chadangan2 mereka.

Beliau mengingatkan bahawa chadangan2 itu nanti hendak-lah di-tumpukan kapada kebajikan negeri dan faedah2 semua gulongan raayat negeri ini, tetapi bukan-lah yang merupakan soal2 persendirian.

Rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu juga akan menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat di-Mesjid Lumapas sa-belum majlis dailog itu di-adakan.

Sementara itu, pada hari Ahad ini, 20hb. Mei, 1973, rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu akan berada pula di-Kuala Belait atas tujuan yang sama.

Majlis dailog di-Kuala Belait itu akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan mulai pukul 9.30 pagi.

Juruchakap itu juga menyeru pendudok2 di-Daerah Belait supaya menyediakan chadangan2 yang akan di-hadapkan mereka dalam majlis itu nanti.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 21 RABU 23HB. MEI, 1973. 1393 رابو 20 ربيع الاخير PERCHUMA

BRUNEI AKAN MENGADAKAN PEPEREKSAAN SENDIRI DI-SEKOLAH2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ejaan baru yang di-pakai oleh negara2 tetangga Brunei ada-lah satu perkara yang tidak ada kaitan-nya dengan negeri ini.

Demikian telah di-tegaskan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan temasha sukan ketujoh Sekolah2 Menengah dan Maktab2 sa-Negeri Brunei yang berlangsong di-Padang SMJA di-sini pada hari Sabtu lepas.

Timbul dari ketegasan ini sa-gulongan ra-ayat negeri ini memikirkan bahawa penuntut2 yang akan menempoh pepereksaan SRP dan SPM akan menghadapi satu masaalah yang rumit.

Tetapi Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu memberi jaminan bahawa Kerajaan pada masa ini sedang giat menjalankan urusan2 supaya Brunei mengadakan satu sistem pepereksaan sendiri dan ia-nya akan di-jalankan dengan sa-berapa segera yang boleh.

Namun demikian, dalam perengkat yang ada sekarang ini, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa soal ejaan itu tentu-nya belum menimbulkan masaalah bagi penuntut2 yang bakal mendudoki pepereksaan SRP dan SPM.

Kerana, kata beliau, ejaan baru itu hanya akan di-kuatkuasakan pelaksanaan-nya di-antara tahun 1975 dan 1976.

"Ini berarti sa-belum tahun2 itu tiba, maka ejaan yang lazim di-pakai boleh di-gunakan", jelas beliau.

Mengenai dengan ranchangan Brunei mengadakan pepereksaan sendiri itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu juga menyedari tentang buku2 teks yang akan di-gunakan di-sekolah2 di-negeri ini nanti.

Perkara buku2 teks ini, kata beliau, tidak harus di-timbulkan untok di-jadikan sa-bagai satu masaalah yang berat.

Beliau memberi bayangan bahawa bagi penuntut2 di-sekolah2 Inggeris tidak ada beza-nya buku2 teks yang di-keluarkan oleh negara2 asing saperti Amerika dan Canada walau pun ejaan buku2 itu berlainan dengan negara2 asing yang lain saperti England dan Australia.

Pokok-nya, kata beliau, semua buku2 itu ada-lah di-tulis dalam Bahasa Inggeris.

Mengenai dengan buku2 teks dalam Bahasa Melayu pula, beliau menjelaskan bahawa buku2 teks dalam Bahasa Melayu maseh juga Bahasa Melayu dan yang hanya berbeza sedikit ia-lah dalam ejaan-nya yang baru itu yang menurut

(*Lihat muka 8*)



Pmk. S.U.K. ,Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abd. Aziz menyalakan ubor menandakan perasmian temasha sukan tersebut.

Kerajaan tidak menaroh perasaan pileh kaseh terhadap raayat

KUALA BELAIT. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak memileh kaseh terhadap siapa saja raayat Brunei.

Bersabda di-majlis dailog di-Dewan Kemasharakatan yang di-hadhiri oleh kira2 300 orang pendudok di-Daerah Belait pada hari Ahad lepas, Yang Amat Berhormat itu menekankan bahawa ada-lah salah jika ada yang menganggap antara sa-buah daerah dengan daerah lain di-negeri ini di-anak tirikan.

Sabda Yang Amat Mulia, Kerajaan tidak mempunyai perasaan pileh kaseh terhadap raayat negeri ini dalam semua perkara istimewa dalam pelajaran, menghantar penuntut2 Brunei yang berkelayakan keseberang laut, pengambilan bekerja dan bantuan perubatan ka-kampong2 pedalaman.

Dalam mengutamakan ranchangan2 pembangunan antara daerah2 ia-nya sa-mata2 bergantong kapada keperluan, inistiatif raayat dan bokti2 yang nyata dalam satu2 usaha yang di-dasarkan kapada faedah dan kemampuan serta hasil yang mendatangkan kebajikan.

Menjawab satu pertanyaan yang di-timbulkan oleh salah sa-orang pendudok di-Pekan Belait terhadap tanah2 Kerajaan yang di-pajak oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Seria yang tidak di-usahakan, Pemangku Menteri Besar itu menjelaskan menurut perjanjian bahawa tanah2 itu bukan-lah terbiar dengan perchuma tetapi Kerajaan telah mendapat hasil daripada pajakan itu.

Menyentoh mengenai Buroh, Yang Amat Mulia bersabda, memasokkan buroh2 kasar dari luar ka-Brunei bukan-lah tujuan Kerajaan pada dasar-nya tetapi sa-balek-nya menggalakkan anak negeri ini mengambil aleh tempat2 itu saberapa chepat yang mungkin.

(*Lihat muka 8*)

Pengeluaran minyak dan gas boleh menjamin kesetabilan ekonomi negara — Pmk. M. B.

LUMAPAS. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda bahawa kemajuan perusahaan minyak di-Seria dan pengeluaran gas chechair asli di-Lumut di-sifatkan boleh menjamin kesetabilan ekonomi negara.

Bagaimana pun, sabda Yang Amat Mulia itu, kita tidak-lah sa-mata2 bergantong kapada hasil pengeluaran minyak dan gas, tetapi kita harus-lah berusaha dari sekarang menchari sumber2 lain untok menambah hasil-mahsol negeri.

Bersabda di-majlis dailog di-Kampong Lumapas pada hari Jumaat lalu, Y.A.M. itu menerangkan tujuan ranchangan kemajuan negara yang sedang di-rangka sekarang bertujuan untok menyusun ranchangan2 bagi menganeka chorakkan ekonomi saperti mengadakan perusahaan, perindustrian, pertanian, kehutanan dan memperluaskan penangkapan ikan.

Di-samping itu ia-nya juga bertujuan untok memberi bidang2 pekerjaan kapada anak2 tempatan yang mana segala tanggong-jawab yang amat penting itu akan terserah kapada seluroh raayat Brunei untok membangun negeri ini yang tidak mengharapkan tenaga2 luar.

Bersabda mengenai pertanian, Pemangku Menteri Besar itu sentiasa memberi galakan kapada kaum tani atau kaum peladang di-seluroh negeri ini untok mengusahakan tanaman mereka sa-chara besar2an sa-bagai satu mata pencharian yang sa-penoh masa dan bukan sambil2an.

Yang Amat Mulia itu berpuas hati terhadap inisiatif pendudok2 di-beberapa buah kampong di-Lumapas kerana sa-bahagian besar dari pendudok di-situ meng-

(*Lihat Muka 8*)

MATAWANG M'SIA DI-ANGGAP ASING SA-LEPAS 21HB JUN

LEMBAGA Matawang Brunei telah menamatkan Peratoran Saling Pertukaran Matawang dengan Bank Negara Malaysia mulai dari jam 3.30 petang waktu Brunei pada hari Selasa, 22hb. Mei, 1973. Bank2 perniagaan di-Brunei akan terus menerima wang2 kertas dan shiling2 Malaysia untok di-tukar dengan matawang Brunei mengikut harga yang biasa sa-hingga waktu perniagaan bank di-tutop pada hari Khamis, 21hb. Jun, 1973. Sa-lepas tarikh itu matawang Malaysia akan di-anggap sa-bagai matawang asing akan tetapi akan terus di-tukar oleh bank2 di-Brunei dengan matawang Brunei mengikut kadar penukaran matawang pasaran.

Penamatan Peratoran Saling Pertukaran Matawang dengan Malaysia akan mengkehendaki perubahan2 kapada Peratoran2 Kawalan Pertukaran Brunei dan butir2 yang penoh mengenai dengan pindaan2 itu akan di-umumkan tidak berapa lama lagi.

Peratoran Saling Pertukaran dengan Badan Matawang Singapura tidak terbabit.

Pmk S.U.K. akan merasmikan Kursus Sharikat Kerjasama

BANDAR SERI BEGAWAN. Pemangku Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz akan merasmikan Kursus Sharikat Kerjasama anjoran Pejabat Kebajikan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada hari Ahad 27hb. Mei, pukul 9.00 pagi.

Kursus yang julong2 kalinya di-adakan di-negeri ini akan di-hadhiri oleh 59 orang belia, termasok 9 wanita dan akan berlangsong sa-lama lima hari.

Sharahan2 khas mengenai pendaftaran kesatuan2, peranan sharikat kerjasama dalam pembangunan negara, chara belia menubohkan sharikat kerjasama dan beberapa perkara lain, juga akan di-adakan semasa kursus itu.

Kursus tersebut akan di-akhiri dengan satu majlis penyampaian sijil2 kapada peserta kursus pada 31hb. Mei bertempat di-Pusat Belia, oleh Datin Dayang Hajjah Zaharah binte Haji Idris, isteri kapada Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan.

Sa-telah majlis penyampaian sijil, satu pemantasan derama dan pertunjokkan seni dan budaya Brunei, akan di-persembahkan oleh para peserta kursus. Ini termasok-lah tarian asli Brunei yang akan di-persembahkan oleh Badan Kebudayaan Brunei, anjoran Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka.

Turut menyerikan majlis pada malam itu ia-lah 34 orang belia dari Limbang yang akan menunjokkan permainan Ang-klong.

Majlis pemantasan itu terbuka kapada orang ramai untok datang menyaksikan-nya.

Malam aneka warna untok derma stadium

KUALA BELAIT. — Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 Kerajaan Brunei akan menganjorkan Malam Aneka Warna di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait pada hari Jumaat 1hb. Jun untok mengutip derma bagi tabong pembinaan stadium.

Achara2 yang akan di-adakan pada malam itu termasok-lah Peraduan Pakaian Beragam yang terbuka kapada peserta lelaki di-negeri ini dan persembahan tarian dari Sekolah Menengah Melayu SMJA.

Malam Aneka Warna itu akan juga mempersembahkan lawak jenaka dan persembahan2 nyayian dari penyanyi2 tempatan yang di-undang khas untok menyertai temasha tersebut.

Kemunchak dari achara pada malam itu ia-lah pementasan sa-buah derama yang berjudol "Lembah Di-Daerah Ku" yang di-arahkan bersama oleh A. Rais Baneh dan P.H.T. Tajuddin.

Tiket2 berharga $2.00 untok pertunjokkan itu sekarang boleh di-beli dari Dayangku Rani Pengiran Hashim di-alamat Pejabat Pos Besar, Bandar Seri Begawan; Pengiran Jambul Pengiran Haji Sulaiman di-Pejabat Talikom, Kuala Belait dan di-pintu masok ka-dewan sa-belum pertunjokkan itu di-mulakan.



Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj sedang menyampaikan geran tanah kapada Awang Haji Ahmad bin Mohd. Salleh baru2 ini.

PERPINDAHAN BERTUJUAN UNTOK MENINGGIKAN TARAF HIDUP RAAYAT

BERAKAS. — Pegawai Perpindahan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj bersabda bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengadakan ranchangan perpindahan bertujuan untok meninggikan taraf hidup raayat Baginda dan menggunakan tanah2 itu dengan baik-nya menurut ranchangan.

Yang Amat Mulia itu bersabda, pada masa ini Kerajaan sedang menyusun ranchangan kemajuan lima tahun yang baru dan pendudok2 di-kawasan kampong perpindahan Jaya Setia boleh-lah menghadapkan chadangan dan buah fikiran mereka kapada jawatankuasa itu.

Yang Amat Mulia itu bersabda demikian kapada pendudok2 Kampong Jaya Setia Perpindahan Berakas dalam satu majlis penyampaian geran tanah kapada Awang Haji Ahmad bin Haji Mohammad Salleh di-Balai Raya Kampong itu pada hari Khamis minggu lepas.

Awang Haji Ahmad ia-lah orang pertama menjelaskan p i n j a m a n-nya sa-banyak $12,000.00 yang di-perolehi dari Kerajaan untok membina rumah di-kampong itu.

Sa-banyak 47 buah rumah berharga antara $10,000.00, $12,000.00, $16,000.00 dan $18,000.00 telah di-pinjamkan oleh Kerajaan kapada pendudok2 itu sa-lain dari tanah saluas 4½ ekar di-beri perchuma.

Mereka mulai mendudoki rumah itu dalam tahun 1965.

Menyentoh mengenai pasar, Pegawai Perpindahan itu menasehatkan pendudok2 di-Kg. Jaya S e t i a supaya menjual barang2 saperti ikan, daging dan sayor di-pasar yang telah di-sediakan oleh Kerajaan di-kampong itu untok memudahan mereka.

Projek bekalan ayer di-K.B. siap penghujong tahun ini

KUALA BELAIT. Kerja2 ka-atas projek bekalan ayer Sungai Belait yang menelan belanja $8,000,000.00 sedang berjalan dengan lanchar.

Jabatan Kemajuan mengharapkan ia-nya akan siap menjelang akhir tahun ini.

Pembinaan steshen pengepam ayer di-Badas hampir2 siap dan kerja2 pemasangan paip besar dari Badas ka-Seria telah pun siap.

Steshen penapis ayer di-Seria hampir2 siap, sementara kerja2 pemasangan jentera pengepam dan penapisan-nya berjalan lanchar.

Pemasangan paip berseh ka-Sungai Liang sudah pun siap, sementara kerja2 pemasangan paip ka-Seria dan Kuala Belait akan siap akhir bulan ini.

Perengkat pertama projek tersebut akan dapat membekalkan hingga tiga juta gillin ayer berseh sa-tiap hari ka-Kuala Belait, Seria dan Sungai Liang

Barisan tamat latehan rekrut2 AMDB

BERAKAS. — Satu upachara perbarisan tamat latehan bagi rekrut pengambilan ke-28 Askar Melayu Diraja Brunei akan di-adakan di-Perkhemahan Berakas pada hari Sabtu 16hb. Jun mulai pukul 7.45 pagi.

Pegawai Pemerentah Chawangan Latehan dan Depo, Major Dato L.D.R. West akan menerima tabek kehormatan dan memereksa perbarisan itu.

Saudara-mara dan sahabat-handai rekrut2 yang ingin menyaksikan upachara perbarisan itu akan di-sediakan kenderaan untok membawa mereka pergi dan balek dari Bandar Seri Begawan ka-perkhemahan Berakas.

Kenderaan akan bertolak dari Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan pada pukul 7.00 pagi dan bertolak dari Berakas Kem ka-Bolkiah Kem pada pukul 8.45 pagi di-mana minuman rengan di-berikan, sa-belum mereka di-bawa balek ka-Bandar Seri Begawan.

Perlawanan bola sepak anjaran PBSAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan bola sepak anjoran Persatuan Bola Sepak Ametor Negeri Brunei akan bermula dalam minggu ini.

Perlawanan yang akan bermula pada hari Jumaat 25hb. Mei itu ada-lah bagi menentukan bahagian kumpulan bagi tiap2 pasokan. Perlawanan tersebut akan di-jalankan sa-chara pukul keliling (League System) dan akan berakhir pada 8hb. Julai hadapan.

Sa-banyak 25 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia, kelab dan jabatan2 kerajaan akan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Sa-banyak enam buah pasokan akan bertanding dalam perlawanan permulaan yang akan di-adakan pada hari Jumaat 25hb. Mei ini.

Pasokan2 yang bertanding pada hari itu ia-lah: Pulis lawan Dewan Bahasa dan Pustaka, di-padang Besar Bandar Seri Begawan; Gabong Treasury-Audit-SUK lawan Persatuan Kampong Sungai Kedayan di-padang Perkhemahan Berakas; Pelajaran lawan Muara

(Lihat Muka 3)

Penting-nya penyertaan raayat dalam kegiatan ekonomi

KHUTBAH JUMA'AT

MENURUT kenyataan yang dapat kita saksikan, kita telah mengetahui bagaimana orang lain bekerja untok kesenangan diri dan kemuliaan bangsa-nya dengan tidak membuang masa dengan sia2. Kalau mereka bekerja bersunggoh2, kalau mereka bersenang, mereka bersenang bersunggoh2. Mereka bekerja bagitu kerana mereka tahu harga waktu. Tetapi keadaan kita sa-bahagian besar umat Islam tidak bagitu kerana kita tidak tahu menghargakan waktu. Lihat-lah sa-bilangan belia2 kita yang menganggor, mereka lebeh suka merayau2 ka-sana ka-mari menyusor angin menolak abok, menganggu lalu-lintas atau mengusek gadis2 dan perempuan, atau berpoya2 dengan kawan2 atau pasangan masing2 tanpa membuat sa-barang kerja yang boleh mendatangkan faedah dan kebajikan.

Dan sa-bagaimana yang pernah di-tekankan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Brunei di-Temburong baru2 ini ada pula sa-bahagian raayat dan penduduk negeri ini maseh gagal mengendalikan tanah2 yang sudah pun di-keluarkan geran kapada mereka, sedang tanah2 itu terbiar di-tumbohi "samak" pada hal negara memerlukan hasil2 pertanian untok memenohi kehendak2 dan keperluan2 orang ramai.

Di-sampaing itu ada pula sa-bilangan umat Islam lebeh suka memileh2 pekerjaan ia-itu bekerja dengan kerajaan daripada di-mana2 sharikat, kedai2 atau membuat perusahaan sendiri yang boleh mendatang hasil dan pendapatan. Semua-nya ini ada-lah mencherminkan betapa lemah-nya kesedaran kita dalam mengendalikan kehidupan masing2 kapada perengkat yang lebeh baik dan terhormat.

Kita sering kali mendengar saranan2 daripada beberapa orang pemimpin dan pegawai2 tinggi kerajaan Duli Yang Maha Mulia terutama sekali dalam perengkat mendapatkan buah fikiram, shor2 dan chadangan2 raayat dalam kontek penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru betapa penting-nya penyertaan serta daya usaha raayat dan pendudok negeri ini dalam berbagai kegiatan ekonomi yang boleh mendatangkan faedah dan kebajikan. Hal ini sa-laras dengan kehendak2 ajaran ugama Islam yang di-hasratkan untok menjadi ideologi negara.

Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Demi masa, sa-sunggoh-nya manusia itu senentiasa di-dalam kerugian melainkan orang2 yang beriman dan beramal salih serta menasehat satu kapada yang lain bagi menjalankan kebenaran dan menasehat satu kapada yang lain bagi menjalankan kesabaran".

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

"Berlumba2-lah kamu pada mengerjakan pekerjaan2 yang berkebajikan".

Maksud amal salih dan khairat dalam ayat2 Quran itu ada-lah amat luas, ia-nya bukan hanya terbatas kapada apa yang selalu di-fahamkan sa-bagai membacha tahlil, membacha berzanji, mengadakan kenduri aruah, sembahyang, zakat haji dan bersedekah sa-mata2, tetapi ada-lah meliputi sa-tiap tindakan dan kegiatan yang mendatangkan faedah yang berkebajikan termasok-lah bekerja menchari nafkah yang halal dan meninggikan taraf hidup menerusi kegiatan2 berchuchok tanam, berniaga, bertukang, membuat perusahaan, menangkap ikan, menjadi buroh dan sa-bagai-nya. Yang demikian orang2 yang lebeh suka merayau tak tentu tujuan, orang2 yang tidak mahu mengusahakan tanah masing2 tanpa sebab2 yang manasabah, dan orang2 yang lebeh suka berpelok tuboh bila gagal mendapatkan pekerjaan di-jabatan2 kerajaan itu ada-lah orang2 yang ketinggalan dalam mengerjakan amal salih dan dalam perlumbaan pada mengerjakan pekerjaan2 yang berkebajikan.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kapada orang ramai supaya melipat -gandakan semangat berusaha dan bekerja dalam apa jua bidang pekerajaan yang mendatangkan faedah dan kebajikan serta di-redhi Tuhan.

Persatuan hoki di-tubohkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Hoki Daerah Brunei/Muara telah di-tubohkan baru2 ini.

Sa-buah jawatankuasa telah di-bentok mengendalikan persatuan yang baru itu dengan di-Pengerusikan oleh P.M. Sharifuddin. Lain2 ahli jawatakuasa yang di-lantek ada-lah saperti berikut:

Timbalan Pengerusi: — Awang Abd. Wahab bin Haji Md. Said; **Setia Usaha:** — Major Husin bin Ahmad; **Timbalan Setia Usaha:** — Pg. Omar bin Pengiran Limbang; **Pemegang Amanah:** — Haji Kamaluddin bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Pengiran Bahrin bin Pengiran Abas, Haji Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar dan Dr. Haji Johar bin Haji Nordin telah di-pileh sa-bagai ahli jawatankuasa.

Sa-bagai aktibiti-nya yang pertama, persatuan itu akan menganjorkan satu perlawanan hoki enam orang sa-pasokan pada 1hb. Julai hadapan.

Perlawanan tersebut terbuka kapada Jabatan2 kerajaan, kelab2, persatuan belia, sekolah2 dan maktab2 di-negeri ini.

Pasokan2 yang ingin mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut boleh-lah berhubong dengan Major Husin bin Ahmad, di-Perkhemahan Berakas; Awang Abd. Wahab bin Haji Mohd. Said, di-Pejabat Penjara; Awg. Haji Kamaluddin bin Penyurat Haji Abu Bakar, di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Haji Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar di-Jabatan Pelajaran.

Jadual perlawanan

(Dari muka 2)

Star Soccerites di-padang SOAS dan Pertanian lawan Sumbiling di-padang Gadong.

Pada 27hb. Mei: PERKASA lawan B.R.C. di-padang SOAS; PAPP lawan Tutong, di-padang Bandar Seri Begawan; KEKAL lawan Muzium; di-padang Berakas Kem dan PERKA lawan SATRIA di-padang Gadong.

Pada 28hb. Mei: Perubatan lawan AMDB di-padang Bandar Seri Begawan; KUJAGA lawan J.K.R. di-padang SOAS; IKERAB lawan Talikom di-padang Gadong dan Letrik lawan I.B.B. di-padang Berakas Kem.

Pada 30hb. Mei: PGGMB lawan Pulis di-padang Sekolah Pertukangan; D.B.P. lawan Gabongan Treasury-Audit-SUK di-Berakas Kem; Persatuan Kg. Sungai Kedayan lawan Pelajaran di-padang Bandar Seri Begawan dan Muara Star Soccerites lawan Pertanian di-padang SOAS.

Jadual perlawanan akan di-siarkan dalam akhbar ini dari masa ka-samasa.

Pameran hasil kerja tangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan pameran hasil kerja tangan, Pelajaran Dewasa Urusan Rumah Tangga. dalam bulan Julai hadapan.

Setia Usaha Pameran Hasil Kerja Tangan itu, Awang Abu Bakar bin Salleh menyatakan bahawa pameran tersebut akan di-adakan di-tiap2 daerah di-negeri ini sa-bagai salah satu achara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-27 tahun.

Tiap2 daerah akan menubohkan satu jawatankuasa nya masing2 untok mengelolakan kerja2, menetapkan tarikh dan tempat pameran itu di-adakan sa-bagai achara perayaan di-daerah masing2.

Awang Abu Bakar menyeru semua pehak yang berkenaan supaya membuat persediaan bagi pameran tersebut.

Beliau menerangkan pameran ini akan di-bahagikan kapada tiga kumpolan ia-itu bahagian A semua jenis gubahan bunga2an hidup, kertas dan sabagai-nya. Bahagian B jahitan dan anyaman, dan Bahagian C masak2an yang terbahagi kapada lauk mauk, kueh, dan sirap.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 23hb. Mei, 1973 hingga ka-hari Selasa 29hb. Mei, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
23hb. Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6.05
24hb. Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4.51	6.05
25hb. Mei	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51	6-05
26hb. Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
27hb. Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
28hb. Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
29hb. Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(23hb. Mei, 1973).

EJAAN BARU

APA-KAH benar bahawa ejaan baru itu menjadi satu masaalah yang rumit bagi Brunei?.

Sekunyong2 ejaan baru di-perkenalkan dan perkenalan-nya itu pula tidak melibatkan Brunei, maka banyak benar keraguan2 yang timbul dari banyak gulongan termasok ibu bapa dan guru2 sendiri.

Dalam perkara ejaan ini, Brunei di-anggap bersikap beku bahkan harus juga ada yang meramalkan bahawa kedudokan pendidekan atau pelajaran bagi raayat Brunei bakal menghadapi satu jurang yang memisahkan lebeh jauh lagi kabelakang dalam soal kemajuan. Sedangkan dalam zaman moden ini, semua bangsa mahu tampil ka-depan dan pandu memandu untok berlumba menyaingi perkembangan masing2. Kerana, dalam arus perlumbaan manusia yang hidup sekarang, tidak ada yang mahu tinggal. Semua-nya mahu dudok di-depan2, sekali pun sa-olah2 terpaksa menyelirek langkah demi langkah orang.

Mengikut langkah demi langkah orang itu, memang ada kebaikan-nya untok menjadi panduan bagi menchapai apa yang di-katakan berkemajuan itu. Kita sendiri pun, sa-bahagian-nya, juga mengikut langkah2 orang dalam banyak segi pelaksanaan bidang2 kemajuan itu saperti dalam bidang ekonomi.

Tetapi dalam mengikut langkah2 orang itu pula, kita tidak harus menyimpan sikap membabi-buta saperti orang menchipta tarian a go-go, kita juga menarikan-nya, pada hal ia-nya bertentangan dengan keperibadian bangsa kita sendiri.

Apa yang lebeh tegas di-katakan bahawa dalam apa jua perkara, maka yang penting kita pertimbangkan dengan sa-dalam2-nya ia-lah soal2 kepentingan diri kita. Kepentingan diri kita ini amat mustahak di-perhatian dan neracha yang lebeh adil harus di-pergunakan dengan sa-baik2-nya supaya bangsa kita tidak menghadapi satu kerugian yang maha besar di-kemudian hari nanti.

Harus lebeh ramai di-antara diri kita sekarang telah merasakan tentang kedudokan negara kita dan tentu pula ada yang sudah pandai menimbang apakah rakan2 kita benar2 "mengelinga" dalam arti yang sabenar-nya. Kalau pun ada yang mengelinga itu, maka kita harus juga hati,2 apa-kah kelinga-nya itu dari durongan hasrat yang jujor kerana Allah atau ada udang di-sebalek batu. Walau pun datok nenek kita pernah mengajar saperti orang berbudi kita berbahasa, tetapi datok nenek kita juga mengingatkan kalau tidak ada hajat masakan orang datang tanpa di-undang.

Sejak negara kita yang kechil ini tegak dan berkilau, ia telah turut merasakan asam garam tentang harga diri-nya. Bahkan, kalau kita tidak silap, dalam waktu2 bergelora dulu, tulisan2 dari wartawan2 asing pernah menyifatkan-nya sa-bagai sa-orang puteri yang mempunyai daya penarek yang menawan.

(Lihat muka 5)



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Md. Jamil Al-Sufri.

SA-BAGAIMANA yang kita semua maklom bahawa pada masa ini Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sedang giat melancharkan kempen bagi mengutip derma bagi Tabong Pembinaan Stadium sa-bagai memperingati keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei pada tahun lalu

Kempen tersebut telah di-lancharkan dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin pada 23hb. September, 1972 ia-itu bersempena hari keputeraan Duli Yang Teramat Mulia itu.

Untok mengetahui lebeh lanjut mengenai dengan tujuan pembinaan stadium itu berikut ini di-siarkan satu wawanchara dengan Setia Usaha Agong J/K Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Wawanchara itu telah di-siarkan dalam Ranchangan Tinjauan Radio yang di-siarkan pada hari Ahad 20hb. Mei lepas.

WAWANCHARA DGN S.U.A. J/K TABONG PEMBINAAN STADIUM

Boleh-kah Pehin menerangkan ahli2 yang telah di-lantek dalam Jawatankuasa Tertinggi Pembinaan Stadium?

Ahli2 yang telah di-lantek datek dalam Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium ini ia-lah terdiri dari:

Pengerusi: Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Laila Utama Awg. Haji Ibrahim.

Naib Pengerusi: Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abd. Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Penasehat: Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Awg. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Setiausaha Agong: Saya sendiri.

Kami ingin tahu apa-kah tujuan pembinaan Stadium saperti yang di-chadangkan?

Keberangkatan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei pada 29hb. Februari, 1972 ada-lah satu lawatan yang bersejarah kapada negeri Brunei dan menjadi satu kenangan yang abadi kapada seluroh raayat di-negeri ini. Bersempena dengan lawatan itu, dengan titah perintah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, satu Jawatankuasa telah di-lantek untok mengadakan satu tanda peringatan sempena lawatan tersebut; dan dalam perjumpaan Jawatankuasa ini pada 16hb. Mei, 1972 telah mengambil satu keputusan, yang mana keputusan itu telah di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya sa-buah Stadium akan di-bina di-Bandar Seri Begawan sa-bagai satu tanda kenangan memperingati lawatan yang bersejarah itu.

Selaku Setia Usaha Tertinggi Jawatankuasa Pembinaan Stadium, boleh-kah Pehin menerangkan apa-kah hubongan pembinaan Stadium dengan raayat?

Stadium, sa-bagaimana yang kita ketahui ada-lah satu tempat mengadakan pertandingan berjenis2 sokan dan achara2 yang sa-umpama-nya saperti perayaan yang besar2 atau pertunjokan dan pertandingan yang bersesuaian di-adakan dengan tempat itu. Pertandingan2 atau achara2 atau pertunjokan yang sa-demikian memang menjadi kegunaan kapada seluroh raayat dan pendudok sa-sabuah negeri itu untok menyaksikan-nya. Maka dengan ada-nya Stadium ini dapat-lah raayat dan pendudok itu menyaksikan temasaha itu dengan menggunakan tempat2 yang di-sediakan di-Stadium itu. Di-samping itu sokan juga ada-lah menjadi suatu asas bagi kesuboran pertumbohan jasmani yang menjadi puncha kesihatan kapada raayat dan pendudok negeri itu. Dengan ada-nya pertandingan yang menggalakkan maka kemajuan sokan itu akan menjadi bertambah2 yang bukan hanya di-kalangan ahli2 sokan, tetapi orang yang menyaksikan-nya pun akan terpengaroh untok memasoki sokan itu atau sa-kurang2-nya memberi sumbangan moral kapada kemajuan sokan itu. Dengan ini ada-lah hubongan sa-banyak sedikit perhubongan Stadium dengan raayat.

Di-mana-kah tempat atau tapak yang telah di-chadangkan untok membina Stadium itu?

Tempat atau tapak yang di-chadangkan buat masa ini belum-lah dapat saya umumkan. Walau bagaimana pun sa-takat ini dapat juga saya bayangkan bahawa Stadium ini besar kemungkinan akan di-bangunkan di-sekitar Jalan Gadong atau Jalan Muara atau Jalan Berakas. Tetapi pada umum-nya ada-lah di-sekitar Bandar Seri Begawan. Ini ada-lah tertolak kapada keadaan kawasan yang di-fikirkan sesuai serta berpadanan dan luas-nya serta mempunyai kemudahan untok lalu-lintas. Dan penarohan untok kereta dan menchukopi untok kawasan yang di-chadangkan.

Ada-kah tapak pembinaan Stadium ini akan melibatkan tanah orang, jika ia bagaimana-kah mengatasi masaalah ini?

Sa-berapa yang boleh akan di-elakkan dari yang sa-demikian itu kechuali perkara itu terpaksa di-lakukan sa-demikian. Oleh kerana itu-lah pemilehan tapak ini belum di-tetapkan Jawatankuasa ini maseh menchari tapak yang sesuai supaya perkara2 itu tidak di-timbulkan.

Jika Stadium ini di-bina nanti apa-kah nama yang di-chadangkan untok-nya?

Sa-takat ini belum-lah dapat di-nyatakan apa nama yang akan di-chadangkan untok Stadium ini. Walau bagaimana pun tentu-lah nama yang di-pileh itu bersesuaian dengan maksud tujuan membangun-nya.

Siapa-kah yang mereka bentok Stadium ini?

Sa-bagai permulaan susunan pelan kasar-nya (lay out plan) di-reka oleh Awang Ibrahim bin Haji Mohd. Yassin, sa-orang akitek tempatan negeri ini dan baru saja lulus dari United Kingdom dan untok menghalusi-nya mungkin akan di-serahkan kapada pakar2 akitek yang mahir dalam perkara ini kerana kita menghendaki Stadium yang bersesuaian dengan zaman.

Berkenaan dengan reka bentok tadi, apa-kah ia akan mencherminkan identiti ka-Bruneian dan jika ia bagaimana?

Ini memang menjadi tujuan utama. Jawatankuasa ini memang menyedari bahawa semangat ke-Bruneian perlu di-masokan kadalam rupa bentok dan sendi pula dengan lambang ka-Islaman, supaya semangat keBruneian dan ke-Islaman menjadi ideoloji negara itu menjadi terus berkembang dan menjadi semangat raayat Brunei.

Bagaimana pula dengan kelengkapan untok Stadium ini yang di-chadangkan ini dan ada-kah ia akan boleh di-gunakan untok siang dan malam?

Sa-bagai sa-buah stadium yang berbentok ukoran antara bangsa maka sudah tentu-lah ia-nya akan di-lengkapkan dengan kemudahan2 yang sa-chukup-nya lengkap untok di-gunakan pada waktu siang atau malam.

Berapa-kah kira2 perbelanjaan membina Stadium ini dan boleh menampong kira2 berapa orang penuntun?

Anggaran perbelanjaan untok membina stadium yang di-chadangkan ini belum-lah dapat di-tentukan. Walau bagaimana pun sa-bagai stadium yang berchorak antara bangsa sudah tentu akan memakan perbelanjaan yang banyak, sakurang2-nya berbelas2 juta ringgit. Dengan demikian adalah di-harapkan kempen derma yang berjalan pada masa ini akan dapat menghasilkan kutipan yang banyak. Mengenai dengan penuntun ada-lah di-anggarkan dapat menampong lebeh kurang 25,000 orang dan kemudahan penarohan kereta muat untok 4,000 buah.

Berhubong dengan kutipan derma Stadium ini, dapat-kah Pehin menerangkan berapa banyak-kah jawatankuasa yang telah di-bentok dan ahli2-nya yang telah di-lantek untok mengendalikan-nya di-perengkat negeri dan daerah?

Jawatankuasa Tertinggi telah melantek dua jenis Jawatankuasa Kechil, yang pertama Jawatankuasa Kerja, yang di-Pengerusikan oleh saya sendiri dan Naib Pengerusi Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Setiausaha Y.B. Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwis dan Penolong Setiausaha Y.D.M. Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya

(Lihat muka 5)

Ayer sa-penoh-nya mulai hari ini

ADA-LAH di-maklomkan bahawa Projek Perbekalan Ayer Sungai Tutong yang telah di-mulakan sa-mula pekerjaan-nya oleh satu pemborong baru pada awal tahun ini dan di-jadualkan akan siap sempurna pada akhir bulan Jun 1973, Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Projek Ayer itu pada hari ini telah siap sempurna dan insha Allah mulai hari ini, ayer dari Sungai Layong itu akan dapat di-nikmati terus menerus oleh pendudok di-Bandar Seri Begawan dan kawasan2 di-sekitar-nya.

Bagi kawasan2 yang lain ia-itu Pekan Tutong dan Muara, insha Allah, akan beransor-ansor di-siapkan sa-bagaimana yang di-jadualkan. Raayat dan pendudok2 yang berkaitan dalam kawasan2 tersebut ada-lah di-nasehatkan supaya bersabar.

SHOR RAAYAT BOLEH JADI ASAS PENYUSUNAN RKN

KUALA BELAIT. — Pemangku Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda Ranchangan Kejuaan Negara yang baru yang sedang di-susun sekarang merupakan satu matalamat bagi membentok kehidupan dan kesejahteraan raayat yang bersatu padu di-samping memelihara keamanan dan kesentosaan.

Bersabda di-majlis dailog di-Pekan Belait pada hari Ahad lepas, Yang Amat Berhormat itu menegaskan bahawa majlis2 dailog saperti itu di-adakan bertujuan untok menjau pendapat2 dan buah fikiran raayat dengan jujor dan ikhlas yang boleh di-jadikan asas penyusunan ranchangan itu.

Ketika mengulas terhadap satu shor yang di-timbulkan oleh salah sa-orang pendudok di-Pekan Seria, Yang Amat Berhormat bersabda, kita tidak boleh mengikut atau meniru apa yang di-buat oleh negeri2 jiran tetapi kita boleh melaksanakan satu2 projek itu menurut kebolehan dan tenaga kita sendiri sa-barapa yang terdaya.

Sementara itu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap di-majlis yang sama telah menekankan beberapa perkara mengenai pelaksanaan perkembangan negeri yang menurut beliau kita juga tidak sa-harus-nya meniru negeri2 lain, tetapi kita hendak-lah menurut keperluan bangsa kita sendiri.

Yang Berhormat itu menerangkan, Brunei telah menjadi chuntoh tauladan yang baik kapada negeri2 lain di-zaman keagongan pemerentahan Sultan Bolkiah dalam mana keperibadian bangsa kita yang penoh dengan adat istiadat dan menganut Ugama Islam serta perasaan taat setia terhadap Sultan dan Kerajaan yang menjadi tumpuan perhatian negeri2 lain itu perlu-lah kita pelihara dengan baik-nya sekarang dan dimasa2 akan datang.

Menyentoh mengenai perusahaan pelanchongan di-negeri ini, Yang Berhormat itu mengalu2kan sa-tiap inisiatif raayat untok melaksanakan perkara itu asalkan saja ia-nya tidak bertentangan dengan undang2 negeri dan undang2 Ugama Islam yang mana Ugama Islam ada-lah Ugama Rasmi negeri ini.

Bagaimana pun kata-nya, kita tidak mahu Brunei di-jadikan Pusat Pelanchongan dengan menerima berbagai konsep yang di-salah gunakan untok tujuan2 maksiat dengan membawa pengaroh2 liar yang bertentangan dengan ideologi bangsa dan negara kita.

Apa yang kita mahu, tambah Yang Berhormat itu lagi, pelanchong2 yang datang ka-Brunei sa-mata2 dengan tujuan untok berehat di-samping menyaksikan sendiri kehidupan dan adat istiadat orang2 Brunei yang menganut Ugama Islam dalam mana Ugama Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin juga menyatakan bahawa Islam tidak menegah ujud-nya perusahaan pelanchongan asalkan saja ia-nya benar2 di-laksanakan menurut kehendak Ugama Islam yang tidak di-seliwingkan.

Stadium yang di-chadangkan boleh muat 25,000 orang

(Dari muka 4)

Di-Gadong Dato Seri Laila Utama Awang Haji Mohamed Yusof.

Sejak bila-kah kutipan derma Stadium ini di-jalankan?

Pengistiharan Kempen kutipan derma stadium ini telah di-istiharkan dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin melalui Radio Brunei pada 23hb. September, 1972, bersempena dengan hari keputeraan Duli Yang Teramat Mulia itu.

Jika sa-seorang individu, persatuan2 atau pun sharikat yang ingin menyumbangkan derma untok Tabong Pembinaan Stadium ini, bagaimana-kah perkara ini akan di-lakukan?

Jika penderma2 itu dari orang2 persaorangan boleh-lah menyampaikan derma mereka kapada Y.D.M. Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein. Dari bahagian Persatuan boleh-lah di-sampaikan kapada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain; dan dari penderma2 bahagian Sharikat di-pengerusikan oleh Y.M. Awang Selamat bin Munap, atau pun derma2 itu boleh di-sampaikan terus kapada Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium.

Bagaimana-kah sambutan orang ramai terhadap chadangan membina Stadium ini dan juga Tabong Pembinaan Stadium?

Chadangan ini mendapat sambutan dari orang ramai yang bukan hanya dari ahli2 sukan memang berkehendakkan Stadium ini tetapi orang ramai juga menyambut baik kerana mereka memang suka juga hendak mendirikan stadium di-negara kita ini.

Bokti-nya boleh di-ikuti melalui Radio Brunei dan pendek-kata sa-tiap hari atau sa-tiap malam ada saja berita2 yang mengenai dengan penerimaan derma ini. Ini menunjokkan sambutan orang ramai terlalu giat terhadap pembinaan Stadium.

Apa-kah pandangan Pehin terhadapa sambutan orang ramai terhadap Tabong Pembinaan Stadium?

Mengenai dengan sambutan orang ramai terhadap Tabong Pembinaan Stadium ini ada-lah menggalakkan yang bukan hanya mereka mendermakan wang daripada poket mereka sendiri tetapi juga mereka mengadakan derma ini melalui usaha2 mereka. Ini menunjokkan orang ramai telah mengetahui atau menyedari bahawa mereka itu ada-lah bertanggong jawab terhadap pembinaan Stadium ini, kalau di-perhatikan dari keadaan pencharian se-sa-orang itu dengan derma yang di-dermakan-nya boleh di-katakan derma yang di-berikan-nya itu ada-lah bersesuaian dengan pendapatan-nya. Ini bererti mereka ada-lah menyambut bersunggoh2 dan menjunjong titah Perentah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Sa-takat ini berapakah jumlah kutipan Tabong Pembinaan Stadium?

Sa-chara tepat jumlah yang di-terima pada masa ini belum-lah dapat di-tentukan kerana kutipan yang di-terima oleh Pengerusi2 tiap2 bahagian dari satu masa ka-satu masa tidak semua-nya terus dapat di-ketahui. Jawatankuasa Tertinggi atau penyampaian wang dalam Jawatankuasa Tertinggi, walau bagaimana pun di-anggarkan keselurohan kutipan yang telah di-terima itu hampir berjumlah sa-banyak $300,000.00 (tiga ratus ribu ringgit) termasok kutipan yang di-terima Daerah Belait yang lebeh kurang berjumlah $80,000.00 (lapan puloh ribu ringgit).

Apa-kah kempen mengutip derma Tabong Pembinaan Stadium ini akan di-teruskan dari satu masa ka-satu masa?

Ya, memang kempen pengutipan ini akan di-teruskan dari satu masa sa-hingga pembinaan-nya siap dan mungkin juga jika di-perlukan, kalau sudah siap pembinaan-nya pun, kempen ini akan di-teruskan lagi.

Kira-nya wang peruntokan yang di-kutip dari sumbangan orang ramai tidak mencheukopi apa-kah Kerajaan juga akan memberikan sumbangan derma?

Perkara ini akan tergantong kapada suatu keadaan tetapi sa-takat ini kita akan menchuba sa-berapa boleh supaya pembinaan stadium ini akan di-biayai oleh raayat dan pendudok negeri kita ini sendiri supaya rasa tanggong-jawab itu akan mendalam di-kalangan raayat dan pendudok negeri ini terhadap sa-suatu pembangunan negeri ini. Walau bagaimana pun jika sa-kira-nya di-perlukan juga maka perkara ini akan di-ikhtiarkan kemudian.

Baru2 ini terdapat dalam sa-buah akhbar tempatan yang mengemukakan chadangan supaya di-adakan loteri sa-bagai satu chara untok mengutip derma Tabong Pembinaan Stadium. Apa-kah pendapat atau pandangan Pehin terhadap chadangan ini?

Mengenai dengan chadangan ini sa-bagaimana telah di-tegaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi banawa kutipan ini sa-berapa boleh tidak akan di-lakukan melalui perkara2 yang bertentangan dengan peratoran yang mana mengadakan loteri ini ada-lah suatu chara yang berlawanan dengan peratoran yang di-sebutkan. Oleh yang demikian maka chadangan yang sa-demikian tidak-lah dapat di-terima. Perlu juga saya nyatakan di-sini bahawa usaha2 untok mendapatkan derma ini bukan sahaja tergantong kapada banyak-nya derma itu dapat di-kutip tetapi yang lebeh utama wang pendapatan dari derma bersesuaian dengan maksud2 sumbangan itu atau derma yang termasok usaha2 untok mendapatkan derma itu dari titek peloh wang itu sendiri supaya apa2 yang di-demrakan-nya itu bersesuai dengan maksud2 agama ia-itu derma dengan tulus ikhlas dan mudah2-an derma itu di-redhai oleh Tuhan dan sa-tiap penderma mendapat balasan dari Tuhan sa-bagai suatu perbuatan kebajikan. Tetapi mengenai dengan loteri ini oleh kerana ada termasok dalam jumlah perjudian, maka pada pendapat saya usaha yang sa-demikian tidak akan di-galakkan.

Apa-kah dengan terbina-nya Stadium ini nanti:

i) akan dapat menguntongkan ekonomi negara ini?

ii) akan memberi pekerjaan kapada anak2 negeri ini sesuai dengan dasar Ranchangan Kemajuan Negara yang baru?

a) Pembinaan Stadium ini nanti sudah tentu pada jangka panjang akan menguntongkan negara kita dari segi ekonomi, kerana apabila negeri kita telah menjadi mashhor sudah tentu pelanchong2 akan selalu datang kanegeri kita yang mana akan menjadikan negeri kita lebeh mashhor lagi dan mungkin tempat kita akan menjadi tempat pertandingan sukan2 antara bangsa. Jika terjadi demikian, sudah tentu akan

(Lihat Muka 8)

(Dari muka 4)

Dari sejarah2 hidup-nya itu-lah, ia-sudah mula melihat akan kedudokan-nya di-tengah2 lingkongan lautan yang maha luas itu.

Mempelajari dari sejarah pahit manis-nya itu, ia mula memikirkan untok berjalan sendiri2, sekali pun terpaksa memakai tongkat. Tongkat itu pun, di-harapkan-nya biar-lah warisan dari datok neneh-nya yang terbilang yang pernah menakloki banyak pulau.

Justeru kerana itu, rebah bangun atas usaha-nya sendiri itu merupakan satu pokok yang menjadi pegangan-nya sekarang. Ia sudah memikirkan bahawa tidak ada orang lain yang memberikan pertulongan tanpa mendapatkan faedah daripada-nya.

Sekarang kita, sa-bagai orang2 yang di-warithkan memileki bumi-nya ini, harus sama2 bangun bagi membina tembok2 hidup bagi kepentingan kita hanya.

Bukan saja ejaan ini, bahkan yang lebeh besar daripada itu ada-lah memerlukan usaha kita sa-mata2 — atau dengan kata2 yang lebeh tepat ia-lah rebah bangun dan untong rugi kita ada-lah di-tangan kita sendiri.

Kita mahu hidup menurut kepentingan kita sendiri. Kalau ada negara lain yang boleh membangun dan terkenal di-seluroh dunia dari titisan keringat raayat-nya sendiri, maka tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh berbuat demikian.

Ranchangan Kemajuan Negara yang baru yang sedang di-heboh2kan sekarang harus di-perjuangkan bersama2 oleh raayat yang mewarithi bumi kechil yang kita pijak ini, kerana thema utama-nya ada-lah untok kepentingan kita sa-bagaimana yang di-titahkan oleh Raja kita yang senantiasa memikirkan dan menumpahkan kaseh sayang baginda kapada negara dan raayat seluroh-nya.

Menjunjong titah dan kehendak negara ini, maka sikap yang perlu kita praktikkan ia-lah membanyakkan bangun dan bekerja dan melenyapkan dari sikap membanyakkan tidor dan berkhayal yang ternyata menimbulkan bahaya2 dari anchaman maut yang di-salorkan dari penyakit2 moden.





GAMBAR atas menunjokkan sa-bahagian dari penuntut Brunei yang telah menghadhiri majlis sambutan Maulud di-Asrama Kerajaan Singapura baru2 ini, sementara gambar kiri menunjokkan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri sedang menyampaikan hadiah kapada pemenang peraduan sharahan, Awang Redzuan.

JAWATAN2 KOSONG

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bangsa Melayu, dan telah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut, dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalun2 hendak-lah boleh membacha dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan $410x20-510/EB/540 x20-660 atau dalam tingkatan $710 x30-950. Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman bagi pemohon2 yang berjaya.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek salama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb. Jun, 1973.

Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang di-dalam Perkhidmatan Tetap dan yang telah menamatkan perkhidmatan-nya dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan sa-lama sekurang2-nya 5 tahun untok di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Tingkatan 'A' Lantekan Khas.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka serta mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 12hb. Jun, 1973. Ketua2 Jabatan, sa-masa menghadapkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) mesti-lah menyertakan laporan2 sulit berthabit dengan pegawai2 ini serta dengan menyatakan tugas2-nya sekarang serta kebolehan2 mereka untok di-naikkan pangkat. Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan.

Pembantu Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan sa-bagai Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Ukor, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalun2 untok di-lantek kajawatan ini mesti-lah telah menchapai umor 18 tahun tetapi tidak melebehi 25 tahun. Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei.

b) Mereka mesti-lah lulus Sijil 'Am Pelajaran dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2 EB 3-4 — $230x10-290x15-380/EB/410x20-510-540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb. Jun, 1973 .

Sa-bagai Kerani Perangkaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Kerani Perangkaan di-Jabatan Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia aliran Inggeris, atau pun lulus 4 matapelajaran termasok Ilmu Hisab di-perengkat 'O' G.C.E.; dan

b) boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan faseh-nya.

c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perangkaan dan/atau pernah mengambil bahagian dalam projek2 Perangkaaan saperti Banchi Pendudok dan Pertanian, atau pun lain2 pengkajian.

Tugas2:

Chalun yang terpileh mungkin di-kehendaki bertugas di-luar pejabat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb. Jun, 1973.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

Penuntut2 Brunei di-Singapura sambut Maulud

PENUNTUT2 Brunei di-Singapura telah mengadakan majlis sambutan bagi memperingati hari kelahiran Nabi Besar Mohammad s.a.w. bertempat di-Asrama Kerajaan Singapura baru2 ini.

Antara tetamu2 khas yang hadhir dalam majlis itu ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Abdullah bin Metassan dan beberapa orang pegawai2 Kerajaan yang pada masa itu berchuti di-Singapura.

Dalam majlis itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri juga telah memberikan uchapan nasehat kapada penuntut2 itu.

Antara achara yang telah di-persembahkan dalam majlis itu ia-lah bachaan Al-Quran, berzanji dan nashid. Kemunchak dari achara dalam majlis itu ia-lah peraduan sharahan dan peraduan menduga akal antara penuntut2 Brunei.

PEMBELA anjorkan pasar ria

KUALA BELAIT. — Persatuan Belia Belait — PEMBELA akan mengadakan pasar ria di-padang kechil Kuala Belait sa-lama saminggu mulai dari 28hb. Mei hingga 4hb. Jun, 1973.

Tujuan mengadakan pasar ria itu ia-lah untok mengutip derma bagi tabong pembinaan stadium.

Setia Usaha PEMBELA, Awang Sulaiman bin Udin menyatakan bahawa sa-banyak 75 peratus hasil pendapatan dalam pasar ria itu akan di-dermakan kapada tabong tersebut.

Beliau berkata, kemunchak dari achara dalam pasar ria itu ia-lah perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan antara Persatuan Belia Pemuda/i Kampong Sultan Lama dengan Persatuan PEMBELA dan berbagai jenis persembahan yang akan di-persembahkan oleh ahli2 persatuan itu.

Perlawanan bola sepak dan persembahan2 itu akan di-adakan pada 2hb. Jun.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA
No. 3/1973.

Bahawa permonohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Matali bin Haji Kula d/a Kampong Batang Tuau, Temburong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Kula bin Mohamad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 haribu'an Mei, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 4/1973

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jurai bte. Muntol, Kampong Puni, Temburong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mamit bin Haji Hujan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 haribulan Mei, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 41/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Palam bte. Jamaludin, Kampong Limau Manis, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka di-punyai oleh Adi bin Nudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 haribu'an Mei, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 44/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Sarabani bin Ismail, No: 11 Kampong Sungai Besar, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ismail bin Duraman @ Raman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 haribulan Mei, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 45/1973

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Zaini bin Md. Yassin, Telecommunications Dept., Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ibrahim bin Md. Zaini yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 haribulan Mei, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 47/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Masni bte. Dollah, No: 31, Kampong Kapok Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dollah bin Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 haribu'an Mei, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 48/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Mariam bte. Awang Chuchu (Azizah bte. Chuchu) LB. 762, Kg. Kumbang Pasang, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Chuchu bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 haribulan Mei, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 49/1973

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bidah bte. Ludin, Kampong Lumapas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ali bin Raman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 haribulan Mei, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Mei, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Negeri Brunei.
Pegawai Penguasa Warith.

JAWATAN KOSONG

Bailip Mahkamah Penghantar Saman /

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah di-Jabatan Kehakiman, Bandar Seri Begawan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI Melayu dan Darjah IV Inggeris. Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan di-atas tetapi telah berkhidmat sekurang2-nya 5 tahun sa-bagai pelayan atau posmen di-dalam Perkhidmatan Kerajaan akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. Jun, 1973.

TAWARAN KANTIN, PELABOHAN MUARA

Tawaran2 ada-lah di-pelawa untok menyewa sa-buah kantin di-dalam kawasan pelabohan baru di-Muara bagi masa dua puloh empat bulan mulai: 1hb. Julai, 1973. Sharat2 bagi menguruskan perkhidmatan2 di-kantin ini boleh di-pereksa di-Pejabat Pengawal Kastam & Bea pada masa bekerja.

2. Kantin ini akan mengandongi satu bilek pegawai, satu bilek pekerja2 dan satu bilek dapor. Beberapa jenis alat2 dapor yang penting akan di-adakan. Perabot2 juga akan di-adakan oleh Kerajaan. Semua alat2 yang lain, saperti gelas2, alat2 pemutong, pisau, garpu, sendok dan sa-bagai-nya, periok belanga, kain2 meja dan sa-bagai-nya mestilah di-adakan oleh pemburong yang berjaya, menurut darjah yang di-persetujui oleh Pengawal Kastam & Bea.

3. Kantin ini akan di-buka pada jam bekerja yang biasa dan di-sesuaikan kapada pekerjaan kapal2 yang merapat di-dermaga.

4. Kaki-tangan2 sa-chukup-nya mesti-lah di-adakan untok mengawas kantin ini.

5. Pemburong akan di-kehendaki mengadakan minuman2 (bukan minuman2 yang memabokkan, dari jenis apa jua pun) dan makanan2. Semua makanan2, minuman2 dan barang2 jualan hendak-lah menurut harga2 yang di-persetujui antara pemburong dan Pengawal Kastam & Bea.


6. Pemburong akan di-kehendakki mematohi semua arahan2 yang dari sa-masa ka-semasa akan di-beri oleh Pengawal Kastam & Bea atau oleh wakil-nya yang di-benarkan mengenai urusan kantin ini.

7. Penawar yang berjaya akan di-kehendaki memasoki satu Perjanjian dengan Kerajaan.

8. Tawaran2 yang bertanda "Kantin, Muara" yang mana hendaklah di-masokkan dalam borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Kastam, Bandar Seri Begawan, mesti-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 12.00 tengah hari pada hari Selasa 5hb. Jun, 1973.

9. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang tinggi sekali atau sa-barang tawaran dan pertimbangan akan di-berikan kapada darjah perkhidmatan yang dapat di-beri oleh penawar. Maka dengan sebab itu, ada-lah perlu bagi penawar menyatakan pengalaman mereka, jika ada, mengenai pengurusan perkhidmatan sa-buah kantin.

(Othman Chua Kwang Soon)
Pengawal Kastam dan Bea,
Brunei.



Sa-bahagian dari pendudok Kg. Lumapas dan kampong2 di-sekitar-nya ketika menghadhiri majlis dailog pada hari Jumaat lepas.

BELIA2 DI-NASEHATKAN SUPAYA JANGAN MEMILEH PEKERJAAN

LUMAPAS. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menekankan bahawa masaalah kenaikan harga barang2 ada-lah sukar untok di-atasi kerana kebanyakan barang2 keperluan itu di-datangkan dari luar negeri.

Kata-nya, chara yang lebeh berkesan bagi mengatasi masaalah itu ia-lah raayat sendiri berusaha bersunggoh2 dengan harapan kita dapat mengurangkan beban yang berat itu dengan tidak mengharapkan keperluan2 dari luar.

Meskipun demikian kata-nya, Kerajaan telah mengambil langkah2 yang perlu terhadap masaalah itu dan peniaga2 kedai sendiri telah berjanji tidak akan mengambil keuntongan berlebehan dan mereka juga berikrar akan memberikan kerjasama-nya dengan Kerajaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan perkara itu yang telah di-timbulkan oleh salah sa-orang pendudok di-Kampong Lumapas dalam majlis dailog yang telah di-adakan di-kampong itu pada hari Jumaat lepas.

Menyentoh mengenai belia, Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menasehatkan mereka supaya jangan terlalu memileh pekerjaan yang mana kebanyakan dari pekerjaan itu sa-harus-nya boleh di-buat oleh anak negeri ini tetapi terpaksa di-buat oleh orang2 pendatang.

Kerajaan memberikan pelajaran perchuma kapada anak2 negeri ini bukan-lah sa-mesti-nya mereka berkhidmat dengan Kerajaan tetapi pelajaran2 asas yang mereka terima bertujuan untok membo'ehkan mereka berfikhir lebeh jauh untok membentok kehidupan mereka sendiri dan memikirkan perkara2 yang baik antara haram dan halal.

Ibu bapa juga di-ingatkan supaya memberi kesedaran dan galakan kapada anak2 mereka bekerja di-sharikat2 perniagaan, firma2 atau membuat usaha sendiri tanpa bergantong sa-mata2 kapada Kerajaan.

Yang Berhormat itu menerangkan, sekarang terdapat antara 10,000 hingga 12,000 orang buroh dari luar negeri bekerja di-negeri ini yang sa-patut-nya peluang2 itu harus di-ambil oleh anak2 negeri ini sendiri.

Beliau menerangkan Kerajaan sentiasa menggalakkan raayat negeri ini mengambil bahagian sama ada dari segi permodalan atau penyertaan pekerja2 dalam apa juga usaha.

Kata-nya, komplek sa-buah hotel akan di-bina di-Jerudong menelan belanja kira2 15 juta ringgit dan telah membukakan peluang sa-banyak 60 peratus kapada siapa saja anak negeri ini yang berhajat menanam modal terhadap projek itu.

Perchaya kapada diri sendiri

(*Dari muka 1*)

Pemangku Menteri Besar itu mengharapkan satu2 projek yang akan di-laksanakan harus-lah di-tinjau dari segi kemampuan kita sendiri yang boleh di-pikul untok di-usahakan supaya hasil yang di-dapati daripada-nya benar2 berjaya.

Menyentoh mengenai tanah2 kepunyaan orang2 Melayu yang di-jual kapada bangsa2 asing, Yang Amat Mulia mensifatkan perbuatan itu sa-bagai kurang menyenangkan dan boleh di-anggap menjual meruah negara.

Yang Amat Mulia bersabda, Kerajaan telah memberikan hak keutamaan kapada semua raayat negeri ini tetapi sa-balek-nya mereka sendiri menyalah-gunakan hak2 tersebut sa-hingga menyusahkan diri mereka sendiri.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu menyeru raayat negeri ini khas-nya orang2 Melayu supaya mengubah sikap dan perchaya kapada diri sendiri untok sama2 memajukan negeri Brunei demi kehidupan, kemakmoran, ketenteraman dan kesejahteraan bangsa.

Sementara itu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz beruchap di-majlis dailog yang sama telah melahirkan rasa kesal-nya terhadap orang2 yang menjual tanah dan di-sifatkan beliau sa-bagai menjual negara.

Yang Berhormat itu berkata, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memberikan tanah2 itu kapada raayat negeri ini sa-bagai tanda kaseh sayang Baginda tetapi bukan bermaksud untok di-jual kapada orang2 asing.

Dengan ada-nya tanah2 itu, kata Yang Berhormat itu lagi, raayat negeri ini boleh berusaha sendiri untok membentok kehidupan dan kesenangan mereka.

Yang Berhormat itu berkata, Kerajaan tidak bermaksud membeli balek tanah2 itu sa-telah di-jual kapada orang2 asing oleh tuan2 punya tanah itu dan ini bukan-lah satu chara yang kukoh untok menimbulkan satu masharakat yang dinamik.

Menyentoh mengenai tanah2 tumpang sementara atau T.O.L., Yang Berhormat itu menerangkan, mereka hanya di-benarkan menanam jenis tanaman sementara dan membuat rumah atu pondok sementara di-atas tanah2 tersebut dan ada-lah menyalahi dari segi undang2 jika mereka melakukan perkara2 lebeh dari itu.

Kata-nya, kita hidup sekarang penoh mempunyai adat dan undang2 negeri yang menunjokkan satu bangsa yang sudah bertemadun di-mana kita harus mematohi-nya, sa-bagai satu bangsa yang taat lagi setia.

Ejaan baru: Orang ramai tidak perlu bimbang

(*Dari muka 1*)

pendapat beliau tidak harus di-anggap sa-bagai satu masaalah yang rumit.

Kerana itu, menurut pertimbangan beliau, tidak payah buku2 teks yang di-datangkan dari luar negeri di-chetak sa-mula menurut ejaan lazim yang kita pakai di-negeri ini.

Oleh itu, beliau menyeru seluroh raayat negeri ini supaya menetapkan fikiran dan menghilangkan keraguan yang telah di-timbulkan itu.

Berhubong dengan soal ejaan ini juga, Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menyeru semua pendidek2 yang bertugas supaya turut sama menerangkan penjelasan2 yang di-berikan beliau itu.

Di-samping itu, beliau juga menyeru kaum pendidek itu supaya melaksanakan maksud2 tersebut dengan sa-chara objektif salaras dengan maksud2 Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Mengenai dengan temasha sukan itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan tertarek hati terhadap pertunjokan perbarisan Kadet Askar yang di-anggotai oleh penuntut2 Sekolah2 Menengah itu.

Aktibiti yang sa-umpama itu di-sifatkan beliau sa-bagai satu latehan yang berharga buat negeri kita ini dalam menghadapi chorak2 hidup bagi raayat dan negeri di-masa2 yang akan datang.

Dengan kebijaksanaan Kerajaan D.Y.M.M., kata-nya, kita bukan saja berbangga terhadap kechekapan angkatan bersenjata kita, tetapi juga kita berbangga terhadap penuntut2 yang terkumpul dalam kaum belia2 yang "tahan charah".

Dari mereka ini-lah, kata beliau, terdapat angkatan kadet itu yang akan menyiapkan diri mereka dalam siku-liku pertahanan demi untok mempertahankan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Semangat berusaha sendiri harus di-amalkan

(*Dari Muka 1*)

usahakan pertanian mereka dan ada pula di-antara satu keluarga dapat menunaikan fardhu haji dari hasil pertanian mereka sendiri.

Semangat demikian, sabda Yang Amat Mulia itu lagi, harus-lah di-chuntohi oleh orang2 Brunei sendiri.

Mengenai perhubongan jembatan antara sa-buah kampong dengan beberapa kampong yang lain di-kawasan itu, Pemangku Menteri Besar menerangkan satu pengkajian yang teliti dan penyelidekan yang lebeh luas akan di-jalankan dan ini termasok-lah juga pengkajian terhadap parit dan tali ayer.

Ketika menerangkan satu chadangan yang di-timbulkan oleh salah sa-orang pendudok Lumapas mengenai perusahaan membuat machis, perusahaan membuat kacha dan kayu balak, Yang Amat Berhormat mensifatkan chadangan itu memang baik jika orang2 kita sendiri benar2 mampu untok mengusahakan-nya. Sa-benar-nya perusahaan memproses kayu balak untok di-jadikan papan lapis telah pun di-bawa ka-persidangan Jawatankuasa Kechil bulan lalu untok pertimbangan dan pengkajian.

Terdahulu sa-belum itu Yang Amat Berhormat telah menerangkan bahawa tujuan dailog itu di-adakan ia-lah untok mendapatkan pendapat dan buah fikiran pendudok2 di-Kapong Lumapas sa-chara jujor, dari hati ka-hati sa-mata2 untok menjunjong titah dan tidak ada tujuan lain melainkan kerana Allah.

Beberapa orang dari pendudok2 Kampong Lumapas telah mengemukakan shor2 dan pendapat2 mereka. Pemangku Menteri Besar telah memberi jaminan akan meneliti dan mengambil perhatian terhadap shor2 tersebut.

(Dari muka 5)

mendatangkan keuntongan dari segi ekonomi negara kita.

b) Mengenai dengan memberi perkerjaan kapada anak negeri, memang ini ada-lah suatu perkara yang sudah termasok dalam dasar ranchangan kemajuan negara yang baru. Itu-lah yang di-jadikan matalamat yang utama kerana pekerjaan2 bagi anak negeri ini mungkin pada masa yang akan datang dapat di-berikan kapada mereka.

Siapa-kah yang akan mengendalikan perjalanan Stadium ini nanti?

Sa-takat ini saya belum dapat menentukan, akan tetapi besar kemungkinan akan di-adakan satu badan yang akan mengelolakannya kerana sa-suatu projek yang sa-demikian ini memang bersesuaian di-kendalikan oleh sa-suatu badan yang tertentu.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 22 RABU 30HB. MEI, 1973. 1393 رابو 27 ربيع الاخير PERCHUMA



Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika berchap sa-belum merasmikan Kursus Sharikat Kerjasama Belia pada hari Ahad lepas.

GERAKAN KERJASAMA AKAN DI-MASOKKAN DALAM RANCHANGAN KEMAJUAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa Kerajaan sedang meneliti dan mengkaji satu laporan undang2 mengenai 'Gerakan Kerjasama' yang akan di-masokkan ka-dalam Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru.

Berthabit dengan perkara itu Kerajaan tambah beliau, pernah memasokkan sa-orang pakar Gerakan Kerjasama dari luar negeri untok meneliti dan mengkaji kedudokan masharakat di-Brunei yang mana laporan tersebut telah di-terima pada dasar-nya.

Beruchap ketika merasmikan Kursus Sharikat Kerjasama Belia anjoran Jabatan Kebajikan Masharakat, Yang Berhormat itu menekankan bahawa sa-barang kemajuan, faedah dan praktik gerakan kerjasama itu sa-bahagian besar-nya terletak atas kemahuan. inisiatif dan kebolehan raayat Brunei sendiri, khususnya belia2 di-seluroh tanah ayer.

Beliau mengharapkan supaya seluroh tanggong-jawab yang di-bebankan kapada raayat negeri ini terhadap ranchangan itu tidak akan di-**'ampai2kan'** dan ia-nya hendak-lah di-pikul dan di-laksanakan dengan perasaan ta'at setia terhadap negeri ini.

Yang Berhormat itu juga perchaya, jika terdapat kegagalan dalam Gerakan Kerjasama itu, ia-nya berarti kegagalan atau kurang inisiatif raayat sendiri dalam mengusahakan-nya.

Kerana itu Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menggesa belia2 supaya tidak **'mengampai2kan'** harapan raayat yang di-sandarkan kapada mereka untok menimbulkan inisiatif serta buah fikiran praktikal pada menghadapi chabaran2 yang begitu besar bagi satu jangka waktu yang panjang.

Jabatan Kebajikan Masharakat yang mengurak langkah memberikan kursus Sharikat Kerajasama Belia yang berjalan sa-lama lima hari itu bertuiuan untok melengkapkan diri belia2 menghadapi perkara itu dengan sa-sunggoh-nya.

(Lihat muka 5)

Semangat "memuchang2" harus di-timbulkan kembali oleh jenerasi muda

TANAH JAMBU. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menggesa jenerasi muda di-negeri ini supaya menggiatkan lagi semangat memuchang2 yang telah di-pusakai dari datok nenek kita orang2 Brunei sa-belum tahun 1906.

Yang Amat Mulia telah bersabda demikian di-majlis dailog di-Sekolah Melayu Tanah Jambu yang di-hadhiri oleh kira2 70 orang pendudok Tanah Jambu pada hari Jumaat lepas.

Majlis dailog itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara bersabda bahawa datok nenek kita orang2 Brunei terkenal dengan semangat memuchang2 yang kuat bekerja dan semangat demikian harus-lah di-timbulkan kembali oleh jenerasi muda sekarang supaya kita dapat sama2 membangun satu ma-

(Lihat muka 8)

Majlis dailog untok mendapatkan fikiran raayat terhadap RKN

TANAH JAMBU. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menegaskan bahawa rombongan pegawai2 dailog menjelajah ka-kampong2 di-negeri ini bertujuan sa-mata2 untok mendapatkan fikirkan raayat terhadap penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Yang Amat Mulia Bersabda, kita tidak mahu raayat akan mengeloh apabila ranchangan2 itu selesai di-laksanakan dan menimbulkan rasa tidak puas hati kapada mereka.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar bersabda demikian dalam majlis dailog yang di-adakan di-Sekolah Melayu Tanah Jambu, Jalan Muara pada hari Jumaat lepas.

Yang Amat Mulia menerangkan pegawai2 Kerajaan yang di-lantek dalam Jawatankuasa Peranchangan sekarang boleh menyusun dan melaksanakan perkara2 itu tanpa berunding mendapatkan fikirian raayat, tetapi Kerajaan tidak mahu berbuat demikian saperti kata pepatah "rumah siap pahat berbunyi".

Menyentoh mengenai kelinik yang di-timbulkan oleh salah sa-orang pendudok di-kampong itu, Yang Amat Mulia bersabda bahawa kelinik di-Pekan Muara telah pun siap di-bina dan pendudok2 di-sekitar Kampong Tanah

(Lihat muka 8)

Majlis dailog di-Dewan Raya

SATU majlis dailog antara belia2 dengan Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz akan di-adakan di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada malam ini mulai jam 7.30 malam.

Sa-orang juruchakap Jawatankuasa Peranchang menyeru semua belia2 di-seluroh negeri ini supaya hadhir ka-majlis itu dan mengemukakan shor serta pendapat mereka mengenai dengan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru itu.

Hakim Besar tiba di-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hakim Besar, Dato Setia Sir Ivo Charles Clayton Rigby tiba di-Brunei dari Hong Kong untok mengadakan pembicharaan mahkamah tinggi Brunei pada minggu lalu.

Beliau di-sambut di-Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Idris Talog Davies, Timbalan Pendakwa Raya, Awang Mohammad Ali Salleh, Penolong Penasehat Undang2 Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Ketua Pendaftar, Awang Charlie Foo Chee Tung, Pegawai Pendaftar, Awg. Wong Ah Fatt, Timbalan Pendaftar, Awang Lo Ket Vui, dan Pengadil Stipendiary, Awang Mohammad Ali bin Mohd. Daud.

Hakim Besar, Dato Setia Sir Ivo Charles Clayton Rigby akan mendengar rayuan dan kes2 jenayah di-Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan. Beliau juga akan mendengar Kes2 Awam.



SAMBUTAN raayat dan penduduk di-negeri ini terhadap derma bagi tabong pembinaan stadium ada-lah sangat menggalakkan. Hampir satiap hari derma telah di-terima sama ada oleh Jawatankuasa Tertinggi tabong tersebut mahu pun Jawatankuasa Bahagian.

Sa-takat ini kira2 $300,000.00 termasok lebeh dari $81,000.00 derma dari Daerah Belait telah di-terima oleh Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium sejak kempen itu di-lancharkan dalam bulan September tahun lalu.

Baru2 ini Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium telah menerima sumbangan yang terbesar dari orang perseorangan. Derma sa-banyak $30,000.00 telah di-dermakan oleh Awg. Ong Kim Kee dan telah di-sampaikan kapada Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri **(gambar atas).**

Derma yang terbesar di-terima oleh Jawatankuasa itu sa-takat ini ia-lah dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang menderma sa-banyak $50,000.00.

Majlis penyampaian Sijil peraduan trengkas dan menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Penyampaian Kelulusan Sijil2 Trengkas dan Menaip dan penyampaian hadiah2 peraduan Trengkas dan Menaip akan di-adakan pada hari Ahad 3 Jun bertempat di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan mulai jam 9.00 pagi.

Majlis itu akan di-lakukan oleh Pengadil Stipendiary Brunei, Awg. Mohamed Ali bin Mohamed Daud.

Ia-nya di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa sa-bagai sabahagian dari projek tahunan jabatan itu.

Semua penuntut2 trengkas dan menaip yang telah lulus tahun lalu ada-lah di-kehendaki hadhir di-majlis itu.

Peserta2 Peraduan yang akan menerima hadiah2 mereka, guru2 trengkas dan menaip serta semua Jawatankuasa Peraduan ada-lah juga diminta hadhir pada hari tersebut.

Sementara itu, satu pameran mengenai perkembangan pelajaran trengkas dan menaip akan di-adakan sa-lama dua hari mulai 1hb. Jun di-balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ia-nya terbuka untok kunjongan orang ramai dari jam 8.30 pagi hingga 9.00 malam.

Sambutan ulang tahun ke-12 pasokan AMDB

BERAKAS. — Askar Melayu Diraja Brunei akan menyambut hari ulang tahun-nya yang ke-12 di-Perkemahan Berakas pada hari Khamis esok 31hb. Mei.

Sambutan itu akan di-mulakan dengan satu pertunjokkan terbuka di-padang perbarisan. Pertunjokkan itu termasok achara2 perlumbaan, seni mempertahankan diri dan pemainan pancharagam.

Satu pertunjokkan taktik yang akan di-adakan di-pantai berhampiran dengan mess pegawai hanya untok tetamu2 jemputan saja.

Pada sa-belah petang satu pertunjokkan tatoo dan permainan pancharagam juga di-adakan hanya bagi tetamu jemputan.

Kenderaan bagi orang ramai untok menyaksikan pertunjokkan akan di-sediakan dari Bandar Seri Begawan ka-Perkemahan Berakas dan balek.

Jadual perlawanan bola sepak PBSAB

JADUAL perlawanan bola sepak anjoran Persatuan Bola Sepak Ametor Negeri Brunei bagi minggu ini ada-lah saperti berikut:

Pada hari Jumaat 1hb. Jun: Sumbiling lawan PERKASA, di-padang Bandar Seri Begawan; B.R.C. lawan P.A.P.P. di-padang SOAS; Muzium lawan PERKA di-padang Berakas Kem.

Pada 3hb. Jun: SATRIA lawan Perubatan di-padang SOAS; A.M.D.B. lawan KUJAGA di-padang Berakas Kem; J.K.R. lawan IKERAB di-padang Bandar Seri Begawan dan Talikom lawan Letrik, di-padang Gadong.

Pada 4hb. Jun: I.B.B. lawan P.G.G.M.B., di-padang Bandar Seri Begawan; Pulis lawan T.A.S. di-padang SOAS; D.B.P. lawan K.P.P.S.K. di-padang Berakas Kem dan Pelajaran lawan Pertanian di-padang Gadong.

Pada 6hb. Jun: M.S.S. lawan Sumbiling di-padang Berakas Kem dan PERKASA lawan P.A.P.P. di-padang Bandar Seri Begawan.

Semua perlawanan akan di-mulakan pada jam 4.40 petang.



PEGAWAI Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Hj. Abu Bakar bin Pengiran Omar sa-laku Pengerusi Tabong pembinaan Stadium Daerah Belait, sedang menerima wang tunai sa-banyak $3,345.00 daripada Che'gu Awg. Tuah bin Hj. Hitam, Pengetua Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam sa-bagai sumbangan dari Sekolah Menengah/Rendah Melayu Muhammad Alam, Seria serta di-saksikan oleh Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Che'gu Haji Sabtu bin Muhd. Che'gu Haji Sabtu bin Muhd., Pengawas Sekolah Menengah Muhd. Alam, Che'gu Mohd. Shah bin Imam Hj. Ahmad dan Guru Besar Petang Che'gu Imran bin Hussin. Wang tersebut di-perolehi sa-masa sekolah itu mengadakan pasar ria baru2 ini. Pehak sekolah menguchapkan terima kaseh kapada ibu bapa yang telah sudi menderma kapada sekolah melalui anak2 mereka kerana derma pembinaan stadium itu.

Perlawanan bola sepak anjoran PEMBELA

KUALA BELAIT. — Persatuan Belia Belait akan menganjorkan perlawanan bola sepak terbuka kapada semua Persatuan2 Belia dan Kebajikan seluroh negeri sa-bagai sabahagian dari achara sambutan Perayaan Hari Keputeraan ke-27 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-daerah itu.

Sa-orang juruchakap Persatuan itu berkata, tiap2 sabuah Persatuan hanya di-benarkan menghantar tidak lebeh dari dua pasokan dan tiap2 satu pasokan di-kenakan bayaran sa-banyak $15.00.

Borang2 bagi menyertai perlawanan itu sekarang bo-

(Lihat Muka 6)

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

SIFAT MALU BOLEH MENGHALANG SA-SEORANG DARIPADA MEMBUAT DOSA DAN KEJAHATAN

KHUTBAH JUMA'AT

SALAH satu hikmat yang terkandong dalam kitab2 Ugama dahulu dan yang sampai sekarang menjadi sa-bagai peri bahasa, ia-lah tentang malu sa-bagaimana di-terangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

"Sa-tengah daripada perkataan Nabi2 dahulu kala yang di-ketahui oleh manusia ia-itu apabila engkau tidak mempunyai malu maka perbuat-lah apa yang engkau suka".

Perkataan itu di-faham orang dengan dua pengertian, yang pertama mengatakan bahawa perintah dalam perkataan Nabi2 itu ada-lah untok **thaubih** dan **thaidid** yakni buat tegoran kuasa dan buat menakutkan, sama dengan firman Allah yang bermaksud:

"Kerjakan-lah apa yang kamu kehendaki, kerana Allah melihat apa yang kamu kerjakan".

Surohan atau perentah dalam ayat tadi ada-lah buat menakutkan, arti-nya kalau kamu tidak mau mematohi perentah Allah, kerjakan-lah apa yang kamu kehendaki, kerana Allah mengetahui dan akan membalas perbuatan kamu.

Dengan memakai pengertian ini dapat-lah di-fahamkan bahawa malu yang tersebut dalam perkataan Nabi2 itu ia-lah satu sifat yang menghalangi sa-seorang daripada berbuat dosa dan kejahatan. Maka orang yang tidak ada malu-nya, atau orang yang tidak mempunyai malu ada-lah diri-nya dengan dosa dan kejahatan sa-bagai satu badan, tidak ada yang memisahkan. Kalau sa-seorang sudah tidak ada yang memisahkan-nya dengan dosa dan kejahatan, maka ia akan berbuat sa-suka hati-nya, sa-akan2 di-suroh melakukan dosa dan kejahatan itu, kerana tidak ada pada-nya sifat malu.

Pendapat yang kedua mengatakan bahawa surohan atau perentah itu ada-lah untok **ibahah** yakni buat keharusan, arti-nya apabila dalam perbuatan kamu itu kamu merasa aman daripada mendapat malu kerana kamu anggap benar, maka perbuat-lah sa-kehendak hati kamu: pengertian yang kedua ini tidak tepat dan jauh menyimpang dari tujuan-nya yang sa-benar.

Mari-lah kita meneliti betapa besar-nya pengaroh kata2 yang di-sabdakan oleh Nabi2 dahulu kala dan juga oleh Nabi Muhammad s.a.w. tentang malu dan bekas-nya dalam masharakat manusia.

Dalam dunia yang serba moden ini kita dapat mendengar atau menyaksikan bermacham2 kejahatan di-lakukan manusia, ada pembunoh-an2 kejam, perkosaan2 kehormatan, perampasan hak milek, perzinahan, perjudian dan bermacham2 maksiat dan kelakuan yang tidak senunoh. Kalau kita pereksa dengan teliti penyakit yang terbesar-nya itu ia-lah di-sebabkan hilang-nya malu. Kalau sudah tidak ada sifat malu pada sa-seorang, sa-suatu masharakat, umat dan bangsa, neschaya menjalar-lah segala macham kejahatan.

Hilang malu itu-lah yang mengubah nama kejahatan dengan kebaikan, kemungkaran dengan kemajuan, perjudian dengan penganggoran, kekejaman dengan keadilan dan lain2. Semua kejahatan itu sudah berubah nama-nya dan di-anggap baik, ringan dan biasa, itu-lah orang2 yang sesat jalan dan menganggap perbuatan-nya benar.

Oleh yang demikian umat Islam ada-lah di-serukan supaya menjaga meruah diri dan keluarga supaya jangan sampai terchebor kelembah maksiat, berwaspada-lah diri masing2 supaya tidak terpengaroh dengan godaan2 shaitan yang sentiasa menggoda manusia ka-jalan kejahatan dan dosa. Mudah2an Allah Subhanahu-Wataala menyelamatkan kita daripada penyakit hilang malu. Amin ya rabal alamin.

Tujoh penuntut Ugama lanjut pelajaran ka-M'sia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tujoh orang penuntut2 Ugama Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat baru2 ini untok melanjutkan pelajaran mereka di-Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan.

Penuntut2 yang melanjutkan pelajaran ka-Universiti Malaya ia-lah Awang Ahmad Bukhari bin Abu Hanifah dan Dayang Zalina binte Omar.

Sementara penuntut2 yang melanjutkan pelajaran ka-Universiti Kebangsaan ia-lah Awg. Kassim bin Lamat, Awang Adnan bin Zainal, Awang Tarif bin Metussin, Awang Elias bin Pengarah Haji Jalil dan Awang Besar bin Abu Bakar.

Dengan jumlah ini membawakan sa-ramai 18 orang penuntut2 Brunei belajar di-Universiti Malaya dan Kebangsaan atas dermasiswa Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama.

681 orang akan naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mendaftarkan sa-ramai 681 orang Islam yang akan menunaikan fardhu haji bagi musim haji tahun 1973/74.

Dari jumlah itu sa-ramai 644 orang akan pergi ka-Mekah dengan menaiki kapal terbang dan yang lain-nya akan pergi dengan kapal laut.

Ini ada-lah bilangan yang terbesar pernah di-daftarkan oleh jabatan itu.

Pendaftaran untok menunaikan fardhu haji bagi tahun ini telah di-tutop pada 17hb. Mei yang lalu.

Pelajar Islam sambut Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Pelajar2 Islam Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengadakan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bertempat di-dewan Maktab itu pada hari Sabtu 26hb. Mei yang lalu.

Antara achara2 sambutan pada malam itu termasok-lah peraduan sharahan antara sekolah2 menengah dan maktab2, persembahan deklamasi sajak dan nashid.

Stipendiary Magistret Brunei, Awang Ali bin Mohammad Daud telah merasmikan sambutan itu.

Majalah Tafsir Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah menerbitkan Majalah Tafsir Darussalam yang mengandongi maana serta huraian tafsir ayat2 Al-Quran.

Majalah itu di-terbitkan sachara bersiri pada tiap2 bulan. Sa-takat ini jabatan itu telah menerbitkan sa-banyak 17 siri — dari bilangan satu hingga bilangan 17.

Orang ramai, khas-nya orang Islam yang berhajat untok membeli dan menjadi pelanggan tetap sa-tiap keluaran boleh berhubong dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Harga langganan ia-lah $3.00 bagi enam bulan dan $6.00 bagi 12 bulan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 30hb. Mei 1973 hingga ka-hari Selasa 5hb. Jun, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
30hb. Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
31hb. Mei	12-23	3-42	6-34	7-36	4-36	4-51	6-06
1hb. Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06
2hb. Jun	12-25	3-45	6 32	7-47	4-37	4-52	6-06
3hb. Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06
4hb. Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06
5hb. Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

30hb. Mei. 1973.

MATAWANG

MINGGU lalu, satu lembaran baru telah terchatet dalam sejarah matawang. Peraturan Saling Pertukaran Matawang antara Brunei dengan Malaysia telah pun di-tamatkan mulai jam 3.30 petang waktu Brunei pada hari Selasa, 22hb. Mei 1973. Bank2 perniagaan di-seluroh Negeri Brunei akan terus menerima wang2 kertas dan shiling2 Malaysia untok ditukar dengan matawang Brunei mengikut kadar harga yang biasa sa-hingga waktu perniagaan bank di-tutop pada 21hb. Jun, 1973. Sa-lepas tarikh itu matawang Malaysia akan di-anggap asing, tetapi ia-nya akan terus boleh di-tukar oleh bank2 di-Brunei dengan matawang Brunei mengikut kadar penukaran matawang pasaran.

Penamatan Peratoran Saling Pertukaran Matawang antara Brunei dengan Malaysia ini tentu-nya menimbulkan berbagai reaksi di-kalangan orang ramai. khusus-nya di-kalangan peniaga2 dan pelawat2 yang berulang alek di-antara kedua2 buah negara.

Perkara ini saharus-nya tidak menimbulkan beributan dan sungutan, kerana ada-lah di-yakini bahawa langkah yang di-ambil oleh Kerajaan D.Y.M.M. itu ada-lah sekali2 tidak bertujuan hendak menyusahkan orang ramai. Memang pada mula-nya orang ramai akan menemui beberapa kerumitan terutama sekali dalam soal membeli-belah, kerana salama ini orang ramai menggunakan matawang2 dari ketiga2 buah negara yang berjiran. Akan tetapi penggunaan matawang saperti yang berjalan sekarang tidak lagi dapat di-lakukan sa-lepas 21hb. Jun, 1973. Sabenar-nya kerumitan saperti ini tidak akan berlarutan, kerana sa-chara perlahan2 ia-nya akan dapat di-atasi apabila kita sudah dapat menyesuaikan-nya.

Tentang nilai matawang kita pula harus ramai yang menchurigai-nya apa-kah nilai matawang kita itu tidak akan satara dengan nilai matawang negara2 jiran. Perkara ini tidak sapatut-nya menjadi satu kebingongan, kerana nilai matawang kita ada-lah mempunyai nilai yang kukoh dan dengan langkah menamatkan Peratoran Saling Pertukaran Matawang ini kita perchaya tidak akan menjejaskan nilai matawang dan ekonomi negeri kita. Perkara nilai-nya itu sudah tentu menjadi salah satu pokok pertimbangan yang utama sa-belum tindakan di-ambil bagi menamatkan Peratoran Saling Pertukaran Matawang yang telah pun berjalan sejak ketiga2 buah negeri mengeluarkan matawang sendiri pada tahun 1967 dahulu.

Mengenai dengan pengekalan Peratoran Saling Pertukaran Matawang dengan Singapura, maka langkah itu tidak harus di-anggap sa-bagai langkah yang tidak wajar, kerana hal ini tentu-nya di-lakukan dengan tujuan2 kebaikan.

(Dari muka 5)

PENERANGAN MENGENAI DENGAN DASAR PEJABAT BUROH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenan dasar mengenai Pejabat Buroh yang telah di-luluskan dalam Persidangan Majlis Mashuarat Sultan pada 23hb. September, 1971.

Pesurohjaya Buroh Awang Mohd. Ali bin Haji Awang Besar dalam satu perjumpaan khas dengan ahli2 Dewan Perniagaan China dan Dewan Perniagaan India di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan minggu lalu telah menerangkan dengan rengkas akan isi dan tujuan dasar tersebut.

Sa-belum itu Awang Mohd. Ali telah menguchapkan ribuan terima kaseh atas kehadhiran Pengerusi Dewan Perniagaan China, Pengerusi Dewan Perniagaan India, tawkey2 dan saterus-nya peniaga2 di-Bandar Seri Begawan.

Beliau menerangkan Kerajaan dengan sa-boleh2-nya akan mengurangkan atau menghapuskan sama sekali pekerja2 yang di-datangkan dari luar negeri ka-negeri Brunei ini dan menggantikan dengan anak2 tempatan sa-penoh-nya.

Dengan demikian ini berarti Kerajaan tidak bermaksud orang2 luar negeri diam lebeh lama atau bermastautin terus di-negeri ini sekali pun banyak kerja2 yang mustahak baik dari segi perniagaan, projek2 Kerajaan atau projek2 untok pembangunan.

Kata-nya, tidak dapat di-nafikan bahawa kita maseh banyak kekurangan buroh2 kita sendiri yang kurang berpengalaman dan kurang kemahiran yang menyebabkan kerja2 itu tidak dapat di-sanggupi oleh anak2 tempatan.

Dengan ada-nya dasar yang telah di-luluskan itu membolehkan Kerajaan memikirkan untok menukar yang dulu-nya di-panggil "Quota" dan sekarang di-panggil "Lisen" bagi majikan2 yang membawa masok pekerja2-nya dari luar negeri ka-negeri ini dan majikan2 yang tidak memperolehi lisen dari Pejabat Buroh tidak di-benarkan membawa masok pekerja2 luar itu dan Pejabat Imigreshen juga tidak akan memberi kebenaran kapada mereka.

Penukaran quota kapada lisen yang telah di-jalankan oleh Pejabat Buroh sejak bulan Jun 1972 dan antara lain sharat2 itu menekankan bahawa sama ada lisen atau surat2 tidak menunjokkan sa-barang perjanjian bahawa Pengawal Imigreshen akan mengeluarkan Pas2 Kerja yang di-pohonkan.

Borang2 pengambilan pekerja hendak-lah di-rujokkan kapada Pertukaran Pekerjaan untok pandangan dan penelitian.

Awang Mohd. Ali menegaskan lagi pekerja2 asing akan di-beri sukongan, jika ada anak2 tempatan yang berkebolehan dapat membuat kerja2 yang di-kehendaki itu sekali pun majikan2 itu mempunyai kebenaran (Lisen) dan lisen kerja yang di-keluarkan oleh Pejabat Buroh hanya membolehkan mereka memohon Pas2 Kerja kapada Imigreshen dengan mengisikan borang Imigrehen 23.

Sama ada di-bolehkan masok atau tidak, ini bergantong kapada pengkajian dan penyelidekan sama ada benar anak2 tempatan tidak boleh membuat kerja2 itu, lebeh jelas bahawa sama ada surat atau lisen yang di-kembarkan (permohonan pas kerja Imigreshen borang 23 yang di-sertakan dengan borang BUR 500 Buroh) tidak menandakan sa-barang perjanjian bahawa Pengawal Imigreshen akan meluluskan-nya pas2 kerja yang di-pohonkan oleh majikan akan di-sukong.

Akan tetapi, Pesurohjaya Buroh menjelaskan jika ada chalun2 tempatan yang berkelayakan dan berkebolehan atau boleh membuat jenis pekerjaan yang di-minta itu, maka pekerja luar akan di-tolak dan sa-balek-nya Pejabat Buroh akan menghantar orang2 tempatan bagi mengisikan jawatan tersebut.

Kata-nya, jika kerja2 yang di-pohonkan itu bertentangan umpama-nya mereka memuhon sa-bagai book-keeper atau accountant sedangkan sijil atau kelulusan atau pun kemahiran-nya tidak membuktikan kelayakan2 dan kebolehan-nya dalam perkara itu, maka permohonan-nya di-edarkan balek ka-Pejabat Imigreshen dengan kenyataan bahawa permohonan majikan itu tidak di-sukong, maka Pejabat Imigreshen yang penoh kuasa dalam perkara itu tidak membenarkan mereka masok ka-Brunei.

Pesurohjaya Buroh menjelaskan dengan berkata, kita sering kali mendengar titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan uchapan2 dari pembesar2 negara yang menyeru kapada semua Pengurus2 Sharikat dan sektor2 persendirian, peniaga2 kechil atau besar supaya mengambil pekerja2 tempatan dan melateh mereka sa-penoh2-nya dengan harapan anak2 tempatan dapat menggantikan pekerja2 dari luar negeri itu dengan sa-chepat mungkin.

Beliau juga menyeru kapada Pengurus2 Sharikat dan Dewan Perniagaan China, India yang hadhir di-perjumpaan itu supaya sama2 menghadapi dan mengikhtiarkan serta memperbaiki dari satu masa ka-satu masa kesulitan2 mengenai masaalah buroh2 tempatan.

Beliau berkata, mereka yang mempunyai perniagaan di-negeri ini yang dudok dalam negeri ini dan telah mendapat keraayatan sa-bagai warga negara Brunei bukan saja akan terus menjalankan perniagaan mereka dengan senang linang tetapi juga hendak-lah turut bersama2 bersusah payah mengikhtiarkan kesulitan2 yang sama2 kita hadapi berkenaan dengan pekerja2 tempatan.

Melalui Badan2 Dewan Perniagaan China, India dan Badan2 Perseorangan, Pesurohjaya Buroh itu mengharapkan supaya mereka dapat mengkaji dan memikirkan serta menchari alasan2 munasabah untok memperbaiki sistem bekerja kapada anak2 tempatan.

Mithal-nya, gaji yang di-tawarkan kapada anak2 tempatan hendak-lah sesuai, masa bekerja yang panjang hendak-lah di-perbaiki dan keistimawaan hendak-lah di-berikan.

Keistimewaan yang di-maksudkan itu ia-lah jika mereka sudah bekerja satu tahun, dan hari2 kelepasan hendak-lah di-berikan dengan bergaji penoh atau mereka di-beri bonos supaya lebeh menarek hati mereka di-samping satu usaha melipat gandakan tenaga dan semangat mereka bekerja.

Jika perkara2 itu dapat di-lakukan, Awang Mohd. Ali perchaya anak2 tempatan baik dalam apa jua gulongan akan dapat menjawat pekerjaan itu dengan perasaan senang dan gembira.

Jika anak2 tempatan kurang kemahiran dan kepandaian beri-lah tunjok ajar dan beri-lah latehan2 sa-chukop-nya dengan jujor kerana berbuat demikian ada-lah menjadi satu tanggong-jawab kita bersama.

(Lihat muka 5)

Dasar Pejabat Buroh

(Dari muka 4)

Beliau yakin, jika perkara ini dapat di-laksanakan dengan semporna di-satu masa nanti kerja2 yang di-pegang oleh orang2 luar itu sa-chara beransor2 akan dapat di-ambil aleh oleh anak2 negeri ini.

Beliau juga mengharapkan jangan-lah bebanan itu di-serahkan kapada tanggong-jawab Kerajaan tetapi ada-lah menjadi tugas dan tanggong-jawab kapada siapa saja yang dudok dan turut berlindong di-negeri ini.

Kata-nya, mereka pernah melafarzkan ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda, tetapi ikrar ta'at setia itu tidak menchukopi kalau hanya dengan uchapan dan penakuan saja, melainkan ia-nya di-buat dengan amalan dan perbuatan supaya ikrar taat setia itu benar2 ujud dan nampak dengan nyata sa-bagai satu kenyataan yang berkesan.

Pesurohjaya Buroh itu meyakinkan lagi, ikrar pengakuan ta'at setia itu hendak-lah di-gerakkan bersama dengan amalan dan perbuatan serta fikiran2 yang sehat untok membina sa-laras dengan chita2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menuju ka-arah kemajuan, kemakmoran dan keselamatan bagi pembentokan raayat Brunei yang bersatu padu pada meninggikan taraf hidup raayat negeri ini yang benar2 mempunyai identiti yang tinggi sa-bagai raayat Brunei aman makmor.

(Dari muka 1)

Menyentoh mengenai penganggoran saperti yang di-huraikan oleh Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat itu menggesa belia2 supaya menukar sikap dan mensesuaikan diri mereka dari sekarang dalam kontek negara kita sedang membangun.

Kata-nya, sa-lagi sikap demikian terus menerus di-amalkan sa-lagi itu-lah masaalah penganggoran sukar di-atasi.

Beliau juga berharap kapada peserta2 kursus itu supaya mengusahakan perkara2 yang baik dan berfaedah yang di-perolehi mereka dari kursus itu di-samping menyibarkan-nya kapada rakan2 mereka dalam persatuan masing2.

Dengan itu, beliau yakin bahawa gerakan2 kerjasama mereka akan mendapat kejayaan yang lebeh berfaedah lagi pada masa2 yang akan datang.



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg. Salleh beruchap dalam majlis pembukaan rasmi Kursus Kerjasama Belia pada hari Ahad lepas.

Penganggoran akan lenyap jika belia2 tidak memileh pekerjaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Kebajikan Masharakat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri berkata penganggoran di-kalangan belia akan lenyap di-Brunei jika belia2 mulai menukar sikap dari sekarang tanpa memileh sa-barang pekerjaan yang di-tawarkan kapada mereka.

Masaalah itu kata-nya, akan lebeh rumit dan serious lagi apabila Sharikat2 B.S.P., L.N.G., Sharikat2 Bank, Sharikat2 Perniagaan dan Perusahaan menawarkan pekerjaan kapada anak2 tempatan yang mana tawaran2 itu di-tolak dengan alasan mereka tidak mahu berhijrah ka-Kuala Belait atau Seria.

"Sekira-nya perkara ini berlaku nanti, patut-kah Kerajaan di-salahkan dan apa-kah ini benar2 yang di-sifatkan penganggoran".

Pesurohjaya Kebajikan Masharakat itu beruchap demikian dalam majlis pembukaan rasmi Kursus Sharikat Kerjasama Belia anjoran jabatan itu di-Pusat Belia pada hari Ahad lalu.

Sa-bagai chontoh kata-nya, baru2 ini sa-ramai 21 orang wanita yang mendapat bantuan derma bulanan dari Pejabat Kebajikan telah di-beri kursus mengenai urusan2 rumah tangga termasok dua minggu bekerja di-rumah2 orang kenamaan sa-bagai memperaktikkan kursus yang di-pelajari mereka.

Lebeh sa-paroh dari mereka telah di-minta oleh pehak2 berkenaan untok bekerja di-rumah2 dengan gaji tidak kurang $100.00 sa-bulan makan tanggong dan dari jumlah itu hanya dua orang saja yang mahu bekerja yang lain-nya menolak kerana mereka mahu bekerja sa-bagai Amah di-Rumah Sakit dan Tukang Masak di-sekolah2.

Y.B. itu berkata, ini-lah satu penyakit masharakat kita di-Brunei sekarang dan penyakit saperti itu harus-lah di-hapuskan segera supaya ia-nya tidak menjangkit kapada satu keturunan bangsa kita akan datang.

Beliau juga memberikan beberapa faktor terhadap kenaikan harga2 barang di-Brunei yang di-sifatkan beliau susah di-kawal melainkan kuasa mengawal harga2 itu terletak kapada pembeli itu sendiri.

Kata-nya, kita jangan-lah membeli barang2 yang tidak mustahak sa-lain dari keperluan2 hidup sahari2 saperti beras, gula kopi, ikan atau daging, sayor2an, garam, asam, yang beliau perchaya harga2 barang tersebut tidak jauh bedza-nya dengan negeri2 lain bahkan ada di-antara-nya lebeh murah lagi dari negeri ini saperti beras dan gula.

Mengenai harga2 ikan, Y.B. berpendapat ada-lah susah di-tetapkan harga-nya kerana ada masa-nya ikan itu juntrah saperti 'ru-

(Lihat muka 8)



GAMBAR atas menunjokkan empat dari sembilan orang peserta langgam wanita yang telah di-pileh untok mengambil bahagian dalam peraduan Bintang Pop yang akan di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 2hb Jun. 1973.

Mereka ia-lah dari kiri: Dy. Mariah Idris (AAC), Dy. Zainab Yusoff (SMMMA), Dk. Fatimah Pg. Damit (PWES) dan Dy. Marai Anturan (SMMMH).

Sa-lain dari itu sa-ramai 18 orang peserta lelaki — 9 peserta lagu langgam dan 9 peserta lagu asli serta 9 orang peserta asli wanita juga telah di-pileh untok mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Enam buah kugiran juga telah di-pileh untok menyertai dalam peraduan Juara Kugiran manakala 10 orang telah di-pileh untok mengambil bahagian dalam peraduan pakaian beragam.

Juara Kugiran dan Bintang Pop itu di-anjorkan oleh Badan Pementasan dan Kelab Musik Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan untok mengutip derma bagi tabong pembinaan stadium.

Sa-orang juruchakap penganjor peraduan menyatakan bahawa di-samping mengutip derma stadium badan itu juga bertujuan untok menchongkel bakat2 seni suara dan seni musik di-kalangan penuntut2 bersempena dengan Hari Pe'ajar 1973.

Peraduan itu nanti akan di-rasmikan oleh Pesurohjaya Kebajikan Masharakat, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri, manakala isteri Yang Berhormat itu akan menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2.

(Dari muka 4)

Walau apa pun yang di-timbulkan, soal matawang ini tidak-lah sepatut-nya menjadi suatu kekechohan. Apa yang perlu bagi kita sekarang ia-lah bertenang dan hindarkan anggapan2 yang tidak sehat dan kita hendak-lah menaroh keyakinan terhadap apa jua tindakan Kerajaan D.Y.M.M. yang pada keselurohan-nya ada-lah bertolak dari dasar2 untok kepentingan bangsa dan negara kita.

Jadual tayangan wayang gambar

JABATAN Penyiaran dan Penerangan akan mengadakan tayangan wayang gambar untok orang ramai pada tarikh2 dan tempat2 yang berikut. Semua pertunjokkan di-mulakan pada jam 7.30 malam dan orang ramai adalah di-persilakan menyaksikan pertunjokkan itu.

Hari Isnin, 4hb. Jun, 1973 di-Sekolah Melayu Bukit Panggal, pada 5hb. Jun, 1973 di-Sekolah Melayu Labi dan di-Sekolah Melayu Kuala Tutong.

Pada hari Rabu 6hb. Jun, 1973 di-Sekolah Melayu Kiarong; Sekolah Melayu Benutan dan Kampong Mendaram.

PERINGATAN:- Jabatan Penyiaran dan Penerangan berhak membatalkan pertunjokkan2 yang telah di-tetapkan dalam jadual ini tanpa memberitahu terlebeh dahulu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Penyelanggara Setor Tingkatan III

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Penyelanggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 untok lantekan ini mesti-lah telah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 23hb. Jun, 1973.

DI-JABATAN DAERAH TUTONG

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Daerah Tutong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam daerah ini.

A. **PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III** (1 jawatan)

Chalun2 untok lantekan ini mesti-lah telah menchapai umor 17 tahun dan lulus sa-kurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB 3 — $220x10-290 / EB / 300x10-350. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

B. **TUKANG LUKIS** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu atau yang sa-banding dengan-nya.
b) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam dasar melukis peta.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350.

C. **PEMANDU KERETA TINGKATAN II** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membacha.
b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lisen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memprebaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji

Dalam sukatan gaji F3 — $200x 5-240.

D. **PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKATAN II** (1 jawatan

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kechil bagi jentera motor sangkut.

Tugas2:

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB 3 — $200x5-215/EB/220x5-240.

E. **TUKANG KEBUN** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 dan 30 tahun dan tahu menulis dan membacha.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 EB 2 — $180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 23hb. Jun, 1973.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Di-Jabatan Daerah Temburong

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Daerah Temburong.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam daerah ini.

A. **PENYELANGGARA SETOR TINGKAT II** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Chalun2 untok lantekan ini mesti-lah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D2 EB 3 — $290x15-380/EB/410x20-510.

B. **PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kechil bagi jentera motor sangkut.

Tugas2:

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB 3 — $200x5-215/EB/220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun, 1973.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Di-Jabatan Muzium

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

A. **PEMBANTU MUZIUM** (4 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya.
b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan di-atas tetapi mempunyai pengalaman bekerja di-sa-sebuah muzium boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB 3-4 — $230x10-290x15-380/EB/410 x20-510-540x20-660.

B. **PEMBANTU ARKIB** (Satu jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

C. **PEMBANTU BILEK GELAP** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya serta mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai juru gambar.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

D. **ATENDAN PERPUSTAKAAN** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1-2-3-4 EB 5 — 180x5-260/EB/270x10-290.

E. **TUKANG KEBUN/PEMBERSEH** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 hingga 35 tahun dan tahu menulis dan membacha.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 EB 2 — $180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 16hb. Jun, 1973.

Pemandu Kereta Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Kereta Tingkat I di-Pejabat Daerah Temburong.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.
b) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu.
c) Berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 EB 4 — $220x5-240/EB/245x5-260.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun, 1973.

Pemandu Kereta Tingkatan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pemandu2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok jawatan sa-bagai Pemandu Kereta Tingkatan Khas di-Jabatan Muzium, Brunei.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 26hb. Jun. 1973. Ketua2 Jabatan sa-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentok surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untok di-naikkan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

(Dari muka 2)

leh di-dapati dari Setia Usaha Persatuan itu Awang Mohamed Ali bin Abang di-Champion Motor Kuala Belait, Awang Ibrahim bin Haji Jalil di-Pejabat Odit Bandar Seri Begawan dan Awang Sulaiman bin Udin di-Pejabat Bandaran Kuala Belait.

Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 1hb. Jun.

Perlawanan itu di-adakan kerana merebut Perisai yang di-hadiahkan oleh Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish. Pada tahun lalu perisai itu di-menangi oleh Persatuan Pemuda Pemudi Sultan Lama.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

TUKANG UBAT KANAN, TERLATEH DAN PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untok di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei:-

1) Tukang Ubat Kanan
2) Tukang Ubat Terlateh/atau
3) Tukang-Ubat2 Perchubaan.

Kelayakan2:

1) **Tukang Ubat Kanan:**

Mesti-lah terdiri dari Tukang-Ubat2 yang berkelayakan serta mempunyai 10 tahun pengalaman dan pengalaman menjaga sa-sebuah gedong ubat.

Boleh-lah juga terdiri dari Pembantu2 Rumah sakit yang mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam kerja2 membanchoh ubat.

2) **Tukang Ubat Terlateh:**

Mesti-lah mempunyai Sijil Tukang Ubat yang berkelayakan; atau Pembantu Rumah Sakit yang berkelayakan dengan mempunyai pengalaman membanchoh ubat salama 3 hingga 5 tahun.

3) **Tukang Ubat Perchubaan:**

Sa-seorang pemohon bagi jawatan Tukang Ubat Perchubaan mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei, berumor 17 tahun atau lebeh dan mesti-lah lulus Sijil Senior Cambridge termasok mata pelajaran sains asas.

Gaji:

Tukang Ubat Kanan — dalam sukatan gaji C2 — $710x30-950.

Tukang Ubat Terlateh/Perchubaan — dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

1) Tukang-Ubat2 Perchubaan akan di-lantek dalam Perchubaan sa-lama 3 tahun dan penetapan dalam jawatan akan bergantong kapada kelulusan mereka di-dalam pepereksaan yang akan di-dudoki sa-telah menjalani sasuatu kursus yang di-iktiraf.
2) Tukang Ubat Kanan dan Tukang Ubat Terlateh yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan atau tidak layak untok di-daftarkan sabagai raayat akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok-lah perchubaan sa-lama 6 bulan yang permulaan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb. Jun, 1973.

Penolong Nadzir Sekolah2 Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 Penolong Nadzir Sekolah2 Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Berumor antara 25 dan 40 tahun.
b) Lulus Darjah VI Sekolah Ugama dan sekurang2-nya lulus Tingkatan I Sekolah Menengah Melayu atau pun Sekoah Menengah Inggeris.
c) Mempunyai Sijil Kursus Perguruan Ugama, Brunei.
d) Hendak-lah mempunyai pengalaman sa-bagai guru ugama sa-kurang2-nya sa-lama 5 tahun serta pernah menjawat Guru Besar/Ketua Guru tidak kurang dari 3 tahun.
e) Mempunyai pengalaman dalam pentadbiran Pejabat dan pentadbiran persekolahan ada-lah merupakan suatu kelebehan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U.5 — $470x20-510-540x20-660-690.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb. Jun, 1973.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH

Penyelanggara Setor Tingkatan III

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Penyelanggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Ukor, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 untok lantekan ini mesti-lah telah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB 3 $220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 18hb. Jun, 1973.

KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

SURAT KUASA PESAKA
No. 11/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohammad bin Serudin, d/a. Kampong Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Serudin bin Daud @ Mat. Serudin yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 7 haribulan Jun, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 12/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mahrup bin Jaya, d/a. Kampong Penanjong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jaya bin Japar yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 7 haribulan Jun, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 14/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Malayah binte Jangut @ Simoi, d/a. Kampong Benutan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kaling bin O.K. Sidat yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 7 haribulan Jun, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 15/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohidin bin Ghani, d/a. Kampong Tanjong Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ghani bin A'at @ Abdul-Gani yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 7 haribulan Jun, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 16/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Siti bte. Perudin d/a. Kampong Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahmad bin Aman yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 7 haribulan Jun, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Mei, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 13/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Simpan bin Alob, d/a. Pejabat Ukor, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Alob bin Uloi @ Alub yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 7 haribulan Jun, 1973, pada jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Mei, 1973.

ALI BIN MOHD. DAUD
Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.

LAPORAN PERANGKAAN PEJABAT BUROH 1972 SUDAH TERBIT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Buroh Brunei telah menerbitkan laporan perangkaan tahunan-nya mengenai pekerjaan bagi tahun 1972.

Laporan itu antara lain mengandongi laporan2 mengenai bilangan pekerja2, bilangan dan besar-nya perusahaan2 pekerjaan dalam bahagian2 kumpolan2 perindisterian, pekerja2 ikhtisas, teknik dan pekerja2 yang berkaitan pekerja2 pentadbir, pekerja2 kerja dan pekerja2 pengurus, perkerja2 kerani dan yang berkaitan pekerja2 penjualan, pekerja2 perkhidmatan, pertanian ternakan dan kehutanan dan nelayan, pekerja2 penghasilan dan yang berkaitan operater alat2 pengangkutan dan buroh yang kesemuanya bekerja dengan bahagian2 perusahaan yang besar di-negeri ini.

Ia-nya juga mengandongi laporan mengenai bayaran gaji, pendapatan dan jam bekerja pukol rata, pemereksaan tampat2 pekerjaan, kemalangan perusahaan dan ganti rugi kapada pekerja2.

Mengenai pekerjaan dan perusahaan ia-nya di-susun menurut laporan dari pehak majikan dan bilangan itu tidak termasok anggota2 angkatan bersenjata atau pekerja2 persendirian, sementara laporan mengenai bayaran gaji, pendapatan dan jam bekerja di-susun dari satu chontoh perwakilan pehak majikan.

Ia-nya mengandongi laporan perusahaan besar dan pekerjaan dalam melombong, perusahaan2 pembinaan dan pembuatan dan pekerjaan2 kerani pembahagi dan pekerjaan perkhidmatan dalam semua perusahaan.

Dalam tahun 1972, bilangan pekerja2 yang bekerja dalam berbagai bahagian dan kumpolan perindisterian ialah 27,646 orang, jumlah itu termasok 4,515 pekerja ikhtisas, teknik dan yang berkaitan; 1,227 orang pekerja2 pentadbir, pekerja2 kerja dan pengurus, 2,998 orang pekerja2 kerani dan yang berkaitan, 3,361 orang pekerja2 perkhidmatan, 1,049 orang pekerja2 pertanian, ternakan haiwan dan kehutanan dan nelayan, dan sa-ramai 13,721 orang pekerja2 penghasilan dan yang berkaitan, operater alat2 pengangkutan dan buroh.

Pertubohan2 perniagaan, sharikat2 pendagangan dan orang ramai yang ingin mendapakan salinan2 laporan perangkaan mengenai pekerjaan itu boleh mendapatkan-nya dari Pejabat Pesurohjaya Buroh di-Bandar Seri Begawan sa-masa waktu bekerja.



GAMBAR atas menunjokkan sa-bahagian daripada ahli2 persatuan belia yang telah menghadhiri pembukaan rasmi Kursus Kerjasama Belia telah berlangsong di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lepas.

Tiga orang pegawai memerhati ka-H.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Pegawai Kanan dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah berlepas ka-Hong Kong dengan kapal terbang Sharikat Penerbangan Cathay pada hari Sabtu lepas.

Mereka ia-lah Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, Setia Usaha Peranchang, Awang Selamat bin Munap, Pengerusi Unit Peranchang Ekonomi dan Awang Omar bin Haji Serudin Pegawai Perangkaan.

Mereka akan berada di-Hong Kong dan Singapura salama tiga minggu untok melihat sambil belajar mengenai ranchangan kemajuan di-kedua2 buah negeri itu.

Raayat di-beri peluang bina mesjid

(*Dari muka 1*)

Jambu boleh-lah pergi ka-kelinik itu apabila ia-nya di-buka sedikit masa lagi.

Yang Amat Mula menasehatkan pendudok2 di-Kampong Tanah Jambu supaya dapat membina parit dan tali ayer sa-chara memuchang2 untok sawah padi mereka di-kampong itu sementara pegawai2 dari Jabatan Pertanian akan memberikan kemudahan2 dan nasehat2 mengenai ranchangan itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara juga mengharapkan supaya semangat memuchang2 yang kita warisi turun temurun itu dapat di-timbulkan dan di-amalkan oleh jenerasi muda di-negeri ini.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menegaskan dalam majlis yang sama bahawa Kerajaan memberi peluang kapada raayat negeri ini untok membina mesjid dengan tujuan supaya mereka sama2 mendapat pahala dan amal jeriah.

Di-samping itu, tambah beliau, Kerajaan juga bersedia membantu usaha2 dalam pembinaan itu termasok bantuan kewangan menurut kadar dan peratoran yang ada sekarang.

Yang Berhormat, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa tapak untok mendirikan mesjid baru di-Kampong Tanah Jambu telah pun di-pileh. bagaimana pun ia-nya terpaksa di-kaji dan di-selidiki supaya tempat tersebut tidak akan di-ubah.

Menyentoh mengenai buku2 teks untok murid2 sekolah, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menekankan bahawa perkara itu memang di-sedari oleh Kerajaan dan ia-nya menjadi salah satu tugas Surohanjaya Pelajaran untok menchari jalan bagi melaksanakan-nya.

Kita tidak harus ikut orang lain

(Dari muka 1)

sharakat yang makmor serta bersatu padu.

Menyentoh mengenai pendudok di-Tanah Jambu, yang mempunyai keluarga sa-ramai 77 orang dan 64 daripada-nya mempunyai bidang2 sawah sendiri, Yang Amat Mulia mensifatkan mereka sa-bagai orang2 yang rajin berusaha dan Yang Amat Mulia itu mengharapkan mereka supaya melipatkan-gandakan lagi usaha itu untok memajukan diri mereka.

Melalui Persatuan Peladang di-kampong itu, Yang Amat Mulia menasehatkan mereka supaya menanam berjenis2 tanaman dan jangan-lah bergantong kapada satu tanaman saja yang mengakibatkan ia-nya kurang mendapat pasaran.

Menyentoh mengenai bakalan letrik ka-rumah2 di-kampong itu, Yang Amat Mulia itu akan mengambil ingatan dan sa-terus-nya akan menyampaikan perkara itu kapada pehak yang berkenaan.

Sementara itu, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz ketika beruchap di-majlis yang sama telah memberikan tahniah kapada pendudok2 di-kampong itu atas usaha mereka berchuchok tanam dan mengusahakan sawah padi mereka sendiri dengan baik-nya sa-chara memuchang2.

Yang Berhormat itu mengharapkan supaya usaha demikian akan dapat di-lipat-gandakan lagi sa-bagai chontoh yang baik kapada kampong2 yang lain di-negeri ini.

Menyentoh mengenai ejaan baru, Yang Berhormat itu menyeru kapada semua guru2 di-negeri ini supaya dapat menerangkan kedudokan sa-benar-nya kapada murid2 mereka dan apa yang perlu sekarang ia-lah kita tidak mahu mengikut2 atau meniru2 orang lain dan kita harus-lah mempertahankan keperluan dan chara2 kita sendiri.

Harga barang

(*Dari Muka 5*)

mahan besoak dan tamban besoak' dan ada waktu-nya harga ikan itu melambong tinggi menurut suasana dan keadaan alam.

Menyentoh mengenai harga2 barang mahal melambong tinggi, Yang Berhormat itu yakin jika orang ramai bertekad 'memulaukan' penjual2 itu sudah tentu mereka menghadapi kesulitan dan kerugian sama ada mereka mahu menurunkan harga atau terus gulong tikar.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 23 RABU 6HB. JUN, 1973. 1393 رابو 5 جمادي الاول PERCHUMA

"GAGAL" BUKAN MAKSUD RANCHANGAN YG LALU ITU TIDAK BERJALAN — PEMANGKU S.U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, dalam majlis dailog dengan belia pada hari Rabu lepas telah memberikan penjelasan tentang apa yang dimaksudkan dengan perkataan "gagal" terhadap Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang lalu.

Menurut Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu bahawa perkataan gagal itu bukan-lah bermaksud yang ranchangan2 itu tidak berjalan, tetapi ada-lah bagi membayangkan yang ranchangan2 tersebut maseh belum menchukopi bagi menselaraskan kehendak raayat.

Yang Berhormat itu menekankan, mempelajari dari ranchangan2 yang lalu itu, maka ada-lah perlu di-ujudkan satu ranchangan yang lebeh effektib yang tidak hanya bagi meninggikan taraf ekonomi negara, tetapi juga dapat berjalan sa-iring dengan ketegohan taraf ekonomi raayat.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu mensifatkan ranchangan2 yang lalu itu sa-bagai yang merupakan satu tangga yang penting untok kita melangkah lebeh maju dengan melalui satu penyusunan ranchangan yang lebeh kukoh.

Yang Berhormat itu berkata bahawa dari sudut ini-lah Ranchangan Lima Tahun yang lalu itu telah dapat memberikan jalan printis untok melahirkan suatu ranchangan yang baharu yang lebeh kuat dan berkepentingan kapada raayat dan negara.

Yang Berhormat itu menegaskan lagi bahawa sa-bagai sifat kita yang mahu membangun dalam serba-serbi, khas-nya dalam bidang2 perekonomian, maka kita merasa perlu untok melaksanakan gerakan2 yang lebeh effektib.

(Lihat muka 2)



DULI Yang Maha Mulia ketika membalas tabek kehormatan dari atas pentas khas dalam pertunjokkan 'mini tattoo' yang di-adakan di-perkhemahan Berakas bersempena dengan sambutan ulang tahun yang ke-12 tertuboh-nya pasokan AMDB pada hari Khamis 31hb. Mei yang lalu. Turut juga menyaksikan persembahan itu ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan pembesar2 negara yang lain. (Berita lanjut dan gambar2 di-sekitar sambutan itu di-siarkan di-muka tengah).

Rombongan dailog RKN ka-Kiudang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli2 jawatankuasa peranchangan kemajuan negara yang baru yang di-ketuai oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail akan berada di-Kampong Kiudang, Tutong pada hari Jumaat ini, 8hb. Jun untok berdailog dengan pendudok2 di-kampong itu dan kampong2 sekitar-nya berhubong dengan penyusunan ranchangan kemajuan tersebut.

Majlis dailog itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Kiudang sa-jurus sa-lepas rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di-mesjid kampong tersebut.

Pendudok2 di-Kampong Kiudang dan kampong2 sekitar-nya saperti Birau dan Lamunin ada-lah di-alu2kan untok menyertai majlis itu dan menghadapkan buah2 fikiran dan pendapat2 mereka bagi mengemaskan lagi penyusunan ranchangan kemajuan negara lima tahun yang baru bagi faedah2 yang berkebajikan untok raayat dan negara.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa itu mengingatkan bahawa pendapat2 yang hendak di-kemukakan itu nanti biar-lah bertumpu kapada masaalah2 yang merupakan berkepentingan kapada faedah2 raayat seluroh-nya.

Tindakan tegas akan di-ambil terhadap anasir2 yang "menyaong" antara raayat dgn kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa Kerajaan tidak mempunyai keraguan untok mengambil sabarang tindakan terhadap gulongan yang melaga2kan antara raayat dengan kerajaan yang timbul dari masaalah harga2 barang di-Brunei sekarang.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan menegaskan demikian kapada lebeh dari 100 orang pemimpin2 belia yang menghadhiri majlis dailog di-Dewan Raya di-sini pada malam Khamis yang lalu.

Majlis dailog itu telah di-pengerusikan oleh Pesurohjaya Kebajikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Saleh bin Haji Masri.

Ketika menerangkan terhadap satu chadangan yang di-timbulkan oleh salah sa-orang pemimpin belia mengenai harga2 barang, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berkata, jika benar terdapat ada anasir2 yang ingin melaga2kan atau 'menyaong' antara raayat dengan kerajaan, beliau mengharapkan supaya belia2 Brunei yang tahan 'lusuh' segera bertindak dan mempertahankan serta menghapuskan anasir2 yang jahat itu.

Bagaimana pun kata-nya, kerajaan tetap kerajaan dan

(Lihat muka 2)

KERJA2 KOSONG DALAM BSP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam keluaran Pelita hari ini, 6hb. Jun, 1973 di-lampirkan iklan jawatan2 kosong dalam perkhidmatan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang khulus untok di-penohkan oleh raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Jawatan2 yang di-kehendaki itu ia-lah sa-bagai juru2 trengkas/juru2 taip dan kerani2 rendah.

Oleh kerana tarikh penutup bagi menerima permohonan itu tidak di-nyatakan, maka ada-lah di-nasihatkan kapada pemohon2 supaya menghantar permohonan2 mereka dengan sa-berapa segera yang boleh.

LAWATAN D.Y.T.M. PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN KA-DAERAH TEMBURONG

TEMBURONG. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berangkat melawat dua buah kampong di-Daerah Temburong pada hari Jumaat lepas. Kampong2 yang di-lawati oleh Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah Kampong Semabat dan Amo.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ka-kampong2 itu telah di-sambut dengan meriah-nya oleh pendudok di-kedua2 buah kampong tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia yang berangkat dengan menaiki helikopter AMDB itu telah di-sertai oleh Pemerentah pasokan AMDB, Col. Dato B.F.L. Rooney; Y.A.M. Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalah Pengiran Hj. Damit bin Pengiran Metussin; Pegawai Pemerentah Pulis Daerah Y.A.M. Pg. Putera Negara Pengiran Omar, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Asgar Diraja Major Gauntlett dan Major Pengiran Dato Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.


Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan telah di-alu2kan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Yunus bin Hj. Hussain, Penolong Pegawai Daerah dan Tuai Rumah Panjang Kampong Semabat, Awang Kurong anak Damong.

Di-Kampong Semabat, Duli Yang Teramat Mulia telah menyaksikan satu temasha 'Gawai Batu' yang di-sembahkan oleh pendudok2 kaum Iban di-kampong itu yang mana temasha itu menandakan permulaan mereka menanam padi.

Di-samping itu tarian2 ngajat, panchak silat menurut tradisi kaum Iban juga di-tunjokkan. Ini termasok-lah tarian ngajat yang di-persembahkan oleh dua orang kanak2 perempuan Iban yang berumor lapan tahun.

Lawatan yang memakan masa kira2 enam jam itu di-akhiri dengan lawatan ka-Rumah Panjang Amo di-mana Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan juga menyaksikan temasha yang sama.

Pendudok2 di-kedua2 buah kampong itu telah menyembahkan uchapan terima kaseh atas keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ka-kampong itu dan mensifatkan lawatan Duli Yang Teramat Mulia itu sa-bagai yang paling bertuah kerana mereka dapat bertemu ramah dengan Duli Yang Teramat Mulia itu.



KANAK2 juga tidak ketinggalan untok mengalu2kan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ka-Kg. Semabat itu. Gambar atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia sedang berjabat salam dengan kanak2 di-Rumah Panjang Kampong Semabat ketika Duli Yang Teramat Mulia itu mengadakan lawatan ka-kampong itu pada hari Jumaat lepas.

Pmk. S.U.K. meninjau perkembangan penuntut2 Brunei di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untok meninjau perkembangan penuntut2 Brunei di-negara itu.

Beliau telah di-temani oleh Setia Usaha Jawatankuasa Dermasiswa di-Jabatan Pelajaran, Awang Hamdani bin Hj. Abdul Rahman.

Sa-masa berada di-sana, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan akan mengadakan lawatan2 muhibbah untok menemui dan berdailog dengan penuntut2 Brunei di-United Kingdom terutama-nya penuntut2 yang menerima dermasiswa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Ini ada-lah juga bagi memboktikan sikap kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang senentiasa mengambil perhatian yang berat atau 'pemadulian' terhadap kemajuan pelajaran dan kebajikan penuntut2 itu sendiri.

Yang Berhormat itu menekankan Brunei Darussalam dalam keadaan-nya yang ada sekarang ini ada-lah berkehendakkan tenaga raayat yang berilmu dan tahan 'lusuh' bagi melaksanakan ranchangan2 kemajuan-nya.

Kerana itu, kata beliau, penuntut2 Brunei sama ada dalam dan luar negeri ada-lah tenaga2 yang bakal di-harapkan dan mereka harus memikirkan dengan sa-dalam2-nya untok tidak menghampakan harapan itu.

Beliau berkata dengan menyedari hakikat ini, maka usaha2 kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok membekalkan ilmu pengetahuan sa-hingga setinggi-nya kapada raayat akan dapat memberikan faedah dan wang di-peruntokkan kerajaan ka-arah itu akan benar2 mendatangkan munafaat kapada raayat dan negara.

Sa-masa berada di-United Kingdom, Yang Berhormat itu juga akan menyelideki masa-alah2 yang di-hadapi oleh penuntut2 Brunei di-sana bagi melaksanakan jalan2 untok mengatasi-nya.

Dalam lawatan muhibbah itu beliau juga akan memberikan nasehat2 kapada mereka supaya memusatkan perhatian sa-penoh-nya kapada pelajaran, sa-lain dari mengingatkan mereka terhadap penjagaan imej negara dan raayat Brunei yang di-kenal mempunyai kesopanan dan budi pekerti yang **halus.**

Tindakan tidak akan di-ambil dengan terburu2

(*Dari muka 1*)

kerajaan bukan-lah satu badan yang bersikap terburu2 untok mengambil sa-barang tindakan tanpa mendapat sa-barang bokti yang boleh di-perhitongkan.

Yang Berhormat itu berkata, jika kerajaan mendapat sa-barang bokti bahawa ada anasir2 yang chuba mengambil kesempatan dari keadaan yang ada sekarang untok melemahkan ekonomi bangsa Melayu, kerajaan kata-nya, akan bertindak tegas tetapi bukan di-asaskan dengan chara yang sansitif atau 'dengar2-an'.

Menyentoh mengenai bangunan sekolah2 di-seluroh negeri terutama bagi bangunan sekolah2 di-pendalaman, Yang Berhormat itu menjelaskan kerajaan memang menyedari perkara itu, tetapi kita sekarang maseh dalam perengkat pembangunan dan dari pengalaman2 yang ada sekarang ia-nya akan dapat di-atasi menurut perengkat dan keutamaan berdasarkan kemampuan yang terdaya untok di-usahakan.

Yang Berhormat itu juga merasa shukor kerana dari segi perangkaan 90 peratus kanak2 di-Brunei sekarang yang berhak bersekolah telah dapat di-terima.

Menurut Yang Berhormat itu, Brunei ada-lah menchapai

(Lihat muka 8)

K'jaan tidak champor tangan dengan Sharikat Minyak Shell

(*Dari Muka 1*)

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menyeru seluroh raayat supaya tidak menyimpan rasa was-was terhadap ranchangan lima tahun yang lalu itu, tetapi hendak-lah menganggap-nya sa-bagai pembuka jalan yang penting untok kita menuju ka-arah perkembangan yang lebeh besar dan menchabar penyertaan raayat.

Mengulas satu pandangan yang lain, Yang Berhormat itu bersetuju bahawa Kerajaan tidak banyak ikut champor dalam hal-ehwal Sharikat Minyak Shell Brunei, tetapi Kerajaan tetap memperolehi sabanyak 55 peratus dari segi pendapatan-nya.

Tetapi, menurut Yang Berhormat itu, bagi memikirkan hak raayat, maka Kerajaan telah menarek perhatian yang berat dalam soal penyertaan raayat dalam mengendalikan perusahaan negara yang besar itu.

Ka-arah ini, Yang Berhormat itu memberi tahu bahawa Kerajaan telah mengadakan perundingan2 supaya sa-tiap perengkat dalam perkhidmatan Sharikat Minyak Shell Brunei itu di-isikan oleh raayat.

Yang Berhormat itu berkata, kalau raayat maseh belum dapat mengisikan jawatan2

(Lihat muka 6)

Kisah kaum yang durhaka kapada Allah yang patut di-jadikan pengajaran kapada kita

KHUTBAH JUMA'AT

DI-DALAM Al-Quran banyak di-bentangkan kisah2 berkenaan umat2 dahulu kala bagi maksud untok menjadi suri tauladan dan pengajaran kapada umat2 yang kemudian. Salah satu umat yang di-cheritakan oleh Al-Quran itu ia-lah umat Nabi Hud a.s. yang terkenal dengan bangsa Ha'ad. Asal usol bangsa Ha'ad ini ia-lah dari kaum Nabi Noh yang telah terselamat daripada malapetaka taufan.

Mereka itu ada-lah satu kaum yang sangat kuat beribadat kapada Allah dan amat bershukor atas nikmat-nya, tetapi sa-telah berlaku beberapa abad, kaum ini berkembang biak menjadi berbagai2 suku dan puak akhirnya chuchu-chichit mereka mulai-lah melupakan ajaran2 ugama yang di-bawa oleh Nabi Noh a.s. dan nenek moyang mereka yang beriman. Mungkin kerana kurang-nya penerangan atau kerana pengaroh kehidupan yang sa-makin meningkat, pengaroh ekonomi, keinginan2 dan keperluan2, ditambah lagi oleh tipu daya iblis dan shaitan yang selalu menggoda dan memperdaya mereka, akhir-nya seluroh manusia lupa sama sekali akan penchipta alam yang di-ajarkan oleh Nabi Noh dan nenek moyang mereka yang beriman.

Maka munchul-lah satu kaum atau bangsa yang terkenal sa-bagai Ha'ad yang besar2 tuboh badan-nya, kuat2 serta gagah pula. Mereka hidup di-tanah yang subor, tumboh di-situ berbagai tumbohan, mengalir di-situ sungai2 dan mata ayer. Masing2 mereka mempunyai kebun yang luas, hasil bumi yang berlipat ganda banyak-nya. Dengan kekayaan itu mereka dapat membuat rumah atau istana tempat tinggal yang selisa bagi mereka masing2. Dengan ada-nya kemakmoran kebendaan yang mewah itu menjadikan mereka lupa daratan, mereka tidak tahu dari mana asal-nya nikmat dan kesenangan yang mereka nikmati itu. Akal mereka hanya tertumpu kapada batu2 yang mereka perbuat sa-bagai berhala menjadi Tuhan dan tempat meminta perlindongan di-kala terjadi sa-suatu kesusahan. Akhir-nya mereka menyibarkan kejahatan di-permukaan bumi yang penoh rahmat itu. Orang2 yang kuat dan berani menindas yang lemah, menjadikan gulongan yang lemah bertambah menderita sedangkan keamanan dan kebahagiaan hanya di-mileki oleh beberapa orang manusia yang lebeh kuat dan berani.

Di-dalam suasana yang demikian di-utus-lah oleh Allah Nabi Hud a.s. untok menyampaikan ajaran2 ugama Allah serta memimpin kaum yang sesat itu ka-arah jalan yang lurus dan di-redhai oleh Allah, menyuroh mereka beriman dan mengerjakan pekerjaan2 yang baik dan berkebajikan, melarang mereka menyembah berhala dan melakukan pekerjaan2 maksiat dan jahat. Tetapi hati mereka tertutop untok menerima ajaran2 Nabi Hud itu, mereka engkar dan durhaka, bahkan mereka ejek2 Nabi Hud a.s. dan mengatakan apa yang di-sampaikan kapada mereka itu ada-lah sa-mata2 bohong dan dusta.

Nabi Hud tetap juga meneruskan dakwah ugama kapada mereka bukan untok sahari dua malahan konon-nya memakan masa beratus tahun, namun yang mengikut-nya hanya-lah sa-bilangan kechil dari mereka. Dengan demikian jelas-lah bahawa kaum itu samemang-nya orang2 yang degil dan keras kepala.

Akhir-nya Allah Subhanahu-Wataala telah menurunkan bala ka-atas mereka dengan mendatangkan angin dahsat yang bertiup dengan kuat-nya sa-lama tujoh malam lapan hari, menyapu segala rumah dan istana, segala kebun dan harta benda, tidak ada yang selamat melainkan Nabi Hud a.s. berserta pengikut-nya yang setia.

Demikian-lah kisah kaum yang durhaka kapada Allah Rasul-nya yang sudah sa-patut-nya menjadi pengajaran kapada kita. Yang demikian segala kemakmoran yang telah, sedang dan akan kita nikmati jangan-lah hendak-nya menjadikan kita lalai dan lupa terhadap ajaran2 Allah dan Rasul-nya bahkan hendak-lah kita shukori nikmat-nya serta mematohi dan mengamalkan surohan2-nya dan menjauhi segala larangan-nya. Firman Allah yang bermaksud:

"Kalau kamu bershukor di-atas nikmat2 yang aku kurniakan kapada kamu neschaya aku gandakan lagi nikmat2 itu kapada kamu".

Penuntut2 di-seru supaya jangan terpengaroh oleh kebudayaan asing

BANDAR SERI BEGAWAN. — Nadzir Kelas Dewasa Ugama, Pengiran Hajjah Salmah binte Pengiran Haji Ismail telah menyeru penuntut2 Kelas Dewasa Ugama Perempuan supaya memberi galakkan dan didekan kapada anak2 mereka mengikut ajaran2 ugama yang telah mereka pelajari di-kelas2 dewasa itu.

Pengiran Hajjah Salmah membuat seruan itu sa-belum menyampaikan sijil2 kapada sa-ramai 34 orang penuntut kelas dewasa ugama di-Kampong Pintu Malim di-Sekolah Melayu Pintu Malim pada hari Jumaat lepas.

Pengiran Hajjah Salmah menerangkan pelajaran Ugama Islam ada-lah ugama yang memimpin saseorang Islam ka-arah hidup yang lengkap di-dunia dan akhirat.

Beliau itu menyeru kapada penuntut2 ugama perempuan supaya jangan terpengaroh oleh kebudayaan asing yang bertentangan dengan ajaran ugama Islam.

Turut beruchap di-majlis tersebut ia-lah Yang Di-Pertua Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei, Dayang Masni binte Haji Ali dan Dayang Hajjah Husnah binte Haji Jaafar selaku wakil penuntut2 kelas dewasa ugama chawangan Pintu Malim.

Kelas tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei.

Jadual tayangan wayang gambar

JABATAN Penyiaran dan Penerangan akan mengadakan pertunjokkan wayang gambar untok orang ramai pada tarikh2 dan tempat2 saperti berikut.

Pada hari Khamis, 7hb. Jun, di-Sekolah Melayu Muara, Kampong Tasek Merimbun dan Kampong Kenapol.

Pada hari Isnin, 11hb. Jun, di-Sekolah Melayu Batu Marang, Kampong Long Mayan dan Kampong Andulau.

Pada hari Selasa 12hb. Jun, di-Sekolah Melayu Menunggol, Sekolah Melayu Belabau dan Kampong Sungai Taring.

Pada hari Rabu, 13hb. Jun, di-Sekolah Melayu Putat dan Kg. Sungai Liang.

Semua pertunjokkan akan di-mulakan pada jam 7.00 malam.

Jabatan Penyiaran dan Penerangan berhak membatalkan pertunjokkan yang telah di-tetapkan tanpa memberitahu terlebeh dahulu.

KEKAL anjorkan perlawanan badminton

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kebajikan Kampong Lambak, KEKAL, akan menganjorkan perlawanan badminton kali ke-4 terbuka kapada semua persatuan2 belia. pejabat2, firma2 sekolah2 dan maktab2 di-seluroh negeri.

Perlawanan itu di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari achara sambutan perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-27 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata tiap2 pasokan hanya di-benarkan menghantar enam orang pemain iaitu dua perlawanan bergu dan 3 perlawanan perseorangan dan mereka hendak-lah terdiri dari raayat Brunei dengan tidak ada sekatan umor.

(Lihat muka 6)

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6hb. Jun, 1973 hingga ka-hari Selasa 12hb. Jun, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
6hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06
7hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06
8hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06
9hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06
10hb. Jun	12-25	3-45	6-36	7-48	4-37	4-52	6-06
11hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
12hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

6hb. Jun, 1973.

GERAKAN SHARIKAT KERJASAMA

KERAJAAN Duli Yang Maha Mulia telah mengambil langkah positif kerana mengelolakan Kursus Sharikat Kerjasama sa-lama hari baru2 ini di-Pusat Belia, yang disertai oleh Persatuan2 Belia dari seluroh negeri. Tujuan kursus ini di-adakan ia-lah untok melengkapkan diri belia2 bagi menghadapi chabaran2 yang begitu besar bagi satu jangka waktu yang panjang.

Kini kursus sharikat kerjasama itu telah selesai di-jalankan dan belia2 yang mengikuti kursus itu telah kembali ka-tempat masing2, sa-kurang2-nya membawa sijil menandakan bahawa mereka telah mengikuti kursus sharikat kerjasama itu. Apa yang kita harapkan dari peserta2 kursus ia-lah supaya dapat menyebarkan konsep dan faedah sharikat kerjasama di-kalangan ahli2 persatuan atau orang2 kampong mereka. Supaya apa yang telah di-perolehi daripada kursus itu betul2 memberi dan membawa kesan yang baik. Justeru itu-lah maka-nya Kerajaan Duli Yang Maha Mulia mengelolakan kursus ini.

Sharikat Kerjasama memang banyak membawa keuntongan kapada masharakat dan negara jika ia benar2 di-usahakan dan di-gerakkan terutama sekali di-kalangan persatuan2 belia. Untok menjayakan gerakan sharikat kerjasama, ada-lah perlu bagi seluroh raayat Brunei khusus-nya para belia mengorak langkah dengan mengambil inisiatif, menguatkan azam dan memperbaiki kebolehan diri sendiri kerana menurut Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan sabahagian besar dari kejayaan gerakan ini bergantong kapada faktor2 tadi. Dalam kontek ini kursus yang baru saja selesai itu merupakan satu2-nya chara untok menyokong faktor2 tersebut.

Memang tidak kita nafikan bahawa gerakan sharikat kerjasama ada-lah salah satu chara yang baik untok membangun dan mengukuhkan ekonomi sa-sebuah masharakat terutama sekali bagi sa-buah negara yang sedang membangun.

Memandangkan kapada betapa penting-nya gerakan sharikat kerjasama ini-lah maka Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sedang meneliti dan mengkaji satu laporan undang2 mengenai gerakan kerjasama yang telah pun di-terima pada dasar-nya dan akan di-masokkan ka-dalam Ranchangan Kemajuan Negara yang baru.

Oleh yang demikian ada-lah menjadi tanggong jawab raayat khusus-nya belia2 memikul dan melaksanakan bersunggoh2 tanggong jawab itu bagi menjayakan ranchangan itu atau dalam istilah yang di-gunakan oleh Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan supaya tidak "mengampai2kan" harapan raayat. Untok menchapai matalamat ini raayat harus-lah mendapatkan galakan dan kemudahan2 bagi membolehkan tanggong jawab itu di-pikul dan di-laksanakan dengan jaya-nya.

DI-SEKITAR SAMBUTAN KE-12 ASKAR MEL







Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan selaku Colonel-In-Chief pasokan AMDB kelihatan sedang menyampaikan Kepala Panji2 Pasokan kapada Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Col. Dato B.F.L. Rooney.




Chara2 mempertahankan diri yang di-tunjokkan oleh anggota dari bahagian Special Task Force.



Pertunjokkan silat gayong juga telah di-kan di-samping beberapa pertunjokkan dalam sambutan pada hari itu.



Pertunjokkan gerakan badan juga telah di-persembahkan pada hari itu. Gambar atas menunjokkan Cpl. Abu Bakar kelihatan melompat tinggi dalam pertunjokkan itu.



I HARI ULANG TAHUN AYU DI-RAJA BRUNEI

U2 orang telah membanerkhemahan Berakas pada- amis minggu lalu untok ikan beberapa pertunjokh pasokan Askar Melayu Brunei sa-bagai mera'ikan an ulang tahun ke-12 ter- ya pasokan itu.


ra pertunjokkan yang di- pada hari itu ia-lah baris- ehormatan, pertunjokkan tattoo'. perlumbaan berha- yang di-ambil bahagian nggota2 pasokan meriam an persembahan2 yang me- yang di-tunjokkan oleh ka- kolah Askar Melayu Diraja

rtunjokkan itu berkemunchak at pertunjokkan2 seni mem- ankan diri termasok silat ng karate dan perlawanan pe- Pertunjokkan senjata2 dan alat2 kelengkapan pasokan itu juga di-adakan.

Satu pertunjokkan gerakan tentera telah juga di-adakan di-pantai berhampiran dengan mess pegawai khas untok kerabat2 Diraja dan jemputan khas.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, selaku Colonel-In-Chief dan lain2 kerabat Diraja telah menyaksikan pertunjokkan gerakan tentera itu.

Pada sa-belah malam-nya, Duli Yang Maha Mulia berangkat sa-kali lagi ka-Perkhemahan Berakas untok menyaksikan pertunjokkan 'mini tattoo' dan permainan pencharagam. Perbarisan Kehormatan dan permainanbunga api juga di-tunjokkan pada malam itu.




D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan kelihatan sedang beramah mesera dengan Kaptan Karim bin Mohammad (dudok di-kursi surong). Kaptan Karim telah mendapat chedera dalam kemalangan jalan raya tidak beberapa dulu dan sekarang beliau telah memegang jawatan sa-bagai Pegawai Perisek dalam pasokan Askar Melayu Diraja. Kelihatan sedang memerhati di-tengah2 ia-lah Major Pengiran Dato Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

i lang Maha Mulia ketika berangkat untok menyaksikan gerakan era Di-sebelah kanan ia-lah juru-iring tentera Baginda, Yang Di-ilah Pehin Orang Kaya Asgar Diraja Major Gauntlett.




Pte. Awangku Abidin menunjokkan kekuatan-nya memechah 'tiles' dalam pertunjokkan karate sa-masa di-adakan pertunjokkan mini tattoo pada 31hb. Mei yang lalu.






Murid2 dari Sekolah Anak2 Askar Melayu yang telah mengambil bahagian dalam permainan pancharagam dan perbarisan sa-bagai salah satu achara persembahan bagi mera'ikan sambutan hari ulang tahun ke-12 tertuboh-nya pasokan AMDB.



Gerakan Tentera yang di-ambil bahagian bersama oleh angkatan laut dan helikopter yang di-pertunjokkan kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei serta lain2 kerabat Diraja yang berlangsong di-pantai Berakas.



Lumba berhalangan yang di-ambil bahagian oleh anggota Meriam Katak sa-masa di-adakan pertunjokkan mini tattoo.

Pembentokan J/K penchegah rasuah akan di-fikirkan dgn sa-dalam2-nya

(Dari muka 2)

professional dalam sharikat itu, maka Kerajaan memikirkan bahawa jawatan2 yang boleh di-isikan oleh raayat hendak-lah di-berikan kapada raayat, tetapi bukan untok di-isikan oleh orang2 yang datang dari luar.

Oleh yang demikian Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menyeru raayat khas-nya belia2 yang sudah meninggalkan bangku sekolah supaya bersedia memenohi jawatan2 kosong yang di-iklankan oleh pehak Sharikat Minyak Shell Brunei itu.

Iklan2 yang khusus untok di-penohi oleh raayat Brunei itu akan di-keluarkan segera dan ia-nya akan di-lampirkan dalam akhbar ini ia-itu Akhbar Rasmi Kerajaan, dari satu masa ka-satu masa.

Tawaran2 pekerjaan itu bukan saja dari pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, tetapi juga dari firma2 dan sektor2 persendirian yang lain di-negeri ini.

Ketika menerangkan terhadap satu chadangan oleh salah sa-orang pemimpin belia supaya Kerajaan membentok satu jawatankuasa penchegah rasuah, Yang Berhormat itu akan mengambil ingatan dan akan memikirkan dengan sa-dalam2-nya.

Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa. Awang Haji Talip bin Derwish yang juga turut beruchap di-majlis itu telah menyeru pemborong2 tempatan yang terdiri dari orang2 Melayu supaya mengujudkan langkah2 untok bersatu bagi melaksanakan satu2 projek, khas-nya untok menghindarkan diri mereka dari meminjam wang melalui bank2 sabagai modal.

Kapada orang2 Melayu yang ingin mencheburkan diri dalam lapangan itu pula, Pengarah Kerja Raya itu menyatakan bahawa jabatan-nya bersedia untok memberikan bimbingan bagi membolehkan mereka mempelajari chara2 membacha peta, kira-mengira, sukat-menyukat dan perkara2 lain bersangkutan dengan pemborongan.

Wakil Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Awang Abdul Saman bin Kahar yang turut beruchap di-majlis itu telah menerangkan kedudokan Islam sa-bagai ideoloji negara.

Kata-nya, ideoloji negara bukan saja untok orang2 Islam, tetapi ia-nya juga harus di-amalkan oleh orang2 yang bukan Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap di-negeri ini.



KUMPULAN D'Luminous (SOAS Senior) telah berjaya menjadi johan dalam Juara Kugiran yang telah di-adakan di-Pusat Belia pada malam Sabtu yang lalu.

Kumpulan D'Luminous telah berjaya mengalahkan lima buah kugiran yang ikut bertanding pada malam itu.

Awang Serudin Kambar (SOAS Junior) dan Awang Nordin Besar (MMPSPS) masing2 telah di-pileh sa-bagai johan lagu2 langgam dan asli lelaki dalam Peraduan Bintang Pop.

Manakala Dayang Aisah Abd. Rahman (SMM SMJA) dan Dayang Rosni Haji Samli (MMPSBS) masing2 munchol sa-bagai johan lagu2 langgam dan asli wanita.

Johan pakaian beragam di-menangi oleh Ak. Abd. Hamid bin Pg. Hashim dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Johan nyanyian kumpulan lelaki di-menangi oleh Sekolah Pertukangan Jalan Muara, johan nyanyian kumpulan wanita di-menangi oleh Maktab SOAS Senior, johan nyanyian keselurohan di-menangi oleh Maktab Anthony Abell Seria dan johan keselurohan bahagian di-menangi oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Juara Kugiran dan Bintang Pop itu di-anjorkan oleh Badan Pementasan dan Kelab Musik Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan untok mengutip derma bagi tabong pembinaan stadium.

Perlawanan badminton

(Dari muka 3)

Untok memasoki perlawanan itu akan di-kenakan bayaran sa-banyak $20.00 bagi tiap2 satu pasokan dan mereka boleh menghantar tidak lebeh dari tiga pasokan.

Borang memasoki perlawanan itu boleh di-dapati sekarang dari Awang Haji Ahmad bin Arshad, di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan; Awang Abdul Rahim bin Mat Walli, Awangku Abdul Hamid bin Pengiran Abas, kedua2-nya di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan.

Awang Alamin bin Haji Hanafiah di-Pejabat Talikom, Bandar Seri Begawan; Awang Hassan bin Louis di-Pejabat Daerah Kuala Belait dan Ag. Hamdam bin Haji Nawang di-Pejabat Daerah Tutong.

Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun.

Merinyu Perchubaan di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei sedang mempelawa beberapa orang pemuda yang berkelayakan untok berkhidmat sa-bagai Merinyu Perchubaan.

Permohonan ada-lah terbuka kapada pemuda2 berumor antara 19 hingga 26 tahun dan hendak-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan. Ukoran badan tidak kurang dari lima kaki empat inchi tinggi dengan kelayakan tidak kurang dari sijil LCE aliran Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya.

Pemohon2 yang mempunyai kelayakan pelajaran yang lebeh tinggi dan telah menuntul hingga ke-tingkatan lima atau lime atau lebeh tinggi, ada-lah di-beri keutamaan.

Chalun2 yang terpileh akan mengikuti kursus permulaan di-Pusat Latehan Pasokan Pulis Diraja Brunei sa-bagai kadetpegawai.

Sa-telah tamat latehan, merinyu perchubaan akan di-tempatkan di-beberapa chawangan2 pulis untok mendapatkan pengalaman2 pratikal dan diikuti dengan kursus2 lanjutan di-Pusat Latehan dan peluang2 juga ada bagi latehan2 di-sebarang laut.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Ibu Pejabat Pulis Gadong dengan chara bertulis, atau datang sendiri ke-Ibu Pejabat Pulis Daerah Bandar Seri Begawan dan Panaga.

Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan kapada Pesurohjaya Pulis tidak lewat dari 10hb. Julai.

Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat boleh menghantarkan permohonan mereka melalui ketua2 jabatan masing2.

Trengkas dan menaip mustahak dalam menyelanggarakan jentera pentadbiran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengadil Stipendiary, Awang Mohammad Ali bin Mohammad Daud menegaskan bahawa pelajaran trengkas dan menaip melambangkan kemajuan persuratan yang mustahak dalam menyelanggarakan jentera pentadbiran di-Jabatan2 Kerajaan dan perniagaan.

Beruchap sa-belum menyampaikan sijil2 kelulusan trengkas dan menaip dan hadiah2 peraduan di-Dewan Raya di-sini pada hari Ahad lepas, beliau berkata dengan ada-nya pelajaran2 tersebut banyak kerja2 yang bersangkutan dengan persuratan dapat di-laksanakan dengan lichin, chekap dan semporna disamping menjimatkan masa.

Beliau sa-lanjut-nya menegaskan banyak raayat dan pendudok di-negeri ini dapat menikmati ilmu pengetahuan tersebut yang mustahak bukan sahaja kapada pejabat2 kerajaan dan sharikat2 perniagaan akan tetapi juga mustahak di-ketahui oleh mereka yang chenderong dalam jurusan itu untok di-jadikan modal utama sa-bagai mata pencharian.

Awang Ali juga menasehatkan kapada penuntut2 supaya jangan menganggap pelajaran trengkas dan menaip sa-mata2 untok di-jadikan hobby atau kegemaran sa-bagai memenohi masa lapang.

Beliau menerangkan juru2 trengkas dan juru2 taip bukanlah di-sifatkan sa-bagai 'feeding machine' yang boleh menerima saja tetapi juru2 trengkas dan juru2 taip yang terlateh sentiasa menggunakan fikiran dengan chergas, menggunakan tenaga dengan chekap dalam melaksanakan satu2 tugas sa-hingga terlaksana dengan semporna.

Awang Ali juga mengharapkan supaya tenaga juru2 trengkas dapat di-sumbangkan ka-arah melichingkan lagi persidangan2 terutama majlis2 dailog yang berjalan sekarang ini.

Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Haji Umar bin Muhammad dalam uchapan-nya di-majlis itu telah menegaskan bahawa kechekapan merupakan faktor penting dalam kehidupan manusia yang maju di-zaman sains dan teknologi yang mana sektor tulis-menulis memainkan peranan penting bagi menjalankan pentadbiran negara yang membangun.

Beliau berkata pelajaran trengkas dan menaip ada-lah satu dari-pada ilmu pengetahuan yang perlu bagi mensesuaikan sistem persuratan yang di-kehendaki oleh zaman moden sekarang.

Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa tambah beliau, telah mengambil inisiatif bagi meluaskan aktiviti untok melanchar-kan projek2-nya sa-bagai menaikan tanggong-jawab untok menaborkan berbagai beneh pelajaran kapada seluroh masharakat di-negeri ini dengan apa juga chara yang mungkin dapat di-jalankan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEMEREKSA KENDERAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok jawatan Pemereksa Kenderaan di-Jabatan Kenderaan Darat, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Chalun2 mesti-lah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya dan Darjah V Melayu.

b) Chalun2 mesti-lah mempunyai Sijil Sekolah Pertukangan dalam Bahagian Mechanical Engineering dari Sharikat B.S.P. atau lain2 sijil yang sa-banding; atau chalun2 mesti-lah pernah berkhidmat di-sebuah Jabatan Kejuruteraan sa-bagai Foreman Mechanic sekurang2-nya sa-lama 5 tahun atau pun mempunyai sekurang2-nya salama 5 tahun atau pun mempunyai pengetahun baik dalam tugas2 pentadbiran dan teknikal sa-seorang Pemereksa Kenderaan.

c) Chalun2 mesti-lah mempunyai lesen pemandu untok memandu kenderaan2 kelas 1 dan 4.

Tugas2:

Memereksa kenderaan2 dan menyediakan laporan2 kerosakan; memereksa dan menyediakan laporan2 mengenai kenderaan2 yang terlibat dalam kemalangan jalan raya; menguji pemohon2 bagi mendapat lesen2 pemandu; membantu dalam kerja2 am di-pejabat. Pemereksa2 Kenderaan mungkin juga di-kehendaki bertugas pada hari2 Juma'at, Ahad dan Hari Kelepasan Awam sekira-nya mereka di-kehendaki oleh pehak polis untok memereksa kenderaan2 yang terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C1 EB 2 — $610-640-680 / EB / 710x30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah dihantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb. Jun, 1973.

Penolong Nadzir Sekolah2 Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 Penolong Nadzir Sekolah2 Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Berumor antara 25 dan 40 tahun.

b) Lulus Darjah VI Sekolah Ugama dan sekurang2-nya lulus Tingkatan I Sekolah Menengah Melayu atau pun Sekoah Menengah Inggeris.

c) Mempunyai Sijil Kursus Perguruan Ugama, Brunei.

d) Hendak-lah mempunyai pengalaman sa-bagai guru ugama sa-kurang2-nya sa-lama 5 tahun serta pernah menjawat Guru Besar/Ketua Guru tidak kurang dari 3 tahun.

e) Mempunyai pengalaman dalam pentadbiran Pejabat dan pentadbiran persekolahan ada-lah merupakan suatu kelebehan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U.5 — $470x20-510-540x20-660-690.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb. Jun, 1973.

Penyelanggara Setor Tingkat III

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Penyelanggara Setor Tingkatan III di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 untok lantekan ini mesti-lah telah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb. Jun, 1973.

TUKANG UBAT KANAN, TERLATEH DAN PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untok di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei:-

1) Tukang Ubat Kanan
2) Tukang Ubat Terlateh/atau
3) Tukang-Ubat2 Perchubaan.

Kelayakan2:

1) **Tukang Ubat Kanan:**

Mesti-lah terdiri dari Tukang-Ubat2 yang berkelayakan serta mempunyai 10 tahun pengalaman dan pengalaman menjaga sa-sebuah gedong ubat.

Boleh-lah juga terdiri dari Pembantu2 Rumah sakit yang mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam kerja2 membanchoh ubat.

2) **Tukang Ubat Terlateh:**

Mesti-lah mempunyai Sijil Tukang Ubat yang berkelayakan; atau Pembantu Rumah Sakit yang berkelayakan dengan mempunyai pengalaman membanchoh ubat salama 3 hingga 5 tahun.

3) **Tukang Ubat Perchubaan:**

Sa-seorang pemohon bagi jawatan Tukang Ubat Perchubaan mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei, berumor 17 tahun atau lebeh dan mesti-lah lulus Sijil Senior Cambridge termasok mata pelajaran sains asas.

Gaji:

Tukang Ubat Kanan — dalam sukatan gaji C2 — $710x30-950.

Tukang Ubat Terlateh/Perchubaan — dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

1) Tukang-Ubat2 Perchubaan akan di-lantek dalam Perchubaan sa-lama 3 tahun dan penetapan dalam jawatan akan bergantong kapada kelulusan mereka di-dalam pepereksaan yang akan di-dudoki sa-telah menjalani sa-suatu kursus yang di-iktiraf.

2) Tukang Ubat Kanan dan Tukang Ubat Terlateh yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan atau tidak layak untok di-daftarkan sa-bagai raayat akan di-lantek sa-chara berkontrtek sa-lama 3 tahun termasok-lah perchubaan sa-lama 6 bulan yang permulaan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb. Jun, 1973.

Di-Jabatan Muzium

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

A. **PEMBANTU MUZIUM** (4 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya.

b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan di-atas tetapi mempunyai pengalaman bekerja di-sa-sebuah muzium boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB 3-4 — $230x10-290x15-380/EB/410 x20-510-540x20-660.

B. **PEMBANTU ARKIB** (Satu jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

C. **PEMBANTU BILEK GELAP** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya serta mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai juru gambar.

Gaji:

Dalam sukatan gaii D1 EB 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

D. **ATENDAN PERPUSTAKAAN** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya pepereksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1-2-3-4 EB 5 — 180x5-260/EB/270x10-290.

E. **TUKANG KEBUN/PEMBERSEH** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 hingga 35 tahun dan tahu menulis dan membacha.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 EB 2 — $180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 16hb. Jun, 1973.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Pejabat Daerah, Brunei dan Muara.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah dengan tidak ada rekod kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untok menjalankan tugas2 saperti yang di-atorkan oleh Pegawai Daerah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — $220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun, 1973.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

Lawatan Duli Pg Perdana Wazir ka-Daerah Tutong

TUTONG. — Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah telah berangkat melawat tiga buah kampong di-Daerah Tutong pada hari Isnin lepas untok meninjau dan bertemu ramah dengan pendudok2 di-kampong2 tersebut.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir yang berangkat menaiki helikopter AMDB tiba di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada jam 8.45 pagi dan di-sambut oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Penolong Daerah serta lain2 pegawai2 kanan kerajaan.

Mula2 Yang Teramat Mulia itu telah berangkat ka-Kampong Lubok Pulau dan bertemu ramah dengan pendudok2 di-kampong itu. Yang Teramat Mulia juga telah melawat Sekolah Melayu Lubok Pulau.


Sa-telah itu Yang Teramat Mulia dan rombongan melawat ka-Sekolah Melayu Abdul Rashid Tanjong sa-belum meneruskan lawatan ka-kampong Merimbun dengan menaiki helikopter.

Bagi memperingati lawatan Yang Teramat Mulia ka-kampong Merimbun pendudok2 kampong itu telah menghadiahkan sa-biji kaskol 'languai' kapada Yang Teramat Mulia. Chenderamata itu disampaikan oleh Ketua Kampong Merimbun, Awang Mohd. Noor bin Abang Mohammad.

Yang Teramat Mulia juga sempat melawat ka-pantai Seri Kenangan sa-belum berangkat kerumah Pegawai Daerah untok santap tengah hari.

Sa-lepas santap, Yang Teramat Mulia dan rombongan berangkat melawat ka-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, rumah sakit yang baru dan tempat latehan Askar Melayu Diraja di-Sungai Besar Tutong.

Gambar bawah menunjokkan Ketua Kampong Merimbun, Awg. Mohammad Noor sedang menyembahkan chendermata yang berupa sa-biji kaskol 'languai' kapada Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah sa-bagai kenang2an atas lawatan Yang Teramat Mulia ka-kampong itu. Sedang memerhati di-tengah2 ia-lah Pegawai Daerah Tutong dan penolong-nya.



T.Y.T. Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey memereksa barisan Pulis Diraja Brunei dalam upachara perbarisan kehormatan puja usia Baginda Queen.

UPACHARA PERBARISAN HARI KEPUTERAAN BAGINDA QUEEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu upachara perbarisan kehormatan telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada hari Sabtu lepas sa-bagai menghormati hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II.

Pasokan Ke-VI Queen Elizabeth Own Gurkha Rifle mengepalai perbarisan yang mengandongi pasokan2 Askar Melayu Diraja Brunei, dan Pulis Diraja Brunei. Turut juga menyertai perbarisan itu ia-lah pasokan kadet Askar Melayu Diraja Brunei dan tujoh buah pertubohan awam.

Pasokan meriam kehormatan Pulis Diraja dan gabongan pasokan pancharagam Pulis Diraja dan Askar Melayu Diraja juga turut menyertai perbarisan itu.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey telah memereksa perbarisan dan menerima tabek kehormatan dari pasokan2 yang mengambil bahagian.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat menghadhiri upachara perbarisan kehormatan itu.

Turut juga hadhir di-upachara itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkiah; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Yang Amat Mulia Cheteria2; Pengiran2; Pehin2; Ahli2 Majlis Mashuarat, Pemimpin2 Masharakat; Pegawai2 Kanan Kerajaan dan Tentera.

(Dari muka 2)

angka yang tertinggi sekali di-Asia jika di-tinjau dari segi pendudok yang paling ramai menghantar murid2 ka-sekolah sa-lepas perang Dunia Kedua.

Berchakap mengenai penganggoran, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan mensifatkan-nya sa-bagai satu perkara yang tidak bagitu berat jika di-bandingkan dengan pertumbohkan pendudok di-beberapa bahagian negeri2 lain yang sedang pesat dengan pembangunan-nya.

Yang Berhormat berkata, penganggoran yang terdapat di-Brunei sekarang hanya-lah tertumpu kapada anak2 tempatan yang senghaja memileh pekerjaan yang menyebabkan semua kerja2 yang sa-patut-nya boleh di-buat oleh anak negeri ini terpaksa di-buat oleh orang2 asing.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menyeru kapada seluroh kaum belia khasnya belia2 Melayu di-negeri ini supaya segera mengubah sikap dan menghilangkan perasaan rendah diri untok menyahut sa-barang chabaran yang sa-patut-nya terpaksa di-pikul oleh mereka sendiri demi kemajuan bangsa dan negeri Brunei Darussalam.

Yang Berhormat itu menjelaskan, Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang sedang giat di-susun sekarang akan melibatkan 70 peratus tenaga belia untok di-sumbangkan ka-arah ranchangan itu.

Perutusan Baginda Queen

DULI Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II bertitah Commonwealth bukan-lah hanya untok kerajaan2 atau pembesar2 negara tetapi bagi seluroh raayat dalam Commonwealth.

Titah perutusan Baginda Queen itu telah di-sampaikan oleh Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei Dato Peter Gautrey di-upachara perbarisan kehormatan sempena hari keputeraan Baginda yang telah berlangsong di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Commonwealth, titah Baginda, menyeru raayat-nya supaya memupok dan mengeratkan lagi persahabatan dan persafahaman, tetapi ia-nya juga memberikan peluang praktikal kapada raayat-nya untok bekerjasama, untok memberikan khidmat antara satu dengan lain dan untok menghapuskan halangan perhubongan antara mereka.

Baginda Queen bertitah, Commonwealth ada-lah bagi kepentingan dan keinginan untok mengetahui kapada semua mereka, terutama-nya di-kalangan 400 juta para belia yang berumor di-bawah 25 tahun.

Tidak ada lain2 pertubohan negara2 bebas di-dalam sejarah dunia yang telah memberikan peluang dan kelonggaran bagi kemajuan bagaimana perhubongan antara perseorangan dan kerajaan.

Chabaran tersebut, titah Baginda Queen ada-lah sunggoh nyata dan di-perlukan dan jika raayat-nya gagal untok memetohi-nya maka pengganti2-nya akan merasai sedeh terhadap peluang baik yang lenyap itu.

Baginda Queen bertitah, jika mereka berjaya, mereka bukan hanya membina Commonwealth yang lebeh kukoh dan gembira tetapi mereka juga akan menunjokkan yang umat manusia boleh hidup dalam aman damai.



Di-kurniakan Bintang O.B.E.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II telah mengurniakan Bintang Order of the British Empire — OBE kapada Pengawal Imigeresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan, Awang Thomas Patrick Forde.

Pengurniaan itu di-umumkan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey di-upachara perbarisan kehormatan puja usia Baginda Queen pada hari Sabtu lepas.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 24 RABU 13HB. JUN, 1973. 1393 جمادي الاول 12 رابو PERCHUMA

Untok dapatkan fikiran2, bukan utk dengar aduan2

TUJUAN BERDAILOG DENGAN RAAYAT

KIUDANG. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda sikap dan tujuan rombongan dailog menjelajah ka-kampong2 ia-lah untok mendengar fikiran2 dan pendapat2 tetapi bukan untok mendengar aduan2 yang menyentoh perasaan saseorang atau pehak2 tertentu.

Ini telah di-sabdakan oleh Yang Amat Mulia ketika menyampok hujjah2 salah sa-orang pendudok yang mengambil bahagian dalam majlis dailog di-Sekolah Melayu Kiudang pada hari Jumaat lepas.

Pendudok di-kampong itu sa-chara langsong telah membabit nama Penghulu dan Ketua Kampong dan membuat tudohan yang mereka telah tidak mengambil berat terhadap masaalah2 pendudok.

Yang Amat Mulia mengingatkan hujjah2 yang di-hadapkan kapada rombongan dailog itu hendak-lah bertumpu kapada chara2 melaksanakan satu2 ranchangan yang berkesan bagi kebajikan bangsa dan negara dan menchari jalan yang lebeh baik untok mendapatkan penyertaan raayat dalam mengendalikan ranchangan2 yang di-hadapkan.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu menasehatkan kapada raayat su-

(Lihat muka 5)



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sedang mengurniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Kedua — D.S.N.B. kapada Tuan P. Izard, Pengurus Perdagangan Daerah Sharikat Penerbangan Qantas (gambar kiri).

Tuan Izard ada-lah salah sa-orang dari enam orang warga negara British yang telah di-kurniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei oleh Duli Yang Maha Mulia kerana perkhidmatan mereka kapada Negeri Brunei.

Lain2 penerima ia-lah bekas Pegawai Warrant J. Morgan; Pegawai Warrant J. Howard dan Tuan D.V. Leonard yang masing2 telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ke-empat — P.S.B.

Flying Officer N.M. Spence di-kurniakan Darjah Keberanian Laila Terbilang Darjah Ketiga manakala Mrs. E. Williams di-kurniakan Pingat Indah Kerja Baik.

Istiadat mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 itu telah di-adakan di-Grosvenor House Hotel, London sa-masa Duli Yang Maha Mulia mengadakan lawatan private ka-London baru2 ini. — **Gambar dan berita kiriman Jabatan Penerangan British.**

Kenyataan2 yg. di-buat tidak bermaksud untok mengechil2kan pendapat raayat

KIUDANG. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pg. Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda, kenyataan2 yang di-buat oleh pehak kerajaan dalam majlis2 dailog Ranchangan Kemajuan Negara yang baru, sama sekali tidak bermaksud untok mengechil2kan pendapat dan fikiran raayat dalam membantu menguatkan penyusunan ranchangan itu.

Yang Amat Mulia itu bersabda, ada-lah bertentangan dengan maksud mengadakan dailog itu jika penerangan2 yang di-berikan oleh pehak kerajaan atas satu2 perkara yang di-timbulkan di-anggap sa-bagai mengechil2kan fikiran raayat.

Sabda tersebut di-lafadzkan ketika Yang Amat Mulia itu membuka majlis dailog mengenai penyusunan Ranchangan Kemajuan Negara yang berlangsong di-Sekolah Melayu Kiudang pada hari Jumaat lepas.

Dalam majlis itu, sa-ramai 12 orang pendudok Kampong Kiudang, Lamunin dan sekitar-nya telah menghadapkan pendapat mereka yang sa-bilangan besar-nya ia-lah mengenai usaha2 untok mengadakan lapangan pertanian dengan chara yang lebeh me-

(Lihat Muka 8)

Nasehat kapada anggota2 pulis

KUALA BELAIT. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah menasehatkan semua Pegawai2 dan Anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei supaya menjalankan tugas dengan semporna dan menjauhkan diri dari perasaan pileh kaseh demi menegakkan peratoran dan undang2 negeri.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah bersabda demikian kapada 115 orang pegawai dan anggota Pulis Diraja Brunei dalam satu majlis ramah tamah di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pagi kelmarin.

(Lihat muka 5)

Ibu-bapa di-seru berdamping rapat dengan guru2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes menyeru ibu-bapa dan penjaga murid2 supaya selalu berdamping rapat dengan guru2 di-sekolah demi untok kemajuan dan mengatasi kelemahan anak2 mereka.

Beruchap di-majlis Pembukaan Rasmi Hari Pelajar di-Dewan Raya pada hari Ahad lepas, Pengarah Pelajaran itu mengharapkan bahawa sa-tiap orang yang tinggal di-Brunei ada-lah sama2 bertanggongjawab terhadap perkembangan pelajaran di-negeri ini.

Beliau berkata, Jabatan Pelajaran bukan-lah merupakan pengerak utama terhadap perkembangan pelajaran di-negeri ini melainkan ia-nya mendapat sukongan penoh dan

(Lihat muka 5)



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin kelihatan dalam gambar atas sedang menanam sapohon pokok kelapa di-Kampong Pulau Berbunut sa-bagai memperingati lawatan Duli Yang Termat Mulia ka-kampong itu.

Kampong Pulau Berbunut ada-lah salah sa-buah dari empat buah kampong pendalaman yang di-lawati oleh Duli Yang Teramat Mulia dalam siri lawatan bagi meninjau keadaan dan beramah tamah dengan pendudok2 di-kampong pendalaman.

Lain2 kampong yang di-lawati oleh Duli Yang Teramat Mulia pada minggu lalu ia-lah Kampong Lumapas, Kasat di-Daerah Brunei-Muara dan Kg. Kinua di-Daerah Temburong.

Ini ada-lah lawatan ka-kampong2 pendalaman yang ketiga di-lakukan oleh Duli Yang Teramat Mulia dalam tahun ini. Lawatan yang pertama di-buat pada 26hb. Mach dan lawatan kedua pada awal bulan ini.

Untok memberi peluang kpd anak2 tempatan

PAS2 KERJA PEKERJA2 ASING YANG TIDAK MAHIR AKAN DI-BATAL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Buroh, Awang Mohamad Ali bin Haji Awang Besar telah memaklomkan kapada semua majikan yang telah mengambil orang2 asing bagi pekerjaan saperti pelayan, talipon operator, penulong kedai, penjual, kerani dan kerja2 yang tidak mahir dan sama ada melalui "labour quota" atau surat kebenaran bahawa kebenaran yang telah di-luluskan akan batal sa-baik2 saja pas2 kerja mereka mansoh.

Makloman ini telah terkandong dalam surat keliling Pejabar Buroh yang di-keluarkan baru2 ini.

Awang Mohamad Ali menerangkan langkah ketat ini di-ambil ia-lah untok memberikan peluang2 pekerjaan bagi raayat kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei; yang di-dapati menganggor yang di-perchayai boleh membuat kerja2 tersebut.

Pesurohjaya Buroh menambahkata, oleh yang demikian majikan2 yang berkenaan ada-lah di-nasihatkan supaya mengambil langkah segera untok menggantikan tempat2 orang asing tersebut

Awang Mohamad Ali juga menyeru belia2 dan raayat negeri ini mengambil peluang2 yang telah di-berikan itu supaya dapat menunaikan hasrat dan hakikat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Awasi orang2 yang menyamar diri sa-bagi pengutip derma stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awg. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri mengingatkan kapada orang ramai supaya berhati2 terhadap satu gulongan yang menyamar diri sa-bagai pengutip derma stadium sedangkan wang kutipan itu tidak pernah di-serahkan kapada jawatankuasa2 yang berkenaan.

Yang Berhormat itu menegaskan ada di-antara orang2 yang tidak bertanggong-jawab telah mengambil kesempatan menyamar diri yang berpura2 sa-bagai sa-orang pemungut derma stadium tetapi hasil-nya tidak sampai kapada pehak2 berkenaan jawatankuasa stadium.

Setia Usaha Jawatankuasa Tertinggi Derma Tabong Pembinaan Stadium itu mengingatkan kapada orang ramai supaya mengambil perhatian terhadap kejadian itu dan meneliti sama ada pengutip derma itu sah atau sa-balek-nya.

Kata-nya, mereka yang ingin menderma hendak-lah menyerahkan sendiri derma itu kapada Pengerusi2, Pegawai2 Daerah atau kapada Yang Berhormat sendiri di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka serta wakil2 yang di-lantek yang telah di-beri mandat.

Yang Berhormat itu menegaskan, sejak kempen derma tabong pembinaan stadium di-ishtiharkan, sambutan orang ramai terhadap ranchangan itu ada-lah menggalakkan.

Bagi pehak Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat itu menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada semua penderma2 atas sambutan yang telah di-berikan.

Gerakkan menyembor ubat DDT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaki-tangan2 Projek Penghapus Malaria akan menjalankan gerakkan menyembor ubat DDT di-lapan buah kampong di-Daerah Temburong bulan ini.

Kampong pertama yang telah mereka lawati ia-lah Kampong Perdayan pada 12hb. Jun.

Sa-lepas itu mereka akan berada di-Labu Estate pada 13hb. Jun dan 14hb. Jun dan ka-Batang Duri dan Amo pada 16hb. Jun.

Lain2 kampong ia-lah Sibut dan Sumbiling pada 18hb. Jun, Piasau2 pada 19hb. Jun dan Senukoh pada 21hb. Jun.

Ada-lah di-anggarkan sa-banyak 522 litre DDT akan di-gunakan untok menyembor 174 rumah, pondok2 dan lain2, di-kampong2 tersebut yang mempunyai jumlah bilangan pendudok sa-ramai 1,057 orang.

Pemenang2 peraduan melukis poster

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Morsidi bin Akip dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah memenangi hadiah pertama dalam peraduan melukis poster keselamatan jalan raya bahagian Sekolah2 Menengah Seluroh Negeri yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran.

Tempat kedua di-menangi oleh Awang Aminuddin bin Md. Sum dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin manakala Awang Duraman bin Jaffar dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin mendapat tempat ketiga.

Awang Metassim bin Jeludin dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan mendapat hadiah kasehan.

Pemenang pertama menerima hadiah wang tunai sa-banyak $170.00, pemenang kedua $130.00 dan pemenang ketiga $90.00.

Dalam bahagian Sekolah2 Rendah pula, Awang Suhaili Inggu dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong telah mendapat hadiah pertama dan menerima wang tunai sa-banyak $150.00; pemenang kedua Awang Eisa bin Md. Salleh dari Sekolah Persediaan Inggeris H.M. Salleh, Sungai Hanching dan menerima wang tunai sa-banyak $100.00 dan tempat ketiga di-menangi oleh Lee Seon Hi dari Sekolah St. Angles Convent. Seria dan menerima wang tunai sa-banyak $50.00.

Awang Alexander Chiuh dari Sekolah St. Georges, Bandar Seri Begawan menerima hadiah kasehan.

Belia2 di-seru memberikan shor terhadap RKN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Brunei, Awang Yaakub bin Ahmad menyeru belia2 negeri ini supaya memberikan buah fikiran dan pendapat yang berfaedah terhadap Ranchangan Kemajuan Negara yang sedang di-gubal.

Belia2, tambah beliau, harus memberikan sumbangan yang mereka sanggup dan di-kelolakan untok menjayakan ranchangan lima tahun itu.

Awang Yaakub menerangkan, majlis2 dailog sedang di-usahakan untok mendapatkan buah fikiran dan pandangan2 yang berguna untok masharakat dan tegoran2 yang membina untok kebaikan belia2 dan raayat negeri ini.

Awang Yaakub berkata demikian sa-belum beliau merasmikan mashuarat agong Persatuan Kampong Pandai Besi yang telah di-adakan di-dewan persatuan itu pada minggu lalu.

Setia Usaha Agong MBB itu berkata, ada-lah menjadi tanggong-jawab para belia untok memberikan kerjasama kapada kerajaan sa-chara ber-

(Lihat Muka 3)

LIMA PERKARA YANG MENGANDONGI NIKMAT YANG MAHA BESAR KAPADA MANUSIA

KHUTBAH JUMA'AT

DALAM sa-buah hadith Rassulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Dua nikmat banyak orang terpedaya, tertipu di-dalam-nya ia-itu sehat dan kelapangan".

Yang di-maksudkan dengan nikmat itu ia-lah hal keadaan susunan yang baik dalam hidup dan limpah kurnia Allah kapada manusia. Umpama-nya sa-orang yang menderita kerana kemiskinan di-kurniakan Allah dengan harta kekayaan yang boleh mengubah chorak kehidupan-nya menjadi senang dan mewah. Sa-orang yang jahil di-kurniakan Allah ilmu pengetahuan yang tinggi sa-hingga dengan-nya mendapat pangkat yang menyenangkan kehidupan-nya. Sa-orang yang di-timpa kesulitan di-kurniakan Allah tenaga dan kesanggupan bekerja dengan tabah dan chekal. Sa-orang bujang yang gelisah di-kurniakan Allah dengan sa-orang isteri yang baik, yang selalu mengembirakan, memelihara diri-nya, harta dan kehormatan-nya.

Ini semua ada-lah termasok dalam arti nikmat yang merupakan hal keadaan suasana baik yang memberi kebahagiaan, ketenteraman dan kesenangan dalam hidup.

Dalam hadith tersebut ada dua nikmat yang di-sebut oleh Rassulullah yang ramai orang terpedaya di-dalam-nya ia-itu sihat dan kelapangan.

Manusia selalu-nya banyak yang terlupa dalam masa menikmati sehat tuboh badan kechuali bilamana mereka di-timpa sakit yang menyebabkan hilang tenaga dan kechergasan, bila mereka sihat mereka turutkan segala kehendak hawa nafsu tanpa perhitongan, makan dan minum dengan berlebehan2 tidak kira yang halal mahu pun yang haram, memuaskan nafsu jantina sachara keterlaluan tidak chukup dengan isteri yang halal malahan-nya memuaskan nafsu dengan perempuan2 jalang. Mereka menyalah-gunakan kesihatan mereka sa-hingga terlalai membuat ibadat dan amal salih serta pekerjaan2 yang berkebajikan. Sia2-lah mereka itu mendapat nikmat kesihatan tuboh badan kerana kesihatan itu bukan-lah sa-suatu yang kekal malah ia datang dan pergi. Bila mana ia pergi berarti manusia telah hilang peluang tenaga untok beribadat dan beramal serta melakukan pekerjaan yang berkebajikan. Dengan yang demikian tentu-lah suatu hal yang merugikan bagi sesiapa yang mengabaikan kepentingan kesihatan itu.

Dalam sa-buah hadith yang lain, Rassulullah telah menganjorkan manusia supaya merebut lima peluang sa-belum luput-nya kelima2 peluang itu. Sabda Baginda yang bermaksud:

> **"Rebut-lah lima peluang sa-belum tiba lima perkara, ia-itu masa muda mu sa-belum tua, masa sihat mu sa-belum sakit, masa kaya mu sa-belum miskin, masa lapang mu sa-belum sibok, masa hidup mu sa-belum mati."** Sihat ada-lah termasok dalam lima peluang tersebut.

Manakala nikmat kedua ia-itu kelapangan pula ada-lah berhubong rapat dengan kesenangan dan kekayaan, hidup yang boleh menimbulkan suasana aman tenteram mengenai diri dan harta, demikian juga suasana keadaan jiwa yang tenang ada-lah juga termasok ka-dalam arti nikmat kelapangan. Dalam keadaan sa-demikian banyak manusia tidak menggunakan dengan sa-wajar-nya masa lapang itu bagi kepentingan hidup di-dunia dan di-akhirat. Mereka hanya pandai menghilangkan waktu dan peluang itu dengan bermacham2 chara yang sia2 saperti dudok berlama-lama di-kedai kopi, mundar mandir ka-hulu ka-hilir tanpa tujuan, mereka menghilangkan masa sa-olah2 masa itu tiada berharga kapada mereka.

Penyalah-gunaan manusia kedua2 nikmat itu-lah yang di-tegaskan oleh Rassulullah sa-bagai menipu diri sendiri sa-suatu yang amat berharga.

Dalam zaman serba bergerak chepat dan maju sekarang ini, kita umat Islam perlu-lah menyedari tentang kepentingan nikmat kesihatan dan masa lapang itu. Kedua2-nya harus-lah di-pergunakan dengan sa-baik-nya pada perkara2 yang mendatangkan faedah yang berkebajikan baik untok faedah perseorangan, mahu pun untok faedah masharakat dan negara kita. Bagi mereka yang hidup menganggor, kedua2-nya mesti-lah di-pergunakan untok bekerja menchari nafkah yang halal tanpa memileh2 pekerjaan. Bagi mereka yang maseh lemah kedudokan ekonomi-nya, mesti-lah mempergunakan kedua2-nya untok melipat-gandakan usaha bagi menambah pendapatan. Bagi mereka yang maseh lalai melakukan amal ibadat, mesti-lah merebut peluang2 itu tanpa berlengah2 lagi. Mudah2an dengan yang demikian kita akan dapat mengisi peluang2 dari dua nikmat yang berharga itu pada perkara2 yang mendatangkan faedah dan mensia2kan kepentingan dan kebajikan.

Majalah Tafsir siri ke-18

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-18 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain tafsiran dan huraian ayat (196) hingga (212) dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Belia2 harus mengubah sikap

(Dari muka 2)

gotong royong dengan tidak semua-nya mengharapkan pertolongan dan bantuan dari kerajaan.

Belia2 kata-nya harus-lah mengubah sikap mengikut keadaan dan perubahan zaman dan tidak sa-mata2 bergantong kapada bantuan orang lain.

Menyentoh tentang pekerja2 luar negeri, Awang Yakub menerangkan tujuan kerajaan ia-lah untok mengurangkan pekerja2 luar negeri dan kerja2 yang boleh di-buat oleh anak2 tempatan akan di-ambil aleh dari mereka.

Kata-nya, belia2 negeri ini mempunyai tanggong-jawab berhubong dengan pengambilan aleh kerja2 itu tanpa memileh kerja2 dan sa-mata2 hanya dengan kerajaan.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13hb. Jun, 1973 hingga ka-hari Selasa 19hb. Jun, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
13hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
14hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
15hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07
16hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
17hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
18hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
19hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

13hb. Jun, 1973.

PELUANG BEKERJA

SOAL memberikan pekerjaan kapada anak2 tempatan bukan-lah suatu perkara yang baru di-timbulkan. Baru2 ini perkara ini te'ah di-bangkitkan lagi. Pejabat Buroh telah pun mengeluarkan kenyataan bahawa pas kerja yang di-keluarkan kapada buroh2 luar yang tidak mahir tidak akan di-perbaharui apabila pas kerja yang ada sekarang berakhir. Langkah ini di-ambil, kita yakin ada-lah bertujuan untok mengurangkan pekerja2 luar negeri supaya dapat memberi peluang kapada raayat negeri ini mengambil aleh kerja2 yang salama ini di-buat oleh pekerja2 luar itu.

Usaha Kerajaan Duli Yang Maha Mulia menggalakkan majikan2 di-negeri ini memberi pekerjaan kapada anak2 tempatan, dapat-lah kita anggap sa-bagai suatu langkah yang bertujuan untok menjaga kepentingan dan kesejahteraan raayat. Dan dengan tujuan menjaga kepentingan dan kesejahteraan raayat ini ada-lah di-harapkan dapat memperbaiki taraf hidup raayat negeri ini.

Pehak2 majikan di-negeri ini juga nampak-nya telah pun menunjokkan kerjasama mereka. Dewasa ini dapat kita melihat anak2 tempatan bekerja di-kedai2, di-steshen2 menjual minyak, di-sharikat2 penerbangan, di-bank2 dan lain2. Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad juga turut sama memberikan perhatian dalam soal ini. Iklan2 menawarkan kerja2 kosong di-sharikat itu telah di-muatkan dalam akhbar ini. Bagi pehak majikan yang mengambil pekerja2 tempatan dapat-lah di-katakan bahawa sedikit sa-banyak dapat merenggankan bebanan mereka kerana mereka tidak akan menghadapi masaalah2 saperti mendapatkan lesen memasokkan pekerja2 luar, pas2 kerja, perumahan, kesihatan dan lain2.

Kapada raayat negeri ini terutama sekali kapada belia2 lepasan sekolah, ini ada-lah satu peluang yang baik yang tidak patut di-lepaskan bagitu saja. Negeri kita pada masa ini pun sedang giat menyusun satu Ranchangan Kemajuan Negara yang baru dan berthabit dengan hal ini sudah tentu banyak tenaga buroh khas-nya dari kalangan belia di-kehendaki bagi sama2 menulong menjayakan pelaksanaan ranchangan besar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu.

Dalam kontek ini belia2 patut-lah tampil kemuka untok mengisikan kerja2 yang telah di-tawarkan. Sikap memileh pekerjaan hendak-lah jangan di-amalkan demi untok kesejahteraan hidup mereka dan raayat seluroh-nya. Kita tidak boleh bergantong kapada kerajaan sa-mata2 untok mendapatkan pekerjaan. Soal mencheri pekerjaan tidak akan menjadi bagitu rumit jika kita tidak mengamalkan sikap memileh kerja. Dari sikap ini juga merupakan satu puncha besar terdapat-nya penganggoran sekarang.

(Lihat muka 8)

SABDA PENOH PADUKA SERI — BEGAWAN SULTAN DI-MAJLIS PERJUMPAAN DGN PEGAWAI2 DAN ANGGOTA2 PULIS DIRAJA BRUNEI DI-KUALA BELAIT

TIMBALAN Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja dan sekalian yang hadhir.

Beta sunggoh-nya bershukor kerana dengan izin Allah Subhanahu-Wataala, Beta dapat berpeluang pada hari ini dengan pegawai2 dan anggota2 pasokan Pulis Diraja Brunei yang bertugas di-Daerah Belait ini mengadakan atas lawatan Beta di-perjumpaan yang akan sa-tiap masa mudah2an dengan izin Tuhan berlaku.

Pada perjumpaan Beta dengan Pegawai2 dan anggota2 Pulis Diraja Brunei pada beberapa bulan lepas di-Daerah Brunei-Muara, Beta telah pun mengingatkan peri mustahak-nya bagi semua pegawai2 dan anggota2 pasokan Pulis supaya sentiasa menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Kerajaan Baginda dan juga supaya melaksanakan tugas2 dan kewajipan masing2 dengan bersunggoh2.

Pada saat ini Beta ingin sekali lagi menyatakan betapa mustahak-nya perkara ini kapada keselamatan dan ketenteraman serta kemakmoran Negeri Brunei Darussalam yang sa-memang-nya melakukan keamanan, damai dan tenteram demi menchapai hasrat dan niat suchi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei untok menjadikan Negeri Brunei sabuah negeri yang makmor dengan mempunyai masharakat yang kukoh dan bersatu padu.

Dari itu dengan tidak puas2 Beta ingin berseru sekali lagi kapada semua pegawai2 dan anggota2 pasokan Pulis Diraja Brunei sama ada mereka bertugas di-daerah ini atau pun di-daerah2 lain dalam Negeri Brunei supaya terus menerus menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda serta terus menerus berwaspada dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini.

Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda insha Allah akan menumpukan daya upaya dan tenaga pada mengukohkan keselamatan dan sa-terus-nya kemakmoran Negeri Brunei supaya seluroh raayat dan pendudok negeri ini yang chitakan keamanan akan dapat hidup dengan maju dan makmor dalam apa jua perkerjaan yang di-usahakan masing2 menurut Undang2 Negeri yakni Undang2 Negeri Brunei Darussalam. Dan yang mana undang2 itu telah di-susun dengan harapan kita yang akan menjadi panduan dengan izin Allah dan dengan keredhaan Allah Subhanahu-Wataala.

Beta di-majlis yang permai ini sukachita mengambil peluang untok menasehatkan semua pegawai2 dan anggota2 pasokan Pulis Diraja Brunei supaya menjalankan tugas pada menegakkan peratoran undang2 negeri ini dan tegasnya dan menjauhkan diri daripada perasaan pileh kaseh dan tindakan2 yang kurang tepat.

Akhir-nya Beta penoh berharap semoga keadaan tenteram dan aman yang sama2 kita nikmati pada hari ini dengan izin Allah akan terus kita nikmati dan dapat pula dinikmati oleh anak chuchu kita di-zaman2 yang akan datang.

Beta juga berharap semoga tali persahabatan, persafahaman yang sudah terjalin bagitu erat di-antara pasokan keselamatan kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dan pasokan keselamatan Negeri Brunei saperti pasokan Pulis Diraja Brunei dan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan terus berkembang mesra dan akan ujud bagi sa-lama2-nya yang benar2 chinta pada mempertahankan hak Negeri Brunei yang kita sebut sa-bagai ibunda yang Negeri Brunei ada-lah tumpah darah kita sentiasa.

Terima kaseh.

Kemakmoran hanya boleh di-chapai dengan ada-nya keamanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pg. Setia Raja Pg. Jaya bin Pengiran Haji Rajid, bersabda dalam zaman pembangunan ini ada-lah tanggong-jawab utama bagi belia2 dan seluroh raayat negeri ini untok sentiasa bersama memberi fikiran dan kerjasama ka-arah keamanan dan ketenteraman negeri ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bersabda demikian sa-be'um merasmikan pembukaan Meshuarat Agong ke-10 Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama, yang berlangsong di-dewan persatuan tersebut pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bersabda kemakmoran hanya boleh di-chapai dengan ada-nya keamanan.

Dalam sabda uchapan Yang Amat Mulia itu antara lain berdo'a agar Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama akan dapat berjalan dengan subor-nya dan penoh dengan aktibiti2 yang berfaedah bagi persatuan itu khas-nya dan negara Brunei Darussalam am-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja akhir-nya menasehatkan ahli2 persatuan tersebut supaya memberi sukongan yang penoh dan kerjasama yang benar2 jujor dan sa-terus-nya menunaikan kerja2 dan tugas sa-bagai sa-orang ahli persatuan.

Peraduan senilukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Senilukis akan di-adakan sempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-27 tahun dalam bulan Julai hadapan.

Peraduan yang di-anjorkan oleh jawatankuasa yang di-bentok untok tujuan itu akan di-adakan salama sa-minggu mulai 14hb. Julai hingga 21hb. Julai dan akan di-buka dari jam 8.30 pagi hingga 9.00 malam tiap2 hari.

Peraduan itu juga bertujuan untok membentok serta memperkembangkan nilai seni lukis untok menchapai ka-perengkat antara bangsa, berchorak keBruneian.

(Lihat muka 5)

ANTARA YANG HADHIR

PERBARISAN kehormatan sabagai menghormati hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada 2hb. Jun yang lalu.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey telah menerima tabek dan memereksa barisan kehormatan itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat ka-upachara itu.

Turut juga hadhir di-upachara itu ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir.



Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes beruchap sa-belum merasmikan pemukaan Hari Pelajar.

PELAJARAN ANAK2: IBU-BAPA PERLU MEMBERI GALAKKAN

(Dari muka 1)

kerjasama yang erat dari semua pehak di-negeri ini.

Dato Seri Paduka Awang MacInnes juga menyeru kapada semua guru2 di-negeri ini supaya memberikan chontoh2 dan pelajaran2 yang baik kapada murid2 dengan harapan dapat melaksanakan tanggong-jawab yang berat itu dengan jaya-nya untok memenohi chita2 sa-bagai sa-orang pendidek.

Beliau menegaskan ibu-bapa dan penjaga murid2 haruslah mempunyai sikap yang sehat terhadap pelajaran anak2 mereka dan memberi galakkan sa-penoh-nya pada sa-tiap masa.

Kata-nya, ibu-bapa dan penjaga murid2 jangan-lah segan2 berjumpa dengan guru2 di-sekolah untok membinchangkan masaalah kemajuan atau kemundoran anak2 mereka.

Dengan berbuat demikian, tambah beliau, segala kesulitan2 mungkin akan dapat di-atasi.

Beliau menegaskan penuntut2 di-sekolah juga telah dilateh dengan berbagai chara terutama mereka di-berikan galakkan memasoki lapangan pandu puteri, pengakap dan lain2 kegiatan sa-bagai chontoh yang baik bagi mereka mengenali dan mematohi undang2 negara.

Jabatan Hal Ehwal Ugama, tegas beliau, juga tidak kurang memainkan peranan penting dalam perkembangan pelajaran Ugama dengan harapan dapat menyalorkan berbagai aspek pelajaran dan memelihara serta menjaga nilai2 moral yang baik di-kalangan mereka.

Hari Pelajar akan di-adakan di-sekolah2 Rendah Melayu di-seluluroh negeri sa-panjang bulan ini pada tarikh2 yang berasingan.

Pada hari Jumaat 15hb. Jun, lima buah sekolah di-Bahagian Brunei III akan mengadakan Hari Pelajar. Sekolah2 itu ia-lah S.M. Bengkurong, S.M. Kasat, S.M. Masin, S.M. Mulaut dan S.M. Panchor Murai.

Pada hari Ahad 17hb. Jun, Hari Pelajar akan di-adakan di-15 buah sekolah. Tiga buah sekolah di-Bahagian Brunei II — — S.M. DMW Lambak, S.M. Gadong dan S.M. HMS Sungai Hanching.

Tiga buah sekolah di-Bahagian Brunei III — S.M. Dato Gandi, S.M. Lumapas dan S.M. OKBI Subok.

Tiga buah sekolah di-Bahagian Tutong I — S.M. Bukit Panggal, S.M. Kampong Menengah dan S.M. Lamunin.

Sekolah Melayu Sungai Damit Pemadang di-Bahagian Tutong II.

Lima buah sekolah di-Daerah Temburong — S.M. Amo, S.M. Kinua, S.M. Selangan, S.M. Senukoh dan S.M. Sultan Hassan.

S.M. Raja Isteri Fatimah, di-Brunei I dan S.M. Merangking di-Daerah Belait akan mengadakan Hari Pelajar pada hari Rabu 20hb. Jun manakala S.M. Kuala Balai akan mengadakan Hari Pelajar pada 19hb. Jun.

Kerajaan perlu berhati2 dalam melaksanakan satu2 projek

(Dari muka 1)

paya mengikis sikap merendah2kan atau penyinggong perasaan sa-seorang itu dan hendak-lah menyelesaikan satu2 perkara yang timbul melalui perundingan, tetapi bukan di-sebarkan di-tempat2 yang tidak sesuai.

Sikap menchari penyelesaian melalui perundingan itu, sabda Yang Amat Mulia lagi, ada-lah perlu di-biasakan memandang kapada hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok terus memelihara keadaan aman, tenteram dan makmor yang telah di-nikmati di-negeri ini sejak zaman berzaman.

Ketika membuat ulasan2 di-akhir perjumpaan itu, Yang Amat Mulia antara lain telah memberitahu pendudok2 di-Kg. Kiudang dan sekitar-nya bahawa di-kawasan itu terdapat 5,000 ekar tanah yang sesuai untok di-tanam padi.

Yang Amat Mulia bersabda keadaan demikian ada-lah memakan tenaga raayat untok mengusahakan-nya dengan sa-penoh hati dan kesanggupan mereka pada mengusahakan-nya ada-lah perlu di-dapatkan lebeh dulu.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, sabda Yang Amat Mulia itu ada-lah perlu berhati2 dalam melaksanakan satu2 projek supaya ia-nya mempertegohkan lagi faktor2 ekonomi negara dan raayat sa-lain dari memandang berat pada menjimatkan wang negara.

Sementara itu, Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talip bin Derwish memberitahu bahawa pembinaan jalan raya, sama ada jalan2 kechil atau besar ada-lah di-dasarkan kapada faedah kepentingan perhubongan yang sempurna sa-lain dari memberikan faedah2 untok meninggikan taraf hidup raayat yang ramai bilangan-nya.

Walau bagaimana pun, mengenai jalan2 raya yang ada sekarang, khas-nya jalan2 kechil di-kampong2 pendalaman termasok jalan yang telah di-tutop akan di-kaji sa-mula oleh jawatankuasa yang berkenaan dari segi keutamaan dan faedah2-nya.

Pemangku Pengarah Pertanian, Awang Abdul Hamid bin Jaafar dalam penerangan-nya telah mengalu2kan pendapat2 pendudok2 di-kampong itu terhadap pembesaran projek2 pertanian di-negeri ini.

Beliau berharap pendapat2 itu akan merupakan satu tanda yang akan menjadi kenyataan dalam soal kesediaan raayat untok menyertai projek2 yang di-chadangkan.

Mengenai persatuan2 peladang2, Pemangku Pengarah Pertanian itu menekankan bahawa kerajaan telah pun menyediakan satu tempat untok mereka menjual hasil2 ladang mereka tetapi tempat itu telah terlantar kosong dalam beberapa bulan dan ini terpaksa di-penohkan dengan chara memindahkan barang2 runchit di-pasar besar ka-tempat itu.

Wakil Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Abdul Saman bin Abdul Kahar telah juga menerangkan kedudokan pengusaha tanah dari segi kehendak Islam yang sentiasa menyuroh orang2 yang bertanah itu supaya mengusahakan-nya dan jika tanah2 itu tidak di-usahakan maka tuan2 punya tanah itu akan menerima dosa.

Di-samping itu, kata-nya, menurut kehendak Islam, kerajaan berhak menjalankan tindakan untok merampas tanah2 yang tidak di-usahakan antara tempoh2 tertentu.



Murid2 dari Sekolah Melayu Anak2 Askar Melayu Diraja Brunei yang turut menyerikan upachara pembukaan rasmi Hari Pelajar.

MENGEKALKAN KEAMANAN

(Dari muka 1)

Duli Yang Teramat Mulia itu juga mengingatkan Pegawai2 dan Anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei supaya terus menerus menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda serta terus berwaspada dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini.

Menyentoh mengenai ketenteraman, Duli Yang Teramat Mulia sa-terus-nya berharap supaya tali persahabatan yang sudah terjalin begitu erat di-antara Pasokan Keselamatan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dengan Pasokan2 Keselamatan di-negeri ini akan terus berkembang mesra dan akan ujud buat sa-lama2-nya.

Turut Hadhir di-majlis ramah itu termasok-lah Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Pemangku Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pg. Jaya bin Pg. Hj. Rajid dan lain2 Pegawai Kanan Pulis.

Sabda uchapan Duli Yang Teramat Mulia sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 4.

Jadual tayangan wayang gambar J. P. P.

JABATAN Penyiaran dan Penerangan akan mengadakan tayangan wayang gambar untok orang ramai pada tarikh2 saperti berikut:

Pada hari Khamis 14hb. Jun: di-Kg. Baru Ujong Kelinik, Sungai Kebun, Sekolah Melayu Masin dan Kampong Kuala Unggar.

Pada hari Sabtu 16hb. Jun: di-Sekolah Melayu Kasat, di-sekolah Melayu Kampong Menengah dan Sekolah Melayu Rampayoh.

Pada hari Isnin 18hb. Jun: di-Sekolah Melayu Mulaut, di-Sekolah Melayu Subok dan Sekolah Melayu Pemadang Sungai Damit.

Pada hari Selasa 19hb. Jun: di-Sekolah Melayu Sungai Hanching, di-Sekolah Melayu Panchur Murai, di-Kampong Layong dan di-Sekolah Melayu Kuala Balai.

Pada hari Rabu 20hb. Jun: di-Pekan Bangar, di-Sekolah Melayu Bukit dan di-Sekolah Melayu Merangking.

Semua pertunjokkan akan di-mulakan pada jam 7.00 malam.

Jabatan Penyiaran dan Penerangan berhak membatalkan pertunjokkan yang telah di-tetapkan tanpa memberitahu terlebeh dahulu.

MEMPERKENALKAN PASOKAN PANCHARAGAM PULIS DIRAJA BRUNEI

PASOKAN Pancharagam Pulis Diraja Brunei memang sudah tidak asing lagi bagi raayat dan pendudok negeri Brunei kerana Pancharagam ini selalu munchul di-khalayak ramai di-upachara2 perbarisan, perarakan2, temasha2 sukan dan "beating retreat" dan lain2.

SIRI PERTAMA

Hasil tinjauan

ALIDDIN OTHMAN

Pasokan ini telah di-tubohkan pada 3hb. Jun 1957 dengan anggota2-nya sa-ramai 42 orang. Mereka telah di-hantar ka-Sarawak Constabulary, Kuching untok mengikuti latehan asas dalam muzik dan 'drill' sa-hingga alat2 muzik yang di-pesan dari England tiba di-Brunei. Oleh kerana anggota2 Pancharagam yang baru direkrut itu terpaksa mempelajari muzik dari perengkat awal lagi, maka untok memulakan tugas mereka bermain sa-bagai sa-buah pancharagam yang lengkap, sudah tentu banyak masaalah dan kesukaran yang mereka hadapi. Bagaimanapun, dengan azam dan ketekunan anggota2-nya mengikuti latehan, Pancharagam ini telah berjaya memulakan tugas buat pertama kali-nya di-satu perbarisan kehormatan pada bulan April 1958 — kurang sa-tahun dari tarikh penubohan-nya. Sejak itu bilangan anggota2-nya bertambah dan sekarang permainan pancharagam ini telah pun menchapai taraf yang baik.

Pada masa ini anggota2 Pancharagam Pulis Diraja Brunei terdiri dari sa-orang Pengarah Muzik dan 63 orang anggota dari gulongan pangkat bawah yang mempunyai kelamaan bekerja yang berbedza2. Lebeh kurang sa-paroh dari anggota-nya telah berkhidmat dengan pancharagam ini sejak ia di-tubohkan. Pengarah-nya yang ada sekarang, Awang G.R. Crowhurst memang sudah lama berkechimpong dalam arena muzik khusus-nya dalam 'military band'. Sa-belum berkhidmat dengan Pasokan ini beliau pernah berkhidmat dengan Pancharagam Tentera British sa-lama 34 tahun dan dalam Pancharagam Pulis Diraja Brunei pula beliau telah berkhidmat hampir 10 tahun. Beliau adalah Pengarah Muzik yang ketiga bagi Pancharagam ini.

Bila di-tanya apa-kah tugas2 Pengarah Muzik, Awg. Crowhurst menerangkan bahawa tugas beliau yang utama ia-lah 'mengarah' muzik baik dalam masa latehan mau pun sa-masa Pancharagam ini bermain di-khalayak ramai. Beliau juga menchipta, menggubah dan menyusun lagu2 untok Pancharagam ini. Sa-lain dari tugas2 ini beliau juga membuat kerja2 pentadbiran untok pancharagam ini saperti soal2 pengangkutan apabila pancharagam ini di-kehendaki menunjokkan permainan mereka di-tempat2 tertentu.



Menyentoh tentang tugas2 pencharagam pula, Awang Crowhurst menerangkan ada-lah nyata sekali bahawa tugas pancharagam pada keutamaan-nya ia-lah bermain muzik dan ini mengandongi satu bidang yang amat luas dari segi kegiatan saperti bermain di-semua upachara istiadat negara, istiadat2 Diraja, perbarisan2, perarakan2 dan banyak jenis lagi dari segi progrem untok upachara2 di-kelab2 pegawai, pertunjokkan2 konset yang terbuka kapada orang ramai dan juga prebet, temasha2 sukan, rapat2 umum dan rakaman untok siaran radio apabila di-kehendaki.

Sa-lain dari tugas mereka dalam bidang muzik, anggota2 Pancharagam ini juga di-lateh sa-tahun sa-kali chara2 menggunakan senjata, mengawal kumpulan2 orang ramai, pertolongan chemas dan menyelamatkan nyawa. Latehan2 saperti ini amat berguna kapada anggota pancharagam bagi membolehkan mereka membantu jika dan bila di-kehendaki dalam mengawal ketenteraman awam di-dalam negeri.

Sa-tiap kali pancharagam ini bermain di-khalayak ramai, ia akan di-dahului oleh sa-orang DRUM MAJOR yang berjalan segak membawa chokmar atau Drum Maior Mace. Dalam Pancharagam Pulis Diraja Brunei, orang yang bertugas sa-bagai Drum Major ialah Cpl. Ahmad Md. Deli. Beliaulah orang yang bertanggong-jawab membawa chokmar, lambang bagi sa-sebuah pancharagam. Cpl. Ahmad yang berbadan tinggi dan bermisai tebal telah menerangkan sedikit sa-banyak tentang tugas beliau dalam pasokan. Chokmar ini penting dalam sa-barang perbarisan, perarakan dan 'beating retreat' sa-bagai 'guide' atau pemandu kapada Pancharagam. Drum Major akan menggunakan chokmar-nya sa-bagai tanda untok memulakan atau memberhentikan perbarisan. Chokmar ini juga digunakan apabila Pancharagam hendak berbelok ka-kiri atau ka-kanan dan untok membetulkan barisan. Dalam Pertunjokkan 'beating retreat' chokmar ini kadang2 di-gunakan untok menunjokkan kemahiran atau kechekapan Drum Major bila mana chokmar itu di-lontarkan-nya ka-atas dan kemudian di-sambut-nya samula. Biasa-nya penuntun2 akan memberikan tepokan gemuroh kapada Drum Major apabila ia melontarkan chokmar ini. Ini merupakan bahagian yang sulit sekali untok di-lakukan. Bagaimanapun bagi Cpl. Ahmad tidak-lah menjadi masaalah dalam mengendalikan tugas ini memandang kapada pengelaman2 yang di-perolehi sejak berkhidmat dengan pancharagam ini dan beliau berpuas hati dengan tugas-nya sekarang.


(BERSAMBONG)



Pengarah Muzik Pancharagam Pulis Diraja Brunei. Awang G.R. Crowhurst, S.L.J., P.O.A.S., A.R.C.M.


Cpl. Ahmad bin Md. Deli dengan chokmar-nya (gambar kiri).

Cpl. Abdullah bin Haji Karim memakai 'ceremonial dress' (gambar bawah).





Awang Crowhurst ketika mengarah dalam masa latehan di-bilek latehan.



Anggota2 pasokan pancharagam Pulis Diraja sedang berbaris sambil memainkan lagu 'Waspada' di-padang perbarisan di-Ibu Pejabat Pulis Gadong.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Juru Mesen Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok jawatan sa-bagai Juru Mesen Tingkat I di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Chalun2 mesti-lah telah mendapat latehan di-Sekolah Pertukangan B.S.P. dan di-ikuti pula dengan kerja2 praktikal sekurang2-nya selama 3 tahun; atau

(b) bekas jurugegas B.S.P. yang berkhidmat dalam Tingkatan 9 sama ada di-Bahagian Automotiv atau Mechanical Equipment; atau

(c) mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam kerja2 mechanic dengan sa-sebuah bengkel yang besar.

Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai pengetahuan khas dalam kerja2 Auto Wiring.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki, jika perlu, untok bekerja pada bila2 masa sa-lepas waktu bekerja untok membaiki kerosakan2 kechil.

Uniform:

Pemohon yang berjaya di-kehendaki memakai uniform Pasokan Bomba saperti yang di-arahkan oleh Pengawal Pasokan Bomba.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290 / EB / 300x10-350. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei tidak lewat dari 28hb. Jun, 1973.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Su'it dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Penyelanggara Setor Tingkat III

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Penyelanggara Setor Tingkatan III di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 untok lantekan ini mesti-lah telah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — $220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb. Jun, 1973.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

(a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Bunut, Brunei.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Su'tan untok memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Pejabat Daerah, Brunei dan Muara.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah dengan tidak ada rekod kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untok menjalankan tugas2 saperti yang di-atorkan oleh Pegawai Daerah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — $220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun, 1973.

(b) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

(c) MERBUT (1 jawatan) — Bagi Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.

(b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

(c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.

(d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah saperti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — $280x 10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — $220x 10-390-410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — $190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Su'it dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. Jun, 1973.

Di-Jabatan Adat Istiadat Negara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Su'tan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Adat Istiadat Negara, Brunei.

A. **JURU TAIP/OPERATOR** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya dan boleh menaip lebeh dari 40 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang pernah bekerja di-Jabatan Adat Istiadat Negara.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan menjalankan Jentera Penchetak Alamat (Addressing Machine) dan Jentera Penumbok Plate (Embossing Machine) dan chalun hendak-lah bersedia untok bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untok Pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB 3-4 — $230x10-290x15-380/EB/410 x20-510-540x20-660.

B. **ATENDAN/PEMBERSEH** (4 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 35 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang pernah menjadi Penyambut Tetamu dan mengangkat Bintang Patian, Dian dan lain2 di-dalam Majlis2 yang Beristiadat.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untok Pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1-2-3 EB 4-5 — $180x5-240/EB/245x5-260x 10-290.

C. **PEMANDU KERETA TINGKATAN II** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membacha.

b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — $220x 5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun, 1973.

Jawatan2 kosong di-BSP dan PGGMB

Jurutrengkas / Jurutaip

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi pemudi2 yang chukop berkebolehan, raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, untok di-ambil bekerja sa-bagai Jurutrengkas/Jurutaip dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Chalun2 hendak-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-tanding dengan-nya, sa-baik2-nya mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan sudah mengambil kursus trengkas dan menaip. Mereka yang telah lulus dalam pepereksaan R.S.A., Menaip dan Trengkas, Peringkat I dan II akan di-utamakan.

Permohonan2 dengan chara bertulis, memberikan butir2 diri dan butir kelayakan serta pengalaman hendak-lah di-alamatkan kapada:-

Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan),
Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad,
Seria,
Negeri Brunei.

dan pada sarong surat di-tulis "SULIT — JURUTRENGKAS/ JURUTAIP".

Kerani Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa oleh SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD bagi pemuda2 dan pemudi2 raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, di-timbangkan di-ambil bekerja dalam jawatan2 Kerani Rendah.

Chalun2 hendak-lah tamat persekolahan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setanding dengan-nya faseh berchakap serta menulis dalam bahasa Inggeris. Keutamaan di-berikan kapada mereka yang sudah berpengalaman dalam kerja kerani atau pentadbiran. Dan lagi kebolehan menaip, kelayakan dalam ilmu menyimpan kira2, trengkas atau ilmu perdagangan sa-umpama-nya akan lebeh baik lagi.

Permohonan2 sa-chara bertulis memberikan butir2 diri, rekod pelajaran dan keputusan pepereksaan hendak-lah di-alamatkan kapada:-

Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan),
Sharikat Minyak Shell Berhad,
Seria,
Negeri Brunei.

— dan pada sarong surat hendak-lah di-tulis "SULIT — KAKITANGAN KERANI RENDAH".

Sa-bagai Kerani

Pemohon2 ada-lah di-pelawa untok memohon jawatan kosong sa-bagai Kerani tetap Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

1. Pemohon2 hendak-lah:-
   (a) Berumor tidak kurang 19 tahun
   (b) Faseh berbahasa Melayu dan boleh berbahasa Inggeris
   (c) Berkelulusan sa-rendah2-nya Tingkatan III/Form III atau yang sa-taraf dengan-nya.
2. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang mempunyai kelulusan dan kebolehan menaip dan trengkas.
3. Gaji sa-bulan ia-lah dalam sukatan $180x10-220x20-500. Gaji permulaan bergantong kapada kelulusan dan kemahiran bekerja.
4. Permohonan hendak-lah sampai kapada Setiausaha Agong PGGMB, Peti Surat 2230, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari 20hb. Jun, 1973 jam 5.30 petang.



GAMBAR atas menunjokkan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah sedang menanda-tangani Buku Pelawat di-Pejabat Kastam dan Imigeresen di-Sungai Tujoh, Kuala Belait sa-masa Yang Teramat Mulia mengadakan lawatan sengkat ka-pusat pemereksaan itu pada hari Isnin lepas.

Sedang memerhatikan di-tengah2 ia-lah Penolong Pegawai Daerah, Ag. Yahya bin Hj. Haris, Pegawai Pemerentah Pulis Daerah, Dato V.E. Pike dan sa-orang Pegawai Imigeresen.

Terdahulu sa-belum itu, Yang Teramat Mulia telah melawat ka-Kampong Sg. Teraban untok meninjau keadaan pendudok2 di-situ. Yang Teramat Mulia juga telah melawat ka-Sekolah Melayu Sungai Teraban dan bertemu ramah dengan guru2 di-sekolah itu.

Sa-panjang lawatan itu. Yang Teramat Mulia telah di-iringi oleh Pegawai Daerah, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Pmk. M.B. TINJAU KEADAAN PENDUDOK2 KAMPONG LIMAU MANIS DAN P. BATU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail pada hari Ahad lepas telah mengadakan lawatan ka-kampong2 dalam kawasan Mukim Limau Manis dan Pangkalan Batu untok meninjau keadaan pendudok2 dan kampong di-kedua2 buah mukim dalam Daerah Brunei-Muara itu.

Dalam lawatan itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah di-temani oleh Pegawai Kanan Penulong Kewangan Negara, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain; Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish; Penolong Pegawai Daerah Brunei, Awg. Jaya bin Abdul Latif dan Pegawai Pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Awang Mohammad bin Haji Serudin.

Rombongan Yang Amat Mulia itu, melawat ka-kampong2 di-sekitar mukim2 tersebut dengan melalui jalan Bengkurong dan kampong2 yang di-lawati ia-lah Limau Manis, Batu Ampar, Panchor Murai, Kulapis dan menembusi ka-Kampong Katimahar di-batu 13, Jalan Tutong.

Dalam masa lawatan itu, rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah singgah sa-bentar untok berehat di-Pondok Pulis Kampong Limau Manis.

Sa-chara sambil lalu rombongan Yang Amat Mulia itu telah menyaksikan kawasan2 tanah yang tidak sempurna di-usahakan dan kawasan2 persekolahan serta perumahan pendudok2 di-sekitar mukim tersebut.

Sekali sa-kala Yang Amat Mulia itu telah menyabdakan kesal bila melihat kawasan2 tanah yang terbiar bukan saja terhadap kawasan2 tanah yang luas bahkan juga kawasan2 tanah perumahan pendudok.

Yang Amat Mulia itu menyabdakan pendapat bahawa ada-lah lebeh baik dan berfaedah kapada pendudok2 itu sendiri jika kawasan2 tanah mereka itu di-isikan dengan tumbohan2 yang boleh mendatangkan hasil saperti sayor2an dari tanah itu di-biarkan di-tumbohi rumput rampai.

Kegagalan puncha kelalaian raayat

(*Dari muka 1*)

luas, soal2 pasaran dan kemungkinan bagi mengadakan perindasterian.

Di-samping mengalu2kan pendapat yang di-kemukakan itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar juga telah meminta keyakinan pendudok2 di-situ sama ada mereka benar2 bersedia untok berkhidmat bagi melaksanakan satu usaha pertanian dan perindasterian sa-chara besar2-an saperti yang di-maksudkan itu.

Yang Amat Mulia bersabda, pada masa yang sudah2 Brunei telah mengadakan Ranchangan Kemajuan Negara sa-banyak dua kali, tetapi raayat maseh juga belum dapat membekalkan keperluan2 harian-nya, bahkan maseh terus mengharapkan kapada bantuan2 luar.

Kegagalan itu sabda Yang Amat Mulia ada-lah berpuncha dari kelalaian raayat dalam mengusahakan beberapa kemudahan yang telah di-sediakan oleh kerajaan yang sa-bilangan besar-nya termasok lapangan pertanian itu.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar bersabda, apa yang perlu bagi raayat sekarang ia-lah mewujudkan satu sikap yang tidak hanya bijak menchadang tetapi bersedia menyertai dan mengusahakan-nya.

Menurut Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, dalam keadaan Brunei yang ada sekarang, raayat-nya tidak sa-harus-nya hanya boleh bertahan pada mengeluarkan hasil2 pertanian yang rendah mutu-nya, tetapi juga mereka harus menunjokkan semangat dan kebolehan untok mengeluarkan hasil2 pertanian yang bermutu tinggi dan boleh membekalkan keperluan raayat seluroh-nya.

Yang Amat Berhormat itu sa-terus-nya menyeru raayat yang bertanah supaya mengusahakan-nya dengan segera dan sekali2 jangan di-biarkan-nya terlantar tanpa di-isikan dengan apa yang di-perlukan oleh sharat2-nya.

Dalam majlis dailog itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah juga menerima chadangan2 bertulis mengenai pertanian dan bersabda bahawa chadangan2 yang telah di-hadapkan oleh pendudok2 di-situ akan di-kaji dan di-jadikan sa-bahagian dari ranchangan kemajuan negara, jika ia-nya di-dapati berfaedah untok kepentingan seluroh raayat dan negara.

(Dari muka 4)

Raayat mesti-lah tidak menaroh sa-barang perasaan malu untok membuat sa-barang kerja2 yang di-tawarkan kerana sifat ini tidak menggalakkan dalam pembangunan negara. Sikap malu harus-lah di-kikis dari kamus hidup raayat dalam zaman pembangunan ini atau biasa di-sebut sa-bagai zaman sain2 dan teknologi.

Raayat Brunei dengan sa-beberapa yang boleh harus-lah memboktikan bahawa mereka juga mampu dan sanggup membuat kerja2 yang boleh di-buat oleh pekerja2 luar. Dalam soal ini yang penting-nya ia-lah inisiatif dan perubahan sikap. Kita mesti-lah mengubah sikap sa-laras dengan zaman pembangunan di-mana manusia berlumba2 untok memajukan, memperbaiki keadaan hidup sendiri dan kesetabilan negara.

Laporan2 hendak-lah di-hantar sa-belum 31hb. Julai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Buroh, Awang Mohammad Ali bin Haji Awang Besar mengingatkan majikan2 di-negeri ini bahawa sesuai dengan satu arahan yang di-buat-nya tahun lalu di-bawah Undang2 Buroh bahagian 59, mereka ada-lah di-kehendaki memberikan laporan2 dalam pekerjaan2 mereka pada 30hb. Jun tahun ini.

Pesurohjaya Buroh itu berkata, tahun ini sa-lain dari laporan2 pekerjaan yang biasa-nya di-sediakan dalam borang BUR 700 dan 701 A, majikan2 itu juga di-kehendaki memberikan laporan mengenai keperluan2 tenaga manusia yang ada sekarang dan pada masa2 akan datang sa-bagaimana yang di-sediakan dalam borang BUR 721.

Borang2 laporan itu ada-lah bagi pekerjaan2 sa-hingga 30hb. Jun tahun ini dan mesti-lah di-isikan dan di-kembalikan kapada Pesurohjaya Buroh dengan segera sa-lepas tarikh tersebut dan tidak lewat dari 31hb. Julai tahun ini.

Pesurohjaya Buroh itu menyatakan bahawa borang2 dan arahan2 mengenai tenaga manusia dan laporan itu sekarang sedang di-bahagi2kan kapada semua majikan2 yang berdaftar di-Jabatan Buroh.

Majikan2 yang belum menerima borang2 mereka menjelang 30hb. Jun nanti ada-lah di-minta supaya memohon kapada Pegawai Pendaftaran, Jabatan Buroh, Bandar Seri Begawan. Brunei, Talipon 2256 sambongan 7.

Sharat2 masok peraduan senilukis

(Dari muka 4)

Ia-nya terbuka kapada pelukis2 tempatan atau yang berada dalam negeri ini.

Peraduan itu di-bahagikan kapada dua kumpolan. Kumpolan pertama termasok pemandangan, still-life, kehidupan sa-hari2 dan lukisan2 yang menggambarkan suasana kehidupan di-Brunei.

Kumpolan kedua ia-lah antara lain, gambaran imiginasi pelukis yang berdasar kapada sejarah tanah ayer saperti Puteri Lela Menchanai, Awang Simaun atau model yang berchorak keBruneian.

Pelukis2 hendak-lah menggunakan bahan2 lukisan yang sesuai. Hadiah wang tunai akan di-berikan kapada pemenang2 pertama kedua dan ketiga.

Karya2 hendak-lah di-hantar kapada Setia Usaha Peraduan dan Pameran Senilukis Sambutan Hari Keputeraan ke-27 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-alamat Bahagian Penggambaran, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 1hb. Julai hadapan.


DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 25 RABU 20HB. JUN, 1973. 1393 جمادي الاول 19 رابو PERCHUMA



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang menerima chendermata berupa 'bedil tembaga' dari Tuai Rumah Panjang Supon Kechil, Awang Jembu anak Geliga sambil di-perhatikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Hj. Jaafar (di-tengah2).

Chenderamata itu di-persembahkan oleh pendudok2 Kampong Supon Kechil kapada Duli Yang Maha Mulia sa-bagai memperingati lawatan Baginda ka-kampong itu.

Supon Kechil ada-lah salah sa-buah dari lima buah kampong di-Ulu Tutong yang Baginda lawati pada hari Khamis minggu lalu.

Lain2 kampong yang Baginda lawati ia-lah Supon Besar, Lipo, Bedawan dan Belabau. (Berita lanjut di-siarkan di-muka 8).

Saling Pertukaran matawang Brunei/Malaysia berakhir sa-lepas 21hb. Jun

SALING Pertukaran Bebas di-antara matawang Brunei dan matawang Malaysia akan berakhir sa-lepas hari Khamis esok, 21hb. Jun, 1973.

Sa-lepas tarikh itu, bank2 perniagaan akan berterusan menukar matawang Malaysia dalam kadar pertukaran pasaran pada masa itu.

Mulai dari 22hb. Jun, jabatan2 kerajaan hanya akan menerima bayaran dalam matawang Brunei atau Singapura.

Penamatan Peratoran Saling Pertukaran matawang Brunei dengan matawang Malaysia telah di-umumkan pada 22hb. Mei yang lalu.

RAAYAT DI-SERU MENGHIDUPKAN SA-MULA P-TANGAN MELAYU BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengira Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengalu2kan ujud-nya inisiatif raayat untok menghidupkan samula pertukangan tangan orang2 Melayu Brunei melambangkan kehidupan dan kebudayaan asli negeri ini.

Pemangku Menteri Besar itu telah bersabda demikian di-majlis dailog yang di-adakan di-Balai Mufakat Kampong Burong Pinggai Ayer pada hari Ahad lepas.

Majlis Dailog itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Bersabda mengenai pertukangan tangan, Pemangku Menteri Besar menegaskan memang-lah perusahaan tangan yang kita warithi sejak turun temurun dari datok-nenek kita dahulu sa-bagai satu hasil mata pencharian mereka sa-belum ia-nya di-pengerohi oleh barang2 pasaran luar negeri.

Yang Amat Mulia bersabda orang2 Melayu Brunei juga mashor membuat benda2 dari tembaga dan besi saperti membuat chelapa, kalakati, chupu, periok, parang, sabit dan lain2 lagi.

Ini termasok-lah juga membuat benda2 perhiasan dari perak, emas dan bertanun kain.

Yang Amat Mulia itu yakin perusahaan kechil2an bertahun kain maseh giat di-usahakan sekarang bukan saja ia-nya di-gemari di-negeri ini bahkan juga menjadi pasaran yang laris di-luar negeri.

Berthabit dengan perkara itu, sabda Yang Amat Mulia, Kerajaan telah mendatangkan tiga orang penasehat untok membuat pengkajian bagi menghidupgan sa-mula perusa-

(Lihat muka 8)

Hasil minyak dan gas menempatkan Brunei sa-bagai negeri yang terkaya di-Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menekankan bahawa kemewahan yang terdapat dari dari hasil minyak dan gas telah di-salorkan dengan berbagai chara kapada semua raayat di-negeri ini untok di-nikmati.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan berkata demikian di-majlis dailog yang di-adakan di-Balai Mufakat Kampong Burong Pinggai Ayer pada hari Ahad lepas.

Kerajaan, kata Yang Berhormat, telah mendapat hasil sa-banyak 55 peratus dari hasil minyak di-Seria dan 10 peratus lagi hasil dari gas chechair asli di-Lumut yang menempatkan negeri yang kechil ini sa-bagai sa-buah negeri yang terkaya di-Asia.

Yang Berhormat menyatakan kekayaan dan kemewahan yang terdapat di-atas muka bumi Brunei telah di-salorkan dengan berbagai chara untok di-nikmati oleh semua gulongan raayat melalui perkhidmatan2 perchuma yang di-adakan di-negeri ini.

Yang Berhormat menambah, Kerajaan sa-memang-nya tidak mengenakan chukai pendapatan dan chukai kepala untok menampong pembangunan negara saperti mana yang di-amalkan oleh negeri2 lain.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menghantar penuntut2 Brunei menyambong pelajaran

(Lihat Muka 8)

SELAMAT MELAHIRKAN SA-ORANG PUTERA

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja telah di-kurniakan Tuhan sa-orang lagi chuchu lelaki.

Satu kenyataan yang di-keluarkan dari Istana menyatakan:

"Menjunjong sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, ada-lah dengan amat sukachita di-umumkan bahawa Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati, isteri kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dengan izin Allah telah selamat melahirkan sa-orang putera pada pukul 1.00 petang hari Rabu 13hb. Jun, 1973".



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berangkat ka-Kuala Belait pada hari Selesa minggu lalu untok beramah tamah dengan pegawai2 dan anggota2 pasokan Polis Diraja Brunei yang bertugas di-Daerah Belait

Dalam perjumpaan yang di-adakan di-Dewan Kemasharakatan itu, Duli Yang Teramat Mulia juga telah menyampaikan sabda nasehat kapada 115 orang pegawai dan anggota pasokan pulis di-daerah itu.

Gambar atas menunjokkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan (no. 3 dari kiri) sedang berbual mesra dengan anggota2 pulis yang hadhir dalam perjumpaan itu. Kelihatan juga dalam gambar ia-lah Pemangku Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya (kiri sekali), Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pg. Omar dan Pegawai Pemerentah Pulis Daerah, Dato V.E. Pike.

Lebeh $131,000 di-bayar utk perkhidmatan penchen2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penchen Negara telah membayar sa-jumlah $131,087.50 untok perkhidmatan kebajikan penchen2 seluroh negeri bagi bulan Mei yang lalu.

Menurut penyata pembayar kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2, Brunei menunjokkan sa-jumlah $125,962.50 di-bayar bagi penchen umor tua, $4,400.00 di-bayar bagi penchen orang2 buta serta tanggongan mereka dan $725.00 di-bayar bagi alaon orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Daerah Brunei-Muara adalah daerah yang paling banyak menerima penchen umor tua dengan jumlah pembayaran sa-banyak $69,412.50 berbanding dengan Daerah Belait sa-jumlah $23,775.00; Daerah Tutong $25,900.00 dan Daerah Temburong sa-jumlah $6,875.00

Bagi pembayaran penchen orang2 buta serta tanggongan mereka, Daerah Brunei-Muara juga merupakan daerah yang paling banyak menerima pembayaran dengan $3,050.00 berbanding dengan Daerah Belait, sa-banyak $550.00; Daerah Tutong, $575.00 dan Daerah Temburong $225.00.

Sa-banyak $462.50 di-bayar untok alaon orang2 tanggong penyakit kusta dan gila di-Daerah Brunei-Muara; $200.00 bagi Daerah Belait dan $62.50 bagi Daerah Tutong. Tidak ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong bagi bahagian ini.

Jadual perlawanan bola sepak PBSAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 19 perlawanan akan di-adakan minggu ini dalam siri perlawan bola sepak anjoran Persatuan Bola Sepak Ametor Brunei.

Empat perlawanan akan di-adakan pada petang ini, 20hb. Jun. Pasokan2 yang berlawan ia-lah KUJAGA lawan LETRIK. di-padang besar Bandar Seri Begawan; JKR lawan I.B.B., di-padang Berakas Kem; P.G.G.M.B. lawan T.A.S. di-padang SOAS; dan M.S.S. lawan PULIS di-padang Sekolah Pertukangan.

Pada 22hb. Jun, PERTANIAN akan bertemu dengan D.B.P., di-padang SOAS; K.P.P.S.K. lawan PERKASA di-padang besar Bandar Seri Begawan; PELAJARAN lawan B.R.C. di-padang Berakas Kem; SATRIA lawan P.A.P.P. di-padang Pulis Gadong; dan TUTONG lawan PERUBATAN.

Pada 24hb. Jun, KEKAL lawan AMDB di-padang Berakas Kem; MUZIUM lawan KUJAGA di-padang SOAS; PERKA lawan J.K.R. di-padang besar Bandar Seri Begawan; IKFRAB lawan PULIS di-padang Pulis Gadong.

Pada 25hb. Jun, TALIKOM lawan D.B.P. di-padang SOAS; LETRIK lawan T.A.S. di-padang Berakas Kem; I.B.B. lawan K.P.P.S.K., di-padang besar Bandar Seri Begawan dan P.G.G.M.B. lawan PELAJARAN di-padang Pulis Gadong.

Semua perlawanan akan di-mulakan tepat jam 4.40 petang.

Pekerja2 Setor tuboh Badan Kebajikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kaki-tangan Pejabat Setor dan Perbekalan Negara telah menubohkan Badan Kebajikan baru2 ini. Badan itu telah pun di-luluskan pendaftaran-nya pada 19hb. Mei yang lalu.

Tujuan penubohan badan itu ia-lah untok menggalakkan sikap berjimat chermat dan mengambil perhatian berat terhadap ahli2-nya.

Sa-buah jawatankuasa untok mentadbir badan itu bagi tahun 1973/74 telah pun di-bentok dengan Pengawal Setor dan Perbekalan Negara, Awang A.S. Newn sa-bagai Penaong-nya dan Timbalan Pengawal Setor dan Perbekalan, Awang Zakaria bin Jeneh di-lantek sa-bagai Penasehat.

Pengerusi: — Awang Tanjong bin Haji Ismail, **Setia Usaha** — Awang Sulaiman bin Md. Daud dan **Bendahari** — Awang Liew Fook Choy.

Tiga orang ahli pembantu kerja dan dua orang pemereksa kira2 juga telah di-lantek.

Ahli2 Pembantu Kerja ia-lah Awang Hidup bin Lamit, Awang Zaini bin Haji Bagol dan Awang Kadir bin Buang.

Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Mohd. Daud dan Awang John Ward di-lantek sa-bagai pemereksa kira2.

JADUAL HARI PELAJAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — sa-banyak 53 buah sekolah rendah Melayu di-seluroh negeri akan mengadakan Hari Pelajar di-sekolah masing2 pada **hari Ahad 24hb. Jun.**

Lapan buah sekolah di-Bahagian Brunei I — S.M. Burong Pingai Ayer, S.M. Kampong Sena, S.M. Kampong Sultan Lama, S.M. Lela Mencnanai, S.M. Pintu Malim, S.M. Pusar Ulak, S.M. Sungai Kebun, dan S.M. Kampong Tamoi Tengah.

Lima belas buah sekolah di-Bahagian Brunei II — S.M. Amar Pahlawan, S.M. Anggerek Desa, S.M. Anak2 AMDB, S.M. AHMY Kati Mahar, S.M. Bunut, S.M. Delima Satu, S.M. Kiarong, S.M. Kiulap, S.M. OKSB Kilanas, S.M. Sengkurong, S.M. Pantai Jiam Beribi, S.M. Serasa, S.M. SUAS Muara, S.M. Tanah Jamu dan S.M. Tungku.

Sebelas buah sekolah di-Bahagian Tutong I — S.M. Bakiau, S.M. Birau, S.M. Keriam, S.M. Layong, S.M. Muda Hashim, S.M. OKAWSD Kupang, S.M. Panchong, S.M. Penanjong, S.M. PM Mahkota, S.M. Sengkarai dan S.M. Sinaut.

Lapan buah sekolah di-Bahagian Tutong II — S.M. Banutan, S.M. Danau, S.M. DPS Ukong, S.M. Panapar, S.M. Tanjong Maya, S.M. PKN Bukit Beruang, S.M. Rambai dan S.M. Tembpuan Telisai.

Tujoh buah sekolah di-Daerah Belait — S.M. Ahmad Tajuddin, S.M. Lumut, S.M. Mohd. Alam Seria, S.M. OKBP Bukit Sawat, S.M. Labi, S.M. Sungai Liang dan S.M. Sungai Teraban.

Empat buah sekolah di-Daerah Temburong — S.M. Belais, S.M. Belingos, S.M. Bokok dan S.M. Piasau-Piasau.

Sekolah Melayu Bukit Udal di-Bahagian Tutong II akan mengadakan Hari Pelajar pada hari Khamis 21hb. Jun.

Hari Pelajar bagi S.M. Jerudong akan di-adakan pada 22hb. Jun.

Lima buah sekolah di-Bahagian Brunei III dan dua buah sekolah di-Daerah Temburong juga akan mengadakan Hari Pelajar pada 22hb. Jun Sekolah2 itu ia-lah S.M. Batu Marang, S.M. Juniongan, S.M. Mentiri, S.M. Pengkalan Ba-

(Lihat muka 6)

PENUNTUT2 perempuan Sekolah Menengah Melayu SMJA sedang mempersembahkan tarian Brunei "Dang Mengalai".

Tarian itu di-persembahkan sa-bagai salah satu achara dalam upachara pembukaan rasmi Hari Pelajar yang telah di-adakan di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada 10hb. Jun yang lalu.



Manusia tidak akan terlepas dari menempoh berbagai masaalah yang mengganggu perasaan

KHUTBAH JUMA'AT

SALAH satu tujuan dari kehidupan rohani ia-lah menyuborkan rasa kesenangan dalam bathin manusia, dan melimparkan jauh2 rasa bimbang dan gelisah yang sering menekan dan melingkari hidup mereka. Satu2-nya jalan untok menuju ka-arah ketenangan itu ia-lah dengan mempertegohkan iman kapada Allah dan mempertegohkan ingatan kapada-nya.

Ada-lah satu perkara yang sudah pasti bahawa dalam hidup ini manusia tidak akan terlepas dari menempoh berbagai2 masaalah yang boleh mengganggu perasaan dan ketenangan fikiran serta urat saraf mereka. Yang bekerja keras untok menimbulkan rasa gelisah dan bimbang itu tidak lain daripada shaitan yang sentiasa berusaha menggoda manusia. Sa-hingga dengan itu menjadikan manusia hilang daya berfikir dan daya usaha yang wajar serta mengakibatkan mereka gagal menjalankan tugas2 dan kewajipan2 masing2. Bila ini berlaku maka akan munchol-lah pandangan hidup yang gelap dan suram dan timbul-lah penyakit2 tuboh badan yang berpuncha dari kegagalan2 sarap tadi.

Maka di-sini-lah perlu-nya iman yang tegoh kapada Allah dan perdampingan yang kuat dengan-nya selalu. Sa-orang maha guru falasafah bernama William James pernah berkata:

"Gelombang laut yang bergulong2 dan besar hebat itu tidak mengerohkan sedikit pun dasar laut dan mengochak ketenangan-nya. Demikian juga-lah sa-orang yang kuat beriman kapada Allah, segala pancha roba di-luar yang berupa sementara itu tidak dapat mengerohkan ketenangan-nya. Sa-orang yang benar2 berugama dapat mengatasi kebimbangan, tetap memelihara perimbangan diri-nya, sentiasa bersedia menghadapi apa saja godaan yang di-bawakan oleh masa".

Dr. Alexis Karrel pemenang nobel jurusan perubatan dan pembedahan menegaskan:

"Sembahyang mungkin merupakan sa-besar2 dainamo tenaga yang pernah di-ketahui sa-hingga hari ini. Sa-bagai sa-orang doktor saya yang telah menyaksikan ramai pesakit2 yang tidak dapat di-sembohkan lagi dengan ubat2 dan rawatan doktor, tetapi berjaya di-sembohkan dengan sembahyang. Sembahyang ia-lah saperti logam radium yang menjadi sumber pancharan chahaya dan dainamo tenaga. Dengan sembahyang manusia berusaha untok menambahkan kegiatan mereka yang terbatas, dimana sa-olah2-nya mereka berbual2 dengan kuasa terbesar yang mengawal alam, dan bermohon agar di-berikan sa-chebis kekuatan untok menolong mereka menghadapi kehidupan. Malah perbuatan bermohon itu sudah chukop untok menambahkan kekuatan dan tenaga kita. Dan kita sering mendapati sa-tiap orang yang pernah bermohon kapada Allah satu kali, permohonan itu tetap mendatangkan natijah yang sabaik2-nya".

Kalau-lah demikian hasil kajian ahli falasafah dan pakar perubatan barat tentang kepentingan beriman kapada Allah dan memperkuat hubongan dengan-nya, maka ini berarti ilmu pengetahuan moden sendiri telah mengakui tentang kepentingan petunjok Al-Quran supaya manusia beriman kapada Allah dan selalu mengingat kapada-nya.

Allah Subahanahu-Wataala di-dalam Surah An-Kabut ayat 45 yang bermaksud sabagai berikut:

"Bacha-lah kitab yang di-wahayukan kapada mu dan tetap-lah mengerjakan sembahyang, sa-sunggoh-nya sembahyang itu menghalangi dari mengerjakan perbuatan keji dan mungkar, sa-sunggoh-nya mengingati Allah itu amat besar munafaat-nya dan Allah itu mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kapada umat Islam supaya mempertegohkan iman kapada Allah dengan jalan mengerjakan ibadat dan membanyakan mengingat kapada-nya supaya hubongan kita dengan Tuhan tidak akan kendor dan renggang yang memudahan kita di-rasok atau di-goda shaitan ka-arah jalan yang di-tegah oleh Allah.

10 orang penuntut lanjutkan pelajaran ka-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 10 orang penuntut Brunei telah berlepas pada minggu lalu untok melanjutkan pelajaraan mereka di-berbagai sekolah menengah di-Republik itu

Mereka ia-lah Awang Madzaini bin Abdul Hamid, Awang Abu Bakar bin Abdul Gapar, Awang Mohamed Hamid bin Haji Mohamed Jaafar, Awang Donglah bin Moktal, Awang Bakar bin Metussin, Awang Salehuddin bin Marsal, Awang Nordin bin Awang Besar, Awangku Moksin bin Pengiran Yusof, Awang Ali bin Haji Chuchu dan Awang Haji Mohamed Salleh bin Haji Awang Tahir.

Sementara itu, sa-ramai 6 orang guru Melayu telah berlepas ka-Malaysia Barat untok mengikuti kursus Bahasa Melayu di-fakulti Pengajian Melayu Universiti Malaya baru2 ni.

Mereka ia-lah Awang Sulaiman bin Haji Abdul Wahab, Awang Tuah bin Ahmad, Ag. Zainuddin bin Haji Jaafar, Awangku Kahar bin Pengiran Metali, Awang Abdullah bin

(Lihat muka 7)

Peraduan Quran sempena buka mesjid

TUTONG. — Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya di-Daerah Tutong akan menganjorkan peraduan membacha kitab suchi Al-Quran dan Berzikir pada 6hb. Julai hadapan.

Peraduan2 itu terbuka kapada pendudok2 Mukim Tanjong Maya lelaki dan perempuan dan ia-nya di-adakan sempena pembukaan mesjid baru kampong tersebut.

Setia Usaha Agong Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya, Awang Mohidin bin Ghani mempersilakan pendudok di-Tanjong Maya untok menyertai peraduan tersebut.

Borang2 dan sharat2 untok memasoki peraduan itu boleh-lah di-dapati daripada Pengerusi Peraduan, Awang Abdul Lahai bin bin Lakim, atau daripada setia-usaha-nya di-Kampong Tanjong Maya.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan kapada mereka tidak lewat 25hb. Jun ini.

Masok pereksa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 117 orang chalun persendirian sedang mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Am, Universiti London di-dua buah pusat pepereksaan di-negeri ini.

Chalun2 itu ia-lah 95 orang dari Bandar Seri Begawan dan mereka mengambil pepereksaan tersebut di-Sekolah Melayu Pusar Ulak dan 22 yang lainnya ia-lah dari Seria dan mereka mengambil pepereksaan tersebut di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Pepereksaan yang di-mulakan sejak 1hb. Jun akan berakhir pada 26hb. Jun ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20hb. Jun, 1973 hingga ka-hari Selasa 26hb. Jun, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–

Hari / Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh	Matahari Terbit
20hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
21hb. Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
22hb. Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
23hb. Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
24hb. Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
25hb. Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
26hb. Jun	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

20hb. Jun, 1973.

PELAJARAN

PELAJARAN memainkan peranan penting dalam memajukan sa-sebuah negara terutama sekali bagi negara yang sedang membangun dan kerana itu-lah pelajaran merupakan salah satu dari kriteria untok mengukur maju dan mundurnya sa-sebuah negara. Memandangkan kapada betapa penting-nya pelajaran itu, maka Kerajaan D.Y.M.M. sa-tiap tahun menguntokkan wang berjuta2 ringgit dan berbagai kemudahan dan galakan telah diberikan untok meninggikan taraf pelajaran raayat.

Tanggong-jawab memajukan pelajaran ini pula bukan-lah menjadi tanggong-jawab Kerajaan semata2. Pengarah Pelajaran, dalam uchapan-nya di-pembukaan rasmi Hari Pelajar 1973 minggu lalu telah menyentoh perkara ini dan menyarankan bahawa kemajuan pelajaran di-negeri ini ada-lah menjadi tanggong-jawab bagi semua orang yang tinggal di-Brunei. Kerana itu sukongan penoh dan kerjasama yang erat dari semua pehak perlu di-berikan demi untok kemajuan pelajaran di-negeri ini.

Ibu bapa dan penjaga murid2 juga turut memainkan peranan penting kerana rumah merupakan tempat yang mula2 sekali murid2 mendapat didekan dan kebanyakan dari masa murid2 di-gunakan di-luar sekolah. Ibu bapa dan penjaga murid2 ada-lah harapkan supaya memberikan kerjasama kapada guru2 untok mendidek murid2 mereka. Sa-berapa yang boleh kemajuan atau kemundoran pelajaran anak2 harus-lah di-awasi dari sa-masa ke-semasa bagi mendapatkan hasil yang baik dan untok kebahagiaan anak2 itu di-masa hadapan. Usaha dan sikap di-dekasi guru2 sahaja tidak dapat menjamin kemajuan pelajaran murid2. Ibu bapa atau penjaga murid2 umpama-nya, patut benar hadhir ka-sekolah2 sa-masa menyambut Hari Pelajar.

Ini juga satu peluang baik bagi para ibu bapa atau penjaga murid2 berkenalan dengan guru2 dan berbinchang dengan mereka jika ada sa-barang masaalah atau kemushkilan yang bersangkut paut dengan pelajaran anak2 mereka. Dengan chara bagini masaalah atau kemushkilan akan dapat di-atasi.

Masharakat umum juga terlibat dalam usaha memperkembangkan pelajaran di-Brunei. Satu chara baik ia-lah dengan memberikan hadiah yang berupa buku2 bachaan dan rujukan. Tabong bantuan juga boleh di-berikan kapada pelajar2 yang kurang berada walau pun Kerajaan telah memberikan biasiswa dan lain2 kemudahan. Siswazah2 dan persatuan2 belia di-negeri ini juga dapat memberikan sumbangan yang amat berguna dengan menganjorkan kelas2 tambahan atau kelas2 bimbingan atau cheramah2 bagi membantu pelajar2 yang kurang cherdas. Ini ada-lah satu khidmat yang baik kapada masharakat, apa lagi ketika negara dalam keadaan-nya yang ada sekarang ini memerlukan raayat yang berpelajaran untok menggerakkan jentera pembangunan-nya hingga menchapai matalamat yang di-tuju.

MEMPERKEN... PULIS DIRAJ...

KALAU kita melawat ka-Ibu Pejabat Pulis Diraja di-Gadong, terdapat sa-buah bangunan dan padang perbarisan yang di-khaskan untok Pasokan Pancharagam Pulis Diraja. Di-bangunan ini-lah kerja2 pentadbiran dan latehan2 untok anggota2 Pancharagam di-jalankan. Suasana di-bangunan ini sentiasa di-penohi dengan bunyi alat2 muzik yang di-mainkan oleh anggota2 pancharagam yang sedang berlateh. Latehan2 perbarisan pula di-adakan di-padang perbarisan yang terletak tidak jauh dari bangunan itu.

Ketika berada di-bilek latehan saya telah berwawanchara dengan beberapa orang anggota pancharagam dan yang mula2 sekali saya temui ia-lah Sgt. Major Awang Abdul Ghani Mohid, sa-orang veteran dalam pancharagam ini yang telah berkhidmat sejak penubohan-nya pada 3hb. Jun, 1957. Sa-waktu mula2 berkhidmat beliau dan rakan2 sa-jawat telah di-hantar berlateh ka-Kuching sa-lama 3 bulan dalam drill dan note sedikit2 sa-belum mempelajari chara2 bermain alat muzik.

Sgt. Maj. Awang Abdul Ghani menyatakan, "mempelajari note dan alat muzik memang banyak kesukaran-nya tetapi perkara ini tidak-lah terlalu susah jika kita mempunyai minat dan bersunggoh2 mempelajari-nya. Pokok pangkal-nya ia-lah usaha dan minat di-tambah pula dengan bakat".

Dewasa ini Sgt. Maj. Ghani bermain tenor saxaphone. Beliau mengatakan "bermain tenor saxaphone ini bergantong kapada kebolehan sa-seorang. Kalau sa-seorang pelateh yang memang mempunyai kebolehan dia akan chepat pandai memainkan bukan sahaja saxaphone malah alat2 muzik yang lain juga. Bagaimanapun faktor penting ia-lah latehan yang bersunggoh2. Ini perlu di-amalkan oleh sa-tiap orang yang mahu chepat pandai menguasai satu2 alat muzik itu".

Beliau meneruskan lagi, "saxaphone ini di-mainkan dengan menggunakan jari dengan menekan "key" yang kemudian-nya mengeluarkan bunyi. "Key" itu di-tekan mengikut keadaan lagu saperti yang di-tetapkan dalam note. Ada kala-nya di-tiup kuat, perlahan atau chepat. Semua ini mengikut keadaan lagu".

Satu sharat penting kalau mahu meniup saxaphone kata Sgt. Major Ghani, "kita mesti pandai mengawal tarekan nafas dan mesti mempunyai pandangan yang baik untok melihat note supaya lagu yang di-mainkan itu tidak salah".

Sa-telah mencheritakan tentang muzik, beliau menerangkan pula dengan rengkas tentang tugas2 beliau sa-lain daripada bermain alat muzik. Di-antara tugas2 itu termasok-lah membuat kerja2 pentadbiran dan melateh rekrut2.

Sa-orang lagi anggota veteran pancharagam ini ia-lah Sgt. Idris Mohammad, orang yang memang tidak asing lagi kapada peminat2 pancharagam atau muzik di-tanah ayer. Beliau mempunyai pengalaman muzik sa-lama lebeh kurang 15 tahun dan pernah mengikuti kursus asas muzik dan drill sa-lama 3 bulan di-Kuching. Sa-belum berkhidmat dengan Pancharagam Pulis Diraja, Sgt. Idris ada belajar sedikit2 muzik dari kawan2 beliau. Dari sini beliau mula tertarek untok memasoki Pancharagam ini. Sa-lama berkhidmat dengan Pancharagam ini beliau merasa gembira dan berpuas hati dengan tugas2 yang di-berikan kapada-nya kerana minat yang bagitu mendalam dalam seni muzik.



Cpl. Abdullah bin Haji Karim bermain dua alat muzik dalam pasokan pancharagam itu, Bass Drum dalam masa perbarisan dan bermain baritone saxaphone dalam masa conset.





Sgt. Major Awang Abd. Ghani Mohid bermain alat tenor saxaphone.

Dalam pancharagam, Sgt. Idris bermain trombone. Mula2 beliau di-tugaskan untok bermain trombone susah hendak mempelajari-nya, apatah lagi memainkan-nya kerana maseh belum mengenali lagi chara2 memainkan-nya, tetapi beliau menegaskan, melalui ketekun dengan belajar dari ketua2 yang sudah berpengalaman perkara ini akan menjadi mudah sahaja. Tetapi ini pun mesti betul2 kita minati kerana kalau tidak dengan chara bagitu, kita tidak akan dapat memahirkan diri memainkan alat2 muzik saperti trombone ini".

Bagaimana pula chara meniup sa-suatu alat muzik? Sgt. Idris menegaskan, "memang ada chara meniup alat muzik untok menyenangkan peniup-nya". Menurut beliau, "ada sa-tengah orang terutama sekali orang2 yang baru belajar, kadang2 meniup sa-kuat2 hati dan menghasilkan bunyi yang kuat dan kurang baik. Chara yang baik ia-lah tiup sedikit dan ini boleh membawa hasil yang baik dan tidak menyakitkan badan. Sa-balek-nya, kalau meniup kuat, boleh menyakitkan badan dan hasil-nya pun tidak memuaskan."

"Chara memainkan trombone berbedza dengan trumpet, "kata Sgt. Idris sa-lanjut-nya. "Trumpet menggunakan 'valve' sedangkan trombone menggunakan 'position' dari 1 hingga 7. Bila tiap2 position itu di-gunakan, ada dengan tingkatan suara atau bunyi. Kalau kita salah menggunakan position maka tingkatan suara atau bunyi akan berlainan dari maksud asal-nya. Memain trombone memang sukar, saperti violin juga, susah untok mengenali 'fingering' kechuali kita betul2 menggunakan telinga untok mendengar bunyi, supaya muzik yang di-kehendakki itu betul2 sama 'tuning-nya' dengan yang di-maksudkan dengan yang di-ajarkan mengikut note".

Sgt. Idris kemudian bercherita pula chara mempelajari note. Menurut beliau, "bahagian ini juga memang susah sedikit tetapi kalau kita betul2 berazam dan tekun mempelajari-nya kita akan dapat menguasai-nya dengan perlahan2, kerana mempelajari muzik ini bukan senang". Beliau sa-terus-nya menerangkan, "mempelajari note muzik ada lebeh kurang persamaan-nya dengan mempelajari Qu-



...LKAN PASOKAN PANCHARAGAM ... BRUNEI — SIRI KEDUA



...n Awang ...in Hitam ...side Gambar ...nawah me... ...kan beliau ...side untok ...ching' ...elah kanan ...nikkan side ...yang di-gu... ...dalam con... ...samping itu ...juga ber... ...alat2 tam... ...m, wood... ...dan lain2.



Bandsman Abu Bakar bin Metali bermain alat 'bell' ketika marching dan clarinet dalam conset.

Sgt. Idris bin Mohammad sedang meniup trombone.



...lam per... ...inet conset, ...t. Alias me... ...alam muzik ...oc. sa-jenis ...m u z i k ...g di-main... ...a sa-chara ...rim bentok... ...a sa-akan2 ...ring, bunyi... ...seperti se... ...ai dan tidak ...gunakan da... ...marching. ...ambil da... ...perbarisan ...Alias me... ...main alat ...abik.



OLEH:
AWANG ALIDIN OTHMAN

ran, mesti ada guru yang mengajar. Dalam note muzik juga ada tinggi dan rendah. sa-belum mempelajari-nya sa-chara mendalam sa-seorang itu mesti-lah terlebeh dahulu tahu note a b c ia-itu DO RE ME. Sa-telah kita mempunyai asas ini boleh-lah belajar note dengan lebeh mendalam.

Sa-lain menjalankan tugas2 beliau bermain muzik, Sgt. Idris juga kadang2 di-tugaskan mengajar muzik (note) dan drill kapada rekrut2 dan juga menolong pegawai2 kanan saperti Sgt. Major dan bahagian pentadbiran. Di-tanya apakah perasaan Sgt. Idris melateh rekrut2 ini, beliau sambil tersenyum menjawab, "memang ada kesulitan yang di-hadapi apabila melateh rekrut2 ini kerana maklum saja tiap2 orang baru memang susah di-ajar, tetapi dengan pengalaman2 dalam bidang ini masaalah2 ini dapat di-atasi. Kita mesti-lah memberikan segala kemudahan dan galakan yang berpatutan dan sesuai untok membolehkan mereka menghadapi pelajaran mereka dengan mudah".

Cpl. Abdullah Hj. Karim, saorang lagi anggota penting pancharagam ini juga pernah mengikuti kursus asas sa-lama 3 bulan di-Kuching. Beliau bermain bass drum — drum besar yang di-gunakan sa-waktu berbaris atau marching. Cpl. Abdullah memberitahu saya, "drum ini memainkan peranan penting untok menentukan rentak sa-sebuah lagu dalam perbarisan. Chara memainkan drum ini juga mengikut note yang mesti di-hafal dan di-pukul mengikut 'beat' saperti yang terdapat dalam note dan bukan di-pukul mengikut sa-suka hati.

Cpl. Abdullah meneruskan, "mula2 saya bermain bass drum ini, memang susah kerana tidak ada pengalaman, tetapi sekarang sa-telah saya berkhidmat sa-lama lebeh kurang 16 tahun, bermain bass drum ini tidak lagi menjadi satu masaalah yang besar".

Melihat kapada bentok drum yang bagitu besar saya mengemukakan suatu persoalan kapada beliau. "Tidak-lah drum yang besar ini berat untok di-bawa dalam perbarisan terutama sekali kalau dalam perarakan di-mana anggota2 pancharagam terpaksa berjalan jauh.?" Beliau menjawab, sa-benar-nya bass drum ini tidak-lah sa-bagitu berat saperti yang di-sangkakan oleh sa-tengah2 orang, tetapi ini memang menjadi kesulitan jika mula2 belajar dan memainkan-nya dalam perbarisan".

Sa-lain daripada bermain bass drum, Cpl. Abdullah juga bermain baritone saxaphone. Alat muzik ini lebeh kurang sama bentuk-nya dan chara memainkan-nya juga sama dengan jenis2 saxaphone yang lain chuma ia-nya besar sedikit dari alto dan tenor saxaphone. Baritone Saxaphone ini, mengikut Cpl. Abdullah hanya di-gunakan dalam permainan konset.

Menyentoh tentang tugas2-nya beliau menerangkan tugas beliau yang utama ia-lah bermain alat muzik, chuma sekali2 jika di-kehendakki, beliau di-tugaskan melateh rekrut2.

Bass Drum biasa-nya di-iringi oleh sa-jenis drum kechil yang di-namakan Side Drum. Dalam Pancharagam Pulis Diraja Brunei ada 5 orang pemain Side Drum dan kedudokkan mereka dalam barisan biasa-nya di-hadapan sa-kali. Salah sa-orang dari pemain side drum yang sempat di-temui ia-lah Bandsman Sabli Hitam yang juga merupakan orang lama dalam Pancharagam ini. Beliau belum pernah mengikuti sa-barang kursus muzik di-luar negeri, akan tetapi beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang muzik terutama sa-kali dalam permainan drum.

Ketika menerangkan tentang peranan side drum ini Bandsman Sabli menegaskan, "drum ini biasa-nya di-mainkan untok "memaniskan" lagi irama atau rentak Bass Drum. Pukulan side drum mesti-lah sa-rentak atau sa-lari dengan pukulan Bass Drum. Saperti juga dengan pemain Bass Drum, pemain Side Drum mesti-lah menghafal note lagu yang hendak di-mainkan".

Dalam permainan konset, Bandsman Sabli juga bermain tambourine, Woodblock dan lain2.

Sa-panjang perkhidmatan-nya dengan Pancharagman ini, Bandsman Sabli tidak menghadapi sa-barang masaalah malahan merasa gembira berkhidmat dengan Pancharagam ini.

Sa-lain dari Side Drum, ada satu lagi alat muzik yang tidak kurang penting-nya untok meng-iringi Bass Drum. Alat ini di-kena'i sa-bagai CYMBALS dan di-mainkan oleh Cpl. Alias Ibrahim. Dia menerangkan, "cymba's ini di-buat tembaga, bentok-nya bulat (saperti yang kelihatan da'am gambar) dan di-mainkan mengikut "tune" dan rentak Bass Drum. Note-nya juga mesti di-hafal. "Cymbals ini saya gunakan untok "marching" sahaja dan dalam permainan konset, alat ini di-mainkan oleh anggota pancharagam yang lain."

Dalam permainan konset. Cpl. Alias memainkan alat muzik yang lain. "Dalam konset, saya bermain OBOE, sa-jenis alat muzik yang di-mainkan sa-chara bertiup, bentok-nya sa-akan2 clarinet tetapi bunyi-nya saperti serunai dan tidak di-gunakan dalam marching."

Sa-orang lagi anggota Pancharagam, Bandsman Abu Bakar Metali. Ia mula tertarek, memasoki Pancharagam Pulis Diraja kerana kechenderongan-nya yang mendalam dalam bidang muzik sejak dibangku sekolah lagi. Di-sebabkan kechenderongan ini-lah juga yang menyebabkan beliau menukarkan pekerjaan dari sa-orang guru pelateh (jawatan yang di-pegang-nya sa-lama 3 tahun) kapada anggota Pancharagam Pulis Diraja sahingga-lah sekarang. "Dan saya merasa gembira dengan tugas saya yang ada sekarang". Sa-lain daripada Bandsman Abu Bakar, ada beberapa orang lagi bekas guru yang mencheburkan diri menjadi anggota Pancharagam Pulis Diraja dan maseh berkhidmat sa-hingga sekarang.

"Sa-takat ini saya belum pernah mengikuti sa-barang kursus muzik ka-seberang laut. Sa-masa menjadi rekrut dahulu, saya mendapat latehan asas muzik khususnya, note dan drill di-Brunei sahaja dan di-lateh oleh "orang2" lama" dalam Pancharagam ini."

Dalam Pancharagam ini, Bandsman Abu Bakar bermain 2 jenis alat muzik — clarinet dan bell. "Saya bermain clarinet dalam permainan konset sahaja manakala bell di-mainkan dalam "marching". Mengikut beliau, bell ini di-mainkan dengan chara di-pukul mengikut note yang telah di-tetapkan. Sa-bagaimana note untok Bass Drum, Side Drum dan Cymbals, note untok Bell ini juga mesti-lah di-hafal. Kita dapat memainkan alat ini dalam masa yang sengkat sahaja dan kalau bersungguh2 kita boleh menguasai-nya dengan baik dalam tempoh lebeh kurang 6 bulan sahaja".

"Clarinet pula", menurut Bandsman Abu Bakar sa-terus-nya "Mengambil masa yang agak lama, kadang2 mengambil masa 3 atau 4 tahun baru-lah sa-seorang itu boleh bermain dengan baik. Chara memainkan atau meniup clarinet lebeh kurang sama saperti saxaphone, menggunakan "key".

(BERSAMBONG)



Pasokan pancharagam Pulis Diraja Brunei ketika menjalankan latehan di-padang perbarisan di-Ibu Pejabat Pulis Diraja Gadong. Kelihatan di-barisan depan ia-lah lima orang pemain side drum.

3,818 orang chalun masok pereksa LCE, SRP tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,649 orang chalun akan mengambil pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran dalam bulan Oktober tahun ini.

Jabatan Pelajaran Bahagian Pepereksaan telah menyediakan sembilan buah pusat pepereksaan di-seluroh negeri.

Pusat2 pepereksaan itu ialah 5 di-Bandar Seri Begawan, satu di-Tutong, satu di-Seria, satu di-Kuala Belait dan satu di-Temburong.

Bilangan chalun2 yang mengambil pepereksaan di-tiap2 pusat tersebut ia-lah 984 orang di-Bandar Seri Begawan, 282 di-Tutong, 168 di-Seria, 111 di-Kuala Belait dan 104 di-Temburong.

Hanya sa-orang chalun dari Temburong akan mengambil pepereksaan itu dalam aliran Inggeris.

Sementara itu, 2,169 orang chalun akan mengambil pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran aliran Inggeris — LCE.

Mereka akan mengambil pepereksaan tersebut di-17 buah pusat pepereksaan yang telah di-sediakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pepereksaan, ia-itu 8 di-Bandar Seri Begawan, satu di-Tutong, empat di-Seria dan empat di-Kuala Belait.

Bilangan chalun yang akan mengambil pepereksaan di-tiap2 pusat itu ia-lah 1,210 di-Bandar Seri Begawan, 247 di-Tutong, 355 di-Seria dan 246 di-Kuala Belait.

Sa-ramai 117 orang chalun akan mengambil satu mata pelajaran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Pepereksaan lisan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris bagi kedua2 pepereksaan telah di-ada sejak 18hb. Jun dan akan berakhir pada 23hb. Jun ini.



(Dari muka 2)

tu dan S.M. Pudak di-Brunei III, S.M. Puni dan S.M. Sultan Hashim Batu Apoi di-Daerah Temburong.

S.M. Batang Mitus di-Bahagian Tutong I; S.M. Kampong Bukit dan S.M. Supon di-Bahagian Tutong II serta S.M. Melilas masing2 akan mengadakan Hari Pelajar pada hari Rabu 27hb. Jun.

Hari Pelajar yang telah di-rasmikan pembukaan-nya pada 10hb. Jun akan di-adakan sa-hingga hujong bulan ini.

PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan sukan tahunan-nya di-padang SMJA, Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Gambar atas menunjokkan pasokan 'B' Kompeni yang menjadi johan dalam sukan itu bergambar dengan piala kemenangan mereka. Di-tengah2 ia-lah Major Hussain bin Ahmad.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA
No. 46/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Ibrahim bin Puteh Kampong Sungai Besar, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Adam bin Untong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak saudara kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 23 haribulan Jun, 1973, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan per-

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Jun, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 50/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Zaini bin Rajab @ Razab, Kampong Kati Mahar, Brunei atau Jabatan Ukor Bandar Seri Begawan, kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Rajab bin Daud yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 23 haribulan Jun, 1973, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Jun, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 51/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Daud bin Radin, Pejabat Pertanian Kilanas, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tijah bte. Puteh yang telah meninggal di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyatakan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 23 haribulan Jun, 1973, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Jun, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 52/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Yip Lay Wun, P.O. Box 263, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Benjamin K. Lim @ Benjamin Kibian Lim @ Benjamin Lim Kee Bian yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 23 haribulan Jun, 1973, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Jun, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 53/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Tujoh bte. Pengiran Damit, No. F17 Kg. Jaya Setia Kg. Perpindahan Berakas Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Haji Mahmud bin Pg. Mohamed yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 23 haribulan Jun, 1973, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Jun, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 54/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Tarip, Kampong Pudak, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tarip bin Mohamed yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 23 haribulan Jun, 1973, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Jun, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 55/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abu Bakar bin Haji Ahmad, Batu 2½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Asmah bte. Haji Ahmad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri England dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 23 haribulan Jun, 1973, pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 16 haribulan Jun, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Adat Istiadat Negara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Adat Istiadat Negara, Brunei.

A. **JURU TAIP/OPERATOR** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya dan boleh menaip lebeh dari 40 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang pernah bekerja di-Jabatan Adat Istiadat Negara.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan menjalankan Jentera Penchetak Alamat (Addressing Machine) dan Jentera Penumbok Plate (Embossing Machine) dan chalun hendak-lah bersedia untok bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untok Pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB 3-4 — $230x10-290x15-380/EB/410 x20-510-540x20-660.

B. **ATENDAN/PEMBERSEH** (4 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 35 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada chalun2 yang pernah menjadi Penyambut Tetamu dan mengangkat Bintang Patian, Dian dan lain2 di-dalam Majlis2 yang Beristiadat.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untok Pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1-2-3 EB 4-5 — $180x5-240/EB/245x5-260x 10-290.

C. **PEMANDU KERETA TINGKATAN II** (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membacha.
b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — $220x 5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun, 1973.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

(a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Bunut, Brunei.
(b) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.
(c) MERBUT (1 jawatan) — Bagi Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 45 tahun.
(b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
(c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepayah bila2 masa di-kehendaki.
(d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — $280x 10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — $220x 10-390-410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — $190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. Jun, 1973.

Ketua Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok jawatan sa-bagai Ketua Pembantu Teknik di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Umor: 35 hingga 55

Kelayakan2:

Mempunyai Diploma Kejuruteraan Awam daripada Maktab Teknik, Kuala Lumpur atau kelulusan yang sa-banding daripada sa-sebuah institiut yang sa-taraf.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman sa-telah memperolehi kelulusan. Pengalaman dalam kerja2 Ukor (Survey) ada-lah di-perlukan salain daripada mempunyai pengalaman mengawas kerja2 kejuruteraan awam.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — Brunei $1000x30-1120/EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb. Julai, 1973.

Penyelanggara Setor Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untok jawatan sa-bagai Penyelanggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam pengurusan Setor Bengkel dan Setor Bahagian Ayer, atau pengalaman yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.4 — $540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9hb. Julai, 1973.

Pemandu Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Pemandu Tingkat I di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengelaman:

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu yang sah dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.
b) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu.
c) Berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 EB 4 — $220x5-240/EB/245x5-260.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9hb. Julai, 1973.

Sa-bagai Penjaga Asrama J-rawat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Penjaga Asrama Jururawat Kerajaan, Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Form III Inggeris dan keutamaan akan di-beri kapada perempuan2 yang maseh bujang.
b) Umor — Mesti-lah lebeh daripada 35 tahun.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal menurus sa-buah asrama mempunyai pengalaman dalam kerja menguruskan makanan bagi kakitangan.

Tugas2:

Mengawasi kaki-tangan2 yang menginap di-asrama dan menguruskan makanan bagi lebeh kurang 60 orang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB 5 — $410x20-510-540x20-660/EB/690 x20-750.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 7hb. Julai, 1973.

(Dari muka 3)

Tahir dan Awang Nordin bin Haji Abdul Wahab.

Guru2 itu akan berada di-sana sa-lama sa-tahun.

Dua orang lagi penuntut Brunei telah juga melanjutkan pelajaran mereka ka-Universiti Malaya.

Awang Wallil bin Minggu dari Sekolah Menengah Sang Nila Utama Singapura akan mengikuti jurusan sastera sementara Awang Ismail bin Duraman dari Institute Teknoloji Mara akan mengikuti jurusan ekonomi dan pentadbiran.

Dayang Zaliha binte Haji Mohiddin dan Awang Haji Abdullah b. Metussin kedua2-nya dari Maktab Kadir Adabi Kelantan akan melanjutkan pelajaran mereka ka-Universiti Kebangsaan dalam jurusan sastera.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM



PEGAWAI Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar selaku Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait telah menerima sa-keping chek bernilai $6,335.40 sumbangan dari Persatuan Belia Belait — PEMBELA.

Chek tersebut di-sampaikan oleh Pengerusi Tabong Stadium PEMBELA, Awang Amedoon bin Md. Yassin dan di-saksikan oleh Awg. Mohd. Hashim Suhaimi, Awang Sulaiman Udin. Awg. Mohd. Wali bin Haji Hassan dan Awang Ismail Bungsu (gambar atas).

Derma tersebut ada-lah merupakan 75 peratus dari hasil pendapatan dalam pasar ria yang di-anjorkan oleh persatuan itu.

D. Y. M. M. MELAWAT KA-ULU TUTONG

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemar-duli melawat dan menyaksikan lima buah kampong di-Ulu Tutong pada hari Khamis minggu lalu.

Turut mengiringi Baginda dalam lawatan itu ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkiah; Pemerentah AMDB, Colonel Dato B.F.L. Rooney; Pegawai Daerah Tutong, Awg. Abdullah bin Haji Jaafar; Major Pengiran Dato Ibnu; Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu dan Yang Di-Muliakan Pehin Sanggamara Asgar Diraja Major Gauntlett.

Duli Yang Maha Mulia pada mula-nya telah berangkat dengan menaiki helikopter Askar Melayu Diraja Brunei dari Istana Darul-Hana menuju ka-Kampong Supon Besar.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah melawat sekolah dan rumah panjang Supon Besar dan kemudian berjalan kaki lebeh dua batu ka-Kampong Supon Kechil.

Di-rumah panjang Kampong Supon Kechil, Duli Yang Maha Mulia telah di-hadiahkan 'Bedil Tembaga' dan 'Lampit' dari penduduk2 kampong itu yang telah di-sampaikan oleh Tuai Rumah Panjang, Awang Jembu anak Geliga.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga berangkat dengan helikopter ka-rumah panjang Kampong Lipo kemudian berangkat berjalan kaki hampir dua batu ka-Kampong Bedawan dan Kampong Belabau.

Di-Rumah Panjang Kampong Bedawan, Tuai Rumah Awang Belikah anak Ungla telah menyebahkan uchapan terima kaseh atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia ka-kampong itu dan menyebahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda.

Di-rumah panjang Belabau, Duli Yang Maha Mulia juga telah di-hadiahkan chendermata berupa sa-biji 'Chelapa' tembaga yang telah di-sampaikan oleh Tuai Rumah Awang Majang anak Saat.

Duli Yang Maha Mulia sempat melawat ka-Sekolah Melayu Kampong Belabau sa-belum berangkat balek ka-Bandar Seri Begawan.

Sa-panjang lawatan Duli Yang Maha Mulia itu telah di-sambut dengan meriah-nya oleh penduduk2 di-kampong2 tersebut dan di-alu2kan dengan tarian2 ngajat dan permainan gendang gulin-tangan.

Perusahaan pertukangan menjamin kehidupan yang lumaian

(Dari muka 1)

haan2 tersebut yang ada di-antara-nya sudah hampir2 di-lupakan sekarang, pada hal jika ia-nya di-laksanakan sachara meluas usaha2 itu boleh menjamin kehidupan mereka yang lumaian.

Pemangku Menteri Besar itu mengharapkan dengan ada-nya Sekolah Latehan Pertukangan yang di-bina sekarang boleh menolong memajukan lagi usaha itu sachara aktif dan moden.

Bagaimana pun, Yang Amat Mulia itu tidak menafikan ada-nya saingan hebat barang2 pasaran antara barang2 tempatan dengan barang2 luar negeri, tetapi anak tempatan jangan-lah mudah tawar hati dan memang adat berniaga rugi itu harus di-utamakan kemudian baru datang-nya untong.

Menyentoh mengenai perpindahan Kampong Ayer yang di-timbulkan oleh salah sa-orang pendudok di-Kampong itu, Pemangku Menteri Besar membayangkan bahawa dari segi pengalaman2 dan bokti2 yang ada sekarang tentu-lah tidak menggalakkan untok Kerajaan memikirkan bagi menimbulkan sa-mula ranchangan perpindahan Kampong Ayer.

Bagaimana pun, kawasan2 perumahan di-Kampong Ayer telah di-berikan kemudahan2 saperti jambatan yang menghubongkan antara sa-buah kampong dengan kampong2 yang lain sekolah2, bekalan ayer, kelinik dan sedikit masa lagi akan di-bekalkan dengan letrik.

Yang Amat Mulia itu juga sentiasa menggalakkan pendudok2 Kampong Perpindahan yang ada sekarang untok berchuchok tanam di-atas tanah2 yang di-berikan kapada mereka.

Ranchangan Perpindah Kampong Ayer, sabda Yang Amat Mulia, telah di-mulakan sejak tahun 1955 bagi menempatkan beratus2 orang keluarga dari kampong ayer pindah ka-Kampong2 Padang Bunot, Berakas dan Anggerek Desa dengan tujuan untok mengurangkan kesesakan rumah2 yang kain bertambah di-kampong ayer.

Tujuan besar ranchangan itu, tambah Pemangku Menteri Besar itu lagi, ia-lah bagi mengubah sikap dan pemikiran mereka untok berchuchok tanam di-atas tanah2 yang di-berikan dengan perchuma itu dengan harapan mereka boleh mengeluarkan hasil bagi menampong mata pencharian mereka.

Yang Amat Mulia melahirkan kekesalan-nya terhadap apa yang berlaku sa-takat ini ia-lah sa-bahagian dari mereka hanya dapat mendiami rumah2 dan memileki kawasan tanah yang terbiar yang tidak di-usahakan.

Pemangku Menteri Besar itu juga menyatakan rasa bangga-nya terhadap gulongan muda sekarang yang mempunyai kesedaran dan pandangan jauh bagi masa depan bangsa dan negara-nya sambil menekankan satu sikap 'generation gap' atau perubahan fikiran sehat dan membina.

Aneka jurusan sa-bagai satu ranchangan jangka panjang

(*Dari muka 1*)

mereka keluar negeri dengan tidak ada batas-nya yang semua-nya melibatkan banyak wang negara.

Menyentoh mengenai pembinaan jambatan yang menghubongkan antara Bandar Seri Begawan dengan Kampong Lumapas, Yang Berhormat itu menyatakan kekesalan-nya saperti yang terjadi terhadap jambatan di-Jalan Gadong.

Kata-nya, jawapan tegas tidak perlu di-berikan sekarang dan memadai-lah jika kita melihat dan memerhatikan apa yang ada di-Gadong sa-sudah jambatan itu di-bina dan orang2 kita jangan-lah sa-bagai penuntun tahu menyaksikan saja.

Berthabit dengan hal itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu juga mengalu2kan jika ada anak2 tempatan yang sanggup untok menanam modal terhadap pembinaan sa-buah Hotel di-Jerudong yang menelan belanja sa-banyak 15 juta ringgit.

Menyentoh mengenai Perpindahan, Yang Berhormat itu menerangkan bahawa menurut banchi pendudok pada akhir2 ini sa-ramai 22,000 orang dan tidak kurang dari 4,500 keluarga sekarang diam di-Kampong Ayer.

Dari jumlah itu, kata-nya, ada di-antara mereka mahu akan berpindah ka-darat sachara beramai2 dan meminta satu ranchangan perpindahan.

Ini, tambah Yang Berhormat itu lagi, Kerajaan terpaksa memikirkan dari segi faedah-nya dan dari segi ekonomi apa-kah ia-nya benar2 mendapat kesan yang menguntongkan jika di-bandingkan dengan ranchangan perpindahan yang sudah2.

Bagaimana pun, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan dapat membayangkan ada-nya ranchangan aneka jurusan kapada yang benar2 chendurong kapada pertanian atau tertarek dalam bidang ternakan sa-bagai satu ranchangan jangka panjang.

Sementara itu, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin yang menyentoh mengenai perkembangan negeri ini dari sudut pandangan Islam telah menekankan bahawa sa-tiap raayat di-galakkan menchari kemewahan dan kesenangan hidup di-atas bumi mereka sendiri dengan jalan yang di-redhai Allah.

Menyentoh mengenai tempat sembahyang bagi orang2 Islam pula, Yang Berhormat itu menegaskan bahawa sembahyang tidak memileh tempat asalkan saja kawasan tempat sembahyang itu berseh yang tidak bertentangan dengan ajaran2 sembahyang itu sendiri.

Peraduan menulis skrip drama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERANGKAB, Berakas akan menganjorkan peraduan menulis skrip drama untok bachaan orang2 dewasa.

Peraduan yang julong2 kali-nya di-anjorkan itu ada-lah terbuka kapada seluroh penulis tanah ayer.

Peraduan itu di-bahagikan kapada dua thema ia-itu bentok moden — berthemakan Ranchangan Kemajuan Negara yang baru; dan bentok lama yang berthemakan Kechermerlang Brunei Purba.

Skrip drama hendak-lah bermutu tinggi dari segi isi, thema gaya-bahasa dan teknik penulisan.

Jumlah perkataan untok sa-buah skrip drama ada-lah terpulang kapada kebijaksanaan penulis dan hendak-lah jangan terkeluar daripada tujuan.

Untok mendapatkan penerangan lebeh lanjut dan borang2 penyertaan peserta2 boleh-lah berhubong dengan jawatankuasa penanjor persatuan PERANGKAB, Berakas.

Tarikh penutup untok menyertai peraduan itu ia-lah pada 31hb. Ogos, 1973.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 26 RABU 27HB. JUN, 1973. 1393 جمادي الاول 26 رابو PERCHUMA

Pmk M.B. merasa bangga dengan usana pendudok2 Kg. Belimbing

SUBOK. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail merasa bangga dan menyampaikan tahniah atas inisiatif pendudok2 di-Kampong Belimbing-Subok mengusahakan hasil pertanian yang bermutu tinggi.

Yang Amat Mulia hampir2 tidak perchaya hasil2 pertanian yang di-pertunjokan itu ada-lah hasil usaha dari pendudok2 kampong itu sendiri.

Pemangku Menteri Besar yang membuat tinjauan dan lawatan kabeberapa buah kampong di-Daerah Brunei/Muara sempena sambutan Hari Pelajar pada hari Ahad lepas antara-nya telah sempat melawat ka-Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas di-Subok dan telah di-minta untok bersabda di-temasha tersebut.

Yang Amat Mulia antara lain bersabda, "Saya benar2 tertarek atas hasil pertanian yang saya saksikan di-kampong ini dan ia-nya sangat2 menggalakkan kerana pada mu'a-nya saya fikir hasil2 itu di-usahakan oleh orang2 asing, tetapi sebalek-nya di-usahakan oleh orang2 sa-bangsa dengan saya, sajiwa dengan saya dan sa-ugama dengan saya".

Berthabit dengan perkara itu Pemangku Menteri Besar berharap supaya usaha2 saperti itu dapat di-perbesarkan lagi untok menampong sara hidup raayat dan pendudok dalam negeri ini dan usaha demikian memang di-galakkan oleh Kerajaan.

Yang Amat Mulia itu juga menyeru mereka supaya membawa hasil2 pertanian itu untok di-jual ka-Bandar Seri Begawan.

(Lihat Muka 8)



Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz.

Untok mempraktikkan dasar2 bagi menjaga kepentingan raayat

Tujuan k'jaan mengeluarkan notis kpd pekerja2 asing

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah menegaskan tentang tujuan Kerajaan mengeluarkan notis kapada pekerja2 asing untok meninggalkan negeri ini dalam tempoh2 yang di-tentukan.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan tidak-lah berniat untok menghalau pekerja2 asing itu, tetapi ada-lah semata2 untok mempraktikkan dasar2 bagi menjaga kepentingan raayat, di-samping merupakan satu ujian kapada pekerja2 asing dan majikan itu dalam mempastikan apa-kah kehadhiran mereka itu sa-lama ini memberikan faedah2 kapada ekonomi raayat dan negara.

Ini telah di-tegaskan beliau dalam satu perjumpaan dengan pemimpin2 Dewan Perniagaan China yang berlangsong di-Bilek Persidangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada petang Isnin lepas.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan sama sekali tidak berniat untok menyakiti pe-

(Lihat muka 8)

Perubahan sharat perkhidmatan untok menarek anak2 tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya Buroh. Awang Mohammad Ali bin Haji Awg. Besar telah mengeluarkan satu surat keliling kapada majikan2 bagi pekerja2 dan kakitangan2 asing mengenai pekerjaan dalam sektor2 persendirian.

Pesurohjaya Buroh itu menyatakan bahawa untok mengikuti dasar Kerajaan dan menarek pekerja2 tempatan di-sektor2 persendirian, perubahan sharat perkhidmatan yang di-amalkan buat masa ini ada-lah perlu.

Beliau berkata, ranchangan dan sharat perkhidmatan telah di-shorkan dan para majikan ada-lah di-minta supaya mematohi-nya sa-bagai taraf minima:-

Tingkatan gaji: Minima $180.00 sa-bulan atau $6.50 sa-hari dengan kenaikan tahunan.

Masa bekerja: Maksima 8 jam sa-hari, sebentara bayaran lebeh masa lebeh dari 8 jam pada kadar satu kali satu sa-tengah.

Pesurohjaya Buroh itu juga menyatakan bahawa hari rehat yang di-chadangkan ia-lah sekurang2-nya sa-hari dalam sa-minggu yang mana mesti di-tetapkan dan di-samakan.

Mengenai hari2 kelepasan awam, beliau berkata, pekerja2 mesti-lah di-beri sekurang2-nya 9 hari chuti kelepasan awam tiap2 sa-tahun dengan bayaran penoh dan chuti tahunan sekurang2-nya 7 hari dengan gaji penoh.

Pesurohjaya Buroh menekankan bahawa lain2 kemudahan saperti tambang2 dan baksis tahunan ada-lah satu perangsang untok menarek orang2 tempatan mengambil bahagian dalam sektor2 persendirian.

Beliau menambahkata bahawa, dengan mengadakan ranchangan dan sharat perkhidmatan saperti yang di-sebutkan itu, ia-nya akan memberikan jaminan supaya banyak lagi orang2 tempatan yang akan tertarek bekerja di-sektor2 persendirian supaya boleh mengatasi masaalah pekerja2 asing.

Tarikh penutup di-tunda hingga 1hb Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh penutup bagi menghantar lukisan2 ka-Peraduan Senilukis Perengkat Kebangsaan sempena sambutan Hari Keputeraan yang ke-27 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan di-lanjutkan masa-nya sahingga 1hb. Ogos, 1973.

Setia Usaha Peraduan, Awang Salleh bin Ibrahim menyatakan bahawa langkah melanjutkan tarikh penutupan itu ia-lah oleh kerana memandang kapada keadaan dan untok memberikan peluang kapada pelukis2.

Beliau berkata sa-telah lukisan2 itu di-hakimkan, semua lukisan sama ada yang berjaya atau pun tidak akan di-pamerkan kapada orang ramai sa-lama 10 hari mulai dari 22hb. Ogos.

Awang Salleh juga menyatakan bahawa hadiah pertama tiap2 bahagian akan di-berikan wang tunai sa-banyak $500.00; hadiah kedua, $250.00 dan hadiah ketiga sa-banyak $150.00.

UCHAPAN TERIMA KASEH

MENJUNJONG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, menguchapkan berbanyak2 terima kaseh di-atas uchapan tahniah yang telah di-sampaikan di-masa Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati, isteri Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah. melahirkan sa-orang Putera, yang bernama Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hakeem pada hari Rabu 13hb. Jun, 1973 pukol 1.00 petang, yang menjadi chunda kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja.